



# PENYATA RASMI

## **DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU MESYUARAT KETIGA PENGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS**

Pada

PADA 11, 12, 13 DAN 14 DISEMBER 2017

*bersamaan*

22, 23, 24 DAN 25 RABIUL AWAL 1439

Dikeluarkan oleh:

Pejabat Dewan Undangan Negeri  
Terengganu

**DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU**  
**MESYUARAT KETIGA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS**

PADA 11, 12, 13 DAN 14 DISEMBER 2017

*bersamaan*

22, 23, 24 DAN 25 RABIUL AWAL 1439

Dikeluarkan oleh:

Pejabat Dewan Undangan Negeri  
Terengganu

**DENGAN INGATAN TULUS IKHLAS**

*daripada:*

**SETIAUSAHA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI  
TERENGGANU**

**MESYUARAT YANG KETIGA  
PENGKAL PERSIDANGAN KELIMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS  
PADA 11, 12, 13 dan 14 DISEMBER 2017**

**KANDUNGAN**

<b>BIL.</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
-------------	----------------	-------------------

**ISNIN, 11 DISEMBER 2017**

1.	Nama Ahli-ahli.	1
2.	Doa.	5
3.	Ucapan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.	5
4.	Kertas-Kertas Kerja Dan Laporan-Laporan.	10
5.	Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis:	
	(i) Soalan-soalan Bertulis	13
	(ii) Soalan-soalan Lisan	15
6.	Cadangan Di Bawah Fasal 30	42
7.	Rang Undang-Undang:	
	(i) Cadangan Mendahulukan Pembawaan Rang Undang-Undang Daripada Perkara-Perkara Lain.	44
	(ii) Enakmen Perbekalan 2018 (Ucapan Bajet 2018)	45

---

**SELASA, 12 DISEMBER 2017**

1.	Nama Ahli-ahli.	91
2.	Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis:	
	(i) Soalan-soalan Lisan	99
3.	Rang Undang-Undang:	
	(i) Enakmen Perbekalan 2018 (Perbahasan).	140

**RABU, 13 DISEMBER 2017**

1.	Nama Ahli-ahli.	211
2.	Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis:	
	(i) Soalan-soalan Lisan	219
3.	Rang Undang-Undang:	
	(i) Enakmen Perbekalan 2018 (Perbahasan & Penggulangan).	245

**KHAMIS, 14 DISEMBER 2017**

1.	Nama Ahli-ahli.	355
2.	Soalan-Soalan Yang Telah Diberi Notis:	
	(i) Soalan-soalan Lisan	362
3.	Rang Undang-Undang:	

(i)	Enakmen Perbekalan 2018 (Penggulungan).	394
(ii)	Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-orang Melayu (Pindaan)(No.2) 2017.	513
(iii)	Enakmen Taman Negeri Terengganu 2017.	524
4.	Usul-Usul Yang Telah Diberi Notis:	
(i)	Usul Rancangan Pembangunan Negeri Bagi Tahun 2018	537
(ii)	Usul Rancangan Kemajuan Perbekalan Air Negeri Bagi Tahun 2018	539
5.	Tungguhan	541
6.	Lampiran [Soalan-soalan dan Jawapan-jawapan Bertulis]	546

---

**PERSIDANGAN**

**PADA HARI ISNIN, 11 DISEMBER 2017**

---

---

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA  
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

---

**HADIR:**

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA  
Dato' Haji Mohd Zubir bin Embong, DPMT.,PJK.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU  
Dato' Seri Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman, SSMZ.  
WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Putera bin Tengku Awang, DPMT.  
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Jidin bin Shafee, DPMT.,DMSM.,KMN.  
WAKIL PERMAISURI

Yang Berhormat Dato' Haji Rozi bin Mamat, DPMT.,SMZ.  
WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Haji Ir. Rosli bin Othman, AMN.  
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Haji Nawi bin Mohamad, SMT.,PJK.  
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Haji A. Latiff bin Awang, PJC.,PJK.  
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Haji Roslee bin Daud, AMZ.,PPN.  
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Ghazali bin Taib, AMZ.  
WAKIL AJIL

Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad Pehimi bin Yusof, DPMT.,PPN.  
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Ahmad bin Said, SSMZ.,DPMT.,ASM.,PJK.  
WAKIL KIJAL



Yang Berhormat Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar, AMT.  
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Dato' Haji Sabri bin Mohd Noor, DIMP.,PPN.,PJK.  
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Haji Mohd Mahdi bin Musa, AMT.  
WAKIL KOTA PUTERA

Yang Berhormat Haji Bazlan bin Abd. Rahman, AMT.,PJK.  
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Haji Mohd Iskandar bin Jaafar, PJK.  
WAKIL JABI

Yang Berhormat Tengku Zaihan bin Che Ku Abd. Rahman, PJK.  
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi, AMT.  
WAKIL BATU BUROK

Yang Berhormat Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut, PJK.  
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak  
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Azan bin Ismail  
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Haji Mohd Nor bin Hamzah  
WAKIL BUKIT PAYONG

Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar,  
DPMT.,PJC.,PJK.,BLB.  
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Ariffin bin Deraman  
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Ridzuan bin Hashim  
WAKIL TELUK PASU

Yang Berhormat Haji Hishamuddin bin Abdul Karim  
WAKIL TEPOH

Yang Berhormat Haji Wan Hapandi bin Wan Nik  
WAKIL SURABAYA

Yang Berhormat Haji Hilmi bin Harun  
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Alias bin Harun  
WAKIL RANTAU ABANG

**TIDAK HADIR (DENGAN MAAF):**

Yang Berhormat Haji Satiful Bahari bin Mamat  
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, SSMT.  
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Haji Hanafiah bin Mat  
WAKIL CUKAI

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI  
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERTAMBAH SETIAUSAHA KERAJAAN  
Dato' Wan Nawawi bin Haji Wan Ismail, DPMT.,SMZ.,PJC.,PJK.  
YANG BERTAMBAH PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI  
Dato' Azhar bin Abdul Hamid, DSAP.,AMK.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI  
Encik Zulkifly bin Isa, PJK.

### PUKUL 9.30 PAGI

SETIAUSAHA DEWAN: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Sebelum kita memulakan mesyuarat pada pagi ini marilah kita sama-sama membaca Ummul Kitab, Al-Fatihah.

Perkara pertama dalam Tertib Pekerjaan Dewan pada hari ini ialah Doa oleh Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan.

### **DOA**

Dibaca oleh Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan.

### **UCAPAN YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA DEWAN**

Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah Rabbil 'Alamin nahmaduhu wa nasta'in wa nastaghfirullah, wa na'uzubillah min shurori anfusinaa wa min sayi'aati a'maalinaa. Min yahdillah falaa mudillalah. Wa min yudlilhu falaa haadiyallah. Allahumma Salli'ala Sayyidina Muhammadin wa 'ala alihi wasahbihi ajmain. Ammaba'du. Rabbishrah li sadri wa yassir li amri wahlul 'uqdatan min lisani yafqahu qawli. Rabbi yassir wala tu 'asir. Rabbi athmim bil qhair. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera. Salam Negaraku Sehati Sejiwa. Salam Transformasi Terengganu Baharu.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para Pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan yang dimuliakan Allah Subhanahu Wata'ala. Marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan petunjuk, kerana dengan kekuatan serta limpah kurniaNya maka sekali lagi dapatlah kita bertemu dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri Bagi Mesyuarat Yang Ketiga, Penggal Persidangan Yang Kelima, Dewan Undangan Negeri Yang Ketiga Belas.

Sebelum saya meneruskan ucapan, ungkapan saya yang muluk-muluk pada pagi ini sebagai menzahirkan kasih sayangNya kita terhadap Nabi Junjungan kita Nabi Muhammad Salallahu Alaihi Wassalam, insan terpuji asbab bagi kita mengenali Illahi hingga kini. Marilah kita sama-sama berselawat sebanyak 10 kali mulai sekarang. (Dewan berselawat kepada Nabi Junjungan Nabi Muhammad Salallahu Alaihi Wassalam sebanyak 10 kali). Jazakumullahu khairan jaza'.

Mematuhi Fasal 7 dalam Peraturan-Peraturan Tetap Dewan, Persidangan kita pada hari ini, 11 Disember 2017 akan dimulakan sebaik sahaja selepas ucapan saya ialah Pembentangan Kertas-Kertas Kerja Dan Laporan-Laporan. Dan Tertib Pekerjaan Dewan seterusnya ialah Soalan-soalan Bertulis dan Soalan-soalan Lisan. Pihak Dewan kali ini telah menerima sebanyak 155 soalan-soalan secara keseluruhannya di mana 57 adalah Soalan Bertulis dan 98 adalah soalan secara lisan. Seperti biasa sesi Soalan-soalan Lisan akan diperuntukkan masa selama satu jam. Dalam mematuhi Fasal 27(5) saya akan membenarkan dua soalan tambahan sahaja bagi setiap satu Soalan Lisan asal yang dikemukakan. Ini adalah untuk memberi lebih banyak peluang dan ruang kepada Soalan-soalan Lisan yang lain untuk dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Mematuhi Fasal 9, Peraturan-Peraturan Tetap Dewan, saya akan menangguhkan sementara Sidang DUN untuk berhenti rehat selepas Soalan-soalan Lisan. Tertib Pekerjaan Dewan seterusnya ialah Usul untuk Mendahulukan Pembawaan Rang Undang-Undang Daripada Perkara-Perkara Lain. Pihak pentadbiran Dewan telah menerima sebanyak tiga Rang Undang-Undang untuk dibentang, dibahas dan insyaAllah akan diluluskan dalam sesi Persidangan pada kali ini. Rang Undang-Undang tersebut ialah:

- (i) Enakmen Perbekalan 2018.
- (ii) Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-orang Melayu (Pindaan)(No.2) 2017.
- (iii) Enakmen Taman Negeri Terengganu 2017.

Selain daripada Rang Undang-Undang, pihak pentadbiran Dewan juga ada menerima dua Usul yakni:-

- (i) Usul Rancangan Pembangunan Negeri 2018.
- (ii) Usul Perbekalan Air Negeri 2018.

Mematuhi Fasal 46(xvii), insyaAllah saya akan memberi peluang dan ruang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk berucap selama 10 minit setiap seorang dan kepada penyokong enakmen insyaAllah, saya akan memberi masa untuk berucap agak lebih sedikit iaitu 15 minit.

Memandangkan Persidangan kali ini adalah merupakan Persidangan terakhir untuk DUN Yang Ketiga Belas. Maka saya sekali lagi mengajak sebagaimana selalu, sebagaimana yang sentiasa saya berpesan, addinunasihah, saya mengajak semua Ahli-ahli Yang Berhormat agar terus menjaga setia kawan sesama kita. Marilah kita sama-sama pancang kuat lagi erat tunjangan Arrahman Arrahim dalam Dewan yang mulia ini. Marilah kita wujudkan suasana aman, suasana yang tenteram dalam Dewan yang berpaksikan kepada ukhwah islamiah ini. Dalam apa bicarapun, marilah kita letak Allah di hadapan sentiasa. Marilah kita lakukan ahsanul amalan setiap masa sebelum ajal menerkam kita.

Marilah kita semua memastikan Tertib Peraturan Dewan Undangan Negeri Terengganu ini dipatuhi setiap masa. Marilah kita semua sama-sama menjaga kemuliaan Dewan. Marilah kita sama-sama menjaga keharmonian sesama kita sebagaimana yang telah kita lakukan sejak tanggal 16 Jun 2013 semasa Sidang DUN kita mula-mula bersidang. Saya cukup yakin semua Ahli-ahli Yang Berhormat akan terus membantu saya untuk memastikan ketenteraman Sidang DUN kali ini sebagaimana semua Ahli-ahli Yang Berhormat sudah amalkan, sudah lakukan sejak tarikh keramat tersebut.

Marilah kita lakukan yang terbaik agar kita semua mendapat balasan yang baik-baik daripada maha pencipta, khalif kita. Kedengaran kata-kata bahawa Sidang DUN kali ini akan menjadi cukup panas kerana sidang DUN yang terakhir, saya cukup yakin Ahli-ahli Yang Berhormat yang hebat lagi berdarjat agar dapat menyejukkan dirinya dalam suasana yang mungkin jadi panas. Saya juga yakin semua Ahli Yang Berhormat tidak akan menjadikan Dewan yang mulia ini sebagai medan untuk menimbulkan kebencian antara satu sama lain. Mematuhi Fasal 46, marilah kita sama-sama mengelakkan diri dari segala perkara-perkara yang akan menyakitkan hati rakan-rakan taulan kita dan kita pastikan sumbangan kita adalah terbaik untuk rakyat Negeri Terengganu Darul Iman kerana kita adalah Ahli-ahli Yang Berhormat. Marilah kita contohi junjungan kita, Nabi Muhammad Salallahu 'Alaihi Wassalam apabila berbahas dan juga berdebat dengan penuh hikmah sebagaimana dalam Hadis Sahih yang diriwayatkan oleh Abu Daud. Setiap perkataan adalah merupakan cermin fikiran seseorang. Setiap pemikiran yang jernih akan memantulkan kata-kata yang jernih dan fikiran yang

kotor akan memantulkan ucapan yang kotor dan keji. Oleh itu marilah kita semua berhati-hati dalam berkata-kata kerana setiap kata-kata yang diungkapkan itu menggambarkan pemikiran, menggambarkan adab dan keperibadian seseorang insan. Bila seseorang itu lupa kepada Allah dan tidak meletakkan Allah di hadapan dan bila seseorang ketika dalam keadaan marah adalah cenderung untuk mengeluarkan kata-kata yang kotor, kata-kata yang jelik, dusta, caci-maki, ungkit mengungkit ketika lawan bicara. Menyangjung-nyangjung dirinya dan mengeluarkan kalimat yang mengandungi kekufuran terhadap insan lain kerana sebenarnya telah dirasuki syaitan yang selalu benci kepada kita. Dan ia telah lupa kepada Allah Subhanahu Wata'ala hingga ia tak mampu lagi untuk mengendalikan dirinya semasa berucap ketika dia marah. Jadi secara tidak langsung adalah itu cerminan sebuah akhlak seseorang kerana apabila kebanyakan hal yang tidak baik terkandung dalam tubuh manusia maka itulah yang akan dikeluarkan. Allah Subhanahu Wata'ala tidak menyukai dan membenci hamba-hambanya yang suka mengucapkan kata-kata yang tidak baik. Sesuai dengan FirmanNya dalam Al-Quran dalam Surah Al-Nahl ayat yang ke-16 bermaksud: "Dan di ucapan mereka menyebabkan mereka menipu dosa-dosa dengan sepenuh-penuhnya pada hari Kiamat dan sebahagian dosa-dosa orang yang mereka sesatkan yang tidak mengetahui sedikitpun bahawa mereka disesatkan, ingatlah amat buruklah dosa yang mereka pikul itu." Ingatlah Allah Subhanahu Wata'ala lagi, pesan Allah kepada hambanya dalam Surah An-Nissa' ayat yang ke-85 yang bermaksud: "Barang siapa yang memberikan syafaat yang baik nescaya ia akan memperoleh kebahagian bahagian pahalanya daripadanya. Dan barang siapa memberikan syafaat yang buruk nescaya ia akan memikul bahagian yakni dosa daripadanya. Allah maha berkuasa ke atas segala sesuatu. Junjungan kita Nabi Muhammad Salallahu 'Alaihi Wassalam juga berpesan jagalah dirimu dari seksa neraka walau hanya dengan memberikan sebutir kurma. Maka barang siapa yang tidak mampu hendaklah menggantikannya dengan ucapan yang mulia." Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim.

Sidang DUN kali ini disiarkan secara lintas langsung oleh media rasmi Kerajaan Negeri. Dan Sidang DUN ini juga disaksikan oleh Pemerhati-Pemerhati yang datang daripada pelbagai kumpulan. Saya dimaklumkan pada hari ini terdapat daripada:-

1. Majlis Tindakan DUN Sura.
2. KEMAS Negeri Terengganu.
3. Biro Tatanegara.
4. Pejabat DUN Bandar.
5. PIBG Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Jeneris.
6. Pejabat DUN Alur Limbat.
7. Pejabat DUN Batu Burok.
8. Dewan Pemuda PAS Negeri Terengganu.

9. Pusat Khidmat DUN Pengkalan Berangan.
10. Pejabat DUN Ajil.
11. Alumni GPMS.
12. Gagasan.
13. Serikandi (Diketuai oleh To' Puan Seri)
14. UMNO Kuala Nerus.

Saya menyeru kepada semua Ahli Yang Berhormat agar kita semua melakukan tanggungjawab kita secara tertib, tomaninah dan berkualiti tinggi sebagai mengalu-alukan kehadiran para Pemerhati pada hari ini.

Dewan juga sebagaimana selalu, tidak membenarkan sebarang rakaman tidak rasmi dilakukan di dalam Dewan yang mulia ini. Saya mohon supaya mulai daripada sekarang telefon diletakkan dalam 'mode senyap' agar tidak mengganggu perjalanan Sidang DUN pada kali ini.

Akhir kata, Selamat Bersidang mudah-mudahan Persidangan kita kali ini lebih aman, lebih tenang, lebih cemerlang, berkualiti tinggi sehingga diberkati oleh Allah Subhanahu Wata'ala duniawi dan ukhrawi. Amin.

Sekian, aqulu qauli haza wa astaghrailullahal azim li walakum. Wabillahi taufik wal hidayah. Wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

### **KERTAS-KERTAS KERJA DAN LAPORAN-LAPORAN**

**YANG BERTAMBAH HORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Kertas-kertas Kerja dan Laporan-laporan yang dibentangkan adalah seperti berikut:-

1. Anggaran Hasil Dan Perbelanjaan Tahun 2018.  
(D.U.N. Bil.10/2017)
2. Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Negeri Tahun 2018.  
(D.U.N. Bil.11/2017)
3. Anggaran Bekalan Air Negeri Tahun 2018.  
(D.U.N. Bil.12/2017)
4. Penyata Kewangan Tahun 2015 Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu.

(D.U.N. Bil.13/2017)

5. Penyata Kewangan Tahun 2016 Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu.

(D.U.N. Bil.14/2017)

6. Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Tahun 2016 Yayasan Terengganu

(D.U.N. Bil.15/2017)

7. Penyata Tahunan Tahun 2016 Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Terengganu.

(D.U.N. Bil.16/2017)

8. Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Tahun 2016 Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Terengganu.

(D.U.N. Bil.17/2017)

9. Penyata Kewangan Tahun 2016 Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu.

(D.U.N. Bil.18/2017)

10. Penyata Kewangan Tahun 2016 Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.

(D.U.N. Bil.19/2017)

11. Penyata Kewangan Tahun 2016 Majlis Perbandaran Kemaman.

(D.U.N. Bil.20/2017)

12. Penyata Kewangan Tahun 2016 Majlis Perbandaran Dungun

(D.U.N. Bil.21/2017)

13. Penyata Kewangan Tahun 2016 Majlis Daerah Hulu Terengganu.



(D.U.N. Bil.22/2017)

14. Penyata Kewangan Tahun 2016 Majlis Daerah Besut.

(D.U.N. Bil.23/2017)

15. Penyata Kewangan Tahun 2016 Majlis Daerah Marang.

(D.U.N. Bil.24/2017)

16. Penyata Kewangan Tahun 2016 Majlis Daerah Setiu.

(D.U.N. Bil.25/2017)

17. Penyata Kewangan Tahun 2016 Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu.

(D.U.N. Bil.26/2017)

18. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2016 Pengurusan Aktiviti/Kewangan Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Terengganu Siri 1.

(D.U.N. Bil.27/2017)

**SOALAN-SOALAN YANG TELAH DIBERI NOTIS**

## **SOALAN-SOALAN BERTULIS**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Alhamdulillah, jawapan-jawapan kepada Soalan-soalan Bertulis yang telah diberi notis dan telah dibentangkan di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ialah soalan-soalan daripada:-

1. Y.B. Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar  
(Wakil Air Putih)
2. Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi  
(Wakil Batu Burok)
3. Y.B. Tengku Zaihan bin Che Ku Abd. Rahman  
(Wakil Kuala Besut)
4. Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut  
(Wakil Wakaf Mempelam)
5. Y.B. Dr. Haji Alias bin Razak  
(Wakil Bukit Tunggal)
6. Y.B. Azan bin Ismail  
(Wakil Bandar)
7. Y.B. Mohd Nor bin Hamzah  
(Wakil Bukit Payong)
8. Y.B. Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar  
(Wakil Ladang)
9. Y.B. Ariffin bin Deraman  
(Wakil Alur Limbat)
10. Y.B. Haji Hanafiah bin Mat  
(Wakil Cukai)
11. Y.B. Haji Ridzuan bin Hashim  
(Wakil Teluk Pasu)
  
12. Y.B. Haji Hishamuddin bin Abd. Karim  
(Wakil Tepoh)
13. Y.B. Haji Wan Hapandi bin Wan Nik  
(Wakil Sura)
14. Y.B. Haji Hilmi bin Harun  
(Wakil Manir)
15. Y.B. Haji Alias bin Harun

(Wakil Rantau Abang)

### **SOALAN-SOALAN LISAN**

Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi notis untuk mengemukakan Soalan-soalan Lisan pada 11 Disember 2017 adalah sebagaimana berikut:-

1. Y.B. Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar  
(Wakil Air Putih)
2. Y.B. Haji Satiful Bahari bin Mamat  
(Wakil Paka)
3. Y.B. Dato' Haji Sabri bin Mohd Noor  
(Wakil Langkap)
4. Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang  
(Wakil Rhu Rendang)
5. Y.B. Haji Mohd Mahdi bin Musa  
(Wakil Kota Putera)
6. Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi  
(Wakil Batu Burok)

7. Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut  
(Wakil Wakaf Mempelam)
8. Y.B. Haji Mohd Iskandar bin Jaafar  
(Wakil Jabi)
9. Y.B. Dr. Haji Alias bin Razak  
(Wakil Bukit Tunggal)
10. Y.B. Tengku Zaihan bin Che Ku Abd. Rahman  
(Wakil Kuala Besut)
11. Y.B. Azan bin Ismail  
(Wakil Bandar)
  
12. Y.B. Mohd Nor bin Hamzah  
(Wakil Bukit Payong)
13. Y.B. Ariffin bin Deraman  
(Wakil Alur Limbat)

Sekarang saya mempersilakan .....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Dato' Yang Dipertua, berkenaan Tertib No.3, Kertas-kertas Kerja .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kejap, Point of Order mana nak mencelah ni sebab kita dah pergi jauh dah, kita dah ke Soalan Lisan?

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Betul.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya nak dengar Point of Order mana Y.B. Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Secara ringkas kenapa Laporan Dewan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Nak mintak sebut Point of Order mana. Kita Peraturan Dewan kena ikut. Saya nak dengar Point of Order mana? Sebut Point of Order, baca Point of Order mana?

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Kebetulan hari ini saya tak bawa Buku Point of Order, cuma saya nak maklum .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Buku boleh pinjam daripada rakan, saya boleh bekalkan.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Untuk kepentingan Dewan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya nak dengar Point of Order mana, kalau tidak sila duduk, saya nak teruskan.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ini berkenaan Kertas Order.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekejap Bandar, setiap celahan mesti ada Point of Order mana kita nak rujuk.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ini bukan Point of Order.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak, saya nak dengar Point of Order mana, supaya saya senang nak buat ruling, nak bagi kebenaran. Bandar duduk, saya tak bagi kebenaran.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tak, saya mohon penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar, saya tak benarkan. Duduk.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sebelum bagi penjelasan, dengar saya. Saya nak dengar Bandar .....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya cuma nak maklumkan ada kertas .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar, Bandar ....., Tak apa, nak maklum pun saya nak dengar Point of Order mana dulu. Tak apa, saya nak ikut peraturan. Buku Merah ada?

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ya, ya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Baca Buku Merah. Saya pun ada Buku Merah, boleh saya bagi.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): 24.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cuba baca.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya rasa Yang Dipertua pun boleh maklum.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Baca dan terangkan.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Dato' Yang Dipertua, sebenarnya saya nak mohon .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Baca 24 tu, Point of Order.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Perkara yang remeh kenapa .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bukan remeh, dalam Dewan peraturan tak remeh.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya cuma nak kata kertas-kertas *statute* yang kita ada, ada yang tertinggal, itu sahaja. Tertinggal. Apa yang tertinggal? Laporan Kewangan Kerajaan Negeri. Yang ada, agensi-agensi semua ada. Yang Dato' Yang Dipertua baca tadi, nombor 3, Kertas-kertas Kerja dan Laporan-laporan semua ada tapi yang tak ada satu ialah Laporan Kewangan Kerajaan Negeri yang selalunya, tradisinya datang bersama .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa Bandar, saya dah baca. Tak apa itu pendapat Bandar. Terima kasih. Sebab itu saya kata peraturan kena ikut. Terima kasih banyak.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya tanya kenapa tidak ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya tak akan jawab sebab kena ikut ruling dia.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Baik.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala

wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, soalan saya yang pertama -

*Apakah status terkini penghantaran Amphicoach ke Terengganu?*

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Air Putih. Sila Yang Amat Berhormat.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Salam Sejahtera. Salam Negaraku Malaysia dan Salam 1Tranformasi Terengganu Baharu. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, wakil-wakil jabatan, para Pemerhati, tuan-tuan, puan-puan, saudara-saudara dan saudari-saudari sekalian.

Yang Berhormat Wakil Air Putih telah bertanyakan soalan berkenaan status terkini penghantaran Amphicoach ke Terengganu dan saya akan menjawab soalan yang sama juga yang ditanya oleh Wakil Alur Limbat.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Kerajaan ingin memaklumkan bahawa notis untuk tujuan penamatan pengambilan kerja kontraktor telah dikeluarkan dan Kerajaan Negeri telah memulakan proses mengambil undang-undang ke atas pembekal. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan tambahan pertama daripada Air Putih, silakan.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Boleh tak pihak Kerajaan nyatakan bilakah notis ini dikeluarkan sebab dalam jawapan bertulis memaklumkan bahawa jadual terakhir sepatutnya 5 November dihantar tapi tidak dihantar, so bilakah Notis Penamatan ini dikeluarkan oleh Kerajaan?

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Baik, terima kasih kepada Air Putih. Notis Penamatan telah dikeluarkan pada 16 November 2017. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Dato' Yang Dipertua, soalan saya .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan tambahan kita bagi dua kepada penanya soalan.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Saya ada soalan juga .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya akan bagi bila mana soalan daripada Ahli Yang Berhormat yang pertama tadi saya bagi dua, katakanlah sebelah Pembangkang tanya soalan, pihak Backbenchers tidak boleh tanya dua soalan.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Dah lepas ni saya boleh tanya dua?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak boleh.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Ni soalan yang sama Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Itu atas budibicara saya, kalau saya nak benarkan, nanti saya benarkan. Saya nak bagi kepada Air Putih dulu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Dato' Yang Dipertua, kita dah dengar janji kontraktor nak hantar pada tahun ini, jadi sekarang dia tak hantar lepas tu notispun dah keluar. Apakah tindakan kita selanjutnya untuk mempertahankan hak negeri kita? Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Baik, terima kasih kepada Yang Berhormat Air Putih yang minta penjelasan daripada Kerajaan berkaitan dengan Amphicoach ini. Jadi seperti yang kita sedia maklum bahawa setelah beberapa kali pihak pembekal menjanjikan bahawa Amphicoach ini akan dihantar dan walaupun yang terbaru kita juga menerima makluman bahawa pihak pembekal ini kita difahamkan dalam proses penghantaran. Tapi dalam soal ini Kerajaan bertegas Laporan Projek Sakit yang ditandatangani oleh Pengarah JKR Negeri Terengganu telah dihantar kepada Yang Berhormat Dato' Pegawai Kewangan Negeri. Kerajaan Negeri akan mengeluarkan Surat Penamatan Kontrak kepada kontraktor berdasarkan klausa 20A(1) di dalam dengan izin: *Condition of Contract PWD 203E(REV10/89)*. Selepas Surat Penamatan Kontrak ini dikeluarkan, proses undang-undang akan berjalan untuk sebarang tuntutan ganti rugi. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Dato' Yang Dipertua, izinkan saya untuk soalan tambahan, soalan yang sama tu.



YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan sama dari Soalan Lisan? Tak apalah saya benarkan.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Dato' Yang Dipertua, soalan saya, pembekal yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar tadi sila nyatakan berapa jutakah jumlah nilai kontrak yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Baik, terima kasih kepada Wakil Alur Limbat yang menanyakan tentang berapakah keseluruhan kos yang kita tanggung ataupun keseluruhan nilai Amphicoach ini.

Jadi untuk makluman kita memang belum selesai lagi kos keseluruhan kerana yang paling penting sekarang ini adalah dalam soal Amphicoach ini adalah ia juga berasas kepada *come and see* dengan izin. Sebab pembeliannya juga berasas kepada nilai mata wang yang digunakan untuk kita beli mengikut kepada matawang Euro.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Nilai tu berapa?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Jadi nilainya sekarang ini dengan harga kontrak asalnya adalah berjumlah dengan nilai ringgit kita sekarang ini ialah RM3.3 juta. Dan sekarang ini kita belum jelaskan sepenuhnya  
.....

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Soalan? Bukan tambahan ni tapi yang berkait dengan yang tadi, jumlah yang telah dibayar berapa dah kepada pembekal dan nama pembekal sama ada yang di Malta ke ataupun syarikat orang tengah?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bayaran yang telah kita jelaskan sehingga ke hari ini adalah RM2.745 juta yang telah kita jelaskan dan berasas kepada tuntutan dan berasas kepada kontrak yang telah kita tandatangani dan syarikat kontraktor yang terlibat adalah Alam Perkasa Teknologi Sdn. Bhd. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Mohon penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Saya tak benarkan, panjang dah, cukup. Terima kasih. Sebab saya nak bagi peluang kepada ramai lagi nanti tak sempat. Saya mempersilakan ADUN Paka untuk mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Paka tidak dapat hadir hari ini sebab ada kematian mentuanya. Jadi saya diminta untuk mengemukakan soalan, boleh?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Boleh.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Soalan nombor dua -

*Apakah benar pihak Kerajaan membuka semula permohonan tanah untuk rakyat khususnya tanah kediaman?*

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Berhormat-Yang Berhormat serta Ketua-ketua Jabatan, wakil-wakil jabatan, para Pemerhati, rakan-rakan media, tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Soalan yang dikemukakan oleh Wakil Paka yang diwakilkan kepada Wakil Ladang yang berkait dengan: Apakah benar pihak Kerajaan membuka semula permohonan tanah untuk rakyat khususnya tanah rumah kediaman.

Sebenarnya Kerajaan tidak pernah menutup tentang soal permohonan tanah kerana dalam Mesyuarat Exco kita pada setiap minggu kita sentiasa meluluskan tidak kurang daripada 80 hingga 100 lot yang setiap minggu diluluskan dalam Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Jadi dalam soal ini tidak ada yang dinyatakan bahawa permohonan tanah ini dibuka semula ataupun ditutup. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Soalan tambahan pertama, sila Bukit Payong.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Soalan secara khusus yang kedua ini tentang tanah rumah kediaman. Tapi saya mahu tanya tentang tanah-tanah pertanian. Berapa banyakkah Kerajaan berjaya membuka permohonan dan meluluskan setiap satu tahun bermula daripada 2016 - 2017. Tambahannya, adakah termasuk dalam permohonan tanah yang diluluskan 5,900 yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Adakah 5,900 lot yang dibuka itu telah semuanya telah berjaya diluluskan pada tahun ini?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Terima kasih kepada Yang Berhormat ADUN Bukit Payong. Saya pun tak tahulah sebab saya pun tak

sebut yang 5,900 tadi tapi saya tak fahamlah sama ada yang disebut tadi ke atau yang disebut sebelum ni. Sebab tadi saya tak sebutpun perkataan 5,900 ni dalam ingatan saya. Saya tak tahulah takut yang lain.

Pasal yang ini soalan daripada Wakil Bukit Payong ni kita perlukan notis disebabkan soalan yang ditanya sebelum ini oleh Wakil Paka ialah berkait dengan tanah kediaman. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. So, kena tumpu, fokus kepada soalan yang ditanya ya, asal soalan yang ditanya. Sila Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Nak tanya betul atau tidak bahawa proses permohonan melalui Jawatankuasa Tanah Daerah dan Jawatankuasa Tanah Daerah menerima cadangan ataupun syor daripada Pentadbir Tanah. Dan Jawatankuasa Tanah mempunyai hak untuk menolak atau tidak mengangkat permohonan ini kepada Kerajaan. Saya nak tanya kalau begitu dalam Jawatankuasa Tanah Daerah tidak ada wakil daripada Pembangkang dalam mesyuarat itu, Wakil-wakil Rakyat Pembangkang Terengganu tidak dipanggil untuk duduk bersama dalam Jawatankuasa Tanah, jadi kita bimbang takut berlaku tidak adil sebab yang meluluskannya semuanya Jawatankuasa tidak termasuk Wakil Rakyat yang dilantik tetapi termasuk wakil-wakil daripada Kerajaan yang dilantik menjadi Pegawai Penyelaras ataupun Pegawai Pembangunan DUN masing-masing. Jadi minta pengesahan tentang persoalan itu ataupun apakah cadangan Yang Amat Berhormat Menteri Besar tentang untuk melantik .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dua soalan tu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Dokdang titik lagi tambah tu, bolehlah kan?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, tak apa. Terima kasih Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Dan nak tanya Yang Amat Berhormat Menteri Besar, apakah ada cadangan untuk melantik semua Wakil Rakyat di dalam DUN masing-masing ataupun Parlimen masing-masing untuk menduduki Jawatankuasa Tanah. Nak tanya tu lama dah tapi nak tanya hasrat .....

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Guaner dua kali dan, dan takdok dua kali ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Dan lain-lainlah. Okey, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Ladang ....(Sambil gelak) .... Sila Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Baik terima kasih kepada Wakil Ladang. Sepatutnya Yang Dipertua, saya rasa soalan yang ditanya oleh Wakil Ladang tu dia dah tahu jawapan. Dia dah tahu jawapan dia tanya pulak saya, jadi saya rasa saya tak perlu jelas sangatlah jawapannya itu dan diapun dah tahu bagaimana peraturan-peraturan dan bagaimana penyelesaian tentang perkara itu.

Cuma apa yang Kerajaan buat sekarang ini, Kerajaan menambahbaikkan lagi untuk membantu rakyat untuk memperolehi tanah ini. Saya tak nampak ada masalah kerana kalau ada apa-apa perkara boleh diajukan dan kita akan melihat kerana Kerajaan sebelum kita nak meluluskan sesuatu permohonan termasuklah permohonan tanah ini kita perlu membuat siasatan, membuat penelitian dan juga berasas kepada di mana syarat yang telah kita tentukan bahawa setiap rakyat di Terengganu ini tidak ada masalah untuk memiliki, untuk diberi tanah daripada Kerajaan Negeri dengan syarat dia mestilah menepati syarat-syarat yang telah ditentukan oleh Kerajaan.

Dan kerana itu maka Kerajaan Negeri telah mengadakan satu lagi program baru yang telah kita laksanakan pada baru-baru ini iaitu berkait dengan Rancangan Tanah Berkelompok Tapak Rumah Kediaman. Di mana yang kita kenal pasti baru-baru ini di seluruh Terengganu dan kita dah mintak pihak Kerajaan Negeri, dah minta pihak PTG untuk menyenaraikan lagi di mana tanah-tanah kosong yang boleh dijadikan sebagai RTB ataupun Rancangan Tanah Berkelompok untuk kita beri peluang kepada rakyat memiliki tanah. Dan kaedah yang kita buat ini untuk menambahbaikkan yang sedia ada di mana kaedah yang lama, kaedah yang biasa iaitu melalui permohonan mengikut nama-nama ataupun nombor-nombor lot ini diteruskan. Cuma untuk kita menambahbaikkan maka kita wujudkan permohonan menggunakan Sistem e-Mohon. Dan baru-baru ini setelah kita mendapat makluman daripada pihak PTG, kita telah mendapat lebih kurang 5,900 lot yang telah kita kenal pasti untuk kita warwarkan dan kita buka permohonan kepada rakyat dengan menepati, mengikuti syarat-syarat yang telah kita tentukan. Di antara yang menjadi keutamaan ialah pemohon dimestikan tidak memiliki walaupun satu tapak rumah kediaman sendiri. Tujuannya adalah untuk diberi khas kepada rakyat Negeri Terengganu yang tidak memiliki tapak rumah kediaman untuk membantu mereka bagi mereka dapat membina rumah sendiri.

Jadi apabila kita buka permohonan sehingga 26 November baru-baru ini, apabila kita tutup permohonan ini untuk kita proses jumlah keseluruhan permohonan yang kita terima ialah 41,091 permohonan. Dan setelah kita uruskan dan kita lihat daripada syarat-syarat dan 29,206 adalah layak untuk dipertimbangkan. Dan kemudian untuk proses panggilan temu duga maka sekarang ini kita dalam proses untuk memanggil temu duga ada 6,363. Dan yang baki 11,882 ini akan dipanggil temu duga setelah peringkat yang sebelum ini selesai. Dan insyaAllah, dalam masa yang terdekat ini pihak PTG telah diarahkan oleh Kerajaan Negeri supaya mana-mana yang terdahulu kita boleh terus menawarkan tapak rumah kediaman bagi mereka yang berjaya.

InsyaAllah, pada bulan Januari tahun hadapan kita akan buka lagi RTB ataupun Rancangan Tanah Berkelompok untuk kediaman untuk memberi peluang kepada mereka yang tidak berjaya. Dan untuk pengetahuan rakyat Negeri Terengganu, jangan bimbang kerana program atau projek yang kita laksanakan ini akan berterusan sepanjang masa supaya memastikan akhirnya nanti tidak ada lagi rakyat Negeri Terengganu yang tidak memiliki tanah untuk rumah kediaman. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan boleh?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar. Terima kasih banyak Alur Limbat, kita ikut peraturan. Selepas ni banyak lagi, saya nak bagi ruang seberapa banyak yang mungkin soalan yang pelbagai tajuk dan sebagainya. Terima kasih kepada Alur Limbat kerana patuh kepada peraturan. Terima kasih Ladang yang mengambil soalan bagi pihak Paka. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri kerana menjawab soalan-soalan. Saya mempersilakan Langkap untuk mengemukakan soalan seterusnya. Silakan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI SABRI BIN MOHD NOOR (Wakil Langkap): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya nombor satu -

*Sila nyatakan peranan kawasan-kawasan industri di seluruh Negeri Terengganu dalam memacukan prestasi ekonomi Negeri Terengganu?*

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Langkap. Sila Kuala Berang.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi

wabarakatuh. Terima kasih kepada Yang Berhormat ADUN Langkap yang bertanya: Sila nyatakan peranan kawasan-kawasan industri di seluruh Negeri Terengganu dalam memacukan prestasi ekonomi Negeri Terengganu?

Dato' Yang Dipertua, buat masa sekarang ini terdapat 29 buah kawasan industri rasmi di seluruh negeri di mana terletak di setiap daerah daripada Perasing dan Mak Lagam di kawasan selatan sehingga ke Gong Medang di kawasan utara di Besut. Dari segi jumlah kawasan keseluruhan adalah sebanyak 6,603 hektar Dato' Yang Dipertua, termasuk 656 hektar di kawasan KETENGAH. Sesungguhnya Dato' Yang Dipertua, matlamat ataupun tujuan utama setiap kawasan industri yang kita tubuhkan ini adalah untuk memberi peluang perniagaan yang menarik daripada pelabur dan juga pengusaha dan juga mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat serta yang paling utama memajukan ekonomi setempat di kawasan-kawasan di seluruh negeri kita.

Adapun Dato' Yang Dipertua, semua kawasan industri ini kita beri tumpuan kepada pelbagai aspek industri yang berkaitan terutamanya dengan minyak dan gas, industri pembuatan, industri besi keluli, perkayuan, IKS, pembinaan gudang dan sebagainya termasuk memperbaiki kereta-motor dan sebagainya yang kita letakkan bersesuaian dengan keadaan setempat. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kuala Berang. Sila soalan tambahan pertama sekiranya ada.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI SABRI BIN MOHD NOOR (Wakil Langkap): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dengan adanya LPT dan akan datang ECRL, apakah ada cadangan-cadangan yang lain dalam bidang industri ini. Dan satu lagi saya nak tahu status terkini cadangan pembinaan kilang sarung tangan ke, sarung gapo, saya lupo di kawasan industri di Sungai Bari ini, boleh pihak Kerajaan bagi penjelasan sikit?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kilang apa Y.B.?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI SABRI BIN MOHD NOOR (Wakil Langkap): Kilang sarung, sarung apa tak tahu, sarung tangan.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kena tepat soalan tu kalau tidak saya tak benarkan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI SABRI BIN MOHD NOOR (Wakil Langkap): Sarung tangan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Langkap. Sila Kuala Berang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Terima kasih Dato' Yang Berhormat Langkap. Sebenarnya di peringkat awal kemajuan kawasan-kawasan industri di negeri kita Dato' Yang Dipertua, agak lembab kerana kedudukan kawasan industri serta negeri kita yang agak jauh dari segi infrastruktur, kemudahan pelabuhan dan sebagainya. Tetapi insyaAllah, dengan kebijaksanaan Kerajaan Barisan Nasional dengan perancangan yang teliti terutama sekali pembinaan Lebuh Raya Pantai Timur, kemudian pembinaan ECRL melalui keseluruhan Negeri Terengganu daripada selatan ke utara. Maka kita yakin kawasan-kawasan industri yang saya sebut sebentar tadi merupakan kawasan-kawasan yang sangat menarik dan kita tawarkan kepada pelabur.

Dato' Yang Dipertua, saya katakan begini kerana terutamanya ia mendekatkan kawasan-kawasan industri ini dengan pelabuhan-pelabuhan utama negara sama ada di Pantai Timur atau di Pantai Barat, yang penting bagi setiap pelabur dan juga pengusaha, mereka ingin melabur di setiap perniagaan di mana keutamaan mereka adalah untuk mengurangkan kos dan memaksimumkan keuntungan. Maka dengan adanya lebuh raya dan juga *line* kereta api yang dimaksudkan oleh Langkap sebentar tadi, insyaAllah ia akan mencapai atau memberi tujuan maksud yang berkenaan. Maka kita bersedia di setiap kawasan-kawasan industri ini di mana kita tumpukan contohnya; bagi lebuh raya kita pastikan setiap kawasan industri kita hubungkan dengan *exit* ataupun pintu ke arah mendekatkan ataupun mengurangkan kos berkenaan.

Begitu juga Dato' Yang Dipertua dengan kedatangan ECRL di mana bukan sahaja untuk kepentingan penumpang tetapi yang lebih besar lagi adalah untuk kepentingan kargo ataupun barang-barang perniagaan bagi peniaga-peniaga dan juga pengusaha. InsyaAllah, kita telahpun berjuang dan alhamdulillah kita bukan sahaja mendapat stesen-stesen kargo yang utama tetapi kita juga mempunyai tambahan *line* ataupun *spur line* yang utama daripada *line* utama ke pelabuhan Kemaman dan juga ke kawasan industri besi di Bukit Besi. Jadi Dato' Yang Dipertua, kita yakin dengan perancangan yang baik insyaAllah, pertumbuhan ekonomi melalui perkembangan ataupun dengan adanya dua-dua projek yang mega ini insyaAllah ia akan memberi kepentingan dan juga memberi keutamaan pembangunan ekonomi kepada Negeri Terengganu.

Selain daripada itu, berkait dengan industri sarung tangan yang dimaksudkan oleh Wakil Langkap sebentar tadi, yang sebenarnya industri ini telah dibangunkan di kawasan Kompleks Perindustrian Kertih pada Fasa Pertama yang dibangunkan oleh Syarikat Encompass Sdn. Bhd. dan dengan pelaburan hampir RM1 bilion. Dan insyaAllah, kita janjikan Fasa Kedua, kita mencadangkan

kepada syarikat ini untuk membangunkan Fasa Kedua di Kawasan Industri Bari. Tetapi keputusan akhir Dato' Yang Dipertua, terletak kepada peniaga itu sendiri kerana mereka mencongak, mencampur kos dan juga keuntungan ataupun masalah isu yang mereka hadapi, maka kita berharap sebagaimana cadangan kita untuk memajukan Langkap akan tercapai. Tetapi percayalah Dato' Yang Dipertua, kepada Yang Berhormat Langkap sekiranya industri ini tidak memilih Langkap ataupun Sungai Bari, insyaAllah Sungai Bari juga akan maju apabila ECRL datang ke Negeri Terengganu tidak berapa lama lagi. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Soalan tambahan daripada Langkap kalau ada. Kalau tak ada saya nak pergi ke sebelah sini. Saya bagi kepada Wakaf Mempelam. Okey, sila Wakaf Mempelam.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan rakan-rakan Ahli-ahli Dewan. Saya memerhatikan jawapan yang diberikan itu semacam tidak menggambarkan realiti sebenar. Yang pertama, sekarang ini KSB (Kemaman Supply Base) takdok kapal masuk lening. Yang keduanya, ada kilang tutup macam New Straits Time Press di Kuala Berang, kawasan Yang Berhormat. Jadi tidak memberikan gambaran sebenar. Jadi saya nak tanyalah kot-kot Kerajaan memikirkan alternatif lain selain memberikan insentif-insentif baru kepada para pelabur supaya memberikan galakan. Kalau takdok pelabur-pelabur hak luar negara takut ada pelabur-pelabur tempatan yang berminat kalau sekiranya sesuai dengan insentif-insentif yang boleh ditawarkan oleh pihak Kerajaan Negeri. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Sila Kuala Berang.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Terima kasih Wakaf Mempelam, orang lama. Saya ingat Dato' Yang Dipertua, bukan saya tidak menggambarkan gambaran yang sebenar, Yang Berhormat Wakaf Mempelam yang tidak faham tentang persoalan yang sebenar. Saya menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Langkap, apa yang dibangkitkan kawasan industri dan sebagainya. Sesungguhnya Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI SABRI BIN MOHD NOOR (Wakil Langkap): Ya, saya dah faham tu Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Terima kasih. Yang sebenarnya Wakaf Mempelam yang tak



faham. Kalau nak tanya soalan tambahan saya boleh jawab, sampai petangpun saya boleh jawab.

Mengenai KSB Dato' Yang Dipertua, yang dikatakan tidak ada kapal adalah tidak benar. KSB ni bukan kawasan industri Dato' Yang Dipertua, dia ada Pengkalan Perbekalan Kemaman yang ditubuhkan oleh Kerajaan. Ianya satu-satunya pengkalan yang dibenarkan menjalankan Lesen Perbekalan untuk offshore, untuk kerja-kerja di laut, Wakaf Mempelam. Saya faham apa yang dikatakan oleh Wakaf Mempelam, sebenarnya bukan tidak ada kapal Dato' Yang Dipertua, bila kita sediakan pelabuhan perbekalan, kita memberi khidmat kepada kapal-kapal yang nak pergi kerja di laut. Saya faham apabila penurunan harga minyak ini melibatkan kos carigali yang tinggi di laut maka syarikat-syarikat carigali bukan sahaja Petronas Carigali tetapi syarikat-syarikat lain juga Dato' Yang Dipertua, terpaksa memberhentikan sementara kerja-kerja penggalian mereka. Apabila yang kita panggil *drilling month* untuk fahaman kepada Wakaf Mempelam. Apabila *drilling month* ini tak ada, kerja-kerja tak ada, maka pergerakan kapal kurang, dia nak hantar air, nak hantar minyak, nak hantar pekerja, nak hantar perkakas dan sebagainya memang kurang dengan ketara tetapi tidaklah sampai tidak ada langsung Dato' Yang Dipertua. Begitu juga apa yang dikatakan di Ajil bukan di Kuala Berang, Kilang NST di Ajil, keputusan pelabur mereka buka di Ajil untuk mereka mencetak akhbar harian, Berita Harian, NST dan juga Metro untuk kawasan Pantai Timur. Dato' Yang Dipertua, keputusan perniagaan dibuat oleh syarikat berkenaan apabila melihat kepada keperluan media, surat khabar hari ini telah tidak lagi menguntungkan apabila akhbar sekarang sudah berada dalam talian, apabila akhbar sekarang ini sudah boleh disebar dengan cara yang lain dan melibatkan kos mencetak lebih mahal dan tidak lagi menguntungkan mereka maka keputusan dibuat. Ini bukan menggambarkan kepada kegagalan kita Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, nak celah sikit boleh?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya tak benar dah, panjang dah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Tak, sekarang nak tanya Wakaf Mempelam ni dia rajin beli dok surat khabar? Dia dok rajin beli surat khabar. Bila tutup dia rasa susah pulak dah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jabi, Jabi, saya rasa saya nak mintak semua duduk. Minta maaf.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Jenis babir ni.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Tarik balik tu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekejap. Kita ada buku peraturan, kalau kita tak suka mana-mana ahli dalam Dewan ini melakukan perkara yang tak baik, mencelah ke, apa, kita jangan buat celahan tidak mengikut peraturan. Saya mintak tolong benar-benar, ramai Pemerhati melihat adab kita, akhlak kita, jadikan teladan, contoh role model yang baik kepada orang lain sebab apa yang kita buat ini bukan hanya di duniawi malah dinilai ukhrawi. Tolong ingat sebab dalam ucapan-ucapan saya letak Allah di hadapan. Sila ikut peraturan. Sila Kuala Berang untuk menyambung sikit lagi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Yalah akibat Wakaf Mempelam yang tidak realistik. Saya ingat Dato' Yang Dipertua, apa yang dikaitkan dengan alternatif itu bukan hanya alternatif, kepada Kerajaan Negeri memang kita tumpukan setumpu-tumpunya untuk memastikan bukan sahaja insentif, bukan sahaja galakan tetapi juga kita bersama dengan MIDA, ECER malah mana-mana juga agensi kita nak pastikan bahawa setiap kawasan industri dan juga kawasan mereka-mereka yang berniaga di negeri ini akan mendapat keuntungan yang paling maksimum.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar bukan sahaja kita tumpukan kepada insentif yang nampak, contohnya insentif yang diberi kepada tambahan pekerja lebih daripada 200 orang, kita tambah lagi dengan tawaran RM200. Kemudian substation yang dibina kita beri subsidi sehingga separuh harga. Kemudian juga galakan utama yang kita berikan di Negeri Terengganu dalam bentuk insentif yang tidak boleh dikira iaitu kita menawarkan suasana bekerja yang menarik di dalam negeri yang cantik. Negeri yang mempunyai alam sekitar yang baik dengan pantai, pulau, alam semulajadi yang baik, pekerja yang mahir dan juga terlatih dan juga rakyatnya yang ramah-tamah. Barang-barang di pasar yang fresh dan segar. Ini memberikan galakan kepada pengusaha juga pekerja untuk memilih Terengganu kerana kos hidup, kualiti hidup dan juga kerana termasuk sukakan Terengganu termasuk pendidikan di Terengganu. Ini merupakan cantuman kita dan kita menawarkan kepada pelabur, kepada pekerja untuk memilih Terengganu sebagai pilihan pertama untuk berniaga dan untuk menetap di negeri yang tercinta ini Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, boleh se lagi berkait dengan industri .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih banyak panjang dah. Terima kasih banyak Tepoh yang akur kepada saranan saya. Saya mempersilakan Rhu Rendang untuk mengemukakan soalan. Silakan.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang mana satu ni, Wakil Wakaf Mempelam ke, Wakil kepada .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dato' Yang Dipertua, saya mewakili Wakil Rhu Rendang untuk mengemukakan soalan yang pertama -

*Berapakah anggaran kehilangan hasil laut Negeri Terengganu yang hilang akibat aktiviti pencerobohan nelayan asing dan bagaimanakah Kerajaan mengatasinya?*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih kepada Yang Berhormat Wakil Wakaf Mempelam yang mewakili Yang Berhormat Rhu Rendang untuk bertanya soalan. Cuma soalan Yang Berhormat Rhu Rendang bersamaan dengan Yang Berhormat Kuala Besut pada 13hb., jadi saya bercadang untuk menjawab soalan secara sekaligus Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

Soalan daripada Rhu Rendang berbunyi: Berapakah anggaran kehilangan hasil laut Negeri Terengganu yang hilang akibat aktiviti pencerobohan nelayan asing dan bagaimanakah Kerajaan mengatasinya? Manakala soalan daripada Kuala Besut berbunyi: Apakah peranan Kerajaan Negeri Terengganu dalam menangani isu pencerobohan bot nelayan asing khususnya melibatkan sekitar perairan Negeri Terengganu?

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kehilangan hasil akibat pencerobohan nelayan asing tidak dapat kita tentukan dengan tepat. Tetapi mengikut perkiraan ataupun anggaran kita berdasarkan kepada satunya daripada tangkapan yang kita dan lelongan yang kita buat. Yang keduanya, berdasarkan kepada satu sistem yang kita monitor melalui Mobile Tracking Unit (MTU) yang mana kita memastikan pendaratan daripada Sistem Mobile Tracking Unit ini perlu melebihi 80% untuk kita sambung lesen dan daripada dua-dua kaedah tersebut kita anggarkan jumlah kerugian hasil daripada pencerobohan nelayan asing ini adalah berjumlah sebanyak RM7.5 juta. Ini adalah merupakan anggaran.

Kaedah yang kedua iaitu apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah tersebut. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita ada pelbagai agensi termasuk bukan sahaja Jabatan Perikanan tetapi kita ada APMN, kita ada Polis Marin, kita ada Jabatan Taman Laut dan sebagainya. Yang mana jabatan-jabatan ini secara berterusan melaksanakan kerja dan tanggungjawab

mereka untuk mengawasi pengairan kita daripada dicerobohi oleh nelayan-nelayan asing.

Dan selain daripada itu, melalui agensi-agensinya tersebut juga kita perlu kerjasama daripada nelayan-nelayan sendiri yang mana kita tubuh sukarelawan-sukarelawan seperti yang kita namakan SUPER (Sukarelawan Jabatan Perikanan) ataupun daripada LKIM, sukarelawan yang kita namakan KUKENAL dan juga sukarelawan daripada APMN yang kita namakan SAHABAT. Yang mana keseluruhan sukarelawan-sukarelawan ini yang kita daftar melebihi daripada 1,000 orang.

Selain daripada itu juga kita telah mengambil langkah yang mana dulunya ada pemantauan menggunakan helikopter sebanyak tiga kali seminggu tetapi mutakhir ini pemantauan telah kita kerapkan iaitu tujuh kali seminggu ataupun setiap hari menggunakan helikopter. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Sila soalan tambahan pertama, Kuala Besut. Saya bagi Wakaf Mempelam dulu lepas ni saya bagi pula kepada Kuala Besut.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Saya difahamkan kegiatan pencerobohan nelayan asing ini turut melibatkan beberapa aktiviti lain bukan sahaja dia ceroboh kawasan kita, merosakkan unjam, kawasan-kawasan terumbu karang kita dan sebagainya tetapi juga antara aktiviti-aktiviti yang terlibat di mana saya difahamkan iaitu aktiviti penyeludupan dadah pasal nak masuk ikut darat payah dah daripada Thailand dan dia bawa masuk ikut laut melalui nelayan. Saya difahamkan orang kata orang kelaut ni bila balik dia jadi hanyut, jalan senget-senget. Dia kata mabuk laut tetapi tidak, dia baham dulu benda tu sebelum balik. Jadi orang serba salah, mabuk laut ke, mabuk dadah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Macam mana tu, boleh ulang balik?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dia balik dari laut, dia berjalanpun terhuyung-hayang.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sebab apa?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ada orang kata mabuk laut tapi dia baham dah benda tu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Benda apa tu, biar spesifik.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dadahlah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Oh... dadah, maksudnya ada nelayan baham dadah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ada.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ini kenyataan yang .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Kampung mak saya duduk Pulau Kambing jadi dekat dengan jeti. Jadi ini apa yang saya difahamkanlah tetapi bila kita tanya memang tak mengaku. Soalan saya ialah melibatkan penyeludupan dadah dan yang keduanya, penjualan hasil penangkapan nelayan kita ni dia jual di laut sana, dia tak bawa balik ke jeti di Pulau Kambing, di laut sana dia jual dah kepada kapal-kapal asing, senang dia ambil piti selalu di situ. Dan yang paling bahaya, saya nak kepastian betul atau tidak berlaku tapi apa yang saya difahamkan termasuk penyeludupan senjata api. Ini berlaku tapi apabila Polis Marin mari dekat dadah ke, senjata ke, dia lempar ke laut habis cerita jadi takdok bukti.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jadi saya rasa cukup dah Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Sekejap. Jadi saya nak tahu sejauh mana pencerobohan melibatkan sama aktiviti-aktiviti yang saya sebutkan tadi?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Wakaf Mempelam. Sila Jertih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Soalan tambahan daripada Wakaf Mempelam yang pertama sekali berkait dengan dadah tadilah. Perairan Malaysia ini bukan sahaja melibatkan Negeri Terengganu, dia bermula dari Tumpat Kelantan sehinggalah ke Johor Baharu di sebelah Pantai Timur ni. Jadi untuk langkah dan pengawalan membawa dadah, membawa senjata api ianya melibatkan agensi dan bukannya di bawah Portfolio Perikanan. Jadi jawapan itu perlu dijawab oleh jabatan terlibatlah.

Cuma bagi perubahan ataupun perpindahan hasil tangkapan nelayan kita ke nelayan asing untuk dibawa ke negara asing, kita melalui Jabatan Perikanan kita

mempunyai satu sistem yang kita namakan Sistem MTU iaitu Mobile Tracking Unit dengan menggunakan satelit yang mana kita tentukan kapal kita ini berada di mana setiap masa. Yang mana setakat ini salah satu syarat untuk kita perbaharui Lesen Nelayan kita nak pastikan 80% daripada vesel-vesel ini berada di dalam perairan ini. Maknanya kalau kita dapat *detect*, dengan izin, kita dapat tentukan kapal kita ini berada di luar zon kita melebihi 20% ataupun Mobile Tracking Unit tadi dia pastikan lebih daripada 20% ini akan diambil tindakan oleh Jabatan Perikanan untuk tidak sambung lagi lesen untuk laut dalam. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih. Sila Kuala Besut soalan tambahan kedua.

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Soalan tambahan saya, saya sering berbincang dengan Persatuan Nelayan dan juga nelayan-nelayan sungai dan juga nelayan-nelayan laut ni. Mereka mengatakan bahawa sering terserempak dengan nelayan-nelayan asing di tengah-tengah laut sana. Dan difahamkan juga oleh mereka bahawa pergerakan ikan ini melalui yang dipanggil 'tranah' di mana di dalam laut sana dia ada macam highway juga untuk pergerakan ikan. Jadi dia ada sumber makanan dia dan banyak sumber ikan-ikan kita ini diambil oleh nelayan asing.

Ada pandangan daripada pihak nelayan ataupun *stakeholders* berkenaan bahawa jika sekiranya kita membina tukun tiruan yang besar bukan hanya yang bersaiz satu tan atau dua tan tapi juga yang bersaiz 12 tan yang mana sekiranya bot nelayan asing sekarang ini dan juga bot nelayan yang menggunakan khidmat warga asing apabila menggunakan bot-bot pukut kokok ataupun pukut tunda ni sekiranya pukut itu terlekat pada tukun yang bersaiz besar 12 tan ini boleh menyebabkan pukut tunda rosak dan boleh menyebabkan bot dia orang terbalik juga. Dan kita berbincang .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kuala Besut, soalan?

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Tukun ni bukan sahaja boleh menambahkan sumber ikan di laut kita tetapi boleh juga menjadi benteng penahanan daripada bot-bot nelayan asing. Jadi mohon bertanya kepada pihak Kerajaan ada tak cadangan ke arah untuk menambahkan tukun-tukun yang bersaiz 12 tan untuk tukun dasar lembut di perairan Negeri Terengganu ini? Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kuala Besut. Sila Jertih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Dato' Yang Dipertua, soalnya berkait dengan tukun tiruan dan tukun itulah. Okey, yang mana tukun ini yang sebenarnya selain kita wujudkan tukun untuk tempat pembiakan ikan, tukun ini juga salah satunya untuk kita mengatasi masalah pukak kokok ni. Maksudnya sistem struktur binaan tukun itu sendiri dibina supaya apabila pukak kokok melalui tukun-tukun ini, pukak-pukak kokok itu juga akan musnah sistem struktur yang kita buat.

Okey, untuk makluman bahawa tahun hadapan di mana baru-baru ini kita ada dengar pembentangan Bajet Federal yang mana untuk Terengganu kita telah mendapat peruntukan sebanyak RM300,000 bagi membina tukun baru. Dan pada tahun lepas kita juga ada menerima Bajet daripada Kerajaan Negeri untuk pembinaan tukun, jadi saya rasa mungkin tahun ini ada juga kot daripada Kerajaan Negeri. Jadi kita tunggu pembentangan daripada Yang Amat Berhormat sebentar nantilah. Cuma untuk tukun ini saya dah beritahu bahawa daripada dulu lagi sejak dari tahun 2006 sehingga ke 2017, mengikut rekod kita untuk perairan Negeri Terengganu sahaja daripada Kemaman sehingga ke Besut kita telah membina 143 unit tukun termasuklah pada tahun lepas. InsyaAllah, pada tahun ini untuk Bajet yang telah diumumkan oleh Federal kita akan bina lagi dan mungkin pada tahun ini ada peruntukan daripada Kerajaan Negeri pula yang akan diumumkan sebentar lagi.

Selain daripada itu, kita juga mendapat kerjasama daripada Petronas iaitu pelantar-pelantar minyak mereka yang telah lupus iaitu tamat tempoh, mereka juga bersetuju untuk bekerjasama dengan Jabatan Perikanan untuk dijadikan tukun-tukun tiruan yang mana kos untuk penghantaran daripada pelantar, daripada tempat asal ke tempat baru juga ditanggung oleh Petronas. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Jertih. Terima kasih kepada pihak yang bertanyakan soalan, Wakaf Mempelam mewakili Wakil Rhu Rendang. Seterusnya, saya mempersilakan Wakil Kota Putera untuk mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya nombor satu -

*Apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam memajukan pelancongan rekreasi ekstrem seperti hiking, paragliding dan mountain bike di kawasan Bukit Keluang - Bukit Bubus?*

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Berhormat-Yang

Berhormat, Ketua-ketua jabatan, Pemerhati, rakan-rakan media, tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Berkait soalan yang dikemukakan oleh Wakil Kota Putera yang ingin mendapatkan maklumat tentang apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam memajukan pelancongan rekreasi extream dengan izin, seperti hiking, paragliding dan mountain bike di kawasan Bukit Keluang - Bukit Bubus.

Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Negeri merancang untuk mempromosikan lagi kawasan Bukit Keluang - Bukit Bubus sebagai venue dengan izin, pilihan Kejohanan Sukan Rekreasi Dan Sukan Extream baik di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Seri. Sila soalan tambahan pertama daripada Kota Putera.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Baru-baru ini di Bukit Bubus telah mengadakan TIPCO, Terengganu International Paragliding Competition dengan izin, yang bertaraf international dan disertai oleh 100 peserta daripada 24 buah negara. Dan venue itu adalah venue international, adakah Kerajaan nak buat venue tersebut sebagai acara tahunan dan berserta dengan berapa bajet Kerajaan? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kota Putera. Sila.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Baik, terima kasih kepada Wakil Kota Putera. Jadi berkaitan dengan kejayaan baru-baru ini, Kerajaan Negeri di bawah Pelancongan Negeri telah berjaya menganjurkan TIPCO atau dengan izin, Terengganu International Paragliding Competition. Program ini yang telah mendapat sambutan kerana hampir 124 peserta yang melibatkan 24 buah negara telah menyertai program tersebut. Dari segi atas kejayaan program ini maka Kerajaan Negeri akan menjadikan program ini sebagai program acara tahunan kerana dalam kita merancakkan sektor pelancongan di Negeri Terengganu, sudah pasti program-program yang berbentuk penglibatan peserta antarabangsa ini akan kita beri perhatian atau *priority*, dengan izin. Dan dari segi bajet memang kita tidak boleh tentukan kerana bajet ini mesti berasas kepada penglibatan dan juga bagaimana untuk kita nak pastikan program ini akan memberi impak yang lebih besar kepada rakyat. Jadi oleh kerana itu, dalam bajet yang akan diumumkan nanti akan dimasukkan tentang program tersebut secara keseluruhan sebagai *event* atau program dengan izin berkait dengan program pelancongan dan penglibatan sektor swasta atau korporat akan dilibatkan sepenuhnya dalam menaja ataupun menganjurkan program seumpama ini. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.



YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Dato' Seri. Sila soalan tambahan kedua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Sebenarnya di Besut ni, keempat-empat DUN ada produk pelancongan masing-masing. Contohnya, di Kuala Besut ada Pulau Perhentian, di Hulu Besut ada La Hotspring dan sebagainya termasuk Jertih. Dan sebenarnya selain daripada Bukit Bubus, Bukit Keluang juga merupakan produk pelancongan bagi Kota Putera dan saya dihabarkan melalui kajian bahawa di Bukit Keluang selain di Bukit Bubus iaitu bersebelahan dengan Bukit Keluang, kita menerima kunjungan pelancong ataupun pengunjung melebihi dari pelancong yang berkunjung ke Port Dickson sesetengah hari terutamanya pada hari Jumaat dan juga Sabtu termasuk hiking dan sebagainya. Maka saya nak bertanya Kerajaan, oleh kerana pengunjungnya ramai maka apakah perancangan untuk melaksanakan infra yang sebenarnya hari ini infranya agak terkurang untuk menampung keperluan pengunjung yang begitu ramai. Maka apakah infra tersebut kena *upgrade* dalam masa yang singkat atau dalam masa yang segera? Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kota Putera. Sila Yang Amat Berhormat Dato' Seri.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Baik, terima kasih kepada Wakil Kota Putera. Jadi dalam usaha Kerajaan nak menjadi Negeri Terengganu ini sebagai satu destinasi kepada pelancongan dan lebih-lebih lagi apabila dia umumkan dalam Bajet Peringkat Pusat baru-baru ini yang menyatakan bahawa pada tahun 2020 adalah merupakan Tahun Melawat Malaysia. Jadi, maka di sini adalah peluang dan kesempatan yang baik kepada Negeri Terengganu untuk kita membuat persiapan juga kerana sudah pasti limpahan hasil daripada promosi yang dibuat oleh peringkat pusat akan melimpah ke peringkat negeri. Dan lebih-lebih lagi sekarang ini di Negeri Terengganu banyak telah diberi hasil daripada apabila kita melancarkan dengan Visit Beautiful Terengganu maka kita nampak hari ini bahawa Negeri Terengganu sudah berada di persada nasional dan juga antarabangsa. Dan kita juga telah dijemput oleh pihak Pelancongan Malaysia untuk menjadi hos kepada beberapa *event* di peringkat antarabangsa seperti yang telah kita laksanakan sebelum ini di Australia dan juga di negara-negara yang lain. Jadi dalam soal ini maka sudah pastilah bahawa Kerajaan Negeri Terengganu sekarang ini sudah membuat perancangan dan kita telah mendapatkan khidmat daripada pihak PEMANDU di Jabatan Perdana Menteri untuk melaksanakan ataupun untuk merancang dan membantu Kerajaan Negeri untuk kita nak mengenalpasti apakah kekuatan dan apakah yang kita perlu lakukan.

Jadi berkait dengan di Bukit Keluang dan Bukit Bubus, memang tempat ini juga menjadi perhatian kepada Kerajaan Negeri dan untuk pengetahuan Wakil Kota Putera kerana peruntukan dalam soal Pembangunan Pelancongan ini kita ada dua; satu peruntukan daripada Kerajaan Negeri dan satu lagi di bawah Kerajaan Pusat iaitu di bawah Pelancongan Malaysia. Jadi oleh kerana itu maka kita perlu membuat satu perancangan dan kita perlu membawa idea dan cadangan ini bukan hanya kepada peringkat negeri malah juga kepada peringkat pusat untuk kita mendapatkan peruntukan-peruntukan termasuk juga di bawah peruntukan ECER.

Jadi ini adalah merupakan suatu perkara yang perlu kita laksanakan oleh kerana itu maka dalam peringkat sekarang ini adalah peringkat Kerajaan menyediakan Kertas Kerja Perancangan yang insyaAllah, kawasan Bukit Keluang dan Bukit Bubus ini yang kita lihat potensinya sangat baik untuk pelancongan pada masa depan maka kita akan beri perhatian. Jadi janganlah bimbang Wakil Kota Putera, insyaAllah kita akan ambil perhatian tentang perkara ini. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Seri. Alhamdulillah, saya .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SABRI BIN MOHD NOOR (Wakil Langkap): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekejap, sekejap, saya nak baca ni sekejap sahaja. Sesi Soalan-soalan Lisan telah tamat, terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang mengemukakan soalan-soalan dan yang menjawab soalan-soalan. Terima kasih banyak. Jazakallahu khairan kathira. Mematuhi Fasal 7 dan Fasal 9, Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri maka saya berharap untuk menanggungkan sementara Sidang DUN .....

### **USUL DI BAWAH FASAL 30**

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SABRI BIN MOHD NOOR (Wakil Langkap): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ada Usul Di Bawah Fasal 30. ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Langkap, baca tajuk saja Langkap. Yang lain-lain duduklah. Saya Sabri Mohd Noor, Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Langkap mencadangkan bahawa Persidangan pada hari ini hendaklah ditangguh mengikut Fasal 30 Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri bagi membolehkan Dewan yang mulia ini merunding bantahan terhadap pengiktirafan Baitulmaqdis sebagai ibu negara Israel yang telah diumumkan oleh Donald Trump, Presiden Amerika

Syarikat pada 7 Disember baru-baru ini. Ini kerana Baitulmaqdis merupakan tempat suci dan milik umat Islam sejak dibuka, diperintah di zaman Khalifah Umar Al-Khatab. ....(Tepukan) .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Y.B. Bentara, tolong pergi ambil untuk saya baca, saya tilik ta'akur, bertafakurfidin sebelum saya buat keputusan.

Terima kasih Y.B. Langkap, saya akan baca dulu insyaAllah sebelum saya bagi ruling selepas ini. Dan untuk makluman Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat Dato' Seri dan Dato'-Dato' yang saya muliakan. Ingin saya maklumkan semasa rehat nanti kita insyaAllah akan ada satu agenda sebagai menyatakan kebersamaan kita terutama umat Islam terhadap perjuangan umat Islam di Palestin. Agenda ini bagi menyokong perjuangan umat Islam di Palestin yang dianjurkan oleh pihak Kerajaan Negeri Terengganu yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar.

Sehubungan dengan itu, saya merayu dan memohon kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang dimuliakan Allah, kepada semua ketua-ketua jabatan dan semua yang ada dalam Dewan ini untuk bersama-sama kita menjayakan program yang akan diadakan di luar Dewan ini sekejap sahaja bagi menyatakan kebersamaan kita, keprihatinan kita kepada muslim yang berada di Palestin. Jadi selepas pada program ini kita akan minum dan kita akan masuk balik pada pukul 11.30 pagi.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, maka saya tangguhkan sementara Dewan ini dan disambung semula pada pukul 11.30 pagi. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 11.00 PAGI.

PUKUL 11.30 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat disambung semula.

Sebelum kita berhenti rehat tadi, saya ada menerima satu Cadangan Di Bawah Fasal 30, Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu. Setelah meneliti secara *detail* dan mentafakurfidin secara ta'akur memang betul ia mempunyai perkara-perkara tertentu dan mempunyai kepentingan orang ramai tetapi tidak perlu disegerakan.

Oleh kerana sebentar tadi secara hakikinya kita telah melancarkan tabung dan menzahirkan kebersamaan kita malah di peringkat negara pun perkara yang sama diberikan perhatian. Oleh itu, saya menolak Usul Di bawah Fasal 30 Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu. Terima kasih. Jazakallahu khairan kathira.

### **USUL-USUL YANG TELAH DIBERI NOTIS**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA DEWAN: Sila Kuala Berang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sukacita saya ingin mengemukakan satu usul mengenai cadangan untuk mendahulukan pembawaan Rang Undang-Undang daripada perkara-perkara yang lain.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon membawa cadangan menurut Fasal 16(3) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri untuk mendahulukan pembawaan tiga (3) Rang Undang-Undang daripada perkara-perkara yang lain iaitu :-

1. Enakmen Perbekalan 2018.
2. Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-orang Melayu (Pindaan) (No. 2) 2017.
3. Enakmen Taman Negeri Terengganu 2017.

Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ada menerima satu cadangan menurut Fasal 16(3), Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu untuk mendahulukan pembawaan tiga (3) Rang Undang-Undang daripada perkara-perkara lain yang telah diterima. Sekarang saya kemukakan kepada undian.

CADANGAN SUPAYA MENDAHULUKAN PEMBAWAAN TIGA (3) RANG UNDANG-UNDANG DARIPADA PERKARA-PERKARA LAIN YANG DITETAPKAN DI DALAM TERTIB PEKERJAAN DEWAN KEMUDIAN DIUNDI DAN DIPERSETUJUI DENGAN SUARA TERBANYAK.

**USUL INI DITERIMA.**

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **ENAKMEN PERBEKALAN 2018**

#### Bacaan Kali Yang Pertama

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2018 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu, dibaca bagi kali yang pertama. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Air Putih menyokong cadangan. Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang pertama.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN  
BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA  
KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERKHIDMATAN  
BAGI TAHUN 2018 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN  
JUMLAH WANG ITU UNTUK PERKHIDMATAN BAGI  
TAHUN ITU, DIBACA BAGI KALI YANG PERTAMA.

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2018 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu, dibaca bagi kali yang kedua.

Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Kain tenun pengalas meja,  
Kain kasa pembalut luka,  
Awal Bismillah pemula bicara,  
Gelanggang dibuka, langkah perkasa.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Nahl ayat 90 yang bermaksud:

"Sesungguhnya Allah menyuruh (kamu) berlaku adil dan berbuat kebajikan, memberi kepada kaum kerabat, dan Allah melarang dari perbuatan keji, kemungkaran dan permusuhan. Dia memberi pengajaran kepadamu agar kamu dapat mengambil pelajaran."

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua,

1. Alhamdulillah segala puji bagi Allah Subhanahu Wata'ala Tuhan seluruh alam, selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Salallahu 'Alaihi Wassalam.
2. Syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan izin dan rahmat-Nya dapat saya bentangkan kepada Dewan yang mulia ini, Bajet Negeri Terengganu Bagi Tahun 2018.
3. Pembentangan Enakmen yang bernama Enakmen Perbekalan Tahun 2018 ini, adalah untuk mendapat pertimbangan Dewan yang mulia, bagi menggunakan sejumlah wang dari Kumpulan Wang Disatukan, untuk membiayai Perbelanjaan Bekalan, Perkhidmatan dan Pembangunan Negeri pada tahun 2018. Kenyataan lengkap cadangan untuk Bajet 2018 ini adalah sepertimana yang terkandung dalam Buku Bajet Negeri Tahun 2018.
4. Alkisahnya, pembentangan Bajet pada kali ini, ialah Bajet yang terakhir sebelum Pilihan Raya Umum yang ke-14. Justeru, Kerajaan tidak dapat menghalang mana-mana pihak dari beranggapan bahawa Bajet ini adalah Bajet Pilihan Raya.
5. Kendatipun begitu, harus ditegaskan bahawa Kerajaan Barisan Nasional bukanlah Kerajaan yang bermusim kerana kita percaya proses transformasi untuk mensejahterakan kehidupan rakyat perlu berterusan, bukan menabur janji menjelang Pilihanraya tiba.
6. Inilah yang Kerajaan UMNO dan Barisan Nasional perjuangkan, daripada semenjak kemerdekaan dijunjung, sehinggalah sekarang Negara kita disanjung.
7. Perjuangan Kerajaan UMNO dan Barisan Nasional adalah perjuangan yang berterusan untuk membela dan membawa kesejahteraan kepada rakyat, dari dahulu, kini dan selamanya. Natijahnya, Malaysia penuh aman dan sentosa, makmur lagi sejahtera.
8. Alhamdulillah, rakyat Malaysia juga memainkan peranan yang sangat hebat. Adat pulau limburan pasang. Kita hidup bantu-membantu, yang kaya membantu yang miskin, yang berkuasa melindungi yang lemah.
9. Masyarakat saling bermuafakat dan bersatu padu. Sepertimana pepatah Melayu, serumpun bak serai, sesusun bak sirih.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

10. Di kesempatan ini, saya ingin mengambil peluang untuk menyampaikan ucapan salam yang tulus ikhlas dan ucapan terima kasih kepada seluruh rakyat Negeri Terengganu Darul Iman. Terima kasih di atas sokongan, kerjasama, maklum balas, teguran dan nasihat.

11. Ibarat lagu dan irama. Bagai aur dengan tebing. Kerajaan dan rakyat berpisah tiada. Pertahankanlah perpaduan, keamanan dan kemakmuran ini. Dengan semangat kesatuan dan solidariti, Insya Allah kita akan sama-sama menempa lebih banyak kejayaan.

12. Pagi ini, saya percaya, ramai yang sedang mengikuti Ucapan Bajet Negeri 2018. Dari Utara sehinggalah ke Selatan, dari Besut sehinggalah ke Kemaman.

13. Mereka menekuni persembahan ucapan ini dengan penuh tertib di dalam Dewan yang mulia ini. Mereka mendengar dengan khusyuk melalui corong radio, mereka mengikutinya dengan bersemangat di Pejabat-Pejabat Daerah.

14. Malahan, oleh kerana Ucapan Bajet ini disiarkan secara langsung melalui alam maya, anak-anak Terengganu yang berada nun jauh di perantauan, di Kuala Lumpur, malah di London, di Kaherah, di Medan, semua mendapat maklum akan Bajet Negeri yang Kerajaan bentangkan.

15. Alhamdulillah, Kerajaan Negeri telah menyediakan infostruktur yang baik, kemudahan jalur lebar yang merata, sehingga ramai rakyat dapat mendengar dan mengikuti ucapan ini dengan terus, dengan telus dan dengan tulus.

16. Semestinya Bajet kali ini berbeza kerana Bajet ini dirangka berasaskan apa yang rakyat hendak, dan bukannya semata-mata apa yang Kerajaan mahu.

17. Penyediaan Bajet 2018 telah mengambilkira pandangan daripada akar umbi. Lapan (8) siri jelajah Bengkel Bajet 2018 telah dilaksanakan di seluruh lapan (8) Daerah dalam Negeri Terengganu. Kerajaan mendengar dengan sabar, mencerakin dengan teliti.

18. Di setiap bengkel, semua kelompok masyarakat telah diwakili. Orang muda dan pemimpin belia, golongan petani dan nelayan, pemandu bot pelancong dan pengusaha *homestay*, pemaju restoran dan pemandu teksi, para guru dan kakitangan Kerajaan, ahli akademik dan golongan profesional, imam bilal dan pemimpin NGO. Hampir 800 orang semuanya yang telah hadir.

19. Berbeza dengan siri-siri jelajah tahun-tahun yang lepas, siri jelajah Bengkel Bajet 2018 baru-baru ini, benar-benar mendapat sambutan yang luar biasa daripada kalangan peserta. Mereka sangat partisipatif, sangat bersungguh, sangat bersedia dengan idea dan cadangan.



20. Saya kagum dan bangga dengan sikap rakyat Terengganu yang sentiasa positif. Sama-sama ingin bangunkan Negeri Terengganu Darul Iman. Samasama mahu lihat rakyatnya lebih maju.

21. Sama-sama ingin bina masa hadapan yang lebih baik untuk anak cucu kita, "Masa Hadapan Yang Lestari".

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, inilah tema Bajet kita pada kali ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

22. Daripada "Jelajah Bengkel Bajet 2018" tersebut, sebanyak 537 cadangan dan isu telah diketengahkan. Kesemua cadangan dan isu telah kita ambil cakna, telah kita ambilkira, dianalisa dan dikategorikan.

23. Ingin sekali kita ambil dan laksanakan semua cadangan yang diberi. Namun, hanya cadangan yang bersifat *three-feet level*, (dengan izin), cadangan yang boleh dilaksanakan segera, yang bersifat *low hanging fruits* atau *touch points* (dengan izin) dirangkum menjadi satu, itulah cadangan yang dapat dipersembahkan melalui Ucapan Bajet kali ini.

24. Inilah ilustrasi dan bukti pengamalan prinsip inklusif, sebagaimana yang terkandung dalam gagasan Transformasi Terengganu Baharu (TTB).

25. Kerajaan benar-benar mahu mendengar, dan rakyat sungguh-sungguh mahu didengari. Kerajaan dan Rakyat, kita bergerak seiringan dalam membina Masa Hadapan Yang Lestari.

26. Kepada mereka yang telah memberikan pandangan, idea dan cadangan untuk Bajet Negeri 2018, saya ucapkan Terima Kasih, Terima Kasih dan Terima Kasih.

## **PRESTASI DAN CABARAN EKONOMI**

**Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,**

### **Senario Negara**

27. *Ibarat rantai besi dimakan bubuk.* Mutakhir ini, terlalu banyak kenyataan yang tidak masuk akal tentang ekonomi Negara.

28. Kononnya Malaysia sebuah Negara yang gagal (*a failed state*) (dengan izin). Kononnya Negara kita akan bankrap. Alhamdulillah, empat lima tahun

setelah kenyataan- kenyataan pelik ini dibuat, Malaysia terbukti bukan sebuah Negara yang gagal dan Malaysia tidak bankrap.

29. Tidak ada Negara di dunia yang mampu hidup sendirian, sementelahan sebuah Negara perdagangan atau *a trading nation* (dengan izin) seperti Negara Malaysia. Maka terdedahlah kita kepada turun naik perkembangan ekonomi dunia.

30. Kalau Negara Amerika Syarikat bersin, maka seluruh dunia akan demam. Begitulah perumpamaan yang diberi. Kini, Negara China pula mempunyai pengaruh yang sama. Apabila gergasi-gergasi dunia ini mengalami masalah ekonomi, kita sebagai sebuah Negara kecil, akan terkena tempiasnya.

31. Namun, sepertimana syair seorang Cendekiawan dan Ulama terkenal nusantara iaitu Allahyarham HAMKA:

*Malang dan mujur nasibnya bangsa,  
Turun dan naik silih berganti;  
Terhenyak lemah naik perkasa,  
Bergantung atas usaha sendiri.*

32. Kelangsungan kita sebagai sebuah Negara bangsa bergantung kepada kebijaksanaan, kemahiran dan kemampuan kita berusaha mengurus ekonomi Negara.

33. Di saat ini, ternyata Kerajaan UMNO dan Barisan Nasional ini mampu mengurus ekonomi Negara dengan sangat baik walaupun landskap politik dan ekonomi sangat tidak menentu. Malaysia mampu mencatat pertumbuhan dan perkembangan ekonomi yang menakjubkan, sepertimana yang termazkur dalam laporan badan-badan antarabangsa, termasuklah Bank Dunia dan agensi penarafan seperti *Moody's* dan *Fitch*.

34. Kasihan mereka yang sentiasa merendah-rendahkan kejayaan Negara dengan pelbagai tohmahan. Yang gagal bukan Negara ini. Yang gagal ialah niat mereka untuk memburuk-burukkan tanah air sendiri. Sedarlah saudara-saudaraku tiada untung mencela Negara tanah tumpah darah kita. Kita sepatutnya merasa bangga dengan Negara kita sendiri. Berpeganglah dengan peribahasa *bulat air kerana pemetung, bulat manusia kerana muafakat. Yang berat sama dipikul, yang ringan sama dijinjing*.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

35. Malaysia menjadi sebuah Negara yang berjaya, bukan hanya terhad kepada

pertumbuhan KDNK yang tinggi semata-mata. Berikut adalah secebis cerita kejayaan atau *success stories* (dengan izin), dalam pelbagai bidang, dan disahkan oleh pelbagai agensi antarabangsa. Kerajaan ini ternyata mampu dan berjaya mengurus Negara.

36. Kita bukan Negara yang gagal. **Pertama** - Bank Negara Malaysia dalam kenyataan terbaharu pada 16 November telah mengumumkan pertumbuhan ekonomi Negara untuk suku ketiga 2017 ialah pada kadar 6.2%, satu angka yang sangat tinggi, dan antara yang paling tinggi dalam kalangan Negara-negara Asia;

**Kedua** - Agensi penarafan kredit *Fitch Ratings* mengekalkan penarafan Negara kepada A- (*A minus*) (dengan izin) berdasarkan pertumbuhan KDNK yang lebih kukuh berbanding Negara-negara lain yang mempunyai markah penarafan yang sama;

**Ketiga** - Forum Ekonomi Dunia (WEF) telah meletakkan Malaysia di tangga ke-23 daripada 138 buah Negara dalam Laporan Daya Saing Global (GCR) terbaharu bagi tahun 2017/2018.

Kedudukan Malaysia bukan sahaja melonjak dua anak tangga daripada tahun lepas, malah Negara kita kekal berada dalam kalangan 20% Negara paling berdaya saing di dunia;

**Keempat** - Malaysia berada dalam kelompok 50 terbaik dunia, yakni Negara paling makmur, daripada 149 Negara lain berdasarkan *Legatum Prosperity Index 2017* (dengan izin). Dalam kalangan Negara Asia Timur, Malaysia di tempat kelima selepas Singapura, Jepun, Hong Kong dan Korea Selatan;

**Kelima** - Mengikut kajian *Annual Global Retirement Index* (dengan izin), Malaysia adalah antara 10 Negara terbaik di dunia untuk menetap selepas bersara. Kuala Lumpur berada di tangga ke-6 dan satu-satunya Negara Asia yang tersenarai;

**Keenam** - Menurut *Global Peace Index 2017*, (dengan izin), Malaysia adalah Negara paling aman yang ke-29 dunia daripada 163 buah Negara; **Ketujuh** - Lima (5) Universiti Malaysia berada di senarai *TOP 50* (dengan izin) Asia. Dan baru-baru ini, Fakulti Kejuruteraan, Universiti Malaya telah dinobatkan sebagai antara 10 terbaik di dunia;

**Kelapan** - Lapan (8) Politeknik Malaysia berada di senarai *TOP 10* (dengan izin) Politeknik di rantau Asia Pasifik;

**Kesembilan** - Bank Dunia dalam laporannya "*Doing Business Report 2017*"

(dengan izin), meletakkan Malaysia di tangga ke-23 dunia sebagai Negara paling mesra perniagaan daripada 190 Negara;

**Kesepuluh** - Malaysia adalah Negara ke-15 daripada 137 buah Negara di dunia dalam senarai Kerajaan yang paling cekap berbelanja, menurut Laporan Daya Saing Global (GCR) 2017-2018 oleh Forum Ekonomi Dunia (WEF);

**Kesebelas** - 2.26 juta peluang pekerjaan telah dicipta daripada tahun 2009 sehingga tahun 2016;

**Kedua Belas** - Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, jualan kenderaan di Malaysia telah meningkat 24.7% daripada Mei 2016 sehingga Mei 2017;

**Ketiga Belas** - Menurut Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) dalam laporannya pada tahun 2017, Malaysia adalah pemimpin dunia dan penentu aras dalam bidang Kewangan Islam;

**Dan yang Keempat Belas** - Mengikut Kajian Sikap Pembayaran Pengguna Visa yang diterbitkan pada 29 September 2017, 76% rakyat Malaysia membeli belah secara *online* sekali sebulan. Ini menunjukkan kuasa beli dan kemampuan rakyat Malaysia untuk berbelanja adalah positif dan infrastruktur seperti kemudahan jalur lebar dan jaringan internet di Negara kita sangat baik.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

37. Kesemua 14 bukti atau kenyataan di atas mungkin tidak memberi makna besar kepada Pak Mat, Pak Usop, Mak Cik Esah, atau Kak Nah di kampung, tetapi ianya antara beberapa bukti bagi menunjukkan bahawa Negara kita di landasan yang betul bukan sebagaimana tohmahan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

38. Saya mohon maaf kerana mengambil sedikit masa untuk menyentuh perkara ini. Saya perlu nyatakan, kerana gambaran yang diberi sesetengah pihak seolah-olah Negara ini sangat daif dan lemah.

39. Semua fakta ini dinyatakan sebagai benar setelah ditafahus pelbagai pihak, baik di dalam mahupun di luar Negara. Tegasnya, kita di landasan yang betul.

40. Kendatipun, Kerajaan sentiasa memperbaiki kelemahan dan membuat penambahbaikan secara berterusan. Jelas bahawa Kerajaan Barisan Nasional ini adalah Kerajaan yang mampu mengurus Negara dengan baik. Kita akan terus beri perhatian kepada usaha menyelesaikan masalah rakyat, khasnya beban yang ditanggung oleh mereka yang tergolong dalam kategori B40.

41. Insy Allah, Kerajaan ini akan bersama-sama rakyat tanpa mengira agama, bangsa dan keturunan untuk membawa Negara dan rakyat ke Masa Hadapan Yang Lestari.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

### **Senario Negeri**

42. Negeri Terengganu Darul Iman ibarat peribahasa Melayu, *air jernih, ikannya jinak*. Negeri yang aman dan teratur. Rakyatnya juga berbudi bahasa. Ya Allah, Peliharakanlah Terengganu.

43. Dari sudut ekonomi, keadaannya bertambah baik. Pertumbuhan ekonomi terus positif dan meningkat kepada 3.8% pada tahun 2017 berbanding 3.1% tahun lepas. Peningkatan ini adalah berdasarkan pemulihan ekonomi global dan pertumbuhan ekonomi Negara yang didorong oleh permintaan domestik dan pelaburan swasta, di samping pasaran buruh Negara yang stabil.

44. Harga petroleum di pasaran dunia juga dalam trend meningkat sepanjang enam bulan kebelakangan ini. Adalah diharapkan harga petroleum akan terus meningkat dalam tahun 2018, sekaligus dapat membantu Kerajaan Negeri merangka dasar dan program kesejahteraan rakyat dengan lebih selesa.

45. Semua sektor ekonomi dijangka mencatatkan peningkatan pada tahun 2017. Data-data terbaharu yang dikeluarkan oleh pelbagai agensi termasuk Jabatan Perangkaan Malaysia dan kajian yang dibuat oleh pakar ekonomi iaitu Tan Sri Profesor Dr. Noor Azlan Ghazali, turut menemukan perkara-perkara berikut:

46. **Pertama** - Pendapatan Bulanan Isi Rumah Penengah 2016 atau *Median Monthly Household Income* (dengan izin) untuk Negeri Terengganu telah meningkat. Peningkatan untuk Negeri Terengganu melebihi purata kebangsaan pada tahun 2014 dan yang paling tinggi berbanding sembilan (9) Negeri lain;

47. **Kedua** - Peratusan tenaga kerja yang berpendidikan tinggi di Negeri Terengganu ialah pada tahap 30%. Ini satu aset yang besar. Angka ini melebihi dan berkembang lebih cepat daripada purata di peringkat nasional iaitu 28%;

48. **Ketiga** - Agihan pendapatan dalam kalangan penduduk di satu Daerah, adalah hampir seimbang di semua Daerah dalam Negeri Terengganu;

49. **Keempat** - Pendapatan isirumah bulanan purata juga dijangka meningkat kepada 6,411 ringgit dalam 2017 berbanding 5,776 ringgit pada tahun 2016;

50. **Kelima** - Bilangan peluang pekerjaan yang ditawarkan sepanjang tempoh 2014 sehingga 2017 mencecah angka lebih 27 ribu kekosongan yang merangkumi 25 ribu kekosongan di pihak swasta dan 2,284 kekosongan dalam Perkhidmatan Awam Negeri, Badan-Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan Negeri dan Universiti-Universiti Awam di Negeri Terengganu;

51. **Keenam** - Dalam aspek usaha membasmi kemiskinan, sehingga Disember, 2017, Negeri Terengganu ialah Negeri yang Kedua Tertinggi berjaya mengeluarkan bilangan Ketua Isi Rumah (KIR) daripada kelompok miskin tegar mengikut senarai e-kasih iaitu seramai 48,940 KIR.

52. Negeri Terengganu juga adalah salah satu di antara dua buah negeri di Malaysia yang tidak lagi mempunyai KIR yang dikategorikan sebagai miskin tegar. Tahniah Terengganu;

53. Dan **Ketujuh** - Bilangan Jemaah dari Negeri Terengganu yang mengerjakan ibadat haji ke Mekah bertambah setiap tahun iaitu 621 jemaah pada tahun 2014, 832 jemaah pada tahun 2015, 1,327 jemaah pada tahun 2016 dan 3,609 jemaah pada tahun 2017.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

54. Jelas sekali kejatuhan harga minyak tidak menjejaskan usaha kita untuk berusaha mengurus ekonomi dan kewangan Negeri dengan sebaik mungkin. Memang keadaan sangat mencabar. Ekoran kejatuhan teruk harga minyak di pasaran dunia, Negeri Terengganu turut kehilangan pendapatan sebanyak 610 juta ringgit iaitu daripada 2.21 bilion pada tahun 2015 kepada 1.6 bilion pada tahun 2016.

55. Sungguhpun demikian, keadaan ini tidak sesekali menghalang kita daripada terus bekerja kuat untuk kesejahteraan rakyat. Malah, kita sudah buktikan kemampuan untuk mengurus dan mentadbir Negeri ini dengan baik. Alhamdulillah.

56. Syair Allahyarham HAMKA turut menyebut:

*Tidaklah Allah mengubah untung,  
Suatu kaum dalam dunia,  
Jika hanya duduk terkatung,  
Berpeluk lutut berputus asa.*

57. Di kesempatan ini, saya dan rakan-rakan saya dalam barisan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, ingin merakamkan ucapan berbanyak terima

kasih

kepada seluruh warga pentadbiran, baik di peringkat Negeri mahupun Persekutuan.

58. Tahniah kepada Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu, yang menyediakan kepimpinan (*provide leadership*) (dengan izin) beserta *tagline Be Better Work Together* (dengan izin).

59. Terima kasih kerana telah memberi kerjasama yang sangat baik, menunjukkan tahap dedikasi yang terpuji dan kecekapan yang menjadi penanda aras, terutama di saat-saat Negeri kita menghadapi cabaran ekonomi dan kewangan yang besar.

60. Ya, saya faham, ramai yang ternanti-nanti, mungkin ada pengumuman tertentu bagi menghargai sumbangan semua pihak, khasnya para penjawat awam. Untuk itu, saya sarankan supaya kita ikuti dahulu Ucapan Bajet ini sehingga ke akhirnya. Insya Allah.

Yang Berhormat Dato' Yang DiPertua,

### **Prestasi 2017**

61. Saya juga ingin berkongsi 14 cerita kejayaan atau *success stories* yang melambangkan kehebatan dan semangat juang anak-anak Terengganu kita di peringkat nasional dan antarabangsa:

**Pertama** - Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu telah berjaya mengungguli Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan dengan penarafan lima bintang dan mencatatkan perolehan markah yang paling tinggi;

**Kedua** - Jabatan Kehakiman Syariah Terengganu telah memenangi Pingat Emas sebanyak lima kali berturut-turut dalam *International Convention On Quality Control Circles* (dengan izin) di Manila, Filipina;

**Ketiga** - Pejabat Kesihatan Kemaman menjadi Johan Projek Inovasi dengan produk *ResQMedTrolley* sempena Konvensyen Inovasi dan Kreativiti Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia 2017. Produk ini diiktiraf dan kini diguna pakai bagi membantu Misi

Kemanusiaan di *Malaysia Field Hospital* (Kem Pelarian Rohingya) di Bangladesh;

**Keempat** - J3K Kampung Baru Kemasik telah menjadi Johan Anugerah Desa Perdana Peringkat Kebangsaan 2017;

**Kelima** - Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Telemong telah menjadi Johan Pertandingan Robotik Peringkat Kebangsaan 2017, Kategori Menengah Rendah;

**Keenam** - Hajah Saripah Embong, Guru dari Sekolah Menengah IMTIAZ, Kuala Terengganu menerima Anugerah Guru Hebat Asia Tenggara dari *Princess Maha Chakri Award Foundation* 2017;

**Ketujuh** - *Terengganu International Endurance Park* diiktiraf antara Lima Gelanggang Kuda Lasak Terbaik Dunia;

**Kelapan** - Azizulhasni Awang, anak kelahiran Dungun, Juara Dunia di Kejohanan Berbasikal Dunia 2017;

**Kesembilan** - Perkahwinan Perdana TTB 2017, dicatat dalam *Malaysia Book Of Records* sebagai Majlis Perkahwinan Terbesar pernah diadakan dengan menghimpunkan seramai 271 pasangan;

**Kesepuluh** - Sekolah Menengah Imtiaz, Besut, Juara Dunia buat kali ke-2 sempena *World Invention Creativity Contest* untuk tahun 2015 dan 2017;

**Kesebelas** - Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Sheikh Abdul Malek, sekolah aliran Agama pertama terima pengiktirafan *International Baccalaureate World School* 2017;

**Kedua Belas** - Fatehah Mustapa, anak kelahiran Kuala Berang, berjaya mendapat empat (4) Pingat Emas dalam empat (4) acara berbasikal di Sukan SEA, Kuala Lumpur 2017;

**Ketiga Belas** - Terengganu pengeluar benih ikan marin utama Negara, hasil kerjasama Kerajaan Negeri, Jabatan Perikanan dan Institut Penyelidikan Perikanan (FRI) Tanjung Demong, Besut. Tahniah kepada Tuan Fakaruddin Tuan Kadir, penternak ikan kerapu hibrid, yang dahulunya nelayan, kini bergelar usahawan;

**Dan yang Keempat Belas** - Terengganu Hockey Team (THT) Juara Hoki Piala TNB empat (4) tahun berturut-turut sejak tahun 2014.



62. 14 cerita kejayaan ini hanyalah sebahagian kecil daripada ratusan cerita-cerita kejayaan yang telah dirakamkan oleh rakyat Terengganu. Tahniah dan syabas! Ianya melambangkan kehebatan dan kemampuan orang Terengganu bersaing dan mencipta sejarah tersendiri. Semoga menjadi inspirasi kepada orang lain. Tahniah juga kepada semua rakyat Terengganu.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

### **PERUNTUKAN BAJET 2018**

*Perahu sarat dengan muatan,  
Menolak galah buluh rekah,  
Jika rakyat erat perpaduan,  
Mudah Kerajaan mengatur langkah.*

63. Demi kesejahteraan rakyat, maka Bajet pada tahun 2018 akan memperuntukkan, sejumlah 1.996 bilion ringgit. Anggaran hasil adalah sebanyak 1.815 bilion ringgit, menjadikan Bajet ini satu Bajet defisit iaitu sebanyak 10% yang bersamaan 181 juta ringgit.

64. Bagi melaksanakan Bajet tahun 2018, Kerajaan Negeri mencadangkan peruntukan sebanyak 1.996 bilion ringgit untuk Perbelanjaan Mengurus, 823.43 juta ringgit untuk Pembangunan dan 3.77 juta ringgit untuk Kumpulan Wang Bekalan Air.

65. Pendapatan daripada Hasil Cukai adalah sebanyak 66.42 juta ringgit, Hasil Bukan Cukai sebanyak 203.93 juta ringgit dan Terimaan Bukan Hasil sebanyak 1.544 bilion ringgit. Daripada jumlah tersebut, 84.95% adalah daripada Pemberian Kerajaan Persekutuan.

66. Di bawah Perbelanjaan Mengurus, sebanyak 94.6 juta ringgit diperuntukkan bagi Perbelanjaan Tanggungan sebagaimana yang diperuntukkan oleh undangundang dan sejumlah 1.901 bilion ringgit untuk Perbelanjaan Bekalan.

67. Di bawah Perbelanjaan Bekalan pula sebanyak 286.65 juta ringgit adalah untuk Emolumen, 202.34 juta ringgit untuk Perkhidmatan dan Bekalan, 23.72 juta ringgit untuk Aset, 1.387 bilion ringgit diperuntukkan untuk Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap termasuk caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan sebanyak 550 juta ringgit, dan 1.16 juta ringgit untuk Lain-lain Perbelanjaan.

68. Di bawah komponen Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap, sebanyak 230 juta ringgit adalah bagi pemberian kepada Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun, 149.6 juta ringgit bagi pemberian kepada Pelbagai Agensi dan Kumpulan Wang, 29.97 juta ringgit bagi pemberian kepada Pejabat-Pejabat Daerah, 57.22 juta ringgit bagi bantuan kebajikan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat, 353.18 juta ringgit bagi pelbagai program di bawah kawalan Pejabat Setiausaha Kerajaan Vot B32 - Pelbagai Perkhidmatan dan lain-lain sebanyak 17.56 juta ringgit.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

#### **4 PE-TUNJANG BAJET 2018**

69. Adapun syair Allahyarham HAMKA telah menyebut:

*Bercermin pada sejarah moyang,  
Kita sekarang mengubah nasib,  
Di zaman susah atau pun riang,  
Tolong tetap dari Yang Ghaib.*

70. Sewaktu Pembentangan Bajet Negara 2018, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia, telah membuat penegasan berikut:

*"...sesungguhnya secara sedar atau tidak, sejak meraih kemerdekaan, kita begitu bertuah kerana bababapa pendahulu telah menyulam manik-manik azimat Maqasid Syariah, yang mementingkan pemeliharaan 5 aspek, yakni Agama, Nyawa, Akal, Keturunan dan Harta di dalam setiap dasar dan setiap perancangan Kerajaan."*

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

71. Kepimpinan Negara sebenarnya telah merangka dan menyusun segala dasar berpandukan kerangka Maqasid Syariah ini. Kerangka ini menyentuh tentang kepentingan menjaga kemaslahatan umat, seperti keperluan-keperluan asas yang paling utama, kemudahan tertentu bagi mengelakkan kesukaran dan kesempitan serta keperluan lainnya yang menyumbang ke arah kesempurnaan hidup.

72. Malaysia berjaya kerana kita bijaksana dalam mengutamakan yang utama dan matang dalam mengurus kehendak kelompok masyarakat yang pelbagai.

73. Kerajaan Negeri berpendirian, Bajet Negeri 2018 juga haruslah memberi

keutamaan kepada yang utama dan segera iaitu keperluan-keperluan dan kemudahan tertentu untuk rakyat, bagi mengurangkan bebanan dan yang menyumbang ke arah kesejahteraan kehidupan rakyat.

74. Dan berdasarkan maklumbalas yang diterima daripada rakyat dan juga kajian-kajian yang dibuat, maka keperluan mendesak bagi rakyat adalah dalam menangani isu 3P iaitu Peningkatan Kos Sara Hidup, Pekerjaan dan Perumahan.

75. Maka pada hari ini, Bajet Negeri 2018 menampilkan empat (4) PE-TUNJANG yang akan menjadi asas kepada 60 titik sentuhan atau *touchpoints* (dengan izin), yakni perkara-perkara yang menyentuh terus kepada keperluan segera dan utama untuk rakyat.

76. 4 PE-TUNJANG tersebut ialah:

PE-TUNJANG PERTAMA:

Mengurangkan beban rakyat dalam menangani isu  
PENINGKATAN KOS SARA HIDUP

PE-TUNJANG KEDUA:

Meningkatkan Penawaran dan Pengwujudan Peluang  
PEKERJAAN

PE-TUNJANG KETIGA:

Mengisi Keperluan PERUMAHAN Rakyat

PE-TUNJANG KEEMPAT:

Mendukung PEMBANGUNAN YANG BERSIFAT  
INKLUSIF DAN BERPAKSIKAN RAKYAT (*rakyat centric*)

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

77. Adapun Bajet pada kali ini menampilkan sedikit kelainan dari segi struktur dan persembahan. Langkah luar daripada kelaziman diambil supaya rakyat lebih mudah faham apa manfaat langsung yang mereka akan terima. Objektif tetap adalah untuk meningkatkan wang perbelanjaan yang boleh diguna pakai oleh rakyat atau *take home pay* (dengan izin).

78. Maka dengan ini, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya suka mengumumkan 60 *touch points* (dengan izin) yang diasaskan kepada empat (4) PETUNJANG yang digariskan:

## **PE-TUNJANG PERTAMA :**

Mengurangkan beban rakyat dalam menangani isu PENINGKATAN Kos Sara Hidup

79. **Touchpoint pertama** - Bagi meningkatkan pendapatan dan menggalakkan rakyat, khasnya golongan muda menceburi perniagaan dan keusahawanan, maka Kerajaan akan menambahbaik Projek Infra Niaga. Sebanyak 12.75 juta ringgit diperuntukkan bagi menambah ruang-ruang niaga, *kiosk* dan premis-premis jualan di samping menaiktaraf kemudahan untuk berniaga yang ada.

80. **Touchpoint kedua** - Program Perkahwinan Perdana TTB yang diperkenalkan Kerajaan Negeri kita, telah terbukti berjaya membantu dan meringankan beban kewangan pasangan yang ingin berkahwin.

81. Malah, ianya diiktiraf dalam *Malaysia Book of Records*. Alhamdulillah, setelah 2 tahun ia dilaksanakan, hampir 500 pasangan telah melangsungkan perkahwinan melalui program ini. Kos dapat dijimatkan. Sambutan majlis tetap meriah. Ianya menjadi keunikan yang tersendiri dan kenangan abadi yang tidak mungkin dapat dilupakan pasangan pengantin.

*Pokok kepaya tumbuh di bukit,  
Buahnya tawar pohon ditebang,  
Cintanya saya bukan sedikit,  
Racun penawar Dinda seorang.*

82. Program-program kekeluargaan lain yang berkaitan juga banyak dilaksanakan termasuklah Program Pasca Perkahwinan, Program Semarak Kasih dan Forum Perdana Cakna Keluarga. Seramai 4,000 pasangan telah mendapat manfaat daripada program-program ini.

83. Oleh kerana program-program ini menjadi cerita kejayaan yang sangat baik, dan bagi memperkukuhkan lagi institusi kekeluargaan, Kerajaan Negeri bersetuju memperuntukkan 3 juta ringgit untuk program-program yang tersebut bagi tahun 2018.

84. Kerajaan Negeri kita juga bersetuju untuk menghulurkan bantuan 1 ribu ringgit bagi setiap ibu atau bapa tunggal yang akan berkahwin. Untuk tujuan itu, 1 juta ringgit lagi akan diperuntukkan dalam Bajet kali ini.

85. **Touch point ketiga** - Program Jayadiri yang dilaksanakan oleh Yayasan Pembangunan Keluarga telah memberi peluang baharu kepada ramai, terutama golongan ibu tunggal dan suri rumah. Ianya berkonsepkan pinjaman perniagaan tanpa faedah, cagaran dan jaminan. Sejak tahun 1995, sejumlah 65.31 juta ringgit pinjaman telah diagihkan kepada 18,285 orang peminjam yang rata-ratanya adalah golongan hawa.

86. Salah satu cerita kejayaan Program Jayadiri ialah pengusaha Nasi Dagang Atas Tol. Kedai makan milik Puan Rohana binti Yussof yang hanya bermula dengan pinjaman sebanyak 1,500 ringgit pada tahun 2001, kini telah berkembang sehingga memberikan beliau sekeluarga pendapatan yang lumayan.

87. Malah, ianya cukup dikenali sebagai kedai makan yang menyediakan makanan tradisional selain nasi dagang seperti pulut gaul nyior, yang kerap dicari oleh orang ramai dan para pelancong. Kita ucap tahniah kepada Puan Rohana.

88. Bagi menggalakkan penyertaan lebih ramai usahanya khasnya, Kerajaan Negeri memperuntukkan 2 juta ringgit untuk Program Jayadiri 2018. Pinjaman mudah ini dijangka memberi manfaat kepada 500 orang usahawan.

89. **Touchpoint keempat** - Program Saguhati Kelahiran Anak Terengganu ialah sumbangan yang diberi sebagai tabungan untuk anak-anak Terengganu yang baharu lahir. Program ini adalah inisiatif Kerajaan Negeri sejak tahun 2015.

90. Alhamdulillah, program yang seumpamanya turut akan dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat di seluruh Negara dan melalui Bajet Negara 2018 baru-baru ini, ia dijenamakan sebagai ADAM50.

91. Demi kebaikan anak-anak kita, Kerajaan Negeri bersetuju untuk meneruskan Program Saguhati Kelahiran Anak Terengganu ini dengan peruntukan sebanyak 1 juta ringgit. Ianya akan menambah nilai kepada Program ADAM50.

92. **Touchpoint kelima** - Kerajaan Negeri kita sangat prihatin dengan kesejahteraan rakyat khasnya golongan B40. Bagi mengurangkan beban dan sebagai salah satu usaha menangani isu peningkatan kos sara hidup, maka Kerajaan Negeri akan memperkenalkan Program Membantu Rakyat (PMR).

93. Melalui Program ini, Kerajaan Negeri akan menyediakan kad keahlian untuk 3,666 Ketua Isi Rumah (KIR) yang tersenarai dalam senarai e-kasih. Penerima kad ini akan mendapat subsidi bagi setiap pembelian barangan

keperluan asas di T-Mart dan kedai-kedai terpilih setiap bulan. Sebanyak 2.64 juta ringgit diperuntukkan bagi program ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

94. **Touchpoint keenam** - Mutakhir ini, ramai rakyat yang mula berkecimpung dalam dunia perniagaan. Kerajaan Negeri sedar dan bersedia untuk membantu. Bagi memperkasa golongan usahawan, Kerajaan Negeri dengan ini bersetuju memperuntukkan 2 juta ringgit melalui Skim Dana Usahawan (SDU) untuk membantu mendapatkan dana menjalankan perniagaan.

95. Skim ini meliputi pinjaman dalam bentuk Skim Pinjaman Tanpa Faedah (SPTF), Skim Pinjaman Usahawan Desa (SPUD), Skim Pinjaman *Online Business* (SPOB) dan Skim Pinjaman Kecil (SPK).

96. Kita juga sedar dan mengalu-alukan minat untuk berniaga melalui konsep *Food Truck* (dengan izin). Malah, Kerajaan Negeri sentiasa melibatkan pengusaha *Food Truck* dalam pelbagai program.

97. Melalui pembentangan Bajet Negeri 2018 kali ini, Kerajaan Negeri bersetuju untuk menyediakan bantuan pinjaman Skim Pembiayaan *Food Truck* di bawah Skim Pinjaman Tanpa Faedah Al-Ijarah, dengan maksima pinjaman sebanyak 75 ribu ringgit. Skim ini sekaligus dijangka dapat memberi manfaat langsung kepada 135 orang usahawan.

98. **Touchpoint ketujuh** - Setiap tahun, Kerajaan Negeri kita akan menghulurkan sumbangan Dana Raya Aidilfiri. Sumbangan ini bertujuan untuk membantu mereka yang memerlukan dan sekaligus merancakkan lagi ekonomi Negeri melalui peningkatan perbelanjaan domestik.

99. Bilangan penerima adalah besar. Dalam tahun 2017, bilangan Ketua Isi Rumah yang menerima dana ini ialah seramai 240,294 yang menelan belanja 89.09 juta ringgit.

100. Berita baik untuk tahun 2018 ini, syarat kelayakan untuk pendapatan bagi mereka yang layak menerima Dana Raya Aidilfiri akan dinaikkan daripada 2,500 ringgit kepada 3,000 ringgit.

101. Dengan kenaikan syarat pendapatan ini, bilangan penerima dianggarkan meningkat kepada 264,294 Ketua Isi Rumah, menjadikan peruntukan keseluruhan Kerajaan Negeri kepada rakyat melalui Dana ini ialah sebanyak 99 juta ringgit.

102. **Touchpoint kelapan** - Berita baik untuk orang muda dan golongan remaja, Kerajaan Negeri bersetuju bukan sahaja untuk meneruskan Dana Bakti Remaja bagi tahun 2018, bahkan, memperkasa program ini dengan melonggarkan syarat kelayakan untuk pendapatan mereka yang layak, iaitu daripada pendapatan 1,500 ringgit ke bawah kepada 2,000 ringgit ke bawah.

103. Dengan menaikkan syarat pendapatan ini, jumlah peruntukan untuk Dana Bakti Remaja akan meningkat daripada 22.7 juta ringgit kepada 27 juta ringgit tahun hadapan. Kerajaan Negeri berharap para penerima akan menggunakan dana yang diberi Kerajaan Negeri dengan baik dan bermanfaat.

104. **Touchpoint kesembilan** - Kajian menunjukkan bahawa kanser payudara dan kanser pangkal Rahim adalah antara dua pembunuh utama kaum hawa akhir-akhir ini. Sebagai satu manfaat langsung kepada semua wanita, khususnya mereka yang berumur 35 tahun ke atas, Kerajaan Negeri kita bersetuju untuk memperkenalkan Program Pemeriksaan Mamogram dan *Pap Smear* Percuma.

105. Program pemeriksaan mamogram dan *pap smear* ini bertujuan untuk mengesan penyakit dengan awal, supaya tindakan segera dapat diambil sekiranya pesakit dikesan sebagai positif mengidap penyakit kanser. Kerajaan Negeri dengan ini bersetuju menyediakan peruntukan awal sebanyak 500 ribu ringgit bagi tujuan pemeriksaan percuma ini.

106. Sebagai program yang julung kali diadakan, program pemeriksaan percuma ini akan dilaksanakan secara NBOS dengan melibatkan beberapa agensi Kerajaan Negeri serta kerjasama daripada Lembaga Pembangunan Penduduk, Keluarga dan Negara (LPPKN).

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

107. **Touchpoint ke-10** - Tabung Darul Iman ialah tabung kebajikan yang diwujudkan untuk membantu golongan yang susah dan terlibat dengan bencana. Tabung ini sememangnya memberi impak yang cukup kuat kepada rakyat terutamanya bagi mereka yang kurang berkemampuan dan yang amat memerlukan bantuan.

108. Secara purata, hampir 5,000 orang pemohon menerima bantuan Tabung Darul Iman setiap tahun. Namun, angka ini kian bertambah. Pendirian Kerajaan Negeri dalam hal ini adalah jelas, iaitu Kerajaan Negeri akan terus membantu dan meletakkan rakyat sebagai keutamaan, walaupun Kerajaan Negeri sendiri berhadapan dengan cabaran dan kekangan kewangan.

109. Justeru, bagi membantu rakyat yang susah dan menolong mereka yang layak menerima bantuan, sebagaimana yang terkandung dalam syarat-syarat yang diperuntukkan, Kerajaan Negeri bersetuju untuk menyediakan 5 juta ringgit kepada Sekretariat Tabung Darul Iman dalam Bajet 2018.

110. Ahli-Ahli Yang Berhormat di pihak Kerajaan dan ramai Pegawai serta kakitangan Kerajaan telah membuat potongan gaji untuk Tabung ini. Sekiranya ada dalam kalangan pihak swasta termasuk Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri (GLC), serta Ahli-Ahli Yang Berhormat di sebelah sana yang ingin menyumbang atau membuat potongan gaji, ianya amatlah dialu-alukan.

111. **Touchpoint ke-11** - Kerajaan menghargai sumbangan dan peranan para imam dan bilal. Untuk tujuan itu, Kerajaan Negeri dengan ini mengumumkan bayaran khas *one-off* (dengan izin) sebanyak 1,500 ringgit kepada 1,326 orang yang terdiri daripada 1,260 Imam dan Bilal Masjid Mukim serta 66 Imam dan Bilal Mubaligh.

112. 1,000 ringgit akan dibayar pada bulan Januari 2018 manakala 500 ringgit lagi akan dibayar menjelang Hari Raya Aidilfitri. Jumlah keseluruhan melibatkan peruntukan sebanyak 1.99 juta ringgit.

113. Selain itu, sebanyak 1,500 ringgit juga akan diberikan kepada Guru Pintar Quran. Cadangan ini bakal memberi manfaat kepada 1,701 orang Guru Pintar Quran dengan peruntukan sebanyak 2.55 juta ringgit.

114. **Touchpoint ke-12** - Bagi menjaga kebajikan semua penerima e-kasih dan juga Imam dan Bilal masjid Kerajaan dan masjid Mukim, Kerajaan dengan ini bersetuju menyediakan Takaful Khairat Kematian. Sebanyak 188 ribu ringgit diperuntukkan bagi tujuan ini yang bakal memberi manfaat kepada 2,261 imam bilal dan 3,666 orang penerima e-kasih.

115. **Touchpoint ke-13** - Bagi membantu jurumandi dan pembantu jurumandi jenazah, Kerajaan Negeri pada hari ini mengumumkan bantuan *one-off* sebanyak 500 ringgit kepada 234 orang jurumandi dan 163 orang pembantu jurumandi jenazah.

116. Ini akan melibatkan peruntukan sebanyak 198,500 ringgit untuk 397 penerima. Kerajaan Negeri percaya insentif ini sedikit sebanyak meringankan beban mereka yang telah melaksanakan tuntutan fardu kifayah.

117. **Touchpoint ke-14** - Industri perkhidmatan air merupakan industri yang berintensif teknologi dan memerlukan modal yang tinggi. Peruntukan yang besar diperlukan bagi menggantikan paip-paip air sedia ada. Banyak yang telah melebihi jangka hayatnya.



118. Infrastruktur bekalan air yang baharu juga perlu diwujudkan berikutan pertambahan pembukaan kawasan penempatan yang baharu di seluruh Negeri Terengganu.

119. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri tetap komited untuk menjaga kebajikan rakyat khususnya yang melibatkan bekalan air bersih kepada rakyat. Tarif air di Negeri Terengganu masih lagi sangat rendah, malah adalah yang kedua terendah di Malaysia.

120. Sehubungan itu, atas dasar prihatin Kerajaan Negeri kepada rakyat, Kerajaan Negeri mengumumkan dua perkara berikut:

121. Pertama, Kerajaan Negeri bersetuju memperuntukkan 47.88 juta ringgit untuk pembangunan bekalan air dan program pengurangan *Non Revenue Water* (NRW) (dengan izin).

122. Dan Kedua, Kerajaan Negeri dengan ini mengumumkan bekalan air percuma untuk penggunaan domestik sehingga 20 meter padu sebulan. Bagi tujuan itu, sebanyak 6.3 juta ringgit akan diperuntukkan dengan anggaran manfaat bakal diterima oleh 100 ribu buah kediaman.

123. Kita berharap rakyat akan tetap menggunakan air dengan bijaksana kerana air adalah merupakan sumber yang terhad.

124. **Touchpoint ke-15** - Untuk golongan mahasiswa, Kerajaan Negeri turut menerima cadangan dan permohonan daripada para mahasiswa anak Terengganu supaya diwujudkan Kad Pelajar yang menyediakan beberapa keistimewaan tertentu.

125. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri bersetuju untuk memperkenalkan Kad Generasi Terengganu (Kad Gen-T) untuk para mahasiswa anak Terengganu.

Kad ini membolehkan mahasiswa anak Terengganu mendapatkan potongan harga atau diskaun yang tertentu apabila membuat pembelian atau menggunakan perkhidmatan di premis perniagaan, pengangkutan seperti bas ekspres, kedai buku dan lain-lain perniagaan yang terpilih.

126. Buat permulaan, perniagaan seperti hotel, hospital dan restoran makanan segera milik Kerajaan Negeri akan dilibatkan dalam program ini sebagai rakan Gen-T. Sebanyak 400 ribu ringgit telah diperuntukkan dan dijangka 40 ribu pelajar institusi pengajian tinggi akan menerima manfaat.

127. Bagi pihak Kerajaan Negeri, saya ingin menggalakkan pihak swasta untuk menyertai program ini kerana bilangan pelajar yang sebegitu ramai ini menyediakan peluang pasaran yang sangat besar untuk perniagaan anda.

128. **Touchpoint ke-16** - Kemudahan kesihatan di Negeri Terengganu adalah sangat baik. Malah, kita sangat berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana melalui Bajet 2018 baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan sejumlah peruntukan untuk mewujudkan *Pusat Cardiology* dan *Cardio-thoracic* di Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ), Kuala Terengganu.

129. Sungguhpun demikian, permintaan terhadap perkhidmatan kesihatan sentiasa meningkat. Bagi memastikan capaian kepada perkhidmatan kesihatan lebih meluas, dan bagi memudahkan rakyat di kawasan luar bandar mendapatkan perkhidmatan tersebut, maka Kerajaan Negeri bersetuju untuk menyediakan Klinik Bergerak atau *Mobile Clinic* (dengan izin).

130. Sebagai projek perintis, sebanyak 500 ribu ringgit akan diperuntukkan untuk pembelian ubat-ubatan. Urusan klinik bergerak ini akan diselia oleh Kuala Terengganu Specialist Hospital (KTS).

131. **Touchpoint ke-17** - Kerajaan Negeri sangat prihatin dengan nasib nelayan. Sebagai satu usaha untuk meningkatkan hasil tangkapan, Kerajaan Negeri bersetuju untuk menambah bilangan tukun-tukun tiruan.

132. Sehingga kini, Kerajaan telah membina pelbagai jenis tukun berjumlah 1,352 unit dengan peruntukan 10.8 juta ringgit. Untuk Bajet 2018 kali ini, Kerajaan Negeri bersetuju untuk memperuntukkan 250 ribu ringgit bagi pembinaan tukun tiruan dalam usaha meningkatkan sumber ikan di perairan Negeri. Usaha ini diharap dapat menyumbang kepada peningkatan pendapatan isi rumah nelayan di Negeri ini.

133. **Touchpoint ke-18** - Bagi melaksanakan Program Peningkatan Ekonomi, Bimbingan Perundangan, Program Pemantapan Keluarga Tunggal dan Sokongan Sosial, dan Program Kesedaran Penjagaan Kesihatan kepada 15 ribu ibu dan bapa tunggal, Kerajaan Negeri bersetuju untuk memperuntukkan 1 juta ringgit.

134. Seterusnya **Touchpoint ke-19** - Pemandu teksi adalah mereka yang berada di barisan hadapan atau *frontliner* (dengan izin) industri pelancongan. Mereka kini menghadapi saingan alaf baharu seperti UBER dan GRAB. Musim tengkujuh juga memberi cabaran kerana ketibaan pelancong yang menggunakan perkhidmatan teksi sedikit terjejas.

135. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri dengan ini bersetuju untuk memberikan bantuan *one-off* sebanyak 500 ringgit kepada semua Pemandu

Teksi yang aktif dan berdaftar dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat (SPAD).

136. Daripada jumlah 500 ringgit itu, sebahagiannya akan dijadikan caruman untuk "Skim Bencana Kerja Pekerjaan Sendiri" atau Skim Takaful yang dikendalikan di bawah PERKESO. Kerajaan Negeri ingin menjaga kebajikan bukan sahaja para Pemandu Teksi bahkan juga tanggungan mereka masing-masing melalui Skim Takaful yang tersebut.

137. Faedah yang bakal diperolehi oleh Pemandu Teksi termasuklah Faedah Perubatan, Faedah Hilang Upaya Sementara atau Kekal, dan Khairat Kematian. Seramai 817 orang Pemandu teksi dijangka akan mendapat manfaat dari bantuan *one-off* dan skim takaful ini.

138. **Touchpoint ke-20** - Bagi meringankan beban dan membantu penarik beca serta pengusaha bot penambang, maka Kerajaan Negeri dengan ini bersetuju untuk meneruskan bantuan bulanan sebanyak 200 ringgit bagi tahun 2018. Sumbangan ini akan memberi manfaat kepada 49 orang penarik beca dan 18 orang pengusaha bot penambang.

139. Kerajaan Negeri juga mencadangkan supaya bantuan *one-off* sebanyak 500 ringgit juga diberi kepada pemandu bas henti-henti. Sumbangan ini bakal memberi manfaat kepada 50 orang pemandu bas henti-henti.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

## **PE-TUNJANG KEDUA:**

Meningkatkan Penawaran dan Pengwujudan Peluang PEKERJAAN

140. **Touchpoint ke-21** - Bagi meningkatkan peluang pekerjaan, Kerajaan Negeri Terengganu telah mewujudkan satu sistem *online* yang dinamakan JobsTTB.

141. Program yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri melalui portal ini ialah *Terengganu Graduate Transformation Programme* (TGTP), bertujuan memberi latihan kepada graduan anak Terengganu yang belum mendapat pekerjaan dan pada masa yang sama boleh menambah pengalaman setelah mengikuti program ini.

142. Graduan yang mengikuti TGTP akan ditempatkan di syarikat-syarikat milik Kerajaan Negeri bagi meningkatkan keyakinan diri dan mendapat pendedahan kepada suasana kerja yang sebenar. Sehingga kini, program perintis telah berjaya membantu seramai 275 graduan.

143. Untuk tahun 2018, Kerajaan Negeri berhasrat untuk memperkasa program ini melalui peruntukan sebanyak 10 juta ringgit yang akan dibiayai bersama di antara Kerajaan Negeri dengan sumbangan daripada Syarikat-Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri (GLC) serta Badan Korporat. Program ini dijangka memberi manfaat kepada 1,600 graduan anak Terengganu pada tahun hadapan.

144. **Touchpoint ke-22** - Program Transformasi Ekonomi Terengganu telahpun berjalan. Namun, ianya menghadapi cabaran dari segi pelaksanaannya berikutan kejatuhan harga minyak di pasaran dunia, pasaran kewangan yang semakin ketat, pendekatan yang lebih berhati-hati yang diambil oleh pelabur dan beberapa faktor lain yang telah turut menjejaskan ekonomi Negeri.

145. Beberapa *Entry Point Project* (EPP) (dengan izin) yang telah memulakan kerja awal pembinaan atau dilaksanakan pada tahun 2017 adalah termasuk:

Pertama: Projek Pengeluaran Sarung Tangan *Nitrile Butadiene Rubber* (NBR). Melibatkan pelaburan sebanyak 970 juta ringgit di Kerteh Bio Polymer Park yang kini dalam proses pembinaan kilang.

Kedua: Projek Tanaman Jagung Untuk Makanan Ternakan. Melibatkan pelaburan 27 juta ringgit dan tanaman secara berperingkat sehingga 500 hektar dalam tahun 2017 di seluruh daerah Negeri Terengganu. Jumlah keluasan tanaman terkini adalah sebanyak 214 ekar di Daerah Setiu, Hulu Terengganu dan Kemaman.

Ketiga: Projek Pengeluaran Baja Bio Daripada Tandan Kelapa Sawit. Melibatkan pelaburan sebanyak 28 juta ringgit. Projek ini telah pun beroperasi di Daerah Setiu.

Dan Keempat: Projek Pengeluaran *Gas Bio Methane* bagi penjanaan tenaga elektrik melibatkan pelaburan sebanyak 14 juta ringgit di Daerah Kemaman dan kerja-kerja pembinaan kilang sedang berjalan. Keempat-empat EPP ini akan menawarkan 4,310 peluang pekerjaan kepada anak-anak Terengganu.

146. **Touchpoint ke-23** - Kerajaan Negeri Terengganu bergerak seiringan dengan Kerajaan Persekutuan yang memberi penekanan kepada pembangunan ekonomi digital yang inovatif. Ekonomi digital dijangka memberi sumbangan melebihi 20% kepada KDNK Negara pada tahun 2020.

147. Justeru, melalui pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS), Kerajaan Negeri Terengganu telah mengambil tindakan proaktif dengan rancangan untuk membangunkan Hub Digital Kuala Terengganu sebagai

Program Memperkasa Bandar Keusahawanan Lautan Biru (*Blue Ocean Entrepreneur Township*) atau BOETs. Hub ini akan menjadi hub kreativiti dan inovasi kepada kelompok usahawan muda Terengganu, seterusnya menggalakkan mereka menjalin kerjasama dan rangkaian niaga.

148. Hub Digital Terengganu mensasarkan penyediaan prasarana dan ekosistem yang komprehensif dengan kemudahan *Co Working Space* (dengan izin), pelaksanaan program *start up* dan *Entrepreneur Grooming* (dengan izin). Projek ini dibangunkan dalam dua (2) fasa dengan keluasan lantai seluas lebih 200 ribu kaki persegi di Ladang Tok Pelam, Kuala Terengganu. Bagi fasa pertama kos yang terlibat ialah sebanyak 12 juta ringgit.

149. Hub Digital Terengganu juga akan menjadi pemangkin kepada usaha mewujudkan perniagaan secara talian melalui Program E-Usahawan dan E-Dagang. Ianya dijangka memberi peluang kepada 525 usahawan.

150. **Touchpoint ke-24** - Taman Teknologi Terengganu (TTT) yang berasaskan kepada Revolusi Perindustrian Keempat akan dibangunkan di atas tanah seluas 2,000 ekar di Kg. Telaga Papan, Daerah Setiu.

151. TTT akan menjadi *Regional Growth Digital Centre* di Pantai Timur yang memberi keutamaan kepada Industri Kandungan, Komunikasi, Infrastruktur & Teknologi Baharu.

152. TTT dirancang dengan teliti dalam persekitaran biodiversiti Tanah Bencah Setiu, kawasan berpantai, sungai dengan berlatar belakang pulau-pulau peranginan dan tasik. Kedudukannya yang berdekatan dengan rancangan pembinaan stesen ECRL di Telaga Papan, akan menambah nilai dan daya tarikan taman teknologi ini.

153. Pelaksanaan projek ini adalah strategi penting dalam merealisasikan keseimbangan pembangunan antara wilayah yang menjadi teras Rancangan Malaysia Kesebelas. Projek ini melibatkan peruntukan sebanyak 20 juta ringgit dan dijangka dapat mewujudkan 10 ribu peluang pekerjaan berpendapatan tinggi.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

154. **Touchpoint ke-25** - Kerajaan Negeri sekali lagi merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan terutamanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana bersetuju meluluskan Projek Landasan Keretapi Pantai Timur (ECRL). Projek ini melibatkan jajaran utama sepanjang 524.4 kilometer dan jajaran sisihan sepanjang 75.9 kilometer.

155. Jajaran ini akan bermula dari Gombak, Selangor sehingga ke Kota Bharu, Kelantan dan melalui Negeri Terengganu dengan kos sebanyak 55 bilion ringgit.

Jajaran di Negeri Terengganu sahaja akan melibatkan jarak sepanjang 229.6 kilometer. Sepanjang jajaran tersebut, terdapat tujuh (7) stesen iaitu Stesen Cukai, Stesen Kemasik, Stesen Dungun, Stesen Pengkalan Berangan, Stesen Kuala Terengganu, Stesen Permaisuri dan Stesen Kota Putera.

156. Mengambil contoh projek MRT Kajang ke Sungai Buloh yang menjadi ikon cerita kejayaan, pembinaan stesen-stesen ini secara langsung dan tidak langsung akan meningkatkan lagi pembangunan di kawasan sekitar dan dalam masa sama mewujudkan ribuan peluang perniagaan dan pekerjaan.

157. Kita harus sama-sama bersyukur kerana hubungan di antara Kerajaan Negeri dan Persekutuan sangatlah baik. Satu lagi manifestasi hasil hubungan yang sangat baik ini ialah pengenalan Program MySuria.

158. Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) telah memperkenalkan Program MySuria. Sebanyak 45 juta ringgit diperuntukkan untuk golongan sasaran B40. Program MySuria ini adalah projek pemasangan Panel Solar ke atas 1,600 buah rumah kelompok B40. Setiap peserta program akan menerima pendapatan anggaran sebanyak 250 ringgit sebulan. Seramai 200 orang peserta telah dikenalpasti untuk mengikuti program peringkat Fasa Pertama.

159. **Touchpoint ke-26** - Kerajaan Negeri akan memperkenalkan Program Transformasi Belia Niaga (TBN) pada tahun 2018 bagi membantu belia membina masa hadapan melalui kerjaya keusahawanan. Sebanyak 1.2 juta ringgit diperuntukkan kepada Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu (YPU) untuk melaksanakan program ini dengan sasaran untuk melahirkan seramai 100 usahawan belia.

160. TBN dilaksanakan melalui kolaborasi secara NBOS bersama semua agensi yang terlibat dengan keusahawanan termasuk latihan, khidmat nasihat dan pinjaman. Peserta akan diberi geran perniagaan sebanyak 10 ribu ringgit setiap seorang selepas tamat latihan keusahawanan.

161. **Touchpoint ke-27** - Program Pengurus Kediaman atau *Home Manager* yang dilaksanakan telah membantu menangani masalah kebergantungan kepada pekerja asing sebagai pembantu rumah. Malah program ini adalah satu lagi contoh cerita kejayaan Terengganu kerana ia membantu golongan miskin dan ibu tunggal khususnya, meningkatkan taraf hidup dan pendapatan masing-masing.

162. Sejak tahun 2015, seramai 113 Pengurus Kediaman masih lagi berkhidmat melalui program ini. Bagi memperkasa Program *Home Manager* ini,

Kerajaan Negeri bersetuju menyediakan peruntukan sebanyak 1 juta ringgit yang akan memberi peluang pekerjaan kepada 150 orang Pengurus Kediaman.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

### **PE-TUNJANG KETIGA :**

Mengisi Keperluan PERUMAHAN Rakyat

163. **Touchpoint ke-28** - Perumahan adalah keperluan besar dalam kalangan rakyat, terutama yang tergolong dalam kelompok B40 dan M40.

164. Bagi memenuhi keperluan perumahan golongan nelayan, Projek Penempatan Semula Nelayan (PSN) akan dilaksanakan di Daerah Kemaman, Besut dan Setiu. Projek ini adalah usahasama antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

165. Untuk tujuan itu, 13 juta ringgit akan diperuntukkan bagi tahun 2018 dan seramai 200 keluarga nelayan berdaftar dijangka bakal menerima manfaat daripada projek ini.

166. **Touchpoint ke-29** - Sejak tahun 2010, lebih daripada 30 ribu keluarga telah menikmati kemudahan perumahan yang mana sebanyak 12,566 buah unit rumah telah dibina di bawah Program Perumahan Mampu Milik. Sejumlah 8,357 buah rumah dibina di bawah inisiatif Kerajaan Negeri manakala bakinya oleh pihak swasta. Melalui Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT), Kerajaan Negeri telah membina dan membaik pulih lebih daripada 18,000 unit rumah.

167. Program PPRT ini akan dijenamakan semula sebagai Program Perumahan Terengganuku Sayang (PPTS). Kerajaan Negeri akan meneruskan PPTS ini termasuk memberi tumpuan kepada golongan OKU dengan memperuntukkan sebanyak 32 juta ringgit lagi bagi tahun 2018.

168. **Touchpoint ke-30** - 800 unit rumah bakal dibina untuk golongan B40 di bawah Program *My Terengganu Beautiful New Home* (MyTBNHome) dengan anggaran kos sebanyak 40 ribu ringgit seunit.

169. Daripada jumlah ini, 20 ribu ringgit akan ditanggung oleh Kerajaan Negeri manakala 20 ribu ringgit lagi melalui pinjaman. Projek ini melibatkan peruntukan keseluruhan sebanyak 32 juta ringgit dengan menggunakan kaedah pembinaan Sistem HyperBIM.

170. **Touchpoint ke-31** - Melalui kerjasama dengan Kerajaan Persekutuan, beberapa lagi projek perumahan untuk rakyat akan dilaksanakan.

Antaranya adalah:

Pertama - Program *My Beautiful New Home* (MyBNHome). Pelaksanaan program ini adalah khusus untuk golongan B40. Sebagai permulaan, sebanyak 50 unit rumah akan dilaksanakan dengan segera di Kampung Mak Kemas, Bukit Payung, Marang di atas tanah Kerajaan Negeri seluas 6 ekar dengan melibatkan peruntukan sebanyak 2 juta ringgit.

Dan Kedua - Perumahan Penjawat Awam 1 Malaysia (PPA1M). Tambahan sebanyak 2,538 unit rumah lagi akan dibina melalui projek Perumahan Penjawat Awam 1 Malaysia (PPA1M) di seluruh Negeri.

171. **Touchpoint ke-32** - Sebanyak 3,085 unit Rumah Mampu Milik (RMM) akan dibina di seluruh Negeri sekaligus memberi manfaat kepada golongan B40 berpendapatan isi rumah sebanyak 3,500 ringgit ke bawah.

172. Pembinaan rumah-rumah ini akan bermula pada tahun 2018 dan dijangka siap pada tahun 2020. Projek ini melibatkan peruntukan sebanyak 400 juta ringgit.

173. **Touchpoint ke-33** - Kerajaan Negeri akan menubuhkan sebuah Tabung Perumahan bagi memberi kemudahan kepada rakyat membuat pinjaman tanpa faedah sehingga maksima 40 ribu ringgit. Sebanyak 30 juta ringgit telah diperuntukkan bagi tabung ini.

174. Seterusnya **Touchpoint ke-34** - Bagi membantu golongan yang tidak berkemampuan, masih belum mempunyai tanah sendiri serta memenuhi kelayakan yang telah ditetapkan, satu skim yang dipanggil Skim Khas Rancangan Tanah Berkelompok (Tapak Rumah) telah diperkenalkan. Setakat ini, Kerajaan Negeri telah menawarkan 5,939 lot tanah untuk diagihkan kepada mereka yang layak, dengan bilangan pemohon seramai 41,376 orang. Proses temuduga sedang dijalankan bagi mengenalpasti penerima yang layak.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

175. Kerajaan sangat cakna dengan keperluan perumahan untuk rakyat. Di sebalik pelbagai rancangan untuk mengisi keperluan tersebut, saya ingin memohon kerjasama semua pihak agar tidak menyalahgunakan kemudahan yang diterima.

176. Rumah-rumah di bawah skim perumahan Kerajaan adalah untuk dijadikan sebagai kediaman penerima dan bukanlah aset untuk disewa.



Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

**PE-TUNJANG KEEMPAT:**

Mendukung PEMBANGUNAN yang bersifat inklusif dan berpaksikan rakyat (*rakyat - centric*) (dengan izin)

177. **Touchpoint ke-35** - Pembelajaran Atas Talian adalah satu program tambah nilai dalam pembelajaran bagi melengkapkan pelajar dengan asas ICT dan memberi kemudahan kepada pelajar mengulangkaji pelajaran tanpa had waktu dan tempat.

178. Satu program perintis yang dinamakan Program V-Class (*Virtual Class*) (dengan izin) akan dilaksanakan dengan jangkaan manfaat seramai 50 ribu pelajar sekolah rendah dan menengah seluruh Negeri Terengganu. Sebanyak 300 ribu ringgit akan diperuntukkan bagi pelaksanaan program ini.

179. **Touchpoint ke-36** - Kerajaan Negeri sangat berterima kasih kepada PIBG sekolah-sekolah kerana berperanan membantu kecemerlangan pendidikan anak-anak kita di Negeri Terengganu.

180. Bagi meneruskan kecemerlangan pendidikan Terengganu, Program Memperkasa PIBG (PMP) akan dilaksanakan melalui peruntukan *one-off* kepada setiap PIBG iaitu sebanyak 2 ribu ringgit.

181. 1.01 juta ringgit akan disediakan bagi tujuan ini yang akan melibatkan 505 buah PIBG seluruh Negeri Terengganu. Sumbangan ini diharap dapat memberi manfaat kepada setiap PIBG dalam merangka dan merancang aktiviti masing-masing.

182. Seterusnya Kerajaan Negeri juga akan mewujudkan Program Penarafan Bintang PIBG (*Star Rating*) (dengan izin). Peruntukan sebanyak 50 ribu ringgit akan disediakan bagi penyediaan indikator khas bagi program ini yang akan dimulakan di beberapa PIBG sebagai program perintis.

183. **Touchpoint ke-37** - Bagi memastikan persatuan belia di Negeri Terengganu sentiasa bergerak aktif, Kerajaan Negeri bercadang melaksanakan Program Memperkasa Persatuan Belia (PMPB). Sebanyak 5 ribu ringgit akan disumbang kepada hampir 450 persatuan belia yang aktif dan berdaftar. Sejumlah 2.25 juta ringgit diperuntukkan bagi tujuan ini.

184. Dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri juga mencadangkan supaya dibuat Penarafan Bintang (*Star Rating*) (dengan izin) terhadap persatuan belia. Peruntukan sebanyak 50 ribu ringgit disediakan bagi penyediaan indikator khas

*Star Rating* ini. Sebagai permulaan, beberapa persatuan akan dipilih untuk program perintis.

185. **Touchpoint ke-38** - Warga Emas juga merupakan aset penting kepada Negeri kerana mereka memiliki ilmu, pengalaman dan kepakaran yang tidak mudah dicari ganti. Kerajaan Negeri bercadang untuk menyiapkan pembinaan sebuah Pusat Aktiviti Warga Emas Negeri Terengganu di Daerah Kuala Nerus dengan kos sekitar 6 juta ringgit sekaligus memberi manfaat kepada 4 ribu orang warga emas.

186. **Touchpoint ke-39** - Kita berasa sangat hiba dan sedih dengan tragedi kebakaran yang menimpa Pusat Tahfi Darul Quran Ittifaqiyah di Kuala Lumpur barubaru ini. Saya mewakili Kerajaan Negeri Terengganu merakamkan ucapan takziah kepada semua keluarga mangsa yang terkorban dalam tragedi itu.

187. Bagi menyediakan bantuan seperti peralatan keselamatan kebakaran, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan sebanyak 126 ribu ringgit untuk disumbangkan kepada pusat-pusat tahfi yang berdaftar di Negeri Terengganu.

188. **Touchpoint ke-40** - Negeri Terengganu Darul Iman dikenali sebagai Negeri yang menghasilkan ramai Qari dan Qariah yang mempunyai bacaan Al-Quran yang sangat bermutu tinggi.

189. Nama-nama seperti Dato' Hajjah Rogayah dan Haji Daud Che Man suatu ketika dahulu, dan kini Ahmad Tarmizi Ali, berjaya menempa kejayaan sehingga ke peringkat antarabangsa.

190. Bagi melahirkan lebih ramai Qari dan Qariah terbaik, Kerajaan Negeri mencadangkan Program Pembelajaran Ilmu Tajwid dan Taranum. Peruntukan awal sebanyak 140 ribu ringgit disediakan untuk tujuan tersebut.

191. **Touchpoint ke-41** - Kerajaan Negeri terus komited untuk melahirkan generasi yang celik Al-Quran. Alhamdulillah, pada tahun ini seramai 8,703 murid pra sekolah dan seramai 15 ribu murid KAFA telah berjaya khatam Al-Quran.

192. Pada tahun 2018, Kerajaan Negeri akan meneruskan program Pintar Quran ini dengan memperuntukkan sebanyak 1 juta ringgit dalam Bajet kali ini.

193. **Touchpoint ke-42** - Negeri Terengganu mempunyai sejarah yang sarat dengan tradisi keilmuan. Bagi memelihara dan memperluaskan tradisi ini kepada generasi pewaris, Kerajaan Negeri mencadangkan penubuhan sebuah yayasan yang dikenali sebagai Yayasan Tok Ku Paloh. Sebagai permulaan, sebanyak 1 juta ringgit akan diperuntukkan melalui sumbangan Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri (GLC).

194. **Touchpoint ke-43** - J3K adalah nadi Kerajaan di peringkat akar umbi. Peranannya sangat besar dalam memastikan hasrat dan amanat Kerajaan benarbenar sampai ke peringkat yang paling asas dalam masyarakat.

195. Bagi menjayakan agenda memperkasa J3K, Kerajaan Negeri bersetuju untuk meneruskan bantuan pengurusan *one-off* (dengan izin) sebanyak 5 ribu ringgit kepada setiap J3K di Negeri Terengganu. Bantuan ini akan melibatkan jumlah peruntukan sebanyak 5.27 juta ringgit.

196. Seterusnya **Touchpoint ke-44** - Kerajaan Negeri ada menerima cadangan daripada penggiat pelancong dan pengusaha bot supaya dianjurkan kursus untuk pemandu bot. Ini bertujuan untuk meningkatkan tahap keselamatan pelancong di kawasan-kawasan pelancongan seperti di Tasik Kenyir dan pulau peranginan Terengganu.

197. Cadangan ini mungkin dilihat kecil tetapi ianya baik untuk mengukuhkan kepercayaan pelancong terhadap tahap keselamatan perkhidmatan bot yang ditawarkan. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri bercadang memperuntukkan 100 ribu ringgit bagi melaksanakan Program Bimbingan dan Kursus Kelayakan Untuk Pemandu Bot.

198. **Touchpoint ke-45** - Terdapat minat yang tinggi dalam kalangan rakyat untuk menyertai program-program kesihatan seperti *Fun Run, Fun Ride* (dengan izin) dan Senamrobik di setiap daerah. Ini adalah trend yang baik untuk diamalkan.

199. Bagi menggalakkan lebih banyak penyertaan rakyat dalam aktiviti sihat sebegini, Kerajaan Negeri mengumumkan peruntukan sebanyak 500 ribu ringgit. Diharap lebih banyak program seumpama ini dapat diadakan di seluruh daerah di Negeri Terengganu.

200. **Touchpoint ke-46** - Kerajaan Negeri berasa bangga dengan pencapaian atlet dan penggiat sukan Negeri Terengganu. Banyak pencapaian yang telah diraih di peringkat kebangsaan, Asia malah di peringkat dunia.

201. Tahniah kepada Pengerusi Jawatankuasa Belia & Sukan, dan Sumber Manusia Negeri kerana berjaya menobatkan Negeri Terengganu sebagai gergasi sukan Negara.

202. Tahun 2018 adalah tahun Sukan Malaysia (SUKMA) yang akan diadakan di Negeri Perak Darul Ridzuan. Bagi memastikan kejayaan kita dalam SUKMA edisi seterusnya nanti, Kerajaan Negeri bersetuju memperuntukkan 8.7 juta ringgit melalui Bajet kali ini untuk melaksanakan pelbagai persiapan termasuk

latihan intensif dan mengadakan *sparring* (dengan izin) bersama pasukan kebangsaan.

203. **Touchpoint ke-47** - Bagi meraikan dan menghargai kejayaan atlet sukan sehingga mengharumkan nama Negeri Terengganu di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, Kerajaan Negeri mencadangkan peruntukan 1 juta ringgit untuk Anugerah Kecemerlangan Sukan.

204. **Touchpoint ke-48** - Kerajaan Negeri juga telah bersetuju untuk membina Asrama Atlet Majlis Sukan Negeri Terengganu berdekatan Mini Stadium, Kompleks Sukan Gong Badak dengan kos keseluruhan sebanyak 100 juta ringgit.

205. Bangunan yang mempunyai 2 blok menara 6 tingkat ini mempunyai 60 unit asrama yang dapat menampung seramai 650 atlet pada satu-satu masa.

206. Dengan adanya asrama ini, pihak Kerajaan melalui Majlis Sukan Negeri dapat melaksanakan perancangan pembangunan sukan dengan lebih baik dengan kos pembangunan sukan yang berkurangan.

207. **Touchpoint ke-49** - Kerajaan Negeri juga bersetuju mencadangkan peruntukan untuk membaiki dan menaiktaraf semua gelanggang futsal di bawah Kerajaan Negeri yang melibatkan semua gelanggang futsal di 32 DUN. Sebanyak 2 juta ringgit akan diperuntukkan.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

208. Selain bidang sukan, bidang pendidikan juga adalah satu lagi cerita kejayaan buat Negeri kita. Sekali lagi kita ucapkan tahniah dan syabas kepada semua warga pendidik, para guru, kakitangan Jabatan Pendidikan di seluruh Negeri, dan pihak PIBG kerana tahun 2017 adalah tahun yang penuh dengan kecemerlangan akademik dan bukan akademik.

209. **Touchpoint ke-50** - Bagi meneruskan kecemerlangan anak-anak kita dalam bidang pendidikan ini, Kerajaan Negeri mencadangkan peruntukan sebanyak 5 juta ringgit, yang mana 2 juta adalah daripada Kerajaan Negeri dan 3 juta ringgit lagi disumbangkan oleh Syarikat-Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri (GLC).

210. Peruntukan ini akan digunakan untuk pelaksanaan aktiviti kecemerlangan di peringkat Negeri, daerah dan sekolah melibatkan kelas bimbingan, tutorial dan akademik serta motivasi yang dianjurkan menjelang peperiksaan bagi menaikkan semangat dan jati diri pelajar menghadapi peperiksaan awam.

211. Peruntukan ini juga akan diguna pakai untuk pelaksanaan program celik jawi. Pada masa yang sama, langkah mengetatkan penguatkuasaan untuk mewajibkan penggunaan tulisan jawi pada semua papan tanda dan papan iklan akan diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi memartabatkan lagi tulisan jawi.

212. **Touchpoint ke-51** - Kerajaan Negeri juga ingin mengucapkan tahniah kepada semua calon UPSR, para ibu bapa, para pegawai dan kakitangan JPNT dan teristimewa, para guru. Ini adalah kerana Terengganu sekali lagi telah menunjukkan pencapaian yang cemerlang dalam Peperiksaan UPSR tahun ini. 560 orang pelajar telah mendapat 6A berbanding 271 tahun lepas, peningkatan yang sangat hebat. Tahniah dan Syabas!

213. Kerajaan Negeri dengan ini bersetuju untuk meneruskan pemberian hadiah galakan sebanyak 500 ringgit seorang melalui Skim SSPN-i kepada semua pelajar yang berjaya dalam peperiksaanpeperiksaan awam Malaysia iaitu UPSR, PT3, SPM, STPM dan STAM. Semoga Negeri Terengganu terus unggul dalam bidang pendidikan.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

214. **Touchpoint ke-52** - Pelaksanaan *Visit Beautiful Terengganu* 2017 telah berjalan dengan sangat baik. Usaha untuk menjadikan sektor pelancongan sebagai alternatif baharu kepada sektor minyak dan gas mungkin memakan masa, tetapi usaha ke arah itu sedang dilaksanakan dan mula menampakkan hasil.

215. Bagi meningkatkan lagi sektor pelancongan sebagai sektor alternatif dalam menjana ekonomi Negeri, sejumlah 80 juta ringgit akan disediakan bagi pembangunan sektor ini.

216. Kerajaan Negeri juga telah melantik PEMANDU *Associates* untuk melaksanakan Pelan Induk Pelancongan Terengganu. Melalui pelan ini, adalah diharapkan sektor pelancongan mampu memberi kesan berganda sebanyak tiga (3) kali terhadap pembangunan ekonomi dan 2.5 kali ganda dalam mewujudkan peluang pekerjaan.

217. Kerajaan Negeri juga akan meneruskan usaha membangunkan Tasik Kenyir sebagai Zon Bebas Cukai dan destinasi Eko-Pelancongan. Daripada keseluruhan peruntukan pembangunan pelancongan Negeri bagi tahun 2018, sebanyak 54.5 juta ringgit diperuntukkan bagi pembangunan projek-projek sedia ada dan baharu di Tasik Kenyir. Untuk memenuhi keperluan pelancong ke Tasik

Kenyir, Kerajaan Negeri telah membangunkan Hotel Kerajaan di Pulau Poh, Tasik Kenyir dan dijangka siap pada Ogos, 2018.

218. Isu kebersihan yang berkait rapat dengan sektor pelancongan, turut diberi perhatian oleh Kerajaan Negeri. Ekoran kejayaan menjaga tahap kebersihan di kawasan bandar, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu dan Majlis Perbandaran Kemaman telah terpilih untuk menyertai *ASEAN Clean Tourist City* yang julung kali diadakan pada tahun ini.

219. Bagi menjalankan kerja-kerja kebersihan di seluruh Negeri Terengganu, sebanyak 50 juta ringgit disediakan dalam Bajet kali ini.

220. **Touchpoint ke-53** - Saban tahun, bilangan pesakit yang mengalami masalah buah pinggang kian meningkat. Menyedari hakikat ini, Kerajaan Negeri mencadangkan penubuhan tiga (3) buah Pusat Hemodialisis di Marang, Hulu Terengganu dan Kuala Nerus. Peruntukan sebanyak 6 juta ringgit disediakan bagi memastikan ketiga-tiga Pusat Hemodialisis ini dapat digunakan untuk manfaat hampir seribu pesakit setiap tahun.

221. **Touchpoint ke-54** - Kerajaan Negeri akan melancarkan perkhidmatan *MyBAS KT* yang dikendalikan oleh SPAD. Mara Liner akan menjadi operator perkhidmatan ini. Fokus akan diberikan kepada penyediaan perkhidmatan bas di kawasan-kawasan yang laluannya mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi serta kawasan tumpuan pelancongan. Kerajaan Negeri berharap sistem pengangkutan awam ini dapat membantu dan memudahkan rakyat menjalani urusan mereka.

222. **Touchpoint ke-55** - Kerajaan Negeri ingin mengucapkan tahniah kepada Pasukan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) kerana berjaya mengurangkan kadar jenayah di Negeri Terengganu.

223. Bagi meningkatkan lagi tahap keselamatan di Bandaraya Kuala Terengganu sebagai sebuah ibu negeri, Kerajaan bercadang untuk mewujudkan konsep Bandar Selamat. Untuk tujuan itu, peruntukan sebanyak 2 juta ringgit akan disediakan untuk menambah bilangan dan menyelenggara CCTV yang sedia ada.

224. Masalah gejala sosial harus kita tangani secara bersama dan diuruskan di peringkat awal remaja. Kerajaan Negeri mencadangkan peruntukan sebanyak 500 ribu ringgit untuk menjayakan beberapa program meningkatkan sahsiah remaja seperti Program Saya Anak Terengganu Taklif, Program Ingat Sebelum Terkena dan Program Peningkatan Potensi Diri. Seramai 10 ribu remaja dijangka akan menerima manfaat daripada program-program ini.

225. **Touchpoint ke-56** - Kerajaan Negeri juga turut istiqamah untuk memperluaskan liputan capaian Terengganu Wi-Fi. Selaras dengan kejayaan penyediaan 537 *hotspot* (dengan izin) di Daerah Kuala Terengganu, Kuala Nerus, Hulu Terengganu, Marang, Besut dan Setiu pada tahun 2017, maka pada tahun 2018, Kerajaan Negeri akan melengkapkan kemudahan ini di Daerah Dungun dan Kemaman dengan peruntukan sebanyak 5 juta ringgit.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

226. **Touchpoint ke-57** - Sektor Pertanian akan terus diberi tumpuan dalam usaha Kerajaan menjamin bekalan makanan, meningkatkan pendapatan golongan yang terlibat serta mewujudkan peluang pekerjaan. Komponen tradisi sektor ini iaitu pertanian, penternakan dan perikanan terus diberi nafas baharu bagi meningkatkan pengeluaran dengan pendekatan menggunakan teknologi pembangunan pemrosesan, penyelidikan dan integrasi.

227. Perancangan dalam sektor pertanian juga memberi tumpuan kepada projek yang memberi impak terus kepada golongan sasaran iaitu petani, penternak dan nelayan dengan peruntukan keseluruhan berjumlah 23.77 juta ringgit.

228. Projek Khas Pertanian bagi tahun 2018 diteruskan dengan Projek Terengganu *Golden Corn* (TGC) yang telah diperkenalkan hasil usaha Jabatan Pertanian Negeri Terengganu. Pihak Jabatan telah mengenalpasti sejenis varieti jagung yang unik dan ianya bakal menjadi salah satu Produk Ikon Negeri yang baharu. Projek ini melibatkan peruntukan sebanyak 500 ribu ringgit.

229. Kerajaan Negeri memperuntukkan 2 juta ringgit bagi melaksanakan program-program Transformasi Pertanian Terengganu (TPT) dengan pengenalan Program Peningkatan Kualiti Madu, Program Bantuan Input Pertanian, Program Pertanian Bandar, Perikanan dan Ternakan serta Program Latihan Belia Tani.

230. **Touchpoint ke-58** - Sehingga Oktober 2017, Program Madu Ole-Ole Terengganu yang disertai seramai 196 pengusaha madu telah mencatatkan peningkatan mendadak nilai pengeluaran sebanyak 3.5 juta ringgit berbanding 1.5 juta ringgit pada tahun 2016.

231. Bagi membantu para penternak madu meningkatkan jualan, maka Kerajaan Negeri bersetuju memperuntukkan 500 ribu ringgit untuk memastikan ketulenan madu terjamin dengan pembelian peralatan berteknologi tinggi di samping aktiviti pemasaran dan penjenamaan. Program ini akan memberi manfaat kepada 200 orang pengusaha madu.

232. Buah duku, dokong dan rambutan adalah di antara buah-buahan tempatan yang sering mengalami kadar harga yang tidak menentu. Kaedah penstabilan harga akan dilaksanakan menerusi pembelian terus daripada petani serta memperbanyakkan kempen promosi buah-buahan tempatan dan *engagement* (dengan izin) dengan pihak perhotelan.

233. Kerajaan Negeri juga telah menerima permintaan daripada penternak-penternak ikan air tawar, khasnya mereka yang mengusahakan ikan tilapia merah atau "*Red Kenyir*". Bagi menyokong aktiviti penternakan ikan ini, Kerajaan Negeri dengan ini bersetuju memperuntukkan 50 ribu ringgit untuk pembelian boya bagi mengelakkan *houseboat* (dengan izin) memasuki kawasan ternakan ikan khasnya di Sungai Como dan Pantai Ali. Kecil bagi kita, tetapi saya percaya, besar bagi para penternak ikan ini.

234. Untuk membantu para nelayan pantai meningkatkan hasil tangkapan, peruntukan sebanyak 800 ribu ringgit disediakan bagi pembelian peralatan yang dapat memudahkan mereka mencari rezeki.

235. Selain itu, Kerajaan Negeri juga sedar akan perlunya penyelesaian jangka panjang untuk menangani masalah muara sungai dan pelabuhan perikanan yang cetek. Untuk itu, peruntukan sebanyak 500 ribu ringgit disediakan sebagai usaha awal untuk mendapatkan dan melaksanakan kaedah terbaik jalan penyelesaian masalah tersebut.

236. **Touchpoint ke-59** - Bagi memantapkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan satu sistem yang dapat memudahkan dan memendekkan masa bagi memproses permohonan projek pembangunan. Di bawah seliaan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan Bahagian Pembangunan Maklumat Negeri (BPMN), sistem atas talian yang dikenali sebagai MySPP akan disebarluaskan. Sukacitanya saya ingin mengumumkan bahawa sistem MySPP ini boleh digunakan sepenuhnya mulai Februari 2018.

237. Dan akhir sekali, **Touchpoint ke-60** - Bagi menghargai perkhidmatan yang telah disumbangkan oleh penjawat awam, Kerajaan Negeri bersetuju memberi bonus sebanyak 1,500 ringgit kepada penjawat awam Negeri. Daripada jumlah ini, 1,000 ringgit akan diberikan pada bulan Januari 2018, manakala baki 500 ringgit lagi akan diberikan menjelang Hari Raya Aidilfitri.

238. Atas dasar cakna pihak Kerajaan kepada penjawat awam, Kerajaan Negeri bersetuju memperluaskan bayaran bonus ini kepada semua kakitangan termasuk kakitangan sementara tanpa perjawatan, kontrak dan *ad hoc* (dengan izin). Bilangan yang bakal mendapat manfaat ini ialah seramai 12,756 orang dengan peruntukan sebanyak 19.13 juta ringgit.



239. Sebagai apresiasi kepada penjawat awam yang telah berkhidmat dengan cemerlang sepanjang perkhidmatan di Negeri Terengganu, Kerajaan Negeri bersetuju untuk menambah bilangan penerima bagi Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dengan melibatkan peruntukan sebanyak 1 juta ringgit.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

### **MASA HADAPAN YANG LESTARI**

*Baju baru kain bertekat,  
Baju belah pakai kerongsang,  
Bersatu padu kuat seikat,  
Kalau berpecah, dimakan orang.*

240. Bertemakan "Masa Hadapan Yang Lestari", Bajet kali ini dipandu oleh 4 PE-TUNJANG. Kerajaan Negeri telah menyenaraikan 60 *touchpoints* atau perkaraperkara titik sentuhan yang dianggap utama oleh rakyat dan perlu dilaksanakan dengan kadar yang segera oleh Kerajaan.

241. Bagi memastikan pelaksanaan Bajet 2018 benarbenar sampai dan menyentuh rakyat yang paling memerlukan bantuan, saya ingin mengumumkan penubuhan satu *task force* (dengan izin) yang akan menyelaras dan memantau pelaksanaan semua 60 *touchpoints* tersebut.

242. *Task force* ini akan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri, dengan melibatkan para pegawai dan juga pakar-pakar dalam bidang masing-masing. Tegasnya, *touchpoints* ini harus benar-benar mendatangkan impak kepada kelompok rakyat yang disasarkan.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

243. Saya telah memberikan intipati kepada Bajet Negeri 2018. Saya telah menghuraikan proses penyediaan Bajet yang mengambilkira pendapat dan maklumbalas orang ramai.

244. Ya, benar. Bajet pada kali ini memberi fokus kepada perkara yang mungkin dianggap kecil bagi sebilangan daripada kita. Soal nasi dagang disentuh. Begitu juga soal perkahwinan perdana, manfaat untuk penarik beca, pemandu bas, pemandu teksi, PIBG, ibu tunggal, golongan OKU, imam bilal, golongan nelayan, pemandu bot penambang, jurumandi jenazah, Qari dan Qariah, pengusaha madu, pesakit buah pinggang, warga emas, golongan mahasiswa, golongan miskin dalam senarai e-kasih dan usahawan kecil.

245. Tegasnya, Bajet ini adalah Bajet untuk mereka.

246. Kita tidak bercakap soal yang terlalu tinggi melangit sedangkan ia mungkin tidak berpijak di bumi yang nyata. Sebaliknya, kita bercakap mengenai perkara asas, memberi lebih fokus kepada apa yang penting buat rakyat.

247. Isu menangani peningkatan kos sara hidup, isu peluang pekerjaan dan isu perumahan diberi perhatian oleh Kerajaan Negeri. Mungkin kecil bagi kita, tetapi saya percaya, besar maknanya kepada rakyat.

248. Apapun kita tidak lupa tentang isu besar yang melibatkan Kerajaan Negeri. Antaranya, isu Dana Khas Kerajaan Persekutuan, isu Bertam, tidak sesekali dilupakan. Namun, isu-isu yang lebih menyentuh hati rakyat diberi keutamaan dalam Bajet kali ini.

249. Bajet 2018 juga ialah pembentangan Bajet yang terakhir sebelum Parlimen dibubarkan bagi membuka laluan kepada Pilihanraya Umum yang ke-14. Kepada semua rakyat jelata, sekali lagi saya ingin nyatakan bahawa saya dan rakan-rakan dalam Barisan Kerajaan, sudah berusaha dengan bersungguhsungguh untuk kebaikan rakyat.

250. Terserah kepada rakyat untuk menilai dan membuat pertimbangan terbaik.

251. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua pegawai dan kakitangan Kerajaan, khususnya Pasukan Bajet 2018 dari Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Unit Perancang Ekonomi Negeri yang dipimpin oleh Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri. Terima kasih di atas usaha kalian yang bertungkus lumus menyediakan Bajet 2018 ini.

252. Bajet ini adalah Bajet kita bersama. Kerana kita yang merangkanya secara bersama.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

253. Firman Allah Subhanahu Wata'ala yang bermaksud:

*"Katakanlah, Ya Allah pemilik kekuasaan (kerajaan) alam semesta. Engkau memberi kekuasaan kepada sesiapa yang Engkau kehendaki. Engkau mengambil semula kekuasaan itu dari sesiapa sahaja yang Engkau mahu. Engkau berkuasa memuliakan dan menghina siapa yang Engkau mahu. Di tangan-Mu*

*(Ya Allah), segala kebaikan dan kekayaan”  
(Surah Aali Imraan, ayat 26)*

254. Di awal pembentangan Bajet ini tadi, saya ada menyebutkan bahawa Negeri Terengganu Darul Iman ibarat peribahasa Melayu, air jernih, ikannya jinak. Negeri yang aman dan teratur. Rakyatnya juga berbudi bahasa.

255. Marilah sama-sama kita berdoa semoga air yang jernih, tidak dikeruhkan dan ikan yang jinak, tidak pula diliarkan. Kerana Negeri Terengganu ini sebenarnya, Molek Doh.

256. Terengganu...Molek Doh! Terengganu...Molek Doh! Terengganu...Molek Doh! Kepada Allah jua saya berserah.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya mohon mencadangkan.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Air Putih selaku penyokong. Alhamdulillah wa syukurillah. Hampir 1 jam 35 minit Ucapan Bajet yang disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar tadi. Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi Bacaan Kali Yang Kedua oleh Yang Berhormat Air Putih.

Kalau tuan pikat Kenari,  
Jangan patahkan batang Bemban,  
Terima kasih banyak Yang Amat Berhormat Dato' Seri,  
Bajet Negeri selamat dibentangkan.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat yang dikasihi Allah Subhanahu Wata'ala. Bagi memberi ruang dan peluang kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat mengkaji, meneliti dan seterusnya membuat justifikasi pada Ucapan Bajet yang telah disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri sebentar tadi. Maka saya berhasrat untuk menanggungkan Persidangan Dewan ini ke esok hari, insyaAllah.

Rumah besar tiang sebatang,  
Rumah kecil tiang delapan,  
Bajet Negeri telah dibentang,

Besok bolehlah Y.B. bahaskan.

Merdu bertingkah alunan suara,  
Kadang tak sedar tersilap kata,  
Andai terlanjur patah bicara,  
Serendah hati kemaafan dipinta.

Oleh yang demikian, masa saya tangguhkan Persidangan Dewan yang mulia ini kepada pukul 9.30 pagi esok, 12 Disember 2017. Marilah kita sama-sama menyudahi dengan membaca surah Al-`Asr. Aqulu qauli haza li walakum wa astaghfirullah hal azim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 1.20 TENGAH HARI.**

---

**PERSIDANGAN**

**PADA HARI SELASA, 22 NOVEMBER 2016**

---

---

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA  
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

---

**HADIR:**

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA  
Dato' Haji Mohd Zubir bin Embong, DPMT.,PJK.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU  
Dato' Seri Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman, SSMZ.  
WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Putera bin Tengku Awang, DPMT.  
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Jidin bin Shafee, DPMT.,DMSM.,KMN.  
WAKIL PERMAISURI

Yang Berhormat Dato' Haji Rozi bin Mamat, DPMT.,SMZ.  
WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Haji Ir. Rosli bin Othman, AMN.  
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Haji Nawli bin Mohamad, SMT.,PJK.  
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Haji A. Latiff bin Awang, PJC.,PJK.  
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Haji Roslee bin Daud, AMZ.,PPN.  
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Ghazali bin Taib, AMZ.  
WAKIL AJIL

Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad Pehimi bin Yusof, DPMT.,PPN.  
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Ahmad bin Said, SSMZ.,DPMT.,ASM.,PJK.  
WAKIL KIJAL

Yang Berhormat Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar, AMT.

WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Dato' Haji Sabri bin Mohd Noor, DIMP.,PPN.,PJK.  
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Haji Mohd Mahdi bin Musa, AMT.  
WAKIL KOTA PUTERA

Yang Berhormat Haji Bazlan bin Abd. Rahman, AMT.,PJK.  
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Haji Mohd Iskandar bin Jaafar, PJK.  
WAKIL JABI

Yang Berhormat Tengku Zaihan bin Che Ku Abd. Rahman, PJK.  
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Haji Satiful Bahari bin Mamat  
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, SSMT.  
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi, AMT.  
WAKIL BATU BUROK

Yang Berhormat Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut, PJC.  
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak  
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Azan bin Ismail  
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Haji Mohd Nor bin Hamzah  
WAKIL BUKIT PAYONG

Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar,  
DPMT.,PJC.,PJK.,BLB.  
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Ariffin bin Deraman  
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Ridzuan bin Hashim  
WAKIL TELUK PASU

Yang Berhormat Haji Hishamuddin bin Abdul Karim  
WAKIL TEPOH

Yang Berhormat Haji Wan Hapandi bin Wan Nik  
WAKIL SURA

Yang Berhormat Haji Hilmi bin Harun  
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Alias bin Harun  
WAKIL RANTAU ABANG

**TIDAK HADIR (DENGAN MAAF):**

Yang Berhormat Haji Hanafiah bin Mat  
WAKIL CUKAI

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI  
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
Dato' Wan Nawawi bin Haji Wan Ismail, DPMT.,SMZ.,PJC.,PJK.  
YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI  
Dato' Azhar bin Abdul Hamid, DSAP.,AMK.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI  
Encik Zulkifly bin Isa, PJK.



### PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah rabbil 'alamin. Nahmaduhu wan nastain. Wanastaghfiruhu Wa nauzubillahi min syuruhi anfusina. Wa minsayi'ati a'malina man yahdihilah fala mudillalah. Wamin yudhilhu fala haadiyalah. Allahumma Salli'ala Sayyidina Muhamaddin wa'ala alihi wasahbihi ajmain. Ammaba'd.

**Rabbish**-rah li **sadri** wa yassir li amri **wah-lul** 'uqdatan min lisani yafqahu qawli. Rabbi yassir wala tu'assir. Rabbitammim bikhoir. Innahu min sulaiman wainnahu Bismillahir Rahmanir Rahim.

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera. Salam Negaraku Sehati Sejiwa. Salam Transformasi Terengganu Baharu. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, para Pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan yang dimuliakan Allah Subhanahu Wata'ala. Mesyuarat disambung semula.

Terima kasih banyak kehadiran Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat-Yang Berhormat dan hampir semua Yang Berhormat yang hadir pada hari ini kecuali ada yang tak sampai lagi. Di pihak Kerajaan, terima kasih banyak yang hampir penuh. Kita ada Kuala Besut, kita ada Jabi, Batu Rakit, Air Putih, kita ada DUN Kijal dan kita ada semua di sebelah pihak Exco.

Sebelum saya meneruskan ucapan yang muluk-muluk pada pagi ini dan sebagai mematuhi perintah Allah Subhanahu Wata'ala yang selalu dibaca oleh Khatib semasa memberi Khutbah Jumaat: "Innallaha wa malaikati yusolluna'alan nabi. Ya ayyuhallazina amanu sollu 'alaihi wassalamu taslima". Dan sebagai

menzahirkan kasih dan sayang kita terhadap Nabi Junjungan Muhammad Sallahu 'Alaihi Wassalam insan terpuji asbab kepada kita mengenal Illahi hingga kini. Marilah kita sama-sama sekali lagi berselawat 10 kali. [Allahumma Salli'ala Muhammad Wa'ala Ali Muhammad - dibaca 10 kali]. Jazakallahu khairan jaza'.

Persidangan kita pada hari ini 12 Disember 2017 akan dimulakan sebagai sahaja selesai saya berucap dan peringatan daripada saya ialah Soalan-soalan Lisan. Insyallah bagi sesi Soalan-soalan Lisan saya akan memperuntukkan selama satu jam seperti biasa. Mematuhi Fasal 57(5), apabila saya membenarkan atas budibicara saya lebih dari dua soalan tambahan dibenarkan maka tidak banyak soalan tambahan Soalan Lisan yang boleh ditanya oleh Yang Berhormat yang berikutnya yang mengemukakan Soalan Lisan terlebih awal. Oleh itu, saya amat-amat berharap kita patuhilah dua soalan tambahan sahaja.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan Soalan-soalan Lisan untuk hari ini, 12 Disember 2017 adalah seperti berikut:-

1. Y.B. Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar  
(Wakil Air Putih)
2. Y.B. Dato' Haji Sabri bin Mohd Noor  
(Wakil Langkap)
3. Y.B. Haji Mohd Mahdi bin Musa  
(Wakil Kota Putera)
4. Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi  
(Wakil Batu Burok)
5. Y.B. Haji Bazlan bin Abd. Rahman  
(Wakil Batu Rakit)
6. Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut  
(Wakil Wakaf Mempelam)
7. Y.B. Haji Mohd Iskandar bin Jaafar  
(Wakil Jabi)
8. Y.B. Tengku Zaihan bin Che Ku Abd. Rahman  
(Wakil Kuala Besut)
9. Y.B. Azan bin Ismail  
(Wakil Bandar)
10. Y.B. Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar  
(Wakil Ladang)

11. Y.B. Ariffin bin Deraman  
(Wakil Alur Limbat)
12. Y.B. Haji Hanafiah bin Mat  
(Wakil Cukai)
13. Y.B. Haji Ridzuan bin Hashim  
(Wakil Teluk Pasu)
14. Y.B. Haji Hishamuddin bin Abd. Karim  
(Wakil Tepoh)
15. Y.B. Haji Wan Hapandi bin Wan Nik  
(Wakil Sura)
16. Y.B. Haji Hilmi bin Harun  
(Wakil Manir)
17. Y.B. Haji Alias bin Harun  
(Wakil Rantau Abang)

Insyallah bagi mematuhi Fasal 7 dan Fasal 9, kita akan berehat selepas itu selama setengah jam dan kita akan sambung balik selepas rehat dengan sesi Perbahasan Bajet 2018 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar semalam. Insyallah pada Penyokong Enakmen, saya akan memberikan masa 15 minit manakala Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain selama 10 minit.

Sekali lagi saya menyeru kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang dirahmati Allah Subhanahu Wata'ala yang ingin mengambil bahagian dalam sesi perbahasan ke atas Enakmen Perbekalan 2018 ini patuhilah masa yang telah saya berikan. Juga semasa berbahas patuhilah Fasal 46. Nak tegur, tegurlah secara baik dan nak mencelah ikutlah peraturan. Hormatilah dan patuhlah hak Yang Berhormat lain jika sekiranya kita mahukan hak kita dihormati. Sekali lagi saya mengajak semua Ahli Yang Berhormat yang dimuliakan Allah agar sama-sama dapat membantu saya. Bantulah saya mewujudkan suasana ukhwah Islamiah yang tinggi dalam Dewan yang mulia ini. Dalam apa bicara, marilah kita bersama-sama kita letakkan Allah sentiasa di hadapan kita. Biarlah setiap tutur bicara kita semua dinilai oleh Allah Subhanahu Wata'ala sebagai ahsanul amalan setiap masa sebelum ajal datang menerkam bila-bila. Marilah kita semua sebagai pemimpin yang hebat, yang berdarjat, yang diangkat oleh rakyat mampu dapat menyejukkan diri kita dalam suasana yang panas. Kebiasaannya barang yang panas ni tidak tahan lama, ibaratnya kalau kita nak makanan seperti ikan, daging dan sayuran nak tahan lama kita tidak letakkan di luar di tempat-tempat yang

panas tapi kita letak dalam peti sejuk untuk memastikan ianya dapat bertahan lebih lama.

Sidang DUN yang mulia pada hari ini disaksikan oleh Pemerhati-Pemerhati yang datang dari pelbagai kumpulan. Dalam senarai Pemerhati yang saya terima saya mengalu-alukan kedatangan:-

1. Majlis Tindakan DUN Sura (PAS).
2. KEMAS Negeri Terengganu.
3. Biro Tatanegara.
4. Pejabat DUN Bandar (PKR).
5. Sek. Keb. Jeneris.
6. Pejabat DUN Alur Limbat (PAS).
7. Pejabat DUN Batu Burok.
8. Pejabat DUN Jabi (40 orang - BN).
9. Dewan Pemuda PAS Negeri Terengganu.
10. Pejabat DUN Pengkalan Berangan (BN).
11. Pejabat DUN Ajil (BN).
12. Kelab Kebajikan Anak Muda Kuala Terengganu.
13. Penolong Pegawai Belia & Sukan Parlimen.
14. SERIKANDI yang diketuai oleh To' Puan Seri
15. UMNO Kuala Nerus
16. Wakil Kumpulan RETU Dan JITU (Pendidik).
17. Wakil Persatuan Kebajikan Isteri-Isteri Polis (PERKEP).
18. Alumni GPMS.
19. TATIUC dan;
20. Wanita UMNO Bahagian Kemasik.

Sekali saya menyeru kepada semua Ahli Yang Berhormat yang dimuliakan Allah agar kita melakukan tanggungjawab amanah kita secara tertib, tokma'ninah dan beramanah sebagai menghargai kehadiran Pemerhati dari seluruh pelosok negeri.

Oleh kerana Sidang DUN ini disiarkan secara lintas langsung oleh media rasmi maka tidak dibenarkan sebarang rakaman tidak rasmi dilakukan semasa Dewan bersidang. Elakkan berselfie semasa Dewan bersidang. Saya juga mengucapkan jutaan terima kasih kerana saya yakin dan percaya semua telefon telah diletakkan dalam mode senyap agar tidak mengganggu perjalanan Dewan yang mulia ini.

Akhir kata, selamat menunaikan amanah semoga murakiah-mulakiah pada kali ini lebih aman, tenang, cemerlang dirahmati Allah Tuhan pencipta alam. Amin. Sekian. Aqulu qaulihaza wa astaghfirullahal azim li walakum. Wabillahi taufik wal hidayah. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Sekarang saya mempersilakan Soalan Lisan untuk hari ini, 12 Disember 2017 (Selasa) dari ADUN Batu Burok untuk mengemukakan soalan. Silakan.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, soalan saya soalan nombor satu -

*Apakah perkembangan Taman Ilmu di Tembila Besut?*

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri, Ahli-ahli Yang Berhormat serta para Pemerhati. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Soalan daripada Batu Burok ringkas sahaja: Apakah perkembangan Taman Ilmu di Tembila, Besut?

Alhamdulillah, di atas kebijaksanaan dan perancangan pihak Kerajaan yang telah merancang dan memikirkan sekian lama tentang permasalahan di Taman Ilmu di Tembila Besut ini. Dan setelah perundingan dengan KPT (Kementerian Pengajian Tinggi), pihak UniSZA telah bersetuju untuk menggunakan satu blok asrama sebagai Asrama Pelajar UniSZA untuk Kampus Tembila Besut setakat hari inilah. Dan insyaAllah, ada beberapa perundingan lagi dengan pihak-pihak lainlah. InsyaAllah, dalam masa terdekat ini Kampus Tembila ini akan digunapakai sepenuhnya. Jadi tidak timbullah masalah pembaziran, dibiarkan dan sebagainya. Dan yang terbaru insyaAllah pada awal tahun depan pihak UPEN telah merancang dan menyediakan peruntukan sebanyak RM2.7 juta untuk pagar di kawasan keseluruhan Kampus Taman Ilmu ini dan dijangka jika tidak ada aral melintang pada bulan Februari 2018 akan dimulakan kerja-kerjanya. Ini adalah untuk dari segi keselamatan juga untuk menjaga harta-harta di dalam kawasan tersebut. Okey, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih Pengkalan Berangan. Sila soalan tambahan pertama daripada Batu Burok. Silakan.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Soalan tambahan saya, di dalam sesi yang lepas kita telahpun dimaklumkan tentang perancangan yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri. Taman Ilmu ini bagi saya cukup sentimental Yang Berhormat, sebab ianya meliputi lebih daripada 700 ekar dan perbelanjaan yang telah dibelanjakan telah mencecah lebih daripada RM300 juta.

Saya ingin mendapat jawapan dalam Dewan ini, apakah perjanjian yang telah ditandatangani oleh Kerajaan Negeri dengan POSTI Sdn. Bhd. yang mana dalam perjanjian ini memberikan konsesi selama 60 tahun kepada POSTI untuk

membangunkan dan menguruskan Taman Ilmu ini. Di mana kedudukan perjanjian di antara Kerajaan Negeri dengan POSTI ini sendiri. Saya pohon penjelasan?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Batu Burok.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Terima kasih Batu Burok. Taman Ilmu ini RM300 juta kos keseluruhan dan yang sebenarnya RM300 juta ini kita dah laksanakan, skop kerja-kerjanya dah selesai sebenarnya. Kita ada beberapa parcel di sini seperti Parcel A, B, C, D dan seterusnya sehingga ke Parcel H - H6. Isunya apabila kita serah kepada POSTI untuk diberi konsesi selama 60 tahun untuk majukan termasuk untuk buat pengisian di sini, jadi semua kita tahu dan pihak Kerajaan Negeri sendiripun sudah ketahu bahawa POSTI ni bermasalah kepada Taman Ilmu sendiri dan juga kepada pihak Kerajaan. Jadi perjanjian dengan POSTI ini telah ditamatkan dan diselesaikan melalui perbincangan. Dan perkara ini Kerajaan telus dan sekarang ini seluruh Taman Ilmu ini di bawah pengurusan pihak UPEN. Jadi kita tidaklah bawa ke mahkamah ke apa, kita berbincang dan bawa perundinganlah .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya pohon Yang Berhormat memberitahu tentang terma-terma penyelesaian di antara Kerajaan Negeri dengan POSTI. Apakah terma-terma penyelesaiannya?

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Penyelesaiannya, perjanjian telah dibuat, kita pakai guaman apa semua sekalilah. Dan kita telah membuat bayaran kepada POSTI di luar mahkamah. Tuntutan dibuat sebanyak lebih kurang RM40 juta, ini telah selesai sebab Kerajaan memikirkan kalau tidak diselesaikan secara ini dan jika dibawa ke mahkamah mungkin akan menjadi lebih besar dan nak tak nak, kita terpaksa bayarlah. Jika kita tidak selesaikan perkara ini sekarang dan POSTI nampaknya sudah tidak bertanggungjawab dan akhirnya kita akan kerugian dengan RM300 juta pembinaan bangunan kita di Parcel A juga Parcel H ini, dia akan bertambah apabila di luar kawalan sedangkan kita nak urus di situ tak boleh sebab kita bagi kepada POSTI. Jadi sekarang bila kita dah selesaikan dengan POSTI, memang sekarang kalau kita lihat sekali imbas, kita kerugian RM40 juta kita bayar kepada POSTI ini.

Walau bagaimanapun, untuk pengetahuanlah semua bahawa hari ini insyaAllah, dengan perundingan yang kita buat, beberapa pihak telah bersetuju dengan Kerajaan/UPEN untuk diisi tempat ini dalam masa terdekat. UniSZA dah selesai, UniSZA dah masuk pun dan akan berunding, buat perjanjian dengan Kerajaan Negeri bahawa mereka sanggup dan bersedia untuk menggunakan satu blok

asrama yang boleh mengisi 270 orang sebagai untuk tambahan asrama di Kampus UniSZA di Tembila itu sendiri.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, saya beri kepada Batu Burok satu lagi. Terima kasih Bukit Payong.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Isu ini kita telahpun banyak sebut dalam Dewan ini kerana telah berlaku kerosakan yang amat ketara dalam masa dan waktu POSTI Sdn. Bhd. mengambil alih pengurusan dan pembangunan semula Taman Ilmu ini sendiri. Dan saya melihat kepada kos untuk membaiki sahaja kerosakan dewan, kerosakan stadium, kecurian kabel, kecurian *sportlight* untuk stadium dan pelbagai kerosakan yang ada ini dianggarkan untuk membaiki sahaja Kerajaan Negeri terpaksa membelanja lebih dari RM200 juta untuk membaiki dan memulihkan infra ini sahaja. Jadi ini suatu kos yang besar. Dan untuk makluman Yang Berhormat, pembayaran balik ini bukan RM40 juta, ia lebih daripada RM40 juta, saya ada *check* RM12 juta, RM12 juta, RM10 juta dan RM15 juta yang dibayar oleh Kerajaan Negeri kepada sebuah *company lawyer* Jayasuria Thakurdas & Co.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalannya Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Soalan saya, kita telah membelanjakan kos yang sebegitu besar dalam Taman Ilmu ini. Jadi apa jaminan untuk kita mengembalikan, memulihkan aspirasi rakyat Terengganu nak tengok bahawa Taman Ilmu ini berjaya. Semua rakyat boleh merasakan dalam keadaan kita sekarang ini, rakyat, anak-anak pelajar tidak ada biasiswa, tidak ada pinjaman dan sebagainya, kita tengok Taman Ilmu depan mata kita yang telah kita berbelanja banyak ini gagal. Maka saya tidak mahu ini berlaku. Dan persoalan saya, terma-terma penyelesaian ini adakah melibatkan POSTI untuk memulihkan kembali Taman Ilmu ini ataupun Kerajaan Negeri sahaja yang terpaksa belanja balik beratus juga untuk memulihkan infra yang telah rosak ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Batu Burok, panjang dah.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Terima kasih Batu Burok minta penjelasan bagi soalan yang kedua. Saya ingat lepas ni tak timbullah isu-isu pasal Taman Ilmu ini, saya ingat tidak dijadikan satu isu kepada rakyatlah.

Alhamdulillah, setelah sekian lama isu Taman Ilmu dan juga POSTI, POSTI saya dah beritahu tadi, kita dah selesaikan, POSTI sudah tidak ada tanggungjawab

lagi, dia dah keluar dan kitapun tak nak berunding lagi dengan POSTI sebab kita dah selesai melalui perundingan tadi.

Saya nak beritahu memang kerosakan di Taman Ilmu ini banyak seperti kabel, siling pecah, sebahagiannya runtuh dan sebagainya semua dah tahu. Dan hari ini insyaAllah, Kerajaan Negeri tak payah keluar duit pun untuk baik pulih sama ada kosnya RM100 juta ke, RM200 juta ke, kita tak payah keluar duit sebab perundingan yang kita, Kerajaan Negeri buat pada hari ini dengan KPT (Kementerian Pengajian Tinggi) alhamdulillah, UniSZA dah masuk. UniSZA sanggup berbelanja sebanyak RM10 juta dan dah belanjapun. UniSZA melalui KPT (Kementerian Pengajian Tinggi) di mana satu blok asrama yang digunakan oleh UniSZA ini dia terpaksa baiki sebanyak RM5 juta. Okey, UniSZA, KPT sanggup membiayai kos untuk baik pulih, baiki mana-mana yang patut di blok asrama tadi. Dan RM5 juta lagi tu UniSZA telah berbelanja untuk mengkabel balik kabel-kabel yang rosak, elektrik dan sebagainya dan hari ini dengan RM10 juta ini yang dibelanjakan oleh KPT semua blok asrama tadi telah boleh digunapakai elektriknya. Kita ada enam blok. Saya nak beritahu, saya nak cerita sikit takut orang tak faham. KPT ini dia bayar RM10 juta ni telah buat perundingan dengan pihak UPEN bahawa UniSZA, KPT kena sewa dengan Kerajaan Negeri sebanyak RM1 juta setahun untuk satu blok asrama ni. Jadi bila RM1 juta setahun, UniSZA telah habis RM10 juta bermakna dalam masa 10 tahun kita tak ambil bayaran daripada UniSZA. Setelah 10 tahun, Kerajaan melalui UPEN akan buat *collection* sebagai sewa. Ini adalah pelan penyelesaiannya. Jadi sekarang UniSZA dah masuk dan 270 pelajar akan masuk di situ. Yang Amat Berhormat Dato' Seri dah pergi buat pelancaran hari itu. Inilah pelan kita tanpa mengeluarkan duit.

Yang kedua, hari ini alhamdulillah, UMT (Universiti Malaysia Terengganu) sedang buat perundingan sekarang dengan pihak JKR untuk *nego* harga. Dia akan menggunakan satu blok asrama. Tadi UniSZA dah ambil satu dah, kita ada enam blok dan satu blok asrama akan digunapakai oleh UMT. Okey, tinggal empat blok lagi asrama. Dan satu perpustakaan di Kampus Tembila ini akan diuruskan oleh UMT tanpa kita mengeluarkan duit, kalau ada rosak ke apa-apa, dia akan uruskan sendiri, konsepnya pun sama juga dan sekarang ini sedang membuat perundingan dengan JKR.

Yang ketiga, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia juga bercadang untuk menggunakan Pusat Pelajar Parcel D. Di mana di Parcel D di Taman Ilmu ini kita ada empat bangunan satu tingkat dan satu buah Pusat Kesihatan. Universiti Tun Hussein Onn ini dia nak ambil habis satu parcel tu. Di Parcel D ini dia akan menubuhkan Pusat Penyelidikan Dan Pengkhususan Kajian Teknologi Geometrik berfokus kepada Pusat Kecemerlangan Geometrik Gunaan Dan Pencegahan Bencana. Ada satu perkembangan barulah. Ini kita kena warwarkan kepada orang-orang Terengganu hak lama dah duk main pasal ni, kadang-kadang di luar



sana persepsi negatif sangat kepada Kerajaan. Jadi saya harap lepas ni tidak ada isu lagi. Kena ceritalah, alhamdulillah dah hari ini, Kerajaan Negeri Terengganu dah selesai dah, jadi rakyat Terengganu duduk diam-diamlah, jadilah duk bercerita pasal Kampus Tembila ni, Taman Ilmu ni.

Kemudian yang ketiga, ASWARA. ASWARA ni dipanggil Akademi Seni Budaya Dan Warisan Kebangsaan di bawah Kementerian Pelancongan. Dia akan ambil satu blok asrama, satu blok asrama dia nak sewa. Konsep dia macam tadi juga, dia baiki-baiki ..... Macam ginilah nak cerita, kita ada rumah .... Ni takut-takut Pemerhati tak faham, ya. Kita ada rumah yang kita biarkan lepas tu ada kerosakan, tiba-tiba ada datang orang nak menyewa. Kita kata okey, saya nak bagi sewa RM500 sebulan tapi yang rosak-rosak tu baikilah. Kalau habis RM1,500 kos yang dibaiki, maka tiga bulanlah kita tidak ambil sewa daripada penyewa tu. Jadi UniSZA tadi dalam masa 10 tahun kita tidak ambil sewa.

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Nak tanya yang tadi .....

YANG BERTHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Okey, dengar saya jawab dulu, tak habis lagi. Duduk dulu.

Kemudian satu lagi, sekarang ini kita sedang buat penawaran, berunding dengan pihak-pihak lain yang berminat dan insyaAllah, saya yakin dalam masa setahun atau dua tahun akan datang keseluruhan Taman Ilmu ini akan digunapakai. Kita ada satu lagi fasiliti di sini yang kita rasa boleh untuk dibangunkan iaitu Sport Center. Kita ada Pusat Sukan di situ yang cukup menarik, kita padang yang canggih, kita ada Dewan Squasy dan sebagainya di situ yang ini saya yakin ada pihak yang menguruskan. Pihak Kerajaan sudah ada pelan ini, sedang berunding sekarang untuk menguruskan Sport Center ini dan saya yakin di situ akan jadi ramailah orang nak sewa padang ke, Dewan Squasy dan sebagainya. Kemudian kita ada lain-lain lagi yang tak banyak dah, kemudian apabila kita buat pagar nanti RM2.7 juta pada Februari tahun depan akan menjadi masalah kepada orang-orang yang nak menceroboh masuk, nak curi apa semua tak bolehlah. Ini benda-benda yang positif yang harus kita khabarkan kepada rakyat kita hari ini bahawa Taman Ilmu tak perlu digusarkan lagi.

Dan yang terbaru, ECRL Station kita di situ ada satu. Bayangkan di situ sikit masa lagi ECRL ada stesyen di situ dan saya rasa Taman Ilmu akan jadi toplah. Dan yang menariknya Taman Ilmu ini, saya nak beritahu Pemerhati-pemerhati semua biar tahu deh Taman Ilmu ini yang menariknya dia macam-macam ada; Univerisiti Tun Hussein Onn ada di situ, UniSZA ada di situ, UMT ada di situ, ASWARA ada di situ. Oh, hebat, terhebat. Jadi konsep asal kampus ini .....

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Tapi Dato' Yang Dipertua, perbelanjaannya ialah Kerajaan yang tanggung itu dipanggil *Back Charging* bukan UniSZA yang tanggung, kita yang tanggung.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Saya ingat tak payah jawab. Okey ni dah jadi soalan ketiga. Soalan ketiga tu. Dato' Yang Dipertua, sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih banyak, panjang dah lebih 20 minit satu soalan. Saya dah cakap, minta maaf banyak Bukit Payong.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Tadi janji dengan Alur Limbat dia nak bagi soalan.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Alur Limbat nak tanya soalan sama jugak.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya tak nak ulang baliklah. Tolonglah, ni tahun kelima dah. Nak saya baca satu-satu. Ada yang kata .....

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Dato' Yang Dipertua, Exco menjawab kecekapan Kerajaan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tepoh, sebelum bicara kita ada adab. Kita seorang makmun nak tegur Imam pun kena ada adab. Tolong.... Duduk Tepoh.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Saya minta izin.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kejap Tepoh. Duduk. Tepoh biasa berceramah, saya nak ingatkan adinunasihah di sini. Tak ada *duninism*, dunia dengan akhirat, tak ada *duninism*. Apa yang dibuat di dunia sampai akhirat tak kira apa. Tepoh, peraturan kena ikut.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Boleh dok Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Minta maaf Alur Limbat, saya tengah bercakap. Peraturan kena ikut.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Saya nak ikut peraturan ..... dunia akhirat .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Baik, terima kasih. Tepoh saya nak minta duduk. Alur Limbat terima kasih banyak. Saya nak minta Batu Rakit menyampaikan soalan seterusnya. Silakan.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, soalan saya soalan nombor satu -

*Apakah bidang kuasa di bawah Kerajaan Negeri dalam pengurusan alam sekitar?*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, sila Kemasik.

YANG BERHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Bismillahir Rahmanir Rahim. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, wakil-wakil ketua-ketua jabatan, wakil media, para Pemerhati yang dirahmati Allah sekalian. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Wakil Batu Rakit bertanyakan: Apakah bidang kuasa di bawah Kerajaan Negeri dalam pengurusan alam sekitar? Bidang kuasa Kerajaan Negeri dalam pengurusan alam sekitar adalah melalui peranan dan tanggungjawab yang nombor satunya oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan juga jabatan-jabatan lain, antaranya; Jabatan Alam Sekitar Negeri Terengganu. Bidang kuasa ini tertakluk kepada beberapa akta berdasarkan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya. KPT berperanan untuk memberi perkhidmatan seperti pembersihan, pengumpulan dan pembuangan sampah sarap di bawah Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133) dan undang-undang kecil yang di bawahnya. PBT berperanan untuk memastikan supaya undang-undang dipatuhi oleh orang awam semasa projek pembangunan dilaksanakan. Manakala melalui Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172), PBT boleh mengawal pembangunan bagi sebuah daerah, contohnya; dengan menggunakan garis panduan-garis panduan yang ada. Di antara undang-undang kecil yang dilaksanakan oleh PBT termasuklah mengawal dan menjaga kebersihan di dalam kawasan operasi, mengawal kacau ganggu persekitaran dari aktiviti yang berhampiran sama ada pembuangan sisa, bau dan pencemaran udara dari kawalan lesen-lesen aktiviti yang bersangkutan. Mengezonkan kawasan-kawasan hijau di bawah Perancangan Tempatan Daerah,

menghadkan pembangunan di kawasan-kawasan yang berisiko seperti serta mensyaratkan kepada pembangunan yang sedia ada dari segi kawalan persekitaran. Merancang pelan pembangunan, mengawal terhadap sungai-sungai terhadap kawasan atau punca-punca outlet ke sungai dari aktiviti perniagaan. Dalam pelaksanaan setiap pembangunan di negeri ini, Kerajaan Negeri sentiasa menyelaraskan projek-projek yang ingin dibangunkan dengan mengambil kira pandangan serta ulasan daripada jabatan yang terlibat, antaranya; Jabatan Alam Sekitar Negeri dan juga Pihak Berkuasa Tempatan. Ini kerana pembangunan yang dijalankan adalah merujuk kepada dasar Alam Sekitar Negara yang digunapakai oleh setiap negeri di bawah Jabatan Alam Sekitar.

Selain daripada itu, dalam menjadikan pembangunan yang dilaksanakan ini selari dengan kelestarian alam sekitar, kini telah banyak program-program yang dijalankan bagi meningkatkan kesedaran orang ramai tentang pentingnya menjaga alam sekitar seperti mengadakan ceramah dan taklimat kepada pelajar-pelajar, pihak industri dan juga orang awam. Pada 21 Oktober baru-baru ini, telah diadakan Hari Alam Sekitar Negara yang mana program ini antaranya memberikan kesedaran kepada orang ramai bahawa pembangunan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri tidak bercanggah dengan keperluan alam sekitar. Terima kasih.

**YANG BERTAMBAH DATO' YANG DIPERTUA:** Terima kasih. Batu Rakit soalan tambahan pertama.

**YANG BERTAMBAH HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit):** Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan saya yang pertama. Kita jarang mendengar tindakan yang dikenakan kepada pesalah alam sekitar ini, jadi jika sekiranya ada berapakah jumlah kes yang telah diambil tindakan di Negeri Terengganu kita ini? Terima kasih.

**YANG BERTAMBAH IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik):** Terima kasih kepada Wakil Batu Rakit. Antara kes-kes yang selalu diambil tindakan oleh pihak yang berwajib, antaranya Jabatan Alam Sekitar adalah berkenaan dengan pelanggaran syarat seperti pembuangan asap di luar syarat. Yang mana maklumat yang ada pada saya, antaranya ialah pelanggaran syarat oleh kilang-kilang sawit. Sebanyak 8 kes telah dibawa ke mahkamah bagi kesalahan di bawah Seksyen 16 iaitu tidak mematuhi syarat lesen oleh kilang sawit. Jadi dari tahun 2016 kita ada 8 kes yang mana jumlah yang didenda kepada kilang-kilang sawit ini ialah sebanyak RM111,000.

Dan ada juga pencemaran dari segi asap yang dikeluarkan oleh kenderaan sebanyak dua kes pada tahun 2016 di bawah Seksyen 22 iaitu pencemaran asap kenderaan yang mana jumlah dendanya sebanyak RM4,600. Manakala ada dua

kes mahkamah di bawah Seksyen 25 iaitu pencemaran *effluent* jumlah dendanya sebanyak RM30,000. Jadi maklumat yang saya ada semuanya pada tahun 2016, jadi memang ada pesalah-pesalah yang dibawa ke mahkamah. Dan boleh dikatakan juga kita punya kes yang dibawa ke mahkamah tu kita boleh menang dengan maklumat-maklumat, dengan evident atau dengan bukti-bukti yang cukup. Dan perkara ini akan diteruskan dengan kerjasama oleh semua pihak. Antara pihak yang bertanggungjawab dalam penguatkuasa ialah antaranya pihak PBT seperti yang saya sebutkan tadi, Jabatan Alam Sekitar, Pejabat Tanah, Pejabat Daerah, Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah masing-masing. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kemasik.

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Soalan tambahan kedua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Batu Rakit. Minta maaf Bandar, kita dah buat ruling kita akan bagi kepada penanya soalan asal. Sila Batu Rakit. Terima kasih Bandar.

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Kadang-kadang kita tengok seolah-oleh pihak Kerajaan atau jabatan tidak mengambil tindakan kerana kesnya berulang, contohnya seperti kes tahan lesen ke atau sebagainya jadi seolah-olahnya bila buat salah boleh bayar lepas tu dia boleh jalankan balik (kesalahan), jadi kes ni boleh berulang-ulanglah. Jadi rakyat kadang-kadang dia rasa pihak Kerajaan ataupun jabatan tidak mengambil tindakan dan membuat kesalahan yang sama sahaja. Jadi kita nak dengar penjelasanlah. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Gerak kerja yang diambil oleh jabatan-jabatan ataupun agensi-agensi yang terbabit adalah untuk mencegah bila berlakunya aktiviti yang boleh mendatangkan kemudaratan kepada masyarakat, kepada alam sekitar. Dan saya lebih spesifiknya lagi sebagai contoh kepada apa yang diambil ataupun yang dijalankan dalam usaha untuk menjaga tahap keselamatan kepada khususnya masyarakat yang berada dekat kawasan industri contohnya kawasan industri oil and gas (minyak dan gas) di Kertih. Jadi pihak Jabatan Alam Sekitar berserta dengan PBT secara berkala mengadakan pemantauan, contohnya pemantauan terhadap *effluent* atau air kumbahan yang dibuang oleh industri dan memastikan bahawa kualiti air di kawasan tersebut sesuai dan selamat untuk didiami.

Selain daripada itu juga, ada pemantauan yang berkala untuk memastikan asap yang keluar daripada hasil industri itu dalam keadaan yang boleh diterima. Jadi perkara-perkara inilah sehingga hari ini contohnya Industri Petrokimia di

kawasan di Kertih adalah kawasan berat cuma Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Effluent), Udara Bersih dan Peraturan Buangan Berjadual 2015 sehingga hari ini, pencemaran di kawasan industri tersebut berjaya dikawal oleh pihak Jabatan Alam Sekitar. Jadi sehingga hari ini hasil daripada pemantauan ini, kita memaksa industri supaya mereka patuh kepada undang-undang yang telah kita tetap. Jadi kita boleh baying andai kata perkara itu tidak dipatuhi dia boleh mendatangkan kemudaratan kepada masyarakat.

Jadi terima kasih banyak kepada Kerajaan yang secara berterusan memastikan kawasan industri ini selain kawasan yang bersebelahan dengan kawasan industri itu selamat untuk didiami.

Selain daripada itu juga, ada lagi industri-industri lain seperti industri buat arang dan lain-lain industri lagi terus dipantau secara berkala untuk memastikan benda itu selamat. InsyaAllah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Wakil Kerajaan, terima kasih banyak hanya dua sahaja soalan, kita nak pergi soalan lisan seterusnya.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Teluk Pasu): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak sebut sikit tentang .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Teluk Pasu): Sebab saya rasa Kuari Mukim Nenas tu kawasan Batu Rakit .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa saya nak pergi ke soalan seterusnya, sila Wakil Wakaf Mempelam mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Teluk Pasu): Dokleh cakap sokmo....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tadi baru bercakap.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, para pegawai dan para Pemerhati. Soalan saya yang pertama kena tolak, yang kedua jadi soalan pertama -

*Adakah pihak Kerajaan menyedari masalah kehadiran babi hutan yang berkeliaran mengganggu suasana masyarakat*

*khususnya di kampung-kampung dalam DUN Wakaf Mempelam sejak mutakhir ini dan apakah tindakan Pihak Berkuasa dalam menangani masalah tersebut?*

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Wakaf Mempelam untuk soalan kedua, ya.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dato' Yang Dipertua, soalan pertama boleh ke jawab.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan kedua. Terima kasih. Surat penolakan telah diletakkan di atas meja, ya. Terima kasih Wakaf Mempelam. Sila Permaisuri mewakili Kerajaan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang BERTHORMAT Dato' Yang Dipertua, menjawab soalan daripada Wakil Wakaf Mempelam. Terima kasih di atas soalan. Yang pertamanya, beliau ingin mengetahui sama ada Kerajaan sedar atau tidak kehadiran babi hutan di kampung-kampung DUN Wakaf Mempelam?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): DUN lain takdok ....(Sambil gelak) .....

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): DUN lain dok terlibat, tak apalah.

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): DUN saya ada dua kemalangan babi hutan ni.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Alur Limbat. Saya tak tahulah.... Kejap Permaisuri. Tolonglah, saya kata tadi bantu saya kawal Dewan supaya aman damai. Tolong Alur Limat. Saya tak tahulah dah empat kali Alur Limbat bangun, tolong.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Sebab DUN Wakaf Mempelam jer tanya.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Sila Permaisuri, minta maaf ya Alur Limbat. Sila.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Yang BERTHORMAT Dato' Yang Dipertua, memanglah Kerajaan sedar di bawah PBT di akhir-akhir ini oleh kerana terjadi banjir jadi pergerakan babi hutan ini ataupun

nama saintifik dia Sus Scrofa, dok sedap jugak kalau kita duk sebut babi hutan. Saya akan sebut Sus Scrofa.....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Apa tu, sus?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Sus Scrofa.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekali lagi Y.B. tak berapa *clear*.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Tak berapa *clear*, ya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Eja senang sikit.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Sus S.C.R.O.F.A .... Scrofa. Haa.... ni spesies dia hak yang mengganggu DUN Wakaf Mempelam. ...(Dewan terus gelak)..... Dan oleh kerana soalan ini berkisar kepada keselamatan pinggir Bandar Kuala Terengganu dan DUN Wakaf Mempelam ni termasuk dalam Majlis Perbandaran Pesisir Air Kuala Terengganu, jadi tindakan Kerajaan yang pertama sekali, Jabatan PERHILITAN telahpun menjalankan operasi, orang lain tak boleh melainkan dengan kebenaran dan berlesen ataupun di dalam kebun tetapi ini asasnya ialah pergerakan Sus Scrofa ni melalui kampung-kampung. Dia lalu ikut kampung-kampung tu sebab dia tidak terperangkap banjir sebab dia (binatang) ni pandai berenang. Cuma dia lalu saja dan kalau ada makanan, cacing ke apa, dia akan makan.

Jadi pihak PERHILITAN telahpun mengadakan beberapa operasi bersepadu membasmikan haiwan ini beberapa peringkat. Saya nak beri contohnya, yang pertama; pada 9 November 2017 di Kampung Durian Burung, Taman Setia, Bukit Kubang Jambu kita buat satu operasi. Yang keduanya pada 16 November 2017 di Pulau Musang, Pulau Musang Sungai dan juga Kuala Bekah kita buat satu operasi lagi. Dan operasi yang ketiga, tidak sempat dibuat. Kampung-kampung yang menghadapi gangguan Sus Scrofa ini, antaranya yang paling banyaknya ialah Kampung Durian Burung, Kubang Parit, Merbau Patah dan juga Kuala Bekah. Setiap operasi bersepadu dijalankan dalam beberapa fasa tersebut telahpun berjaya mematikan haiwan itu dengan jumlah seperti berikut; Kampung Merbau Patah - 2 ekor. ...(Dewan gelak) ... Kampung Duriang Burung - 6 ekor sebab ramai orang cerdik pandai di situ jadi ramai sikit Sus Scrofa ini pergi atau menjadi laluan. Yang ketiga, Kubang Parit - Tiada. Di Kuala Bekah - 1 ekor. Itu saja yang Sus Scrofa ni lalu saja, tidak boleh marah ADUN Wakaf Mempelam sebab pergerakan dia melalui habitat dia. Maknanya kalau ada banjir, kalau ada masalah dia terpaksa berpindah-pindah untuk menyelamatkan



diri dan mencari makan. Dan setiap rondaan yang dibuat berjaya menembak sekurang-kurangnya tiga ekor satu rondaan dan maksimumnya dia boleh tembak 10 ekor oleh pihak yang bekerjasama dengan PERHILITAN.

Seterusnya, selain daripada kaedah menembak dan menggunakan anjing, pihak PERHILITAN juga menggunakan perangkap. Jadi mereka menggunakan perangkap yang telah dipasang terutamanya di Kampung Paloh dan dengan perangkap ini kita berjaya menangkap sebanyak 11 ekor scrofa sepanjang perangkap itu dipasang. Kaedah yang digunakan di dalam operasi pembasmian haiwan ini dengan menggunakan tembak dan juga didahului oleh anjing bagi membolehkan gerakan Sus Scrofa ini bergerak. Jadi mudah bagi kita mengambil tindakan.

Dan kita sedar bahawa PBT sentiasa melihat sebabnya Terengganu akan terus mewujudkan konsep 'Bandar Selamat' dan tahun ini alhamdulillah, ada peruntukan sebanyak RM2 juta dan termasuklah apa jua keadaan asalkan penduduk di Kuala Terengganu ini selamat. Sekian.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Soalan tambahan Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wakaf Mempelam benar tak ni? Saya kena tanya Wakaf Mempelam dulu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Boleh, boleh. Selepas ni saya pulak.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Sebenarnya Negeri Terengganu ni jadi bahaya ke dok sebenarnya sebab nampak macam bahaya jugak tu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Bahaya ke apa babi tu gak, bukan boleh bahayapun babi.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Telemong takdok ke?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): *Takdok pah* ke Alur Limbat belaka babi tu.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Boleh pulak jawab gitu, saya nak jawab *gok kekgi*.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Babi Telemong bahaya lagi.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Tak kalau saya nak tembak? Sebab rasa serabut jugak.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Panjang masa bahas babi ni Dato' Yang Dipertua kalau lembu boleh berkira baham (langgar) kereta orang apa semua.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Babi boleh sembelih kekgi apa susahnyanya.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Hor tu kata, panjang sangat masa bahas babi ni.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Tembak boleh dok kalau orang biasa, salah ke PERHILITAN?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Jabi. Sila Permaisuri.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Dahlah kita *doksoh duk* cara banyak sangatlah hal babi ....(Dewan gelak) .... Sebab ini kita serah kepada PERHILITAN, boleh tembak .....

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Soalan lain payah, panjang masa, babi ni panjang.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Okeylah, dengarlah sikit kalau nak dengar panjang pun. Boleh tembak kalau kita ada lesen tetapi hendaklah kita tanam kerana kebun dan keselamatan ataupun kalau kita nak jual hendaklah kita mendapat kebenaran daripada PERHILITAN untuk orang yang berlesen membeli bagi melupuskan babi tersebut.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Ada lagi soalan, kalau tidak saya nak teruskan kepada soalan lain. Wakaf Mempelam ada lagi, tentang babi lagi? Dah panjang dah kot, tak payahlah. Saya nak bagi ruang kepada rakan-rakan yang lain pulalah. Terima kasih Wakaf Mempelam yang akur dengan nasihat saya. Seterusnya Jabi, sila kemukakan soalan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, cerita apa babi 10 ekor sampai dalam Dewan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Teruskan Y.B.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Ya, ya. Soalan saya nombor dua. Terima kasih.

*Berapakah jumlah masjid seluruh negeri yang dikesan mendirikan Solat Jumaat tanpa kebenaran dan apakah status masjid-masjid tersebut serta apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak berkuasa?*

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan, Pemerhati yang saya hormati sekalian. Soalan nombor dua dari Jabi yang ingin tahu berapakah jumlah masjid seluruh negeri yang dikesan mendirikan Solat Jumaat tanpa kebenaran dan apakah status masjid-masjid tersebut serta apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak berkuasa? Tiga soalan sekali gus beri ni.

Okey, jumlah keseluruhan masjid di seluruh negeri yang dikesan mendirikan Solat Jumaat Tanpa Kebenaran adalah sebanyak 13 buah dan status tindakan yang telah diambil ke atas masjid tersebut adalah seperti berikut:-

Pada 22 Februari 2015, Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Hal Ehwal Islam MAIDAM Kali Pertama 2015 telah bersetuju tujuh buah masjid diberi kebenaran berjumaat dengan tertakluk kepada syarat berikut:-

- a) Pihak yang memohon perlu mendapatkan sekurang-kurangnya 80 tandatangan pemastautin;
- b) Tidak menjejaskan aktiviti berjumaat di masjid sedia ada;
- c) Pihak Majlis perlu mengadakan pertemuan dengan wakil masjid/surau untuk dimaklumkan syarat-syarat yang perlu dipatuhi;
- d) Tidak dibenarkan mempamerkan sebarang simbol atau kenyataan berkaitan parti politik;
- e) MAIDAM boleh mengawal masjid/surau ini.

Mesyuarat MAIDAM yang bersidang pada 21 April 2015 telah bersetuju sebagaimana yang diputus oleh Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Hal Ehwal Islam MAIDAM.

Di mana surau-surau terlibat seperti Surau Maahad Tahfiz Wal Tarbiyah Tok Jiring, Surau Hijau Kg. Padang Lalang, Felda Neram 1, Surau Matlail Badrain,

Besut dan beberapa buah lagi. Tindakan-tindakan lain dibuat di mana Pejabat Hal Ehwal Agama Islam Negeri Terengganu .....

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang BERTHORMAT Dato' Yang Dipertua, tak berapa jelas sikit, benda apa hak kemudian tu tak berapa terang?

YANG BERTHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Saya jawab soalan daripada .....

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Tak, mintak kuat sikit dok dengar.

YANG BERTHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Okey, seterusnya tindakan Bahagian Penguatkuasa Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Terengganu sentiasa membuat pemantauan ke atas masjid lama ini pada hari Jumaat. Hasil pemantauan yang dijalankan adalah seperti berikut:-

1. Imam, Khatib dan Bilal yang bertugas pada hari Jumaat terdiri daripada orang tempatan dan kadang-kadang melibatkan Khatib luar yang dijemput.
2. Khatib tidak menggunakan teks yang disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Negeri Terengganu dan ada juga menggunakan teks sendiri.
3. Isi kandungan khutbah yang diberikan adalah berkisarkan tentang isu-isu semasa dan seruan kepada umat Islam agar sentiasa mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupan seharian. Namun begitu, teks khutbah yang digunakan oleh khatib jemputan dari luar kebiasaannya berkisarkan tentang isu-isu pemerintahan dan pentadbiran negara.
4. Bilangan jemaah yang hadir setiap minggu adalah di antara 100 hingga 150 orang.
5. Jemaah yang hadir terdiri daripada masyarakat tempatan dan orang luar.

Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Soalan tambahan pertama.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, untuk soalan tambahan ini, izinkan saya untuk *relate* pemahaman kepada jawapan pihak Kerajaan tadi. Saya nak merujuk kepada apa yang

berlaku di kawasan saya kerana soalan ini saya tanya kerana timbul isunya di tempat saya.

Di tempat saya dalam radius tiga kilometer pada masa sekarang wujud empat buah masjid yang mendirikan Solat Jumaat. Dua masjidnya ialah mendapat kebenaran ialah maksudnya masjid di bawah pentadbiran Kerajaan. Manakala dua buah masjid lagi di dalam proses untuk mendapatkan kebenaran untuk Solat Jumaat. Di dalam radius tiga kilometer ini, masjid yang dibina di bawah pentadbiran tidakpun dapat diimarahkan dengan sebaik-baiknya iaitu kehadiran jemaah yang berpecah-pecah kepada keempat-empat buah masjid.

Pada tahun ini di bawah peruntukan khas Kerajaan Negeri salah satu masjid daripada empat-empat masjid itu iaitu masjid di Kampung Kuala Kubang telah mendapat peruntukan untuk membina baru dengan saiz yang lebih besar. Jadi di dalam kawasan seluas itu wujud empat masjid yang mendirikan Solat Jumaat, adakah Kerajaan sedar jika kebenaran diberikan secara rasmi, ini adalah satu perkara yang sangat bertentangan kepada apa yang disebut oleh pihak Kerajaan di dalam konsep Transformasi Terengganu Baharu, salah satu prinsipnya ialah 'Masjid Dan Surau Sumber Penyatuan'. Sedangkan masjid yang didirikan sejak begitu lamapun kita tidak dapat mengimarahkan dengan kehadiran penuh jemaah kerana berpecah-pecah pergi ke tempat lain. Dan ini pula bila diberi kebenaran apa akan jadi dengan masjid yang baru dibina ini kerana timbul situasi di mana setiap kali mendirikan Solat Jumaat, Bilal terpaksa menoleh ke belakang, berpaling sampai sakit tengkok untuk membilang orang, dalam bahasa mudahlah kerana jemaah di kampung tersebut lari berjemaah ke kampung lain, itu di dalam keadaan belum ada kebenaran untuk Solat Jumaat di masjid yang difahamkan pihak berkuasa akan memberikan kebenaran.

Satu senario lagi di dalam kawasan saya juga ada tiga masjid di kawasan saya yang mendirikan Solat Jumaat Tanpa Kebenaran, jemaah daripada kampung sebelah melintas masjid kampung dia untuk ke masjid di kampung lain. Berpuluh-puluh tahun masih adalah jemaah yang tidak mengimarahkan masjid di tempat sendiri kerana....? Saya pun tak tahu kerana apa.

Jadinya saya nak tanya pihak Kerajaan, adakah pihak Kerajaan memikirkan jika kebenaran diberikan dia akan melibatkan apalah gunanya lagi kita memperuntukkan sejumlah besar peruntukan untuk tujuan mengimarahkan masjid, untuk tujuan membina baru sedangkan kita tidak dapat menarik jemaah untuk mengimarahkan masjid ini dan pada masa yang sama kita beri pulak kebenaran ....

**YANG BERTAMBAH HORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Jabi, panjang dah tu.

**YANG BERTAMBAH HORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi):** Tak apalah, habis setakat tu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Nak soal ke, nak benda ni?

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Bab masjid tak apa panjang sikit Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Bukan nak bincang babi tunggal.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Soalan poligami tertinggal?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Poligami? Sebab saya tak terlibat dengan poligami, orang lain saya tak tahulah tapi tak apa sebab saya ada dua soalan, saya memilih untuk menjawab soalan kedua. Sila pihak Kerajaan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekejap, sebelum pihak Kerajaan menjawab saya dah lima kali tengok Alur Limbat, Manir tiga kali. Tolonglah. Terima kasih banyak Alur Limbat. Kita amalkan ketenteraman, kita ada akhlak yang perlu kita ikut, tolong ya.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Tempat ni tempat berbalah ke? Tempat makan baru tenang.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Itu peraturan mana tu? Cuba baca dalam peraturan mana? Dewan tempat *balloh* .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, kena tarik balik.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jabi.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Kenapa disebut Dewan yang mulia ini sebagai tempat *balloh*?

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): *Balloh* tu berbincanglah maknanya.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Kita kena sebut bincang, jangan *balloh* .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa, terima kasih banyak.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Ini apa benda ni, apa hal ni, dekat-dekat nak habis ni ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jabi, Jabi, duduk dulu Jabi.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Ini bukan tempat *balloh*, tempat bermesyuarah.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Bukan *balloh*, bincang.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kejap, nanti eh. Manir cuba baca di mana kata tempat *balloh*.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya kata .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Hah, tarik balik *balloh* tu kepada berbahas.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Ya, saya tarik balik *balloh* kepada berbahas. Boleh bahaslah neh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih. Okey, sila Ajil mewakili pihak Kerajaan.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Berkaitan dengan permasalahan yang dinyatakan oleh Jabi tentang ada masjid yang tidak boleh menunaikan Solat Jumaat disebabkan berlakunya banyak masjid di kawasan. Sebenarnya, kalau ikut sejarahnya lama, dia telah berlaku pada awal tahun 1980an lagi disebabkan berbagai-bagai ideologi ketika itu yang mampu disematkan di dalam minda masyarakat dan ini menimbulkan kekeliruan masyarakat sehingga membawa kepada perpecahan.

Namun begitu pada Jabi, saya rasa jangan berputus asa dengan perkara tersebut. Kita diberi kelebihan oleh Allah melihat sesuatu sebagai suatu cabaran kepada kita, untuk kita tarik dakwah kepada mereka dan yakin bahawa apa yang kita buat ini betul kerana apabila kita berbicara dengan lemah lembut, tarik dengan penuh hikmah, insyaAllah mereka mampu melihat kesucian dan kelembutan kita ini akan menarik mereka untuk bersama-sama kita. Dan hari ini alhamdulillah, saya pun tak nak melihat satu konfrontasi dengan saudara segama dengan kita, barangkali kita boleh duduk bersama-sama dan boleh berbincang apakah masalah ummah kita ini, boleh kita selesai dan apakah

metabolisme yang paling berkesan untuk kita lakukan supaya kita sama-sama kasih-mengasih di antara satu sama lain. Tidak ada masalah yang tidak boleh selesai kalau kita berlapang dada dengan hati yang tenang menerima yang mana kurang dan yang mana lebih. InsyaAllah, dengan cara ini saya nampak ada tanda-tanda petunjuk yang kita boleh menerima dan menyelesaikan masalah. Pada saya, insyaAllah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam akan mengambil *sedetail-detailnya*, sehalus-halusnya, mungkin Jabatan berkehendakkan kita buat satu penguatkuasaan, kita boleh buat tapi kita fikir apa yang lebih baik, menghukum atau memujuk atau mengajak. Barangkali hidayah datang berbagai-bagai peringkat dia tak datang sekali gus. Ada waktunya dia datang hanya dalam bentuk mencegah pertelingkahan belum sampai mendakwah. Ada peringkat tu sampai mengamalkan diri sahaja tapi tidak sampai jadi boleh menarik orang lain. InsyaAllah saya yakin kalau semua bersatupadu, berpegang atas satu kalimah, Kalimah 'Laa ila ha Illallah', insyaAllah kita tahu mana-mana yang mengamalkan, menegakkan syiar ini adalah saudara kita, maka kita carilah persamaan. InsyaAllah perkara-perkara yang remeh-temeh selama ini boleh kita selesaikan. Sebab saya dah tengok banyak surau-surau yang dulu buat sembahyang Jumaat, hari ini tak buat, dah ada 10 dah. Ini maknanya kita dah ada keserasian mana-mana tempat yang boleh kita tinggalkan, kita tinggalkan Jumaat. Ada juga tempat di mana kita tidak boleh buat sewenang-wenangnya atas perasaan, atas kepentingan politik kita berasa asing, tidak. Saya dalam soal diberi amanah ini, saya butakan warna, sama ada warna biru, warna hijau atau warna apapun, saya buat atas amanah 'Lillahi Ta'ala' yang diperturunkan kepada saya. Sebab tu hari ini di bawah Pejabat Agama dalam semua sektor atau jabatan, saya letak yang utama amanah Allah terlebih dahulu. Saya yakin dan percaya persoalan di Jabatan bukan sahaja di Jabatan ia ada juga di Besut, ada juga di daerah-daerah lain. Jika kita sama-sama duduk, sama-sama berfikir tentang masalah ummah itu yang penting terutama kita yang akan meninggalkan alam ini kita meninggalkan kesan perbuatan kita. Kalau kita meninggalkan suatu fatwa, fatwa itu akan soal kita di akhirat. Jadi mudah-mudahan Jabatan jangan terlalu emosional sangat, ambillah ini sebagai suatu cabaran jadikan pendakwah yang baik supaya di kawasan Jabatan ini menjadi contoh perpaduan ummah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabatan): Yang Berhormat Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya tak nak panjang-panjang dah. Terima kasih Jabatan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabatan): Yang Berhormat Yang Dipertua, ada dua soalan tambahan. Ruling Dato' Yang Dipertua bagi dua soalan tambahan.



YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya tak benar dah. Terima kasih banyak. Wakaf Mempelam satu saja saya bagi.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Satu baru.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya bagi satu saja.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Tadi ruling tu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ruling dua tu atas saya sebab saya nak bagi kepada Kuala Besut. Terima kasih Jabi. Panjang dah 15 minit untuk satu soalan ini dan soalan tambahan. Terima kasih Jabi. Sila... bangun pulak Alur Limbat.

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan saya soalan nombor satu -

*Apakah perancangan dan program Pembangunan Belia Negeri Terengganu khususnya kepada warga belia yang tidak dapat melanjutkan pelajaran ke Institut Pengajian Tinggi (IPT) atau Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS)?*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan dan para Pemerhati yang saya hormati.

Soalan kepada saya ialah berkaitan: Apakah perancangan dan program Pembangunan Belia Negeri Terengganu khususnya kepada warga belia yang tidak dapat melanjutkan pelajaran ke Institut Pengajian Tinggi (IPT) atau Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS)?

Sebagaimana yang dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Terengganu telah mengambil beberapa langkah untuk mengatasi masalah golongan belia yang tidak dapat melanjutkan pelajaran ini. Bermula pada tahun lepas merupakan misi Kerajaan Negeri iaitu Sifar Remaja Yang Bercirikan untuk melanjutkan pelajaran ini. Walau bagaimanapun, ia banyak bergantung kepada sikap dan juga golongan remaja itu sendiri. Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa langkah sebagai sebuah Kerajaan yang mengambil berat dan juga prihatin kepada golongan belia dan muda di Negeri Terengganu ini, kita telah

melaksanakan beberapa program untuk golongan tersebut. Antara program-program belia di Terengganu ini yang berbentuk kemahiran dan juga peluang-peluang untuk menjadi usahawan dan juga peniaga sendiri. Program ini sama ada di bawah Kerajaan Negeri sendiri yang ditanggung 100% daripada Kerajaan Negeri dan ada juga program-program yang bekerjasama dengan pihak Kementerian yang berkaitan dengan golongan belia di negara kita.

Antara program-programnya iaitu program yang berbentuk kemahiran seperti di bawah TESDEC yang menyediakan beberapa kursus kemahiran kepada belia-belia Terengganu dalam pelbagai bidang iaitu ada 10 bidang kemahiran yang disediakan di TESDEC untuk golongan-golongan belia yang tidak berjaya masuk ke IPT dan juga IPTS. Di TESDEC juga kita menyediakan ruang hampir 400 - 500 orang golongan belia pada satu-satu masa.

Selain daripada itu juga, kita ada TITC iaitu Pusat Latihan Perkayuan di Negeri Terengganu yang satu-satunya pusat latihan kesenian ukir yang ada di dalam negara kita ini yang bersedia untuk melatih belia-belia Terengganu yang berkemahiran dan juga seni halus ukiran kayu bagi mencipta reka dan juga untuk membuat perabot-perabot yang bermutu tinggi yang berasaskan perkayuan di Negeri Terengganu ini.

Selain daripada itu juga Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita ada juga latihan-latihan yang dilakukan oleh pihak kementerian-kementerian dan juga agensi-agensinya yang kita, Kerajaan Negeri bekerjasama dengan agensi-agensinya seperti ILP, begitu juga Giat Mara, Institut Kemahiran Belia Negara yang mana kita ada dua Institut Kemahiran Belia Negara iaitu satu di Kemasik dan satu lagi di Wakaf Tapai. Kedua-dua Institut Kemahiran Belia ini akan dapat menampung hampir 600 orang belia pada setiap tahun.

Di Akademi Binaan Malaysia yang juga memberi ruang kepada anak-anak muda kita untuk kemahiran diri masing-masing yang mana tidak berminat dalam bidang akademik. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YANG BERTAMBAH HORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Terima kasih. Saya bagi satu sahaja untuk soalan tambahan. Sila.

**YANG BERTAMBAH HORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut):** Okey, terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Terima kasih kepada pihak Kerajaan yang memberi jawapan tadi. Cuma selain daripada itu, kita juga ingin bertanya dalam Dewan ini, adakah langkah-langkah pihak Kerajaan untuk mengurangkan kadar penghijrahan ataupun kadar migrasi khususnya belia-belia di kampung ke bandar-bandar kerana kalau semua pindah ke bandar lama-lama takdok orang muda berada di kampung-kampung. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kuala Besut yang mengemukakan soalan tambahan pertama.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat yang ingin tahu apakah langkah-langkah yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan untuk mengelak dan juga menghalang berlakunya migrasi luar bandar ke bandar.

Bila sebut migrasi luar bandar ke bandar ini, ianya merupakan masalah universal. Ia bukan sahaja berlaku di negeri kita malah berlaku juga di negeri-negeri lain. Malah lebih hebat migrasi ini dari luar bandar ke bandar ini berlaku kepada seluruh dunia dan juga di negara-negara yang maju. Masalah migrasi luar bandar ke bandar ini banyak bersangkut paut dengan pendidikan, peluang pekerjaan dan juga masalah kesesuaian dengan golongan muda itu sendiri yang banyak terdapat di bandar-bandar.

Walau bagaimanapun Yang Berhormat Kuala Besut, bagi Kerajaan Negeri sekarang ini kita memfokuskan terutamanya kita memberi fokus kepada pembangunan sektor pelancongan domestik yang begitu besar dan begitu banyak di seluruh Negeri Terengganu. Saya yakin dan percaya dengan tumpuan dan juga merupakan teras bagi Kerajaan Negeri iaitu membangunkan kawasan pelancongan di seluruh daerah di Negeri Terengganu ini yang mempunyai kor dan juga tumpuan yang tersendiri ianya akan membuka ruang dan peluang pekerjaan kepada anak-anak muda di kawasan setempat. Sebagai contoh, Kerajaan Negeri dengan pembangunan yang dilakukan di Tasik Kenyir walaupun ada kita mendengar suara-suara sumbang terutamanya di sebelah pihak sana yang mengatakan ianya merupakan suatu pembaziran yang dilakukan oleh pihak Kerajaan. Tapi sedar atau tidak sedar bahawa ianya merupakan suatu perjuangan Kerajaan kepada rakyat setempat. Berapa banyak rakyat setempat dan juga masyarakat terutamanya di kawasan saya yang mendapat peluang pekerjaan daripada hasil yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Dalam soal kerugian Kerajaan tidak timbul kerana Kerajaan ini dalam perniagaan tidak perlu berniaga yang pentingnya kepada rakyat. Begitu juga di Besut dan di mana-mana tempat sekalipun kita bangunkan pusat pelancongan .....

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): .....sudah tentu ianya akan wujud peluang-peluang pekerjaan, premis-premis perniagaan kepada anak-anak muda di kawasan-kawasan yang berkenaan. Sila Yang Berhormat apa benda hal ni?

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Terima kasih Yang Berhormat Telemong. Sebut tentang Pembangunan Kenyir, bila kita pergi ke Pulau Bayas kita tengok pekerja-pekerja asing saja duk buat kerja. Macam mana pulak tu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Nanti dulu, kita dalam pembinaan pekerja asing tu hal lain tanya soalan tu. Sekarang ni .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tu yang saya kata, nanti kejap Telemong. Manir, soalan mestilah menjurus kepada soalan asal. Okey, teruskan. Manir duduk.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Hor nak jawab guana saya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Teruskan.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Dok kena lagi ke cerita.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya nampak kerusi Manir ni panas tak tahulah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Saya dok tahu nak jawab hak mana se.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Telemong, Telemong panjang dah tu.

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Yang Berhormat Dato' Speaker, kalau dibenarkan saya ada satu lagi soalan.....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak, saya tak benarkan dah. Saya akan bagi satu lagi Soalan Lisan tanpa soalan tambahan. Sila Bandar Soalan Lisan terakhir sebelum kita berhenti tanpa soalan tambahan, ya.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya kemukakan soalan saya. Terima kasih.

*Apakah status projek ECRL yang terkini dan sejauh manakah perancangan Kerajaan Negeri untuk memastikan manfaat kepada rakyat negeri diperolehi?*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Terima kasih kepada Wakil Bandar yang bertanyakan: Apakah status projek ECRL yang terkini dan sejauh manakah perancangan Kerajaan Negeri untuk memastikan manfaat kepada rakyat negeri diperolehi?

Jadi dalam ucapan Yang Berhormat Dato' Seri, Ucapan Bajet semalam *touch point* ke-25 ada juga menyebut pasal ECRL. Jadi sebagai menjawab soalan, status semasa pengambilan tanah bagi ECRL adalah Pihak Berkuasa Negeri telahpun meluluskan permohonan pengambilan tanah di bawah Seksyen 3(1)(a) Akta Pengambilan Tanah 1960 bagi Projek Laluan Rel Pantai Timur bagi Daerah Besut, Setiu, Kuala Nerus, Kuala Terengganu, Marang, Dungun dan Kemaman dengan pewartaan di bawah Seksyen 4 Akta Pengambilan Tanah 1960. Kelulusan ini bagi membolehkan agensi pemohon dan agen-agen pengukurannya bagi memuktamadkan pelan jajaran. Permohonan pengambilan tanah akan diteruskan dengan pewartaan Seksyen 8 setelah diputuskan jajaran sebenar laluan ECRL berdasarkan kajian tanah yang dijalankan.

Memandangkan soalan ini tidak ada soalan tambahan, jadi saya bagi sedikit *detail* lagi untuk makluman Dewan. Sekarang ini jajaran yang ada sebanyak 300 meter lebar, jadi bila diselesaikan nanti dia akan jadi 60 meter lebar, barulah seterusnya diadakan pengambilan balik tanah.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Sebelum tu saya nak tanya kenapa tidak ada soalan tambahan?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sebenarnya atas budi bicara saya, masa dah habis satu jam. Kita mula tadi dari pukul 9.45 pagi, kita patutnya tamat dalam tempoh satu jam, itu ruling saya tapi oleh kerana budibicara saya untuk mendengar soalan daripada Bandar yang memberikan kebajikan, pengetahuan kepada rakyat maka saya benarkan, itu ruling saya.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Oh... Saya minta secara bertulis tak apa. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, sila.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Dato' Yang Dipertua, ada dua-tiga perkara saya nak *share*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, saya benarkan.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Baru-baru ini diadakan dari segi manfaat yang akan diperolehi oleh rakyat Negeri Terengganu. Antaranya, satu, dari segi pelantikan pemborong-pemborong telah diadakan satu temu duga dipanggil *pre-qualification*. Yang mana pada bulan November yang lepas sebanyak 96 kontraktor G7 berdaftar. Sebanyak 18 kontraktor G6 berdaftar. 33 kontraktor G5 berdaftar. 32 kontraktor G4 berdaftar dan 14 kontraktor G3 yang berdaftar. Dan juga untuk tujuan ini telah diadakan satu roadshow iaitu Program Latihan Kemahiran Industri ECRL yang telah diadakan di Taman Tamadun pada 14 - 15 November baru-baru ini yang mana sebanyak 354 *candidates* telah ditemu duga. Dan juga sekarang ini yang sedang berjalan ialah kursus yang dihadiri seramai 49 orang yang sedang berkursus di Akademi Binaan Malaysia di Kuala Berang. Tempoh dia dua bulan yang mana bila selesai kursus ini, mereka ini akan diserapkan di dalam kerja-kerja yang ada dalam ECRL ini. Dan Kerajaan Negeri juga telah meletakkan syarat antaranya penglibatan daripada Negeri Terengganu sebanyak 30% daripada kerja. Saya rasa itulah sedikit sebanyak maklumat yang saya boleh kongsi bersama dalam Dewan yang mulia ini. Terima kasih banyak.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Kadang-kadang saya pertimbangkan, tentang ECRL ini rakyat perlu tahu sebab itu saya bagi kebenaran.

Okey, terima kasih. Alhamdulillah, sesi bagi Soalan Lisan telahpun tamat. Terima kasih banyak kepada semua Yang Berhormat yang terlibat dalam mengemukakan soalan-soalan yang terlibat, pihak Kerajaan yang terlibat dalam menjawab soalan-soalan dan Yang Berhormat-Yang Berhormat yang akur pada arahan dan teguran saya. Jazakallahu khairan kathira. Jangan acap bangun nampak kerusi tu panas, kalau acap bangun nampak kerusi tu panas, biar sejuk sikit kerusi tu.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, maka saya tangguhkan sementara Dewan ini dan kita sambung balik insyaAllah pada pukul 11.20 pagi. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUH PADA PUKUL 10.55 PAGI.

PUKUL 11.25 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat disambung semula.

Ahli-ahli Yang Berhormat, semalam Rang Enakmen Perbekalan 2018 untuk Bacaan Kali Kedua telah mendapat sokongan. Sekarang saya buka kepada perbahasan sekiranya ada. Sila.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Peraturan Mesyuarat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Peraturan Mesyuarat nombor berapa?

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Nombor 23, 112, 113, 114. Tuan Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 23?

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): 23, 112, 113 dan 114.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Kalau saya baca keseluruhannya saya akan ambil masa enam minit. Saya rasa tak perlu dibaca kerana Tuan Yang Dipertua pun .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cuba ulang balik, 23?

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): 23, 112, 113 dan 114.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 23, 100?

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Peraturan Mesyuaratnya ialah 23 bersama dengan 112, 113 dan 114.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya ulang balik Peraturan Mesyuarat 23 dibaca bersama dengan?

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): 112, 113 dan 114. Dia adalah berkait dengan Laporan Anggaran Kewangan. 23 adalah berkait dengan kertas-kertas laporan yang mesti disediakan kepada Ahli Dewan untuk tujuan perbahasan dan rujukan. Oleh kerana kita dalam Sidang untuk meluluskan Belanjawan Tahunan Dato' Yang Dipertua, maka kertas-kertas aturan seperti yang digariskan oleh peraturan mesyuarat mestilah dibekalkan kepada semua Ahli Dewan untuk tujuan rujukan perbahasan dan seterusnya meluluskan Belanjawan yang kita bentangkan semalam.

Saya dapati atas Kertas Order Paper seperti yang saya cuba bangkitkan semalam .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Semalam Yang Berhormat Bandar membangkitkan Laporan Kewangan tahun bila tu?

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Order Paper yang sepatutnya ada dalam Dewan adalah pertama; berkenaan dengan Cadangan Belanjawan iaitu buku .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak, saya tanya yang semalam.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ya?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Semalam katanya ada satu yang tertinggal yang merujuk kepada 23 tu, kertas-kertas tu. Tertinggal yang mana tu? Laporan Kewangan tahun bila?

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Laporan Kewangan Tahun 2016.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 2016?



YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ya, ya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 2016, kalau kita baca hansard, cuba lihat hansard kita .....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ini yang terbaru Dato' Yang Dipertua. Penyata Kewangan 2015 .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Hansard ni kalau kita tengok balik ialah 2017, kita buka muka surat .... Saya rasa isu ini telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bandar, sama. Kita yang 2016 telah dibentangkan, dikeluarkan. Buka hansard muka surat 62, kita telah bentangkan.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Bila tu?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Pada 14 Ogos 2017.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Yang menjadi persoalannya sekarang ialah Order Paper.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya tahu tapi semalam ditimbulkan tidak ada satu Laporan Kewangan. Kalau Laporan Kewangan 2017, tak ada lagi. Sebab dalam ni jelas ya. Boleh saya baca.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): 2017 tak mungkin ada Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Nanti kejap. Hansard dah ada. Nanti dulu Y.B. Saya boleh baca ya.

"Saya melihat di antara prioriti yang nak kita buat pada hari ini menggunakan Dewan Undangan Negeri. Saya mengambil kira perkataan atau sebutan tadi kerana Dato' Yang Dipertua kita baru saja menerima Buku Penyata Kewangan yang terbaru."

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Okey.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Maknanya 2016 telah ada.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kita tak ada lagi Buku Penyata Kewangan 2017, manakan mungkin Ogos ni kita dah terima Buku Penyata Kewangan.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Sebab tu saya bangkitkan hari ini mengikut Order Paper yang kita serahkan semalam, kita kena nyatakan Kertas-kertas Kerja dan Laporan mestilah termasuk Laporan Kewangan untuk tahun sebelumnya. Laporan yang terakhir ialah Laporan Kewangan atau Penyata Kewangan Negeri 2016.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Laporan Kewangan atau Penyata Kewangan telah dibentangkan. Cuba baca handsard, telah ada ni, Kertas-kertas Kerja dan Laporan telah ada.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya tak ada niat untuk nak *confusekan* ataupun mengelirukan Dato' Yang Dipertua. Cuma saya merujuk kepada .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, nanti saya baca.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Itu hansard.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Telah ada dibentangkan.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Itu hansard. Ini adalah .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Telah ada dalam paper yang dikeluarkan. Cuba tengok balik. Hansard yang dikeluarkan ini. Okey, saya baca ya.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ini Kertas Order.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Nanti saya baca. Telah dikeluarkan dalam Kertas-kertas Kerja Dan Laporan-laporan.

Petikan Hansard 14 Ogos 2017:

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kertas-kertas Kerja Dan Laporan-laporan yang dibentangkan ialah:-

1. Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2017.

Dah ada dah. Yang Y.B. Bandar kata 50% lebih daripada RM100 juta, 53% dibelanjakan yang salah kenyataan. Saya betulkan. Saya masih ingat. Rupanya 33% sahaja. Yang kedua .....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Kita berbincang .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Nanti, nanti saya baca dulu:-

1. Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2017.

(D.U.N. Bil.6/2017)

2. Anggaran Perbelanjaan Bekalan Tambahan Pertama 2017.

(D.U.N. Bil.7/2017)

3. Penyata Kewangan Negeri Terengganu Tahun 2016.

(D.U.N. Bil.8/2017)

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Okey.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dah ada dah.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Merujuk kepada Kertas Order, di mana untuk tujuan Persidangan hari ini dan seterusnya sehingga hari Khamis, itu yang saya rujuk sekarang. Menjadi tanggungjawab Dewan Undangan Negeri mengikut Peraturan Mesyuarat 111, 112, 113 dan 114 bersama dengan 23 apabila Persidangan hendak dimulakan tanggungjawab Dewan ialah menyediakan dokumen itu untuk tujuan rujukan perbincangan. Maka saya rujuk kepada Order Paper. Order Paper ini pejabat Yang Berhormat Speaker yang keluarkan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, betul.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Sebab Order Paper ni .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Laporan Kewangan Negeri ini telah kita sediakan .....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ini Order Paper. Ini Peraturan Mesyuarat. Peraturan Mesyuarat ini Dato' Yang Dipertua juga bertanggungjawab untuk mematuhi. Dato' Yang Dipertua tidak ada satu kedudukan lebih tinggi daripada Peraturan Mesyuarat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Begitu juga ADUN Bandar tidak mengatasi peraturan. Saya baca peraturan sama sahaja. Fahaman saya, laporan telah dibentangkan, telah ada dengan semua Y.B.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Dato' Yang Dipertua, sekali lagi Order Paper .....

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Dato' Yang Dipertua, buat rulinglah. Buang masa aje ni.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Macam mana nak buat ruling.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Kita dah nampak dah, Penyata Kewangan ada rumah kita dah, kita dah boleh bahas.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya tegaskan .....

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Dato' Yang Dipertua buat rulinglah.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): ... tidak boleh melanggar Peraturan sebagaimana digariskan Tatatertib Persidangan.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Dato' Yang Dipertua buat ruling, kita teruskan.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Jadi sebelum Yang Dipertua membuat ruling, saya nak tahu dalam Kertas Order ni kenapa Laporan atau Penyata Kewangan terbaru 2016 tidak disertakan dalam Order Paper untuk tujuan rujukan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Bandar, soalnya yang kita tanya sekarang ini Yang Berhormat Bandar terima atau tidak lagi Laporan Kewangan 2016, terima atau tidak lagi?

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ini tugas.....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Terima atau tak lagi?

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ini tugas Order Paper.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Soalnya sekarang ini terima atau tak lagi? Itu soalan dia. Kalau sudah diterima jadi tak payah lah lagi, sekarang ni kita dah buang masa. Kita nak buat perbahasan untuk kepentingan rakyat. Dan telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Speaker tadi bahawa semua dah dapat dan telah dibentangkan jadi tak timbullah soalnya. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): YDP buat ruling teruskan YDP, saya mohon.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, Bandar duduk.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tak, saya nak tekankan bahawa Order Paper pada Persidangan kali ini yang dikatakan terakhir ini tidak diletakkan Buku Penyata Laporan Kewangan Negeri Terengganu Tahun 2016.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa Bandar. Terima kasih. Sila duduk. Terima kasih Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Apa rulingnya?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya buat ruling ni. Saya tak terima apa yang dinyatakan, dakwaan tidak benar sebab dalam Mesyuarat Kedua Penggal Persidangan Kelima Dewan Undangan Negeri Ketiga Belas berlaku pada 14 Ogos 2017 kertas laporan tersebut telah disediakan, dibentangkan dan dibahas sebenarnya.

Jadi saya rasa kita tak perlulah panjang-panjang .....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ini ruling saya. Kehendak Y.B. saya tak perlu ikut. Okey, berbalik kepada 125, tafsiran Bandar tak apa Bandar.....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Bukan tafsiran.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Betullah tafsiran Bandar, ini tafsiran saya.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Bila? Dato' Yang Dipertua tadi sebut dibahaskan, bila dibahas?

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Dato' Yang Dipertua, sudah dilapor.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa, tak apa Air Putih. Kita tak payah dengar Bandar, saya nak teruskan. Ruling saya, saya nak teruskan sebab tafsiran saya jelas.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Okey, apa ruling Dato' Yang Dipertua saya nak dengar?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bahawa kenyataan yang dilakukan, yang dibuat oleh Bandar itu salah dan laporan telah dibentangkan. Cuba baca ni pada 14 Ogos 2017, jelas.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya nak katakan Yang Dipertua, Kertas Order Paper Persidangan kali ini yang .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, baca 23(1). Cuba baca, cuba baca kepada saya. Saya minta biar orang dengar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Dato' Yang Dipertua tak payah buli saya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak, tak bukan perli.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Dato' Yang Dipertua dah buat ruling, saya ingat perlu kita laksanakan. Tak payahlah .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya bukan apa. Saya nak .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Saya rasa Bandar buli Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya dah buat ruling dia tak nak dengar.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Yang Dipertua, buat ruling, kita teruskan aje.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Jadi bermakna Dato' .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Benda tu dah ada dalam hansard. Saya boleh baca apa lagi cemuhan, malah kalau saya nak buli Bandar, saya

boleh baca lagi tentang perkataan Bandar semalam: "Undang-undang, Peraturan Dewan Undangan Remeh." Ini *your ruling*, saya boleh mintak tarik balik, kena ambil tindakan.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Remeh?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yes, ada kenyataan you semalam.

YANG BERHORMAT HAJI IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Macam mana kalau kita biarkan, biar Yang Berhormat pulak nak bahas ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa, saya nak biar orang tengok bahawa ....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Okey.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Nanti, saya nak baca 23(1). Saya nak dengar Bandar baca.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya telah bentangkan tadi perkara yang telah saya petik, 23, 111, 112 dan 113.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, biar saya baca. Saya tak buli. Saya baca. "Kertas-kertas kerja .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dato' Speaker, waktu Speaker bercakap Ahli kena duduk.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Okey. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih.

*"23. (1) Kertas-kertas kerja hendaklah dikemukakan oleh Yang Dipertua Dewan, Menteri Besar atau pun Pengerusi sesuatu Jawatankuasa Dewan dan kertas-kertas itu hendaklah dikirimkan kepada Setiausaha Dewan."*

Saya rasa semua orang dah dapat fail ni, dan buku ini dapat dah, Penyata Kewangan dapat dah.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Jangan lupa Dato' Yang Dipertua, semasa Persidangan bermula.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya dah dapat dah.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Semalam.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cuba baca ayat mana Persidangan bermula. Sebelum saya buat ruling ni kenyataan Bandar yang menyatakan bahawa ada peraturan kertas kerja hendaklah dikemukakan semasa Dewan bermula pada hari ini ataupun semalam. Cuba baca.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Sebab itu saya sebut .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: No, no, saya nak baca bukan saya sebut. Baca.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Sebab itu saya kata ada 11, 12, 13 dan juga 14 semuanya berkaitan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Baca 23. Cuba cari, maklum kepada saya di mana yang menyatakan tidak pakai yang telah dikemukakan pada 14 Ogos dahulu tak boleh pakai dan yang semalam sahaja boleh kita pakai.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Dato' Yang Dipertua, ini mudah sahaja. Kita menggunakan Persidangan berdasarkan Order Paper.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey saya buat ruling 125, tafsiran dan keputusan saya adalah muktamad. Terima kasih. Okey itu ruling saya. Sekarang saya mempersilakan sekiranya ada perbahasan. Sila Jabi.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Bolehlah ni?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Boleh.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Saya kalau .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Teruskan, tak payah membangkitkan apa-apa yang boleh menyakitkan hati antara satu sama lain, undang-undang ada, kita ikut undang-undang.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): A'uzubillahi minasyaitanir rajim. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Salam sejahtera. Salam Negaraku Malaysia. Salam Transformasi Terengganu Baharu. Salam Terengganu Molek Doh.



Alhamdulillah Rabbil 'Alamin. Wabihi nastain. Wassalatu wassalamu'ala Rasulillah. Wa'ala alihi wa ashabihi waman walah. Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, yang telah mengendalikan Dewan dengan baik dan juga begitu bertolak ansur tidak seperti Dewan di Kelantan, ahli kena halau keluar.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Minta maaf, jangan kita rujuk kepada Dewan Negeri lain.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Tidak seperti di Pulau Pinang sampai menangis dalam Dewan. Tapi nak ceritanya .....

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jabi, tak payahlah rujuk kepada Dewan-Dewan lain.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): .... tidak berlaku di Dewan kita kerana dikendalikan oleh Yang Berhormat Speaker yang berhemah. Puji sikit ...(Tepukan sokongan)....

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Teruskan.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat dan Sidang Dewan yang dimuliakan sekalian. Izinkan saya memulakan perbahasan saya ini dengan memetik satu ayat di dalam Al-Quran (Yang Berhormat membaca Surah Al-A'raf - ayat 179).

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua kerana memberi ruang dan masa yang saya kira cukup untuk saya mengambil bahagian di dalam perbahasan Bajet 2018 pada kali ini.

Saya memulakan dengan mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar Negeri Terengganu dan juga pihak Kerajaan Negeri kerana saban tahun membentangkan Bajet yang disifatkan sebagaimana disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar semalam 'Low Hanging Fruit', dengan izin.

Inilah Bajet yang mampu memberikan kesan secara langsung kepada rakyat terbanyak. Di dalam tempoh kita meniti keadaan yang kononnya kesuraman-kesuraman ekonomi, kegawatan ekonomi yang melanda sejak tahun-tahun kebelakangan ini.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri Terengganu tidak pernah sekali-kali meminggirkan kehendak dan keperluan rakyat. Keperluan terutamanya setiap

tahun dibentangkan dan diteruskan perkara-perkara yang memberi impak secara langsung terhadap kepentingan dan juga keperluan rakyat.

Mengimbas berkenaan dengan ekonomi negara pada hari ini, sebenarnya saya kira ramai yang bersetuju jika saya katakan suasana ekonomi negara ini di dalam keadaan kita tidak menafikan berlaku sedikit kelembapan tetapi banyak isu-isu yang dimainkan secara persepsi negatifnya telah mengajak rakyat untuk berfikir bahawa biasanya keadaan ekonomi negara ini sedang membawa Negara Malaysia ke arah sebuah negara yang bangkrap. Persepsi-persepsi negatif ini dimainkan di luar saja menyebabkan rakyat merasa sukar sedangkan disebalik rasa sukar itu kita lihat kerancangan ekonomi negara kita dan di Negeri Terengganu khususnya berjalan dengan lancar dan juga membantu kepada pertumbuhan-pertumbuhan di dalam negeri dan juga ekonomi negara secara keseluruhannya. Memetik laporan daripada BAB Consulting dan juga laporan yang disediakan oleh Walters School of Economy University of Pennsylvania. Kajian menunjukkan kajian ini dilaksanakan terhadap 21 responden di dalam bidang perniagaan. Daripada 80 buah negara, Malaysia berada pada 10 negara teratas negara yang berdaya saing dan juga mampu menarik pelaburan di mana catatan ataupun skor yang telah dicatatkan untuk Negara Malaysia oleh kajian tersebut purata minimum 30% markah telah meletakkan Malaysia di kalangan 10 buah negara yang maju di peringkat rantau Asia. Lapan bidang yang dibuat asas kepada kajian seperti; kesungguhan menangani rasuah, negara yang dinamik, kestabilan ekonomi, keusahawanan, persekitaran cukai yang mesra, inovatif, pekerja yang berkemahiran dan berteknologi tinggi.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, izinkan saya untuk membawa pendengaran dalam Dewan yang mulia ini terhadap senario ekonomi negeri kita. Mengikut laporan yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Statistik Negara Malaysia, kadar KDNK Negeri Terengganu berada pada 3.1%. Jika dibandingkan ..... Ini nak banding ikut negeri tak apa Yang Dipertua dok bukan sebut Dewan ni, mengikut statistik ni, boleh? Kelantan mencatatkan 4.8%, Pahang mencatatkan 2%. Manaka sektor ekonomi Negeri Terengganu banyak disumbangkan oleh yang pertamanya ataupun sebahagian daripadanya ialah daripada sektor perkhidmatan 50%. Sektor pembuatan mencatatkan 38.4%. Pertanian 8.3% dan manakala yang lain-lainnya seperti pembinaan, perlombongan dan sebagainya ialah 2.7%. Ini adalah suasana di mana kita boleh katakan keadaan ekonomi negeri kita tidak seteruk sebagaimana digambarkan oleh pihak Pembangkang melalui persepsi-persepsi negatif di dalam ceramah-ceramah dan juga apa yang selalu dimainkan oleh media sosial. Jika kita amati daripada pandangan mata kasar kita di mana hari ini atau dalam bulan ini musim cuti sekolah jika berada di Bandar Kuala Terengganu kita didapati perniagaan-perniagaan begitu maju, kedai-kedai makan begitu mendapat sambutan, tempat-tempat perkelahan begitu mendapat sambutan. Di Kenyir contohnya, saya difahamkan kalau saya tak tepat minta tolong Yang Berhormat Kerajaan di

Telemong perbetulkan. Ada 80 - 90 buah Houseboat di Kenyir pada bulan 9 dan bulan 10 semua sudah penuh ditempah kerana untuk mereka rakyat bercuti sama ada dari luar Terengganu atau di dalam Terengganu, rakyat dari Negeri Terengganu sendiri menempah bot-bot pelancongan ini untuk tujuan bercuti dan makan angin. Jadi di manakah kita nak mengatakan bahawasanya keadaan ekonomi begitu lembab kerana tidak ada satupun perniagaan yang ditutup, tidak ada satupun kedai-kedai ataupun gudang yang ditutup, bahkan bertambah lagi bila dibuka pusat-pusat komersial yang akan dipenuhi dengan penyewa-penyewa yang menjalankan kegiatan dan perniagaan.

Dato' Yang Dipertua, saya mengambil peluang ini untuk menyebut dua perkara yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar di dalam Bajet semalam. Melalui petunjang yang pertama iaitu mengurangkan beban rakyat dalam menangani isu dan kos peningkatan sara hidup. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana begitu banyak melalui 60 perkara yang telah diumumkan semalam. Sebahagian besarnya ialah meneruskan komitmen Kerajaan Negeri di dalam membantu rakyat. Saya tertarik dengan apa yang telah diumumkan semalam iaitu pihak Kerajaan Negeri akan menyediakan pada tahun 2018 sejumlah peruntukan sebanyak RM12.75 juta bagi membina ataupun mewujudkan persekitaran perniagaan yang baru ataupun dengan kata lain mewujudkan infra niaga sama ada membina baru ataupun menaiktaraf yang sedia ada. Ini adalah satu perkara yang sangat ditunggu-tunggu oleh peniaga-peniaga ataupun usahawan-usahawan kecil. Mereka yang membuka kedai-kedai perkhidmatan seperti kedai-kedai telefon, kedai-kedai gunting, kedai-kedai untuk perhiasan dan persediaan pengantin, kedai-kedai makan/restoran yang berskala kecil dan sederhana sebenarnya tertunggu-tunggu peluang dan menanti-nanti bilakah akan wujudnya ruang-ruang niaga yang boleh mereka pohon untuk mereka meneruskan kegiatan mereka ataupun membuka kegiatan-kegiatan baru. Dengan peruntukan sejumlah RM12.75 juta ini, saya sangat mengharapkan agihan dapat dibuat dengan secara yang begitu cekap dan saksama. Iaitu yang pertamanya ialah banyak rumah kedai ataupun ruang-ruang niaga ataupun infra niaga yang telah didirikan sejak lebih 10 atau 15 tahun yang lepas. Kebanyakan fasiliti ataupun kemudahan yang ada di ruang-ruang ini sudah agak ketinggalan ataupun musnah sama sekali. Jadi ini perlu diberi perhatian terutamanya dari segi bekalan elektrik, bekalan kemudahan air dan juga aspek keselamatan perlu dititikberatkan di dalam kita mewujudkan atau membina yang baru mahupun kita menaiktaraf kepada rumah-rumah kedai yang sedia ada.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Jabi, panjang dah.

**YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi):** Baru start Dato' Yang Dipertua. Mintak sikit lagi pasal banyak duk cara pasal binatang liar tadi dengan peraturan. Di situ sahaja dah lebih pada setengah jam.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tarik balik, tak sampai setengah jam, Jabi.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Err..... saya kata lebih daripada setengah jam tadi.....(Dewan gelak) ....

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak sampai bukan lebih setengah jam.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Okey, saya tarik balik.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Dalam komitmen ini Dato' Yang Dipertua, saya nak mengucapkan syabas dan terima kasih kepada Yang Amat BERTHORMAT Dato' Seri Menteri Besar dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri kerana telah meluluskan untuk tempoh tiga tahun iaitu peruntukan khas untuk membina kemudahan sosio-ekonomi di sebahagian besar kawasan Dewan Undangan Negeri di Negeri Terengganu. Di mana di tempat saya khususnya saya mewakili Kelab Penyokong Kerajaan ini begitu rasa teruja dengan pembinaan Pusat Sosio-Ekonomi ini kerana inilah sebenarnya peluang yang dinanti-nantikan oleh rakyat. Maka dengan itu, sayugia saya menyatakan komitmen kami di barisan Kelab Penyokong Kerajaan ini akan terus ataupun tetap memberi sokongan kepada Kerajaan yang sedia ada ini. ...(Tepukan sokongan) ..... Ibarat berinduk bak ayam, rumpun bak serai, junjung bak sirih, demikianlah komitmen kami kepada pihak Kerajaan. Dato' Yang Dipertua, dok tipu sikit BNBBBC ... (Tepukan sokongan) ....

Yang kedua, peruntukan RM20 juta untuk mewujudkan Regional Growth Digital Centre. Ini adalah selari dengan apa yang dibentangkan di peringkat Kerajaan Persekutuan ataupun telah dilaksanakan di peringkat Kerajaan Persekutuan dengan mewujudkan Digital Free Trade Zone yang telah dilancarkan baru-baru ini yang sekarang dengan izin, *gone for live*. Di Negeri Terengganu, sayugia saya mencadangkan supaya kita juga tidak ketinggalan untuk membangunkan infra yang sedemikian rupa kerana mutakhir ini, dua-tiga tahun kebelakang ini, kegiatan perniagaan online begitu mendapat tempat khususnya di kalangan anak-anak. Sebagaimana telah dibentangkan oleh pakar ekonomi kita Prof. Tan Sri Ghazali, 79% daripada mereka yang mempunyai kad kredit membelanjakan untuk pembelian secara online sekurang-kurangnya sekali sebulan, mungkin termasuk Dato' Speaker jugak. Pewujudkan satu pusat ataupun Regional Growth Digital Centre ini yang berpusat di negeri kita, Negeri Terengganu boleh menjadi perangsang kepada kegiatan ekonomi digital ataupun jual beli secara online ini

kerana kita mempunyai segala kemudahan, kita mempunyai teknologi dan kita mempunyai kepandaian. RM20 juta yang diperuntukkan ini hendaklah bersungguh-sungguh kita menggunakan dengan harapan untuk memberi impak yang besar dan menarik rakyat untuk menceburi bidang perniagaan online untuk menambahkan pendapatan mereka.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, oleh kerana masa tak mengizinkan, saya terus ke point yang kedua. Saya juga nak menyentuh sedikit berkenaan dengan tunjang yang ketiga iaitu aspek menyediakan perumahan kepada rakyat. Terima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional Negeri Terengganu kerana begitu prihatin terhadap keperluan Perumahan Rakyat. Setiap kali Persidangan Dewan Undangan Negeri, saya selalu menyebut berkenaan keperluan Perumahan Rakyat. Sekadar memberi gambaran kepada Dewan yang mulia, sehingga November 2017, terdapat 98,722 permohonan untuk memiliki Rumah Mampu Milik ataupun dulu kita sebut Rumah Murah, Rumah Kos Rendah oleh seluruh rakyat Negeri Terengganu. Daripada 98,722 permohonan tersebut, 7,719 telah kita luluskan dan mereka sekarang ini mendiami rumah-rumah yang telah diluluskan kepada mereka iaitu telah mengisi 99% daripada rumah yang telah siap dibina.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Panjang dah Jabi.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, nak habis dah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak, beginilah Jabi saya rasa panjang sangat dah ni.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, tahun depan tidak ada dah, ini yang terakhir, saya ingat bolehlah diberi peluang .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jabi tak nak masuk Dewan Negeri dah ke?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Saya kata tahun depan bermula Januari, saya tak habis lagi ni. Bukan penggal depan, tahun depan. Boleh dok Dato' Yang Dipertua sebab saya nak cerita hal rakyat bukan nak cerita hal-hal babi masuk kampung.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terus, saya bagi satu minit lagi, panjang dah sebab kita nak dengar banyak lagi, daripada pihak Pembangkang, Kerajaan untuk rakyat belaka.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Dah kita sambung sehari lagi, saya tak ada masalah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, teruskan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): 7,719 orang yang telah berjaya memiliki rumah di bawah Kerajaan Barisan Nasional ini hanya merangkumi 80% daripada jumlah 98,722 permohonan yang diterima setakat ini dan belum diproses sepenuhnya. 92% lagi ialah sama ada kita sudah proses permohonan mereka ataupun belum lagi diproses. Jumlah yang sebegini besar mungkin akan memakan masa 5, 10 ataupun 15 tahun lagi belum tentu lagi kita akan dapat menyelesaikan.

Terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana mewujudkan satu skim MYBN Home, satu tabung sebanyak RM2 juta untuk tujuan golongan B40 yang khususnya kerjanya makan gaji tetapi tidak mempunyai kemudahan untuk memohon pinjaman daripada institusi-institusi kewangan. Jadi dengan cara ini, inilah peluang kepada mereka 50% dibiayai oleh mereka dan 50% lagi dibiayai oleh pihak Kerajaan. Tidak mana-mana negeri saya rasa setakat ini yang memberikan pinjaman seperti ini kecuali Kerajaan Barisan Nasional Negeri Terengganu. ....(Tepukan sokongan) ..... Syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga pihak Kerajaan Negeri.

Saya juga nak mengalu-alukan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jabi, panjang sangat dah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): .... semula yang dibuat oleh pihak Kerajaan berkenaan dengan ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jabi!

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Ini rakyat perlu tahu Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jabi, kalau saya bagi panjang kepada Y.B. Jabi yang lainpun saya kena bagi panjang juga.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Saya sebagai penyokong usul Dato' Yang Dipertua sepatutnya diberi kelebihan sikitlah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya dah bagi hampir 20 minit dah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Hampir baru, belum lagi 20 minit Dato' Yang Dipertua. Saya landing sekarang. Iaitu mempernandakan syarat-syarat pembinaan rumah oleh pihak swasta, sama ada PRIMA, sama ada SPNB ataupun lain-lain agensi dengan kita membenarkan mereka membuat pengecualian atau memohon pengecualian levi sebanyak 20% untuk kategori Rumah Jenis A iaitu yang berharga RM68,000 ke bawah. Dato' Yang Dipertua, saya kira kalau ada projek perumahan baru pandang-pandanglah kami di DUN Jabi kerana kita menyediakan infrastruktur yang cukup tinggal sahaja lagi pergi bina rumah sahaja.

Dato' Yang Dipertua, izinkan saya untuk menyimpulkan perbahasan saya ini. Kerajaan Barisan Nasional Terengganu telah memberikan tawaran untuk dinilai dan dipilih oleh rakyat di dalam aspek berkaitan dengan ekonomi. Oleh kerana semalam saya difahamkan ada juga orang membentangkan Bajet di luar, di luar daripada Dewan dengan memberikan tawaran-tawaran juga. Yang sebenarnya banyak sudah apa yang mereka tawarkan itu sudah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan sama ada kita membuat perkara baru ataupun meneruskan komitmen yang lama. Mewujudkan Kad Sejahtera contohnya, mungkin kita tak panggil Kad Sejahtera tetapi lebih daripada 10 tahun sudah kita memberikan secara terus secara tunai kepada rakyat. Itu lebih tinggi nilainya daripada Kad Sejahtera. Mewujudkan Tabung Perumahan, itupun kita sudah buat. Semalam telah dibentangkan oleh pihak Kerajaan. Apa lagi yang tidak dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional Negeri Terengganu? Ibarat kata ADUN Telemong: "Ape lagi yang takdok?"

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kesimpulannya Y.B.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Ya, kesimpulannya Dato' Yang Dipertua, tinggal sehelainya ni lagi dah. Marilah kita sama-sama berjiwa besar, janganlah lagi kita melontarkan persepsi-persepsi negatif untuk mengaburi mata rakyat. Tiada pelaburan dikatakan gagal. Bawa masuk pelaburanpun dikata gagal juga. Inilah yang masalah buat hari ini. Buat ECRL dikatakan jual negeri kepada China.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jabi, saya rasa cukup dah, panjang sangat dah. Terima kasihlah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Sedangkan Negara China adalah satu-satu negara yang paling tinggi nilai pelaburannya di negara kita. Banyak lagi negara lain, banyak lagi negara-negara Eropah, negara-negara di Timur Tengah yang melabur di Negeri Terengganu atau di Malaysia amnya tetapi kenapa kita tak kata kita jual negara kepada mereka. Jepun sudah bertahun-tahun datang melabur ke Malaysia, kenapa kita tak kata kita jual negara kita kepada Jepun.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, Jabi.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Kenapa tiba-tiba bila .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jabi!

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): .... kita bekerjasama dengan China ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jabi, Arahan Dan Peraturan Tetap kena ikut, panjang dah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Saya nak terjemah sikit Arab yang .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya rasa tak payah. Panjang dah. Cukup, cukup.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Janganlah sebagaimana Allah Ta'ala berfirman di dalam Al-Quran Surah Al-A'raf ayat 179 yang saya sebut tadi. Ada suatu golongan di dalam Neraka nanti yang terdiri dari golongan yang ada hati, ada otak tetapi tidak berfikir dengan hati dan otak mereka. Ada mata tetapi tidak melihat dengan mata mereka. Ada telinga tetapi tidak dengar fakta-fakta betul yang kita sebut bahkan pergi bersyarah termasuklah di Jabi bercerita benda-benda yang auta dan karut-marut, biarlah berfakta bercerita.

Dato' Yang Dipertua, jadi saya kira oleh kerana ini adalah Persidangan kita yang terakhir bagi penggal ini dengan harapan insyaAllah, kita berjumpa lagi di dalam Dewan ini juga pada penggal depan. Jabi mohon menyokong. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya bagi kepada Bandar dululah. Nanti saya bagi kepada Batu Burok. Sila Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dewan telah mendengar pembentangan semalam, Belanjawan daripada Kerajaan Negeri Terengganu berjumlah RM1.996 bilion yang terbahagi kepada beberapa bahagian. Di antara beberapa bahagian yang mustahak untuk kita tumpukan ialah Perbelanjaan Mengurus sebanyak RM1.3 secara lebih kurang kerana RM823 juta ditumpukan untuk pembangunan. Ini juga memberi gambaran bahawa formula pembentangan Belanjawan di Negeri Terengganu hampir sama



menyerupai formula digunakan di peringkat Pusat yang membelanjakan RM285 bilion untuk kedua-dua tujuan di atas tajuk ibu ataupun bapa segala Belanjawan. Saya rasa di Terengganu juga mengambil pendekatan yang sama kerana ini adalah Belanjawan yang dikatakan terakhir dalam penggal Persidangan kita pada kali ini.

Walau macam mana pun Dato' Yang Dipertua, tugas hakiki Ahli-ahli Dewan baik di peringkat Parlimen atau di peringkat DUN seperti di Terengganu, tugas hakiki kita ialah meneliti sama ada Belanjawan yang kita luluskan bagi pihak rakyat Negeri Terengganu sama ada ia mendatangkan kebaikan kepada rakyat dan justifikasi kepada jumlah yang kita belanjakan, itu perkara yang sangat mustahak sebagai Kerajaan dan juga sebagai Ahli Dewan. Kami sebagai Pembangkang memang fungsi kami ialah memperlihatkan elemen *check and balance* atas Belanjawan yang dibentangkan oleh pihak Kerajaan. Oleh kerana itu, menjadi tanggungjawab kita untuk meneliti satu-persatu apakah elemen yang dibentangkan itu mempunyai justifikasi yang betul. Sama ada kita berdepan dengan penilaian rakyat untuk membuka pilihan mereka pada pilihan raya atau tidak itu suatu perkara yang berlainan. Tugas hakiki sebagai Kerajaan yang diberi amanah untuk mentadbir sebuah negeri atau negara ialah membentangkan perkara yang boleh ada justifikasi terutama tentang jumlah yang kita belanjakan dan kita mintak diluluskan oleh Kerajaan untuk penggunaan Belanjawan tersebut. Oleh kerana itu, saya nak bangkitkan bahawa trend ini tidak banyak perubahan kerana tumpuan kita kepada Perbelanjaan Pengurusan terlalu besar, kita menumpukan 80.43% kepada Perbelanjaan Pengurusan.

Di dalam keadaan kedudukan kewangan Negeri Terengganu Dato' Yang Dipertua, setelah lima kali Belanjawan kita bincangkan, kita masih lagi tidak lari daripada fokus dan kepergantungan yang tinggi kepada hasil Dana Khas Petroleum dan Gas. Ini tidak ada perubahan sama sekali malah kita mempunyai sedikit penurunan yang disebabkan kata akibat penilaian harga minyak petroleum dan gas di pasaran dunia atau di harga pasaran. Oleh kerana tersebut kita mengalami penurunan ataupun kejatuhan daripada terimaan-terimaan tersebut. Maka sehinggalah 5 tahun di dalam penggal ini, saya membuat kesimpulan bahawa Kerajaan Negeri Terengganu tidak lagi terlepas kepergantungan besar setinggi 85.3% pada hasil Dana Khas Petroleum dan Gas sahaja tanpa jumlah atau peruntukan ini atau terimaan ini maka Kerajaan Negeri hanya terletak atas kapasiti hanya 15% sahaja untuk mentadbir negeri melalui sumber tempatan, sumber negeri sendiri. Ini telah berlanjutan selama 5 tahun. Oleh kerana kedudukan seperti yang dipersetujui oleh kita semua, penggal hari ini akan berakhir maka tidaklah menjadi kesalahan saya membuat kesimpulan bahawa Negeri Terengganu masih lagi duduk dalam tradisi kita terpaksa bergantung harap terhadap elemen pendapatan atau hasil ini. Maka kerana itu saya nak ulang sekali lagi apa sahaja bentuk jumlah Belanjawan yang kita bentang atau kita luluskan Dato' Yang Dipertua, kita masih lagi terikat di dalam

keadaan di mana tanpa hasil baru, tanpa revenue baru Negeri Terengganu tidak boleh ditadbir dalam keadaan yang mencukupi.

Kita telah mengalami defisit 10%, okey saya rasa kita patut ucapkan tahniah kerana defisit sebelum ini Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah menyebut atau membentangkan defisit sebanyak 16% pada tahun lepas dan pada kali ini defisit berkurangan 10%. Maka ada elemen perbaikan dalam sifat menangani isu defisit, yang ini saya secara peribadi saya katakan perkara yang baik, ada usaha yang baik dari segi menangani kedudukan defisit. Walau macam manapun, RM1.996 yang kita bakal luluskan ini masih lagi di dalam keadaan tumpuan yang tidak seimbang Dato' Yang Dipertua. Banyak lagi negeri di dalam Malaysia kita yang telah membuat penyesuaian baru. Negeri Kelantan yang baru sahaja habis Persidangan mereka hanya menggunakan peruntukan Belanjawan sebanyak RM808 juta. Negeri Perak hanya menggunakan Belanjawan RM1.715 bilion kalau tak silap saya, Perak saya tak berapa ingat tapi lebih kurang begitulah. Pahang hanya sekitar RM800 juta lebih. Negeri Johor memperuntukkan RM1.17 bilion dan begitu juga negeri-negeri lain kecuali Selangor.

Walaupun manapun, justifikasi ini Dato' Yang Dipertua, memperlihatkan bahawa elemen *value for money* pada tahun pertama yang diingatkan oleh Wakil Air Putih yang mewakili BBC Kerajaan menekankan bahawa penggal ini adalah penggal di mana Kerajaan akan tekankan kepada nilai wang, *value for money* dalam setiap perbelanjaan yang kita buat di Negeri Terengganu tapi nampak gayanya sehingga ke hujung penggal tidak menampakkan keberkesannya. Aspek ini digambarkan oleh pergantungan kita kepada hasil lama, tidak ada hasil baru dan juga jumlah perbelanjaan ditumpukan kepada pengurusan dan sebahagian besarnya Dato' Yang Dipertua diletakkan di bawah Pemberian dan Kenaan.

Saya tak mahu sebut perkara ini sebab masa terlalu terhad tapi semakan saya di bawah perkara Pemberian Dan Kenaan memang 90% ditumpukan kepada bidang ini. Bidang-bidang lain seperti pembangunan, pembinaan infrastruktur dan sebagainya memperlihatkan bahawa kebanyakannya adalah ditanggung atau diperuntukkan melalui peruntukan Pusat.

Sebelum saya lupa Dato' Yang Dipertua, elemen yang mustahak juga untuk kita bangkitkan kerana perkara ini perlu juga untuk kita ketahui dalam masa kita memperuntukkan RM1.996 bilion untuk tujuan Belanjawan pada tahun ini. Saya juga nak tahu pihak Kerajaan boleh beritahu kepada Dewan, berapakah jumlah Hutang Semasa Kerajaan Negeri Terengganu baik di peringkat Persekutuan ataupun di agensi-agensinya ataupun badan-badan yang berlainan. Semakan dalam Buku Bajet ini meletakkan jumlah Hutang Kerajaan Negeri Terengganu dalam sekitar RM900 juta hutang terkini dan saya difahamkan ada

berapa jenis hutang termasuk hutang berbentuk pelaksanaan projek-projek pembangunan bersifat Private Finance Initiative yang dilaksanakan di Negeri Terengganu yang bakal dikira sebagai tanggungan hutang yang perlu dilangsaikan oleh Kerajaan Negeri Terengganu. Saya percaya jumlah hutang ini melebihi daripada angka RM3 bilion. Ini terserah kepada pihak Kerajaan semasa menjawab atau menggulung perbincangan ini, saya nak tahu angka sebenar berapakah nilai hutang dan tanggungan *accumulative* yang perlu ditanggung oleh pihak Kerajaan Negeri Terengganu kepada semua aktiviti yang telah dilaksanakan dalam Negeri Terengganu sehingga terkini?

Sektor ekonomi yang ditumpukan seperti yang cuba diuraikan oleh Penyokong Kerajaan baru sekejap tadi sepatutnya menjadi fokus, tumpuan utama dalam Belanjawan ini tetapi semakan saya berdasarkan pembentangan semalam, peruntukan kepada sektor ekonomi adalah terhad kepada 14% sahaja. Peruntukan keseluruhan 14% diperuntukkan kepada sektor ekonomi dan sektor-sektor lain diperuntukkan selebihnya. Maka saya ingin mendapat penjelasan oleh kerana elemen untuk mencari sumber-sumber baru menggantikan sumber tradisi ini, bagaimanakah rancangan-rancangan selain daripada bentuk pemberian yang diumumkan semalam, One-Off dan sebagainya, suntikan langsung kepada poket rakyat dan sebagainya. Apakah rancangan untuk menumpukan kepada menaikkan peratusan tumpuan kepada bidang ekonomi, apakah perancangan jangka panjang walaupun kedudukan Dewan dalam Penggal Ketiga Belas ini memang di penghujung, tidak ada salahnya kalau kita menyatakan secara tepat ataupun terperinci apakah rancangan kita di masa hadapan untuk menguruskan perkara ini. Saya mengaku memang sebagai pihak Pembangkang ataupun mewakili rakan-rakan Pembangkang, memang Pembangkang perlu berusaha untuk membuktikan sama ada keupayaan kami ada ataupun tidak untuk memperbaiki ataupun menambah nilai atau menawarkan suatu sebagai perbandingan kepada rakyat Negeri Terengganu. Maka kerana itu inisiatif kita telah ambil untuk menawarkan beberapa item di dalam tajuk sepertimana tajuk Belanjawan yang diumumkan. Itu sebenarnya peranan hakiki yang patut dimainkan oleh Pembangkang.

Oleh kerana itu Dato' Yang Dipertua, saya telah menyatakan bahawa tumpuan utama yang sepatutnya diberi oleh Kerajaan sama ada Kerajaan masih kekal Kerajaan Barisan Nasional atau Kerajaan Pembangkang, saya menyatakan elemen yang mustahak untuk kita tumpukan ialah mengembalikan semula pemberian royalti dan juga apa-apa bentuk terimaan yang sepatut kita terima daripada Kerajaan Pusat. Ini telah terabai selama 17 tahun di mana pada tahun 2000 adalah tahun terakhir Negeri Terengganu menerima royalti dan selepas 17 tahun saya rasa adalah munasabah untuk kita ikhtiarkan Negeri Terengganu mendapat semula dikembalikan bayaran ini.

Sekiranya Dato' Yang Dipertua, berdasarkan kepada keputusan Pakatan Harapan di peringkat Pusat yang menyatakan bahawa sekiranya Kerajaan Pusat berjaya ditukarkan kepada pentadbiran yang baru maka royalti bernilai 20% akan dipulangkan kepada negeri-negeri yang mempunyai sumber-sumber keluaran gas dan petroleum seperti Sabah, Sarawak, Kelantan dan Terengganu.

Untuk Negeri Terengganu sekiranya pemberian ini dipulangkan dan kami mengandaikan secara beransur-ansur, untuk tahun pertama sahaja Dato' Yang Dipertua, 10% yang kita matlamatkan pulangan hasil pemberian Dana Khas, pemberian royalti yang menggantikan Dana Khas ini insyaAllah Negeri Terengganu berjaya untuk mendapat hasil terimaan daripada sumber (royalti) ini sebanyak RM3 bilion setahun untuk kadar 10% sahaja Dato' Yang Dipertua. Ini membolehkan banyak lebihan dan juga hasil yang boleh dibina sebagai memperbesarkan kekuatan rezab kewangan negeri sebagaimana pernah kita alami suatu zaman dulu sebelum tahun 2000, Dato' Yang Dipertua.

Saya rasa semua rakyat Terengganu mengimpikan dan mengharapkan supaya hak ini dapat diusahakan untuk dikembalikan kepada Negeri Terengganu Dato' Yang Dipertua. Dalam masa yang sama kita ada banyak tumpuan kepada bidang-bidang bukan cukai Dato' Yang Dipertua yang boleh kita tumpu untuk menjana atas pendapatan hasil baru kepada Negeri Terengganu yang kita kasihi. Kita ada banyak kawasan mineral dan perlombongan yang masih tidak dieksploit secara lestari, secara baik, secara moden dan secara sofistikated. Kita belum lagi menumpukan kepada elemen membangkitkan hasil-hasil baru ini malah saya merasa kecewa kerana dalam masa tumpuan tidak diberi, khazanah ini telahpun diceroboh dan tidak diurus secara baik. Saya tidak mempersalahkan kepada pihak Kerajaan tetapi pagi tadi kita ada perbincangan berkait dengan kedudukan di mana kita ketahui beberapa tangkapan besar telah berlaku di Terengganu oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia seperti tangkapan berkenaan pencerobohan hasil hutan di Daerah Dungun dan Hulu Terengganu dan menjadi laporan besar media di peringkat nasional kerana masalah pengurusan dan juga penguatkuasaan.

Ini membuktikan bahawa hasil-hasil ini begitu menarik dan begitu menyinar pada mata dan pandangan pihak-pihak tertentu sebagai sumber yang tidak dimanfaatkan oleh Kerajaan Negeri dan ditumpukan. Kita tahu bidang mineral juga diceroboh dan diganggu secara di luar kuasa undang-undang. Oleh kerana itu .....

**YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR:** Dato' Yang Dipertua, boleh saya mencelah untuk dapat membetulkan fakta? Sebab tadi ada disebut oleh Wakil Bandar tadi SPRM (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia) ada membuat tangkapan kepada yang menceroboh hutan dan perkara ini tidak ada

di dalam pengetahuan Kerajaan Negeri. Jadi boleh dapatkan fakta itu untuk dimaklumkan kepada kami.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Boleh, boleh Dato' Seri. TV3 pada tahun lepas dan awal tahun ini ada melaporkan. Saya nak print .....

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Saya nak betulkan, yang saya difahamkan yang buat tangkapan adalah pihak Pejabat Perhutanan Negeri melalui penguatkuasaan, melalui PDRM dan sebagainya. Jadi tidak ada penglibatan daripada SPRM.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya berharap ....

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: ..... itu maklumat daripada pihak Kerajaan Negeri. Jadi saya nak betulkan balik nanti akan memberi satu imej yang tidak baik kepada Jabatan Perhutanan Negeri.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih. Saya harap lepas ni ada orang yang akan merujuk kepada pihak SPRM kerana kita bimbang elemen buruk kepada Kerajaan Negeri. Lebih baik pihak SPRM menilai dan meneliti sama ada terkandungnya elemen tersebut. Walau macam manapun terima kasih kepada Yang Amat Bert hormat Menteri Besar.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Sepatutnya Yang Bert hormat Dato' Yang Dipertua, Bandar tarik baliklah kalau benda tu tak betul.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Esok saya tarik balik.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekejap Bandar, ya.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Sikit lagi.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekejap Bandar, sekejap Bandar. Terima kasih Bandar, duduk. Terima kasih Bandar. Macam saya katalah, kita tak nak dalam Dewan yang mulia ini selewengkan fakta kerana didengar oleh masyarakat, ini secara online ni. Jadi kalau tak benar tu saya mintak tarik baliklah sebab dia boleh jadi fitnah sebab kalau nak tarik balik besok lambat dah.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya akan print suratkhbar yang melaporkan perkara itu. Sekarang saya tengah berucap saya tak boleh print, sekejap selepas ini saya akan bagi kepada Dato' Yang Dipertua. Kalau tak betul saya akan tarik balik tapi benarkan saya untuk habiskan ucapan

dan selepas ini saya akan print berita itu saya akan serah kepada Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bila tu agaknya?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya nak minta Dato' Yang Dipertua, kita minta kalau apa yang dia cakap tu tak betul saya ingat undang-undang mesti dikenakan kepada .....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Boleh, boleh.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Kalau boleh izinkan saya nak beri penjelasan sedikit kerana memang ada pihak SPRM menjalankan siasatan berasas kepada ada ke tidaknya unsur-unsur yang berkait dengan ini tetapi tidak ada tangkapan dibuat .....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih Yang Amat Berhormat, maksudnya saya .....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: ..... perkara ini dibuat bersama-sama dengan Jabatan Perhutanan, jadi saya tak mahu nanti pandangan masyarakat, rakyat memandang suatu perkara yang tidak baik kepada Jabatan Perhutanan Negeri. Terima kasih.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih. Saya tukar perkataan itu bukan tangkapan tetapi siasatan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tarik balik perkataan tangkapan .....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ya. Itu saya tersalah pilih perkataan, *actually* penyiasatan. Ya, masa pengesahan itu telah ada di mana pihak SPRM telah melakukan siasatan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Siasatan terhadap?

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Kes pembalakan haram di Daerah Dungun. Itu yang Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah memperbetulkan tadi. Dalam masa yang sama juga Dato' Yang Dipertua, kita ada banyak kawasan-kawasan perhutanan yang telah diluluskan dalam Negeri Terengganu. Kita ada kawasan dalam 23,000 ekar lebih yang telah diluluskan dalam kawasan Yang Berhormat Telemong di Hulu Terengganu untuk tujuan pembalakan juga. Itulah sebabnya saya sebut semalam, semalam saya dengar, hari ini saya mencadangkan pihak Negeri Terengganu menumpukan kepada

aspek Eco-Terrorism kerana di peringkat Pusat dan antarabangsa sedang menumpukan Eco-Terrorism ni. Terrorism dalam bentuk kepada alam sekitar ni, ditumpukan dengan hebat sekali dan banyak undang-undang baru telah dibentuk untuk membendung ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar, panjang dah ni. 18 minit dah.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Okey. Saya minta tolong supaya Negeri Terengganu tumpu kepada aspek undang-undang untuk menyekat aktiviti-aktiviti terrorist kepada eco-sistem kita kerana kita mempunyai nilai eco sistem yang sangat besar. Kita ada hutan yang tertua di dunia, kita ada pokok dan terbesar dalam dunia, kita Hutan Hujan yang termahal dalam dunia, kita ada galian-galian dan mineral yang bernilai tinggi dalam Malaysia dan sebut saja apa, kita ada semua dalam Negeri Terengganu.

Maka saya rasa perlu Kerajaan Negeri membangunkan satu undang-undang untuk mempertahankan khazanah ini seperti kata *combatting the eco terrorism* ini yang agak berleluasa ini seboleh-bolehnya sebelum tamat penggal ini kalau tidak insyaAllahnya kalau tidak kembali sebagai Kerajaan, Pembangkang yang jadi Kerajaan, insyaAllah akan bawa peraturan ini untuk *preservation*, nilai besar khazanah di masa akan datang dan juga untuk anak cucu kita.

Saya ada banyak perkara lain tapi saya mohon secara bertulis untuk niat murni saya. Saya akan serahkan kepada Dato' Yang Dipertua isi kandungan.....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dato' Yang Dipertua, saya nak tengok Bandar akan menyokong salah satu enakmen yang dibentangkan dan apa yang disebut tadi. Kita akan bentangkan, tak payah Bandar sebut, kita dah ada dalam sidang ini untuk dibentangkan. Kita nak tengok sokongan daripada Bandar, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kuala Berang. Terima kasih Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih. Kita akan tengoklah macam mana. Saya cadang tadi .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Sila buktikan cakap Bandar ikhlas kepada dunia apa yang dibentangkan tadi sebab tadi kata nak print daripada suratkhbar apa yang SPRM. Tapi bila Yang Amat Berhormat sebut, tarik balik. Maksudnya cakap tak betul, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya tak jangka perkataan begitu keluar daripada Exco Kanan. Saya nak beritahu .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Semua dengar tadi Yang Berhormat beria-ria tadi akan print daripada keratan akhbar untuk dibawa esok, baru ditarik balik. Bila Yang Amat Berhormat bangkit, Yang Berhormat terus u-turn.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa, terima kasih Kuala Berang. Bandar, habiskan ucapan terakhir.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya nak habiskan. Saya meneliti dan baca satu muka surat sehingga habis apa yang dimaksudkan oleh Wakil Kerajaan (Kuala Berang) tadi berkenaan dengan enakmen, enakmen tu Enakman Taman Negeri Terengganu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa, yang itu kita bincangkan kemudian, esok. Saya ingat terus kepada rumusan Ucapan Bajet.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ya, oleh kerana itu saya berharap enakmen yang saya maksudkan tadi bukan enakmen ini, enakmen untuk melawan, *combatting eco terrorist* yang sekarang ini berada di mana-mana termasuk juga di Terengganu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa, yang itu kita bahas pada hari Khamis, ini Bajet.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Betul. Kerana itu buat masa ini Dato' Yang Dipertua, saya berharap Belanjawan ini kita boleh teliti dan kita boleh nilaikan. Seterusnya, kalau ada pengurangan, pemotongan yang patut kita buat, saya rasa kita patut buat kerana jumlahnya pada pandangan saya masih lagi *bloated budget* dan kita perlu kurangkan terutama kepada bidang pengurusan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih banyak. Saya dah janji dengan Batu Burok, sekejap ya. Batu Burok, sekejap. Cuma saya nak ingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat semualah, kita berada di Dewan yang mulia setiap perkataan jangan timbulkan fitnah apa sebagainya, tumpukan betul-betul, buat kajian, buat tafakur fiddin, tengok betul tak betul perkataan sebab bila kita dah buat hansard ni, sebagai contoh, saya minta Bandar berhati-hatilah. Satu lagi kalau kita baca, antara perkara-perkara yang dilarang ialah rujukan kepada suratkhbar, bukan kata suratkhbar tu tak betul, kalau kita baca dalam Peraturan 26 dan sebagainya .....



YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Senang aje, wakil SPRM ada di sini dia boleh *verify* .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekejap Bandar. Saya menegur sahaja bukan Y.B. Bandar sahaja, saya menegur semua. Malah ditegur semalam laporan, Kertas nombor 3 dan sebagainya sedangkan saya kata 14 Ogos semasa Dewan bersidang, Laporan Kewangan 2016 telah dibentang dan dijadikan sebagai rujukan dalam Mesyuarat Kedua, Persidangan Kelima, DUN Ketiga Belas dan dibahaskan dengan panjang lebar bukan Y.B. Bandar sahaja, Y.B. Batu Burok merujuk kepada kertas tersebut, rujuk kepada Laporan Kewangan 2016 dan banyak lagi Ahli-ahli Yang Berhormat lain. Saya rasa Dewan telahpun bekalkan hansard ada, boleh baca bila kita sebut, kadang kita lupa maklumlah makin tua tapi di sini tak boleh lari dah, dah ada semua.

Jadi tolong ikut peraturan, kalau nak merujuk suratkhbar tu kalau kita lihat Peraturan 26 tu jelas, jangan semborono dan kepada sesiapa sahaja. Tolong, saya kata awal-awal tadi dan dalam ucapan saya kelmarin pun tolong saya jaga keamanan Dewan saya seorang tak larat, di sebelah Pembangkang ada 15 dan di sebelah Kerajaan ada 17, tak larat saya, tolong. Tolonglah bersama apatah lagi kalau mematuhi.... macam saya kata tadi hansard ni jelas. Muka surat 62, semua Y.B. boleh tengok, muka surat 63, muka surat 69 telah dijadikan rujukan tentang Laporan Kewangan 2016.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya kata pasal Order Paper, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya?

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya bercakap pasal Order Paper.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa tolong baca tanpa Laporan Kewangan 2016 ditimbulkan macam mana Y.B.-Y.B. nak rujuk. Saya tak nak bangkitkan apa yang telah diputuskan dan persidangan kita pada 14 Ogos, tolong baca, jadi susah kita. Okey, saya dah berjanji dengan Batu Burok, minta maaf Wakal Mempelam, lepas ni, petang ni lah kita sambung.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Ya, Dato' Yang Dipertua, sebagaimana pembentangan Bajet yang bernilai RM1.996 bilion ini telahpun disebut bahawa *over reliance* kita kepada minyak dan gas adalah merupakan suatu yang perlu diolah kembali. Apa yang saya ingin ulang kembali dan menjadi catatan di Dewan yang mulia ini, untuk makluman Yang Berhormat Bandar tadi menyebut tentang minyak dan gas bahawa kita bagi Negeri Terengganu sudah tidak ada lagi dari segi perjanjiannya

dari segi perjanjian secara legal sudah tidak wujud di antara kita dengan Petronas dan Kerajaan Persekutuan.

Ini penting untuk kita ketahui dan saya sendiri telahpun menulis surat kepada Presiden Petronas, Dato' Wan Zulkifli bin Wan Ariffin pada 9.8.2017 Dato' Yang Dipertua untuk memohon penjelasan atas dua perkara sahaja. Yang pertama, status dari segi legalnya tentang perjanjian minyak antara Terengganu dengan Petronas dan Kerajaan Persekutuan. Yang keduanya, kedudukan Telaga Minyak Bertam sama ada dia berada di dalam Perairan Negeri Terengganu ataupun tidak berada dalam Perairan Negeri Terengganu. Dan perkara ini sampai sekarang tidak dijawab. Sebagaimana yang disebut dan didedahkan oleh bekas Yang Amat Berhormat Menteri Besar daripada Kijal dahulu bahawa beliau juga sewaktu menjadi Menteri Besar dahulu pernah menulis kepada Petronas memohon penjelasan tentang kedudukan Bertam ini maka sampai sekarang belum ada satu jawapan secara *black and white* (hitam putih) daripada Petronas tentang perkara ini.

Ini penting Dato' Yang Dipertua kerana ini adalah merupakan suatu yang menjadi penghayatan bagi *survival* Negeri Terengganu. Kalau kita tidak mempunyai suatu perjanjian yang kuat, yang jelas maka dari segi masa depannya akan memberikan suatu kesan yang besar kepada Negeri Terengganu ini sendiri.

Saya mengharapkan supaya kita sama-sama memperjuangkan tentang hak kita dari segi petroleum ini dan juga hak kita dari segi Bertam ini kerana ini merupakan maruah kita Dato' Yang Dipertua. Kita semua mempunyai tanggungjawab yang besar untuk dapat mengembalikan apa yang telahpun kita pertahankan, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri pada tahun '74 telahpun mempertahankan dalam Dewan ini bahawa mereka menerima asas perjanjian petroleum antara Kerajaan Negeri dengan Petronas dan juga Kerajaan Pusat.

Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dato' Yang Dipertua, minta laluan Batu Burok sikit, boleh?

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Ya tapi masa takdok doh.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Tak, saya keliru. Dato' Yang Dipertua, kata Batu Burok tak ada perjanjian. Batu Burok tanya Petronas, Petronas tak jawab tapi dia beritahu dalam Dewan ini dia kata tak ada perjanjian, saya rasa tak betul. Perjanjian masih ada cuma isi perjanjian tu dia tertakluk kepada keadaan-keadaan yang

tertentu. Dan tidak dinyatakan di mana-mana kenyataan sekalipun bahawa perjanjian antara Negeri Terengganu dengan Kerajaan Persekutuan terbatal. Ini jelas dan kita masih bawa prinsip Persekutuan.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Jadi fakta yang diberi oleh Batu Burok terlalu jauh tak betul di Dewan ini.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, Laporan Bernama kalau Yang Berhormat boleh semak iaitu pada September 2014, secara jelas .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Tak payah baca, tak payah baca. Laporan itu kalau ada, beri kepada Speaker.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya rasa pihak Kerajaan ada sebab mereka telah mengumumkan menubuhkan .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Tak, itu yang Yang Berhormat ada. Saya ingat Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua minta dengan Batu Burok, dia tak payah baca di sini sebab itu bukan .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Mungkin Yang Berhormat tidak tahu. Mereka, Petronas dan Kerajaan Persekutuan telah menubuhkan satu jawatankuasa khas di bawah Kementerian Kewangan. Jawatankuasa itu telah diberi mandat untuk menimbangkan persoalan ini dan mereka telahpun membuat keputusan bahawa Kerajaan Negeri Terengganu menerusi .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Err.... Tak apa Batu Burok. Laporan itu daripada mana?

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Bernama. Laporan Bernama.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya nak mintak Bentara tolong pergi ambil untuk saya buat .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya ingat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa, saya akan bagi balik.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Sebab saya ada satu *copy* sahaja.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Macam saya kata Peraturan 26 tu jelas .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): ... Satu jawatankuasa khas telah diwujudkan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Batu Burok biar saya baca, saya baca *detail*. Terima kasih. Sebab dah panjang masa sebenarnya ni. Jadi saya minta rujuk Bajet kita. Saya nak ingatkan sekali lagilah .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Tak ini perkara berkaitan Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekejap Batu Burok, Peraturan 26, rujukan kepada surat-surat khabar tu jangan, ya sebab jelas dalam nak buat soalan, nak buat apa-apa pun pada sumber-sumber yang .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya merujuk kepada Laporan Bernama ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Saya tak kata laporan surat khabar tak boleh dipercayai tetapi Peraturan Dewan .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya baca Dato' Yang Dipertua. Petronas tidak lagi terikat secara undang-undang untuk membuat sebarang bayaran tunai kepada Negeri Terengganu di bawah perjanjian pembayaran yang ditandatangani di antara Petronas dengan Kerajaan Terengganu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dato' Yang Dipertua, sekali lagi Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): ... ini merupakan terma-terma di dalam .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Minta maaf Batu Burok, saya minta sekali lagi Batu Burok, *please*. Tadi Batu Burok mengakui di Dewan ini Negeri Terengganu *over reliance* kepada bantuan Dana Kerajaan Pusat dan Bandar pun sebut tadi. 85% pendapatan bukan 2018 sahaja malah tahun-tahun sebelum daripada ini pun daripada Dana Kerajaan Pusat. Dato' Yang Dipertua, ini yang 85% ini daripada mana? Mestilah daripada minyak dan gas. 85% ini daripada perkiraan mana? Daripada Petronas, Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri. Saya cuba beritahu rakyat Negeri Terengganu apa yang dibangkitkan oleh Bandar dan Yang Berhormat tadi Negeri Terengganu bergantung lebih daripada 50%, malah 85% daripada minyak dan gas dan ehsan daripada Kerajaan Pusat, Petronas dan sebagainya. Jangan belit-belit Dato' Yang Dipertua. Kita dah lima tahun bersidang di sini malah saya dengar Batu Burok lebih daripada 5 tahun isu ini berbangkit seolah-olah tidak berbangkit yang lain. Seolah-olah Terengganu ni .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Err....[Bangun berdiri].....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kejap. Terima kasih Kuala Berang. Terima kasih Ladang. Terima kasih Batu Burok. Saya bagi Batu Burok 2 minit lagi dah 15 minit dah. Sila.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, apa yang saya sebutkan ini kalau kita dapat menjelaskan di dalam Dewan sebab itu saya mahu penjelasan daripada Dewan kerana saya memetik daripada laporan yang telah disebut oleh Bernama tentang tidak ada lagi perjanjian royalti antara Terengganu dan juga Petronas dan Kerajaan Persekutuan. Saya harap pihak Kerajaan akan menjelaskan di Dewan ini secara jelas tentang kedudukan royalti. Yang keduanya, tentang Bertam. Yang Berhormat daripada .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Batu Burok, jelas merujuk pada Peraturan 26 di mana tidak boleh dirujuk pada kenyataan surat-surat khabar atau kenyataan-kenyataan orang persendirian atau badan-badan kewangan .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya tak rujuk ni. Bertam saya nak rujuk kepada Kijal Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak boleh, orang-orang persendirianpun tak boleh. Kita nak kepada sumber yang sah. Ada peraturan dia sebab saya sebagai pengadil di sini saya kena ikut peraturan. Minta maaf banyak Y.B. Batu Burok.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Speaker, boleh izinkan kepada saya sedikit. Sebab soalan ini sudah berulang kali dan kita pihak Kerajaan sudah berulang kali menjawab. Soalnya sepertimana yang disebut tadi oleh Yang Berhormat Wakil Kuala Berang tadi dan disebut oleh Wakil Bandar tadi jelas bahawa hasil 85% adalah daripada petroleum. Jadi jelas bahawa tak timbul isu tentang bahawa hasil daripada petroleum tak sampai kepada Kerajaan Negeri.

Kemudian pasal soal Bertam, saya sudah berulang kali sebut bahawa sekarang ini dalam proses perundingan dan sekarang ini kita sedang menunggu keputusan daripada Jabatan Pemetaan Negara (JUPEM) untuk menentukan bahawa sempadan ataupun kawasan Bertam ini adalah betul-betul milik Negeri Terengganu atau sebaliknya. Dan pihak JUPEM telah menyatakan bahawa urusan ini akan selesai dalam pertengahan atau akhir bulan Januari. Jadi Kerajaan Negeri sekarang sedang menunggu keputusan daripada pihak JUPEM. Ini telah dijelaskan dalam Sidang Dewan yang sebelum ini. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Batu Burok sekejap, ya. Sekejap Ladang. Saya merujuk kepada *hansard* sebab tak lari, pada muka surat 72 dan 73 dan jelas telah ditimbulkan benda yang sama. Jadi kalau boleh kita ..... Batu Burok nak habis dah masa ni tapi oleh atas budi bicara saya oleh kerana gangguan dan penerangan oleh pihak Kerajaan jadi saya bagilah sehingga pukul 1.00 insyaAllah. Sila.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya pun nak penutup dah, tak ada apa dah. Dato' Yang Dipertua, apa yang saya timbulkan ini adalah kerana untuk kepentingan Negeri Terengganu dan juga ditimbulkan berulang-ulang kali supaya kita sedar bahawa satu demi satu kepentingan kita akan hilang kalau kita tidak perjuangkan dan kita tidak pertahankan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya rasa dah jelas jawapan yang telah diberikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Memang dalam perkiraan, pertimbangan, kecaknaan yang tinggi daripada pihak Kerajaan. Jadi proses prosedur perundangan ini bukannya mudah dan telah dijelaskan tentang pemetaan macam mana. Kena rujuk kepada pihak yang berwajib, dapatkan maklumat dan sebagainya itu lebih jelas daripada merujuk daripada sumber-sumber yang dilarang keras dalam Peraturan 26(l) mudah bagi kita. Tak payak kita bercelaru minda apa sebagainya sebab kita nak yang betul, yang benar fakta bukan yang mendatangkan fitnah yang berleluasa. Terima kasih banyak Batu Burok. Sila.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Inilah yang kita nak bukan yang bercelaru, yang bukan orang kata 'ambik bakul' dan sebagainya tetapi berpandukan kepada fakta dan saya berpandukan kepada fakta sebagaimana yang telah didedahkan di Dewan ini bahawa Kerajaan Negeri pun pernah menulis kepada Petronas tentang kedudukan Bertam. Ini suatu usaha yang cukup baik dan kita mahu suatu keputusan yang positif untuk rakyat Negeri Terengganu. Begitu juga tentang kedudukan perjanjian royalti mesti ada suatu *black and white* di antara kita dengan Petronas. Di mana sebenarnya kedudukan royalti minyak yang telah kita meteraikan semenjak dari tahun '74 lagi.

Jadi Dato' Yang Dipertua, inilah kita dalam Negeri Terengganu ini terlalu banyak persoalan-persoalan yang boleh kita bincangkan dan kita bahaskan di Dewan yang mulia ini. Saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada anggota-anggota Kerajaan dan juga Pegawai-pegawai Kerajaan yang memainkan peranan mereka dengan baik, memberikan kerjasama dan juga memberikan maklumat-maklumat yang banyak mengenai Negeri Terengganu untuk kepentingan Negeri Terengganu. Kita orang Terengganu, kita mesti mempertahankan maruah kita Negeri Terengganu ini tanpa mengira warna politik, bangsa dan agama dan kita mesti menunjukkan gah kita dengan kekuatan-kekuatan yang ada pada kita. Negeri Terengganu adalah sebuah negeri yang berdaulat, negeri yang berpayung di bawah Tuanku Al-Sultan kita, Sultan Mizan Zainal Abidin ibni Al-Marhum Sultan Mahmud. Justeru itu hak kita mesti kita pertahankan. Sebagai akhirnya .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Batu Burok setujulah tu 'Terengganu Molek Dah'.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): ... Saya sekali lagi nak memetik apa yang suka dipetik oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar daripada Al-Marhum Buya Hamka: "Sahabat sejati adalah orang yang berkata benar bukan yang membenarkan kata-kata darimu." Sekian, wahillahi taufik wal hidayah. Wassalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa'alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Batu Burok. Masa dah pukul 1.00 tengah hari. Saya nak tangguh sekejap bagi ada yang rasa panas tu kita sejukkan sikit supaya tahan lama sikit. Dan saya ingin mengingatkanlah mana-mana Yang Berhormat yang mengemukakan usul dan sebagainya, bagi menjaga kemuliaan Dewan ini kalau usul Dewan tolak dan kalau usul mana-mana pun jangan dihebahkan, diviralkan dalam media-media massa yang tidak sah dan sebagainya sebab bila kita buat cara demikian, kita tidak menghormati institusi

Dewan yang kita anggotai ini. Jadi saya minta benar-benar, saya tidak mahu menyebut nama, jadi ini peringatan saya terakhir jangan .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya ingat Batu Burok, bukan, mungkin bukan Batu Burok sendiri Dato' Yang Dipertua tapi soalan Batu Burok tu diviralkan. Jadi jaga maruah, saya setuju dengan Batu Burok kata tadi.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Batu Burok ni PAS lagi ke guaner? ....(Dewan gelak)....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, jadi ingatan saya untuk kebaikan bersama ada mawadah wa rahmah, pentingnya kita menjaga apa yang saya kata ukhwah Islamiah itu. Terima kasih banyak.

Maka Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat yang dirahmati oleh Allah Subhanahu Wata'ala maka saya tangguhkan sementara Dewan yang mulia ini dan insyaAllah kita sambung balik pada pukul 2.30 petang.

Sementara itu, saya menjemput bagi pihak Yang Amat Berhormat untuk makan tengah hari di Damai Lounge kepada semua Y.B. makan tengah hari di Damai Lounge, Dewan Undangan Negeri Terengganu dan yang lain-lain seperti biasa di Dataran U2. Bersama-samalah kita menjamu selera dan sama-sama kita Solat Zuhur berjemaah sekiranya kita mampu berbuat demikian dan usahalah kita untuk berjemaah kerana itu dituntut oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 1.05 TENGAH HARI.



### PUKUL 2.30 PETANG

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Bert hormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Bert hormat yang dirahmati Allah Subhanahu Wata'ala. Mesyuarat disambung semula.

Perbincangan Bajet 2018 diteruskan dan sebelum saya mempersilakan Yang Bert hormat untuk mengambil bahagian dalam Perbincangan Bajet pada petang ini, ingin saya sekali lagi mengingatkan Ahli-ahli Yang Bert hormat supaya patuh pada masa. Minta patuh pada masa bukan kerana apa? Kerana saya nak bagi ruang kepada semua kalau boleh Yang Bert hormat untuk mengambil bahagian dalam perbincangan pada hari ini dan esok, insyaAllah. Sebab saya berhasrat nak bagi pihak Kerajaan menggulung pada petang esok, insyaAllah.

Okey, saya menjemput mana-mana Yang Bert hormat yang ingin menyampaikan ucapan. Wakaf Mempelam tak ada, ya. Okey, sila Tepoh.

YANG BERTHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa'alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh):  
Alhamdulillah Rabbil 'Alamin. Assala tu wassalamu'ala asyrafil anbiya iwal  
mursalin. Wa'ala alihi wassahbihi ajmain. Amma ba'.

Terima kasih Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri  
Besar serta seluruh Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan  
Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat daripada pihak Kerajaan dan juga daripada  
pihak sebelah saya ini, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kerajaan, para  
Pemerhati dan hadirin-hadirat yang saya kasihi sekalian.

Izinkan saya mulakan perbahasan pada petang ini yang kebetulannya kita  
berada dalam bulan Rabiul Awal untuk memetik Firman Allah Subhanahu  
Wata'ala di dalam Al-Quranul Karim. "Lakadkaana lakum fi rasulillah uswatun  
hasanatun liman kaana yarjuullah wal yau mal akhira wazakarallaha kasiraa".  
(Surah Al-Ahzab - ayat 21). Demi sesungguhnya untuk kamu Ya Rasulullah  
Salallahu Alaihi Wassalam terdapat contoh teladan yang sangat baik untuk  
mereka-mereka yang mengharap kepada Allah, harap kepada Hari Akhirat serta  
menyebut Allah sebanyak-banyaknya. Ayat ini ketika diturunkan oleh Allah  
Subhanahu Wata'ala ketika berlangsungnya Peperangan Ahzab dalam saat  
berdepan dengan pasukan tentera-tentera yang bersekutu bagi menghancurkan  
kemarahan Perjuangan Nabi Sallahu Alaihi Wassalam. Pada waktu tersebut  
ramai yang ragu-ragu adakah Islam boleh menang ataupun tidak sedangkan  
bilangan kita sangat sedikit dibandingkan dengan bilangan pihak musuh yang  
mencecah bilangan yang ramai. Tatkala itulah Nabi Sallahu Alaihi Wassalam  
perkukuhkan keyakinan, kita akan mampu untuk mara mencapai kemenangan  
sehingga para sahabat pada waktu tersebut muncul perasaan yakin, perasaan  
tenteram maka Allah Subhanahu Wata'ala menurunkan ayat contoh teladan yang  
ada pada Nabi Sallahu Alaihi Wassalam.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Tepoh berusaha untuk mengambil  
bahagian dalam membahaskan Enakmen Perbekalan 2018 bagi Kerajaan Negeri  
Terengganu dengan memberikan penekanan terhadap kebertanggungjawaban  
semua pihak bagi melahirkan Negeri Terengganu Darul Iman yang benar-benar  
berjaya. Sebab itu kita sangat memerlukan Ahli Politik yang berdaya khidmat  
ataupun dengan izin *service oriented* bukannya Ahli Politik yang berdaya  
manipulasi. Apakah perbezaan di antara dua Ahli Politik ini? Ahli Politik yang  
berdaya khidmat, mereka akan berusaha gigih bagi memastikan kepentingan  
rakyat dipelihara dengan baik dan bukannya manipulasi dengan kuasa yang ada,  
dengan apa yang dimiliki untuk kita membina kekayaan sendiri ataupun untuk  
membina kemewahan sendiri.

Selain daripada Ahli Politik, negara dan negeri yang berjaya, yang sihat sangat  
memerlukan kepada golongan usahawan. Tetapi usahawan yang kita perlukan  
adalah usahawan yang berdaya eksplorasi bukannya usahawan yang berdaya

eksploitasi. Apa beza di antara usahawan eksplorasi dan usahawan eksploitasi? Usahawan eksplorasi adalah usahawan yang kreatif memanfaatkan ruang yang ada untuk mencipta kemenangan, berusaha secara jujur dan amanah di dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang ahli perniagaan sama ada digelar sebagai usahawan ataupun digelar sebagai *businessman*. Tetapi malang bagi negeri ataupun negara kalau kita memiliki usahawan yang hanya berdaya eksploitasi, memanfaatkan hubungan *networking* bersama dengan Ahli Politik, menabur rasuah, menyalahgunakan kesempatan yang ada sehingga menyebabkan berlaku kerencatan di dalam membawa pembangunan yang baik untuk negeri ataupun negara. Tidak terhenti setakat Ahli Politik dan tidak terhenti setakat usahawan, kita memerlukan kepada rakyat yang bergelar sebagai pengguna yang bijak '*smart consumer*' ataupun kita perlu menghalang rakyat yang menjadi pengguna yang mudah untuk dimanipulasi ataupun mudah untuk dipijak.

Dato' Yang Dipertua, saya memulakan pendahuluan untuk perbahasan ini bagi memberikan gambaran bukan untuk menyindir, bukan untuk menuduh tetapi untuk mengambil semangat kebersamaan sama ada kita bergelar sebagai Ahli Politik ataupun Pentadbir. Kita mesti ada kebertanggungjawaban seperti ini supaya kita mencontohi Nabi Sallahu Alaihi Wassalam dalam gaya kita berpolitik, di dalam kita membawa mesej pentadbiran, di dalam kita menguruskan amanah mestilah mengambil semangat yang ditinggal oleh Nabi Sallahu Alaihi Wassalam.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, berbalik kepada Bajet 2018, setahun-dua ini kita seringkali dipegunkan dengan pelbagai istilah memukau yang dibawa sepanjang Ucapan Bajet yang disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Bajet 2017 yang lalu sebagai contoh, pada *point* yang ke-89: 13 'Projek *Low Hanging Fruits*' yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar. 13 projek ini menggunakan istilah *Low Hanging Fruits* sama seperti di dalam Bajet 2018, *touchpoint* yang digunakan juga adalah *Low Hanging Fruits*. Apa yang saya ingin tegaskan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sekadar tiga contoh daripada 13 projek yang dinyatakan. Sektor Bioteknologi - Projek Makanan Ternakan Hibrid di Setiu. Pelaburan swasta bernilai RM27 juta mewujudkan peluang pekerjaan 865. Yang kedua, Sektor Pembuatan - Projek Aviation Maintenance, Repair And Overhaul (MRO). Pelaburan swasta bernilai RM29 juta membuka peluang untuk 600 peluang pekerjaan. Membangunkan Hub Kargo Udara Serantau di Lapangan Terbang Sultan Mahmud. Pelaburan swasta bernilai RM165 juta. Peluang pekerjaan 895. Tidak perlu saya membilang kesemua 13 *Low Hanging Fruits* ini, cukuplah tiga contoh ini. Ia tidak dilihat sebagai *Low Hanging Fruits* seperti yang dinyatakan di dalam Buku Ucapan Bajet 2017 apatah lagi di dalam Ucapan Bajet 2018.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, jumlah pelaburan yang diperolehi sepanjang tahun 2017 hanyalah tiga pelaburan sahaja yang membawa jumlah

pelaburan tempatan sebanyak RM20 juta, kemudian jumlah pelaburan asing RM35 juta yang membawa jumlah keseluruhan hanya RM55 juta ertinya *Low Hanging Fruits* ini tidak berlaku. Macam mana untuk mudah dicapai, bagaimana untuk mudah digapai dalam perkataan 13 perkara yang disenaraikan ini dilihat tidak memberi kesan yang besar kepada rakyat Negeri Terengganu. Kita boleh melihat kalau dibuat ringkasan *Low Hanging Fruits 2017*, jumlah pelaburan yang bakal diterima adalah RM8.6 bilion. Jumlah peluang pekerjaan yang bakal diperolehi adalah 11,523 tapi apa jadi dengan *Low Hanging Fruits* yang telah ditawarkan dalam Bajet 2017?

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bercakap soal kecekapan tentu sekali Kajian Kes Bas Amphicoach menarik perhatian banyak pihak. Antara perkara yang boleh untuk Dewan memberikan perhatian: Yang pertama, syarikat pembekal iaitu Alam Perkasa Teknologi Sdn. Bhd. yang telah berjaya mendapat tawaran kerja membekalkan Bas Amphicoach untuk Kerajaan Negeri Terengganu. Semakan yang kami buat, syarikat ini ditubuhkan pada 27 Mac 2014. Idea untuk membawa Bas Amphicoach ialah pada akhir 2013. Syarikat yang baru ditubuhkan yang tidak pernah diketahui prestasi kerja membekalkan bas ataupun kenderaan, bagaimanakah Jawatankuasa Tender boleh meluluskan Alam Perkasa Teknologi Sdn. Bhd. untuk mendapat peluang membekalkan Bas Amphicoach dengan harga RM3.3 juta. Apatah lagi di dalam semakan kita, *nature of business* yang telah dibawa oleh Alam Perkasa Teknologi Sdn. Bhd., *Land And Water Bus Provider to the Terengganu State Government*. Itulah sahaja bidang tugas yang telah dia ada, tidak diketahui pengalaman lampau, tidak diketahui prestasi sehingga menyebabkan kita bersetuju untuk *terminate*. Sebentar tadi saya telah dimaklumkan semasa rehat tetapi saya sebut untuk rakaman Dewan, untuk perhatian kepada kita semua kenapa perkara ini boleh berlaku. Daripada sudut perancangan yang komprehensif sebagai petunjuk rancangan untuk memiliki Bas Amphicoach yang mempunyai satu pelan perancangan yang kukuh. Dewan menyaksikan Bas Amphicoach ini akan digunakan di Tasik Kenyir. Ertinya justifikasi yang digunakan untuk membeli Bas Amphicoach adalah Tasik Kenyir, merencanakan pembangunan pelancongan supaya Bas Amphicoach ini menjadi daya tarikan untuk pelancong berkunjung ke Tasik Kenyir. Tapi kita lihat apa yang berlaku? Daripada sudut perancangan yang tidak komprehensif inilah yang menyebabkan kita telah mengubah daripada Tasik Kenyir sehingga sampai ke Taman Taman Tamadun Islam. Saya tidak kisah, kita tidak mempersoalkan keputusan yang dibuat oleh Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri tetapi yang kita mempersoalkan justifikasi dulu. Kita seperti tidak ada pelan jangka masa panjang yang cukup komprehensif, yang cukup baik untuk kita laksanakan tanggungjawab bagi membangunkan pelancongan di Tasik Kenyir dan seumpamanya sepertimana yang telah dicadangkan. Oleh kerana itulah projek dibuka baru walaupun telah siap, alhamdulillah untuk membina peluncur serbaguna bagi kenderaan Amphicoach di Taman Tamadun Islam.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sedikit persoalan berkenaan dengan Pusat Bebas Cukai Tasik Kenyir. Ogos 2018 dikatakan akan dimulakan operasi secara rasmi. Perbelanjaan ratusan juta ini amat perlu dibangkitkan oleh Dewan secara berterusan. Ya, kita pernah mengemukakan soalan. Kita pernah membicarakan soal ini tetapi kerana perbelanjaannya yang sangat besar maka kita perlu untuk timbulkan balik supaya kita dapat memberikan perhatian dengan semangat *value for money* yang telah kita keluarkan untuk membangunkan Tasik Kenyir.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dua elemen penting Pembangunan Tasik Kenyir iaitu Pusat Bebas Cukai di Pulau Bayas dan juga elemen infrastruktur sokongan yang berada di Pengkalan Gawi dan juga Pulau Poh. Kedua-dua projek ini saya yakin dia telah mencecah, malah melebihi RM500 juta.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Panjang lagi ke Tepoh? Hampir 15 minit dah.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Rasa macam baru 10 minit.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya rasa kena betulkan jam Tepoh tu. Tengok jam depan sana.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Saya jam murah saja Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya lagi murah. Sila.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Terima kasih. Secara jujur saya ingin dapat sekali lagi penjelasan daripada pihak Kerajaan Negeri Terengganu terhadap Pusat Bebas Cukai di Pulau Bayas. Adakah lokasi tersebut yang dimaksudkan oleh pihak Kerajaan untuk beroperasi pada bulan Ogos 2018. Saya ulang balik, adakah Pusat Pembangunan Bebas Cukai di Pulau Bayas adalah tempat yang dimaksudkan untuk beroperasi pada bulan Ogos 2018 atau ada tempat lain yang dicadangkan seperti di Pulau Poh dengan adanya bentuk-bentuk baru, kanopi yang telah didiri.

Dato' Yang Dipertua, saya juga ingin menyentuh berkenaan soalan-soalan saya yang telah ditolak berhubung dengan syarikat tempatan yang mendapat kontrak serta manfaat secara langsung dari pembangunan projek Kerajaan Negeri, sekadar ingin tahu kerana soalan tersebut telahpun ditolak. Mungkin pihak Kerajaan Negeri sudi untuk memberi penjelasan semasa penggulungan nanti.

- (i) Berapakah bilangan syarikat kontraktor serta perundingan

ditutup atau dialih operasi kerana kekangan mendapat projek Kerajaan Negeri menyebabkan pemain industri ini perlu berhijrah untuk mempertahankan bisnes?

- (ii) Apakah langkah mendatang yang akan diambil perhatian agar industri pemain tempatan diberi lebih keutamaan berbanding syarikat luar seperti yang dibuat oleh Sarawak yang hadkan penglibatan orang luar hanya kepada skop bidang khusus yang tertentu sahaja?

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebagai penutup, apakah perkembangan yang diusahakan oleh pihak Kerajaan untuk mengambil sikap yang serius bagi menyelamatkan Pantai Terengganu yang berada di bawah ancaman di sepanjang jajaran Pantai Mengabang Telipot, Pengkalan Maras dan Mengabang Telung. Isu ini sering kali telah dikeluarkan dan saya juga telah dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar semalam berkenaan dengan projek RM90 juta yang diluluskan oleh pihak Federal dan pada minggu ini akan *diawardkan* kepada kontraktor yang berkenaan. Cuma saya ingin mempersoalkan beberapa perkara untuk dijadikan perhatian Dewan. Yang pertama, mengapa ketika waktu teduh ataupun bukan ombak yang mengganas pada waktu tersebut kita membiarkan projek ini tanpa kita melakukan baik pulih yang sebaik? Yang kedua, kenapa pada waktu baik pulih secara *emergency* ini batu-batu yang dibekalkan pada waktu tersebut merupakan batu-batu yang sangat kecil yang bukan saiz untuk mempertahankan pantai? Yang ketiga, saya mengharapkan supaya kita jangan terus untuk menjadikan pantai ini dengan batu-batuan yang besar sepanjang jajaran Pantai Terengganu tetapi berusaha untuk mengambil formula Pantai Batu Burok, Pantai Teluk Ketapang supaya pasir secara semulajadi boleh untuk dibawa ke pantai yang indah suatu ketika dahulu.

Dato' Yang Dipertua, saya menghormati atas permintaan untuk saya menamatkan ucapan maka saya berhenti setakat ini, mudah-mudahan pihak Kerajaan dapat memberikan perhatian terhadap perkara yang telah saya sebut dan nyatakan sebentar tadi. Terima kasih. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa'alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Tepoh. Batu Rakit sila.

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, Sidang Dewan sekalian dan seterusnya Pemerhati-pemerhati.

Saya mengambil peluang untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kerajaan Negeri yang dipimpin oleh Kerajaan Barisan Nasional yang telah membentangkan Bajet 2018 yang meliputi semua lapisan dan golongan rakyat sama ada nelayan, petani, driver teksi, ibu tunggal, warga emas sampailah kepada anak yang baru lahir. Walaupun dalam keadaan kekangan ekonomi tetapi tidak mengurangkan sedikitpun bantuan kepada rakyat malah ditambahkan lagi bantuan-bantuan yang dirasakan perlu untuk dan demi kesejahteraan rakyat.

Ini menunjukkan bahawa Kerajaan cukup prihatin dan cakna kepada rakyat. Dan kalau kita lihat perbandingan Bajet-bajet dengan negeri-negeri yang lain, Bajet kita masih lagi cukup tinggi dan melebihi daripada Bajet tahun lepas, lebih RM130 juta. Kalau kita lihat Kedah RM1.3 bilion. Perak RM1.17 bilion. Negeri Sembilan RM412 juta. Johor RM1.5 bilion. Pulau Pinang RM1.125 bilion. Jadi ini menunjukkan bahawa Kerajaan di bawah pimpinan Kerajaan Barisan Nasional dapat mengurus kewangan dengan baik.

Dari segi pelaburan kalau kita lihat, ini rujukan MIDA. Pelaburan 2012 hingga 2016, hampir berjumlah RM5 bilion pelaburan di mana China RM1.1 bilion yang melabur di Terengganu. Korea RM1.131 bilion. Amerika RM924 juta. Perancis RM845 juta. Jepun RM480 juta. Thailand RM326 juta. India RM127 juta. Jadi saya nampak maknanya kita mendapat pelaburan yang baik. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan sentiasa memikirkan sesuatu yang baik demi kesejahteraan rakyat.

Dan kita lihat juga dari segi bantuan kepada rakyat. Boleh dikatakan keseluruhan rakyat menerima bantuan. Kalau kita lihat Dana Raya, penerima 264,294 ketua keluarga dan sekiranya keluarga itu hanya mempunyai dua orang sahaja, maknanya yang menerima manfaat ialah 50% daripada rakyat kita. Dan sekiranya keluarga itu tiga orang satu keluarga, lebih 66% rakyat menerimanya.

Dan Dana Bakti Remaja itu orang muda lebih kurang 10% orang menerima manfaat daripada Dana Bakti Remaja ini yang mana penerima tahun lepas sahaja 113,000 sedangkan penerima pada tahun ini, 2017 ialah 113,000. Dan saya lihat pada Bajet ditambah pula untuk tahun depan kepada RM27 juta ada tambahan RM5 juta tambahan untuk Dana Orang Muda.

**YANG BERTAMBAH HORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar):** Tanya sikit Yang Bertambah Hormat. Berapa ringgit seorang nilai berinya Dana Bakti Remaja ini, berapa ringgit seorang?

**YANG BERTAMBAH HORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit):** RM200.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Dan kalau kita lihat pula kepada pendidikan. Saya juga mengucapkan tahniah dan syabaslah kepada Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pendidikan Negeri, Yayasan Terengganu, Yayasan Islam serta Agensi-agensi Pendidikan yang lain kerana banyak kejayaan-kejayaan yang telah kita capai di peringkat negara dan juga antarabangsa. Ini menunjukkan bahawa pendidikan kita berada pada landasan yang betul dalam kita membina modal insan kita, sumber manusia kita untuk masa hadapan. Jadi oleh sebab itu, banyak kejayaan-kejayaan dalam bidang pendidikan yang telah kita capai. Ini menunjukkan bahawa pendidikan peringkat Negeri Terengganu berada pada landasan yang betul dalam kita untuk nak membina generasi terutamanya untuk persiapan kita kepada Tranformasi Nasional 2050 (TN50).

Dan seterusnya berbalik kepada DUN sayalah, kawasan saya. Saya memohon walaupun banyak kita lihat peruntukan-peruntukan dalam Bajet saya bimbang takut-takut DUN Batu Rakit tertinggal terutamanya dalam perumahan. Jadi saya berharap peruntukan Rumah Mampu Milik RM400 juta yang dibentangkan dalam Bajet ini juga adalah terlibat Batu Rakit dalam tu. Di samping itu juga, kemudahan infra, walaupun Batu Rakit tidak banjir, tidak terpaksa berpindah walau bagaimanapun air bertakung tu ada. Saya berharap dapat dibina longkang-longkang di kawasan terutamanya di sempadan di antara Tepoh dengan Batu Rakit supaya air yang bertakung ini tidak terus bertakung untuk kebaikan rakyat.

Seterusnya, bantuan kepada nelayan. Dulu bantuan kepada nelayan ini termasuklah bot, injin sangkut, pukot dan saya nampak sejak kebelakangan ini, bantuan untuk nelayan ini untuk bot injin sangkut dan sebagainya tidak ada dan lebih kepada hal-hal lain. Jadi saya mohon kepada Kerajaan mewujudkan semula bantuan-bantuan bot, injin sangkut dan juga pukot. Di samping itu juga saya mohon di kawasan Batu Rakit ini diadakan satu pelabuhan kecil kerana bot-bot kecil lebih kurang 150 buah di kawasan Batu Rakit ini semuanya berlabuh di Merang dan daripada Merang ke Batu Rakit ini 10 - 15 kilometer pula. Jadi amat menyusahkan kepada nelayan-nelayan di kawasan Batu Rakit. Jadi saya berharap Kerajaan dapat mewujudkan pelabuhan kecil untuk nelayan-nelayan di kawasan Batu Rakit.

Dan di samping itu juga, seperti mana Yang Berhormat Tepoh tadi yang menyebut tentang hakisan jadi saya berharap juga dilihat di kawasan Pantai Batu Rakit kerana sekarang ini hakisan bersempadan dengan kawasan Batu Rakit jadi mungkin di masa-masa yang akan datang akan sampai ke Batu Rakit. Jadi oleh sebab itu Kerajaan melihat untuk menghindarkan hakisan ini lebih awal supaya tidak sampailah, tidak berlaku ke Batu Rakit ini hakisan itu.



Seterusnya, mengenai pelancongan di Pulau Redang, saya berharap Kerajaan dapat membina Pusat Perkhidmatan Bomba di Pulau Redang. Dan saya juga memohon sebuah bot untuk kegunaan atau kendalian Pejabat Khidmat Masyarakat DUN Batu Rakit bagi tujuan keselamatan, bencana dan keperluan berbentuk kecemasan ke Pulau Redang ini dapat disediakan.

Selain daripada itu juga dipohon supaya Intiaz Setiu dipercepatkan dan saya ingat setakat ini dahulu. Terima kasih kepada Kerajaan Negeri, selamat maju jaya dan ini merupakan Dewan terakhir sebelum pilihan raya, kita berharap rakyat dapat membuat penilaian dan penentuan yang terbaik. Kita lihat Kerajaan Barisan Nasional cukup prihatin, cukup cakna dan kesejahteraan. Kita berharap rakyat terus memberi kepercayaan kepada Kerajaan Barisan Nasional untuk terus memimpin Negeri Terengganu. Batu Rakit mohon menyokong. Sekian, wabillahi taufik wal hidayah. Wassalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih banyak Batu Rakit, 10 minit ya, tepat pada waktu. Terima kasih banyak. Saya mempersilakan Sura. Sila Sura.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah Rabbil Alamin. Assolatu wassalamu'ala asyrafil anbiya iwal mursalin. Wa'ala alihi wasahbihi ajmain. Yang saya hormati Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, seluruh Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, rakan-rakan Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, para Pemerhati yang saya hormati sekalian.

Alhamdulillah. Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua kerana memberi ruang kepada saya pada petang ini untuk membahaskan Ucapan Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Dato' Seri Menteri Besar pagi semalam. Dato' Yang Dipertua, saya ingin memulakan ucapan saya ini dengan satu potong daripada ayat Al-Quranulkarim (Surah Ali-Imran ayat 104) yang bermaksud: "Dan hendaklah ada di kalangan kamu satu umat, satu golongan yang menyuruh kepada kebaikan dan menyeru kepada ma'aruf dan mencegah kemungkaran dan mereka itulah orang-orang yang beroleh kemenangan."

Dato' Yang Dipertua, saya ingin menyebut bahawa dalam sidang kita ini kita semua adalah merupakan para pengurus kepada sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab kepada seluruh rakyat peringkat negeri maka wajar dan sayugia bagi kita untuk sama-sama tegur-menegur, nasihat-menasihati antara kita kerana itu juga merupakan perintah Allah Subhanahu Wata'ala: "Wazakkir fainna zikra tanfau'ul mukminin". Berilah peringatan kerana peringatan itu membawa manfaat, faedah kepada kita orang mukmin.

Jadi saya mewakili DUN Sura dan juga merupakan barisan Pembangkang. Kita pihak Pembangkang ni bukanlah membangkang membabi-butakan, membangkang semua perkara yang dirancang oleh pihak Kerajaan tetapi di dalam masa yang sama kita juga ingin memberikan teguran, pandangan, nasihat untuk kebaikan kita bersama. Jadi sebab itulah ingatan Imam Al Ghazali dalam kitabnya Ihya Ulumuddin yang menyatakan kawan baik itu ialah kawan yang bersedia untuk memberi nasihat bukan kawan yang hanya selalu mengampu ataupun tidak berani untuk menegur kesilapan rakan. Maka sebab itu dalam Dewan yang mulia ini, marilah kita bersedia untuk memberikan pandangan dan menerima teguran walaupun teguran-teguran itu tidak selesa bagi kita. Tetapi ambillah nasihat dari teguran itu kita melihat adakah teguran yang diberi itu adalah benar ataupun sebaliknya.

Dato' Yang Dipertua pada petang ini juga saya ingin menyampaikan beberapa perkara yang berhubung kait dengan Belanjawan yang telah dibentangkan yang saya kira tiga fokus utama yang telah dibentangkan adalah merupakan suatu perkara yang sangat penting kepada rakyat. Yang disebut yang pertama adalah, tunjang pertama yang berkait dengan peningkatan kos sara hidup. Ini semua dirasai khususnya golongan yang berpendapatan rendah, masyarakat luar bandar dan orang kampung sangat merasai akan peningkatan kos sara hidup ini yang bagi rakyat sering menghadapi masalah daripada peningkatan kos sara hidup ini dan juga akibat daripada dasar yang telah dirangka oleh pihak Kerajaan terutama sekali Kerajaan Pusat. Kerajaan Negeri terpaksa menerima antaranya ialah pelaksanaan GST yang melibatkan seluruh lapisan masyarakat tanpa mengira yang susah ataupun yang senang. Seterusnya kenaikan petroleum setiap minggu juga merupakan bebanan kepada rakyat yang selama ini kita tidak merasai kenaikan yang begitu cepat mungkin setahun sekali, dua tahun sekali. Sejak mutakhir ini kita lihat seminggu sekali. Kata orang kalau 10 kali naik hanya 3 kali sahaja yang turun. Jadi inilah gambaran-gambaran yang menyebabkan kehidupan rakyat makin terasa, keselesaan semakin tergugat apatah lagi dengan kejatuhan nilai mata wang kita dengan peningkatan perbelanjaan isi rumah, hutang isi rumah semakin meningkat. Dan juga di kalangan remaja-remaja kita yang lepasan universiti terpaksa menanggung hutang PTPTN yang memakan masa 10 - 15 tahun untuk menyelesaikan hutang. Maka itu di antara bebanan-bebanan yang meningkatkan lagi kos sara hidup kepada rakyat kita.

Maka sebab itu perkara ini perlu diberikan perhatian terutama sekali kepada pihak barisan Kerajaan di peringkat nasional, peringkat Pusat kerana kita di peringkat Pusat mewakili Ahli Parlimen PAS sentiasa menyuarakan perkara ini supaya Kerajaan dapat memberikan perhatian.

Yang keduanya, saya ingin menyebut bahawa perkara yang penting juga iaitu peluang-peluang pekerjaan. Walaupun dalam sidang kita selama ini disebut dengan berbagai-bagai projek pelaburan di mana 28 projek yang akan dilaksanakan tetapi bilamana kita berada di dalam masyarakat kita akan bersua dengan golongan-golongan yang terpaksa dibuang daripada pekerjaan, terpaksa diberhentikan kerja. Dan kita lihat dalam Sidang yang lalu, Kerajaan telah menyatakan bahawa kita telah menyediakan 20,000 peluang pekerjaan kepada rakyat. Itu suatu angka yang agak selesai bagi kita untuk kita sediakan kemudahan peluang pekerjaan kepada rakyat. Tetapi di dalam masa yang sama kita melihat akibat daripada kelembapan ekonomi yang berlaku dalam negeri dan negara kita, beberapa industri yang diwujudkan kadang-kadang tidak mampu untuk menyediakan peluang pekerjaan. Antaranya, berlakunya kilang-kilang industri yang terpaksa ditutup sebagai contoh kalau di Kemaman Eastern Steel, sebelum pada ini Perwaja dan banyak anak-anak syarikat lain juga yang terpaksa menutup operasi mereka. Kalau di Dungun, saya sebut antaranya, Bukit Besi yang merupakan suatu aset kepada negeri kita tapi hari ini apa yang jadi kepada perlombongan bijih besi di Bukit Besi. Dan begitu juga di Rantau Abang yang baru-baru ini ditemui silika dan sehingga hari ini kita masih belum mendengar perkembangan untuk menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada masyarakat dalam industri silika.

Saya juga sebut dalam Sidang Dewan yang lalu yang pihak Kerajaan juga telah mengadakan Industri Batu 7 yang berpuluh-puluh syarikat yang akan melabur di situ tetapi sehingga kini dalam mesyuarat yang lepas hanya beberapa buah syarikat sahaja yang beroperasi dan kita juga gagal untuk menyediakan peluang pekerjaan kepada masyarakat di sekitar Dungun.

Yang mutakhir ini di bawah ECER, Taman Herba yang diwujudkan di Pasir Raja dengan kos yang melebihi RM60 juta tapi apa yang kita menerima maklumat bahawa di mana penduduk tempatan hanya ada sekitar 20 orang sahaja yang memperolehi peluang pekerjaan dalam Industri Taman Herba ini. Jadi perkara-perkara inilah yang membelenggu masyarakat kita hari ini yang perlu kita sama-sama mengambil langkah bagi mengatasinya.

Seterusnya saya juga ingin menyebut berhubungkait dengan perkara yang sangat penting kepada rakyat ialah perumahan. Perkara ini adalah merupakan isu yang sentiasa disebut oleh Wakil-wakil Rakyat sama ada dari pihak Kerajaan mahupun Pembangkang. Di dalam Sidang Bajet pada tahun 2017 yang lalu pihak Kerajaan telah menyatakan bahawa enam projek PR1MA berjumlah 3,098 unit telah diluluskan. Projek PPA1M (Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia) sebanyak 1,233 diluluskan. Jadi sehingga kini saya ingin tahu berapakah daripada jumlah tersebut telah disiapkan dan diagihkan kepada rakyat? Dan berhubungkait dengan perumahan juga apa yang saya lihat di Dungun

khususnya, projek-projek perumahan yang telah diagih itu dibuat sebelum tahun 2013, sebelum pilihan raya lagi, Projek Perumahan di Bukit Tebuk, di Batu 7 .....

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sura, panjang lagi ke? 11 minit dah.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Ada dua perkara lagi Dato' Yang Dipertua, insyaAllah saya cuba habiskan. Jadi saya mengharapkan supaya projek perumahan ini dapat ditambah dan disegerakan kerana rakyat sangat-sangat memerlukannya.

Seterusnya, saya ingin sentuh ialah projek pelancongan yang juga disebut dalam Sidang yang lalu di pesisiran Sungai Dungun. Saya tidak melihat sehingga hari ini perkembangan dan peruntukan yang telah diluluskan oleh Dewan untuk memajukan pesisiran Sungai Dungun. Seterusnya ialah muara Sungai Dungun yang cetek juga saya timbulkan dalam persoalan Sidang yang lalu bahawa pihak Kerajaan telah menyatakan bahawa di akhir Disember 2010 telah selesai dibuat kajian untuk mendalami muara Sungai Dungun. Jadi sehingga kini kita tidak tahu apakah hasil kajian tersebut. Dan dalam Oktober 2011 hingga Oktober 2012, Kerajaan telah mengeluarkan peruntukan sebanyak RM6.85 juta untuk mendalami muara sungai tapi apa yang kita lihat hari ini muara sungai tetap berulang menjadi cetek. Dan yang saya dukacita ialah berlakunya satu tragedi, kemalangan berlaku pada 2 Ogos 2017 yang menyebabkan 4 kematian, 1 jumpa dan 3 hilang dan sampai sekarang tak jumpa lagi akibat daripada bot nelayan tidak boleh masuk ke muara sungai. Mereka terpaksa berlabuh di luar pesisiran, di luar muara dan awak-awok ni terpaksa naik kabel dan akibat itu mereka jatuh dan maut. Jadi saya menyeru kepada pihak Kerajaan supaya perkara ini difikirkan bukan sahaja di Dungun malah di sungai-sungai lainpun mengalami perkara yang sama.

Dan akhir sekali Dato' Yang Dipertua, saya ingin menyentuh berkait dengan masalah sosial di kalangan remaja kita. Mengikut laporan pada 8.10.2013 suatu tangkapan telah dibuat oleh Penguatkuasa Pejabat Agama di Pulau Redang yang melibatkan 23 orang remaja kita, 13 lelaki dan 10 perempuan. Jadi ini suatu gejala yang merosakkan sedangkan kita buat industri pelancongan ini untuk menarik orang ramai dan juga membawa hasil kepada Kerajaan Negeri tetapi dalam masa yang sama berlakunya perkara-perkara maksiat yang boleh merosakkan imej Negeri Cantik Budaya Menarik. Oleh sebab itu, saya berharap kepada pihak Kerajaan, pihak berkuasa supaya dapat meningkatkan lagi usaha membanteras kerja-kerja maksiat ini terutama di taman-taman rekreasi, pusat-pusat pelancongan di pulau-pulau ini merupakan tempat-tempat bagi remaja-remaja ini untuk berseronok dan melakukan perbuatan-perbuatan yang tidak sewajarnya. Maka sebab itulah Dato' Yang Dipertua, saya merasakan perkara ini jangan dipandang enteng, jangan dipandang remeh kerana kegiatan maksiat

inilah yang mengundang bala bencana dan juga kemurkaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Jadi Dato' Yang Dipertua, saya rasa sekadar itulah perkara-perkara yang saya ingin nyatakan dalam perbahasan saya pada petang ini moga-moga sedikit sebanyak apa yang saya sebut ini boleh membawa kebaikan kepada urus tadbir negeri kita. Insyallah. Jadi sekian, assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa'alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih. Sila Manir, mohon tepati waktu, ya. Insyallah.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat Exco, Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, Pegawai-pegawai Kerajaan dan Pemerhati yang dirahmati oleh Allah Ta'ala sekalian.

Manir cuba perbahaskan Enakmen Perbekalan 2018. Firman Allah Subhanu Wata'ala daripada petikan daripada Surah Al-Hajj ayat ke-7 (pertengahan ayat yang bermaksud): "... Agar harta negara itu tidak berlegar di kalangan orang-orang yang kaya sahaja di kalangan kamu."

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ayat yang sama-sama kita fahami itu adalah ayat yang menyebut dengan jelas tentang dasar kepada ekonomi negara berteraskan panduan Islam yang dibawa oleh Nabi Junjungan kita, Nabi Muhammad Salallahu'alaihi Wassalam. Dan dasar ekonomi inilah yang membawa masyarakat Arab yang dahulunya ketinggalan sehingga akhirnya dapat menakluk dua-pertiga daripada dunia ini. Ini adalah kerana mereka melaksanakan asas yang telah ditetapkan, yang telah ditunjukkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Dalam keadaan ekonomi dunia yang gawat dan negara kita mendapat kesan yang sama kerana sistem yang diamalkan di negara kita masih lagi belum menepati anjuran yang telah dianjurkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, umum mengetahui bahawa ekonomi kita sangat membimbangkan walaupun ada mereka yang berhujah mempertahankan keadaan ekonomi sekarang dengan hujah-hujah .....

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Dato' Yang Dipertua, pohon penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Manir bagi tak?

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Duduk dulu. Baru nak bercakap dah minta penjelasan sokmo.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Nak tanya kalau takmboh beri tak apa, kita duduk.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Boleh bagi Manir?

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Terima kasih, tak boleh beri. Walaupun keadaan ini tidak dapat dinafikan, keadaan ekonomi yang teruk, keadaan kuasa beli yang tidak ada .....

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Mohon penjelasan Dato' Yang Dipertua. Kuasa beli tak ada, ekonomi yang teruk, saya ingat nak minta dia tunjuk indikator apa dia, laporan daripada mana menunjukkan kuasa beli tu?

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Kadang-kadang tidak semua benda perlu kepada indikator yang berfakta.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Cakap perlu berfakta dalam Dewan Dato' Yang Dipertua bukan hanya kita ambil di atas kepala dan bercakap.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Tadi kita juga dari pihak Kerajaan bentangkan fakta nilai pelaburan, dari mana masuk pelaburan dan sebagainya. Pihak sebelah sana pun bentangkan fakta?

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Okey, saya sebut. Laporan-laporan yang kita perolehi dari peniaga-peniaga tempatan, kita taklah sedia fakta tapi *it's not a hearsay*, dengan izin.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Dato' Yang Dipertua, peniaga, seorang, dua orang, 100 orang itu bukannya fakta, itu termasuk emosi. Bagi dan dapatkan fakta-fakta yang rasmi sebagaimana Sidang Dewan ini.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Tak apalah, saya tutuplah bab ni. Kita kata negara kita maju dengan ekonomi maju, adakah boleh terima?

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Ada boleh terima?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Dah tak apalah kalau Kerajaan boleh terima dengan suasana itu. Dengan Kerajaan yang ada mendakwa .....

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Dato' Yang Dipertua, saya nak fakta kalau tak boleh bagi fakta lupakanlah.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Saya kata dengan kita turun ke bawah apa semua mendengar keluhan peniaga-peniaga bukan seorang-dua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Minta laluan Dato' Yang Dipertua. Kalau Wakil Manir sebut tadi Giant tutup kerana kelembapan ekonomi, boleh tak berikan bukti penutupan Giant itu kerana kelembapan ekonomi dan kerana tiada kuasa beli rakyat di Negeri Terengganu khususnya di kawasan ada Pasaraya Giant itu?

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Fakta yang bentuk macam mana?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Sebagai contohnya nilai jualan dia menurun, merosot dari sehari ke sehari, bulan ke bulan, tahun ke tahun atau .....

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Pihak sebelah sana saja rasa .....

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Saya rasa .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): .... Bila dia bentangkan kuasa beli tu turun jadi bentangkan fakta di dalam Dewan ni.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Berapa minit nak tambah Dato' Yang Dipertua?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Izin berikan laluan kepada saya sekejap. Saya nak betulkan fakta yang disebut oleh Manir. Untuk

pengetahuan Wakil Manir dan Sidang Dewan sekalian, data yang dikeluarkan oleh Bank Negara sekarang ini bahawa sekarang ini telah diarahkan kepada semua negeri agar tidak lagi memberi kebenaran untuk membuka *shopping complex* dengan izin, dan juga yang melibatkan kepada pejabat-pejabat yang hendak disewa. Kenapa jadi begitu? Kerana teknologi telah berubah. Dia bukan soalnya kerana kelembapan ekonomi tetapi kerana transformasi dalam perniagaan kerana apabila adanya online dicipta sekarang ini peniaga-peniaga perlu berubah. Jadi hari ini peniaga-peniaga menggunakan konsep digital telah mengambil alih banyak perniagaan-perniagaan yang mengakibatkan kepada yang masih lagi menggunakan konvensional sudah tidak dapat lagi bertanding dengan konsep perniagaan alaf baru ini. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Ramai rakyat sudah lening semua orang tahu. Hak tu isu lain.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Saya rasa Wakil Alur Limbat orang teknologi, orang yang mahir dalam bidang IT dia lebih tahu dan dia faham dengan teknologi sekarang ini. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Kita bukan nak nafi tapi rakyat ramai yang susah lening. Harga barang naik .....

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Kalau rakyat susah, saya ingat Wakil Alur Limbat, Wakil Manir pergilah duduk kat airport 3 - 4 hari, saya pun terkejut juga kerana bilangan yang pergi umrah kita bertambah dari hari ke hari. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Ni nak bentang fakta kedai di kampung pasal Manir kata kedai kampung. Di kampung saya ada satu kedai runcit yang dia ambil alih daripada ibu dia daripada dua orang pekerja pada masa ibu dia dan sekarang ini dia pakai tiga syif dengan lapan orang pekerja. Itu fakta di kampung sebagaimana Wakil Manir sebut kata tadi rakyat susah berdasarkan kedai-kedai runcit. Sayapun boleh bentang fakta gitu tapi kita nak fakta yang konkrit, dari mana sumber yang boleh diterimapakai.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Kita terimalah fakta kampung, tak apalah Y.B.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Alur Limbat kata barang naik, bila barang turun?

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Kota Putera): Dah tak apalah, terima kasihlah.



YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Dunia ni takdok barang turun, barang semakin naik.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Dari tahun '99 dulu ada dok harga barang diturunkan?

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Ada, harga ikan sekali naik sekali turun, bakpe takdoknya tapi banyak naik.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Biarlah ada fakta.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Minyak naik sokmo.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Ni barang naik, barang naik, bila dok tahu barang turun.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Minyak naik *sokmo nak-nak minggu*.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Hak turun dok khabor! Hak turun dok khabor!

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Semua Y.B. sila duduk.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Kita ikut peraturan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sebab itu saya dah minta awal-awal, Dewan yang mulia ini kena ada fakta yang jelas sebab kalau ada fakta yang jelas bila sebelah sini mempertikaikan payah nak jawab. Bukan apa perkara ini saya ingat pada awal-awal lagi kita bersidang sebab itu saya bagi ruang, sebenarnya kita kena patuh pada peraturan, seorang saja boleh bercakap. Ini Dewan yang mulia bukan Dewan di luar sana. Terengganu ada satu Dewan sahaja yang macam ni. Jadi saya ucap terima kasih kepada semua Y.B., saya nampak panas tadi saya ingat saya nak berhenti sekejap tadi tapi tak apalah, teruskan.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Saya teruskan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Allahu Akhbar.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila. Fokus kepada Bajet 2018 yang ada fakta, ada angka *detail*. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Terima kasih Dato' Yang Dipertua, kalau ada fakta kena ikut fakta yang bertulis, fakta dalam Quran ramai yang tak ikut biasa saja tak pelikpun.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Apa dia?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Termasuk orang PAS *jugok pun*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jabi sekejap, biar Speaker tanya.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Yang Berhormat Yang Dipertua, tak apalah buang masa dah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bukan buang masa, benda apa tadi saya tak dengar. Fakta apa, hak *last* sekali.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Ada fakta-fakta dalam Al-Quran yang tidak digunapakai oleh Kerajaan. Saya sebut fakta tadi: "Kaila yakuna duulatan baina alaghiniyaa'i minkum". Makna kata pengambilan dan penggunaan GST ianya adalah suatu yang tidak tepat dengan pensyiaran Islam.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Dato' Yang Dipertua, ini benda pulak ni.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Nanti dulu. Ada juga cukai-cukai .....

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Susahlah macam ni kalau bercakap takdok .... Saya sedihlah kalau inilah level Ahli-ahli Dewan .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Ini Perbincangan Bajet bukan syarahan politik, ini Bajet.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Biarlah. Manir dok beri.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Ini Bajet.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Manir teruskan. Sekejap Manir. Alur Limbat .....

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Alik sebelah sana bangun tak apa pulak.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 12 kali dah, bukan apa, saya tanda saya kira. Saya tak tahu sama kerusi Alur Limbat ni panas ke, apa ke, saya tak tahu.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Manir.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bilang dok Jabi bangun berapa kali?

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): 14 kali.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Siapa kata Jabi 14 kali?

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Dato' Yang Dipertua, kira dok?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kira.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Dah berapa?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak sampai, Alur Limbat lebih banyak.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Saya kira 14, tersalahlah tu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Saya kira sendiri baru tujuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jabi sila duduk, Jabi. Sila Manir. Saya bagi Manir lima minit lagi. Tadi dah enam minit .....

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Lima minit jer.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kalau tidak nak berhenti dah ni. Kalau tidak esok saya bagi ruling esok hanya saya pilih tiga daripada Pembangkang dan tiga daripada Kerajaan, cukup. Kalau tidak nantikan saya tak

nak perkara-perkara yang melibatkan rakan-rakan kita daripada mana-mana pihak sebab lama dah ni. Sila.

YANG BERTHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Yang Berhormat Yang Dipertua, bila kita menyebut tentang ekonomi, masing-masing mempertahankan hujah masing-masing. Ianya sesuatu yang normal dalam auditi tetapi rakyat mengetahui tentang keadaan yang sebenar. Walaupun fakta-fakta yang dibentangkan mungkin berpihak kepada Kerajaan tetapi keadaan yang realiti dan semasa yang dirasakan oleh semua peringkat berbeza dengan fakta-fakta yang ada dan dibentangkan kepada kita.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita melihat setiap lapisan ahli masyarakat dalam Negeri Terengganu mendapat sentuhan daripada Kerajaan Negeri dalam Bajet pada kali ini. Ini adalah suatu kehebatan ekonomi yang ada kepada masyarakat, rakyat telah kaya, rakyat telah berduit tetapi Kerajaan dengan segala murah hati memberi bantuan kepada mereka. Inilah Kerajaan contoh. Terima kasih Kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, isu-isu yang hendak saya ketengahkan dengan keadaan masa yang tidak mengizinkan ini, saya ingin mempersoalkan tentang kos Pengurusan Taman Pertanian Sekayu yang bilamana Kerajaan memperkenalkan 'Visit Beautiful Terengganu 2017'. Ramai yang bertanya tentang status Taman Pertanian Sekayu yang bila tinjauan dibuat kita dapati pagar-pagar ditukar baru di hadapan tetapi bila masuk ke dalam, kita lihat keadaan yang sangat menyedihkan dengan kolam yang tersedia tidak mempunyai air dengan kebun-kebun yang dipenuhi dengan semak samun dan inilah yang kita sebut di dalam tema yang kita selalu sebut di peringkat Pembangkang *lok kohor punoh* kerana semakin dibiarkan semakin teruk keadaan di Negeri Terengganu.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Laluan sekali Dato' Yang Dipertua. Saya nak tanya, boleh Yang Berhormat?

YANG BERTHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Sesuatu yang .....

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Minta laluan sekali.

YANG BERTHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Kekgilah.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Kekgi? Dah mu duk cakap .....

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Dah lepas ni macam biasalah. Yang Berhormat Yang Dipertua, bila saya bertanya tentang Yang Berhormat Telemong dalam senda gurau kita bersama Ahli-ahli Yang Berhormat, saya bertanya: "Bila nak siap Jalan Kuala Jeneris?" Dia kata: "Cara apa hak dok siap lagi." Apakah ianya selari dengan perkembangan suntikan kewangan ke atas Tasik Kenyir? Yang ianya suatu benda yang saya lihat janji pada tahun 2013 iaitu pada 31 Januari 2013 yang menyatakan bahawa Kerajaan Negeri akan mempersiapkan lebuhraya ini yang beranggaran lebih kurang panjangnya 24 kilometer tetapi sampai sekarang tidak bergerak. Ianya mungkin .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Laluan sekali Dato' Yang Dipertua. Boleh dok mintak laluan sekali, nak mintak penjelasan.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Highway dok siap lagi nak lalu guaner? Semulalah, duduk dulu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Yang Berhormat duk sebut nama saya, nak jawab ni nok buat guaner.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Duduk dulu. Saya sebut dulu, jawab masa gulung kakranglah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Pulak.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Highway dok siap. ...(Sambil gelak) .....

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Duduk dulu. Lepas tu juga berkenaan dengan isu *mining* ataupun perlombongan yang dijalankan di Bukit Nenas. Di antara aduan yang sampai kepada kita ialah aduan daripada penduduk tempatan yang minta supaya kita sampaikan kepada Kerajaan Negeri bagaimana *timing operation* dengan izin, waktu berjalannya operasi tidak dilakukan dengan *timing* yang betul, tengah malam pun buat jugak. Ini mengganggu keadaan masyarakat sekeliling dan ianya adalah sesuatu yang perlu diambil dan dimainkan peranan oleh pihak Kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, begitu juga saya dengar dengan tekun apa yang dibentangkan oleh Jabi tadi dalam keadaan permohonan perumahan yang kira-kira hampir 100,000 pemohon, 98,722 kalau tak silap saya dan ia hanya mendapat kurang daripada 10% daripada permohonan tersebut. Ini menggambarkan masih kurang kecaknaan daripada pihak Kerajaan menangani isu ini. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Laluan Dato' Yang Dipertua. Manir minta laluan sikit.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Kekgilah pulak.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Saya tak sebut tidak ada kecaknaan. Saya kata betapa caknanya Kerajaan Negeri apabila dibuka permohonan itu sehingga 100,000 maknanya kita tak sekat permohonan, itu maksudnya apa yang saya bentangkan tadi.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Itu ayat BBC, ayat kita lain.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Masalah ayat kita itu telah menyelewengkan dan mengajak Dewan ini supaya faham terbalik daripada apa yang disebut di peringkat awal.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Memang dalam Al-Quran ada mafhum mukhalafah. Isy, sakit kepala.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Parah ni.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Nak royatnya Jabi kabor 100,000 permohonan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Dah tak timbul isu Kerajaan tak prihatin. Oleh kerana prihatinlah kita mampu menyelesaikan hampir 10% dah. Ini tengah buat lagi ni. Semalam Yang Amat Berhormat Menteri Besar membentangkan berapa perbelanjaan yang kita akan belanjakan pada tahun hadapan untuk membina rumah-rumah ini dari masa ke semasa, progressnya berjalan. Janganlah pulak kata hak 98,000 itu kita beri tumpuan itu sahaja, tidak, tak betul. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Guaner Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Alur jangan bangun, kekgi kena marah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya dah kata kalau nak rujuk percakapan kena yang betul. Nanti saya beri tengok hansard.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Dah fakta tu betul ke tidak? Saya tanya aje. Fakta tu betul, saya kata kecaknaan tu kurang sebab

berapa lama dah UMNO memerintah tak boleh selesai masalah ini bukan untuk tahun ini.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Fakta itu dipetik daripada Bahagian Perumahan.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Relakslah dulu, biar Exco yang jawab.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, ini bukan cara yang sepatutnya yang disebut lain kemudian diselewengkan pulak.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jabi duduk. Saya bagi Manir dua minit lagi.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, *dokleh cotek* langsung marah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Tak marah.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Tak marah, dengan muka-muka tak tahulah. Yang Berhormat Yang Dipertua, relakslah, jawab kakrang masa kita.

Yang Berhormat Yang Dipertua, inilah keadaan-keadaan yang berlaku dalam negeri kita dengan Belanjawan yang begitu hampir RM2 bilion yang rakyat rasai ianya adalah sesuatu yang sangat sedikit kalau kita tengok Kad Gen-T yang diperuntukkan RM400,000. Kita dengar macam banyak dah tapi untuk 40,000 pelajar maknanya RM10 seorang tapi itulah Kerajaan kata okeylah sebab Kerajaan kata budak-budak banyak duit dah lening. 'Budak-budak tak boleh pegang duit banyak'. Dah tak sakit kepala kita. Inilah Kerajaan yang ada untuk Sidang Pemerhati dan Pegawai-pegawai .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Kerajaan kata ke Yang Berhormat Manir kata gitu tu.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Guaner?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Kerajaan kata ke, Yang Berhormat yang tukang kata?

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Rasa ada dalam .....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Saya nak betulkan dia punya kenyataan Y.B. Manir tu sebab itulah dia dalam Islam pun apa-apa kita nak sebut kita kena selidik bukan pakai hentam kromo. Yang RM400,000 tu memang RM10 kerana di atas pembiayaan kad dan yang lain-lain itu akan diuruskan Kerajaan melalui GLC dan melalui Smart Partnership, dengan izin oleh pihak-pihak yang lain.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Terima kasih.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Juga saya nak jelaskan hari ini yang RM400,000 itu RM10 adalah pembelian kad dengan nilai RM10 sekeping yang akan diagihkan kepada 40,000 pelajar. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Terima kasih banyak.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Tak faham ni.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Kalau diberi penjelasan saya tak ada masalah. Adakah saya tak percaya?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya ingat cukuplah Manir.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Nak sudah dah ni. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya membahaskan sedikit sebanyak isu-isu yang berkaitan walaupun ada beberapa perkara yang tak sempat saya nak sebut lagi tetapi ingatlah bahawa Allah Subhanahu Wata'ala sebut dalam Surah Al-An'am ayat ke-6 bahawa kuasa itu adalah milik mutlak Allah Subhanahu Wata'ala dan ianya akan diberikan kepada mereka yang diizinkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan ianya akan bertukar tangan dengan sebab kezaliman-kezaliman yang dilakukan .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dokrok nok tukar macam tu, nok beri ke Manir, dokrok.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Insyallah, insyaallah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Manir. Jadi .....



YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Niat betul dah, kita ni rok, kita ni relaks, hak balik nun tu dokrok.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Tak apalah, tunggulah.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Sampai tak bangun bercakap, bekas Speaker.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Apa halnya sebab sudah dah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, saya nak berehat sekejap. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya tangguhkan sementara Dewan ini dan kita sambung balik pukul 4.10 petang. InsyaAllah.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 3.50 PETANG.

#### PUKUL 4.10 PETANG

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mesyuarat disambung semula.

Perbincangan Bajet 2018 saya teruskan dan saya menjemput Yang Berhormat seterusnya untuk menyampaikan ucapan. Silakan. Sila Teluk Pasu. Saya mintak patuh 10 minit, ya.

YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Teluk Pasu): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah Rabbil 'Alamin. Wabihi nastain. Wanussali wanussalim 'ala rasuluhu amin. Wa'ala alihi wa ashabihi wama nih tada biha bihi ila yaumidin. Ammaba'.

Yang Amat Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat Barisan Exco Kerajaan Negeri, seluruh Ahli-ahli

Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, Pegawai-pegawai Kerajaan, para Pemerhati dan seterusnya hadirin dan hadirat yang dikasihi sekalian.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua yang telah memberi ruang dan kesempatan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam sesi perbahasan sempena Mesyuarat Ketiga Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Ketiga Belas ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, di kesempatan yang terbatas dan sangat berharga ini saya ingin memanfaatkan sepenuhnya masa yang ada ini untuk membangkitkan beberapa perkara untuk perhatian dan tindakan pihak Kerajaan Negeri melalui jabatan-jabatan dan agensi-agensi yang berkaitan. Yang pertama, saya ingin menarik perhatian pihak Kerajaan terhadap isu hakisan yang berlaku di tebing Sungai Nerus khusus yang melibatkan Kampung Tanjung Sabtu dalam kawasan DUN Teluk Pasu. Sebagaimana perhatian kita sebelum ini kepada masalah hakisan yang berlaku di Pantai Tok Jembal, Teluk Ketapang dan yang terbaru di Kampung Tanjung Gelam dan Kampung Kolam, Mengabang Telipot sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tepoh sebentar tadi. Pihak Kerajaan juga tidak sepatutnya terlepas pandang dengan masalah hakisan yang berlaku di sepanjang tebing Sungai Kampung Tanjung Sabtu ini khususnya setiap kali menjelang musim tengkujuh.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya difahamkan oleh penduduk setempat pada tahun 2008 Jabatan Ukur pernah turun ke Kampung Tanjung Sabtu ini dan ketika kerja-kerja mengukur dilakukan didapati lebih kurang 60 kaki tanah penduduk telah hilang akibat daripada hakisan yang berlaku menyebabkan sebahagian penduduk yang memiliki geran tapi tanahnya tiada. Itu tahun 2008 sebagaimana yang dimaklumkan kepada saya. Sekarang 2017 bermakna 9 tahun telah berlalu sedangkan hakisan terus berlaku.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sekiranya tindakan segera tidak diambil bagi mengatasi masalah tersebut kita bimbang dalam tempoh 10 tahun atau 15 tahun yang akan datang kawasan hakisan ini akan terus merebak dan ianya sudah tentu akan menjejaskan penempatan rumah-rumah penduduk di kawasan berkenaan. Saya juga difahamkan dan dimaklumkan oleh penduduk setempat bahawa pihak JKR juga pernah turun sebelum ini untuk melakukan tinjauan bagi membina tebing dan jalan di sepanjang tebing sungai tersebut sehingga ke satu kawasan yang dikenali dengan Pura Tanjung Sabtu iaitu satu kawasan yang pernah menjadi pusat pelancongan di Terengganu kita ini. Barangkali ramai dari kalangan kita tidak menyedarinya. Pura dalam Bahasa Sanskrit maknanya istana. Pura TS bermakna Istana Tanjung Sabtu merupakan sebuah kompleks himpunan rumah-rumah tradisional Melayu Terengganu yang berusia dalam lingkungan antara 100 hingga 200 tahun lamanya. Ia terletak di atas tanah yang berkeluasan 14 ekar dan jaraknya lebih kurang 14 kilometer daripada Bandar

Kuala Terengganu. Namun kawasan ini akhirnya terbiar begitu sahaja sehingga ke hari ini setelah berlakunya kematian pemilik asalnya yang menurut sumbernya ialah Y.M. Tengku Ismail bin Tengku Su.

Dato' Yang Dipertua, saya membangkitkan perkara ini supaya pihak Kerajaan melalui agensi-agensi berkaitan termasuk pihak Muzium sendiri umpamanya dapat melihat dan mengkaji ke arah membangunkan semula PTS (Pura Tanjung Sabtu) ini untuk dijadikan salah satu produk pelancongan kepada pelawat-pelawat dari dalam negara dan juga luar negara. Ini adalah kerana rumahnya yang unik yang berusia di antara 100 hingga 200 tahun ini saya difahamkan pernah tercalon dalam Aga Khan Award for Architecture tahun 2007 yang lalu. Dan ini sudah tentu akan meninggalkan impak yang sangat positif khususnya dari sudut ekonomi penduduk setempat di samping dapat mengatasi masalah hakisan yang saya bangkitkan tadi setelah dibina benteng agar tebing dan infrastruktur yang lebih sempurna.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, bercakap tentang air banjir dan hakisan ini, saya juga ingin mengingatkan pihak Kerajaan tentang masalah yang dihadapi oleh beberapa buah keluarga di Kampung Bukit Petiti setiap kali hujan lebat khususnya di musim tengkujuh. Oleh kerana kawasan sekeliling rumah mereka ini rendah dan diwaktu yang sama di sekeliling tidak ada longkang bagi mengalirkan air keluar menyebabkan mereka ini sentiasa menjadi mangsa pertama pindahan banjir sebelum lagi berlakunya banjir di tempat-tempat yang lain. Tadi saya sebut bahawa saya nak ingatkan kepada pihak Kerajaan tentang masalah tersebut bukannya nak beritahu kerana saya difahamkan bahawa Datuk Bandaraya Kuala Terengganu bersama beberapa orang pegawai termasuk Penyelia Parlimen Kuala Nerus sendiri pernah turun lebih kurang 8 atau 10 bulan yang lalu untuk melihat sendiri masalah yang berlaku ertinya dia sudah dalam makluman pihak Kerajaan sebab itu saya sekadar hendak mengingatkan sahaja di sini. Walau bagaimanapun, sehingga hari ini belum ada apa-apa tindakan penyelesaian dilakukan seperti membina longkang dan sebagainya.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, apakah ertinya pemberian pelbagai insentif dalam bentuk kewangan secara one-off kepada golongan miskin seumpama ini sedangkan diwaktu yang sama mereka sentiasa dihantui dengan masalah banjir ataupun dan air naik/masuk dalam rumah mereka pada setiap kali musim tengkujuh. Sedangkan kediaman yang selesa dan persekitaran yang selamat dengan terbinanya infrastruktur yang sempurna adalah keperluan yang bersifat dharuri yang merupakan keperluan asas yang menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk menyediakannya kepada rakyat.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya juga mengambil kesempatan di sini untuk mendapatkan kepastian daripada pihak Kerajaan berkenaan dengan Projek Susur Keluar Ke Teluk Pasu daripada Lebuhraya atau Jalan Susur Keluar Dari Tol

Gemuruh LPT2 yang melintasi Jalan Tokkong Pulau Sekati hingga ke Losong. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini laluan yang sedia ada sekarang telah menimbulkan kesukaran dan kesulitan kepada penduduk yang berada di sebelah kiri jajaran menghala ke Losong. Di sebelah kiri kalau kita daripada Buluh Gading menghala ke Losong. Penduduk di sebelah kiri mengalami kesukaran kerana mereka terpaksa pusing Roundabout Losong di sana yang mengambil jarak lebih kurang 4 kilometer untuk pusing dan turun balik ke jalan utama menghala ke Buluh Gading sedangkan penempatan mereka, kediaman mereka tak sampai pun 1 kilometer daripada jalan utama yang ada. Tapi oleh kerana tidak ada susur untuk mereka keluar dan mengambil jalan utama tadi mereka terpaksa pusing jauh. Ini saya tak pasti apakah perkara ini boleh berlaku sedemikian rupa peringkat awal projek ini dirancang, apakah tidak diambil kira soal-soal kepentingan penduduk yang terlibat melalui jalan yang dibina oleh pihak Kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya difahamkan pihak Kerajaan telah mengarahkan pihak JKR untuk buat kajian dan membuat anggaran kos bagi tujuan pembinaan Jalan Susur Keluar Ke Teluk Pasu bagi mengatasi masalah tersebut. Jadi saya mengambil ruang dan kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk mendapatkan kepastian status terkini kajian tersebut berapakah anggaran kos yang terlibat dan bilakah projek ini dijangka akan bermula.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, akhir sekali, saya tidak mahu mengambil masa yang panjang bagi menepati masa yang telah ditetapkan oleh Yang Berhormat Dato' .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Teluk Pasu.

YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Teluk Pasu): .... untuk memberi ruang kepada kawan-kawan yang lain untuk berucap apa yang saya harapkan segala apa yang telah diumumkan oleh pihak Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar melalui Bajet yang dibentangkan mudah-mudahan ianya sampai ke sasaran dalam keadaan yang telus tanpa berlaku apa-apa ketirisan ataupun kebocoran supaya semua dapat mengambil manfaat kalau benar-benar mereka ini berkelayakan untuk mendapat bantuan tersebut.

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa'alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih banyak Teluk Pasu. Tepat 10 minit, ya. Sila Yang Berhormat Bukit Payong.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong):  
Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Alhamdulillah qa'il.  
Innallaha ya'muru bil adli wal-ihsani wa-eeta-zil qurba wayanha `anil fahsha-i  
walmunkar walbaghya-i-zukum la'allakum tazakkarun. Wassalatu wassala wa'ala  
rasulillah. Wa'ala alihi wa ashabihi waman walah. Ammaba'.

Yang dihormati Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, seluruh Ahli-ahli Majlis  
Mesyuarat Kerajaan, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Tinggi  
Kerajaan, seluruh yang hadir dalam Dewan yang saya hormat lagi saya kasihi  
sekalian.

Saya mengambil berkat membaca ayat yang disebut dalam Ucapan Bajet Yang  
Amat Berhormat Dato' Seri yang Allah Ta'ala sebut maksudnya: "Sesungguhnya  
Allah memerintahkan kamu supaya menegakkan keadilan, ihsan dan memberikan  
bantuan kepada kaum kerabat. Allah melarang kamu daripada perkara-perkara  
keji, mungkar, zalim, melanggar batas. Allah memberi nasihat kepada kamu  
moga-moga kamu mengambil peringatan. Dalam ayat ini Allah Ta'ala  
menyatakan tiga suruhan dan Allah Ta'ala menyatakan tiga larangan. Suruhan  
yang pertama; menegakkan keadilan. Yang kedua; ihsan. Dan yang ketiga;  
membantu kaum kerabat yang sebangsa. Yang kedua, Allah Ta'ala melarang  
melakukan perkara keji, mungkar, penyusahan dan kezaliman. Semua perkara-  
perkara ini diajar oleh Allah.

Hanya saya nak fokus kepada satu perkara yang disebut iaitu ihsan. Allah Ta'ala  
menyebut di dalam Al-Quran: "Allazi ahsana sya-in qhalaqah. Dialah yang  
melakukan ihsan pada semua perkara yang diciptakan. Innallaha kataba  
ihsana'ala qulli syaiin. Sesungguhnya Allah Ta'ala telah mencatatkan ihsan  
dalam semua perkara. Menunjukkan bahawa kalimah ihsan ini memberi  
pengertian yang sangat besar bukan sahaja rasa kebertanggungjawaban tetapi  
ketelitian dan kesyumulan yakni lengkap merangkumi seluruh aspek dalam hidup  
kita. Dan asas ihsan yang disebut oleh Nabi Sallahu Alaihi Wassalam, Malaikat  
Jibril datang tanya nabi: "Ma huwal ihsan?" Apa itu ihsan? Kata nabi: "Al-ihsan  
an-ta'budallaha ka-an tarah, fa-illam takun taro fa-innahu yaraq. Ihsan itu ialah  
kamu menjadi hamba Allah seolah-olah kamu melihat Dia. Dan jika kamu tidak  
dapat melihatNya, maka kamu sebenarnya hendaklah mengabdikan diri  
kepadaNya dengan sesungguhnya. Ihsan memberi makna yang besar dalam  
kehidupan termasuk dalam pengurusan dan pentadbiran, sehingga Allah Ta'ala  
menyebut dalam 10 ayat bagi mengatakan betapa kasihannya Allah kepada  
orang-orang yang melakukan ihsan, dan melakukan kerja-kerja selaras dengan  
tuntutan konsep ihsan yang ada.

Berasaskan kepada konsep inilah saya merasakan bahawa saya nak menyebut lima  
perkara ataupun enam perkara dalam masa yang singkat ini agar kita juga ambil  
perhatian untuk kebaikan rakyat dan anak-anak kita. Yang pertama, saya melihat di

dalam Buku Bajet yang dikemukakan atas P.02 Butiran Projek 16908 untuk IQT (Institut Quran Terengganu) hanya 'token' RM10 dalam erti kata lain ada perutukan, mungkin. Tetapi saya tidak boleh melihat berapakah perutukan yang Kerajaan sediakan bagi membangunkan IQT, lebih-lebih lagi saya dalam membelek-belek semua tulisan yang dikemukakan ini atau pun catatan yang disediakan dalam Bajet 2018 ini. Bagaimana Kerajaan telah mear-warkan satu perkara yang sangat baik iaitu Kolej Quran Terengganu yang sepatutnya diberikan komitmen yang besar dalam menjayakan KQT ini, agar ianya jangan digabungkan kerana IQT kemungkinan tahapnya berbeza dengan KQT. Kalaulah Kerajaan boleh memperuntukkan RM100 juta untuk pembinaan asrama sukan, sudah tentulah Kerajaan juga sebaiknya memberikan peruntukan yang segera dan sewajarnya untuk membina kampus khusus kepada KQT ini agar mereka dapat membina agar mereka hidup dalam memperkasakan pengurusan mereka dengan teliti dan lebih tersusun. Kemungkinan Kerajaan ada menguruskan dan memperuntukkan tetapi saya hanya mahu maklum berapakah kemungkinan peruntukan KQT, ini dan apakah keadaan KQT ini dalam mengurus kolej yang baru diwujudkan ini.

Yang kedua, saya melihat dan saya mengalukan bagaimana Kerajaan mengambil cakna khususnya di bawah MAIDAM atau Pejabat Agama, Sekolah Agama Rakyat, Pondok-pondok dan Tahfiz-tahfiz yang ada. Adakah Kerajaan memiliki SOP ataupun 'Standard Operating Procedure'. SOP yang sewajarnya ditetapkan oleh Kerajaan dalam meluluskan apa-apa permohonan untuk bendaftar di bawah Pejabat Agama atau MAIDAM. Sekolah-sekolah Agama Rakyat ini, memang Sekolah Agama Rakyat ini memberikan suatu saham yang besar dalam membina anak-anak kita dalam melahirkan mereka yang memahami agama dan generasi yang baik yang soleh. Memang sewajarnya Kerajaan perlu melonggarkan syarat-syaratnya dan ruang kebebasan kepada Pondok-pondok, Sekolah Agama Rakyat dan Tahfiz-tahfiz individu ataupun swasta yang dibina ini kerana mereka kemungkinan memiliki metodologi pengajian yang berbagai-bagai mengikut keadaan dan keperluan mereka masing-masing. Tetapi saya melihat Kerajaan tidak seolah-olah memiliki SOP yang kemas dalam menentukan pendaftaran sekolah-sekolah ini. Contohnya, saya dimaklumkan kemungkinan Kerajaan lebih tepat pemaklumannya. Sekolah Rendah Agama Bersepadu Zainal Abidin (SRABZA) di Dungun sudah bertahun-tahun membuat permohonan berdaftar di bawah Pejabat Agama, ada yang mengatakan bahawa pendaftarannya atau permohonannya hampir 3 tahun - 4 tahun sehingga hari ini Permohonannya belum lagi diluluskan dan belum lagi mendapat maklumat yang lengkap sama ada permohonannya tidak diterima ataupun diterima. Oleh kerana itu, saya mengharapkan Kerajaan memberikan SOP yang jelas tentang pendaftaran tahfiz-tahfiz yang ada diwaktu yang sama diperluaskan dan dilonggarkan kerana mereka kemungkinan memiliki metodologi yang berbeza-beza dalam mengurus sekolah masing-masing.

Yang ketiga, mengenai Taman Ilmu yang telah dibina sejak daripada 2009 sekarang 2017, hampir 8 tahun Taman Ilmu ini seolah-olah terbengkalai, terbiar ataupun gunalah

bahasa yang lebih lunak. Sudah tentu pihak Kerajaan juga memperakui dalam jawapan-jawapan pagi tadi bahawa di sana ada masalah dalam mengurus ataupun masalah dalam menjayakan Taman Ilmu ini. Saya hanya memberikan satu cadangan agar rakyat tidak tertanya-tanya apakah masalah utama dia? Adakah kerana Syarikat Posti Sdn. Bhd. ini tidak memberikan kerjasama ataupun syarikat ini tidak memiliki keupayaan. Adakah masa Kerajaan memilih syarikat ini, syarikat ini memberikan janji-janji yang manis sehingga hampir beberapa tahun gagal dalam memenuhi tuntutan dalam membangunkan Taman Ilmu ini.

Oleh kerana itu, saya mencadangkan agar diwujudkan jawatankuasa khas dan disediakan kertas putih agar laporan lengkap kenapa Taman Ilmu ini terbengkalai ataupun terbiar sehingga 2017 ini. Dengan harapan keadaan ini tidak berulang dan rakyat boleh menilai dan rakyat boleh mengetahui permasalahan-permasalahan yang ada.

Yang kelima, mengenai Top IT. Bagaimana masa depan Top IT? Laporan Ketua Audit Negara 2016 telah menyatakan tentang aktiviti-aktiviti utama Top IT ini. Sudah tentu tugas ataupun tugas dan aktiviti-aktiviti ini sedang berjalan ataupun tidak. Apakah sumbangan-sumbangannya terhadap hasil Kerajaan Negeri ataupun Yayasan Pembangunan Keluarga oleh Top IT. Apakah tindakan Kerajaan untuk menyelesaikan cadangan-cadangan dan komen-komen, masalah-masalah yang disebutkan oleh Laporan Ketua Audit Negara 2016 ini, agar Top IT terus berjalan dengan baik dan memberikan saham yang besar kepada masyarakat.

Yang terakhirnya, Dato' Yang Dipertua kerana masa yang amat singkat. Saya melihat dalam Bajet Terengganu 2018 dan juga saya pernah membaca dalam Bajet 2016 di atas P.02 tidak silap saya iaitu nombor Kodnya atau nombor Projeknya 01754 - Sistem Saliran Padang Lebang, Marang. Sejak 2016, Kerajaan menganggarkan peruntukan projeknya RM1 juta, 2016. Demikian juga 01930 - Projek Saliran Sungai Buaya dan Sungai Seluang, Marang- RM4.2 juta. Saya mahu perkembangan semenjak daripada 2016 Kerajaan telah memperuntukkan RM1 juta, 2017 juga RM1 juta, kali ini 2018 juga memperuntukkan RM1 juta, adakah Kerajaan telah membelanjakannya ataupun masih lagi mengulang anggaran itu dalam keadaan projek belum terlaksana kerana projek ini penting, setiap tahun orang-orang daripada Bandar Kuala Terengganu nak menuju ke Kuala Berang. Orang-orang Kuala Berang nak menuju ke Kuala Terengganu yang akan melalui jalan utama ke Kuala Berang - Bukit Payong. Dan di situlah berlakunya banjir yang orang tahu di Alur Lit atau Padang Lebang yang perlu diselesaikan kalau peruntukan sudah wujud saya rasa peruntukan ini perlu disegerakan pelaksanaannya untuk memberikan keselesaan khususnya kepada penduduk-penduduk setempat di situ dan seluruh rakyat yang melalui laluan itu.

Hanya yang terakhir saya juga nak sebut kerana rakyat saya baru mesej tentang satu permintaan agar saya sebut di dalam Sidang Dewan ini mengenai Bantuan Tayar

Kepada Pemandu Teksi Kereta Sewa. Dia kata ada 30 orang tapi saya tidak pasti tuan-tuan boleh tahu dan Kerajaan boleh jawab apa yang saya sebut ini. Beliau sebut tentang namanya iaitu Encik Roslan daripada Bukit Payong Atas Tol, Encik Roslan bin Encik Ros, Pemberian Bantuan Tayar Percuma Kepada Pemandu Teksi Sempena Ucapan Bajet 2017 sepatutnya bantuan ini diberikan kepadanya pada 25 September tapi dia kata ada 30 orang tertinggal dan saya mengharapkan agar permohonan beliau dan beberapa orang rakannya perlu diambil tindakan segera di atas bantuan yang dijanjikan. Tetapi hakikat yang sebenarnya kemungkinan Kerajaan tahu moga-moga apa yang beliau sebut ini memberikan kecaknaan oleh pihak Kerajaan.

Saya rasa cukuplah sekadar itu pada waktu yang singkat. Wassalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa'alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. 15 minit ya. Saya ada masa lagi 10 minit untuk saya bagi ruang sebelum kita berhenti pukul 5.00 petang. Okey, Rantau Abang tolong patuh masa bila saya suruh berhenti kena berhenti. Sila, teruskan.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dalam masa yang singkat saya mengharapkan tidak ada gangguanlah. Alhamdulillah Rabbil 'Alamin. Wal 'aqibatu lil muttaqin wala 'udwana illa alaz zholimin. Asyhadu ala ilaha ilallah. Wa asyhadu anna Muhammadan Rasulullah. Qala Rabbisy sadri wayasirli amri wahlul ukhdatan minlisani yafqauhu qauli.

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Exco, Yang Berhormat-Yang Berhormat dari pihak kami dan juga pihak sebelah sana. Yang saya hormati seluruh Pegawai-pegawai Kerajaan, Pemerhati-pemerhati yang dirahmati Allah sekalian.

Alhamdulillah, syukur kita kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana saya diberi kesempatan untuk bersama dalam membahas Bajet 2018. Dalam masa yang ringkas ini saya ambil *jus-jus* sahaja untuk diambil perhatian oleh Exco-exco untuk menjawab .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekejap Y.B., tadi ambil apa?

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Gist. Minta maaf.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Takut saya tersalah dengar, minta maaf ya.



YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Tak, Yang Berhormat saya dengar dia sebut jus tadi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Manusia tidak sempurna. Tidak ada masalah. Sila, sila Y.B. teruskan.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Saya sebut ini kerana yang lepas-lepas ada soalan yang saya kemukakan tidak dijawab. Jadi saya mengharapkan dalam masa yang ringkas ini saya ada 6 perkara yang hendak dibangkit.

Yang pertama, kita sekarang ini menghadapi keadaan ekonomi yang tak menentu. Jadi untuk menambahkan pendapatan Negeri Terengganu, saya mengharapkan kajian yang dibuat berkaitan dengan silika yang mana di Bari telahpun berjalan tetapi jajaran daripada Marang sehingga Rantau Abang ianya belum nampak hasilnya. Jadi saya benar-benar berharap kepada Kerajaan supaya Bukit Senyamuk Rantau Abang ini yang telah dibuat kajian dan daripada makluman yang lepas hasil rezab simpanan silika ini dianggarkan 80 juta tan metrik. Tetapi di kebelakangan ini dikatakan dari kajian semula didapati ianya berkurangan. Saya ingin tahu berapakah rezab yang ada selepas kajian ini kerana saya dapati bahawa Bukit Senyamuk tidak diteruskan proses perlombongan silika ini. Kalau inilah merupakan hasil pendapatan alternatif kepada pendapatan negeri, saya mengharapkan perkara ini perlu diambil tindakan segera supaya kita dapat menambahkan pendapatan negara untuk kita melunaskan apa yang hendak kita rancangkan sekarang ini Bajet 2018 supaya pendapatan ini tidak tergendala. Itu perkara yang pertama.

Perkara yang kedua, merujuk kepada muka surat 51 - 52 yang berkaitan dengan Terengganu Graduate Transformation Programme yang mana dikatakan sekarang ini perintis 275 graduan diberi latihan dan bajet dikeluarkan sebanyak RM10 juta yang boleh memberi manfaat kepada graduan-graduan anak tempatan seramai 1,600 orang. Cuma persoalan saya ialah berapakah jumlah graduan anak Terengganu dari tahun 2015 hingga 2017, nyatakan jumlah graduan yang telah mengisi jawatan di sektor Kerajaan dan juga di sektor swasta di Terengganu dan berapakah jumlah yang masih menganggur? Soalan ini ditolak. Jadi saya ingin tahu sebab bukan sahaja di tempat saya di Dungun tetapi rata di Negeri Terengganu ini graduan-graduan tidak mendapat pekerjaan. Jadi kita memang takut apabila kerja tidak ada berbagai masalah akan berlaku, kita mintak jauh kerana anak-anak graduan ini merupakan aset kepada Negeri Terengganu. Jadi bagaimana Kerajaan .....

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Graduan takdok kerja maknanya ekonomi baguslah tu dok?

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Tidak ada kerja tu lah, tak tahulah bagus ke, tak bagus .....

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Pohon laluan Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Saya tak boleh beri dah, ada 5 minit lagi.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Okeylah, kita dok kacau.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Okey deh, jangan kacaulah. Saya benar-benar mengharapkan penganggur-penganggur kita ini yang masih dalam kawalan Kerajaan, kita mengharapkan Kerajaan merancang sebaik mungkin walaupun sebahagian telah dirancang tetapi ramai lagi yang belum mendapat tempat dan pekerjaan mereka.

Yang ketiga, sektor pelancongan merupakan sumber pendapatan kepada Negeri Terengganu malah Negeri Terengganu mempunyai pantai yang cantik dan memang ada usaha saya nampak tetapi Rantau Abanglah yang asalnya merupakan tempat pelancong terutama sekali dalam tahun '70an - '80an memang merupakan tempat pelancong berkunjung ke Rantau Abang. Tetapi hingga ke hari ini dan daripada sesi yang lepas hingga ke sesi ini tidak ada satupun perancangan di Rantau Abang ini untuk dibangunkan. Sedangkan telahpun saya kemukakan dalam pertemuan yang lepas, dalam sidang yang lepas iaitu paya pesisir pantai sepanjang 7 kilometer di Rantau Abang ini daripada Jambatan Jambu Bongkok sehingga ke Kampung Rantau Abang, 7 kilometer payanya cantik, pantainya cantik kenapa tidak ada sedikitpun perancangan daripada pihak Kerajaan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Rantau Abang, saya bagi 1 minit saja lagi.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Tak apa. Kenapa tidak ada menyentuh tentang pembangunan di Rantau Abang ini. Sebelum ini memang ada disebut-sebut Rantau Abang akan dibangunkan. Jadi saya benar-benar berharap supaya peluang-peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan terutamanya dapat mereka mencari mata pencarian. Itu yang ketiga.

Yang keempat .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Rantau Abang, terima kasihlah. Saya bagi tempoh besok, saya akan beri 5 minit lagi untuk esok sebab dah hampir pukul 5.00 dah, Fasal 7(1a) perlu saya patuhi.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Tak apalah, esok mohon saya diberi peluang lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: 5 minit sahaja lagi.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): 10 minit tak Y.B.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Okey ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dah, dah, cukup dah.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Terima kasih kepada Dato' Yang Dipertua kerana mengizinkan saya untuk sambung esok mudah-mudahan peluang yang diberikan kepada saya ini tiga yang telah saya hidangkan tadi .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kalau nak bercakap lagi saya tak benarkan dah untuk sambung 5 minit lagi.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): .... merupakan perkara yang perlu diambil perhatian.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okeylah, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya ingin menangguhkan sementara sesi perbahasan bagi Enakmen Perbekalan 2018 dan insyaAllah kita sambung semula besok. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian maka saya tangguhkan sementara Dewan hari ini ke esok hari 13 Disember 2017 pukul 9.30 pagi. Dan marilah kita sama-sama membaca Surah Al-'Asr.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 5.00 PETANG.

---

**PERSIDANGAN**

**PADA HARI SELASA, 22 NOVEMBER 2016**

---

---

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA  
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

---

**HADIR:**

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA  
Dato' Haji Mohd Zubir bin Embong, DPMT.,PJK.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU  
Dato' Seri Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman, SSMZ.  
WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Putera bin Tengku Awang, DPMT.  
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Jidin bin Shafee, DPMT.,DMSM.,KMN.  
WAKIL PERMAISURI

Yang Berhormat Dato' Haji Rozi bin Mamat, DPMT.,SMZ.  
WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Haji Ir. Rosli bin Othman, AMN.  
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Haji Nawli bin Mohamad, SMT.,PJK.  
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Haji A. Latiff bin Awang, PJC.,PJK.  
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Haji Roslee bin Daud, AMZ.,PPN.  
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Ghazali bin Taib, AMZ.  
WAKIL AJIL

Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad Pehimi bin Yusof, DPMT.,PPN.  
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Ahmad bin Said, SSMZ.,DPMT.,ASM.,PJK.  
WAKIL KIJAL

Yang Berhormat Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar, AMT.  
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Dato' Haji Sabri bin Mohd Noor, DIMP.,PPN.,PJK.  
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Haji Mohd Mahdi bin Musa, AMT.  
WAKIL KOTA PUTERA

Yang Berhormat Haji Bazlan bin Abd. Rahman, AMT.,PJK.  
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Haji Mohd Iskandar bin Jaafar, PJK.  
WAKIL JABI

Yang Berhormat Tengku Zaihan bin Che Ku Abd. Rahman, PJK.  
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Haji Satiful Bahari bin Mamat  
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi, AMT.  
WAKIL BATU BUROK

Yang Berhormat Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut, PJK.  
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak  
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Azan bin Ismail  
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Haji Mohd Nor bin Hamzah  
WAKIL BUKIT PAYONG

Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar,  
DPMT.,PJC.,PJK.,BLB.  
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Ariffin bin Deraman  
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Ridzuan bin Hashim  
WAKIL TELUK PASU

Yang Berhormat Haji Hishamuddin bin Abdul Karim  
WAKIL TEPOH

Yang Berhormat Haji Wan Hapandi bin Wan Nik  
WAKIL SURA

Yang Berhormat Haji Hilmi bin Harun  
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Alias bin Harun  
WAKIL RANTAU ABANG

**TIDAK HADIR (DENGAN MAAF):**

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, SSMT.  
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Haji Hanafiah bin Mat  
WAKIL CUKAI

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI  
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
Dato' Wan Nawawi bin Haji Wan Ismail, DPMT.,SMZ.,PJC.,PJK.  
YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI  
Dato' Azhar bin Abdul Hamid, DSAP.,AMK.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI  
Encik Zulkifly bin Isa, PJK.

### PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah Rabbil 'Alamin. Na'malu wanasta'in. Wanas taqhfirhu wana'uzubillahi minsyuhuri anfusina. Wamin sayyi ati a'malina minyahdillah fala mudilallah. Wamin yudilahu fala hadiyannah. Allhumasalli wassalim 'Ala Sayyidina Muhammadin Wa'ala alihi wasohbihi ajmain. Amma Ba'du. Rabbisy rahli sadri waya sirli amri. Wahlul ukhdatan minlisani yafqauhu qouli. Rabbi yassir wala tu'assir. Rabbi athmim bil khair.

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam Sejahtera. Salam Negaraku Sehati Sejiwa. Salam Transformasi Terengganu Baharu. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para Pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan yang dimuliakan Allah Subhanahu Wata'ala. Hari ini mesyuarat disambung semula. Sebelum saya meneruskan ucapan, ungkapan saya yang muluk-muluk seperti biasa pada pagi ini bagi mendapat rahmat, bagi mendapat syafaat kepada Junjungan kita Nabi Muhammad Salallahu 'Alaihi Wassalam, insan terpuji asbab kepada kita mengenal Illahi sehingga kini. Marilah kita sebagaimana dua hari lepas bersama berselawat 10 kali. Allahumma Salli'ala Muhammad Wa'ala Alihi Muhammad (10 kali). Jazakumullahu khairan jaza'. Janganlah kita jadi orang yang kedekut, orang fakir, tidak berselawat kepada Junjungan kita Nabi Muhammad Salallahu 'Alaihi Wassalam.

Seperti biasa Persidangan kita pada hari ini, 13 Disember 2017 akan dimulakan sebaik sahaja selesai ucapan saya yang pendek ialah Soalan-soalan Lisan. Seperti biasa insyaAllah saya akan memperuntukkan masa sejam untuk Soalan-



soalan Lisan dan seperti biasa bagi mematuhi Fasal 27(5) saya membenarkan hanya dua soalan tambahan sahaja bagi setiap satu Soalan Lisan yang asal yang dikemukakan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan Soalan-soalan Lisan untuk hari ini ialah:

1. Y.B Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar  
(Wakil Air Putih)
2. Y.B. Haji Satiful Bahari bin Mamat  
(Wakil Paka)
3. Y.B. Dato' Haji Sabri bin Mohd Noor  
(Wakil Langkap)
4. Y.B. Haji Mohd Mahdi bin Musa  
(Wakil Kota Putera)
5. Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi  
(Wakil Batu Burok)
6. Y.B. Haji Bazlan bin Abd Rahman  
(Wakil Batu Rakit)
7. Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut  
(Wakil Wakaf Mempelam)
8. Y.B. Haji Mohd Iskandar bin Jaafar  
(Wakil Jabi)
9. Y.B. Dr. Haji Alias bin Razak  
(Wakil Bukit Tunggai)
10. Y.B. Tengku Zaihan bin Che Ku Abd. Rahman  
(Wakil Kuala Besut)
11. Y.B. Azan bin Ismail  
(Wakil Bandar)
12. Y.B. Mohd Nor bin Hamzah  
(Wakil Bukit Payong)
13. Y.B. Ariffin bin Deraman  
(Wakil Alur Limbat)
14. Y.B. Haji Hishamuddin bin Abdul Karim  
(Wakil Tepoh)

Selepas daripada Soalan Lisan insyaAllah kita akan berehat selama setengah jam dan kita akan sambung balik dengan Sesi Perbahasan Enakmen Perbekalan 2018 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar pada 11 Disember, dua hari lepas. Sekali lagi saya menyeru kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang belum berbahas dan ingin mengambil bahagian dalam Sesi Perbahasan ke atas Enakmen Perbekalan 2018 patuhlah, tolong patuh, saya merayu patuh 10 minit kerana kita ingin memberi ruang kepada semua insyaAllah, kepada Yang Berhormat memandangkan ini merupakan Sidang DUN terakhir kita, tolong patuh. Ramai lagi Yang Berhormat yang tidak terlibat. Saya kira-kira 12 orang lagi. Saya nak bagi semua insyaAllah. Nanti terkilan tak sempat berbahas kali ini takut-takut Sidang DUN nanti pada tahun depan tak boleh bercakap dah.

InsyaAllah pada sebelah petang nanti selepas rehat waktu tengah hari Dewan akan memberi peluang kepada pihak Kerajaan untuk membuat penggulungan. Kita tengok nanti macam mana. Sebab niat saya, niat baik saya saya nak bagi peluang kepada semua. Jadi, tolonglah, saya rayu tolong. Dan ingin saya menasihati addinu nasihah kepada semua Ahli Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian dalam perbahasan pastikan perbahasan kita berkualiti tinggi dengan rujukan data, fakta, statistik dan maklumat yang diperolehi dari sumber yang sah dan boleh dipercayai dan fokus hanya kepada Bajet 2018.

Sidang DUN hari ini diperhatikan oleh Pemerhati-pemerhati yang datang dari seluruh pelosok Negeri Terengganu dan saya mengalu-alukan kedatangan Pemerhati-pemerhati daripada:-

- Majlis Tindakan DUN Sura (PAS) – 5 orang
  - Jabatan KEMAS Negeri Terengganu – 12 orang
  - Biro Tatanegara Negeri Terengganu – 7 orang
  - Pejabat ADUN N.14 Bandar (PKR) – 5 orang
  - Pejabat DUN Alur Limbat (PAS) – 5 orang
  - Pejabat ADUN Batu Burok – 7 orang
  - Dewan Pemuda PAS Negeri Terengganu – 11 orang
  - Pejabat ADUN Alur Limbat (PAS) – 5 orang
  - Pusat Khidmat Masyarakat DUN Pengkalan Berangan (BN) – 20 orang
  - Pejabat ADUN Ajil (BN) – 10 orang
  - Alumni GPMS – 4 orang
- 
- Kelab Kebajikan Anak Muda Kuala Terengganu – 10 orang
  - Penolong Pegawai Belia dan Sukan Parlimen
  - SERIKANDI (Diketuai oleh To' Puan Seri) – 10 orang
  - Wakil UMNO Bahagian Kuala Nerus – 2 orang

- Wakil Kumpulan Regu dan Jitu (UTTJ) – 23 orang
- GPMS – 20 orang
- Wakil TATIUC – 5 orang
- Pejabat ADUN Kuala Besut (BN) – 20 orang
- Pejabat ADUN Kota Putera (BN) – 10 orang
- Ketua-ketua Cawangan UMNO DUN Seberang Takir – 18 orang
- Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu – 18 orang

Terima kasih banyak kepada yang sudi hadir sebagai Pemerhati hari ini. Sekian, Selamat Bersidang. Aqulu qauli haza wa astaghfirullahal ázhim li walakum. Wassalmu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

### **SOALAN-SOALAN LISAN**

Mesyuarat pagi ini diteruskan dengan Soalan-soalan Lisan. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah memberi notis untuk mengemukakan Soalan-soalan Lisan pada 13 Disember 2017 adalah sepertimana berikut. Saya dah sebut tadi, minta maaf. Cuma saya nak jemput terus sebab saya nak bagi keadilan kepada semua pihak agar dapat bertanya soalan. Saya nak jemput Bukit Payong. Sila. Lepas ni Ladang, insyaAllah. Lepas Ladang, Alur Limbat. Semua sebelah sana. Ladang tak ada soalan.

YANG BERHORMAT MOHD NOR HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama -

*Sila nyatakan status terkini pembangunan semula Kompleks Bazar Warisan Kuala Terengganu?*

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Salam Sejahtera, Salam Negaraku Malaysia dan Salam 1Transformasi Terengganu Baharu. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, Wakil-wakil Jabatan, para Pemerhati, rakan-rakan media, tuan-tuan, puan-puan yang dihormati sekalian. Soalan yang dikemukakan oleh Wakil Bukit Payong ialah untuk mendapatkan status terkini pembangunan semula Kompleks Bazar Warisan Kuala Terengganu yang berada di hadapan Pasar Payang.

Kerajaan Negeri sedang dalam proses yang terakhir untuk memuktamadkan perjanjian antara pemaju dan juga Majlis Bandaraya Kuala Terengganu. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Soalan tambahan yang pertama. Silakan. Bukit Payong.

YANG BERHORMAT MOHD NOR HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Soalan tambahan saya yang pertama. Kos kepada projek ini sekitar RM15 juta dan disebut dalam *Terengganu Times* bahawa Kerajaan mengadakan MoU dengan satu syarikat hartanah Wei Amber Group Sdn. Bhd. di Bangsar Souq, Kuala Lumpur. Bagaimana kedudukan dan tahap syarikat yang telah diadakan perjanjian ataupun MoU oleh pihak Kerajaan ini. Adakah syarikat ini memiliki keupayaan yang sepenuhnya dan memiliki pengalaman-pengalaman yang baik dalam prestasi membina hartanah atau mana-mana projek di negeri ataupun negara?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Terima kasih kepada Wakil Bukit Payong. Jadi, sekarang ini untuk makluman, kita baru buat MoU iaitu Perjanjian Persefahaman. Jadi, tidak timbul soal bahawa perjanjian itu termeterai ataupun perlu kita laksanakan. Tetapi walau bagaimanapun, kerana pihak pemaju ini Amber Resources yang mempunyai restoran di Kuala Lumpur sekarang ni dah ada tiga. Satu di Bangsar Souq, satu lagi di One Utama dan insyaAllah satu lagi akan buka di KLIA2. Syarikat ini memang sebuah syarikat yang mempunyai kekuatan kewangan yang besar dan apabila kita menerima satu cadangan dari satu syarikat yang begitu besar untuk membuka terutama sekali adalah untuk membuka Restoran Makanan Cina Halal dan lebih lagi di situ

adalah tempat yang amat strategik kerana kita nak jadikan pemangkin kepada pelancongan di kawasan Shah Bandar, Pasar Payang, Kampung Cina dan juga Pulau Warisan.

Jadi, apabila pihak ini sanggup mengeluarkan belanja dia sendiri tanpa dikeluarkan oleh Kerajaan dan lebih-lebih lagi dia akan mohon untuk menyewa atau secara lease, dengan izin. Dan dengan tidak secara langsung ini akan memberikan satu pendapatan dan juga satu sumber kewangan kepada Majlis Bandaraya Kuala Terengganu. Kerana kita sedia maklum bahawa Bazar Warisan setakat ini Kerajaan terpaksa menyediakan peruntukan tambahan untuk menguruskan termasuk dari segi penyelenggaraan. Maklumlah, di situ kita dapati bahawa Bazar Warisan ini tidak berkembang sepertimana yang kita jangkakan.

Jadi, kerana itu kita sedang cuba untuk *upgrade* dengan izin, dan lebih-lebih lagi ada pihak Amber Resources ini telah bercadang untuk membangunkan kawasan tersebut tanpa meninggalkan ataupun tanpa mengeluarkan peniaga-peniaga di situ. Jadi, maka tidak ada halangan dari pihak kita bersetuju dan kerana itu saya sebut sekarang ini dalam proses yang terakhir untuk kita menyelesaikan dari segi perjanjian. Jadi, apabila selesai perjanjian maka barulah bermulanya pengubahsuaian. Dan alhamdulillah, kesanggupan pihak Amber Resources ini dia sanggup walaupun belum ada lagi perjanjian, dia sanggup hari ini menyediakan tempat sementara bagi peniaga-peniaga iaitu di Dataran Shah Bandar. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih, soalan tambahan yang kedua. Silakan, Bukit Payong.

YANG BERHORMAT MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Syarikat Amber Group ni maknanya dia bukan terlibat dalam pembinaan. Contoh, saya dapat maklumat akan dibina hotel dekat dengan tapak ataupun termasuk dalam Projek Pembangunan Bazar Warisan ini. Adakah hotel ini dan pembinaannya tidak termasuk dan dibina oleh syarikat ini dan berapakah nilai keseluruhan ubahsuai dan pembinaan hotel dan termasuk dalam mengangkat dan memperbetulkanlah semua projek-projek pembangunan semula Kompleks Bazar Warisan, hotel dia termasuk semua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Bukit Payong. Soalan tambahan yang kedua, silakan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Terima kasih kepada Bukit Payong. Sebenarnya Amber Resources ini juga dia mempunyai hotel di Kuala Lumpur dan dia bercadang untuk menambahkan lagi bilangan tingkat dan kerana itu pihak kita dengan bantuan daripada pihak JKR dan juga badan-badan

yang terlibat telah membuat kajian bahawa adakah boleh kita tambahkan lagi dan juga ubahsuai yang boleh dibuat mengikut apa yang dicadangkan oleh pemaju tersebut dan cadangan hotel yang dibuat pun bukan hotel yang ada bintang hanyalah hotel bajet kerana dia bercadang kebetulan Syarikat Amber Resources ni dia ada hubungan dengan Cina Muslim di Negara China.

Jadi, maka dia bercadang untuk membantu pelancongan Negeri Terengganu untuk membawa kerana mereka setiap tahun membawa pelancong-pelancong Cina Muslim ke Kuala Lumpur kerana dia ada hotel di Kuala Lumpur. Jadi, dia bercadang kerana saya difahamkan apabila mereka cuba membawa pelancong-pelancong Islam Cina ini. Ada baru-baru ini mereka amat terperanjat dengan apa yang ada di Terengganu terutama Taman Tamadun Islam. Jadi kerana mereka merasakan bahawa Taman Tamadun Islam ini adalah sesuatu kekuatan yang tidak ada di lain-lain tempat. Jadi dia rasakan bahawa ini akan boleh lagi menambahkan, meningkatkan lagi syiar Islam.

Jadi kerana itulah maka mereka telah memberi cadangan kepada Kerajaan Negeri untuk menambahkan pada Bazar Warisan ini jadi hotel bajet. Hotel yang tidak ada bintang yang mereka boleh mengambil peluang untuk membawa pelancong-pelancong Cina ke Kuala Lumpur dan seterusnya membawa ke Terengganu kerana di samping kemudahan makanan yang disediakan di Bazar Warisan. Di samping itu juga ia dapat juga membantu Kerajaan Negeri dari segi memperkasakan lagi bidang atau sektor pelancongan di negeri kita. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Terima kasih banyak Bukit Payong dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Saya mempersilakan Alur Limbat mengemukakan soalan.

**YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar):** Dato' Yang Dipertua, saya nak mintak soalan tambahan satu.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Minta maaflah sebab saya nak kejar masa sebab nak bagi peluang kepada semua. Mintak maaf DUN Bandar sepatutnya soalan ini ditanya awal oleh DUN Bandar. Bahagian Bandar ni, sebab sepatutnya kalau tiga saya bagi insyaAllah. Tapi dah ketetapan kita dua. Kita nak kejar yang lain. Mintak maaf banyak Bandar. Terima kasih Bukit Payong, terima kasih Bandar yang akur pada arahan. Sila Alur Limbat.

**YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat):** Dato' Yang Dipertua Dewan, soalan saya telah dijawab. Jawab sekali dengan yang tadi.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Okey, okey, sorry, saya mintak maaf banyak. Cukai, Cukai tidak mengemukakan soalan. Cukai tidak hadir ya? Tidak ada maklumat kepada saya. Dia sakit ke apa ke?

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Dia serah ke Pejabat Dewan, dia MC.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey tak apa, terima kasih. Kita risau juga sahabat-sahabat kita ni. Saya nak baca ikut turutan sebab nak bagi peluang tapi ada yang tak ada kemukakan soalan. Tepoh kita tolak. Sura, tidak kemukakan soalan. Tak apalah, kita balik kepada yang ada soalan. Air Putih, sila.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Terima kasih banyak Dato' Yang Dipertua, soalan saya yang pertama -

*Bilakah Kerajaan Negeri akan mula melaksanakan Perkhidmatan Bas Rapid atau setaraf dengannya (Contoh, Rapid Kuantan) sekurang-kurangnya di bandar-bandar utamadi Negeri Terengganu?*

YANG BERHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Sahabat saya Yang Berhormat Air Putih ada bertanyakan bilakah Kerajaan Negeri akan mula melaksanakan Perkhidmatan Bas Rapid atau setaraf dengannya. Contohnya, Rapid Kuantan sekurang-kurangnya di bandar-bandar utama di Negeri Terengganu.

Jadi, untuk makluman sebagai menjawab kepada soalan Wakil Air Putih tadi, insyaAllah Kerajaan Negeri akan melaksanakan Perkhidmatan Bas Rapid atau setaraf dengannya atau sekurang-kurangnya di Bandar Kuala Terengganu ini bermula pada tahun depan. Jadi, untuk ini kita panggil MyBas di Terengganu dan seperti yang diumumkan dalam Ucapan Bajet oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dua hari lepas insyaAllah SBST *Stage Bus System Transformation* atau Program Transformasi Bas Henti-henti di bawah inisiatif Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) akan bermula insyaAllah tahun hadapan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih, sila soalan tambahan yang pertama dari Air Putih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Dato' Yang Dipertua, laluan dia macam mana, kekerapan dia, buat di Kuala Terengganu dulu ke?

YANG BERHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Ini adalah projek yang di bawah Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) yang mana pada asalnya, saya cerita sikit Yang Berhormat. Dia kita buat *due diligence* untuk laluan yang bersesuaian dan pada asalnya kita bermula dengan 14 laluan dan selepas melalui proses kajian dan sebagainya diputuskan untuk kita buat 9 laluan. Jadi, laluan-laluan yang telah dikenalpasti adalah satunya kita nama dia Route 1 - T101, Kuala Terengganu-Manir-Gong Badak-Batu Rakit. Route 2 - T102, Kuala Terengganu-Seberang Takir-Gong Badak-Jeti Merang. Route 3 - T103 Kuala Terengganu-Tepoh-Padang Maras-Batu Rakit. Route 4 - T201 Kuala Terengganu- Maras-Wakaf Tapai-Kuala Berang. Route T202, Kuala Terengganu- Pasir Panjang-Kampung Laut-Bukit Payong. Route T203, Kuala Terengganu-Panji Alam-Kedai Buloh-UCSI. Route T204, Kuala Terengganu-Losong-Sungai Rengas-Rawai-Bukit Payong. Route T301, Cendering-UiTM Marang. Route TF100 Kuala Terengganu City Fider. Untuk Kuala Terengganu City Fider ni bas dia akan pusing sekitar Kuala Terengganu sampai ke dia akan masuk ke Hospital Sultanah Nur Zahirah-Pantai Batu Burok-Gong Kapas-Giant-Mydin balik ke Terminal Bas MBKT.

Jadi kekerapan dia insyaAllah *fit* dia antara 60 minit dan kalau *non-fit* dia 90 minit. Itu adalah perancangan pada peringkat awal ni dan tempoh percubaan kita nanti adalah selama 6 bulan dan dalam tempoh 6 bulan itu kalau ada perubahan kita akan *streamline* balik mengikut kesesuaian dia, insyaAllah.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya terpaksa bagi Air Putih untuk tambahan yang kedua. Mintak maaf Paka.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan saya, bandar lain macam mana? Nak tanya Kemaman macam mana Kemaman? Bila nak buat di Kemaman?

YANG BERHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Semangat Kemaman kita kuat Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Kuantanlah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Alur Limbat. Alur Limbat, terima kasih, satu. ....(Dewan gelak)..... Sila, sila. Minta maaf Kemasik.

YANG BERHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Peringkat permulaan, yang mana apa yang diinisiatifkan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat ini adalah untuk menyediakan satu sistem pengangkutan yang



selesa yang berpatutan harga dia yang murah yang selamat yang memenuhi syarat-syaratlah dan pada asalnya akan dilaksanakan di sekitar Bandar Kuala Terengganu. Jadi, insyaAllah akan datang, selepas kita beroperasi kemungkinan dalam tempoh 2 tahun pertama dibuat peruntukan untuk dikembangkan dengan penambahbaikan yang ada selepas tempoh percubaan tu nanti. InsyaAllah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua, nak tanya Bas Caligas tu macam mana?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Bas keranda tu, kita batal terus ke macam mana? Baru-baru ni MB dah lancar dah Bas Kita tu pulak RM1 juta lebih jadi hak Bas Caligas tu lagi dah RM14 juta dah. Lepas tu syarikat-syarikat persendirian yang ada, syarikat-syarikat bas yang ada, adakah bila datang dengar kata MARA yang tukang operator ni. Jadi bas syarikat-syarikat orang tempatan tu macam mana?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apalah, saya benar jawablah sebab sepatutnya saya tak benar dah. Itulah saya kata, nak kata saya tak adil ni tak tahulah tapi itu yang saya ....

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat, soalan tambahan 3, saya *takdok* boleh bersekali lagi ni. Payah jugak, *cocoh-cocoh gitulah*. Di skrin tu, sebab tu saya jadi dok nampak.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya nampak, dia sama dengan Sura. Saya dah buat ruling dari awal, mungkin kerana hari pertama saya dapat maklum ketidakhadiran Paka kerana ada kematian. Ruling saya daripada hari pertama sahaja.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat, saya tak mati lagi ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak, ada kematiankan? Ziarah kematiankan? Ada ziarah kematian, saya dapat maklum. Kalau salah maafkan saya. Cuma saya nak beritahu bahawa ruling saya hari pertama lagi soalan tambahan saya bagi dua saja. Kepada yang bertanya soalan awal. Tapi, oleh kerana saya hormat kepada Ketua Pembangkang, saya beri laluan. Sila.

YANG BERHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Terima kasih kepada Wakil Paka dan insyaAllah saya jawab soalan tu. MyBas tu nanti di bawah Program SBST ni akan dikendalikan oleh Mara Liner dan sepanjang

tempoh sehingga sekarang ni perbincangan, kita tak tinggallah syarikat pengusaha-pengusaha bas yang ada sekarang. Antaranya Cas Ligas dan juga SP Bumi. Jadi antara banyak-banyak syarikat, antara dua ni dibawa dalam perbincangan untuk mereka sama-sama ambil bahagian turut serta dalam Program SBST ni. Suka saya beritahu juga kepada Dewan yang mulia ini bahawa insyaAllah dalam pelaksanaan SBST nanti ataupun MyBas ini kita akan mengguna pakai *Bus Electric Vehicle*, bas elektrik yang mana julung-julung kalinya di negara kita ini menggunakan bas elektrik untuk kegunaan di kawasan F100 tadi.

Jadi insyaAllah selepas tempoh percubaan, bas ini akan dipakai, dia akan ada 4 butir bas elektrik dalam kawasan ni. Jadi, insyaAllah seperti yang saya katakan tadi bas tempatan Cas Ligas, SP Bumi dan ada syarikat bas daripada Besut saya tak ingat nama dia jadi ada jugak terlibat dalam MyBas ni. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Hak percuma tu macam mana tu, dulu ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Paka, cukuplah, panjang dah. Saya nak beri Pakalah ....

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Bukan soalan tambahan ni, nak tanya hak *satning* jer, sambungan hak *satning*. Bukan soalan tambahan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kalau tanya tu dikira soalan tambahanlah tu. Saya tak benar dah Paka. Terima kasih banyak. Tapi saya nak menjemput Paka untuk mengemukakan Soalan Lisan seterusnya. Sila Paka.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dua-dua ke Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua?

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Main pusing ayat sokmo.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa Batu Rakit, jangan kita mula.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Potong cakap Speaker tu ke nak jadi Speaker pula ke Batu Rakit? Saya tanya sebab saya ada dua soalan, Soalan 1 dan 2 sebab tu saya tanya.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Se ajelah.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Batu Rakit.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Sibuk Batu Rakit, taubatpun, nombor 2 lah -

*Sila nyatakan bilangan penjawat Imam Bilal yang belum diisi mengikut pecahan daerah di masjid-masjid Negeri Terengganu?*

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Ajil bagi pihak Kerajaan.

YANG BERTHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Soalan yang ditanya oleh Wakil Paka ialah: Sila nyatakan bilangan perjawat Imam Bilal yang belum diisi mengikut pecahan daerah di masjid-masjid Negeri Terengganu.

Untuk makluman, jumlah keseluruhan jawatan Imam Bilal yang belum diisi adalah seramai 876 orang. Secara pecahannya bagi Daerah Kuala Terengganu untuk Imam ialah seramai 55 orang manakala Bilal ialah 55 orang. Daerah Kemaman, Imam 57 orang manakala Bilal 59 orang. Dungun, Imam 45 orang, Bilal 51 orang. Besut, Imam 67 orang, Bilal 63 orang. Hulu Terengganu, Imam 83 orang Bilal 73 orang. Marang, Imam 38 orang Bilal 32 orang. Setiu, Imam 53 orang Bilal 54 orang. Kuala Nerus, Imam 44 orang Bilal 45 orang. Keseluruhannya dua-dua jawatan ini berjumlah 876 orang. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Ajil bagi pihak Kerajaan. Soalan tambahan pertama Paka, silakan.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang BERTHORMAT Dato' Yang Dipertua. Saya rasa permasalahan yang melibatkan Imam dan Bilal yang tidak diisi ini berpanjangan saya rasa dan angka 876 itu merupakan angka yang terlalu tinggi bahkan ada yang menyebabkan sampai satu masjid tu tinggal sorang saja Imam ataupun Bilal. Jadi, mengganggu kelancaran pengurusan kepada masjid-masjid tersebut. Jadi, soalan saya apakah sebenarnya permasalahan yang dihadapi dalam mengisi kekosongan ini. Takdok orang nak jadi Tok Imam ke atau Tok Imam *derah* mati, *dokdang* nak isi ke *guaner*, prosedur ataupun halangan yang menyebabkan ia jadi payah untuk mengisi jawatan ini?

YANG BERTHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Terima kasih wakil Paka. Kekhuatiran dan kebimbangan Paka itu juga menjadi kebimbangan kami di Jabatan Hal Ehwal Agama. Permasalahan yang pertama, semasa temu duga yang kita adakan pada Imam dan Bilal kita biasalah kesalahan pertama kita tidak menepati kehendak ataupun ciri-ciri yang ada pada seorang Imam. Misalnya,

dari segi bacaan, ilmu yang berkaitan dengan fardhu ain dan fardhu kifayah, itu salah satu, minat ada. Ada satu kategori memang berminat tapi masalahnya yang saya sebutkan tadi.

Kategori yang kedua, memenuhi syarat sebagaimana tetapi mereka berada di luar kawasan yang mungkin kita tidak tempatkan. Jadi, mereka tak nak ke tempat yang sepatutnya dan ini menjadi masalah. Kita terpaksa mencari anak mukim itu jugak yang menjadi persoalan kenapa kesukaran kita untuk memenuhi keseluruhan syarat kita satu masjid ini tiga Imam dan juga tiga Bilal. Saya mengakui bahawa apabila ada seorang Imam pada satu masjid, kelancaran program di masjid itu terhalang disebabkan oleh giliran yang begitu padat masa seorang Imam untuk memenuhi lima waktu dan juga memenuhi program-program lain yang ada di masjid.

Terima kasih Wakil Paka, saya mengambil perhatian berat dan insyaAllah kita akan adakan sesi temu duga lepas itu yang ada kelemahan itu saya dah ada perancangan bersama Jabatan Hal Ehwal Agama dan mereka telahpun merangka beberapa strategi antaranya akan diberi latihan untuk membolehkan golongan yang berminat yang bersungguh tetapi mempunyai halangan dari segi keupayaan mereka dalam menguasai beberapa bidang ilmu yang berkaitan dengan agama khususnya yang berkaitan dengan fardhu ain dan juga fardhu kifayah ini. InsyaAllah langkah yang disarankan oleh Paka kita ambil pandangan yang serius. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Ajil menjawab bagi pihak Kerajaan. Soalan tambahan yang kedua, sila Paka.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dato' Yang Dipertua.....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya nampak Paka, saya nampak. Banyak gambar hari ini.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Hijau molek tak apalah. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kalau kita tengok angka ni 110 ni melibatkan Masjid Kerajaan. Kalau Masjid Mukim saya pun tak dapat makluman, banyak mana sebenarnya apa orang panggil tu sagu hati ataupun gaji yang kita beri antara Masjid Kerajaan dengan Masjid Mukim. Sebab hari ini golongan keluaran Pengajian Islam ataupun Tahfiz ramai, tapi kalau kita nak jadikan dia sebagai pendapatan utama kalau kita beri elaun yang agak kecil kemungkinan perkara ini berlakulah yang menyebabkan dia cari alternatif lain. Jadi sebenarnya berapa elaunnya ataupun ada faktor-faktor lain sebab kalau dulu-dulu tu temu duga tu memang dia tanyalah *mung* PAS ke UMNO. Jadi payahlah nak cari orang UMNO kan? Jadi sekarang ni kita rasa dengar jawapan

EXCO kelmarin takdok timbul dah warna-warna apa dan sebagainya. Jadi sebab apa setengah-setengah masjid dia menyediakan penempatan dan kalau Masjid Kerajaan dengan gaji dan elaun yang mencukupi dia boleh sewa dekat-dekat masjid yang berdekatan dan saya rasa masalah yang disebut oleh Exco tu tak berbangkitlah. Sila.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Paka. Sila Ajil mewakili pihak Kerajaan untuk menjawab.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Terima kasih Paka. Saya bersetuju dengan kenyataan Wakil Paka menyatakan masalah gaji yang ditawarkan kepada Imam ini yang agak rendah berbanding dengan jawatan-jawatan lain dan ini juga salah satu yang menyebabkan jumlah golongan yang layak, yang ada kelulusan tidak berminat untuk meneruskan perjawatan sebagai Imam dan Bilal. Secara *figurenya* saya tidak ada di sini dan yang itu saya minta notis. Tetapi saya mendapat maklumat melalui perbincangan daripada beberapa pegawai yang mengurus bahagian perjawatan ini juga ada menimbulkan masalah tentang gaji Imam dan Bilal untuk Masjid Kerajaan ini perlu dikaji semula supaya dapat menarik minat mereka untuk menjawat jawatan ini sebagai jawatan yang haknya, jawatan yang kekal sebagai sumber pendapatan.

Jadi, insyaAllah yang ni mungkin pihak Kerajaan akan buat kajian dan jika sekiranya didapati kesesuaiannya insyaAllah satu skim baru boleh dipertimbangkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sikit lagi ya. Berkaitan elaun tu *takdok doh* hak tahan-tahan tu dok? Sebab sesi lepas, selepas saya bertanya, saya pergi *check* tu ada lagi Imam-imam kita yang ditahan elaun dia yang melibatkan bertahun-tahun saya rasa benda ni kena selesailah, jangan berbangkit lagilah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Ajil saya benarkan.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): InsyaAllah, kita dah buat penjelasan dan pembayaranlah pada yang lalu dan yang terbaru ni mungkin kalau ada maklumat beritahulah kat saya, nanti kita akan *check* balik mungkin ada yang terlepas pandang. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih banyak pada Ajil. Terima kasih banyak pada Paka. Terima kasih banyak pada Ajil mewakili pihak Kerajaan untuk menjawabnya. Saya mempersilakan Langkap untuk mengemukakan soalan, silakan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SABRI BIN MOHD NOOR (Wakil Langkap): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan nombor satu -

*Adakah pihak Kerajaan bercadang untuk menaiktaraf jalan utama dari Kuala Nerus ke Kuala Besut yang menghubungkan Kuala Terengganu ke Kota Bharu?*

YANG BERHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): ADUN Langkap ada bertanyakan adakah pihak Kerajaan bercadang untuk menaik taraf jalan utama daripada Kuala Nerus ke Kuala Besut yang menghubungkan Kuala Terengganu ke Kota Baru.

Jadi, Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Memang menjadi hasrat Kerajaan untuk menyediakan satu sistem jalan raya yang selesa daripada sempadan selatan iaitu Kemaman sampai ke sempadan utara iaitu di Besut. Jadi sebahagiannya telah siap dan sebahagiannya sedang berjalan. Dan Kerajaan Negeri memang bercadang untuk menaik taraf jalan utama daripada Kuala Nerus ke Kuala Besut yang menghubungkan Kuala Terengganu dengan Kota Bharu dan Kerajaan Negeri juga memohon menaik taraf jalan kampung untuk menaik taraf Lapangan Terbang Sultan Mahmud, Kuala Nerus hingga ke Besut dan sehingga kini kita belum lagi mendapat kelulusan.

Secara berterusan Kerajaan Negeri ada memohon peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Kerja Raya yang mana jalan yang dipohon ini adalah sepanjang 90 kilometer dan anggaran kos dia sebanyak RM742 juta. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih, soalan tambahan yang pertama sekiranya ada.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SABRI BIN MOHD NOOR (Wakil Langkap): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, apakah usaha yang dilakukan oleh Kerajaan bagi meningkatkan keselamatan pengguna di kawasan-kawasan yang selalu berlaku kemalangan. Pertama, seperti di selekoh Belara. Selekoh Belara ni kawasan Tepoh, tiap-tiap bulan kadang-kadang kereta terbabas dan kita pergi lagi dalam 5 kilometer lagi di kawasan Pekan Sungai Tong. Pekan Sungai Tong tiap-tiap minggu kereta terbabas masuk dalam rumah. Saya difahamkan 99 kali tuan rumah kata kereta masuk dalam rumah. *Sapa Ioni dok tidur dalam bilik, tidur dapur Ioni.* Lepas tu kita pergi lagi ke kawasan selekoh dekat Balai Polis di Kampung Rahmat. Kereta ni terbabas masuk dalam kedai pula.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kampung apa?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SABRI BIN MOHD NOOR (Wakil Langkap):  
Kampung Rahmat. Kawasan Langkap. Jadi saya nak tahu, apakah langkah-langkah jangka masa pendek yang dibuat oleh pihak pihak Kerajaan? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Langkap, sila Kemasik mewakili Kerajaan untuk menjawab. Silakan.

YANG BERHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Bahaya tu, apa yang ADUN Langkap *royat* tadi tu memang bahayalah. Berkenaan dengan untuk kita menaik taraf ataupun mengatasi masalah di sesetengah tempat tu, yang sering berlaku kemalangan, pihak JKR secara berterusan dan juga dengan pihak konsesi iaitu Road Care membuat pemantauan untuk memastikan jalan-jalan yang disebut tadi, ada tiga tempat ni Yang Berhormat sebut tadi, Belara, Sungai Tong dan Kampung Rahmat ni. Jadi saya yakin daripada ni ada usaha dari segi untuk menambah baik langkah keselamatan. Jadi, mintak maaf Wakil Langkap. Jadi saya perlukan maklumat yang *detail* yang akan diberikan selepas ini insyaAllah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kemasik, soalan tambahan yang kedua sekiranya ada. Kalau tak ada saya nak pergi kepada Soalan Lisan asal. Terima kasih Langkap, terima kasih Kemasik. Sila Kota Putera untuk mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera):  
Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Dato' Yang Dipertua, soalan saya nombor satu -

*Apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam menyediakan prasarana, teknologi dan program kepada Generasi Z, dalam menghadapi situasi perubahan teknologi dan era kerjaya baru yang tidak dijangka?*

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):  
Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-Ahli Yang Berhormat seterusnya para Pemerhati. Soalan yang dikemukakan oleh wakil Kota Putera ialah: Apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam menyediakan prasarana teknologi dan program kepada Generasi Z dalam menghadapi situasi perubahan teknologi dan era kerjaya baru yang tidak dijangka?

Sebelum saya memberi penerangan lanjut, saya ingat saya kita kena bagi definisi sikitlah tentang Generasi Z mungkin ada yang tidak tahu. Generasi Z ni kalau kita melihat dari segi umur, anak-anak kita ataupun generasi yang ada sekarang

ini yang berumur antara 7 hingga 19 tahun pada tahun 2017 yang ni kita kategorikan sebagai Generasi Z, 7 sehingga 19 tahun. Dan mereka akan berusia antara 15 hingga 27 tahun pada tahun 2025. Jika kita berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2017 sehingga tahun 2025 sebab itu pelan pendidikan kita mengambil kira tentang Generasi Z ini kerana pelan pendidikan kita sampai 2025.

Pertama, kita tengok Generasi Z ni mereka ni adalah pengguna internet sejak kecil lagi. Kita boleh tengok anak-anak kita ini yang dah boleh main gajet yang dah boleh main lebih dari kita kadang-kadang, main *game*. Ini yang harus kita faham. Kemudian, Generasi Z ni mereka amat selesa dengan teknologi dan gajet. Budak 3 tahun dan budak pra sekolah pun dah pandai main. Kalau telefon kita kalau tertinggal atas meja memang dia guna. Ketika ini mereka gemar berkomunikasi menggunakan media sosial. Itu yang saya beri gambaran secara umum tentang Generasi Z ini dan sebab itu dalam penyediaan e-Kerajaan Negeri Terengganu untuk menyediakan Generasi Z ini akan hidup di alaf baru ni sesuai juga dengan kita kata TN50 sekarang ni.

Maka, Kerajaan nak tak nak Kerajaan kita ni mesti sediakan mereka ini, kita bagi ilmu pada dia, bagi pendidikan pada mereka yang sesuai zaman dia. Kalau kita dulu belajar sesuai dengan zaman kita ketika itu dan hari ini kitalah. Hari ini agak payah sesetengah daripada kita ni untuk menyesuaikan diri dengan zaman sekarang ni sebab tu kadang-kadang kita ni bercelaru dengan perubahan teknologi dan sebagainya dan kadang-kadang kita buta teknologi sekarang ni. Berbanding dengan generasi lain ataupun bangsa lain sesetengah negara maju ni dia orang dah ke hadapan. Jadi, nak tak nak untuk jangka masa yang panjang Kerajaan melalui pendidikan kita kena dedahkan seberapa awal yang boleh melalui pendidikan di sekolah-sekolah. Contohnya, kita perkenalkan pembelajaran teknologi maklumat, kita perkasakan Pendidikan STEM (Sains dan Teknologi, *Engineering* dan Matematik). Dari segi penguasaan bahasa dan sebagainya. Ini kita bagi penekanan kepada Generasi Z ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Pengkalan Berangan menjawab mewakili Kerajaan. Soalan tambahan pertama. Sila Kota Putera.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Untuk makluman Kerajaan, untuk kita menghadapi situasi Generasi Z untuk masa akan datang, kita perlu ingat bahawa pekerjaan yang konvensional akan tidak lagi diguna pakai untuk dalam jangka masa yang panjang. Dan sepertimana yang kita tahu hari ini bahawa anak-anak kita kalau nak beli dia minta duit dengan kita dia bukan lagi dia pergi ke *shopping complex*, dia akan pergi ke bank untuk buat bayaran belian *online*.



Maka, apakah dasar Kerajaan dan juga apakah langkah-langkah Kerajaan untuk menyediakan infra ataupun ilmu yang begitu dinamik kepada generasi akan datang supaya kita perlu ingat bahawa Generasi Z hari ini adalah merupakan generasi ibarat kain putih maka kita perlu beri ilmu supaya mereka tidak terpesong dengan gejala-gejala sosial dan sebagainya. Apakah perancangan Kerajaan untuk mengawal Generasi-generasi Z untuk masa akan datang. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):  
Terima kasih Kota Putera. Sebab itu saya katakan tadi untuk menyediakan Generasi Z yang dinamik yang mampu bersaing dengan perubahan zaman ini maka kita kena bagi pendedahan lebih awal. Nak tak nak kita mesti melalui pendidikan. Sama ada pendidikan, kita tengok dari segi kemasukan pendidikan agama pun. Sebab itu penekanan kita di bawah Pendidikan Terengganu sendiri, kita bukan sahaja melihat dari segi pencapaian akademik tapi kita nak juga pelajar-pelajar kita dari segi pencapaian dalam bidang agama biar seimbang, itu kita dah buat penyediaan lebih awal. Di samping itu juga, kita menyediakan pelajar-pelajar Terengganu kita ini yang kita kategorikan sebagai pelajar Ulul Albab, pelajar Islam, yang mahir dalam bidang agama tapi dia juga menjadi Saintis. Kita nak lahirkan Doktor Islam yang boleh hafal Al-Quran, yang boleh jadi Imam dan sebagainya. Ini kita dah praktis dan kita dah ada pun melalui Sekolah Menengah IMTIAZ dan sebagainya.

Ini di antara yang telah kita buat langkah yang lebih awal tapi di Terengganu dah lebih awal. Yang penting di sini kita kena faham. Saya tengok untuk Kota Putera, saya nak bagi pendedahan sikitlah. Pasal untuk kita menghadapi alaf baru ni kita kena beri pendedahan juga bukan setakat kita bagi ilmu tapi kita kadang-kadang generasi kita sekarang dia kaku. Dia ada ilmu tapi dia tak boleh nak *survive* dengan izin, dan dia tak boleh nak hidup dalam zaman dia. Ini penting, jadi kita kena bagi pendedahan awal kepada mereka dalam bentuk motivasi, bentuk percambahan minda dan sebagai contoh TN50 sungguh cantik kita tengok.

TN50 yang kita buat sekarang ini adalah itu di antara pendedahan kepada Generasi Z yang akan hidup di alaf baru nanti. Kita kena beritahu ya, contoh pada tahun 2000 saya nak bagi sedikit kronologi, pada tahun 2000, 22 telefon bimbit untuk 100 orang. Penduduk pada ketika itu 23 juta. 62 peratus kadar urbanisasi, tahun 2000. Kita jangka tahun 2020, 158 telefon bimbit untuk 100 orang maknanya sorang pakai 2. Macam Kota Putera dia pakai dua-tiga nampak telefon. Dan dijangka pada tahun 2020 penduduk kita dijangka 32 juta dan 78 peratus kadar urbanisasi dia orang nak duduk bandar.

Ini benda-benda yang kita kena faham 2050, dijangka 40 juta penduduk kita dan 99 peratus kadar urbanisasi. Ini benda yang harus kita fikir dan di sini kita

memerlukan dan beri pendedahan kepada Generasi Z ini di mana Terengganu sudah bersedia nak tak nak melalui proses pendidikan dan kalau kita nak anak-anak kita bukan setakat belajar di peringkat menengah tapi di peringkat universiti dan bukan setakat di peringkat universiti tapi kita nak anak-anak pelajar kita ini menuntut ilmu sehingga ke luar negara dalam pelbagai bidang disiplin ilmu. Sehingga hari ini Terengganu di bawah Yang Amat Berhormat Dato' Seri dia suruh hantar anak kita melalui pelajar IMTIAZ kita Aerospace, Aeroangkasa. Belajar sampai tahap tu dah sekarang ni Kota Putera. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Saya benarkan Bandarliah. Silakan Bandar, soalan tambahan yang kedua.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Soalan tambahan yang berkenaan dengan soalan asal yang dijawab tadi. Mengikut laporan SKMM ataupun MCMC untuk Negeri Terengganu sahaja kita ada lebih kurang 630 ribu akaun media sosial yang menggunakan aplikasi telefon pintar. Maknanya di Negeri Terengganu ramai orang atau penduduk di Negeri Terengganu yang ada lebih daripada satu telefon pintar. Melalui laman-laman sosial di Terengganu macam-macam aktiviti yang boleh dibuat tapi setakat ini, boleh betulkan kalau saya silap.

Setakat ingatan saya sepanjang lima tahun belum ada satu dasar atau polisi negeri yang berdasarkan negeri untuk membangunkan dasar ataupun undang-undang atau peraturan untuk menggalakkan penggunaan aplikasi di laman sosial di dalam telefon ini untuk rakyat Terengganu menceburi atau mendalami dalam bidang perniagaan. Kita banyak produk Negeri Terengganu yang orang kata terkenal di Negeri Terengganu, tetapi laman sosial, aplikasi kita tidak dirangka dengan menjurus kepada itu. Saya nak tanya boleh ke tidak kalau dalam masa setahun dua ni orang kata sebelum aplikasi ini jadi *obsolete*, Kerajaan Terengganu rangka satu polisi di peringkat negeri untuk menggalakkan pemunya laman sosial di Negeri Terengganu ini untuk guna aplikasi ini untuk tujuan menambah pendapatan itu terutamanya bukan sahaja Generasi Z, suri rumah yang duduk di rumah yang banyak masa daripada dia menggunakan aplikasi *whatsapp* dengan *facebook* untuk tujuan *entertainment*, hiburan lebih baik kita galakkan dia untuk guna aplikasi ini untuk menambah pendapatan keluarga. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Bandar. Sila.

YANG BERTHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Terima kasih Bandar. Bandar ni macam dia cerita hak kita buat dah sebenarnya. Terengganu dah buat pun dan itulah pendedahan kita kepada masyarakat. Dan masyarakat kita hari ini dalam penggunaan media teknologi ini nampaknya kita

juga dah mendahului aplikasi teknologi IT ini dan sebab itu Kerajaan Negeri Terengganu kita nak beritahu yang kita nak buat di Paya Keladi iaitu Digital Hub dan yang ini dalam proses.

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Ladang Tok Pelam yang sebenarnya. Betul sikit deh.

YANG BERTHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Hor, Ladang Tok Pelam. Alur Limbat dia suka bangun, terima kasih neh kerana perbetulkan. Ini benda-benda baru di Negeri Terengganulah termasuk yang dalam pendidikan Virtual Class yang kita buat ni, I-Class. Yang ni kita nak supaya pembudayaan kepada Generasi Z ini, generasi baru kita ni. Yang seterusnya yang pentinglah saya nampak, di samping yang dicadangkan oleh Bandar tadi tu, saya ucap terima kasihlah. Itu sebenarnya kita dah buat, kita beransur maju dan .....

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Berkenaan polisi di Negeri Terengganu, kita ada polisi khas dok?

YANG BERTHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Ya, polisi khas memang ada melalui proses pendidikan. Jadi, kita nak pastikan nak wajibkan tu tak bolehlah. Tapi kita buat pendedahan melalui perniagaan *online*, kita buat melalui kursus-kursus seminar, kita buat semua dah. Jadi, ansur maju tu dah ada. Yang penting dalam menghadapi Generasi Z, saya nak ambil peluang sikit Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Pengkalan Berangan.

YANG BERTHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Ini yang penting Generasi Z ni kena faham tentang dunia hari ini, tentang perkembangan. Contoh tadi saya cakap pasal masyarakat dari segi pertumbuhan penduduk suatu ketika, suatu hari nanti.

Kepadatan penduduk, contoh di dalam masyarakat/sosial. Kepadatan penduduk menyebabkan cabaran dalam aspek perumahan, lalu lintas dan pengurusan sisa buangan. Hak ni Generasi Z kena faham. Di samping itu beralih kepada arah unit keluarga yang lebih kecil kerana penurunan kadar kesuburan jangka hayat yang makin panjang. Ini kita kena tahu. Alam sekitar pula, kemajuan dalam bidang bioteknologi dan teknik pertanian yang ketara. Kebanyakan penjana kuasa menggunakan sumber yang boleh diperbaharui seperti solar dan angin. Yang ini pendedahan kepada Generasi Z, amalan bangunan yang mesra alam, mapan dan menjadi norma baharu dalam organisasi.

Dan ekonomi pula, industri dan organisasi beralih kepada robotik. Kecerdasan buatan dan juga kecerdasan fizikal kita diambil alih oleh robotik. Ini kita kena beritahu kepada generasi kita. Kemudian seiring dengan ekonomi dengan izin, menjadi kelaziman menyebabkan lebih banyak gangguan di setiap industri, penakrifan semula, peraturan perniagaan dan sebagainya.

Teknologi Alam Maya, Gerbang Maya yang semakin digunakan dalam interaksi sesama insan termasuk yang Bandar beritahu tadi. Semua bangunan, kenderaan dan kemudahan bandar adalah bersifat pintar dan saling berhubung melalui Smart Grid. Nak beritahu kepada Generasi Z ini jangan bergantung sangat kepada kerja Kerajaan ni, kerja di ofis. Lenyapnya Pejabat, orang ramai tidak lagi berulang-alik ke tempat kerja sebaliknya lebih banyak melakukan kerja melalui teknologi di rumah. Ini telah dipraktiskan di negara maju seperti Korea, Jepun dan sebagainya. Kemudian urus tadbir, perkhidmatan tradisional Kerajaan kebanyakannya diswastakan. Ini alaf baru kita nak beritahu kepada Generasi Z ni. Cikgu-cikgu dah kena beritahu, sekolah-sekolah dah kena dedahkan perkhidmatan tradisional Kerajaan kebanyakannya akan diswastakan dan kita dah praktis dah pun sekarang. Dan ada di antara kita yang telah biasa dengan kaedah ini.

Kerajaan memberi tumpuan kepada fungsi-fungsi merentas sempadan seperti keselamatan siber dan sebagainya. Contoh yang paling bagus, Cina dan India menjadi kuasa global yang utama. Ini benda-benda yang harus kita faham. Dalam pembangunan bila bercakap pasal Generasi Z, kita harus menyediakan hala tuju masa depan dia dengan penyediaan dari segi mental, emosi dan juga dari segi ilmu dan juga pembelajaran dan kita seimbangkan dengan ilmu ukhrawi. Pembekalan dia untuk hari akhirat nanti supaya seimbang. Dan ini kita telah praktiskan di Negeri Terengganu dan juga dalam Malaysia kita. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih, saya rasa cukup dah. Panjang dah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Dato' Yang Dipertua.....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih, panjang dah Kota Putera. Dah panjang dah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Saya nak pencerahan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih banyak Kota Putera, saya nak bagi .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Doklah dia kata Kota Putera pakai dua. Pakai dua apa tu? Mohon pencerahan sikit.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Apa dia?

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Y.B. Exco jawab dah tadi pakai dua telefon.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Tak jelas.....

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Dua telefon tadi kan, biar saya tolong jawab. ....(Dewan gelak) .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Dia Kota Putera dia beza sikit dengan Alur Limbat. Sebab Alur Limbat dia dua *line*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Alur Limbat pun dah bangun dua dah ni. Dua dah, saya catat dua. Terima kasih Kota Putera. Terima kasih Bandar. Terima kasih Pengkalan Berangan, wakil pihak Kerajaan menjawab. Saya mempersilakan seterusnya Batu Burok? Selepas Batu Burok saya mempersilakan seterusnya pada Batu Rakit. Sila.

YANG BERHORMAR HAJI BAZLAN BIN ABD RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum Dato' Yang Dipertua soalan saya soalan nombor satu -

*Sejauhmanakah kesiapsiagaan Kerajaan Negeri dalam menghadapi banjir dan bencana?*

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, Wakil-wakil Jabatan, Wakil Media, para Pemerhati yang saya hormati lagi saya kasihi sekalian.

Soalan saya: Sejauh manakah kesiapsiagaan Kerajaan Negeri dalam menghadapi banjir dan bencana?

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Sekejap, nak tanya soalan saya ke soalan siapa tu?

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Soalan Batu Rakit kepada saya. Sebenarnya Kerajaan Negeri memang telah bersedia

daripada awal setelah kita mengenalpasti beberapa pengalaman kita yang lalu. Jadi kita bermula persediaan kita sejak bulan September lagi tahun ini dengan pelbagai latihan, bengkel, seminar yang berkaitan dengan pengurusan bencana di peringkat negeri. Dan sebenarnya persediaan semua Jawatankuasa Pengurusan Bencana Peringkat Negeri dan Daerah telah dan bersedia untuk menghadapi kemungkinan banjir bagi Negeri Terengganu kita ini. Terima kasih.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Terima kasih Bukit Besi mewakili pihak Kerajaan. Sila Batu Rakit untuk soalan tambahan yang pertama.

**YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit):** Soalan tambahan saya, selain daripada bencana-bencana lain, maksud saya selain daripada banjir yang juga dibayar, maksud saya yang diberi bantuan macam banjir diberi bantuan. Adakah bencana-bencana selain daripada banjir ni diberi bantuan juga.

**YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi):** Boleh jawab ni Dato' Yang Dipertua?

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Boleh, insyaAllah. Ini berkaitan dengan soalan asal.

**YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi):** Okey, terima kasih. Sebenarnya memang Kerajaan Negerilah, setakat ini dari segi bantuan kepada rakyat negeri kita dalam menghadapi apa juga bencana memang Kerajaan Negeri mengambil satu pelan yang amat seriuslah untuk membantu rakyat di negeri kita. Selain daripada banjir memang kalau kata musibah dari segi terkena ribut, kebakaran dan lain-lainlah yang kita fikir perlu dibantu. Dalam hal musibah bencana ini memang Kerajaan Negeri senantiasa Kerajaan Negeri memberi perhatian yang bersungguh-sungguh bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh rakyat. Okey.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Terima kasih, soalan tambahan kedua sekiranya ada.

**YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit):** Soalan tambahan kedua, saya bagi kepada sahabat saya, Jabi.

**YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi):** Bagusnya, terima kasih banyak.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Sila Jabi. Mintak maaf Wakaf Mempelam, saya tengok ke Jabi tadi. Sila.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, tambahan yang kedua. Berkait dengan musibah bencana banjir terutamanya selain daripada bantuan yang diperolehi oleh mangsa banjir ataupun mangsa musibah bencana yang dikatakan tadi, banjir yang terkini ini dia banyak juga memusnahkan tanaman. Sebagai contoh di tempat saya petani padi mengalami kerugian kerana padi tenggelam dan memang tak boleh ambil langsung dan perkara ini dia berlaku setiap tahun. Begitu juga dengan ternakan. Banyak juga yang mengalami kerugian kerana ternakan mereka meninggal, mati kerana kesejukan.

Jadi, nak tahu adakah kita ada satu dasar yang khusus yang Kerajaan wujudkan bagi membantu kejadian-kejadian seperti ini kerana saya baru-baru ini dikunjungi oleh beberapa petani untuk minta saya mengesahkan kerosakan tanaman mereka melalui satu borang yang saya pun tidak pasti daripada agensi mana sebenarnya. Tapi sebagai Wakil Rakyat yang bertanggungjawab kita *sign*, dok tengok borang mana-mana pun dan dok tanya dia hijau ke biru ke. *Takdok* tanya-tanya pakai *sign*. Mudah-mudahan dapat membantu. Tapi nak tahu adakah kita mempunyai satu urusan yang sistematik dalam kita menangani masalah ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Okey, terima kasih Jabi. Soalan tambahan yang kedua. Sebenarnya memanglah Kerajaan hari ini dalam menangani masalah rakyat ni memang kita tak pernah kenal pasti *colour* dia tu. Biru, hijau, oren ke apa, memang kita tidak pernah menilai dari sudut warna. Tetapi persoalan daripada Jabi tadi iaitu adakah .....

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Saya dok faham main hijau-biru, hijau- biru ni benda apa?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jangan marah Batu Rakit, sabar.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Besi): Tak apalah, mana yang faham tu fahamlah.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Marah sokmo Batu Rakit. Tapi sepertimana yang saya sebutkan tadilah. Sebenarnya kita ada agensi-agensi di bawah bencana ni maksudnya kalau kata di bawah tanaman ni, kita ada Jabatan Pertanian kita. Kalau kata dari segi ternakan tu kita ada Veterinar. Dan saya dalam mesyuarat kita pun memang kita senantiasanya membincangkan tentang apa juga bencana yang dihadapi oleh rakyat ini kita akan cubalah cari pendekatan untuk menyelesaikan. Sebab banyak juga aduan-aduan yang saya terima sebenarnya di peringkat saya memang ada aduan-aduan seumpama ini dan kita cubalah. Cuba ambil perhatian dan tindakan sebab kadang-kadang syarat-syarat yang ditetapkan kita ni, di peringkat jabatan-

jabatan pun perlu kita memenuhi syarat-syarat yang ada sebenarnya. Jadi, inilah merupakan sedikit sebanyak yang menjadi kesukaran kepada rakyat kita yang menerima musibah kerana di jabatan ni dia ada syarat-syarat yang membolehkan kita membantu dalam menyelesaikan masalah rakyat sebagaimana yang ditimbulkan oleh Wakil Jabi tadi. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Boleh satu lagi dok hal-hal banjir?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, boleh saya bagilah. Saya bagi pendek sahaja.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Okey, terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Saya ucap terima kasihlah di atas persediaan pihak Kerajaan dalam menangani kemungkinan berlaku banjir dan juga musibah-musibah lain. Saya sekadar nak tanya ringkas jer. Baru-baru di Negeri Pulau Pinang teruk berlaku banjir dan juga tanah runtuh. Jadi, yalah walaupun tak berlaku di negeri kita, ada tak Kerajaan Negeri Terengganu pasal ada di negeri-negeri lain menyalurkan bantuan. Dan kalau ada dari Negeri Terengganu bentuk bantuan yang disalurkan kepada Negeri Pulau Pinang baru-baru ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Terima kasih Wakil Wakaf Mempelam yang mengajukan soalan mengenai banjir di Pulau Pinang. Sebenarnya di peringkat kita ni sebenarnya Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri yang pergi.....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Sebelum tu saya nak mencelah sebab ada soalan daripada Wakaf Mempelam ditujukan kepada saya tentang ada atau tidak jumlah bantuan atau sumbangan daripada Kerajaan Negeri yang diberikan kepada Kerajaan Pulau Pinang. Jadi, saya nak tanya sama ada nak dijawab masa ini atau selepas daripada ini. Sebab selepas soalan ini saya yang akan jawab soalan ini.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya tak tahu, sebab saya tengok jam tu lebih daripada tempoh waktu. Tu yang saya celah selalu tu tapi kalau .....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: ...(Sambil gelak) .... Kalau saya nak bagi Wakil Bukit Besi untuk jawab pun *takdok* masalah.



YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): .... diberi peluang, saya nak tanya Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Kalau bagi Wakil Bukit Besi untuk jawab pun *takdok* masalah. Okey, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Teruskanlah. Kalau nak minta Yang Amat Berhormat jawab pun saya tak ada masalah sebab yang penting kita kena ada *good faith*.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Saya ingat biar saya jawablah Y.B. Bukit Besi. Jawapannya tidak ada. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih banyak. Cukup dah, cukup dah, panjang dah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tidak ada bantuan sebab tu tak ada soalan tambahan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tidak ada.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Maksudnya tak ada soalan tambahan dah lah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak adalah tu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Mentang-mentang tak ada bantuan, tak ada soalan tambahan. ...(Dewan gelak) ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih banyak Wakaf Mempelam. Terima kasih banyak. Itulah terima kasih banyak, alhamdulillah, Sesi Soalan Lisan telah tamat. Terima kasih banyak kerana pagi ini nampak aman tenteram, rahmat Allah, insyaAllah melimpah ruah. Saya nampak apa yang kelakuan, gelagat Yang Berhormat yang ada dalam Dewan ni cukup baik, *the behaviour speak for himself*. Kalau dalam ayat Latin, ayat undang-undang disebut *swi generis*, bagus. Kita tahu yang ni nak tanya macam ni, yang ni nak tahu macam ni tapi yang penting perlu ada *bona fide*, perlu ada *good faith*, dan perlu ada *stare decisis* dalam kita bertanya. Terima kasih banyak. Saya nak sebut perkataan undang-undang kenapa, kerana ada kena mengena dengan kita semua. Kita yang menggubal undang-undang. So, kita kekalkan bagaimana kita anggap undang-undang yang telah kita gubal bersama.

Terima kasih banyak kepada semua yang bertanya, yang terlibat dalam soalan dan sebagainya. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian maka saya tangguhkan sementara Dewan ini dan marilah kita sambung semula Dewan yang mulia ini pada pukul 11.00 pagi. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.45 PAGI.

#### PUKUL 11.15 PAGI

YANG BERTITAHU DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para Pemerhati tuan-tuan dan puan-puan yang dimuliakan Allah Subhanahu Wata'ala Hari ini mesyuarat disambung semula. Untuk makluman Dewan masih lagi dalam sesi perbahasan ke atas Enakmen Perbekalan 2018. Saya menjemput Yang Berhormat Rantau Abang untuk menyambung perbahasan yang tidak habis semalam. Patuh masa saya nak ingatkan, 5 minit sahaja. Saya akan berhentikan 5 minit. Terima kasih.

YANG BERTITAHU HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-Ahli Mesyuarat Kerajaan, Pegawai-pegawai Kerajaan, Pemerhati-pemerhati yang dirahmati Allah sekalian.

Saya akan menyambung apa yang telah saya bentangkan semalam. Perkara seterusnya ialah berkaitan dengan banjir. Yang mana dalam Bajet yang lepas telah dibentangkan yang berkaitan dengan satu saluran di Gong Pasir, Dungun dan dalam perjanjian tersebut tarikh mulanya ialah pada 14.4.2016 dijangka siap 12.10.2017 dan saya memerhatikan projek tersebut tidak siap dengan jangka yang telah ditetapkan pada 12.10.2017 dan sekarang sudah Disember. Sudah berlalu dua bulan. Jadi, saya ingin tahulah apakah tindakan Kerajaan kepada kontraktor Permis Construction Sdn. Bhd. yang gagal menyiapkan dalam tempoh yang telah ditetapkan dan apakah kos yang sepatutnya dicajkan kepada pihak kontraktor tersebut.

Perkara yang seterusnya berkaitan dengan banjir. Bertahun-tahun perkara ini berulang di jalan simpang masuk ke Tok Kah iaitu Kampung Alur Rekam di mana kalau hujan 2 jam sahaja akan menyebabkan beberapa buah rumah di persimpangan Jalan Tok Kah ini akan dinaiki air menyebabkan salah satu

daripada kawasan tersebut iaitu kedai makan mereka akan mengalami beberapa hari kalau hujan selama 2 jam.

Perkara ini telah pun dirujuk kepada yang berkenaan, cuma tindakan belum ada diambil. Saya merayu supaya laluan air yang terlalu kecil untuk air keluar perlulah diperluaskan dan saya kira ianya tidak melibatkan banyak kos cuma tindakan saja yang perlu diambil supaya masyarakat yang senantiasia mengalami masalah banjir ini dapat kita selesaikan.

Perkara yang kedua, Budaya Teknologi Hijau Dan Melestarikan Alam Sekitar telahpun membuat penyelidikan Pembangunan Projek Teknologi Hijau *Waste To Health* dengan izin, antara Kerajaan Negeri dengan Syarikat Mercury Solutions Sdn. Bhd. Saya ingin tahu daripada kajian ini dikatakan ianya *viable*. Cuma saya risau terma-terma yang akan berlaku dalam perjanjian antara Kerajaan Negeri dengan pihak syarikat tersebut gagal dipatuhi. Jadi saya ingin tahu apakah terma-terma yang dipersetujui bersama supaya usahawan dan pekerja-pekerja yang terlibat tidak akan mengalami kerugian apabila projek ini dilaksanakan.

Perkara yang ketiga, saya juga ingin tahu keadaan sebenar Projek Rimbunan Kasih di Rantau Abang setelah Rumah Pertanian ini mengalami kerosakan dan katanya akan dibaiki. Sehingga kini ianya tidak ada apa-apa tanda untuk diperbaiki. Apakah jaminan Kerajaan kepada peserta-peserta Projek Rimbunan Kasih ini. Kita takut apabila projek ini gagal. Apakah persediaan 100 buah rumah dan 100 orang peserta ini akan kita letakkan ke mana? Itu persoalan saya.

Dan akhir sekali, kawasan Pulau Kerengga kerap kali diperkatakan akan dibangunkan. Dalam salah satu perancangan pembangunan Kerajaan Negeri telahpun dibentang dan di sana dalam perancangan tersebut di bawah EPP2 iaitu Pembangunan Hub Industri Marin di Pulau Kerengga. Saya ingin tahu apakah *focus point* Hub Industri Marin diwujudkan di Pulau Kerengga ini dan apakah kajian telah dibuat dan apakah dapatan-dapatan daripada kajian ini sama ada ianya *viable* untuk diteruskan dan apakah industri hiliran yang akan wujud di sana untuk menampung perkembangan Hub Industri Marin ini.

Jadi, sekadar itu daripada saya. Terima kasih. Wallahu'alam.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Terima kasih Rantau Abang. Saya mempersilakan Kota Putera. Selepas ini saya bagi Wakaf Mempelam, petang semalam saya tanya Wakaf Mempelam tak ada. Okey, silakan Kota Putera.

**YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera):** Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah Rabbil 'Alamin. Wabihi nastain. Allahu maha'alna minassyakin. Allahu maha'alna minassobirin. Robbanaf taf bainana wa baina kaumina bil haq.

Wa anta qhairun faatihin. Robbana atina min ladun karahmah. Wa hayi' lana min amrina rosyada.

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, sahabat-sahabat Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan dan para Pemerhati.

Alhamdulillah dan terima kasih kepada Dato' Yang Dipertua kerana memberi ruang untuk saya membahaskan Bajet untuk tahun 2018. Pertamanya, ungkapan pertama yang saya ingin lontarkan iaitu saya ingin katakan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar kerana membentangkan Bajet Cakna Rakyat dan Bajet yang mendengar denyut nadi rakyat iaitu Bajet yang fokus kepada kepentingan rakyat.

Di mana yang kita tahu hari ini rata-rata bercakap tentang bagaimana untuk kita *survive* dengan izin, untuk kita menjalani kehidupan sepertimana yang sebelum-sebelum ini. Apabila hari ini Kerajaan telah membentangkan berbagai-bagai bantuan iaitu cakna kepada rakyat dan saya cukup yakin dan percaya bahawa inilah ibu Bajet yang memberi kepentingan khusus kepada rakyat.

Dato' Yang Dipertua, perkara pertama iaitu petunjang pertama iaitu touchpoint kedua iaitu Program Perkahwinan Perdana TTB di mana peruntukan sebanyak RM3 juta sepertimana yang kita sedia maklum dalam dua tahun kebelakangan ini sebanyak 500 pasangan telah ditaja untuk Perkahwinan Perdana termasuk yang tahun ini ialah 271 perkahwinan. Untuk makluman kita dengar Tajaan Perkahwinan Perdana tidak besar tetapi sebenarnya hakikat apabila saya mengalami, bukan mengalami berkahwin tetapi mengalami bersama dengan mereka. Mereka pasangan-pasangan amat teruja apabila mereka dapat berkahwin, menjawab nikah di atas masjid beramai-ramai walaupun terpaksa seorang-seorang mengikut giliran, upah perkahwinan ditaja oleh YPK. Selain daripada upah perkahwinan malah kenduri juga ditaja oleh YPK. Mereka datang dengan Mas Kahwin sahaja. Untuk makluman kepada Dato' Yang Dipertua bukan hanya setakat itu, malah Kerajaan Negeri di bawah YPK juga menaja *honeymoon* kepada pasangan-pasangan tersebut iaitu 3 hari 2 malam bermalam di hotel 3 bintang.

Saya pernah katakan kepada sahabat-sahabat saya Y.B.-Y.B. dan juga sahabat saya di negeri sebelah iaitu di Negeri Kelantan. Saya beritahu inilah program cakna kepada orang muda yang menaja perkahwinan, mereka kata beruntung jadi orang Terengganu. Saya kata mudah jer, Kelantan pun dapat. Bukan Kelantan tak boleh buat. Tapi cuma se, kena kembalikan Negeri Kelantan ke bawah Kerajaan Barisan Nasional. Dan berkaitan petunjang pertama juga iaitu *touch point* yang ketujuh. RM99 juta yang telah diperuntukkan untuk Dana Aidil

Fitri kepada 240,294 isi rumah dan ini juga merupakan satu *reward* ataupun sumbangan kepada rakyat Negeri Terengganu yang juga tidak ada di negeri-negeri lain.

Dan di samping 240 ribu isi rumah ini, walaupun kita melihat bantuan tersebut 300 atau 400 diberi semasa biasanya bulan puasa. Walaupun 300, 400 ni bukan jumlah yang banyak tetapi mereka mengharapkan apabila menjelang sahaja bulan puasa ataupun Ramadan, mereka ternanti-nanti bilakah sumbangan ataupun bayaran Dana Hari Raya akan diberikan. Ini bermakna rakyat di Negeri Terengganu ambil cakna tentang bantuan yang diberikan oleh Kerajaan kepada mereka. Dan hari ini juga, tahun ini juga Bajet 2018 juga telah dinaikkan syarat kepada RM2,500 kepada RM3,000. Bermakna, akan ada pertambahan daripada penerima-penerima Bantuan Dana Hari Raya.

Dan di samping itu juga, Kerajaan Negeri juga tidak lupa kepada golongan muda yang masih belum berkahwin dengan mengadakan Dana Bakti Remaja yang kita tahu bahawa Dana Bakti Remaja ini telah memperuntukkan sebanyak RM27 juta yang mengambil kira hampir 100 ribu penerima seluruh Negeri Terengganu yang berumur 40 ke bawah dan juga yang masih belum berkahwin dan juga diberi imbuhan ataupun sumbangan dan dikhabarkan Kerajaan Negeri juga akan melunaskan bantuan tersebut bermula akhir Januari tahun depan ataupun awal Februari. Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar.

Di samping itu juga, Kerajaan Negeri juga tidak lupa kepada rakyat Negeri Terengganu yang mengalami nasib yang kurang baik berkaitan dengan sakit. Sebab itulah Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM5 juta dalam Tabung Darul Iman yang kita tahu dalam kawasan saya sendiri rata-rata boleh dikatakan setiap kampung ada dikatakan pesakit-pesakit yang sebelum ini tidak pernah mendapat bantuan. Malah, dengan adanya Bantuan Tabung Darul Iman TTB ini mereka mendapat manfaat walaupun dalam bantuan yang biasanya RM500 hingga RM2,000 dan kepada yang pengidap *hemodialysis* dengan izin, biasanya mereka akan dapat *one off* setahun sekali biasanya saya melihat dalam lebih kurang lingkungan RM1,800 hingga RM2,000 setiap orang. Ini juga meringankan beban walaupun ramai yang mendapat rawatan *hemodialysis* tersebut ditaja atau ditanggung oleh Kerajaan, terima kasih juga kepada Kerajaan namun begitu dengan adanya *one off* ni setahun sekali maka meringankan beban mereka untuk perjalanan ataupun untuk menanggung kos perjalanan mereka. Terima kasih lagi kepada Kerajaan Negeri.

Dan di samping itu juga, saya melihat selain daripada perkara-perkara begini banyak lagi perkara-perkara yang berkaitan dengan kejayaan-kejayaan dalam bidang sukan yang telah kita pelopori daripada Kerajaan. Dan untuk makluman, di sini saya ada fakta yang mengatakan bahawa 77 *success story* yang berkaitan dengan Majlis Sukan Negeri.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, ini orang panggil fakta dan data. Bukan cakap *baham rambang, dok ni. 72 success story* yang telah diutarakan oleh Majlis Sukan Negeri. Saya taknak beritahu 72 sebab kita diperingkat Negeri Terengganu bukan lagi kita nak *nyohor* atau kita nak bangga dengan kita menang di peringkat *nasional*. Peringkat *nasional* juga kita bangga. Tapi hari ini kita nak fokus tentang peringkat *international*, antarabangsa. Dato' Yang Dipertua izinkan saya baca sedikit kejayaan-kejayaan. Pertama, saya tak nak ulas dah tentang Azizul Hasni Awang, Fatehah, itu semua orang tahu. Itu adalah aset dan kebanggaan kita semestinya.

Saya nak beritahu ni selain daripada Azizul dan juga Fatehah. Pertama saya nak beritahu, Syed Akmal Fikri bin Syed Ali iaitu World Cup Petanque Championship di Belgium. Atlet kita juga telah mendapat pingat pertama di kejohanan dunia tersebut. Tahniah kepada adik Syed Akmal. Dan di samping itu juga, adik Ilham bin Wahab menyertai RS One World Championship di Boutique Hoi An Resort Vietnam iaitu berkaitan dengan perahu layar dan juga mendapat tempat kedua di peringkat dunia. Ini nak beritahu bahawa atlet-atlet daripada Negeri Terengganu mewakili negara kita bukan hanya mewakili untuk tercorot di belakang malah *top three*, tiga ke depan.

Dan selain itu untuk makluman Yang Dipertua, walaupun kita tidaklah top sangat berkaitan dengan Sukan Squash tetapi dalam Kejohanan Squash Asian Junior Championship di Aman, Jordan, adik Daniel Nur Hakim Shahrul Izham juga mendapat nombor tiga di peringkat Asian Junior Championship. Ini juga satu kejayaan kepada atlet-atlet Negeri Terengganu yang boleh kita banggakan dan tahniah kepada Y.B. Exco Belia dan Sukan, YB Telemong. Tahniah. Selain itu untuk makluman Dato' Yang Dipertua, saya juga nak tekankan di sini bahawa sebab saya nak beritahu tadi terlupa, kalau dalam bidang sukan Exconya bagus, maknanya selain daripada Exco, Timbalan dia bagus jugaklah Telemong dok? Timbalan Exco pun bagus jugaklah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Siapa tu Timbalan Exco?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Y.B. Kota Putera, siapa dok tahu? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya bagi masa 2 minit lagi.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Okey terima kasih Dato' Yang Dipertua. Saya juga nak tekankan berkaitan dengan Rumah Mampu Milik yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri. Setakat hari ini, sepanjang lima tahun Kerajaan Negeri telah bina 6,683 buah Rumah Mampu Milik yang diberi khusus kepada kepentingan rakyat. Saya nak baca satu per

satu. Di Kuala Terengganu sebanyak 1,753. Di Kemaman sebanyak 1,658. Di Dungun sebanyak 1,133 unit. Di Besut sebanyak 1,115 unit. Di Hulu Terengganu 600. Di Setiu sebanyak 133 dan di Marang 291. Selain dibina oleh Kerajaan Negeri, ada juga yang dibina oleh Kerajaan Pusat berkaitan dengan PPR iaitu sebanyak 1,002 unit.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Satu minit lagi Kota Putera.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Jumlah keseluruhan adalah sebanyak hampir 8,000 dan kita tahu bahawa permohonan setakat ni telah dipohon sebanyak 198,722 permohonan. Maka saya nak cadangkan kepada Kerajaan Negeri kalau boleh tambahkan lagi dan semestinya tambahkan lagi Perumahan Rakyat untuk kepentingan cakna kepada rakyat dan jangan lupa juga kepada DUN Kota Putera. Tengok-tengoklah DUN Kota Putera. Untuk makluman Dato' Yang Dipertua, selain daripada perumahan, sukan kalau saya nak bilang banyak sangat ni. Iaitu berkaitan dengan Bajet ni sebelum pada ni kita *dok* rajin dengar pun kecaknaan kepada orang mandi jenazah. Orang mandi jenazah ni masa mati baru cari. Lepas pada mati kita lupa tetapi di bawah Kerajaan Barisan Nasional juga tidak lupa kepada pemandi-pemandi dan juga pembantu pemandi jenazah. Terima kasih kepada Kerajaan Negeri. Dan bantuan RM5,000 kepada JKKK dan tidak lupa juga RM1 juta lebih diperuntukkan untuk Program Pembelajaran Ilmu Tajwid. Tidak lupa juga kepada Imam-Bilal diberi juga bantuan dan terima kasih lagi kepada Kerajaan kerana telah menetapkan pembinaan jajaran ECRL sebanyak 229 kilometer salah satunya stesen dibina di Kota Putera. Terima kasih kepada Kerajaan. Dan selain daripada tu.....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Y.B. Kota Putera cukup dah. Panjang dah. Habis dah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Dah kalau habis dah kita berhentilah. Cuma, saya nak beritahu gini jerlah, akhir kalam dah. Kalau dah setara ni Kerajaan beri kepada rakyat berbagai-bagai kemudahan berbagai-bagai bantuan takdok sebab dah rakyat di Negeri Terengganu yang berada dalam Dewan ni mahupun yang berada di luar untuk menolak Kerajaan Barisan Nasional dalam PRU ke 14 nanti. Kot mana pun kena sokong BN dah, *Tranung Molek* dah. Dan di samping itu juga, saya nak kejutkan sahabat-sahabat saya di sebelah sana. Bangunlah dan marilah bersama-sama kita Kerajaan untuk kita membantu rakyat dan jangan lagi bermimpi di siang hari. Sepertimana yang dikatakan oleh Aris Ariwatan kata 'Lamunan Terhenti'. Maka berhentilah daripada mengelamun untuk bermimpi di siang hari. Marilah bersama-sama kita untuk kita bantu rakyat memberi kepentingan rakyat dan insyaAllah rakyat akan berterima kasih kepada kita untuk kita menjalankan tugas kita sebagai Yang Berhormat ataupun sebagai wakil kepada rakyat demi kepada

agama, bangsa dan negara. Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Kota Putera mohon menyokong.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kota Putera. Saya bagi laluan kepada Wakaf Mempelam, silakan. Mohon patuh pada masa yang saya telah ditetapkan. Silakan Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, rakan-rakan Ahli-ahli Dewan, Pegawai-pegawai Kerajaan dan para Pemerhati yang saya hormati dan saya kasihi sekalian.

Oleh kerana mungkin Sidang Dewan kali ini adalah Sidang Dewan yang terakhir sebelum pilihan raya yang akan datang. Saya nak ambil kesempatan ini untuk nak bercakap dan antara fakta yang saya nak sebut supaya kita semua dan rakyat Negeri Terengganu khususnya dapat mengingatkan kembali, ingat kembali beberapa fakta yang telah dilakukan oleh pihak Kerajaan khususnya UMNO dan Barisan Nasional yang merupakan pengkhianatan kepada rakyat negeri ini.

Saya minta maaflah tetapi ini fakta. Yang pertama sekali, Kerajaan Negeri Terengganu telah menarik balik saman royalti petroleum. Dia tarik balik dan akibat daripada penarikan balik saman royalti petroleum terhadap Petronas, pihak Kerajaan Pusat melalui Kementerian Kewangan telah menerima RM15.847 bilion daripada Petronas. RM15.847 bilion daripada Petronas daripada tahun 2000 hingga tahun 2009 untuk biayai projek-projek dalam program-program pelbagai kementerian di Terengganu. Pusat menggunakan duit negeri untuk buat projek di Negeri Terengganu bukan duit Pusat.

Saya nak bagi contoh, sebagai contoh Syarikat Perumahan Nasional Berhad (SPNB) bina rumah termasuk Negeri Terengganu tapi dia bukan sahaja di Negeri Terengganu tetapi bina rumah di seluruh negara jumlahnya RM914,910,000. Daripada RM914 juta lebih ini, RM873 juta adalah wang royalti hak milik Negeri Terengganu. Dia buat rumah Perumahan Rakyat di Negeri Terengganu hanyalah RM102,056 sahaja. Laporan Audit Negara juga, saya *check* balik tahun 2006, Wang Royalti Petroleum Terengganu digunakan di Negeri Kedah RM40 juta. Kedah pun boleh manfaat daripada royalti Terengganu akibat pengkhianatan Kerajaan UMNO, Barisan Nasional. Pahang dapat RM34 juta. Ini disebut dalam Laporan Ketua Audit Negara. Negeri Sembilan RM41 juta. Kelantan boleh juga RM53 juta. Dan pada Persidangan DUN 15 Disember 2008 Wang Royalti Petroleum digunakan untuk membiayai projek-projek Dana Khas. Di mana Kompleks Sukan kosnya RM544 juta. LPT2, RM1.8 bilion.



YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Dato' Yang Dipertua mohon penjelasan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya ada masa sikit jer nak jawab lepas ni. Beri peluang kepada saya dulu.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Sebab kata pengkhianatan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Pembinaan Lapangan Terbang Sultan Mahmud di bawah Kementerian Pengangkutan RM130 juta. Naik taraf landasan kapal terbang tadi nak taraf terminal.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Banyak benda yang nak kena dijelaskan di Dewan ini.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Landasan kapal terbang RM530 juta.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wakaf Mempelam, sekejap yer. Duduk sekejap. Wakaf Mempelam duduk. Mana-mana adab peraturan berbahas Bajet ini kita kena rujuk pada Bajet Bersih. Jadi, saya mohon kalau nak pergi jauh pusing tu fokus pada Bajet 2018. Saya tahu ada kena mengena tapi fokus pada Bajet 2018. Sila Wakaf Mempelam, teruskan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Saya bercakap ni soal Bajet ni. Pengalaman kita, soal kewangan yang melibatkan duit negeri. Ini dibelanjakan oleh Kementerian Kewangan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Minta laluan sekali Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Banyak gangguan sungguh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya tambah masa, tak apa.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak boleh dah, Dato' Speaker tak bagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bolehlah, saya tambah masa, boleh yer?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Oh, tambah masa? Okey.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Saya tak faham Yang Berhormat Wakaf Mempelam yang mengatakan bahawa Kerajaan Pusat menggunakan duit Kerajaan Negeri Terengganu yang diperuntukkan kepada Kerajaan Negeri Terengganu untuk membina berbilion-bilion untuk negeri lain. Setiap tahun saya rasa kita bentang *sokmo* dalam Dewan ni. Hasil Bukan Cukai yang dapat di Negeri Terengganu tidak *luok sesen* pun. Apa masalah Yang Berhormat nak pusing-pusing putar belit ni?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya sebut ni berlaku pada tahun sebelum daripada tahun 2008. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua saya nak terus sambung.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Wakaf Mempelam, saya rasa Yang Berhormat Wakaf Mempelam tidak payah lagi sentuh sebab saya sudah beberapa kali menjawab soalan kerana saya sebelum ini dalam Sidang Dewan yang lalu saya sudah nyatakan dengan jelas berkait dengan perkara ini. Bayaran balik RM210 juta kita terima sehingga tahun 2020. Jadi tidak timbul lagi soal bahawa Kerajaan Pusat atau negeri lain menggunakan duit kita kerana pembayaran semula sudah dibuat dan akan berakhir pada tahun 2020 dengan nilai RM220 juta yang telah kita terima sebelum ini dan kita akan terima sampai tahun 2020. Jadi, tidak timbul lagi soal yang disebut oleh Yang Berhormat Wakaf Mempelam. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya rasa Dato' Yang Dipertua, duit kita makin menguncup, nilainya sekarang .....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Soalnya sekarang duit tu dah dibayar balik. Itu biasalah kaedahnya. Kalau katakan macam kita sendiri pun, kita pun selalu juga pinjam duit Federal dan bila sampai masa kita kena bayar dan begitu juga dari segi Federal sekarang. Alhamdulillahlah, maknanya duit tu sekarang kita sedang terima dan dia tolong simpan duit kita. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tolong simpan tak sama dengan bayar balik. Bayar balik ni macam kita buat pinjaman. Kita bayar balik, ni tolong simpan? Masalah sekarang ni pasal apa yang kita ni cerdik sangat beri duit kita ke orang suruh simpan tu.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Ini bukan soal bayar balik Yang Berhormat Wakaf Mempelam. Soalnya hari ini ialah kerana isunya hari ini nanti saya akan jelaskan, nanti isu saman PAS pada masa dulu soalnya hari ini kita akan jelaskan apa bentuk saman yang sebenarnya yang telah dibuat oleh zaman PAS yang lalu. Jadi satu lagi saya mohonlah supaya Wakil Wakaf Mempelam tarik baliklah tentang istilah pengkhianatan kerana saya rasa satu perkara yang tak betul dan kena jelaskan dengan betul soal pengkhianatan. Jadi dalam soal pengkhianatan kalau kita tengok hari ini Kelantan pun Kerajaan Pusat terus membantu dan tidak timbul soal pengkhianatan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya Wakaf Mempelam, saya rasa elok tarik baliklah 'pengkhianatan' itu. Jadi, saya rasa tariklah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya tak nak tarik balik.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Betul ni tak nak tarik balik?  
YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Bagi saya .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dato' Yang Dipertua, Wakaf Mempelam, saya mintak mencelah sikit.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Hor, bangun belaka Exco.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Peraturan Mesyuarat, Peraturan Mesyuarat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Wakaf Mempelam bagi ke saya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekejap Bandar. Duduk Bandar, saya nak dengar ..... Saya nak semua Yang Berhormat duduk sekejap.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Wakaf Mempelam baham dalam ceramah dia lah ning. Dok habis-habis.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sabar Pengkalan Berangan. Kuala Berang duduk, Bandar duduk.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Dato' Yang Dipertua, apabila Standing Order .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sabar, saya kata duduk. Peraturan 47 jelas apabila Speaker bercakap semua Yang Berhormat kena berhenti bercakap dan duduk. Itu ruling. Perkara 47 tu saya suruh duduk dulu. Bandar, saya faham. Apabila Speaker bercakap rujuk 47, sama ada Speaker kena duduk atau Bandar kena duduk. Sila duduk. Saya nak gunapakai 125 jelas. Tak, bawalah ke mana-mana pun, 125 jelas. Tafsiran saya lebih jelas. Apabila Speaker bercakap saya nak minta semua duduk. Saya pun baca Standing Order yang sama. Saya ada dua buku merah. Saya ada Buku Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Malaysia, saya ada Peraturan Parlimen. Saya nak mintak duduk dulu, saya nak minta duduk dulu. Mudahkan. Wakaf Mempelam duduk dulu. Bertenang sekejap. Sebab itu saya kata apa saja yang kita keluarkan kenyataan kalam kita tu. Kita kena ada justifikasi biar jelas. Ini bukan Dewan yang luas, ini Dewan yang mulia. Kalau kita baca dalam Buku Peraturan tu apa maksud dia Dewan yang mulia ini. Sebab itu saya minta peraturan..... Saya tak habis bercakap lagi. Tolong duduk Bandar. Apabila saya bercakap kena duduk. Apabila kawan kita bercakap, nak bangun nak bercakap kena minta kebenaran.

Saya tak kira mana-mana pihak pun. Dan apabila dibenarkan oleh orang yang bercakap tu dan saya kalau dibenarkan oleh orang yang bercakap tu kalau saya tak panggil nama tak boleh sebenarnya walaupun dibenarkan orang yang bercakap. Kalau saya tak panggil nama orang yang dibenarkan bercakap tu tak boleh bercakap. Mudah jer peraturan dia. Baru kita tak berkecamuk. Apabila kita ada peraturan dan saya banyak menggunakan budi bicara tu mudah. Jadi, saya tak nak dengar apa-apa. Saya nak dengar Wakaf Mempelam terus kepada .....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Standing Order dulu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya nak dengar Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Standing Order kena dengar Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya nak dengar Wakaf Mempelam sahaja.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya kata saya nak baca Standing Order.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekejap Bandar, sila duduk Bandar. Saya nak cakap pasal Bandar ni sama ada *bona fide* dia, sama ada apa yang dia sebut, duduk dulu Bandar. Pada 11hb benda yang sama ditimbulkan. Bila saya suruh baca dia kata saya .....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya akan baca.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekejap. Saya kata, sebut. Saya suruh baca. Dia kata Speaker jangan buli dia. Saya nak tanya, siapa buli siapa, setiap hari ditanya?

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Sekarang .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Nanti kejap, saya tak habis lagi bercakap. Tolong duduk.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): *I'm holding a Standing Order.*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya, saya tahu, saya nak terangkan. Duduk sekejap, saya tengah bercakap. Cuba baca 125.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya nak baca Standing Order .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Arahan Speaker kena ikut, mudah aje.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Ini dikira khianat kepada Speaker Dewan Undangan Negeri Terengganu ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Telemong, Telemong.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Bukan Telemong Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sorry, minta maaf sebab saya suka Telemong hari ini, banyak kali bangun. Terima kasih Telemong. Bandar tolong duduk.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya kata saya tetap nak baca Standing Order yang saya nak bawa kerana ini adalah .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar, cuba baca 125, saya nak dengar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Boleh baca.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduk dulu.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tapi saya .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduk dulu saya kata. Saya kata duduk dahulu.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tuan Yang Dipertua.....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Minta maaf Bandar, saya nak minta duduk dulu.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ruling saya mudah, saya minta duduk dulu.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya katakan ini adalah undang-undang yang diperuntukkan kepada Dewan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya tahu tetapi undang-undang itu memberi kuasa, 125 tafsiran minta duduk.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Setiap ahli yang mengangkat buku ini mesti .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Baca peraturan mana, point of order mana apabila Ahli Dewan mengangkat Buku Merah, Speaker kena diam.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Baca, saya minta tolong baca. Tolong jangan buli saya. Baca you kata tadi, Bandar kata tadi apabila Yang Berhormat angkat buku, Speaker kena diam. Baca *point of order* mana?

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya tak pernah kata suruh diam.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Baru sekejap you cakap. You cakap apa tadi? Bandar kata tadi apabila Ahli Dewan mengangkat Buku Merah maka Speaker .....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya kata .....

YANG BERHORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Ramai lagi ni nak berbahas ni.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): ..... apabila seseorang Ahli Dewan mengangkat Buku Merah, Standing Order dia diberi peluang untuk membangkitkan Peraturan Mesyuarat tersebut.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya tak nak Dewan ini jadi seperti Kelantan apa semua, saya tak nak.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Yang Dipertua kenapa .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya minta duduk dulu.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Kenapa susah sangat Dato' Yang Dipertua hendak membenarkan Ahli Dewan untuk membentangkan Peraturan Mesyuarat, kenapa?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dah kenapa susah sangat Bandar nak duduk bagi Speaker terangkan dulu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar, Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Soal berkenaan dengan kata buli, tak buli itu rujuk hansard. Hari ini tidak ada perdebatan berkenaan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar kejam. Kalau Bandar merujuk kepada Peraturan Mesyuarat, saya juga merujuk kepada Peraturan Mesyuarat, sama saja.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Masa ni masa bahas Dato' Speaker.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wakil Wakaf Mempelam sila teruskan.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): .... Peraturan Mesyuarat tetap terpakai.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar, saya dah buat ruling, 125 jelas. Saya tak benarkan bercakap, sudah, cukup.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya belum lagi mengemukakan apa Peraturan Mesyuarat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya tak benar dah. Saya tak benar dah, panjang dah. Saya minta beri masa ke Wakaf Mempelam. Sila Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Wakaf Mempelam membenarkan saya untuk baca Peraturan Mesyuarat ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wakaf Mempelam benar, saya tak benarkan juga.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): .... kena tengok balik dalam Peraturan Tetap bukannya Tuan Yang Dipertua yang buat peraturan ini. Ini Peraturan Tetap Dewan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar duduk kejam. Wakaf Mempelam duduk. Saya nak cerita.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tak payah cerita, ini Peraturan Mesyuarat. Saya nak kata saya tetap ada hak untuk .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Bila pula Yang Berhormat boleh larang Dato' Speaker tak payah cerita ni, ada di bawah fasal mana? Ada ke Yang Berhormat boleh larang Dato' Speaker.



YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sebab itu ni Dewan yang mulia, siapa yang melanggar peraturan, siapa yang tidak ikut peraturan? Saya nak cerita dulu, dengar sini. 47, jelas apabila Speaker bercakap semua kena duduk dulu.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ini bukan cerita .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bila Speaker bercakap, ni bukan cerita, bercakap. *I want to tell ....* (Dewan gelak)... Okey, *please* duduk. Tolong, Bandar duduk.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya ingat orang Bandar Kuala Terengganu tengoklah, kalau Wakil Rakyat macam ni saya ingat penghabisanlah pilih, *doksoh dohlah pilih* .....(Dewan gelak) .....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Betul, betul, khianat.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Kuala Berang ke guaner?

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya betul-betul berharap yang penghabisannya sebelah sana. Saya kata saya minta kebenaran untuk membaca *content* Standing Order itu saja.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya tak benar sebab .....

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Bandar, faham Bahasa Melayu dok? Speaker kata dia tak benar. Duduklah. Hah! Payahnya.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya kata hak Ahli Dewan melalui Standing Order boleh kemukakan peraturan ini.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Boleh kemuka tapi Speaker tak benar.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Bandar, dia soalnya hari ini dia mesti ada kebenaran Yang Berhormat Bandar. Jadi kalau Yang Berhormat Bandar tidak dengar arahan Speaker, kemudian nak minta Speaker dan kita semua dengar, payahlah nak jawab ni. Saya ingat Dato'

Speaker gunakanlah kuasa yang ada pada Dato' Speaker untuk memastikan supaya tidak berlaku lagi perkara seperti ini untuk masa akan datang.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tidak boleh sewenang-wenangnya Speaker menggunakan kuasanya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tidak boleh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kejaw Bandar. Cuba baca .....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya katakan Yang Amat Berhormat Menteri Besar mencadangkan kepada Speaker menggunakan kuasa dia untuk apa saja, ini salah *advice*.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Apa salahnya Y.B. Bandar sekarang ni nak suruh duduk saja, duduklah! Dari segi 125 sudah jelas hari ini, Yang Berhormat Bandar minta duduk pun takmbah duduk, macam mana ni Yang Berhormat Bandar!

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya tidak melakukan apa-apa kesalahan apabila hak seorang Ahli Dewan yang dilantik melalui pilihan raya membangkitkan Standing Order, Dewan mesti memberi kebenaran untuk membacakan Standing Order itu, itu jelas.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekejap, terima kasih Bandar. Hebat Bandar ni. Tolong baca di mana hak bilamana seorang Ahli Dewan yang dilantik oleh rakyat bangun ada hak untuk mengemukakan *point of order* dan Speaker kena diam. Tolong baca, jangan lari jauh.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Telemong): Baca, baca.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): 23 .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Baca, baca! Nak saya ulang balik ....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Kalau Dato' Speaker beri kebenaran sekejap saja.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak, saya dah tanya awal-awal tadi sebab Bandar daripada semalam dia rujuk kepada 23, dia rujuk kepada 111.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Semalam bukan 23 .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bukan semalam, hari pertama. Saya nak kata sama ada tacticle ataupun technical Bandar mahu menggagalkan .....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Menggagalkan? Saya minta tarik balik.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya tak tahulah, saya tidak kata. Saya tidak menuduh.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tadi perkataan Speaker kata.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey. Kalau saya minta Bentara, saya tak nak .....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Speaker, boleh saya mencelah sedikit. Saya ingat Yang Berhormat Bandar baca Peraturan Tetap - 48. Jadi saya tolong bacalah: "Bila Speaker bercakap, Ahli Yang Berhormat duduk." Kemudian dalam Peraturan Tetap - 125(2): "Keputusan Speaker adalah muktamad." Terima kasih, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Dalam takrifan. Itu kalau kita ada isu takrifan memang Dato' Yang Dipertua ada hak untuk membuat keputusan muktamad.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Soalnya Yang Berhormat Bandar, apabila Dato' Yang Dipertua bercakap, sila duduk satupun tak boleh nak pakai lagi. Kalaulah Peraturan Tetap 48 tak boleh nak pakai .....

*[Rakaman tidak jelas kerana berlaku pertindihan suara di antara  
Y.A.B. Dato' Seri Menteri Besar dan Wakil Bandar]*

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): .... sebab Yang Amat Berhormat Menteri Besar memberi *advice* yang salah kepada Speaker.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Saya rasa Yang Berhormat Dato' Speaker, saya mohon supaya Yang Berhormat Bandar tarik balik kerana dikatakan bahawa dan menuduh saya memberikan *advice* dengan izin, tak betul kepada Dato' Speaker. Jadi ini menunjukkan bahawa ada *personal*

*interest* antara saya dengan Dato' Speaker yang telah dibuat tuduhan oleh Yang Berhormat Bandar. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih. Saya nak katakan untuk tujuan ini .....

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Y.B. Ladang nasihat gok duduk sebelah tu.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tadi Yang Amat Berhormat Menteri Besar menyebut kepada Dato' Speaker, gunalah kuasa apa yang ada untuk tujuan .....

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Yang Berhormat Bukit Tunggul nasihatlah, suruh duduklah.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Bandar, saya kata gunalah Peraturan Tetap 48. Dalam Peraturan Tetap 48, bila Speaker bercakap, Ahli Yang Berhormat kena duduk.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Duduk Bandar.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang kedua, Peraturan Tetap 125(2), keputusan Speaker adalah muktamad. Di situlah kuasa yang ada pada Dato' Speaker. Saya tak maksudkan perkara-perkara yang lain, Yang Berhormat Dato' Speaker.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Sebelum Peraturan Tetap, saya cuma nak menyatakan satu perkara yang kecil sahaja berkenaan Peraturan Mesyuarat.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar, mudah saja Bandar. Cuba tengok 47(4), jelas.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Dato' Speaker, tak apalah, saya nak duduk tapi saya nak nyatakan semalam bahawa dua Wakil Rakyat mewakili Kerajaan suruh saya tarik balik berkenaan dengan menyatakan saya buat tuduhan berkenaan dengan kenyataan tidak benar kes pembalakan di Dungun. Hari ini cabaran yang dibuat oleh pihak Kerajaan semalam, saya nak bawa, saya ada bukti ini. Saya mahu Dewan merekodkan bahawa apa yang saya sebut semalam tidak betul seperti dakwaan mengatakan saya membuat fitnah dan menyebabkan .....

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar, duduk Bandar. Bandar!

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ini berkenaan kegiatan rasuah berkaitan dengan pembalakan haram di Dungun.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya nak semua orang melihat inilah peranan Bandar. Minta maaf saya ambil masa sikit. Bandar duduk dulu. Terima kasih Bandar. Duduk dulu Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Dato' Yang Dipertua, benarkan saya submit .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar, Bandar, duduk dulu Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): ..... dokumen ini untuk diserahkan kepada Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar, Bandar, saya sedang bercakap ni. Yang Amat Berhormat tadi bukan dia menasihati saya ikut peranan dia sebagai Ahli Yang Berhormat. Semuanya mempunyai hak yang sama untuk bersuara, kalau Bandar sahaja mempunyai hak untuk bersuara .....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya dituduh! Saya dituduh buat fitnah semalam.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar, sekejap Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya berhak mempertahankan diri untuk menyatakan saya ada bukti.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar, nantilah dulu. Sekarang ini saya minta Wakaf Mempelam selesaikan dahulu dia punya ucapan, mudah sahaja. Nanti tiba bangun, tunjuk Buku Merah, *point of order*, ni tengah-tengah Bandar. Saya tak faham Bandar, tengah-tengah Yang Berhormat Wakaf Mempelam bercakap, Bandar masuk mencelah *point of order*, saya tak faham. Buatlah masa yang sebenarnya .....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): *Point of order* boleh dibangkit pada bila-bila masa Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya tahu, saya nak tunjuk tadi apa maklumatnya, bagi kepada Dewan kalau nak buat apa semua itu lepas ni lah.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Kalau Dato' Yang Dipertua benarkan, habis lama dah cerita. Tak payah panjang-panjang.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Kalau Bandar duduk pun habis lama dah juga cerita sama jer.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ruling saya, Bandar duduk, saya nak teruskan dengan Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Bila saya boleh bangkitkan Peraturan Mesyuarat ini?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya?

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Bila saya boleh bangkitkan Peraturan Mesyuarat ini? Selepas Wakaf Mempelam habis ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tengoklah apa yang saya boleh buat, masa yang ada sebab saya nak kejar masa ni. Pukul 1.00 nanti saya nak berhenti dan tiada lagi Bahasan Bajet, mudah saja dan yang tak dapat tu minta maafah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Terima kasih Bandar. Boleh duduk.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekejap Wakaf Mempelam. Soal kita ni, bila kita nak rujuk, kita nak cakap apa, kita baca *point of order* mana. Jangan beritahu. *Point of order* begini, begini, baca.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya nak baca sekarang, boleh?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Nanti dulu.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Bila saya nak baca, tak bagi. Saya kata *point of order* saya nak rujuk ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar faham tak Bandar. Saya suruh duduk dulu.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya faham. Setiap Ahli Dewan bila mengangkat Buku Peraturan Mesyuarat, Speaker mesti benarkan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey. Dengar, ya. Setiap Ahli Mesyuarat yang mengangkat Buku Merah ini dibenarkan. Baca *point of order* mana? Tak, saya tanya jelas. Hansard catat, soalan saya mengembalikan apa yang telah dicakapkan oleh Bandar mengulangi bahawa .....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar, nanti saya bercakap. Dengar dulu. Bandar ni banyak cakaplah. Sabar.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Campur *ngan gong doh ni*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak, tak apa. Bandar, dengar saya kalau tidak panjang cerita. Saya nak Bandar .....

Kalau tidak saya tak nak benarkan Bandar bercakap hari ini. Saya nak cari, tunjuk saya *point of order* yang menyatakan apabila Ahli Yang Berhormat mengangkat Buku Merah maka tadi Speaker wajib berhak memberi. Tadi benda yang sama, baca *point of order* mana? Kalau tidak saya tidak benarkan lepas ni, hari ini Bandar bercakap, itu ruling saya.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Okey. Dato' Yang Dipertua, sekarang untuk tujuan tafsiran, saya minta LA, kita ada.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: *No, no*.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Kalau saya baca orang tak terima.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Allah, parok Wakil Rakyat lagu ni.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Baca ajelah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya mudah aje. Okey, sama-sama kita tengok, semua orang ada Buku Merah, buka .....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya dah buka Buku Merah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Hah, buka Buku Merah, baca *point of order* mana. "Apabila Ahli Yang Berhormat mengangkat Buku Merah ....", jelas tadi ye perkataan dia, baca *point of order* mana?

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya nak beritahu sekarang saya baca neh. Sabar sikit sebab kena belek, nanti bahasa saya tak betul, Tuan Yang Dipertua kata saya menipu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tarik balik, saya tak pernah kata menipu. Tarik balik.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Okey. Saya tarik balik.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jangan mudah-mudah. Semalam kata saya buli. Siapa saya Bandar? Kata undang-undang remeh, saya catat dalam hansard ni, semua ni ada tak batal kalau tak tarik.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Nanti kejap. Jangan kata saya perkara-perkara yang tidak baik.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya baca deh. Perkara 125: "Di dalam keadaan di mana Standing Order di peringkat negeri ini tidak disertakan maka apa-apa Standing Order yang terdapat dalam kenyataan ataupun prosedur Dewan Rakyat, Federation of Malaya tergunapakai." Dalam buku ini .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Nanti jap. Tak habis lagi tu, cuba baca habis.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Baca habis.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Baca habis gok dulu dia kata apa hak kemudian tu.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Maksudnya .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Nanti dulu. Digunapakai .... apa dia, tambah lagi.... jangan berhenti separuh jalan.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Belakang ni tak ada dah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada. Cuba baca habis.



YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Bukan berhenti separuh jalan, dekat *corner* saja dia berhenti. *You* baca habislah!

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Yang Berhormat sebagai orang yang berpengalaman sepatutnya berhujah .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat biar saya baca. Okey Wakaf Mempelam, saya rasa dah tak ada masa .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Masa Wakaf Mempelam habis dah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar baca balik Bandar, baca habis.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ya, ya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, nak baca orang putih, nak baca jawi ke, nak baca Latin ke, baca habis, 125.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Okey. Yang tak disebut .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Nanti dulu, arahan saya, 125 tu .....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): *"..... so far as the same may be not inconsistent with this Standing Rules and Orders, shall be followed."*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Maksud apa dia?

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Maksud dia kalau yang tak bertepatan, tak berkenaan, mana yang lebih besar undang-undang negeri ini ke, Dewan Rakyat?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, cuba baca di mana Dewan Rakyat menyatakan apa yang Y.B. baca tadi? Cuba baca.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Dewan Rakyat menyatakan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya tak nak macam tu.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya tak ada buku.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Janganlah buat macam tu Y.B. Janganlah.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ni Dewan Negeri.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: *So*, tafsiran saya mudah aje.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Dato' Yang Dipertua, Convention mengatakan apabila kita mohon untuk .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Y.B. pergi mana, saya suruh baca ini dulu. Jangan pergi melalut-lalut sana.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya tidak ada Buku Dewan Rakyat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dah kalau tak ada jangan disebut. Tak ada, jangan sebut.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya sebut yang di dalam ini tetapi Dato' Yang Dipertua suruh saya baca Dewan Rakyat punya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Sebab *you* sebut Dewan Rakyat punya buku.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Bangunlah kalau nak cakap.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya nak baca ni, Bandar duduk dulu. Saya nak baca biar tahu maklumat biar panjang tak apa. Biar orang tahu bahawa Speaker tidak menyalahguna kuasa. Saya boleh minta Bentara tapi itu bukan saya punya .... Pendirian saya jelas. Okey, duduk.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Okey, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya baca: "125.(1): Di dalam mana-mana perkara yang tiada disyaratkan di dalam peraturan-peraturan dan perintah-perintah tetap ini, cara perjalanan dan peraturan Dewan Rakyat Persekutuan Tanah Melayu hendaklah dituruti, setakat yang tiada bertentangan dengan peraturan-peraturan dan perintah-perintah tetap ini."

"125.(2): Keputusan Yang Dipertua Dewan atau ahli yang menjadi Pengetua Dewan di atas apa-apa perkara yang bertelingkah tentang tafsiran maknanya

berkenaan dengan mana-mana satu daripada peraturan-peraturan dan perintah-perintah tetap ini hendaklah menjadi keputusan yang muktamad." Terima kasih.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tidak ada bercanggah dalam kes ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar, Wakaf Mempelam duduk dulu. Saya nak buat ruling, saya tak nak dengar apa-apa, saya nak dengar ....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Bandar, Bandar.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya nak dengar Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Wakaf Mempelam ya? Hah, tadi suruh duduk.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar, tolong duduk Bandar. Terima kasih Bandar. Wakaf Mempelam teruskan, saya bagi masa 5 minit. *Dekpon* Bandar kacau *sokmo*.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Dewan jadi hangat Wakaf Mempelam jadi mangsa, 5 minit guaner pulak.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Minta maaf Wakaf Mempelam kerana mengambil masa yang panjang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Dato' Speaker, saya minta floor Wakaf Mempelam ni diberi sedikit kepada saya. Sikit saja Wakaf Mempelam minta mencelah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Celah, celah dah, saya hak sebelah sini pun saya tak beri.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Tak apa, hak ni saya minta celah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya kena berlaku adil. Exco boleh jawablah, insyaAllah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Isu pengkhianatan tadi ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wakaf Mempelam, kita bagilah sikit ke Kuala Berang sebab dia Exco, kita bagilah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya nak beritahu Speaker saya tak bagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apalah. Wakaf Mempelam tak bagi Kuala Berang.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ni floor saya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Sebab apa pengkhianatan tadi melalut .....

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Panjang dah masa ni, saya nak berucap juga.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Exco boleh jawab lepas ni Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Maknanya saya nak jelaskan kepada Dewan, 'pengkhianatan' memang Wakaf Mempelam tidak akan tarik balik.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya, saya tidak akan tarik balik.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya nak tanya, tak nak tarik balik?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya nak sebutnya begini, atas apa pun pihak Kerajaan boleh jawab lepas pada ni. Bila berlaku saja kalah sebuah negeri pengkhianatan, cuba nak menzalimi negeri yang diperintah Pembangkang .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua ....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ini adalah fakta yang berlaku. Saya ingat lagi Dato' Yang Dipertua, masa tu Tun Salleh Abas .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kejap, kejap. Saya ingat Wakaf Mempelam duduk .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): ... Saman Kerajaan, saman Petronas, saman Kerajaan Pusat .....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Memang, memang khianat. Saya bukan nak tarik balik kenyataan semalam. Saya tak jadi tarik balik.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, duduklah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): ... Setiap kali kita bincang Bajet saya teringat apa yang berlaku berhubung dengan kes kewangan yang kita telahpun diambil alih oleh pihak Pusat. Jadi itu sebabnya saya nak tanya beberapa soalan. Soalan yang saya nak tanya ialah yang pertama sekali, mengapa Kerajaan Negeri Terengganu tak saman Petronas dan Kerajaan Pusat dalam isu royalti ini?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Wakaf Mempelam saya minta sikit .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Jawab lepas pada ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Maknanya Dato' Yang Dipertua, kita tidak boleh mencelah Pembangkang .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): .... royalti Terengganu digunakan sewenang-wenang oleh negeri lain.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Tuduhan ini dahsyat. Tuduhan ini dahsyat. Pengkhianatan apa lagi?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Jawablah lepas ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Kalau saya kata Kerajaan tahun 1999 sampai 2004 .....

*[Rakaman tidak jelas disebabkan oleh pertindihan suara di antara Wakil Kuala Berang dan Wakil Wakaf Mempelam]*

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): ...memanaskan Dewan termasuk Exco panas ....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Halau budak-budak tadika.

*[Rakaman tidak jelas disebabkan oleh pertindihan suara dari banyak pihak]*

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Peraturan! Peraturan! Peraturan! Bandar, Wakaf Mempelam, Telemong duduk.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Telemong ni orang hulu duduk dulu gok.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Hulu ke hululah, aku hambat habis Wakaf Mempelam. ...(Dewan gelak) .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey. Wakaf Mempelam duduk sekejap Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Gurau aje Yang Berhormat, gurau aje. ...(Dewan gelak) .... Lepas ni kita main bola pula.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Dengarlah orang hulu, tu Wakaf Mempelam hina ke die, hor tengok (Dalam loghat Hulu Terengganu).

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Mu kata gapolah, tak reti.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wakaf Mempelam kejam ya. Saya minta maaf. Saya kena rujuk kepada Peraturan Mesyuarat. Kalau kita baca Peraturan Mesyuarat 46(xx), cuba baca, minta maaf: "Adalah melanggar perintah jika menggunakan perkataan-perkataan derhaka; .....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Semalam Dato' Yang Dipertua, minta saya kemukakan bukti .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kejap, saya tengah baca ni. Saya tak faham, saya tengah bercakap, saya tak tahu macam mana dah. Tak bagi peluang lagi dah bercakap 20 minit.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Err....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ladang, nanti kejap Ladang. Tolong elakkan perkataan-perkataan, menderhaka, menghasut. 46(xx)(c) tu: Perkataan-perkataan yang mungkin akan menaikkan perasaan bersakit-sakit hati atau bermusuhan-musuhan di antara satu kaum atau kumpulan. Jangan ya. Tak kira dalam satu kumpulan atau apa. Baca *detail* tu, apa lagi kalau dituduh dalam Akta Hasutan 1948, jelas. Jadi tolonglah berbicara dengan baik, janganlah menyebabkan kita jadi panas. Kalau ada bukti apa dan sebagainya, sila bagi bukti. Mudah aje. Kalau saya tak bagi tu ada alasannya. Okey, terima kasih banyak. Sila Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Terima kasih Yang Berhormat Yang Dipertua. Saya hanya bercakap fakta. Jadi bila orang panas punggung, terasa tu saya tak tahulah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Fakta ikut mana Yang Dipertua, pengkhianatan ikut mana! Kerajaan '99 sampai 2004 khianat kepada rakyat Terengganu, you marah dok?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Eh, betul.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Itulah pengkhianatan yang sebenarnya, haa....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Bukan Kerajaan PAS, Kerajaan UMNO yang khianat. Jadi Yang Berhormat .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kejap, kejap Wakaf Mempelam, peraturan jelas, adalah melanggar peraturan, melanggar perintah, mudah aje. Jadi saya minta tarik baliklah, jadi tak elok ni.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Yang Dipertua, saya ada sikit aje lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wakaf Mempelam saya minta tarik baliklah, tak elok ni.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wakaf Mempelam tarik baliklah, ya.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya sikit aje lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Perkataan derhaka, perkataan menghasut .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya takkan tarik balik, itu sikap saya, saya takkan tarik balik.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Dah soal gitu pun tak boleh Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Duduklah Telemong. Duduk, duduk.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Dah kata ke orang khianatlah, macam-macam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Persoalan mudah aje.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, sila Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Soalan mudah aje pasal nak habis dah, nak gi ke isu lain pula. Yang pertama saya nak tanya, mengapakah Kerajaan Negeri Terengganu sepatutnya mengikuti Kerajaan Negeri Sarawak, mengapakah Kerajaan Negeri Terengganu tidak bercita-cita, tidak berhasratpun yang pertama sekali ialah untuk nak menuntut 20% royalti. Sarawak dia tegas. Negeri Sarawak dia tegas walaupun dia tidak dikhianati, dia dapat hak dia tetapi dia kata kita akan menuntut 20% royalti minyak Negeri Sarawak. Mengapa Terengganu tak nak ikut? Kan sebut khianat marah pulak.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Wakaf Mempelam masih tak faham Dato' Yang Dipertua.



YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih):  
Pohon penjelasan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang keduanya Yang Berhormat Yang Dipertua, adakah Kerajaan Negeri tidak mahu menjejaki Negeri Sarawak .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya minta peluang sekali Dato' Yang Dipertua. Ini soal cakap khianat di Dewan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Sarawak dia tubuh syarikat petroleum milik Kerajaan Negeri sendiri. Jadi ada dua perkara. Yang pertama, dia tuntutan 20%. Yang keduanya, nak tubuh syarikat milik Kerajaan Negeri yang boleh membantu melaksanakan dan Kerajaan Negeri pun ada kepakaran dalam hal ini. Jadi saya rasa setakat itu untuk petroleum. Cukup dah panas.

Saya ada beberapa perkara lain yang pertama sekali berhubung dengan kes dalam kawasan saya iaitu isu Pasar Borong di Gong Pauh. Saya tengok cukup dhaif. Mengapakah satu-satunya pasar yang orang Melayu, rakyat tempatan nak cari *serial-samah* pergi bawa sayur yang ditanam, barang-barang yang diusahakan sendiri pergi ke pasar tersebut tetapi dari segi infra cukup dhaif, jalan yang berlopak-lopak, gerainya daripada kayu-kayu buruk, perparitannya takdok langsung. Jadi ini cukup menyedihkan. Saya tak tahulah pasar borong tu hasil daripada Kerajaan PAS memerintah dulu kita bina pasar borong. Dan saya nak tanya dulu ada hasrat nak buat pasar borong yang moden kalau di Kelantanpun dah ada, cadangannya nak buat dekat tapak Chee Hing Bata di Bukit Payong supaya daripada Chendering pun dekat, orang kampung pun nak bawa hasil pertanian pun mudah tapi sampai sekarang masih tidak wujud. Nak buat pasar besar kita tak larat, Pasar Chabang Tiga saya pergi bukan main sekarang naik bangunan-bangunan cantik tetapi bangunan yang cantik macam tu tak usah kata orang Melayu kita nak beli, nak sewa pun tak mampu. Ini masalahnya akhirnya dapat ke bangsa asing. Jadi ini satu benda yang Kerajaan Negeri patut lebih serius untuk membantu rakyat tempatan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Panjang lagi ke?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ada, dua-tiga lagi. Ada sikit jer. Yang seterusnya ialah berhubung dengan Syarikat Air Terengganu, isu air. Saya tengok akhir-akhir ini terutama di waktu-waktu puncak dekat nak raya ke, musim sekolah cuti ke, musim orang buat kenduri-kendara ke, air tekanannya cukup rendah. Saya tak tahulah kawasan lain tetapi kawasan saya padalhalnya paip besar dekat rumah

saya tetapi tekanan airnya cukup rendah. Ramai yang telah bersungut terpaksa buat tangki air *extra*, nak kena keluar belanja untuk nak buat apa nama ni, dan pernah suatu ketika tu dalam keadaan kita nak sambut raya air takdok. Saya ingat lagi suatu malam tu saya telefon kepada Exco Infra, Yang Berhormat Kemasik, saya telefon sendiri, macam mana ni menyusahkan. Akhirnya dia hantar pegawai datang jumpa saya. Pegawai itu kebetulan duduk tidak jauh dari rumah saya, dia datang bincang. Yalah datang sekadar bincang air takdok juga. Ini yang jadi masalah. Jadi sepatutnya memandangkan kepesatan penduduk macam di Wakaf Mempelam juga macam di Bandar Baru Permint tu banyak rumah baru, penduduk semakin bertambah. Jadi kita kena ada *future planning* dengan izin, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua supaya kita dapat maknanya untuk memastikan .....

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya bagi 2 minit lagi tambahan. Panjang dah.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tak, ada satu lagi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua berhubung dengan isu pengangkutan awam. Saya cakap ni soal rakyat. Isu pengangkutan awam saya mintalah kalau boleh Kerajaan Negeri supaya mintak SPAD (Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat) turun padang, stesen bas kita ni sesak, musim raya, musim cuti sesak. Bas ekspres antara bandar ke bandar, antara negeri ke negeri pun di situ, bas dalam bandar pun di situ. Jadi sekarang ini jalan pula dia buat satu hala memang bermasalah. Itulah kalau boleh pernah suatu ketika dulu bas ekspres musim-musim peak, musim orang bercuti, musim-musim ramai orang berkunjung ke Terengganu, sekolah cuti ke dia buat dekat Astaka di Tanjung supaya orang tak tumpu di satu tempat untuk bas ekspres. Kalau boleh dapat difikirkan pihak MPKT supaya perkara ini dapat diselesaikan dengan baik, insyaAllah.

Dan yang kedua akhirnya, saya kesian tengok penarik beca tua-tua pun, umur dah lanjut tapi masih lagi kayuh beca. Dulu-dulu ada juga katanya nak bantu untuk beca roda tiga pakai injin elektrik. Saya tak tahu berapa bijih yang dah dibuat dan disalurkan kepada penarik-penarik beca, kesian. Mereka ini tidak ada kerja lain daripada muda kayuh beca.

Yang seterusnya berhubung dengan kes isu pelupusan sampah di Kampung Sungai Ikan. Kebetulan saya pergi ke Kota Bharu baru-baru ini, saya tengok di situ dan saya difahamkan bila saya *check* balik kawasan itu dah penuh. Jadi timbul masalahnya sekarang ini adakah pihak MBKT, saya tak tahulah daerah-daerah, kawasan-kawasan lain tapi di Kuala Nerus dan Kuala Terengganu semua pelupusan sampah di Kampung Sungai Ikan dekat Bukit Kor, apa namanya di situ, di Sungai Ikan. Jadi adakah pihak MBKT mengenal pasti tapak baru.

Janganlah saat-saat akhir baru nak cari tapak pasal kes ni dia nak kena jauh daripada penempatan penduduk supaya tidak ganggu rakyat negeri ini.

Dan yang akhir sekali Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ni yang akhir sungguh ni. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ya. Akhir sungguhlah. Isu peruntukan ADUN-ADUN Pembangkang yang dinafikan. Kami ni nak habis Dewan dah, nak pilihan raya pulak dah tidak diberikan peruntukan tapi kami alhamdulillah, Allah bagi rezeki kaya-kaya belaka. Pakai duit sendiri .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Apa dia? Tidak dibagi peruntukan?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Tidak dibagi peruntukan. Saya tak tahu Wakil Rakyat Kerajaan dulu RM300,000, sekarang katanya RM1 juta, saya tak tahu pasal saya tak dapat. Kalau boleh biar dapat penjelasan, mengapa dalam keadaan transformasi .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Kalau duk maki pengkhianat macam tu mana nak bagi kata kita pengkhianat. Ya Allah! Dato' Speaker, cuba perbetul, tarik balik pengkhianat tu gok. Tak usah katalah, kita pun gitu juga tak bagi juga ke kita.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pasal kes saya ni bekas Exco Kerajaan Negeri ada juga pencen. Saya pun dang gok sepenggal bekas Ahli Parlimen ada juga pencen, boleh jugaklah bantu-bantu, tampu-tampu. Dulu orang rumah saya kerja, sekarang sudah pencen kuranglah pitih. Tapi kami tolong tampu, bantu rakyat sakit, rakyat nak pergi Makkah, kenduri-kendara, semua sekali pakai duit sendiri.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Senang-senang Wakaf Mempelam suruh undi BN belaka Wakaf Mempelam, insyaAllah kita bantu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Jadi saya kemukakan perkara ini pasal Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kadang-kadang rakyat di kampung, rakyat di kawasan luar-luar bandar, rakyat kita ni ada yang tak tahu dia ingat kita ni macam Wakil Rakyat Kerajaan tapi kita beri juga bantuan sekadar yang kita mampu. Saya nak

sebutnya supaya perkara ini walaupun dah habis tempoh tak tahulah, ada tak nak memberikan satu perubahan atas nama TTB ni hak akan datang kita tak tahulah sama ada duduk sebelah sana, duduk sebelah sini ke kita tak tahu tapi supaya janganlah kita sampai ke peringkat cakap lain, buat lain. Kata kononnya nak menjaga itu, nak menjaga ini tapi sebenarnya kita tak melakukan yang terbaik untuk semua orang termasuk rakyat Negeri Terengganu.

Saya ucap terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa'alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Sila Alur Limbat dah acap kali bangun. Saya bagi Alur Limbat dulu.

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah Rabbil Alamin. Wassalatu wassalamu'ala asyrafil anbiya iwal mursalin. Wa'ala alihi wa ashabihi ajmain.

Yang saya hormati Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar serta barisan Exco. Seterusnya Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, Pegawai-pegawai Kerajaan seterusnya Pemerhati-pemerhati sekalian. Firman Allah Subhanahu Wata'ala: "Wazzakir fainnal zikro tanfa'ul mukminin". Berilah peringatan kerana sesungguhnya peringatan itu memberi manfaat kepada orang-orang mukmin.

Dalam ucapan perbahasan ini saya ingin mengemukakan beberapa perkara walaupun nampak kecil yang pertama saya nak sebut di mana dalam bulan ini dua kali saya pergi ke Hospital Besar kerana menziarahi pesakit. Didapati satu sahaja lif yang boleh digunakan menyebabkan saya sendiri terpaksa daripada tingkat bawah ke tingkat 7 menaiki tangga berjalan kaki. Jadi saya nak nasihat kepada Kerajaan jagalah nama baik kata nak menang tadi. Ni dah di akhir penggal dah ni jadi benda ni walaupun nampak kecil tapi ada sungutan-sungutan yang tak baik.

Yang kedua, isu berkenaan muara sungai yang juga rakan-rakan kita telah sebut cuma saya nak fokus yang pertama di Muara Sungai Mercang. Dalam Sidang Dewan Belanjawan yang lalu saya telah timbul isu Muara Sungai Mercang dan dijawab oleh Yang Berhormat Exco yang berkenaan peruntukan daripada Pusat RM43 juta telah diberikan dalam Rancangan Malaysia Yang Ke-11. Persoalannya sekarang ini musim tengkujuh namun perkara masih belum lagi diselesaikan. Mohon jawapan daripada pihak Exco pada kami kita mengharapkan supaya benteng pemecah ombak di Muara Sungai Mercang ini diselesaikan dengan segera. Walaupun ada usaha di pihak Kerajaan untuk mengorek dengan

jentolak tapi yang sebenarnya tidak selesai masalah isu Muara Sungai Mercang ini.

Berkenaan Muara Sungai Kuala Ibai, dulu Kampung Pengkalan Setar ada banyak bot dan ada bot-bot besar yang masuk melalui Muara Sungai Kuala Ibai dan mereka bersungut menyatakan bahawa dulu ikan laut sampai ke tempat mereka begitu juga ketam, udang daripada laut dan mereka mudah cari di Pengkalan Setar tapi sekarang ni perkara itu tinggal sejarah. Ini adalah kerana isu Muara Sungai Kuala Ibai menyebabkan bot-bot yang tidak boleh dimasuki dan sehinggalah mereka banyak menjual bot mereka.

Kemudian ada sungutan daripada penduduk di Kampung Rhu Muda kerana benteng penahan ombak hanya dibuat di Rusila dan kenapa tidak diteruskan ke kawasan mereka. Jadi mereka minta kami sentuhkan di dalam Dewan yang mulia ini kerana kawasan mereka juga mengalami masalah yang sama sebagaimana yang berlaku di Kampung Rusila.

Dato' Yang Dipertua Dewan, saya ingin membangkitkan isu yang ditimbulkan dalam Ucapan Bajet 2018 berkenaan dengan ICT. Dalam perkara touchpoint yang ke-35, Program Virtual Class dengan izin, yang akan dilaksanakan dengan manfaat seramai 50,000 pelajar sekolah rendah dan menengah di seluruh Negeri Terengganu ini. Dengan peruntukan yang pada saya oleh kerana kita tidak jelas sebenarnya apa Virtual Class ataupun V-Class. Kalau diterjemah Virtual Class ialah dengan erti kata Kelas Maya dan kita sudah ada Kelas Maya yang perintisnya dibuat di Sekolah Paya Bunga. Cuma saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak Exco/Kerajaan sebenarnya Kelas Maya yang ada ini sebab saya tengok pada ayat 178 ni ialah Program Perintis, dulu ada i-Class, V-Class kemudian Kelas Maya. Soalan saya adakah v-Class dan Kelas Maya ini perkara yang sama? Dan kalau perkara yang berlainan saya rasa tidak praktikal dan saya pun tak dengar dah Kelas Maya ni sekarang ini sama ada apa sebenarnya masalah yang berlaku i-Class dan juga Kelas Maya. Saya nak bawa balik pada 28 Februari 2015, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan Sains Dan Teknologi dan Tugas-tugas Khas telah menyatakan Projek i-Class dijalankan di 17 buah sekolah, sekarang ni sebenarnya ada berapa dah? Dan dalam masa 10 tahun iaitu dari tahun 2015, dalam 10 tahun 400 buah sekolah rendah dan menengah akan dilaksanakan i-Class. Jadi kita mohon jawapan dari pihak Kerajaan. Saya bukan nak bangkit isu e-Book tapi selepas 10 tahun barulah secara komprehensif dijalankan kajian. Kajian e-Book ini oleh Idaman Institut Darul Iman dan juga UniSZA diketuai oleh Prof. Dr. Ibrahim Mamat. Jadi saya juga mencadangkan supaya sebelum diadakan v-Class, i-Class ditingkatkan supaya dibuat kajian yang mendalam dan diperbaik mana-mana yang telah berjalan ni supaya dibuat secara yang lebih baik. Kita tak mahu dibuat program yang lain yang kadang-kadang merugikan duit rakyat Negeri Terengganu.

Kemudian, merujuk kepada touchpoint yang keenam, Skim Dana Ushawan sebanyak RM2 juta. Jadi dia ada peruntukan Skim Pinjaman Online Business (SPOB). Jadi RM2 juta ini Skim Dana Usahawan keseluruhan jadi berapa sebenarnya yang diperuntukkan untuk Skim Pinjaman Online Business?

Kemudian, baru-baru ini Kerajaan, Perdana Menteri sendiri telah mengadakan kerjasama Pelancaran alibaba.com di Malaysia. Sebagai contoh dalam Parlimen, Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa Dan Industri, Datuk Ahmad Maslan berkata di Parlimen: Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ) memberi peluang kepada PKS menceburi perniagaan dalam talian untuk meningkat eksport mereka ke pasaran global dengan menggunakan kelebihan alibaba sebagai syarikat e-Dagang gergasi antarabangsa. Ini saya rujuk sikit. Mempunyai 440 juta pengguna di 190 buah negara. FTZ dijangka menggandakan jumlah eksport PKS tempatan menjelang 2025 kepada RM155 bilion. Jadi .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Y.B. ada 3 minit lagi.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Allah, baru satu isu. Yang Berhormat Wahid tadi lama berucap. Last sekali dah ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat mana?

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Yang Berhormat Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jadi tak apalah isu tadi panas, jadi saya minta Alur Limbat tepat pada waktu. Tolong.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Okey. Seterusnya, touchpoint ke-23, Pembangunan Ekonomi Digital ni. Sekarang ini kita tengok usaha yang dibuat di Ladang Tok Pelam. Jadi soalan saya, KUT dulu pernah dikatakan untuk dijadikan Low Yat Terengganu. Sekarang ini apa usaha yang dibuat oleh pihak Kerajaan kerana Mara Digital KL pun hidup segan mati tak mahu. Dan saya ada buat rujukan kepada bangunan-bangunan terbengkalai yang banyak. Saya cuba ringkaskan cuma mohon diberikan masa sedikit kerana ada dua-tiga isu dalam DUN saya, saya akan sebut. Bangunan-bangunan itu adalah Strawberry Park, Kuarters Kediaman Agensi Kerajaan Pengkalan Gawi Tasik Kenyir, Hulu Terengganu, Bangunan Perniagaan ada satu yang berwarna kuning tu di Pekan Ajil di bawah Majlis Daerah Hulu Terengganu, Bangunan Perniagaan Permint Ladang di sekitar Chicken Cottage nampak kosong saja, Kompleks Paya Bunga, Sutera Semai yang ada guard saja saya pergi tengok, kosong. Dan juga soalan saya, Stadium Gong Badak sekarang ini guna ke dok? Sebab saya orang Alur Limbat jarang pergi sana jadi kita dok tahu.

Kemudian, saya nak menyentuh isu berkenaan dengan untuk kebaikan rakyat jugalah, jadi saya minta masa sikit aje lagi. Seterusnya, Madrasah Moden MAIDAM di Mengabang Telipot, antaranya ada orang susah yang terpaksa bayar RM150 sebulan yang kepada kita murah tetapi kepada mereka sangat mahal. Kemudahan infra pun katanya ada masalah cuma dia orang tak berapa jelas ianya di bawah MAIDAM ataupun di bawah Pejabat Agama. Kalau di bawah MAIDAM saya rasa tak ada masalah untuk diberikan bantuan kepada ibu bapa yang susah.

Kemudian seterusnya ialah isu dalam DUN saya Masjid Kubang Durian, pengambilan tanah sudah dibuat cuma telah memakan masa banyak tahun. Jadi bilakah masjid ini akan dilaksanakan?

Akhir sekali saya nak sebut ialah kesesakan. Apabila LPT dia exit sebelah Pasir Tinggi jadi Pengadang Baru dia menjadi jalan agak sibuk. Jadi apakah sebenarnya perancangan Kerajaan untuk sama ada membesarkan jalan kerana di sana banyak berlaku kemalangan apabila exit di sebelah Pasir Tinggi tu banyak kenderaan yang lalu berbanding dengan keadaan biasa. Dan akhirnya berkait dengan jalan tersebut dia ada satu jalan iaitu di antara Kepong dan Serengas, dia ada jalan yang dibuat tapi sejak kebelakangan ini nampak macam diberhentikan. Jadi sebenarnya bila akan disiapkan jalan ini dan berapakah kos sebenar projek pembinaan jalan tersebut.

Akhir sekali saya nak sebut penutupnya daripada Ali bin Abi Talib Radhiallahu 'Anhu. Rasulullah Salallahu 'Alaihi Wassalam bersabda: Apabila umatku telah membuat 15 perkara maka bala pasti akan turun kepada mereka. Sahabat bertanya apakah 15 perkara itu. Rasulullah bersabda, ni saya bawa dua sahaja kerana masa tak ada. Apabila harta negara hanya beredar kepada orang-orang yang tertentu dan apabila amanah dijadikan suatu sumber keuntungan. (Hadith Riwayat Ar-Tirmizi). Nasihat saya kepada semua dan kepada Kerajaan yang ada insyaAllah, lepas pilihan raya akan datang ini kita akan ambil alih pula dan nasihatlah juga kepada kita. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, saya bagi kepada Kuala Besut.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Sekejap, lepas pada ni ada lagi ke dok?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: InsyaAllah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Ada ya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kalau tak panjang, kalau tak ada yang kacau, kita teruskan. Silakan.

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahillazi la yadhurru ma'asmih syai an filardhi wala fissama' wahuwassaimiul alim. Rabisy rahli sadri wayasirli amri wahlul ukhdatan min lisani yafqauhu qauli. Amin.

Salam Negaraku Malaysia. Salam Sehati Sejiwa. Salam Transformasi Terengganu Baharu. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, Wakil-wakil Ketua Jabatan, para Pemerhati dari DUN Kuala Besut serta para Pemerhati dan Sidang Dewan yang mulia yang saya hormati dan saya kasihi sekalian.

Terima kasih Dato' Yang Dipertua kerana memberi ruang untuk saya mengambil bahagian dalam sesi Perbahasan Bajet 2018 yang bertemakan 'Masa Depan Yang Lestari'. Yang mana bertunjangkan empat petunjang utama iaitu:-

- Petunjang Pertama - Mengurangkan beban rakyat dalam menangani isu peningkatan kos sara hidup.
- Petunjang Kedua - Meningkatkan penawaran dan pengwujudan peluang pekerjaan.
- Petunjang Ketiga - Mengisi keperluan perumahan rakyat.
- Petunjang Keempat - Mendokong pembangunan yang bersifat inklusif yang berpaksikan rakyat ataupun sekarang ini dipanggil 'People's Centric'.

Saya suka memetik kata-kata Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar ketika pembentangan Bajet pada hari yang pertama kelmarin iaitu semestinya Bajet pada kali ini berbeza kerana Bajet ini dirangka berasaskan apa yang rakyat hendak dan bukannya semata-mata apa yang Kerajaan mahukan. Ini kerana Bajet yang amat memenuhi aspirasi rakyat ini dilahirkan dan digarabkan hasil 8 siri jelajah Bengkel Bajet 2018 di 8 buah daerah dalam Negeri Terengganu. Maksudnya apa juga yang dikatakan oleh pihak di sebelah sana sebenarnya Bajet ini digarabkan dan dizahirkan melalui mendengar kehendak dan naluri serta aspirasi rakyat Terengganu.

Dan alhamdulillah, daripada Bajet 2018 ini tercetus 60 touchpoint yang amat menyentuh hati rakyat. Tahniah dan syabas kepada Kerajaan Barisan Nasional



yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar yang sentiasa mendengar dan merasai denyut nadi rakyat.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dari segi statistik ekonomi, dari segi fakta pada 16 November yang lalu pada tahun ini, umum mengetahui Bank Negara Malaysia telah mengumumkan pertumbuhan ekonomi negara untuk Suku Ketiga 2017 pada kadar 6.2%, satu angka yang sangat tinggi dan di antara paling tinggi di kalangan negara-negara di Asia. Begitu juga dengan info oleh Fitch Rating yang mengekalkan penarafan negara iaitu pada A- sebagaimana yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar berdasarkan pertumbuhan KDNK yang lebih kukuh berbanding dengan negara-negara lain yang mempunyai markah penarafan yang sama.

Dan dalam konteks senario ekonomi Negeri Terengganu pula, saya suka menyentuh pertumbuhan ekonomi yang meningkat daripada 3.1 peratus pada tahun lepas kepada 3.8% pada tahun ini. Dan Terengganu juga mempunyai peratusan tenaga kerja yang berpendidikan tinggi pada tahap 30% yang mana peratusan ini adalah lebih tinggi melebihi purata nasional iaitu hanya sekadar 28%. Kita lebih daripada purata nasional sebanyak 2%. Begitu juga dengan pendapatan isi rumah pulangan yang meningkat daripada tahun lepas sehinggalah ke tahun ini. Ini menunjukkan kita berada di landasan yang sangat betul dan sangat benar dan menunjukkan pihak Kerajaan Barisan Nasional tidak jemu-jemu dan tidak putus-putus untuk meningkat taraf ekonomi penduduk di Negeri Terengganu walaupun umum/masyarakat mengetahui bahawa keadaan ekonomi di peringkat global dan tempasnya terkena di peringkat negara kita dan negeri kita pada masa kini sangat-sangat mencabar.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dalam pembentangan Bajet 2018, kita dapat melihat bahawa betapa seriusnya Kerajaan Barisan Nasional Negeri Terengganu untuk menangani isu peningkatan kos sara hidup dengan pelbagai kaedah. Saya dapat melihat bahawa 20 touchpoint telah dibentangkan dan telah dinyatakan. Di antaranya adalah seperti; Projek Infra Niaga, Projek Jaya Diri 2018, Program Membantu Rakyat (PMR), Skim Dana Usahawan (SDU), Dana Raya Aidil Fitri yang hampir RM100 juta yang meliputi 264,294 orang hampir suku daripada penduduk Negeri Terengganu akan menerima manfaat daripada Dana Raya ini. Sebab itu kadang-kadang kalau kita jumpa dengan sahabat-sahabat kita, kalau kita jumpa dengan rakan-rakan kita daripada negeri-negeri lain, daripada Negeri Terengganu dia selalu kabor, dia selalu cerita, dia selalu royat bahawa bertuahnya jadi rakyat Terengganu kerana Kerajaan Barisan Nasional cara dari awal sampai ke sut (sampai mati). Dan nak royat juga daripada baby ataupun bayi baru lahir lagi Kerajaan cara dah sampailah ke dewasa dan sehinggalah ke warga emas. Sebab itulah peruntukan RM6 juta untuk warga emas melalui Pusat Aktiviti Warga Emas di Terengganu yang boleh memberi manfaat seramai 4,000 orang warga emas di Negeri Terengganu.

Apatah lagi dengan pelbagai program pembangunan belia dan anak-anak muda di Negeri Terengganu telah dinyatakan dalam Bajet 2018 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar. Seperti kata pepatah 'Yang tua dihormati yang muda disayangi' insyaAllah, keharmonian dan kesentosaan hidup bermasyarakat di Negeri Terengganu khususnya menjadi realiti.

Dato' Yang Dipertua, perkara yang berikut apabila kita membincangkan tentang keperluan rakyat tidak dapat tidak kita membincangkan tentang keperluan perumahan. Dan yang menariknya pada kali ini dalam Bajet 2018 kali ini, saya perhatikan ada tujuh touchpoint yang menunjukkan kesungguhan Kerajaan Barisan Nasional Negeri Terengganu memenuhi aspirasi rakyat dalam mengisi keperluan perumahan rakyat. Dan totalnya bila saya kira-kira daripada tujuh touchpoint itu melebihi setengah bilion Ringgit Malaysia iaitu RM500 juta. Ini menunjukkan betapa seriusnya dan prihatinnya Kerajaan Barisan Nasional di Negeri Terengganu untuk memenuhi keperluan perumahan rakyat di Negeri Terengganu. ....(Tepukan sokongan) ..... Dan dalam pada itu, Rancangan Rumah Mampu Milik Tok Has dan juga Rumah Pangsa Mampu Milik di Pulau Perhentian, Kuala Besut yang sentiasa di hati Yang Amat Berhormat Dato' Seri supaya dapat disegerakan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dalam tujuh touchpoint yang saya nyatakan tadi, petunjang ketiga - Mengisi keperluan Perumahan Rakyat. Touchpoint yang ke-30 kalau kita tengok dalam Buku Bajet itu, touch point ke-30 iaitu Program MyTerengganu Beautiful New Home amat menarik minat saya dan juga saya yakin menarik rakan-rakan kita di luar sana. Program MYTBN Home yang difahamkan 800 unit akan dibina ini khususnya melibatkan golongan B40 yang bernilai RM40,000 yang mana RM20,000 merupakan subsidi ataupun ditanggung oleh pihak Kerajaan dan RM20,000 lagi adalah menggunakan kaedah pinjaman yang mana menggunakan kaedah pembinaan sistem Hyperbeam. Cuma sukacita saya ingin menyarankan dan juga cadangan daripada rakan-rakan BBC supaya suatu mekanisme yang efektif khususnya di peringkat daerah dapat diadakan kerana ianya melibatkan elemen penanggungungan oleh pihak Kerajaan dan juga elemen pinjaman oleh pihak pemohon, sebagai contohnya kita ada Jawatankuasa Focus Group untuk Program e-Kasih dan sebagainya. Jadi saya menyarankan ada satu mekanisme yang lebih efektif, yang lebih jelas di peringkat daerah supaya apa jua isu, apa jua persoalan daripada pihak rakyat dapat kita tangani, dapat kita jawab di peringkat daerah lagi.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, touchpoint yang ke-23 iaitu Penubuhan Hub Digital Terengganu yang dianggarkan RM12 juta di bawah petunjang kedua - Meningkatkan Penawaran Dan Pengwujudan Peluang Pekerjaan ini mendapat respon yang sangat-sangat positif daripada masyarakat khususnya Gen-Y. Ini adalah satu inisiatif Kerajaan Barisan Nasional Terengganu yang sangat tepat. Ini memastikan PKS Terengganu yang menceburi perniagaan online dengan izin,

sentiasa mengikut trend terkini untuk kekal dan terus kekal dan berdaya saing. Hub Digital ini mampu bertindak sebagai faktor pemangkin terutama kepada golongan usahawan muda Terengganu supaya sentiasa peka dengan perubahan landskap ekonomi semasa yang kini menuju gelombang Revolusi Perindustrian Keempat ataupun IR4.0 yang mana bersandarkan kepada penggunaan teknologi terkini dan industri berasaskan pengetahuan. Ini juga peluang yang penting bagi PKS Terengganu dalam ekosistem yang tepat untuk bersaing di peringkat global melalui Digital Free Trade Zone. Ianya seiring dengan kedudukan Malaysia yang kini muncul antara pasaran e-Perdagangan di peringkat global yang membabitkan janaan pendapatan mencecah nilai RM9.53 bilion pada tahun lepas, tahun 2016 mengikut kajian SME Corp. Malaysia. Pada tahun 2017, peningkatan 4.7% PKS Terengganu berbanding pada tahun lepas, 2016 iaitu hanya 2.5%. Ini menunjukkan bahawa usahawan Terengganu yang menjalankan perniagaan secara online dalam sektor PKS ini adalah tonggak penting ekonomi Malaysia kerana sektor ini menyumbang hampir 36% kepada KDNK negara.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya pun tak bercadang untuk mengambil masa yang lama kerana saya tahu ada lagi rakan-rakan yang akan mengambil bahagian untuk berbahas. Dan akhirnya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dalam agenda berpaksi rakyat ataupun People Centric pada kali ini meneruskan lagi agenda untuk merencanakan lagi Visit Beautiful Terengganu pada tahun hadapan dengan peruntukan sebanyak RM80 juta untuk sektor pelancongan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Panjang dah Kuala Besut ni.

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Minta seminit lagi Dato' Yang Dipertua, nak ending ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Boleh berhenti sekarang tak?

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Okey. Saya akhiri dengan serangkap pantun. Cuma Kuala Besut ni merupakan pintu masuk, saya mohon juga supaya pintu masuk Kuala Terengganu melalui Kuala Besut ini dinaiktarafkan juga infranya seperti jalan, culvert dan sebagainya untuk mengelakkan berlakunya banjir kilat di Kuala Besut khususnya di Kampung Pajakan. Dan saya akhiri Dato' Yang Dipertua kerana kita ikut peraturan dan juga ikut kata-kata Dato' Yang Dipertua sebagai Yang Dipertua Dewan. Dan sebagai akhirnya, saya akhiri dengan serangkap pantun:-

Nelayan gembira hasil yang dapat,  
Tukun dasar lembut tempat memukat,  
Terima kasih tak terhingga kepada Yang Amat Berhormat,  
60 Touchpoint Bajet untuk rakyat.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Kuala Besut mohon menyokong. Sekian, wabillahi taufik wal hidayah. Wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa'alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Kuala Besut. Tak apa kita sambung petang ni sikit insyaAllah. Saya ada masa sikit lagi. Okey, sila Ladang.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Sampai pukul berapa agaknya ni?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cakap dulu. Biasa 10 minit, jelas. Semalam pun saya cakap, saya kata jam (timer) kita dah order kalau ada jam tu senang aje.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Dah tak apalah saya cakap.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apalah, nantilah dulu Speaker tengah bercakap ni. Rujuk mana-mana pun, bila Speaker bercakap tak ada yang boleh larang Speaker bercakap atau ada undang-undang lain. Minta maaf, saya kata jelas, saya rujuk banyak buku, saya akan baca satu-satu nanti insyaAllah. Peraturan Dewan saya akan baca, Peraturan Parlimen saya akan baca. Jadi mudah, kalau orang nak bermain-mainkan saya, nak perli saya. Saya minta Ladang 10 minit sahaja. Boleh? Kalau lebih tu atas budi bicara saya tapi Ladang saya percaya Ladang biasanya dia pendek tapi bernas. Sila Ladang.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Nak tanya boleh kalau lebih?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: InsyaAllah. Sila Ladang.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): 'Auzubillahi minasyaitanir rajim. Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah rabbil 'alamin. Wassalatu wassalamu'ala asyrofil anbiya iwal mursalin. Wa'ala alihi wa ashabihi ajmain. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua yang saya kasihi .....

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat

Exco, Yang Berhormat-Yang Berhormat, pegawai-pegawai dan semua yang hadir pada pagi ini.

Syukur alhamdulillah kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat juga berucap pada hari ini. Saya nak mulakan dengan satu pertanyaan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, bukan nak tanya tapi nak minta kepastian tentang surat yang dikatakan telah dihantar kepada Kerajaan Negeri berkenaan dengan royalti yang menyatakan bahawa mengikut undang-undang Petronas tidak lagi perlu membayar royalti kepada Kerajaan Negeri Terengganu. Saya mohon kepastian sama ada surat ini benar telah diterima oleh Kerajaan Negeri ataupun tidak? Mudah saja, itu nombor satu. Saya ada 10 perkara saja.

Yang keduanya tentang Bajet - 60 touchpoint. Baguslah dihuraikan panjang lebar di sini tapi kalau nak mudah longgokkan sahaja dalam buku Bajet ni, senang sahaja, satu saja, tak payah panjang-panjang ceritanya, kita boleh rujuk dalam buku ni sahaja. Saya ingat mungkin untuk pilihan raya agaknya sebab saya tengok di kawasan saya kalau ada Bantuan-bantuan Kebajikan Masyarakat kalau dulu dia masukkan terus ke dalam akaun penerima tetapi sekarang ni ada pegawai-pegawai dan yang seorang tu dia kabor dia akan bertanding di Ladang. Saya tak tahulah ini cerita orang. Dia pergi sendiri hantar pitih. Saya kata baguslah tapi kalau boleh lepas pilihan raya ni buat begitu jugaklah. Saya nak memperingatkan dialah, itu saja. Nampak kerut muka, bakpe?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya tak dengar, tak jelas, apa dia?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Ada pegawai dan ada seorang tu dia duk kabor ke orang dia akan bertanding .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Dato' Yang Dipertua, mohon laluan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Kalau diganggu begini .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Tak, saya bukan ganggu, saya minta laluan saja.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Dah saya tak beri.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Itu yang saya tanya, saya minta laluan. Tapi saya ingat tak usah cakaplah hal orang dalam Dewan ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Tak, bukan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jabi, Ladang *please* pergi ke *point* lain, lebih mudah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Bukan nak cakap hal lembu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Dah kelmarin Wakaf Mempelam cakap hal babi. *Komang spanar* tanya hal babi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tolong akur, kalau saya nak baca peraturan-peraturan, banyak .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Dato' Yang Dipertua, boleh saya teruskan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kejap Ladang, terima kasih. Kita orang lama .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Dato' Yang Dipertua, tahu bahawa saya adalah orang yang sangat patuh pada peraturan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih, saya percaya. Terima kasih banyak Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Jadi usah diganggu sayalah. Kemudian disebut juga tentang kos sara hidup yang meningkat dan tidak dipersetujui bahawa kos sara hidup meningkat sangat di Terengganu ini. Kata dok, kerana GST meningkat, orang sebelah sana menafikan .....

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kita tidak nafikan kos meningkat tapi ucapan daripada Manir .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Mengapa saya diganggu dan Tuan Yang Dipertua benar?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya tak benar, bercakaplah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Suruhlah dia duduk. Hah, duduk dah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Teruskanlah bercakap.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Dah dia bangun, takkan dua-dua orang sekali bangun.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya nak dengar Ladang aje.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Ya, kos sara hidup memang meningkat, tadi bila kita kata meningkat minta pula mana buktinya, mana datanya, duk sebut saja.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Pohon penjelasan Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya rasa bagi ajelah kot, ya. Okey Ladang. Sila Air Putih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Dato' Yang Dipertua, saya tak cakap pasal menafikan kos sara hidup meningkat. Manir pula bercakap seolah-olah duduk dalam negeri/negara yang cukup dah macam *fear state*, teruk sangat sebagaimana dia cerita itu. Jadi kita kata bagilah bukti dan data.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Dah biar saya bagi bukti.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Saya tak sentuh pun pasal kos sara hidup meningkat, inflasi ada.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Dah giliran saya pula dok?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey. Terima kasih kerana Air Putih dibenarkan mencelah. Ladang sila sambung.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Terima kasih. Tentang kos sara hidup ini maknanya kita mengaku semuanya meningkatlah. Kos sara hidup ni meningkat dan kalau nak bukti kita boleh buktikan dengan data-data yang dibuat kajian oleh banyak pihak.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Bukan masalah kalau nak, buktikanlah dengan data tu. Bukan masalah kalau nak, memang naklah.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Susah main *ngan* budak ni. Hormatlah sikit.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tak apa saya buktikan. Nak bukti?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Bukan masalah hormat Y.B. Tepoh. Saya ingat Wakil Tepoh ni tak betul .....

*[Rakaman tidak jelas disebabkan oleh pertindihan suara di antara Wakil Jabi dan Wakil Tepoh]*

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): .... dalam bersidang bukan begitu cara bercakap.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): *Time* kita bukan cara, *time* dia bangun terus dan bercakap.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Benda apa masalah saya tak hormat kepada orang, bakpenya timbul soal hormat, tak hormat. Soal hormat saya dengan Wakil Ladang di luar tadi dekat-dekat nak cium tangan dah tadi, hormatnya saya ke orang tua. Ini soal Perbahasan Dewan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tepoh duduk dulu. Jabi duduk dulu. Saya tahu sama-sama muda. Duduk dulu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Muda dia tapi smart dia nampak tapi comel saya.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): *Babir!*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Biar orang tua cakap pulaklah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Silakan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Itulah saya sebut tadi bahawa selalunya orang minta bukti. Jadi saya nak sebut bahawa kos sara hidup meningkat ini telah disebut dan dititahkan oleh



Baginda Tuanku sendiri dalam Titah Ucapan pada sesi yang lepas pada bulan Mac. Itu membuktikan bahawa memang kos sara hidup meningkat. Tuanku sendiri sebut begitu, boleh *check* balik. Itu fakta nombor satu. Yang kedua, CPI (Consumer Price Index) kita meningkat daripada 3.7% kepada 4.5%. Itu data Oktober 2017. Harga besi nak buat rumah, laporan daripada REHDA naik selepas Februari lepas daripada RM1,700 kepada RM2,800 setan, 60% naik. Kalau kita pergi ke bandar, tak usah jauhlah, pergi ke bandar beli ikan, harganya melambung naik bukan setakat musim hujan saja, masa ni pun. Sayur juga meningkat harganya. Ini berkenaan dengan rakyat yang nak makan setiap hari, jadi itu fakta.

Kemudian, tentang rasuah dengan kesejahteraan hidup di Malaysia ini. Tentang rasuah yang berlaku di Malaysia, Negeri Terengganu tak ada indeks, tak ada apa-apa tapi di Malaysia ada. Saya pun tak berapa nak percaya tapi mungkin ini disiarkan oleh Times Magazine tapi tak boleh pakai pulaklah Times ni sebab dia magazine. Tak apalah tapi dia sebut.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dia Peraturan Dewan sebegitu rupa.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Tak apalah tapi boleh saya sebut?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak bolehlah.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Saya mohon mencelah sikit, boleh? Sikit saja. Pasal kos sara hidup meningkat ni, saya tanya Tok Peraih ikan, dia suka ikan harga mahal, saya tanya penjual sayur pula dia suka harga sayur mahal.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Duk ingat ke Ahmad Maslan seorang aje, rupanya ramai.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Saya nak kongsi sikit ni, dulu gaji .....

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat, kakrang giliran Exco, cakaplah. Allahu Akbar.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Okey, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Hor, gitu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Terima kasih. Ada lagi? Orang jual sukalah kan tapi suatu ketika tu lada sampai RM15 sekilo, sukalah dia tapi kita hak makan yang susahny. Ini soal hak ramai orang.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, sila, *point* seterusnya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Ya, saya nak sebut sikitlah tentang Times Magazine, dia ada menyebut tentang Corruption Perception Index pada 24.3.2016. Dia sebut ada lima fakta berkenaan dengan rasuah. Dia kata, sekejap ya, kan takut tersalah pula. Disebut di sini Brazil dan beberapa buah lagi .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ladang, lihat Peraturan Mesyuarat 26, saya dah jelas tadi, tak payahlah buat rujukan, tak boleh, peraturan jelas.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Okey, tak apa, tak apa. Saya patuh. Saya tak sebut dah Times Magazine, saya nak sebut tentang penemuan oleh Transparency International Malaysia, boleh? Boleh saya sebut?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cuba baca Peraturan 26, jelas.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Tak, tak, saya tanya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak boleh, saya tak benarkan.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Suruhanjaya sendiri tak boleh rujuk jugak ke?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Transparency International Malaysia pada .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tolong bagi dokumen tu pada saya. Bentara tolong ambil.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Saya baca dulu, nak nanti saya bagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Hor, baca dulu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Saya dok kabor apa lagi mintak dah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Apa dia Ladang?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Saya dok kabor apa lagi mintak dah, biar saya kabor dulu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey. Takut tak ada dokumen.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Yang ada dokumen nak bagi tak bagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar, sabar.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Jadi .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Nanti kejap, saya akan bagi ruling satu persatu nanti.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Benda apa pulak ni?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak, saya nak kata mencelah atau apa-apa, cadangan yang perlu saya buat atau tindakan saya perlu buat, saya akan buat. Insyallah. Sila Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Tahun 2016, Corruption Perception Index oleh Transparency International Malaysia, Malaysia duduk nombor ke-55 daripada 176 negara. Okey, habis cerita tentang itu. Saya boleh sambung sampai pukul berapa sebenarnya ni?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa, saya bagi 5 minit lagi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Saya nak merujuk juga kepada Titah Ucapan Baginda pada 27 Mac 2017 berkenaan dengang Lembah Silika. Dikatakan Lembah Silika ini akan menjana lebih kurang RM5 bilion untuk Negeri Terengganu. Saya nak tahu setakat manakah agaknya kemajuan dicapai tentang Lembah Silika ini. Dan saya juga nak tanya pendapatan untuk Negeri Terengganu secara langsung. Selain daripada premium yang dibayar kepada Kerajaan, tanah-tanah yang diberikan kepada mereka, orang-orang yang berkenaan atau syarikat-syarikat berkenaan, saya juga nak tanya berapa pendapatan hasil peralihan bahan-bahan ini yang Kerajaan Negeri dapat. Saya ingat terlalu sikit, itu premium (bayaran tanah). Kemudian apa sebenarnya Dasar Silika kita, Dasar Perlombongan Silika

apakah boleh kita terus eksport silika mentah begitu ataupun mesti dihantar *end product*. Itu juga saya minta penjelasan sebab saya kurang jelas tentang itu.

Saya juga mendengar tentang soal pendidikan yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar iaitu Sekolah Sheikh Abdul Malek yang dapat International Baccalaureate, maknanya hebat. Saya nak bertanya kalaulah begitu hebat mengapa 4 - 5 tahun kebelakangan ini Sekolah Sheikh Malek ini terkeluar daripada senarai yang dapat Top 10 di Negeri Terengganu.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Peperiksaan apa tu?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Peperiksaan SPM. Dulu memang hebat bawah pada 10, selepas pada itu terkeluar daripada Top 10, dulu adalah salah satu sekolah yang terbaik di Negeri Terengganu. Mungkin boleh diterangkan mengapa berlakunya ini, adakah kerana IB tadi ataupun kerana masalah lain. Dan apakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memanjangkan lagi IB ini kepada sekolah-sekolah lain. Nak tanya tu. Ringkas-ringkaslah tak reti nak cakap banyak dah.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Seminit lagi Ladang.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Saya nak tanya juga tentang yang masih lagi berkaitan dengan Titah Ucapan Baginda iaitu berkenaan dengan penjanaan elektrik luar pantai. Katanya nak buat Windmill dalam laut di Ma' Daerah, Kertih tu setakat mana dah. Jadi kita nak tahulah perkembangan setakat ini masih diteruskan ataupun bagaimana ataupun nak pergi ke Holland nun nok tengok saya boleh pergi ikut sama. Saya bawa pergi ke Hollandlah nak tengok keadaannya di sana. Nak tanya juga lagi tentang .....

YANG BERTHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Nak tanya sikit Y.B. pasal Ma' Daerah tadi tak berapa nak tangkap ni.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Katanya dia ada satu teluk di sana di mana projek itu akan dibuat di sana, Teluk Ma' Daerah dia panggil di Kertih, di Labohan.

Kemudian saya nak tanya perkembangan Bandar Baru Bukit Besar. Lama dah perkara ini masa saya duduk di UPEN dulu lagi, kita rancang sampai sekarang tak tahu macam mana perkembangan, boleh Dewan tahu perkembangan sekarang.

Saya juga nak tahu sedikit sejarah perkembangan projek-projek di Terengganu yang Wallahu wa'alam apa sebabnya tapi banyak yang tergendala, dengan

runtuhnya, dari Taman Ilmunya, pecahnya, retaknya. Tak tahu pasal apa jadi begitu, hatta buat longkang, parit pun kebetulan depan rumah Yang Berhormat Ladang ke sekolah. Saya ditegur oleh ramai orang termasuk budak-budak. Dia kata *bakpe* parit tu tinggi daripada tanah, jadi air nak mengalir ke parit *lagu mana mo'oh?* Jadi saya bercakap dengan Exco berkenaan, saya suruh dia pergi tengok sendiri. Saya tanya konsultan pun dia kata pelik ni, konsultan yang tak berkenaan dengan inilah, konsultan bebas. Dan bila saya tanya kepada JPS macam mana ni? Dia pun tak berapa nak boleh jawab. Jadi tak tahu pasal apa terjadi sedemikian rupa. Mungkin boleh beri peneranganlah sebab rakyat nak tahu. Depan rumah saya, saya tak ada masalahlah tapi begitulah. Untuk makluman longkang itu atau parit baru itu ada yang 3 kaki, 3½ kaki, 2½ kaki tinggi daripada tanah asal. Nampak longkang tapi tak tahu kenapa dia jadi begitu. Boleh diterangkan kemudianlah, insyaAllah.

Saya juga mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah kepada kawan-kawan saya dalam pentadbiran, pegawai-pegawai yang ditunjangi oleh TCS yang banyak memenangi anugerah dari dulu sehingga sekarang. Teruskanlah insyaAllah. Seronok bila mendengar berita-berita begitu. Cuma saya nak minta juga mengikut perkembangan semasa supaya dilihat juga tentang fi, bayaran yang masih kita pakai yang lama. Saya juga nak sokong apa yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar supaya nak lihat balik tentang peraturan dan juga fi yang dikenakan dalam pelbagai perkara. Terutamanya tentang soal peralihan mineral sebab kita dapat banyak dari segi tu, hasilnya boleh kepada Federal. Contoh lagi, pindah milik tanah. Pindah Milik Tanah yang *state* dapat RM40 tak kira nilainya RM10 ataupun RM10 juta. Federal dia *charge on* nilai tanah itu jadi dia dapat banyak.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ladang dah panjang dah.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Maksud suruh berhenti ke, kabor panjang masa aje?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kalau sudah panjang bermakna melangkaui masa 10 minit.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Dok, kabor terus kalau suruh berhenti saya berhenti sebab saya sangat patuh pada peraturan. Kalau suruh berhenti saya berhenti selalu.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, sila berhenti sekarang.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Terima kasih. Wallahu wa'alam.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Ladang. Saya hormat pada Ladang memang dia sentiasa mematuhi peraturan. Saya nak tanya ada ramai lagi yang nak mengambil bahagian? Empat. InsyaAllah, kita sambung selepas ini, insyaAllah. Ada empat-lima orang lagi sebelah sini dan sebelah sana. Saya nak minta sebelum saya tangguh, kita patuh pada masa 2.30 petang kerana kita kejar masa. 2.30 petang ni kita masuk selepas makan tengah hari, kita solat berjemaah kalau boleh dan kita masuk pukul 2.30 untuk kita sama-sama meneruskan perbahasan di petang yang mulia ini, insyaAllah.

Maka Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, izinkan saya menangguhkan sementara Dewan yang mulia ini dan kita sambung semula pada pukul 2.30 petang dengan perbahasan-perbahasan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang akan mengambil bahagian nanti, insyaAllah. Sebelum itu saya menjemput semua Ahli-ahli Yang Berhormat ke Damai Lounge untuk makan tengah hari dan kepada Ketua-ketua Jabatan, Pemerhati dan lain-lain di Perkarangan U2, Dewan Undangan Negeri Terengganu. Jamuan ini dihoskan oleh Dewan Undangan Negeri Terengganu. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 1.10 TENGAH HARI.

## PUKUL 2.30 PETANG

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya muliakan. Mesyuarat disambung semula. Saya menjemput sekiranya ada Yang Berhormat yang masih ingin berucap. Silakan.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk mematuhi perjalanan mesyuarat semalam hingga ke hari ini yang memberi syarat supaya saya mengemukakan bukti terhadap kandungan perbahasan saya semalam yang menyebut tentang kejadian yang melibatkan pembalakan haram di Dungun semalam yang dimintak saya untuk menarik balik dan mengubah kenyataan saya, u-turn dan sebagainya. Hari ini laporannya saya telah cetak sebagaimana yang saya janjikan semalam dan saya mohon kemukakan kepada Dewan untuk rujukan Dato' Yang Dipertua dan sekali gus untuk menjawab *statement* ataupun kenyataan semalam. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Bandar. Sila Bentara.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ada empat set dokumen.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kita catat, kita terima empat dokumen daripada Bandar. Terima kasih banyak Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dipersilakan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian dalam perbahasan. Kalau tak ada saya nak mintak pihak Kerajaan gulung. Sila Air Putih. Terima kasih Air Putih, silakan.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah Rabbil Alamin. Wabihi nastain. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, rakan-rakan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, rakan-rakan daripada Y.B.-Y.B. sebelah sini dan sebelah sana, Ketua-ketua Jabatan, para Pemerhati, tuan-tuan, puan-puan perwakilan Pemerhati yang saya hormati sekalian.

Sebelum saya memulakan perbahasan ini, saya mohon supaya semua Ahli Dewan dan juga Pemerhati sama-sama kita berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala supaya rakan kita daripada Cukai cepat sembuh kerana difahamkan dalam sehari-dua ini tidak berapa sihat. Jadi minta daripada Allah supaya rakan kita ini cepat sembuh dan dapat pulih supaya dapat menjalankan tugas seperti biasa. Dato' Yang Dipertua.....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Air Putih, sebelum tu kalau tidak benar minta dimaklumkan balik. Mentua Wakil Paka meninggal semalam. Oleh itu kita mengambil atas semangat solidariti kita, kecaknaan kita bersama marilah kita menghadihkan Al-Fatihah kepada Bonda Mentua Y.B. Paka. Al-Fatihah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Amin, amin, semoga roh arwah berada dalam golongan yang dikasihi dan dicintai oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Amin. Sila Air Putih.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya kali ini adalah Sidang Dewan yang lebih daripada 40 bagi saya sejak dari tahun 2008. Dan dalam banyak-banyak pembentangan Bajet saya rasa cukup teruja pembentangan tahun ini sebabnya ada beberapa perkara yang saya nak kongsi bersama.

Yang pertamanya ialah pertama kali Yang Amat Berhormat Menteri Besar membentangkan Bajet menggunakan teknik ataupun cara 'Touchpoint' yang mana merentasi semua sektor. Kalau dulunya kita bercakap Bajet tentang Bajet Pembangunan, Bajet Perumahan, Pertanian dan sebagainya. Tetapi kali ini 60 touchpoint ini merentas segala-galanya dan jelas dan amat menarik untuk dilihat oleh rakyat. Syabas kepada pihak Kerajaan.

Yang keduanya ialah kali ini juga nampak jelas bahawa penyelesaian yang dibawa oleh pihak Kerajaan ialah penyelesaian Three Feet Solution dengan izin, ataupun Penyelesaian Tiga Kaki. Kita boleh lihat dengan jelas daripada touchpoint-touchpoint ini banyak perkara yang terus diberikan kepada rakyat dan sebahagiannya diberi untuk menjana ekonomi rakyat. Sebab itu Dato' Yang Dipertua, saya suka sentuh tentang perbezaan *people economy* dan juga *capital economy*.



Sekarang ini Negara Malaysia kita dah amat baik dari segi *capital economy*nya, 5.6% kuartar pertama, KDNK 5.8% dan suku ketiga ini difahamkan sudah mencecah 6.7%. Tetapi mungkin juga bagi rakyat apakah maksud itu? Sebab itulah saya suka menarik kembali kenyataan dan kajian yang telah dibuat oleh Prof. Tan Sri Noor Azlan iaitu izinkan saya *refer* kepada laporan statistik: Tentang pendapatan Household Median Income di Negeri Terengganu ini yang telah disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar tapi saya nak tekankan lagi bahawa pertambahan daripada 2014 hingga 2015 bahawa Terengganu meningkat yang paling besar iaitu sehingga 24.2%. Dan kita selain daripada negeri-negeri lain adalah salah satu negeri yang menjangkau melebihi Pendapatan Purata Median Income Purata Negara pada 2014 untuk tahun 2016 dan hanya di depan kita adalah Selangor, Johor, Melaka dan Pulau Pinang. Ini adalah indikator yang lebih baik daripada Pendapatan Purata Isi Rumah. Dan ini kita dapat lihat walaupun KDNK kita diambang 3.1% - 3.8% tetapi pendapatan rakyat sebenarnya telah meningkat. Ini menunjukkan bahawa perjuangan kita sejak dari dulu lagi daripada Menteri-Menteri Besar yang lama yang dulu, mantan-mantan Menteri Besar dan di sebelah saya ADUN Kijal ada bersama-sama dengan kita hari ini, hasil ini hanya boleh dibuat, dicapai atas perjuangan mereka sejak dari dulu. Syabas Kerajaan Barisan Nasional. Terima kasih kepada semua pejuang-pejuang kita.

Dato' Yang Dipertua, satu perkara lagi yang saya ingin sentuh ialah tentang ada persepsi di luar sana dan juga di dalam ini yang menyatakan kita ini teruk sangat ekonomi kita. Saya ada mencabar beberapa orang, bertanya beberapa Wakil-wakil dalam Dewan ini tentang isu-isu yang dibangkitkan seolah-olah kita hidup dalam negara Fail State. Saya nak beri perbandingan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pada tahun 2016, maklumat ini saya selidik daripada Laporan Bank Negara. Saya nak buat perbandingan dari sekarang dan berbanding dari tahun 1988 ketika krisis ekonomi yang cukup dahsyat melanda negara. Pada tahun 1988 KDNK kita adalah negatif 7.4% sekarang ini pada tahun 2015 - 5% kuartar pertama, 2016 - 4.2%, 4.0%, 4.3%. Kemudian 2017 naik 5.6%, 5.8% dan 6.3% semuanya positif dan ini bukan krisis sebenarnya. Kalau krisis adalah seperti 1988 iaitu negatif 7.4%. Saya juga nak buat perbandingan pada 1985 debt-to-GDP Ratio 103.4% maknanya hutang kita lebih besar daripada GDP kita tetapi pada tahun 2016 kita ditahap 53.4% dan ini bukan krisis Dato' Yang Dipertua. Tahun 2016 NPL (Non Performing Loan) Nisbah Hutang Bank Tak Berbayar pada 2016 hanya 1.6% berbanding pada era krisis 1988 dan 1989 di mana 14.9% Nisbah Hutang Bank Tak Berbayar, sekarang bukannya krisis.

Saya juga ingin menyentuh tentang Interest Rate atau Bank Lend Rate 2016 - 4.5%, ekonomi boleh berkembang berbanding 1988 - 13.5%. Itu krisis Dato' Yang Dipertua.

Dato' Yang Dipertua, saya juga ingin menyentuh tentang Nilai Matawang. Semalam kata makin teruk. Sebenarnya kalau kita lihat 3 bulan terakhir ini nilai matawang kita berbanding dengan Dollar Amerika sudah semakin baik, daripada RM4.4 bagi 1 Dollar sekarang dah jadi RM4.1 atau RM4.05 bagi 1 Dollar Amerika. Ini disebabkan .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Dato' Yang Dipertua, boleh saya mencelah?

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Oh, saya sentiasa beri.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Alhamdulillah, baiknya. Main badminton sama kelmarin.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Apakah Yang Berhormat sedar bahawa ringgit kita telah tidak diterima di banyak negara, di Thailand saya pergi *takmbah* terima dah yang terimanya cuma Vietnam saja lagi. Apakah ini menunjukkan bahawa keyakinan orang kepada nilai matawang kita terlalu rendah, adakah ini ada dalam maklumat Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Tiada. Dato' Yang Dipertua, saya nak maklumkan bahawa matawang kita semakin meningkat disebabkan beberapa perkara. Sejak dari November 2017 -2016 eksport kita telah meningkat *Double Digit Growth* dengan izin, sehingga pada bulan November, Disember 2017. Bila kita banyak eksport makin baik matawang kita sebabnya orang membeli matawang kita, jadi matawang kita akan *the demands is higher* dengan izin, akan terus meningkat. Dan juga FDI (Foreign Direct Investment) yang telah masuk ke negara kita sejak dari Aramco yang melabur di negara sejak 2015 dan juga pelaburan terus dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia menyebabkan keadaan kewangan dan juga matawang kita semakin meningkat Dato' Yang Dipertua.

Dato' Yang Dipertua, saya juga nak sentuh tentang penjualan kereta. Saya ada data dari MAA (Malaysian Automotive Association) pada *year-to-date* Oktober ini kita menjual 472,723 kereta iaitu meningkat 1% *year-on-year* dengan izin, berbanding pada tahun 2016.

Tentang orang berjalan di airport kita ini, Malaysia Airport Berhad melaporkan pada tahun 2017 suku ketiga, kita telah mencapai 50.9 juta penumpang yang melalui KLIA dan KLIA2. Dan data sehingga Oktober ini sudah melangkaui total

penggunaan airport pada tahun lepas iaitu 52.5 juta dan dijangkakan sehingga akhir tahun ini, insyaAllah akan mencecah antara 57 juta hingga 58 juta penumpang hampir setaraf dengan airport-airport terkemuka di dunia.

Dato' Yang Dipertua, *unemployment rate* ataupun pengangguran. Sejak 2014, 2016, 2017, kita di sekitar 2.85%, 3.45% dan 3.5% yang paling teruk ketika krisis ialah 4.5%, sekarang ini kita dalam keadaan yang cukup stabil. Dato' Yang Dipertua, saya mengakui harga barang .....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Mohon penjelasan Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Batu Burok.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Terima kasih. Saya nak merujuk terus kajian yang dibuat oleh Dr. Mohd Khalid, bekas Pengarah Pusat Kajian daripada Khazanah yang menyatakan bahawa ekonomi negara berkembang tetapi dengan cara yang perlahan. Dan tadi disebut tentang peluang pekerjaan. Beliau menyebut dengan jelas bahawa dalam konteks graduan ataupun mereka-mereka yang keluar daripada Pusat Pengajian Tinggi jumlah peratusan peluang pekerjaan yang dicipta kebanyakannya adalah daripada kategori kemahiran ke bawah, kemahiran pertengahan dan tidak sesuai untuk graduan kita. Gaji graduan daripada 2007 sehingga tahun lepas, tiada peningkatan jika dikira selepas menolak inflasi iaitu tiada perbezaan. 50% pekerja di Malaysia hanyalah bergaji di bawah RM2,000 .....

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Nak tanya apa ni? Tanya lekas Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Ini berbeza dengan data yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Sekarang ni kalau kita baca Laporan Bank Negara yang dikeluarkan Oktober 3/2017 ada disentuh semua perkara ini, saya cuma ambil sebahagian. Jadi saya takmbah *argue* dengan *sampling-sampling* ataupun kenyataan. Dia satu pakar ekonomi tidak boleh mengatakan itu hak mutlak dia untuk berkata apa-apa ataupun itulah segala-galanya, dia banyak pandangan. Dan saya cuma bagi pandangan berkaitan Laporan Bank Negara yang dibuat pada suku ketiga. ...(Tepukan sokongan).... Saya teruskan ucapan saya.

Yang Dipertua, sikit pasal inflasi ini.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila, sila.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Inflasi ini sebenarnya ada keadaannya baik terutama apabila dijana oleh permintaan, kita takmbohnya kalau inflasi ini sebab barang takdok. Hak berlaku di Venezuela inflasi berganda-ganda, piti ada tapi dokleh nok beli barang tetapi inflasi di Malaysia ini sebagaimana dalam Laporan Bank Negara Suku Ketiga ini ialah inflasi yang dijana oleh consumption iaitu permintaan dalaman negara kita. Jadi bila orang banyak beli harga barang akan naik bagi saya *reasonable* tetapi Kerajaan boleh buat lebih baik lagi. Sebab contohnya, kita boleh bantulah cara-cara bagaimana kita nak bantu rakyat supaya yang rasanya golongan B40 tu kurang terasa.

Saya beri contoh, penjana utama inflasi sebagaimana data yang ditunjukkan oleh Bank Negara ini ialah pengangkutan. Sebab itu dalam Soalan Lisan, saya tanya bila lagi nak buat pengangkutan awam yang lebih baik di Negeri Terengganu? Sebab pengangkutan ini dia mengambil hampir 17% daripada komponen inflasi yang ditekan oleh rakyat sekarang. Kalau peningkatan barang yang tidak tahan lama 3% - 4% tetapi sektor pengangkutanlah komponen inflasi yang paling tinggi. Sebab itu saya minta pihak Kerajaan segerakan, bincangkan dengan Kerajaan Pusat segerakan isu pengangkutan terutamanya pengangkutan di dalam bandar di Negeri Terengganu ini.

Dato' Yang Dipertua, saya tak tahulah ini ucapan saya yang terakhir atau tidak, dah 43 kali saya berucap, term pun dah nak habis, saya nak ambil peluang nak ucap terima kasih kepada Dato' Yang Dipertua dan pasukan Dato' Yang Dipertua, kawan-kawan, staf kita di Pejabat Dewan dan semua Ahli-ahli rakan-rakan saya di sebelah sana, di sebelah sini saya nak minta maaf dari kaki hingga ke hujung rambut kalau salah silap selama saya menjadi ahli di Dewan ini, halalkanlah makan dan minum saya, kita tak tahu. Cuma saya merasa bangga dapat diberi peluang oleh Allah Subhanahu Wata'ala mewakili DUN saya di dalam Dewan yang mulia ini, mewakili rakyat Terengganu di dalam memperjuangkan isu-isu rakyat kita yang kita cintai ini.

Jadi saya ucap terima kasih sekali lagi kerana memberi ruang kepada saya dan semoga Allah memberkati hidup kita, Allah memberkati negeri kita, Allah memberkati anak cucu kita. InsyaAllah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Amin.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Wabillahi taufik wal hidayah. Wassalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Saya pohon menyokong.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih banyak. Sila Kijal.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan dan para Pemerhati yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah, saya bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana hari ini saya diberi peluang oleh Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua untuk berucap dan mungkin ini merupakan ucapan terakhir sebelum PRU yang akan datang.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk turut sama membahaskan Ucapan Belanjawan Yang Amat Berhormat Menteri Besar bagi tahun 2018. Pertama, saya ucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar di atas Ucapan Bajet 2018 berjumlah RM1.966 bilion yang begitu komprehensif dengan 60 touchpointnya. Saya percaya bahawa Bajet kali ini adalah merupakan Bajet persiapan menghadapi PRU Ke-14 mudah-mudahan Allah merahmati usaha dan perjuangan Barisan Nasional hendaknya. Amin.

Dalam keadaan kita membuat berbagai perancangan untuk masa depan, Bajet masa akan datang, saya juga ingin menoleh kebelakang kerana saya diminta oleh penduduk di kawasan saya yang merupakan salah satu fix deposit bagi Barisan Nasional di DUN Kijal yang merupakan DUN yang kedua mempunyai majoriti yang tertinggi di Terengganu melebihi hampir 5,000 selepas DUN Telemong.

Saya ingin menyampaikan hasrat pengundi-pengundi di kawasan saya tentang dua projek yang belum dilaksanakan yang terdapat di dalam Bajet suatu ketika dulu. Yang pertama, Projek Membina Terusan Dalam Kawasan Industri Teluk Kalung yang telah diluluskan pada Bajet 2014. Terusan ini diperlukan bagi mengatasi masalah banjir di Kawasan Industri Teluk Kalung. Yang kedua, masalah banjir yang dihadapi oleh penduduk-penduduk Cukai terutamanya di Padang Kemunting yang mana Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah melawat kawasan ini pada tahun lepas. Dan yang ketiganya, untuk memudahkan kemasukan barang-barang daripada pelabuhan ke kawasan industri dan barang-barang siapa dari industri ke Pelabuhan Kemaman sebab itu kita, Kerajaan Negeri membina Jambatan Bukit Kuang yang begitu tinggi untuk memudahkan tongkang dibawa masuk ke kawasan industri berkenaan bagi mengatasi masalah lalulintas treler dan sebagainya. Pada tahun 2014 - 2015, Kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM20 juta untuk membina terusan ini. Saya dimaklumkan pada ketika ini pihak UPEN mengatakan tidak ada keperluan sedangkan keperluannya adalah begitu mendesak untuk mengatasi banjir di kawasan berkenaan dan peruntukan telah diuruskan ketika

itu. Saya berharap Kerajaan Negeri dapat melaksanakan projek ini dengan segera bagi mengatasi masalah-masalah sebagaimana yang disebutkan tadi. Yang kedua, saya ingin menyebut iaitu pada tahun 2013, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sebanyak RM7 juta untuk membina Dewan Orangramai di Seri Bandi. Dan kalau Kijal merupakan fix deposit bagi Dewan Undangan Negeri Terengganu ini, maka Seri Bandi ini merupakan fix deposit bagi DUN Kijal kerana BN menang lebih dari 1,600 undi di sini sahaja. ...(Tepukan sokongan)

....

Saya ucap terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah meneruskan projek pembinaan 220 unit Rumah Mampu Milik yang sedang dalam pembinaan sekarang. Tapi ada satu lagi projek iaitu Dewan Orangramai yang telah diluluskan pada 2013 tapi tak sempat dilaksanakan kerana perubahan, pindaan kepada pelannya bernilai RM7 juta dan saya harap juga projek ini dapat dilaksanakan dengan segera sebelum PRU yang akan datang.

Di samping itu, saya juga ingin bangkitkan perkara mengenai Tasik Kenyir yang merupakan pembinaan kawasan bercukai yang pertama di dunia yang terletak di tasik dan mempunyai banyak produk-produk pelancongan yang boleh kita lakukan demi menarik pelancong. Saya berharap bahawa Kerajaan Negeri, saya tengok peruntukan RM54.9 juta untuk Kenyir pada tahun hadapan saya tak temui pembinaan projek premium outlet sebanyak 30 unit di mana semua pelan disiapkan kerana Tasik Kenyir ini akan jadi lebih maju, akan menjadi tarikan pelancong sekiranya terbina premium outlet ini nanti. Kita sedar bahawa lain-lain tempat yang menjadi tarikan pelancong dengan adanya factory outlet atau premium outlet, contohnya, Bicester Village di London, kalau orang kita panggil dekat Jin Tendang tapi ratusan ribu pelancong yang datang. Begitu juga kalau kita pergi Lugano Switzerland, dia berada bukan di dalam tasik tetapi di luar tasik yang juga menjadi tempat tumpuan. Yang ketiga, Shilla Duty Free di Korea. Dan termasuklah Milan Italy, Kota Fesyen. Saya telah berjumpa dengan Tourism di sana suatu ketika dahulu, ketika itu tiga tahun lepas pelancong yang datang ke Milan sahaja 10.75 juta setahun, daripada 10.75 juta ini, 8.5 juta daripada China. Kuasa terbeli terbesar hari ini ialah merupakan pelancong-pelancong dari China. Begitu juga kalau kita pergi ke tempat-tempat lain sama ada di Shilla ke ataupun ke Mount Titlis di Switzerland, di atas gunung sana ada satu kedai jam di mana 100 % penjualnya adalah orang China dan hampir 100% juga pembelinya adalah orang China. Sebab itu hari ini kita tak dapat lari daripada orang China dan kita boleh tarik pelancong ke Tasik Kenyir seperti yang saya kata kalau kita boleh siapkan segala kemudahan ini termasuklah premium outlet maka lebih ramailah orang-orang China ini datang ke Terengganu. Baru-baru ini kita telah buat percubaan dua flight direct yang dibawa oleh satu pihak ke Kuala Terengganu tapi yang penting mereka-mereka ini ingin shopping kerana di China barang-barang yang berjenama ini tiga kali ganda lebih mahal berbanding di tempat-tempat lain. Dan kalau kita pergi contohnya di Lafayette Paris kebanyakan

pembelinya adalah orang China, mereka membeli secara cash barang-barang yang berjenama ini. Sebab itulah apatah lagi di Tasik Kenyir dengan keadaan semulajadinya, saya pernah bawa pelancong daripada China dulu dia tengok balak kita dia suka dia peluk balak tu dan ambil gambar. Itu baru tengok pokok balak baru. Saya pernah berulang balik dari China dulu sehinggakan Dato' Deris kata: 'Mu wak gi benda Mamat ke China, apa benda ada?' Sejak dia belum maju sampailah dia maju saya berulang-alik ke sana. Sejak saya pergi ke sana saya hanya baru bertemu satu batang balak saja saya jumpa sejak tahun 1990, sebatang balak sahaja saya jumpa di China, sampai dia elak highway tu takmboh wi terkena pokok balak tu bukan besar sangat pun tapi kita penuh dengan balak dan mereka sangat suka, mereka peluk, ambil gambar dan macam-macam termasuk jugalah Kelah dan sebagainya. Cuma saya nak mintak dengan Kerajaan Negeri supaya kita lebih agresif, kita buat segala kemudahan untuk Kelah tetapi pukul 4.00 petang tutup dah. Yang kedua, yang jaganya perempuan dua orang, jadi had bagi pelanggan satu hari hanya 80 - 100 orang sahaja. Sepatutnya orang nak mari ni biarlah berapa ramai pun dan kita boleh sediakan tempat makan minum dan kita boleh jual pulak barang-barang, makanan dan minuman di situ. Saya ada juga terdengar orang *complaint*, mereka datang pakej sekali dengan hotel tetapi tidak boleh masuk sebab dihadkan. Sepatutnya kita tak halang berapa ramai orang nak mari, marilah. Ini yang perlu kita lakukan.

Begitu juga saya lihat bahawa di Tasik Kenyir itu sendiri Kawasan Bebas Cukai tetapi tak tahulah, saya kali terakhir saya melawat kawasan itu pada bulan Oktober yang lalu. Dan saya sejak Dato' Menteri Besar buka Bebas Cukai ini, saya rasa dah empat-lima kali dah pergi cuma saya nampak bahawa ianya mempunyai potensi yang besar. Contoh, Ketengah jual Coklat Daim, sekarang ni saya rasa hak paling murahlah di Malaysia, RM15.45. Kalau kita pergi di Genting lebih kurang dekat RM18.00, saya dimaklumkan dalam empat hari buka jual Daim sahaja RM300,000 sampai tak cukup terpaksa di tempah balik, nak tunggu dari Belgium lambat juga termasuk jugalah dengan benda-benda yang lain. Jadi menggambarkan potensi tu ada sebab itu saya kata orang bukan sahaja nak melancong tetapi juga melihat kawasan-kawasan yang menarik Island Hopping yang kita ada di tambah lagi jika dibina dengan premium outlet itu. Saya berharap Kerajaan Negeri memikirkan secara serius kerana semua pelan telah siap untuk peringkat pertama iaitu 30 unit kedai premium outlet ini. Saya nak beritahu bahawa ada perbezaan antara premium outlet dengan factory outlet. Selama ini kebanyakan orang buat factory outlet, factory outlet ini merupakan barang-barang yang direject oleh kilang, kadang-kadang kita tak tahu reject tu kerana sikit sangat kerosakannya. Contohnya, Bally dan sebagainya sekali keluar operation mungkin 100 pasang kasut direject/ditolak dan dihantar kepada 10 factory outlet maka satu factory outlet dapat 10 pasang sahaja, kadang-kadang kita pergi nak beli tapi tak ada saiz. Tapi apa yang hendak kita buat di Tasik Kenyir ini adalah premium outlet. Barang-barang yang *the latest* dan *first class*.

Dan kita percaya kita boleh jual dengan harga yang lebih murah berbanding dengan Singapura dan sebagainya kerana di tempat lain sewanya mahal dan di sini kita perlu turunkan harga sewa kedai itu menyebabkan kita boleh jual murah kepada orang ramai. Saya nak beri contoh, anak saya beli topi Gucci di Singapura, dia jual dengan harga RM700, di Kuala Lumpur RM1000 beza RM300. Saya pergi Lugano dia jual RM425 mungkin kita boleh jual di Tasik Kenyir dengan harga RM650 maknanya RM50 murah daripada Singapore, RM350 murah daripada Kuala Lumpur. Anak saya boleh datang dari Kuala Lumpur naik kapalterbang beli dua topi sudah pulang modal dengan tiket kapalterbang dan dua malam menginap di Tasik Kenyir. Ini yang perlu kita lakukan. Dan sebab itulah saya katakan tadi kita minta supaya satu lagi Kawasan Bebas Cukai itu kerja-kerja yang dilakukan terlalu perlahan. Oktober lalu saya pergi atapnya belum dipasang, saya tanya: "Kenapa ini berlaku?" Saya tak tahu betul ke tak betul, saya harap pihak Kerajaan dapat jawab atau fikirkan benda ni. Dia kata: "Payment lambat, slow." Dia kata dah berapa bulan tak dapat payment. Saya kata kalau sekiranya payment tu dapat, dia akan pasang bumbung, atap maknanya kalau hujan pun dia boleh teruskan projek-projek dia. Jadi saya haraplah kita tak mahu projek ini jadi Gajah Putih kerana orang sedang menunggu. Contohnya, bila Yang Amat Berhormat Menteri Besar buka Kawasan Sementara Bebas Cukai di Pengkalan Gawi tu penuh dengan tetamu. Begitu juga dengan Pulau Poh, pembinaan Water Theme Park. Hari tu saya pergi, saya perhati ramai yang datang adalah orang Kelantan daripada Gua Musang, Tanah Merah, Pasir Putih, Kota Bharu cuma dia *complaint* dia orang kata tidak ada penambahan permainan, orang tua pun main dengan tempat budak-budak juga. Jadi saya syorkan, saya dah beritahu kepada Exco dengan syarat mendapat restu daripada Menteri Besar, saya kata ambillah gelongsor air yang ada di Taman Rekreasi Zoo Kemaman pindahkan ke Tasik Kenyir, bayarlah sikit kepada Majlis Perbandaran Kemaman dan kita buat di Tasik Kenyir supaya lebih menarik dan orang dewasa boleh menggunakan gelongsor itu yang agak cantik dan kata orang extreme itu.

Di samping itu saya juga mengharapkan bahawa Amphicoach ini menjadi kenyataan kerana kita lihat benda ni bukan sahaja akan menjadi tarikan pelancong tetapi penggunaan utama semasa banjir. Sebab dulu kita fikir kalau beli Amphibia hanya digunakan untuk banjir sahaja tapi kalau beli Amphicoach ini masa tak banjir kita boleh gunakan sama ada di Tasik Kenyir atau di Sungai Terengganu tapi masa banjir kita boleh gunakan untuk mengangkut atau memindahkan orang. Sebab dekat kita ni bukan semuanya tenggelam, jalan-jalan kita separuh tenggelam dan separuh tidak sebab itu dia boleh digunakan dalam 110 kilometer dalam keadaan biasa 7 atau 8 knot dalam air. Baru-baru ini saya tengok di Korea, pusat pelancongannya juga ada Amphicoach ini. Apatah lagi saya juga dimaklumkan bahawa Amphicoach yang ditempah oleh Kerajaan Negeri ini adalah merupakan model yang *the latest* dengan menggunakan Injin Man bukan injin Amphicoach biasa. Saya hari itu semasa Yang Amat Berhormat



Menteri Besar memberi jawapan untuk *terminate* kontrak ini lepas itu saya jumpa dengan pembekal dan pembekal itu memberitahu saya bahawa, satu; dia kata dia lambat terima bayaran sehinggakan dia terpaksa menggunakan duitnya sendiri RM180,000 untuk bayaran terakhir dan sekarang ini Amphicoach ini berada dalam kapal dalam perjalanan ke Malaysia. Jadi saya tak tahulah mana yang betul, kalau sampai macam mana? Sebab dia beritahu dia kata dalam perjalanan bila saya tanya dia. Saya harap kita tengok balik betul atau tidak sebenarnya. Ini adalah untuk industri pelancongan kerana ramai orang yang nak naik bas ni, dalam air boleh dan darat boleh belaka ni. Ia juga akan menjadi salah satu lagi tarikan dalam bidang pelancongan kita nanti kalau di Korea boleh buat, di Jepun boleh buat, di Singapura boleh buat kenapa kita tak boleh buat. Biasalah pada peringkat awal ini orang *complain* macam-macam, orang kritik macam-macam tapi akhirnya mereka akan sedar bahawa itu merupakan satu lagi tarikan yang boleh kita gunakan untuk memajukan lagi industri pelancongan di Negeri Terengganu kerana mahu tidak mahu Terengganu mesti melibatkan diri secara aktif dalam sektor pelancongan dengan segala kemudahan yang kita ada dengan kecantikan, keindahan pantai, pulau dan tasik ini sepatutnya merupakan aset utama Kerajaan Negeri untuk kita eksploitasikan demi masa depan rakyat Terengganu.

Justeru itu saya sekali mengharapkan usaha-usaha untuk meningkatkan industri pelancongan terutama dari Tasik Kenyir ini yang merupakan satu-satunya kawasan pelancongan yang berada di dalam tasik, Kawasan Bebas Cukai di dalam tasik di dunia. Sebab kita tidak mahu, bila orang tanya kita dengan izin Dato' Yang Dipertua, saya beritahu orang *we have the biggest man made lake in South East Asia. Water border itself is bigger than Singapore than we can put Singapore inside the lake.* Tapi tak ada apa yang boleh kita banggakan. Saya rasa kalau Tasik Kenyir ini berada di Negara Eropah sudah lama ia dibangunkan.

Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar baru-baru ini nampaknya bas-bas daripada DUN-DUN semuanya pergi ke Tasik Kenyir cuma pengisiannya barangkali perlu diperbanyakkan lagi. Cuma yang adanya hanya coklat dan pinggan mangkuk. Itu saya rasa dan saya beritahu kepada Ketengah modelnya atau designnya hak lama-lama dah kalau boleh hak baru-baru tu lagi bagus pinggan mangkuk sebab hak saya tengok ada dah di rumah saya. Saya tanya dia: "Dah guaner model lama." Dia kata: "Hak baru tu." Saya kata: "Lama dah saya beli hak ni." Jadi kita haraplah, kita mesti serius kerana di Kelantan, Terengganu tidak banyak kemudahan ini begitu juga dari segi pelancongan orang Kelantan akan datang sebab dekat, daripada Gua Musang, Kuala Kerai, Tanah Merah yang boleh pergi melalui Tasik Kenyir yang boleh kita tagkan benda tu untuk industri pelancongan kita. Begitu juga dengan pulau-pulau kita, Kelantan tak ada pulau kita ada pulau. Jadi ramai orang Kelantan nak mari ke sini jadi kita patut mengambil peluang ini dan

mengeksploitasi sepenuhnya apa yang kita ada dan perlu kita buat secara lebih agresif.

Dan sekali lagi saya rasakan bahawa ini mungkin barangkali sebagaimana saya katakan tadi ini merupakan ucapan terakhir saya sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Kijal dan kita berharap bahawa Kijal terus menjadi fix deposit kepada Barisan Nasional dan apa yang penting kita menyuarkan hasrat rakyat dan memberi perkhidmatan kepada rakyat bukan sekadar ucapan tetapi pelaksanaannya lebih penting.

Mudah-mudahan Allah merahmati kita dan saya mengambil kesempatan ini untuk memohon maaf daripada semua pihak di dalam Dewan dan juga di luar Dewan sepanjang saya yang pernah menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan semasa menjadi Wakil Rakyat di Dewan yang mulia ini.

Sekali lagi saya ucapkan terima kasih Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan dan para Pemerhati sekalian. Sebagaimana saya katakan, moga-moga Allah merahmati rakyat dan Kerajaan Negeri Terengganu. Insyallah. Sekian, wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. ....(Tepukan sokongan).....

**YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Wa'alaikumussalam. Terima kasih banyak Yang Berhormat Dato' Seri Wakil Kijal. Lama tak dengar suara. Sila Wakil Bukit Tunggal.

**YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal):** Terima kasih. A'uzubillahi minasyaitanir rajim. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah Rabbil 'Alamin. Wabihi nastain. Wal'aqibatu lil muttaqin. Wala 'udwanu illaa 'aladz dzolimiin. Wassalatu wassalamu `ala asyrofil anbiya iwal mursalin. Wa'ala alihi wasahbihi ajmain. Rabisy rahli sadri waya sirli amri wahlul ukhdatan minlisani yafqauhu qauli.

Yang Dirahmati Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Dirahmati Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dan rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, Pegawai-pegawai Kerajaan dan Pemerhati yang dikasihi sekalian.

Pertamanya, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Yang Dipertua kerana saya sekali lagi diberi peluang untuk sama-sama membahaskan Ucapan Bajet 2018 yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar.

Pada masa yang terhad ini saya ada lebih kurang lima perkara yang ingin saya beri pandangan tentang Bajet yang dibentangkan. Pertamanya, berkaitan dengan perkara 128, muka surat 48 dalam Buku Bajet yang menyatakan hasrat Kerajaan untuk mewujudkan Pusat Kardiologi dan Kardiotorasik di Hospital Sultanah Nur Zahirah Kuala Terengganu. Dato' Yang Dipertua, hasrat ini kita sanjung, memang suatu usaha yang sepatutnya sudah lama kita buat di sebelah Pantai Timur ini kerana hari ini kes-kes sakit jantung, coronary bypass dan sebagainya terpaksa dihantar ke IJN di Kuala Lumpur yang sudah tentu menyusahkan rakyat.

Namun begitu perlu diingat beberapa perkara tentang kemudahan yang kita ada. Saya masih teringat suatu ketika dahulu Kerajaan Negeri pernah mencadang untuk mengadakan Pusat Jantung dengan membeli Strawberry Park di Kijal dan akhirnya perkara itu tidak menjadi kerana masalah pakar dan sebagainya. Akhirnya ditubuhkan satu yang diberi nama I-Heal, tak tahulah apa nasib yang jadi kepada I-Heal sekarang. Di mana duduknya, saya pun tak faham tetapi disebut dalam Dewan tak jadi buat di Strawberry Park ditubuhkan I-Heal katanya di Kuala Lumpur. Mungkin Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar boleh beri penjelasan. Persoalan saya di sini ialah .....

YANG BERTAMBAH HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Mohon penjelasan.

YANG BERTAMBAH DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul): Saya minta maaflah memandangkan masa takdok. Apa yang saya nak ingatkan pihak Kerajaan ialah tentang keadaan Hospital Sultanah Nur Zahirah. Keadaan hospital kita ini memang sesak. Kalau kita tengok *bed occupancy rate* dia kalau kita tengok melebihi 80% purata tahunan dikira hospital yang sesak. Mengikut Laporan Kementerian Kesihatan Tahun 2015, kita ada BOR (Bed Occupancy Rate) kita 82% dah, 2016 meningkat kepada 84% dengan keadaan yang agak sesak. Sebab itu saya dari dulu dalam Dewan ini sebut prasarana hospital kita mesti disiapkan dengan segera sama ada Hospital Dungun, Hospital Kemaman tak tahu cerita katanya nak buat di Kijal, nampak tak bergerak lagi. Di Dungun alhamdulillah sedang berjalan. Teaching Hospital di UniSZA sedang berjalan tetapi perkara ini agak lambat. Jadi bila tahun ini nak buat pulak satu Pusat Kardiologi dan Kardiotorasik, jadi saya bimbang ini akan menjadi satu beban yang bertambah di Hospital Sultanah Nur Zahirah.

Jadi itulah pihak Kerajaan kena ambil perhatian biar sesuatu perkara yang hendak dibuat itu biar ada dia punya pelan supaya ianya tidak menimbulkan masalah ataupun komplikasi yang akhirnya menyebabkan perkara-perkara ini akan tertangguh dan sejarah Projek Pusat di Terengganu ini tertangguh masa depannya, ini saya sebutlah nanti.

Yang kedua, berkaitan dengan perkara 129, Mobile Clinic. Saya masih ingat semasa saya bertugas di Bahagian Kesihatan. Projek ini pernah dilaksanakan pada sekitar tahun '80an, saya mula bekerja pada tahun '85 dan ianya dihentikan oleh Kementerian Kesihatan kerana rasionalnya masa dia buat hari itu kerana ada kawasan-kawasan yang tidak ada capaian kemudahan kesihatan, sama ada Pusat Kesihatan tidak ada, kekurangan doktor atau tidak ada Klinik-klinik Desa. Maka kita satu team perubatan akan pergi ke kampung-kampung mengikut jadual tertentu untuk memberi rawatan kepada pesakit-pesakit. Tapi sekarang kita nampak kemudahan kesihatan ini agak sudah ada di merata-rata dan kemudahan perhubungan juga bagus. Ini seolah-olah nampak kita pergi ke belakang semula. Ini patut dikaji semulalah perkara itu kenapa Kementerian Kesihatan menghentikan Mobile Clinic ni dan apa yang nak dibuat oleh Kerajaan pula nak swasta, seolah-olah nak beri projek kepada KTS dengan belanja RM500,000 setahun. Begitulah saya ingat perkara ini hendaklah dikaji balik dengan rasional apa yang kita nak buat ni takut ia menjadi perkara yang kita dah habis duit tapi faedahnya tidak seberapa. Sebab kemudahan yang ada hari ini sudah banyak termasuk klinik-klinik swasta yang berteraburan. Yang keduanya pula ia berpusat di Kuala Terengganu. Tempat mana di Kuala Terengganu yang hendak diadakan Mobile Clinic ini, dia nak pergi ke kampung mana, berapa kekerapan dan sebagainya. Ini merupakan satu lagi perbelanjaan tambahan yang Kerajaan kena tanggung walaupun soal kesihatan ini sepatutnya di bawah Kementerian Kesihatan.

Seterusnya, harus dikaji juga apakah Mobile Clinic yang kita buat ini akan memberi kesan untuk meningkatkan kesihatan di kalangan rakyat? Ini perlu ada suatu kajian yang teliti. Kita tak mahu cerita e-Book berulang, kita buat dah berapa tahun lepas itu kita rugi dan tidak ada manfaat yang sepatutnya diperolehi oleh rakyat sedangkan belanja duit rakyat yang begitu besar.

Seterusnya juga, saya pergi cepat-cepatlah. Daripada suatu cadangan tapi saya tak faham kenapa dimasukkan ke dalam Bajet Negeri, peruntukannya di bawah Pusat iaitu di bawah 158 - Mysuria. Projek untuk buat tenaga suria ni. Belanjanya RM45 juta setahun. Ini Bajet Pusat bukan Negeri tapi dimasukkan ke dalam Negeri. Tak apalah apa-apapun. Perlu saya beri suatu ingatan juga kepada Kerajaan sebab belanjanya besar RM45 juta. Adakah mana-mana negeri yang pernah buat projek seperti ini dan apakah hasilnya. Atas kertas memang saya dah *check*, memang ada kemungkinan memberi satu laba keuntungan kepada sesiapa yang pasang panel suria ini tetapi praktikalnya ataupun percubaannya di mana yang pernah dibuat yang boleh menjana hasil pendapatan seperti yang dijanjikan RM250 sebulan untuk premis yang memasang panel tersebut. Ini juga belanjanya besar dan kalau boleh buatlah pilot projek dulu ataupun kalau kita ada mana-mana contoh negeri-negeri yang pernah buat yang boleh memberi suatu pulangan yang munasabah dan tidak ada masalah. Sebab kita negeri yang bermusim, musim hujan macam mana, tak ada

cahaya matahari, bateri berapa lama tahan. Jadi banyak benda yang perlu dikaji. Saya peringatkan kerana bimbang ianya tidak memberi manfaat sebagaimana yang diharapkan untuk masa depan.

Seterusnya, saya nak pergi kepada perkara 219 berkaitan dengan kebersihan di bawah Kerajaan Tempatan (PBT). Ini telah disebut oleh rakan-rakan sebelum ini. Di kawasan saya pun banyak, bila hujan dalam dua - tiga jam maka air bertakung bukan kerana salirannya tidak ada tapi tidak ada penyelenggaraan yang berkala menyebabkan rumput-rumput, semak-semak tumbuh dalam parit taliair ini menyebabkan air lambat bergerak, air termenung. Lepas hujan berhenti dalam sehari-dua, air akan surut maknanya air ada laluan untuk pergi tetapi laluannya tersekat. Satu Bajet yang agak besar juga diberi kepada PBT ini, saya harap perkara ini diberi keutamaan sebab air walaupun dia bertakung satu-dua-tiga jam ataupun lima-enam jam, kerosakan akibatnya tetap banyak. Kalau berlaku kerosakan, kerosakannya tidak boleh diperbaiki lagi. Sekarang ini banyak alat-alat perabot dibuat dengan *softboard* sahaja bila kena air dia akan rosak. Ini menimbulkan kerugian kepada rakyat yang sepatutnya kita boleh kurangkan (minimize) ataupun kita boleh elakkan sekiranya parit ini diselenggara dengan baik. Ini suatu perkara yang saya mohonlah pihak Kerajaan untuk melihat tentang perkara-perkara seperti itu.

Dan seterusnya, tentang soalan saya yang tak sempat dijawab berkaitan dengan flyover. Saya perhati flyover di Simpang Bukit Tumbuh yang akan dibuka mungkin tidak berapa lagi. Orang kampung cakap, ingatkan flyover ini dua hala, rupa-rupanya flyover ini satu hala daripada Batu 6 ke Kuala Terengganu sahaja dan balik lalu ikut bawah juga, jalan lama juga. Jadi satu kepelikan, adakah ini memang designnya begitu, dengan izin ataupun kerana bajet tak cukup, wallahu wa'alam. Jadi pelik pada oranglah dan yang takutnya tidak akan menyelesaikan masalah kesesakan di Jambatan Sultan Mahmud yang kita anggarkan boleh selesai sebab hanya buat sebelah sahaja dan untuk mengelakkan kemalangan tak tahulah macam mana dia nak alih laluan itu, wallahu wa'alam, tengoklah bila dia siap nanti. Dan Bajet hari itu yang pernah disebut dalam Dewan, saya tak ingat pada tahun lepas atau tahun sebelum daripada itu dalam RM20 juta tetapi dalam jawapan bertulis saya dia sebut RM24.7 juta bermakna peningkatan kos sebanyak 23.5% dan penambahan RM4.7 juta. Bagi saya, bagi orang Bukit Tunggalah, kita melihat bahawa sebenarnya kesesakan yang sebenarnya berlaku di Simpang Empat Semarak, itulah tempat yang paling kritikal yang menyebabkan ibu bapa yang nak menghantar anak-anak ke sekolah pagi-pagi bergerak lambat kerana api tu nak beri laluan orang daripada Kuala Terengganu, daripada Kota Bharu, ke airport dan juga ke Bukit Datu. Maka ini sepatutnya dibuat kajian yang teliti dan munasabah, saya rasa itulah yang munasabah untuk diadakan flyover bagi memudahkan. Sebab hari ini ramai kakitangan Kerajaan khususnya bekerja di bandar duduk di Gong Badak kerana kawasan yang agak mungkin strategik untuk kediaman jauh dari hiruk-pikuk bandar, ada

kemudahan-kemudahan asas yang mencukupi dan mereka lebih selesa membeli atau menyewa rumah di sekitar kawasan Gong Badak. Harap perkara ini dikaji bagi memudahkan budak-budak sekolah dan juga kakitangan Kerajaan.

Dan yang seterusnya, yang menjadi masalahnya apabila simpang empat Sekolah Rendah Bukit Tunggal Gong Kijang ini ditutup. Bila simpang ini ditutup ianya akan menjadi satu beban kepada simpang empat sekolah ini. Ini juga diharap dapat dikaji adakah penutupan ini berterusan ataupun untuk sementara. Diharap pihak Exco berkenaan dan pihak JKR buat kajian dengan sebaik-baiknya bagi menyelesaikan masalah kesesakan, kepayahan yang dialami oleh rakyat di Bukit Tunggal.

Saya sebut beberapa perkara ini ialah kerana ada perkara-perkara yang kita kena ingat, kita tak mahu nanti perkara-perkara yang dijanjikan ini tidak ditunaikan oleh pihak Kerajaan. Contoh kita sebut Agropolitan di Seberang Takir, kawasan Menteri Besar sendiri hingga sekarang tak nampak lagi apa-apa kemajuan walaupun pernah diumumkan lebih pada setahun yang lalu dalam Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku sendiri dan telah dibuat pecah tanah. Kita harus juga merenung selain daripada kita mewarwarkan *success story* kita dengan izin, kita kena juga perlu tengok kepada *fail story* yang banyak juga di Negeri Terengganu, dengan izin.

Gunung Daik Pulau Pandan,  
Anak buruk atas tandan,  
Perkara baik jadikan teladan,  
Perkara buruk jadikan sempadan.

Saya tak mahu jadi apabila kita sebut:-

Anak haruan dalam kali,  
Ikan keli dalam perigi,  
Janji tuan muluk sekali,  
Jangan nanti janji tinggal janji.

Saya nak maklumkan beberapa perkara yang perlu jadi peringatan iaitu *fail story*  
....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ini yang *last* kan?

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Yang *lastlah* ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Yang Berhormat yang terakhir, lepas ni tak ada dah dari Pembangkang?

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Ada lagi seorang.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada lagi.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Bagi saya 2 minit, nak *landing* dah ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kena cepat sikitlah, panjang dah ni.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Saya bagi contoh yang kita perlu ambil pengajaran dan mungkin jugak buat postmortem dengan izin, supaya tidak berulang perkara-perkara yang sama berlaku kepada rakyat Terengganu yang kita kerugian. Antaranya, Monsoon Cup, tanpa perancangan yang teliti kita rugi hampir RM1 bilion kita buat untuk Monsoon Cup tetapi pulangan tidak ada kepada rakyat ataupun kepada Kerajaan. Stadium Sultan Zainal Abidin sehingga hari ini nampaknya tidak dapat digunakan lagi. Kolam Renang yang bocor. Strawberry Park yang saya sebutkan tadi hingga ke hari ini tak tahu apa ceritanya. Kebocoran Dewan Bedah Hospital Daerah Setiu sehingga 12 tahun baru boleh digunakan semula. Ini saya bimbang bila ada orang nak mari buat kardiotorasik di sini, bilik bedah pula ada masalah. Sekolah Menengah Kebangsaan Alur Limbat telah hilang dari muka bumi, dibuat lepas tu dirobohkan kerana kesilapan pengurusan, itulah buat sekolah, sudah siap akhirnya dirobohkan kerana masalah-masalah.....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekolah mana Bukit Tunggal?

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Sekolah Menengah Kebangsaan Alur Limbat, ada namanya ni tapi hilang .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Itu projek Persekutuankan?

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Tapi inilah Projek Persekutuan di Terengganu pun lambat, hak buat rosak dan hak Negeri pun banyak yang tergendala. Saya sebut Kemaman sikit, Sungai Bypass di Kemaman nak buat terusan supaya tidak banjir dengan belanja RM300 juta sampai ke hari ini tak nampak. Apa ceritanya? Zoo Bukit Takal setiap tahun Kerajaan *inject* RM3 juta, tahun ini RM5 juta pula untuk Zoo sahaja dan saya dapati .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Dah panjang dah ni, 18 minit dah.

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggai): ....  
daripada laporan yang saya terima hasilnya hanyalah RM700,000 setahun lebih  
kurang.

Yang Berhormat Yang Dipertua, akhir-akhir ini saya minta masa sikit dan saya  
nak sudah mungkin ucapan akhir untuk sidang kali ini, kita akan jumpa lagi  
insyaAllah. Walau bagaimanapun, saya ada satu pantun:-

Pergi ke dusun setiap hari,  
Bekal ketupat untuk makan,  
Saya menyusun sepuluh jari,  
Salah dan silap harap maafkan.

Kepada semua insyaAllah. Wabillahi taufik wal hidayah. Wassalamu'alaikum  
warahmatullahi wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa'alaikumussalam  
warahmatullahi wabarakatuh. Saya bagilah ke Paka. Sila Paka.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Bismillahir  
Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.  
Alhamdulillah Rabbil 'Alamin. Wassalatu wassalamu'ala asyrofil anbiya iwal  
mursalin. Wa'ala alihi wa ashabihi. Waman tabi'ahu bi ihsani ilaa yaumiddin,  
amma ba'd.

Yang Berhormat Dato' Speaker, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar,  
Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-  
ketua Jabatan, Pemerhati dan seluruh hadirin-hadirat, muslimin-muslimat yang  
dihormati sekalian.

Permatanya, alhamdulillah memanjatkan syukur kerana diberi kesempatan sama-  
sama untuk membahaskan Ucapan Bajet 2018 yang dibentangkan oleh Dato' Seri  
Menteri Besar. Dan ayat yang pertama yang dibawa di dalam Ucapan Bajet ini  
untuk kita sama-sama bermuhasabah yang disebut dalam Firman Allah dalam  
Suratul Nahl, ayat 90 (yang bermaksud): "Allah Ta'ala menyuruh (kamu)  
berlaku adil dan dan juga melakukan ihsan, memberi kepada kaum kerabat, dan  
juga mencegah daripada melakukan fahsyah dan juga kemungkaran dan juga  
baghi (permusuhan) dan memberi pengajaran kepadamu agar kamu dapat  
mengambil peringatan.

Alhamdulillah, dengan ayat ini paling kurang memandu kita supaya sentiasa  
melakukan keadilan dan ihsan. Dalam masa yang sama cuba untuk  
mengelakkan perkara-perkara mungkar, fahsyah (perkara keji), kerana dia akan



membocorkan, meniriskan apa-apa pelaburan yang kita lakukan di dunia bukan hanya kebendaan tetapi juga yang melibatkan spiritual dan sebagainya.

Oleh kerana itulah saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada pihak Kerajaan yang hari ini sebelum membentangkan Bajet ia turun kepada rakyat dan juga mendengar kehendak dan juga hasrat rakyat. Satu perubahan yang bagus kerana hari ini tidak semua Kerajaan tahu setiap perkara dan mungkin rakyat lebih tahu daripada kita. Perkongsian ini merupakan suatu perkara yang baik dan mahu tak mahu kita terpaksa orang panggil mendengar apa yang disampaikan oleh rakyat. Jadi Bajet ini dikatakan Bajet Rakyat bukan hanya sekadar Kerajaan yang berkehendak ataupun kehendak MB sahaja tapi mengambil kira semua kehendak rakyat.

Sama juga dahulu pada peringkat awal kita tidak membenarkan siaran langsung tetapi sebenarnya perkara itu tidak boleh ditahan, rakyat semakin hari semakin bermaklumat dan kita terpaksa untuk berkongsi supaya rakyat mengetahui sebenarnya apa yang kita diberi amanah oleh Allah Subhanahu Wata'ala bagi pihak mereka, bagi mengatur dan menguruskan negeri serta khazanah yang diamanahkan buat kita. Dan juga kita boleh mengambil peringatan beberapa siri kejatuhan Kerajaan Empayar Umat Islam di seluruh dunia. Kita masih lagi ingat bagaimana kejatuhan Kerajaan Hamrar yang pernah memerintah bumi Spain, Sepanyol 700 tahun. Bagaimana di sebelah Asia Tenggara kita ini kejatuhan Kerajaan Islam di China khususnya di zaman Dinasti Ming dan juga Yuan di abad ke-13 sehingga ke abad 16, umat Islam memerintah China selama 300 tahun. Dalam masa yang sama di sebelah kiri, Kerajaan Monggol jatuh pada abad yang ke-15. Selepas pada itu, kejatuhan Kerajaan Melaka 1511 juga di abad ke-15 dan akibatnya jatuh juga kerajaan-kerajaan kecil seperti Kerajaan Ayuthia, Kerajaan Arakhan dan juga Kerajaan Pattani. Hari ini kita melihat bagaimana umat Islam Rohingya tanpa ada kerajaan yang membelanya walaupun dulunya dia pernah memerintah 300 tahun di bumi Arakhan sebagai sebuah Kerajaan Islam, sudah hilang kuasa.

Dan Ulama telah menyenaraikan faktor-faktor sebab apabila rakyat tidak bersama lagi dengan Kerajaan yang menyebabkan Kerajaan dibiarkan begitu sahaja. Apa yang berlaku khususnya selepas daripada beberapa era kejatuhan kerajaan-kerajaan dulu apabila pihak kerajaan antaranya adalah mengabaikan kepentingan rakyat, mengenakan cukai yang tinggi, membebankan rakyat akhirnya rakyat sudah tidak memperduli dan mempertahankan Kerajaan. Juga golongan-golongan akademik yang dipinggirkan, apabila pihak Kerajaan mementingkan nyanyian-nyanyian, lagu-lagu, artis-artis, sibuk dengan perkara-perkara orang panggil berfoya-foya, nafsu dan syahwat yang menyebabkan dahulunya Kerajaan Baghdad yang adanya Baitu Hikmah sehingga satu juta kitab ketika itu yang memberi keutamaan kepada ahli-ahli akademik, pakar-pakar dan sebagainya yang telah menaik dan memartabatkan Empayar Umat Islam dengan

penemuan dan perkembangan ilmu sains dan teknologi dan sebagainya akhirnya tumbang. Antaranya adalah juga kerana mengabaikan dasar dan prinsip Islam itu sendiri. Sekali lagi kita memperingatkan apa yang disebut oleh Sayyidina Umar bin Al-Khatab (yang bermaksud): "Kami diberi kemuliaan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kerana Islam". Dulu masyarakat Jahiliyah minum arak pakai tempayan, bunuh anak hidup-hidup tetapi Allah Ta'ala angkat mereka kerana Islam dan barang siapa yang mencari selain daripada Islam dia akan dihinakan oleh Allah. Apatah lagi Allah Ta'ala berfirman: "Barang siapa yang berpaling daripada peringatanKu iaitu Islam, Al-Quran dia akan hidup hina di atas muka bumi." Kerana itu kayu ukur neraca bukan hanya kebendaan (materialism) bahkan kita sedia tengok hari-hari akan kematian, mereka kembali ke alam Barzakh, mereka tidak membawa harta benda mereka. Jadi yang lebih penting adalah amanah, tugas dan tanggungjawab yang kita beban pikul ini akan kita selesai tanggungjawab ini sebelum kita kembali ke rahmatullah.

Saya merasakan bahawa akan datang perkembangan bukan hanya hasrat, keinginan ke arah pelaksanaan Islam itu lebih tinggi. Kalau dulu saya ingat masa peringkat awal-awal saya sekolah dulu, Ustazah pergi mengajar Agama pakai *jilbab ikan karing*. Masa tu .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Paka, panjang lagi ke?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Baru nak *start* ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Panjang dah. Tak salah tazkirah. Paka, tudung apa, tudung ikan apa?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Tudung Ikan Karing, ikan ada jambul. Masa pakaian ikan duyung, jalan twist sekali tapi hari ini alhamdulillah. Kalau dulu bagaimana orang pakai purdah dianggap sebagai hantu bungkus. Hajah Wan Chik Daud masa tu Pembaca Berita, balik dari Makkah diberhentikan dari membaca berita kerana memakai tudung.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Peraturan, peraturan, Paka. Tak boleh disebut nama orang dalam Dewan ni, dia tak boleh jawab.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Jadi hari ini alhamdulillah, artis pun bertudung bahkan maknyah pun bertudung dah sekarang. Jadi ini merupakan satu perubahan, alhamdulillah kita tengok dia pergi kepada pendidikan. Saya ingat zaman saya dulu ada ustaz, ustaz saya sendiri, saya takmboh sebut namanya. Pelaksanaan syariah masa tu, saya di Dungun, Sekolah Arab. Dia kata kalau jalannya Islam ni dia kata takdok batu nak buat jalan raya, busuk habis Dungun ni kerana orang kerat tangan. Dia

ingat makna orang kerat tangan seorang pakat baris semualah kerat belakalah jadi busuk. Tapi alhamdulillah hari ini orang sudah tidak berkata perkataan-perkataan yang menghina syariat tersebut. Apa yang berkait dengan RUU 355 contohnya, mendapat sokongan, dokongan dan hasrat semua rakyat dan masyarakat yang ingin melihat betapa ianya dapat dilaksanakan, beri ruang kepada Mahkamah Syariah dapat melaksanakan sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Laluan sekali Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Paka, Jabi minta laluan.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): .. di peringkat nasional di peringkat Persekutuan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Paka, Jabi mintak bagi ke?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Tak apalah, semulalah bagi, esok, esok.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak benar Jabi. Sila duduk.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Nak khabornya dia kata di bawah pemerintahan Sayyidina Umar Al-Khatib, Islam ni diangkat ke tempat yang mulia .....

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dalam Buku Bajet ini yang disebut oleh Menteri Besar - 70, tentang Marqasidul Syariah. Saya memang bersetuju apa yang disebut ini tetapi persoalan realiti dan hakikat yang sebenarnya yang meletakkan lima aspek asas dalam Marqasidul Syariah iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan juga harta. Memang ini dikatakan Marqasidul Syariah, matlamat syariah. Persoalannya timbul hasrat kita untuk mencapai Marqasidul Syariah di bumi syariah, tanpa syariah. Kita rasa cukup tak perlu lagi kepada syariah untuk mencapai marqasid ini. Kalau kita tengok peraturan-peraturan Islam nak selamat agama itu ada hukum Bab Ridda', nak selamat nyawa ada Bab Qisas, nak selamat akal ada bab melibatkan minum arak, keturunan ada bab zina, melibatkan harta ada bab mencuri dan sebagainya. Itulah Marqasidul Syariah tapi kita menggunakan istilah syariah tapi kita tidak mahu untuk melaksanakan syariah. Termasuk dalam Bajet ini pun saya tengok masih lagi tidak ada bab untuk pendedahan ke arah melaksanakan syariah yang diluluskan sejak tahun 2000 dulu. Dan kalau kita tengok apa yang dibentangkan melibatkan GDP yang disebut dalam Bajet ini 4.3%, tahun lepas 3.1%, tahun 2017 3.8%, kalau tengok data yang sedia ada kemungkinan ada

maklumat lainlah, Menteri Besar boleh beri penjelasan. Terengganu merupakan 3.1% tu tercorot, bawah pada Terengganu iaitu Pahang dan Sarawak. Dan GDP bagi peringkat Malaysia 4.2%, ada 8 negeri lebih pada tu termasuk negeri-negeri Pembangkang lainlah, Kelantan, Pulau Pinang dan Selangor. Sedangkan Kelantan kita tahu Bajet yang dibentangkan RM500 juta - RM600 juta macam tu aje. Kita ni tiap tahun main bilion-bilion sokmo. Tapi kita orang panggil KDNK kita masih lagi .....

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Pohon laluan Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kalau kita tengok kepada .....

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Pohon laluan, beri, tak beri ke, kaborlah.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): .... Dari segi pendapatan .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Air Putih minta laluan Y.B. Paka.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Saya tak bagi laluan, takdok masa.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak bagi.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dokdang masa.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Dok bagi kabor tak bagi, tak apa.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Iaitu Negeri Terengganu untuk 2015 - RM26,539, 2016, pendapatan perkapita kita RM27,268 berbanding di peringkat Malaysia RM38,887. Jadi kalau kita tengok pengumuman dulu, Wawasan 2020 itu negara maju dan pihak Bank Negara, Bank Dunia meletakkan standard piawai minimum dia lebih kurang RM43,674 setahun. Kalau peringkat kita Negeri Terengganu dalam RM20,000 lagi nak sampai. Kemungkinan sebab dok sampai tu kita anjak TN2050, saya ingat mati dah kita mo'oh nak sampai 2050 tu.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Pohon laluan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, mengarut sangat cakap ni.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua, jadi dalam hal ini kita mengharapkan supaya .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Paka, Speaker tanya ni, Air Putih mintak laluan tu bagi ke tidak?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dok beri laluan, kakranglah.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Takut nak jawab pesengan ni.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Pukul 6.00 kakrang. ....(Sambil gelak) ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Paka, 15 minit dah Paka, panjang dah.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Baru nak *start* masuk ni Yang Berhormat. Dan kadar pengangguran kalau kita tengok dari statistik yang ada, kadar pengangguran di Terengganu ni tercorot juga, 4.7%, bawah pada kita Sabah. Hak lain tu atas pada kita belaka.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tahun bila tu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Ambil mana statistik ni Dato' Yang Dipertua?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa, nanti saya tanya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Dato' Yang Dipertua, minta laluan sikit. Ni, ni, doksoh tengok ke lainlah, hak ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Exco Telemong minta beri gok sekali Paka.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Kena tambah masa ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERTHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Guaner yang beri ni, bakpe ada kira-kira guaner?

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Hak dia sayang beri, hak dok kenang dia dok beri. Dok cakap nak mintak.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Bahasa Telemong, bahasa yang saya itu .....

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Yang BERTHORMAT Dato' Yang Dipertua, saya nak tanya sahabat saya Yang BERTHORMAT Paka ni, dia duk baca data-data yang daripada mana dan tahun bila, jangan baca hak tahun-tahun zaman dulu, baca hak yang terkiniilah.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Habis dah?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Okey, terima kasih. Data ini dikeluarkan oleh Department of Statistic tahun 2016, 2017 kita dok habis lagi. Kalau ada data terbaru MB berilah penjelasan. Maknanya hak dulu 2016, kita lepas pada Terengganu, Sabah, hak lain atas pada kita belaka, 4.7% Kadar Pengangguran Negeri Terengganu, kalau dok percaya ambiklah tengok, mintak statistik orang beri statistik, tanya pula hak tahun bila, mu dok percaya pulak ke aku. ...(Dewan gelak) .... Cuma persoalannya saya ada itu sikit apa yang dibentangkan oleh Menteri Besar berkait dengan 49, banyak sangat nombor ni, Pendapatan Isi Rumah Bulanan Purata. Yang disebut dalam Bajet ini, tahun 2017 - RM6,411 dan juga 2016 dulu RM5,776, jadi data ni ambil mana? Kita pulak tanya dia bang. Sebab maklumat yang kita ada, Pendapatan Perkapita Isi Rumah Mengikut Negeri 2016, Yang BERTHORMAT sebut 2016, RM5,776. Peringkat hak paling tinggi sekali Wilayah Persekutuan RM3,000 jer. Jadi hak bawah sekali antaranya Terengganu tahun 2015, RM1,105, tahun 2016 RM1,472. Lepas Terengganu, Perlis dan Kelantan. Jadi ada macam kontradik sikitlah. Data ni Dato' Speaker boleh ambillah. Jadi hak mana betul data hak dalam ni ke atau hak yang dikeluarkan oleh Jabatan Statistik.

Juga saya ingin menyentuh tentang pelancongan, banyak bajetnya RM80 juta. Cuma satunya saya nak sebut, antaranya pelancongan ni kena mesra dengan pelanconglah. Saya tak nampak kawasan lain, kawasan Dungun contohnya, ada Projek Cengal Besar tu. Jadi kita pasang *gate* di situ, orang dengan 4x4 nak masuk kita *charge* RM250 satu kenderaan. Lepas orang hak dalam kenderaan tu setiap kepala kena *charge* RM20 pulak. Ni ada *gate* pakai letak balak di situ, ini tak jadi. Kita nak menggalakkan orang hadir, kalau *charge* RM10 tu boleh

tahanlah. RM250 kalau pergi dengan 4x4, kalau pergi 10 buah taknya RM2,500. Ini saya rasa tak menasabahlah kos yang terlalu tinggi dikenakan yang menyebabkan orang nak mari ke Terengganu ni, sekali mari lepas taubat selalulah. Dahlah sebuah kereta tu kena *charge* dah, orang hak ada di dalam tu baham pulak RM20 sekepala. Jadi saya rasa Jabatan Perhutanan kot, kena *checklah* balik supaya kalau boleh saya rasa gate tu buanglah, kita bagi galakan, kita bukan buat jalan raya, tolok-sodok tanah merah gitu aje, kita naik highway pun .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Paka, 20 minit dah Paka.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Sikit lagi nak perhabis ni, tahun ni last dah. Isu masjid dan Solat Jumaat. Saya tanya kelmarin tapi tidak diberi penjelasan. Ada 13, 13 tu hak mana 13 tu. Ada 7 hak lulus dah sebab saya tengok Sinar Online khabor ada di Tebing Tembah, kampung/kawasan DUN saya. Jadi kita pun musykil juga sebab apa yang melibat kampung tu, ada 7 yang diberi kelulusan, hak mana 7 tu? Lepas tu ada 13, ada 6 lagi, 6 lagi tu hak mana? Saya dimaklumkan kita dah lantik UniSZA buat kajian perincian, benda apa cadangan-cadangan daripada UniSZA untuk selesai isu-isu yang melibatkan masjid ni. Sebab saya tengok kalau kawasan saya contohnya, FELDA Kerteh 4, dengan FELDA Kerteh 5 kawasan sahabat saya Kemasik dekat jer. FELDA Kerteh 2 dan FELDA Kerteh 3, berapa meter sahaja boleh nampak sebelah tu seberang jalan tetapi mereka dapat kelulusan. Kalau kita tengok Masjid Sura, Masjid Sura ni lama lagi ramai bangunan lebih besar, yang dibuat baru Masjid Sura Baru kemudian nak haramkan Masjid Sura Lama. Kawasan saya Tebing Tembah, Tebing Tembah masjid lama lebih besar, masjid baru yang ada kecil sahaja, orang pun tak ramai mana tapi kita nak batalkan kelulusan di masjid lama. Khabor Pejabat Agama pergi sana nak umum, saya pergi juga masa nak umum tapi dok umum pun. Jadi macam mana perkara-perkara seperti kita harap dapat penjelasanlah.

Juga melibatkan isu tanah, saya nak tanya sebab soalan saya 11hb. Cuma saya nak tanya pihak Kerajaan dalam isu tanah ini sebab dia kata buka. Sikap Kerajaan dengan surat yang dikeluarkan oleh PTG masa tu Menteri Besar dia Dato' Seri Idris Jusoh, PTG.TR.00/01/2002/05/02 yang membatalkan atau tawakof semua yang melibatkan perkhidmatan Juru Ukur, melibatkan RTB apa semua. Adakah surat ini bila kelulusan balik nak bagi tanah kepada rakyat, surat ini ditarik balik. Maknanya semua yang melibatkan kerja-kerja Juru Ukur itu boleh berjalan semula sebab ini banyak melibatkan puluh ribu jugaklah masa zaman PAS memerintah dulu tapi dibatalkan dan tidak diluluskan sampai ke hari inilah.

Juga saya nak sentuh tentang satu lagi melibatkan NGV. Kita sebut supaya pihak Kerajaan Terengganu perbanyakkan stesen-stesen minyak yang

melibatkan NGV sebab dia lebih murah, lebih mesra alam dan kebanyakan teksi-teksi apa sebagainya lebih menjimatkan. Jadi di Terengganu ni ada empat sahaja berbanding dengan negeri-negeri lainlah dan kalau stesen minyak kita ada 111 di Terengganu berbanding dengan keseluruhan NGV ada 200, kita terlalu sedikit. Kita haraplah Kerajaan supaya lebih proaktif supaya banyak lagi NGV ini paling kurang ikut daerah dan pihak Kerajaan boleh bagi subsidilah untuk menukar balang dia tu bagi memberi kemudahan khususnya kepada rakyat melibatkan kos yang lebih rendah.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Paka, panjang lagi ke Paka?

**YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):** Ya, saya rasa sekadar itulah sahaja, saya ucap terima kasih semoga bertemu semula pada Sidang Dewan yang akan datang, insyaAllah kita tukar bergilir-gilir tempat pula dok? InsyaAllah. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Terima kasih banyak Paka. Alhamdulillah wa syukurilillah. Terima kasih banyak kepada semua Yang Berhormat yang terlibat dengan perbahasan Enakmen 2018 semalam dan juga hari ini. Jadi saya nak berhenti rehat sekejap sebelum kita bagi peluang kepada pihak Kerajaan untuk buat penggulungan pada petang ini dan kita akan sambung pada hari esok juga untuk penggulungan. Jadi saya ingin mengambil masa kurang lebih 20 minit untuk rehat dan pihak Kerajaan untuk membuat rumusan dan penggulungan.

Sekali lagi saya ucapkan jutaan terima kasih atas penglibatan semua Yang Berhormat dalam daripada semalam juga hari ini. Terima kasih banyak. Jazakallahu khairan kathira.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya tangguhkan sementara Dewan ini dan kita sambung balik pada pukul 4.15 petang. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 3.55 PETANG.**



#### PUKUL 4.15 PETANG

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dirahmati oleh Allah Subhanu Wata'ala sekalian. Mesyuarat disambung semula. Dengan ini saya menjemput sebagaimana sesi penggulungan dari pihak Kerajaan, saya menjemput Yang Berhormat untuk menyampaikan ucapan penggulungan bagi pihak Kerajaan. Sila Wakil Kerajaan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, wakil-wakil, ahli-ahli media dan seterusnya Pemerhati-pemerhati.

Alhamdulillah tiba giliran pihak Kerajaan untuk sesi penggulungan. Saya mengambil kesempatan dalam sesi ini untuk mengucapkan tahniahlah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar kerana di dalam masalah harga minyak yang rendah, pendapatan Negeri menurun tetapi kita masih lagi mampu untuk menyediakan Bajet yang mana untuk Portfolio Pertanian, saya amat berterima kasih kerana daripada RM38.21 juta pada tahun yang lalu Kerajaan telah berjaya untuk membuat Bajet sejumlah RM57.33 juta.

Ini menunjukkan keprihatinan Kerajaan kepada sektor pertanian iaitu kepada nelayan, penternak dan juga petani. Dan insyaAllah Bajet ini akan kita laksanakan, kita belanjakan dengan sebaik mungkin. Yang mana daripada Bajet ini setelah kita tolak kos pengurusan untuk pembangunan sahaja iaitu projek-projek yang berbentuk *quick win* ataupun *touchpoint* iaitu berjumlah sebanyak RM23.7 juta iaitu meningkat lima kali ganda dibandingkan dengan tahun ini iaitu Bajet yang kita lulus pada tahun lepas iaitu RM4.65 juta.

Yang mana Bajet ini menyentuh ketiga-tiga sektor dalam Portfolio Pertanian iaitu pertanian, penternakan dan juga nelayan, yang mana tak perlulah saya nak ulas ataupun nak sentuh satu persatu. Cuma untuk makluman bahawa, dasar kita masih lagi atas tiga perkara iaitu menjamin bekalan makanan pada negeri dan negara, meningkatkan pendapatan golongan yang terlibat dan mewujudkan peluang pekerjaan baru kepada mereka yang berminat.

Dan untuk pertanian, bagi pengusaha-pengusaha madu ada berita gembira yang mana Kerajaan Negeri telah menyediakan dalam Bajet ini yang mana kita akan menyediakan alat untuk menentukan ketulenan madu yang mana dulunya kita

hantar ke Kuala Lumpur tetapi mesin-mesin ini pada tahun hadapan akan berada di negeri kita dan ianya memudahkan untuk kita menentukan syarikat kita mengeluarkan madu yang tulen dan seterusnya memberikan keyakinan kepada pembeli-pembeli yang mana apabila kita buat *roadshow* ke daerah-daerah, inilah yang dibangkitkan oleh 196 pengusaha madu di seluruh Negeri Terengganu.

Dan begitu juga dengan projek ternakan, kita akan berusaha untuk mewujudkan suasana supaya kos makanan ternakan di Negeri Terengganu ini dapat kita kurangkan. Yang mana secara tidak langsung kita akan dapat mewujudkan ataupun meningkatkan industri ternakan di Negeri Terengganu ini.

Okey, dan dalam industri perikanan, projek-projek untuk kita bina tukun tiruan masih lagi kita laksanakan sebagaimana tahun-tahun yang dulu. Dan bukan sahaja Kerajaan Negeri, tetapi Kerajaan Federal juga telah meluluskan bajet tukun tiruan kepada kita. Dan sebagaimana yang dijanjikan, penempatan semula nelayan iaitu di tiga lokasi Setiu, Besut dan Kemaman insyaAllah kita akan mula laksanakan pada tahun hadapan.

Dan seterusnya berkait dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat di bawah portfolio saya yang pertamanya daripada Yang Berhormat Manir. Tak silap saya kelmarin, Y.B. dia takdok pulok. Saya tanya Y.B. Telemong, Y.B. Telemong kata kalau saya tak jawab dia pun akan jawab juga. Itu berkait dengan Sekayu. Sebenarnya maklumat yang diberikan oleh Y.B. Manir itu tidak tepat kerana Taman Pertanian Sekayu masih lagi dikunjungi oleh pengunjung-pengunjung yang mana untuk 2017 sahaja seramai 70,133 pengunjung.

Yang mana Taman Pertanian Sekayu tidak kita biarkan. Cuma saya tanya Y.B. Telemong dia kata terbiar semasa Yang Berhormat ataupun semasa pemerintahan PAS dulu. Ni Y.B....

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Doh celah lalulah. Dengar luar tu masuk lalu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Doh masuk. Nak dengar dulu ke nak jawab selalu. Nak celah lalu?

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Dok sebab kata...celah sikitlah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Okey.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Sementara berasa nak celah ni. Jadi hasil lawatan dan gambar-gambar yang kita ambil sebelum

tarikh soalan tutup saya pergi tengok, memang takdok air sikit dalam kolam dan pokok naga dipenuhi dengan semak samun. Tu antara pokok yang kita tengok. Pahtu kolam-kolam ikan terbiar belaka.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Kolam mana tu, banyak kolam ikan hok mana se.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Hok tu biar Y.B. Telemong jawablah.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): *Bakpe cakap gitu.*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Dok ni ada gambar dengan saya ni Y.B. Ni gambar kelmarin. Okey, kelmarin tu lebih barulah daripada yang itu. Untuk makluman Y.B. Manir, yang mana kita tidak membiarkan Taman Pertanian Sekayu ni begitu saja.

Untuk tahun ni saja, kita telah mendapat pembiayaan bukan sahaja daripada Negeri tetapi juga daripada Federal yang mana kita telahpun siap membina satu surau baru, yang pagar tu betul-betul baru buat, asrama-asrama yang bumbungnya ataupun siling yang runtuh telah kita baik pulih. Sebagaimana Yang Berhormat tengok air kolam di Taman Pertanian Sekayu kering kerana apabila saya tanya dia kata memanglah bulan 11, 12 dan 1 tidak dibenarkan sebarang aktiviti dalam kolam tersebut. Maknanya kolam tersebut memang sengaja dikeringkan kerana untuk jaga keselamatan pengunjung.

Dan seterusnya soalan daripada Y.B. Sura iaitu berkait dengan Projek Pembangunan Bersepadu Herba Pasir Raja iaitu pelaburan. Katanya dalam Facebook sampai RM70 juta. Sebenarnya untuk makluman bahawa projek tersebut adalah projek di bawah ECER yang mana belanjanya RM22.12 juta yang bermula tahun 2014. Saya melihat bahawa projek ini berjalan dengan baik yang mana sehingga ini kita ada 48 orang yang bekerja sepenuh masa dengan syarikat tersebut yang mana pendapatan mereka daripada RM1,000 hingga RM1,500 bagi setiap peserta. Dan projek ini masih lagi berada dalam Fasa Pertama/Fasa 1. Sebab itu kita lihat hanya seluas 145 ekar sahaja daripada keseluruhan kawasan tersebut yang telah kita bangunkan. Dan kita tengok juga ada beberapa rumah ataupun yang yang kita dirikan untuk asrama kosong, kerana kita tidak dapat sambutan daripada masyarakat setempat ataupun pekerja-pekerja untuk berada ataupun duduk dalam kawasan projek tersebut.

Okey seterusnya soalan daripada Batu Rakit. Batu Rakit bertanya alangkah baiknya kalau jeti di Batu Rakit tu didirikan, kalau tidak mereka perlu ke Merang untuk ke laut. Dan saya dapat laporan daripada Lembaga Kemajuan Ikan

Malaysia bahawa insyaAllah satu jeti baru akan diwujudkan di Batu Rakit dengan peruntukan yang disediakan oleh LKIM.

Dan yang terakhir, ada dibangkitkan oleh Y.B. Jabi berkait dengan Bantuan Bencana Banjir kepada golongan petani, penternak dan nelayan. Dan bagi pihak Kementerian kita telah ada SOP untuk membantu golongan ini bagi dibantu secara ehsan yang mana kita ada prosedur sebelum banjir. Maklumat-maklumat perlu kita sampaikan ataupun perlu berada di jabatan dan biasanya apabila banjir, mana-mana agensi di bawah Kementerian Pertanian diminta untuk melaporkan kesan banjir ataupun kesan kerugian banjir kepada Jabatan Pertanian yang telah dilantik oleh Kementerian sebagai *coordinator* untuk *mengcompile* maklumat tersebut.

Dan biasanya bantuan yang diberikan oleh pihak Kerajaan adalah berbentuk ehsan. Makna adalah kalau ada 100 ekor lembu kita musnah, kita hanya bagi saya tak ingat secara *detail* dia, adalah mana kaedah dia, kita akan bagi ada *limit* dia. Contohnya kalau kerbau kita, kita akan bagi dengan kadar RM700 maksima 10 ekor saja walaupun kerbau kita banyak yang musnah. Begitu juga tanaman dan juga ternakan kolam.

Cuma ada kaedah yang kita sebenarnya telah bagitahu kepada mereka iaitu selain daripada memberi laporan kepada Jabatan Pertanian ataupun agensi masing-masing dulu, kena ada *report* polis dan ada borang yang disediakan oleh jabatan masing-masing. Jadi saya ingat itulah beberapa perkara yang sempat saya catat yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Okey, ada. Minta dengan Yang Berhormat Tuan Speaker.

YANG BERTHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Soalan...

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan kepada siapa tu?

YANG BERTHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Yang saya bangkit berkaitan dengan rimba....

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Apa ni minta dengan Y.B., Y.B. lulus panggil nama boleh cakap, boleh tanya.

YANG BERTHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang): Berkaitan dengan Rimbunan Kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Berkaitan dengan Rimbunan Kasih yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Rantau Abang, yang mana sekarang ini ada masalah berkaitan dengan struktur bangunan

itu kerana angin yang kencang telah memusnahkan bukan sahaja dinding tetapi bumbung.

Dan apabila pembaikan dibuat dalam masa yang singkat sahaja kerosakan masih lagi berlaku. Cuma pihak Kerajaan Negeri tidak dapat mengambil alih projek tersebut kerana projek tersebut masih lagi di bawah IRIS yang mana kita ada *agreement* tetapi kita telah mendapat jaminan daripada peserta yang dibekalkan oleh Kerajaan Negeri. Mereka ini masih lagi mendapat pendapatan sebanyak RM1,000 bagi setiap peserta dan pendapatan mereka berkurang kerana apabila mereka bekerja di sana, mereka mendapat pendapatan RM20 bagi satu hari. Dan apabila perjumpaan dibuat dengan mereka, bagi saya mereka bukan saja berterima kasih tetapi sangat berterima kasih kerana sebagai peserta mereka mendapat RM1,000 sebulan tetapi mereka boleh bekerja di tempat-tempat lain mengikut bidang masing-masing.

Cuma kita untuk tahun ini selepas daripada musim tengkujuh ini kita nak dapat laporan lanjutlah daripada pihak yang mengusahakan projek tersebut dari segi perancangan mereka untuk tahun 2018.

Okey, terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Saya menyokong Ucapan Bajet yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar pada hari Isnin yang lalu. Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Wa'alaikumsalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Y.B. Jertih mewakili pihak Kerajaan dalam sesi penggulungan petang ini. Sila Ajil mewakili pihak Kerajaan untuk membuat penggulungan.

**YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil):** Bismillahir rahmahnir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Exco-Exco, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para Pemerhati yang saya hormati sekalian.

Alhamdulillah. Ucapan penggulungan ini saya pertama merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah berjaya merangka satu Bajet Kewangan yang sangat menarik dan sangat seimbang yang memberi manfaat keseluruhan rakyat semua lapisan masyarakat. Tahniah dan syabas, satu pembentangan yang paling kemas dan paling menarik kepada saya apa yang saya dapat lihat dalam tempoh empat tahun ini.

Yang Berhormat Yang Dipertua, sempena Bajet yang dibentangkan kali ini di bawah portfolio saya. Pertama melibatkan agama dan juga komunikasi, didapati

peruntukan diperuntukkan ialah berpatutan. Walaupun pada dasarnya, permohonan yang diminta lebih tinggi daripada RM5.62 juta iaitu sebanyak RM7 juta. Tetapi kami menyedari hakikat kewangan yang ada hari ini, maka jumlah yang disediakan adalah memadai dan berpatutan.

Dan yang menarik dalam Bajet ini banyak perkara-perkara yang memberi insentif yang menarik terutamanya kepada golongan sasaran yang perlu dibela seperti sumbangan kepada Imam dan Bilal. Walaupun dengan jumlah yang tidak besar sebanyak RM1,500 seorang tetapi ia memberi manfaat yang cukup besar kepada golongan tersebut sebagai motivasi untuk mereka terus memberi perkhidmatan kepada masyarakat dan memakmurkan masjid-masjid yang berada di seluruh Negeri Terengganu apatah lagi bagi kawasan-kawasan yang hanya atau masjid yang hanya ada 2 Imam, 2 Bilal. Ada tempat 1 Bilal, 1 Imam. Ini adalah satu tugas yang cukup besar dan pengorbanan mereka amat besar kepada agama kita. Jadi terima kasih kepada Kerajaan Negeri.

Begitu juga kepada Guru Pintar Quran. Dan jumlah ini.....

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua, minta penjelasan sikit ni. RM1,500 yang mana tu, masjid mana? Hok Kerajaan ke, Mukim ke guaner, boleh bagi penjelasan.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Okey jumlah yang kita beri lebih kurang berjumlah RM1.99 juta kepada setiap orang sebanyak RM1,500 dan penerimanya terdiri daripada 1,326 orang penerima yang terdiri daripada 1,260 orang Imam dan Bilal Masjid Mukim serta 66 Imam dan Bilal Mubaligh.

Sepatutnya saya tak boleh jelas ni sebab...

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dok, bukan. Maksud saya tanya tu bulanankan, ini bagi *lump sum* ke apa?

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Ni bagi *lump sum lah*.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Doh hok bulanan tu takdok angka lagi ke?

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Yang tu kan kata dah kita akan pertimbangkan, yang lain tu akan bincang dulu taraf gaji dan sebagainya. InsyaAllahlah tu.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dok maksud saya gaji yang ada sekarang. Berapa sebenar?

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Gaji yang ada sekarang tu nanti minta notislah. Sebab banyak sangat. Dia ada gred-gred dia.

Kemudian Guru Pintar Al-Quran sebanyak RM2.5 juta yang diperuntukkan kepada 1,701 orang guru sebagai sumbangan penghargaan dengan jumlah RM1,500 juga seorang. Banyak *touchpoint* yang lain yang boleh saya sebut tajuk saja kerana perinciannya terlalu panjang, ruang waktu yang sedikit. Jadi antara *touchpoint* yang kedua belas, Takaful Khairat Kematian yang melibatkan seramai 3,666 orang iaitu sebanyak jumlahnya ialah RM188,000. Dan ini juga memberi satu pencaknaan Kerajaan kepada Bilal-Bilal dan Imam-Imam yang berkhidmat di masjid.

Yang seterusnya bayaran *one off* juga kepada Jurumandi telahpun disebut oleh Wakil daripada Kota Putera. Kemudian perkara-perkara lain ialah pembelajaran ilmu tajwid, taranum. Touchpoint yang lain ialah Program Pintar Al-Quran dan Penubuhan Yayasan Tokku Paloh. Ini satu program baru yang memberi satu impak yang besar kepada penduduk di Negeri Terengganu insyaAllah, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ajil, Bandar nak mencelah dapat penerangan ke apa?

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Ya, sila.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Penerangan, silakan. Sila Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Terima kasih. Saya diminta oleh para waris kepada Tokku Paloh. Apabila mendengar pengumuman ini, mereka memohon supaya saya mengemukakan pertanyaan untuk mendapatkan penjelasan. Kebetulan kebanyakan warisnya tinggal dalam DUN Bandar, di Cabang Tiga, maka hari ini saya mengambil peluang untuk memenuhi permintaan mereka.

Antara perkara yang dikehendaki untuk penjelasan. Yang pertama adakah pengumuman ini telah mendapat persetujuan ataupun dirunding dengan kaum keluarga yang mana kita tahu Tokku Paloh mempunyai keturunan dan keluarga yang sangat besar dan berpengaruh dalam Negeri Terengganu. Nama ini adalah satu nama yang besar, jadi mereka nak minta supaya Dewan membuat penjelasan sama ada kaum keluarga termasuk beberapa persatuan yang mewakili keturunan ini telah dirundingi untuk asas penubuhan.

Yang kedua, permintaan mereka untuk mendapat tahu apakah tujuan dan bagaimana pelaksanaan penubuhan ini untuk di masa akan datang kerana wujud kebimbangan di kalangan mereka telah banyak Yayasan ditubuhkan berasaskan

pendidikan, agama dan sebagainya. Dan ada juga Yayasan-Yayasan telah dicalar oleh imej-imej yang kurang baik terutama kita tahu di Terengganu ada satu Yayasan dinamakan Yayasan Bakti Negara yang sangat popular atas sifatnya mencemar aktiviti yang berasaskan agama kerana penipuan Skim Umrah tahun lalu. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Okey, Yang Berhormat Bandar seorang yang arif lagi bijaksana. Mewarnai Dewan berbagai cara dan *methodnya*. Terima kasih Y.B. Bandar. Kita peringkat penubuhan Yayasan Tokku Paloh. Pertama kita telah mengambil pandangan dari keluarga-keluarga yang kanan, yang ada *authority*. Tetapi untuk *content*, pengisian dan pelaksanaan yang akan datang, kita boleh panggil semua untuk ditentukan apakah polisi yang sewajarnya. Kita tak akan buat semborono. Makna kalau Yayasan Bakti tu tak ada kena mengena dengan kita. Yang tu biarlah satu pertubuhan haram yang tak ada kaitan yang hidup atau yang mati yang ada di dalam tu.

Seterusnya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya juga mengambil menarik tentang....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Yang Berhormat, Yang Berhormat sikit lagi. Boleh tahu apakah cadangan aktiviti yang akan dibuat melalui Yayasan ini.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Baik, perancangan *detail* belum lagi. Kita wujudkan Yayasan dahulu. Yang itu kita akan panggil. Biarlah Yayasan ini kaum keluarga ini akan tentukan hala tuju perjalanan seterusnya. Dari segi aspek bidang komunikasi, kita semua maklum bahawa dalam kemajuan era ICT hari ini kita tak boleh ketinggalan untuk mempertingkatkan jalur lebar ini. Dan seboleh-bolehnya semua daerah mempunyai kemudahan ini terutama dalam usaha kita nak menjadikan Kerajaan Negeri Terengganu sebuah destinasi pelancongan yang baik. Kerana apabila saja pelancong sampai, pertama dia akan tanya wifi ada ke tidak. Kalau pergi ke pulau ke, dia pergi resort ke, dia pergi ke mana-mana yang ni akan menjadi *priority*.

Kerajaan meneruskan perancangan yang terdahulu yang melibatkan pelaksanaan wifi ini di semua daerah dan insyaAllah sebagaimana kita maklum projek yang pertama sebanyak RM33 juta diteruskan dan didapati sehingga hari ini kita telah pun beroperasi, *hotspot* yang telah dapat beroperasi sebanyak 537 tempat. Dan perancangan kita ialah 626 dan insyaAllah dalam tempoh yang terdekat nanti kesemuanya sasaran 100% akan dapat dicapai.

Kita juga ada memperuntukkan untuk Petunjang yang ke-4 ni, saya ringkas-ringkaskan setakat masa yang ada iaitu mendokong pembangunan yang bersifat



inklusif dan berpaksikan rakyat sentrik iaitu *touchpoint* yang ke-56 ini diperuntukkan sebanyak RM5 juta untuk memperkasakan penggunaan dan kemudahan Teknologi ICT bagi memperluaskan liputan Terengganu Wifi ni sehingga kini terdapat seramai lebih kurang 300,000 pengguna yang telahpun berdaftar memanfaatkan kemudahan Terengganu Wifi ini dan capaian Terengganu Wifi akan diperluaskan ke daerah-daerah lain terutama Dungun dan Kemaman pada tahun 2018 dengan peruntukan sebanyak RM5 juta. Dan bagi merealisasikan hasrat ini, tiga Infrastruktur Menara Komunikasi akan dibina iaitu di Bukit Serating, Marang; Bukit Bauk, Dungun dan Bukit Kemuning, Kemaman. InsyaAllah sekiranya semua menara ini ada, jumlah kawasan liputan itu akan semakin luas.

Yang Berhormat Yang Dipertua, sebelum saya menjawab beberapa persoalan yang telah dibangkitkan oleh beberapa wakil daripada Paka sendiri tentang suraunya atau masjidnya. Telahpun ada dinyatakan dalam jawapan saya kelmarin, mungkin kelmarin suara saya tak jelas sebab ada masalah sikit tapi saya difahamkan Masjid Lama Tebing Tembah, Paka, Dungun.

Jadi Pejabat Agama Islam pernah pun mengarahkan agar masjid lama ini tidak lagi dibuat tempat untuk berjemaah namun masyarakatnya mengingkari arahan tersebut. Jadi untuk tahunya boleh kita rujuk nanti apakah kesalahan-kesalahan yang dilakukan. Dan perkara seterusnya saya ingin jelaskan di sini yang ditanya oleh Wakil daripada Sura saya rasa. Masalah...

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua, sekali lagi saya kata cuba senaraikan 13 tu tak banyak mana. 13 hok ada kes, 7 yang telah diberi kelulusan untuk mendirikan Sembahyang Jumaat. Ada 6 lagi tu.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Semalam saya baca doh. 13 doh.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Doh baca tu melibatkan Jabi belaka Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Doh 13 ni keseluruhan termasuk juga di kawasan Marang ada:

1. Surau Pak Sit Keruak
2. Surau Kampung Tok Dak
3. Surau Kampung Pandan.

YANG BERHORMAT HAJI ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Surai?

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Surau, surau.

#### 4. Surau Kampung Lahar

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Nakal, budak nakal.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kejap, kejap ya Ajil. Alur Limbat dengar apa?

YANG BERHORMAT HAJI ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Surai. ...(Dewan gelak) .... Saya tak faham surai, bahasa apa tak tahu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Surau, surau.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): ...(menyambung) ...

#### 6. Masjid Lama

#### 7. Surau As-Salam Kampung Gong Kemuntong.

Alur Limbat tak ada sini. Surau Maahad Tahfiz, Surau Hijau Kampung Lalang, Felda Neram 1, Kemaman. Ni senarai yang ada buat Jumaat Tanpa Kebenaran. Kemudian Surau Kampung Pengkalan Berangan, Surau Matlain Badrain, Besut; Masjid Lama Tebing Tembah, Paka, Dungun; Surau Kampung Tok Sabah, Besut.

Saya rasa saya dah sebut semalam. Ya, okey. Dan seterusnya Wakil daripada Sura ada sebut tentang masalah ada perlakuan sumbang di .....

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dok Yang Berhormat tak kira lagi ni Yang Berhormat. Hok 7, Yang Berhormat sebut ni 13.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Rujuklah senang. Saya dah jawab mungkin dalam suratkhbar dah keluar dah. Saya dah baca sutir-sutir dah, dua kali ulang tadi. Kalau ulang tayang tu, kena denda.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dok sebab ni, benda ni serius melibatkan orang....

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Dok, saya dah sebut semalam. Semalam saya sebut....

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Saya bangun doh minta penjelasan kelmarin, Yang Berhormat dok sebut.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Saya dah sebut, mungkin tak dengar kot.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Surai jugalah agaknya.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Surai juga. ...(Sambil gelak) .... Okey, seterusnya, boleh rujuk, saya dah buat keseluruhan dah jawapan kepada akhbar. Seterusnya Wakil Sura ada sebut masalah ....

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua, pernyataan di akhbar tadi Yang Berhormat kata dah jangan rujuk akhbar. Ni dalam Dewan ni Yang Berhormat, benda ni disebut dalam Dewan kena *clearkan* dalam Dewan ni. Saya ni Wakil daripada Paka melibatkan kawasan saya juga tadi sebut nama tadi.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Paka, kelmarin sebut dah, sebut dah yang tujuh tu. Ke nak sebut sekali lagi.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat 7, 7 yang lulus. 13 semua. Ada 6 lagi yang tak lulus, yang mana 6 tu?

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Status tindakan yang telah diambil ke atas masjid adalah seperti berikut. Yang ni nanti kita jumpa di luarlah nanti. Kita beritahu.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Okey, minum air tak apa.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Seterusnya, Wakil daripada Sura ada sebut tentang masalah perlakuan sumbang di kawasan-kawasan taman permainan. Dan kita pun kenal pasti memang banyak. Hari ini pemuda remaja kita agak hilang perasaan malu. Sebab itu kita menegaskan terutama dalam perkara-perkara melibatkan Undang-Undang Takzir tadi, masalah perlakuan pakaian tak senonoh dan sebagainya.

Jadi kita baru membuat satu aplikasi baru iaitu kita panggil e-Maksiat di mana portal tu kita boleh layari melalui *google play*, dia akan keluar. Dan ini akan membantu kita menangani masalah banyak kesalahan 26 ke, 36 kesalahan. Jadi dengan menyatakan tempat, lokasi kita boleh hantar dan untuk tindakannya insyaAllah pihak Penguatkuasa berdekatan akan ambil tindakan. Tapi, kita oleh kerana dalam tempoh percubaan kita jangan harap satu pencapaian yang begitu tinggi. Yang penting kita buat, kita cuba dulu walaupun kita tak boleh capai

maksima keupayaan kita, setidak-tidak kita mencuba. Pada saya kita cuba itu penting daripada tak buat apa-apa. Itu insyaAllah.

Dan masyarakat sama-samalah memainkan peranan supaya kita sama-sama berjaya membanteras perkara-perkara yang tidak bermoral ini. Temasuklah main judi ke, minum arak dan sebagainya. Sebab di sebelah-sebelah tentu ada kelab-kelab mungkin kita tak tahu ada restoran, kedai yang menyediakan minuman keras. Yang inipun boleh jadi info, boleh dimasukkan dalam *google play* kita yang dibangunkan oleh Pejabat Agama, insyaAllah. Ini usaha yang kita buat. Okey, sila.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Yang Berhormat, saya ingin dapat penjelasan adakah pihak Jabatan Hal Ehwal Agama menambah bilangan Penguatkuasa kerana dalam Sidang dulu kita dah beri maklumat bahawa setiap daerah itu bilangan Penguatkuasanya sekitar 9 orang, 10 orang, 12 orang sahaja. Sedangkan kawasan yang untuk kita awasi berhubung kerja-kerja maksiat ni saya rasa sangat banyak.

Jadi saya mencadangkanlah supaya pihak Jabatan Agama supaya dapat menambahkan bilangan Penguatkuasa ni dan melaksanakan kerja-kerja dengan lebih berkesan lagi. Terima kasih.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Ya, terima kasih Wakil Sura. Kita menyedari bahawa Negeri kita ni luas, pantai kita pun luas. Memang sukarlah kita nak buat satu penguatkuasaan secara menyeluruh kerana kekurangan kakitangan, kita akui. Namun untuk menambah kakitangan ni bukan perkara mudahlah sebab ia melibatkan implikasi kewangan yang cukup besar.

Cuma mungkin kita boleh fikirkan nanti di peringkat jabatan bagaimana untuk melantik sukarelawan ataupun secara kontrak atau apa-apa yang boleh kita wujudkan bagi membantu pasukan penguatkuasaan (*enforcement*) supaya kita dapat menjadikan usaha untuk membasmi maksiat ini dapat kita capai, insyaAllah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebelum saya menutup penggulungan ini ingin saya membawa satu cerita.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Sekejap ya, soalan saya berkenaan dengan Masjid Negeri, Masjid Kubang Durian, siapa yang kena jawab ya.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Terima kasih Alur Limbat. Ingatkan Alur Limbat tidur.

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Tidur kot.

YANG BERTHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Okey, terima kasih Alur Limbat. Pertama saya ingin jelaskan di sini bahawa Masjid Kubang Durian, betul? Okey, Masjid Kubang Durian sebelum ini telahpun dibuat pengumuman kelulusan oleh Mantan Yang Amat BERTHORMAT Menteri Besar, Dato' Seri Haji Ahmad Said semasa lawatan beliau ke masjid ini pada 8 Mei 2010.

Dan tindakan telah diambil sekarang di mana kerja-kerja tanah pihak Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri telahpun memperuntukkan sebanyak RM400,000 telah ada dah, dah tambun dah, molek dah tu. Dan sebutbarga akan dilaksanakan.

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Macam mana? Tanah? Telah tambun dah?

YANG BERTHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Ya, tambun tanah.

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Tak tambun lagi.

YANG BERTHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Akan tambun. Telah dapat peruntukan untuk tambun tanah. Bagus, sebab peka suasana di sana. Dan peruntukan bagi kerja tanah telahpun diluluskan oleh Yang Amat BERTHORMAT Timbalan Perdana Menteri pada pertengahan tahun ini 2017. Maksudnya insyaAllah dengan bajet yang ada pihak teknikal nanti akan menentukan tarikh bila kerja-kerja ini akan dimulakan.

Sebaik sahaja kerja-kerja ini dimulakan ia ada peringkat pula. Peringkat penyerahan pelan, teknikal dan sebagainya. Yang itu kita akan serah, JKR akan jawab nanti. Bukan hari ini, Sidang akan datang. Kalau saya ada, kalau Alur Limbat ada kita jawab pula ya.

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Nak tahu bila agaknya. Mesti ada pelan dah siap.

YANG BERTHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Bila ni, suatu hari, suatu hari...

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Suatu hari nanti. ...(Sambil gelak) ....

YANG BERTHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Ya, suatu hari. Suatu hari. Sebab saya jawab sekarang. Sebab nanti kalau kita jawabkan tak jadikan, susah

pula. Kita dalam proses ya, duit dah ada tambun dulu. Lepas tambun siapkan pelan, teknikal dan sampai masa, sampai masa kita akan siapkan pada bajet yang tertentulah dengan kapasiti jumlah jemaah yang ada. Hebat.

Dato' Yang Dipertua, persidangan hari ini cukup hebat dengan melihat pelbagai telatah ragam, kebijaksanaan, kearifan semua Ahli Dewan. Yang menarik saya apabila kita lihat keupayaan berhujah, keupayaan mendominasi, mengambil kesempatan dan sebagainya menjadikan ceria Dewan ini.

Jadi mengingat saya kepada satu cerita bagaimana seorang Profesor bersama seorang pendayung sampan. Profesor ini cukup hebat, gah, pandai berhujah, tahu mencari ruang dan peluang, kelemahan dan sebagainya. Lalu suatu hari satu penyelidikan dibuat di kawasan pedalaman. Dan di kawasan tersebut hanya satu perhubungan sahaja boleh pergi ke sebelah sana iaitu....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ajil, panjang tak cerita ni. Kalau panjang saya nak sambung esok.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Pendek saja.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Kan dengar dah dalam Dewan....

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Panjang cerita buaya ni kot.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Jadi untuk ke seberang sana dia gunakan perahu. Jadi dia pun jumpa seorang pengayuh perahu. Dia kata "Wahai pengayuh perahu, boleh tak bawa saya ke sebelah sana". Dia kata "Boleh tuan". Jadi profesor yang hebat ni, yang pandai ni terus masuk ke perahu dan duduk di hadapan sambil melihat sekeliling. Profesor katakan.

Jadi dengan serba ketahuan melihat tumbuhan dan air sungai. Lalu soalan pertama, soalan pertama Yang Dipertua. Soalan dia ada dua saja. Soalan satu, soalan dua. Suka saya nak jawab.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Dua soalan jangan tiga, dua je.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Soalan. Kacau budak ni. Soalan pertama dia kata: "Wahai pendayung perahu, awak pandai membaca dan menulis ke tidak?" Dia jawab: "Tidak". "Kalau tak pandai menulis.....

YANG BERHORMAT DATO' TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang):  
Saya ingat Dato' Yang Dipertua, cerita ni cerita ulangan, kita dengar belaka dah cerita ni. Cerita ulangan yang sudah kita tahu kesudahannya.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Yang tu tak dengar lagi.

YANG BERHORMAT DATO' TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang):  
Tak dengar biar, cerita ke dia.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Dia kata: Boleh tak? Pendayung kata: "Saya tak pandai membaca dan menulis". Dia kata: "Tak pandai membaca dan menulis bermakna rugi sebahagian kehidupan". Kemudian berjalan lagi sampai ke tengah-tengah sungai. Dia tanya: "Wahai ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Y.B. Ajil kita sambung esok boleh tak? Sebab peraturan tak boleh langkau daripada pukul 5.00. Sambung esok, saya bagi peluang kepada Y.B. Ajil sambung cerita, tambah cerita lain esok, insyaAllah.

Oleh kerana masa sudah menghampiri pukul 5.00 petang, saya berhasrat untuk menangguhkan sementara Dewan ini. InsyaAllah sesi penggulungan oleh pihak Kerajaan akan diteruskan pada pagi esok.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli Yang Berhormat yang dikasihi Allah Subhanahu Wata'ala maka saya tangguhkan Dewan yang Mulia ini kepada pukul 9.30 pagi esok, Khamis, 14 Disember 2017. Aqulu qauli haza wa astaghfirullahal 'azhima li walikum. Wabillahi taufiq walhidayah. Wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 5.00 PETANG.

---

**PERSIDANGAN**

**PADA HARI KHAMIS, 24 NOVEMBER 2016**

---



---

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA  
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

---

**HADIR:**

YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA  
Dato' Haji Mohd Zubir bin Embong, DPMT.,PJK.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU  
Dato' Seri Haji Ahmad Razif bin Abd. Rahman, SSMZ.  
WAKIL SEBERANG TAKIR

Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Putera bin Tengku Awang, DPMT.  
WAKIL KUALA BERANG

Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Jidin bin Shafee, DPMT.,DMSM.,KMN.  
WAKIL PERMAISURI

Yang Berhormat Dato' Haji Rozi bin Mamat, DPMT.,SMZ.  
WAKIL TELEMONG

Yang Berhormat Haji Ir. Rosli bin Othman, AMN.  
WAKIL KEMASIK

Yang Berhormat Haji Nawli bin Mohamad, SMT.,PJK.  
WAKIL HULU BESUT

Yang Berhormat Haji A. Latiff bin Awang, PJC.,PJK.  
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Yang Berhormat Haji Roslee bin Daud, AMZ.,PPN.  
WAKIL BUKIT BESI

Yang Berhormat Ghazali bin Taib, AMZ.  
WAKIL AJIL

Yang Berhormat Dato' Haji Muhammad Pehimi bin Yusof, DPMT.,PPN.  
WAKIL JERTIH

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Ahmad bin Said, SSMZ.,DPMT.,ASM.,PJK.  
WAKIL KIJAL

Yang Berhormat Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar, AMT.  
WAKIL AIR PUTIH

Yang Berhormat Dato' Haji Sabri bin Mohd Noor, DIMP.,PPN.,PJK.  
WAKIL LANGKAP

Yang Berhormat Haji Mohd Mahdi bin Musa, AMT.  
WAKIL KOTA PUTERA

Yang Berhormat Haji Bazlan bin Abd. Rahman, AMT.,PJK.  
WAKIL BATU RAKIT

Yang Berhormat Haji Mohd Iskandar bin Jaafar, PJK.  
WAKIL JABI

Yang Berhormat Tengku Zaihan bin Che Ku Abd. Rahman, PJK.  
WAKIL KUALA BESUT

Yang Berhormat Haji Satiful Bahari bin Mamat  
WAKIL PAKA

Yang Berhormat Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi, AMT.  
WAKIL BATU BUROK

Yang Berhormat Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut, PJK.  
WAKIL WAKAF MEMPELAM

Yang Berhormat Dr. Haji Alias bin Razak  
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Yang Berhormat Azan bin Ismail  
WAKIL BANDAR

Yang Berhormat Haji Mohd Nor bin Hamzah  
WAKIL BUKIT PAYONG

Yang Berhormat Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar,  
DPMT.,PJC.,PJK.,BLB.  
WAKIL LADANG

Yang Berhormat Ariffin bin Deraman  
WAKIL ALUR LIMBAT

Yang Berhormat Haji Ridzuan bin Hashim  
WAKIL TELUK PASU

Yang Berhormat Haji Hishamuddin bin Abdul Karim  
WAKIL TEPOH

Yang Berhormat Haji Wan Hapandi bin Wan Nik  
WAKIL SURA

Yang Berhormat Haji Hilmi bin Harun  
WAKIL MANIR

Yang Berhormat Haji Alias bin Harun  
WAKIL RANTAU ABANG

**TIDAK HADIR (DENGAN MAAF):**

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang, SSMT.  
WAKIL RHU RENDANG

Yang Berhormat Haji Hanafiah bin Mat  
WAKIL CUKAI

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI  
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
Dato' Wan Nawawi bin Haji Wan Ismail, DPMT.,SMZ.,PJC.,PJK.  
YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI  
Dato' Azhar bin Abdul Hamid, DSAP.,AMK.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI  
Encik Zulkifly bin Isa, PJK.

### PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Innal hamda lillah nahmaduhu wanasta'inuhu wanastagfiruh, na'uzubillahi min shururi anfusina wamin sayyi'ati a'malina, man yahdihillahu fala mudillalah, waman yudhlil **fala** hadi yalah, wa ashhadu anla ilaha illallah wahdahu la sharika lah, wa ashhadu anna Muhammad abduhu warusuluh.

Allahumma sallim wasallim ala Sayyidina Muhammadin wa'ala aalihi wa sahbihi ajmain, ammaba'du. Rabbisy rahli sadri waya sirli amri wahlul uqdatan min lisani yaf qauhu qauli. Rabbi **yassir wala tu'assir. Rabbi** tammim bilkhoir.

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera, Salam Negaraku Sehati Sejiwa, Salam Transformasi Terengganu Baharu. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, para Pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan yang dimuliakan Allah Subhanahu Wata'ala.

Mesyuarat disambung semula. Sebelum saya meneruskan ucapan yang baik-baik pada pagi ini bagi mendapat syafaat daripada junjungan kita Nabi Muhammad Salallahu 'Alaihi Wassalam seperti biasa bahawa asbab beliau adalah junjungan kita Nabi Muhammad Salallahu 'Alaihi Wassalam kita dapat mengenal Ilahi hingga kini.

Marilah kita sama-sama berselawat 10 kali. (Sidang Dewan membacakan selawat "Allahumma salli 'ala Muhammad, Wa'ala ali Muhammad" - 10 kali). Jazakumullahu khairan jaza.

Pada persidangan kita pada hari ini, 14 Disember 2017, hari yang keempat dan adalah merupakan hari yang terakhir Mesyuarat Ketiga Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Yang Ketiga Belas. Selepas ucapan saya ini ialah Sesi Soalan-soalan Lisan.

Masa satu jam akan diperuntukkan untuk Sesi Soalan-soalan Lisan, insyaAllah. Seperti sebelum ini juga dan mematuhi Fasal 27(5) saya membenarkan hanya dua soalan tambahan sahaja bagi setiap satu Soalan Lisan asal yang dikemukakan.

Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan Soalan-soalan Lisan untuk hari ini adalah seperti berikut :

1. Y.B. Haji Wan Abdul Hakim bin Wan Mokhtar  
(Wakil Air Putih)
2. Y.B. Haji Mohd Mahdi bin Musa  
(Wakil Kota Putera)
3. Y.B. Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi  
(Wakil Batu Burok)
4. Y.B. Haji Bazlan bin Abd. Rahman  
(Wakil Batu Rakit)
5. Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Endut  
(Wakil Wakaf Mempelam)
6. Y.B. Haji Mohd Iskandar bin Jaafar  
(Wakil Jabi)
7. Y.B. Tengku Zaihan bin Che Ku Abd. Rahman  
(Wakil Kuala Besut)
8. Y.B. Azan bin Ismail  
(Wakil Bandar)
9. Y.B. Dato' Haji Tengku Hassan bin Tengku Omar  
(Wakil Ladang)
10. Y.B. Ariffin bin Deraman  
(Wakil Alur Limbat)
11. Y.B. Haji Hanafiah bin Mat  
(Wakil Cukai)
12. Y.B. Haji Ridzuan bin Hashim  
(Wakil Teluk Pasu)

13. Y.B. Haji Hishamuddin bin Abd. Karim  
(Wakil Tepoh)
14. Y.B. Haji Wan Hapandi bin Wan Nik  
(Wakil Sura)
15. Y.B. Haji Hilmi bin Harun  
(Wakil Manir)
16. Y.B. Haji Alias bin Harun  
(Wakil Rantau Abang)

Insyallah selepas pada Soalan Lisan kita akan berehat selama setengah jam dan kita akan sambung balik dengan sesi penggulungan oleh pihak Kerajaan. Dalam sesi perbahasan ke atas Enakmen Perbekalan 2018.

Secara tegas saya ingatkan sekali lagi kepada Ahli Yang Berhormat sekalian bahawa Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu dalam Fasal 47(b) melarang gangguan dilakukan semasa mana-mana Ahli Yang Berhormat yang sedang berbahas kecuali dalam dua keadaan sepertimana hanya dibenarkan dalam Fasal 46(2) dan 47(a).

Saya mengajak Ahli Yang Berhormat yang saya cukup hormati diberikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala marilah kita sama-sama menghormati dan mematuhi peraturan-peraturan tersebut yang sudah lama memandu Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini sejak daripada dahulu lagi. Dan insyaAllah pada sebelah petang nanti Dewan akan membentangkan Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-orang Melayu (Pindaan) (No. 2) 2017, Enakmen Taman Negeri Terengganu 2017 dan dua usul untuk dibahas dan diluluskan insyaAllah.

Sidang DUN pada hari ini dalam Dewan yang mulia ini disaksikan oleh Pemerhati-pemerhati. Saya mengalu-alukan kedatangan pemerhati daripada seluruh pelosok Negeri Terengganu. Hari ini kita ada seperti biasa:-

- Majlis Tindakan DUN Sura (PAS)
- Jabatan KEMAS Negeri Terengganu
- Biro Tatanegara
- Pejabat DUN Bandar (PKR)
- Pejabat DUN Alur Limbat (PAS)
- DUN Batu Burok
- Dewan Pemuda PAS Negeri Terengganu
- Alur Limbat (PAS)
- Pusat Khidmat Masyarakat DUN Pengkalan Berangan (BN)
- Pejabat DUN Ajil (BN)

- Alumni GPMS
- Kelab Kebajikan Anak Muda Kuala Terengganu
- Serikandi (Diketuai oleh To' Puan Seri)
- UMNO Bahagian Kuala Nerus
- Kumpulan Regu dan Jitu Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu
- GPMS dan;
- Ketua-Ketua Cawangan UMNO DUN Seberang Takir.

Terima kasih kerana sudi hadir untuk sama-sama dalam memerhatikan perjalanan DUN pada hari ini. Sekian, aqulu qauli haza wa astaghfirullahal 'azhima li walikum. Wabillahi taufiq walhidayah. Wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Untuk hari ini dalam Sesi Soalan Lisan, saya mempersilakan Kuala Besut untuk mengemukakan soalan. Silakan.

**YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN** (Wakil Kuala Besut): Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Soalan saya No. 1. Terima kasih.

*Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan infrastruktur dan landskap di Kuala Besut khususnya di sempadan Negeri Terengganu – Kelantan selaras Kampung Pachakan, Kuala Besut sebagai pintu masuk ke Negeri Terengganu?*

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE** (Wakil Permaisuri): Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat. Pertamanya, terima kasih kepada Wakil Kuala Besut yang ingin tahu pasal pembangunan Kampung Pachakan. Suka saya maklumkan bahawa Rancangan Khas Kuala Besut (RKK) Kerajaan telah mencadangkan supaya yang pertamanya pintu sempadan Negeri antara Terengganu dan Kelantan perlu dinaiktarafkan.

Yang keduanya, jalan juga perlu dinaiktarafkan, landskap serta pintu gerbang dan penempatan premis perniagaan. Jalan raya empat lorong 400 meter akan dinaiktaraf dari segi bahu jalan, longkang dan sebagainya. Manakala landskap pula akan dihasil dengan pokok-pokok yang menarik seperti Palma Raja sebagaimana simbol Welcome To Negeri Terengganu, pintu gerbang akan dinaikkan taraf dari segi cahaya ataupun pencahayaan. Manakala premis-premis perniagaan akan diatur dan ditambah baik serta tersusun. Sekian.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Terima kasih. Soalan tambahan pertama sekiranya ada. Sila Kuala Besut.

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Terima kasih kepada Wakil Kerajaan yang memberi penjelasan sebentar tadi. Selain daripada Kampung Pachakan, kita di Pekan Kuala Besut tu sendiri merupakan pekan yang terhampir kepada jiran kita di Tok Bali.

Dan sekarang ini Tok Bali telah dipanggil Tok Bali Supply Base yang mana ramai pekerja-pekerja yang mari ke bandar yang paling dekat dengan Tok Bali iaitu Pekan Kuala Besut, jadi selain daripada Kampung Pachakan, ada tak perancangan pihak Kerajaan untuk meningkatkan lagi infrastruktur bukan saja di Kampung Pachakan sendiri tapi di Pekan Kuala Besut seperti pencahayaan dan pelbagai infrastruktur yang lain lagi bagi menampung pengunjung-pengunjung yang melalui Kuala Besut untuk pergi ke Terengganu daripada dalam dan juga luar negara. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Permaisuri mewakili pihak Kerajaan.

YANG BERHORMAT DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Terima kasih Dato' Yang Dipertua, memanglah kita berhasrat benar bahawa Besut ataupun Kuala Besut ataupun pintu masuk ke Kuala Terengganu akan diperelokkan bagi menggambarkan bahawa Terengganu satu-satunya "Negeri Cantik dan Budaya Menarik".

Jadi dengan sebab itu pertamanya pembangunan landskap di sempadan khususnya di Kampung Pachakan telah dirancang kawasan khas di mana cadangan tersebut termasuklah pembangunan yang sesuai bagi landskap persempadanan daerah ataupun disebut berkonsep "scenes of welcoming".

Dan seterusnya cadangan pembinaan gerbang atau tanda *entry statement* pada laluan masuk ke Besut yang bersesuaian dengan konsep Daerah Besut yang memberi gambaran imej dan identitinya yang tersendiri yang memberi gambaran bahawa Terengganu menarik.

Selain daripada rancangan-rancangan tersebut, telah juga dikenalpasti beberapa rancangan lain termasuklah cadangan Taman Rekreasi Sungai Nail, Kuala Besut. Hasil daripada pemerhatian yang dijalankan mendapati sungai ini amat berpotensi untuk dijadikan tarikan pelancongan dengan penyediaan landskap yang menarik dan aktiviti yang bersesuaian. Jadi kawasan ini akan dibangunkan sebagai kawasan rekreasi.

Dan seterusnya cadangan Esplanade Muara Sungai Besut. Kelebihan dan keistimewaan dengan keindahan panoramanya yang mengadap Laut China Selatan membolehkan kawasan itu dibangunkan esplanade sepanjang tebingan Muara Kuala Besut.



Dan selain daripada itu Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, cadangan menambahbaik kawasan pantai melalui penanaman Kuala Besut. Rancangan ini juga untuk mengelakkan lebih banyak pantai terhakis melalui penanaman di samping menambah elemen-elemen rekreasi yang secara tidak langsung akan mewujudkan aktiviti kepada kawasan tersebut.

Dan seterusnya cadangan mengubahsuai kawasan Dataran Budaya Taman Permainan Kanak-Kanak Kuala Besut. Penambahbaikan dengan menaikkan taraf dan mempertingkatkan lagi kemudahan di kawasan tersebut. Cadangan ini melibatkan tanah seluas lebih kurang 0.49 hektar.

Dan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kawasan-kawasan laluan masuk yang telahpun dikenalpasti dan berpotensi untuk dibangunkan adalah seperti berikut:

1. Persempadanan Jertih - Pasir Putih iaitu di Bukit Yong.
2. Laluan Persekutuan.
3. Yang pertamanya, Kerajaan akan menaikkan taraf rekabentuk landskap sedia ada bagi mengindahkan kawasan. Yang keduanya penanaman pokok bagi di kedua-dua belah sisi jalan bagi meningkatkan kualiti pemandangan. Dan yang ketiga, penanaman tanaman teduhan dan tanaman hiasan seperti tumbuhan renek dan penutupan bumi bagi mengekalkan kualiti landskap di kawasan ini.

Dan Dato' Yang Dipertua, banyak lagi perkara-perkara yang sedang dirancang bagi mengindahkan pintu masuk ke Terengganu daripada Kelantan. Sekian.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Soalan tambahan kedua. Sila Kota Putera.

YANG BERHORMAT MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Jajaran Gerbang Pelancongan selain daripada Kuala Besut, maka Kota Putera juga menerima limpahan Jajaran Gerbang Pelancongan. Maka tadi Yang Berhormat Exco menjawab berkaitan dengan pembangunan di Kuala Besut, terima kasihlah. Saya mewakili Y.B. Kuala Besut. Dan namun begitu, jajarannya adakah perancangan Kerajaan selain daripada Kuala Besut yang melibatkan Kota Putera kerana Gerbang Pelancongan juga melibatkan kawasan Kota Putera. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Terima kasih Kota Putera. Kota Putera ni bimbang dia takut tak melarat ke kawasan dia. Sebenarnya Kuala Besut itu pintu masuk daripada Jertih, seterusnya kawasan pantai dan juga Gerbang Pelancongan itu untuk ke Pulau Perhentian dan laluan darat melalui Kota Putera terus ke Setiu, terus ke Kuala Nerus, seterusnya ke Kuala Terengganu sampailah ke Kemaman. Maknanya jajaran ini akan diutamakan ataupun infra mesti diutamakan bagi membolehkan pelancong ataupun penduduk menikmati keupayaan pentadbiran Kerajaan Barisan Nasional di Terengganu. Sekian.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih kepada Kuala Besut, Kota Putera dan terima kasih kepada Permaisuri mewakili pihak Kerajaan untuk menjawab soalan lisan yang pertama. Seterusnya saya mempersilakan Bandar untuk mengemukakan soalan. Silakan Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Soalan daripada Bandar No. 1. Terima kasih.

*Berapakah jumlah keseluruhan pelaburan Asing di Negeri Terengganu pada tahun 2014 sehingga kini dan apakah masalah serta langkah penyelesaiannya.*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Wa'alaikumsalam warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, terima kasih kepada Yang Berhormat ADUN Bandar. Yang bertanya berapakah jumlah keseluruhan pelaburan asing di Negeri Terengganu pada tahun 2014 sehingga kini dan apakah masalah serta langkah penyelesaiannya?

Dato' Yang Dipertua, jumlah pelaburan asing yang masuk ke Terengganu daripada 2014 ke 2016 adalah 29 pelaburan dan jumlahnya RM3,357,461,707.

Dato' Yang Dipertua, setakat 2017 kita masih belum menerima laporan terkini daripada pihak MIDA maka tidak dapat saya laporkan di sini. Manakala masalah serta langkah penyelesaian yang ditanya oleh Bandar. Ya masalah tetap ada tapi antara yang utamanya Dato' Yang Dipertua, di mana kita menghadapi sekarang ini kepadatan ataupun kawasan-kawasan industri yang kosong dan bersesuaian serta berstrategik tidak ada dalam rizab kita Dato' Yang Dipertua kerana yang ada berbentuk *greenfield* ataupun mentah dan memerlukan kos yang tinggi untuk disediakan kepada pelabur-pelabur yang inginkan segera Dato' Yang Dipertua. Begitu juga kebanyakan, ada juga yang kosong sebagaimana yang saya kata tadi yang pertama tadi tetapi kedudukannya tidak pula memberi suasana yang strategik kepada pelabur Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Sila Bandar, soalan tambahan yang pertama.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih. Di antara perkara yang mustahak untuk kita pastikan pelaburan asing yang masuk ke sesuatu negara ataupun negeri membawa manfaat sama ada kepada negara atau negeri adalah suasana seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Exco tadi. Nampak gaya di Terengganu dari segi suasana kondusif yang sedia ada ataupun telah disediakan nampak gayanya kurang mendapat galakan untuk pelabur-pelabur asing untuk datang ke Terengganu kerana setakat ini kata ada 29 pelaburan dengan nilai RM3.3 bilion. Soalan saya, selain daripada bidang yang kita tawarkan atau yang ditumpukan, yang menjadi minat kepada pelabur asing ini, adakah kita merancang supaya bidang-bidang ini menjadi bidang yang tidak hanya memanfaatkan pelabur asing.

Sebagai contoh, banyak bidang yang pelabur asing datang ke negara kita. Manfaat itu di sebelah pihak ataupun tidak seimbang. Mereka mendapat keuntungan, selepas mendapat keuntungan kerana kita memberi tawaran-tawaran yang baik seperti insentif, cukai, pioneer status dan sebagainya. Selalunya selepas mendapat manfaat itu mereka akan keluar ke tempat lain untuk mencari kemudahan yang ditawarkan oleh tempat lain juga.

Jadi adakah perancangan Kerajaan Negeri barangkali di bawah Jawatankuasa Pelaburan Khas Negeri dan sebagainya untuk memastikan perkara ini tidak berlaku pada masa akan datang. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Bandar. Sila.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Terima kasih Yang Berhormat Bandar. Kita akui apa yang dibangkit ataupun diterangkan oleh Bandar sebentar tadi kepada pelabur asing ataupun pelabur tempatan, mereka ni adalah peniaga.

Sebagaimana yang saya terangkan di Dewan ini, sebagai peniaga mereka tentu sekali mementingkan keuntungan dan dengan mengurangkan kos ataupun menjimatkan kos. Jadi dalam asas ini kita diperingkat negeri sentiasa memastikan kita menang-menanglah dalam keadaan kita ingin menarik pelaburan sama ada asing atau tempatan untuk pastikan faedah kepada negeri, rakyat negeri. Kita nak menang dari segi peluang pekerjaan, kita nak menang dari segi pembangunan ekonomi, transaksi ekonomi setempat dan sebagainya. Dalam masa yang sama kehendak pelabur itu kita penuhi.

Begitu juga Dato' Yang Dipertua, pelabur asing ini mereka melihat sebagaimana kata Bandar tadi, suasana yang kondusif itu bukan sahaja dalam bentuk

percukaian, insentif dan sebagainya. Mereka juga melihat dalam bentuk politik yang stabil di sesuatu tempat. Maka perlu kita beritahu kepada rakyat Terengganu, bahawa untuk kita majukan negeri kita ini dengan suasana ekonomi yang mantap, tentu sekali kita perlu kepada politik yang stabil. Kepada rakan-rakan, kita tak boleh remeh-temehkan perkara ini. Kita bercakap soal remeh-temeh, tetapi ditulis ataupun dipungut di luar sana dengan suasana yang serius.

Dato' Yang Dipertua, sesuai dengan apa yang dikata oleh Bandar tadi saya setuju. Maknanya apa jua jawatankuasa, sebenarnya kita banyak jawatankuasa Yang Berhormat. Di peringkat negeri, sama ada di peringkat pelaksana, dasar dan sebagainya. Kita nak tentukan kepentingan rakyat dan negeri adalah keutamaan kita. Contohnya kita pastikan setiap pelaburan mesti memastikan 70% peluang pekerjaan kepada anak Negeri Terengganu dan sebagainya. *Seventy, 70%*, ini dasar kita dan pelbagai-bagai lagi. Tapi dalam suasana yang sama, kita nak menangkan hati juga kepada pelabur supaya mereka datang, tertarik.

Sebab itulah pelbagai-bagai usaha sama ada di peringkat negeri dan peringkat negara, kita nak pastikan mereka melihat Terengganu adalah destinasi yang terbaik. Ini penting untuk pastikan suasana Terengganu kita gunakan sepenuhnya sama ada suasana Terengganu yang terbaik, *Beautiful Terengganu*, suasana sejahtera, pendidikan terbaik. Ini keperluan kepada pelabur-pelabur untuk bukan sahaja mereka mengaut keuntungan, membuat keuntungan tetapi juga kehidupan kakitangan mereka serta suasana yang berkenaan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTAMBAHAN DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Soalan tambahan kedua Bandar silakan.

YANG BERTAMBAHAN AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Dato' Yang Dipertua, saya telah menyemak pelaburan asing di negeri-negeri di Pantai Timur seperti Kelantan, perbandingannya dan Negeri Pahang. Saya dapati tidak wujud keseimbangan tumpuan pelabur asing di kawasan Pantai Timur terutama dalam isu ini.

Malangnya kita dalam keadaan yang ketiga, maksudnya terke bawah sekali perbandingan di antara tiga negeri untuk pelaburan asing setakat ini. Jadi, saya nak tanya kerana semakan saya, maklumat di peringkat negeri, kita belum mewujudkan kaedah merunding supaya pelaburan asing bukan saja ke Negeri Terengganu tetapi bersifat regional. Maknanya, di peringkat Pantai Timur, kita gabungkan sekali Kelantan dan Pahang bersama Terengganu semasa adanya cadangan pelaburan asing di Pantai Timur, kita gabungkan pula dengan tiga negeri untuk menyeimbangkan. Sebab saya rasa di bawah MIDA merumuskan

bahawa tiga negeri di Pantai Timur atau empat negeri ni mempunyai fasiliti dan keadaan *atmosphere* pelaburan yang hampir sama.

Boleh tak kalau Negeri Terengganu usahakan supaya mengabungkan tiga negeri ini semasa rundingan pelaburan asing membentuk satu jawatankuasa supaya kita ni tersenarai dalam kaedah memilih tempat untuk pelaburan, diseimbangkan dengan negeri-negeri yang buat masa ini lebih mendahului kita.

Saya rasa kaedah ini lebih memberi kelebihan kepada kita kerana buat masa ini kita tertinggal berbanding dua negeri ini, kita dalam kedudukan di tengah-tengah ni sepatutnya kita lebih ditumpukan. Saya nak tanya boleh ke tidak kita tubuhkan jawatankuasa yang bersifat regional tadi. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Bandar.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dato' Yang Dipertua, saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Bandar tapi saya tidak bersetuju sama sekali apa yang dituduh atau diberi maklumat bahawa kita ni yang ketiga tertinggal. Seolah-olah bayangkan bahawa Terengganu ni bukan satu destinasi yang baik.

Inipun tidak kondusif Dato' Yang Dipertua. Pada saya agensi Kerajaan Pusat untuk membantu semua Kerajaan Negeri termasuk di peringkat regional. Tumpuan telah diberikan terutamanya untuk Pantai Timur melalui ECER Dato' Yang Dipertua. Dan kita sebagai Negeri Pantai Timur yang mempunyai kelebihan kita sendiri tapi kita akui dalam perbandingan kita tidak boleh sebab setiap pelabur nak datang pelabur dia akan tanya bagaimana kos pergi ke pelabuhan, bagaimana kos pengangkutan darat, udara dan sebagainya.

Kemudian, mereka juga bertanya kos lain-lain, tenaga mahir. Orangnya *bekeng-bekeng* ke dok. *That's why*, sebab tu saya ingat Dato' Yang Dipertua kalau Bandar janganlah bergaduh sangat dengan Dato' Yang Dipertua. Dipungut oleh pelabur, mereka tak boleh mari ke Bandar Kuala Terengganu ni. Yang Berhormat dia *bekeng sangat...*

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Pelabur ambil kira Bandar jer?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dan sebagainya. Dengar saya jawab. Ini semua faktor yang akan tempias kepada pelaburan Dato' Yang Dipertua. Jadi saya setuju untuk kedudukan Pantai Timur sebenarnya kedudukan Terengganu lebih strategik daripada yang lain. Kalau banding, kedatangan kalau suatu ketika dulu masa kita muda-muda, kecil-kecil, kita boleh katakan pelarian daripada perang

Amerika di Vietnam, orang-orang kaya Vietnam lari dengan bot yang kecil, mereka 'uting' ke mana? Cakap dialek Terengganu, mereka 'uting' ke mana? Mereka 'uting' ke Terengganulah tempat destinasi.

Begitulah juga Dato' Yang Dipertua, kalau lihat kalau hari ini pelaburan ataupun perniagaan utama dunia di sebelah Timur, China, Korea, Jepun malah Vietnam sedang naik sekarang ini, mereka melihat dataran mana di sebelah Malaysia ini yang utama, tentu sekali melihat Terengganu.

Maka inilah peranan kita Dato' Yang Dipertua, saya nampak kita tak perlu rendah diri. Sebenarnya Terengganu perlu bekerjasama dengan semua peringkat. Saya nak menyeru semua peringkat dan kita ada MIDA, kita ada MATRADE, kita ada ECER di peringkat regional dan juga di peringkat Kebangsaan. Membantu kita dan ayuh saya ingat yang paling penting kita semua kena faham dengan dataran Terengganu yang begitu strategik, sumber kita yang begitu baik, kita banyak di laut, banyak di darat, banyak di pantai. Suasana kita yang sangat menarik.

Ini kita perlu kempen bersama, war-war bersama bahawa Terengganu is destinasi terbaik dan sebagainya. InsyaAllah Dato' Yang Dipertua, saya percaya saya sangat yakin masanya akan tiba dengan sebagaimana kata kehendak penyelarasan regional oleh Bandar tadi. Dengan adanya ECRL yang tak berapa lama lagi, kita beri kerjasama sepenuhnya akan meningkatkan penghantaran kargo ataupun barangan, pasaran daripada Terengganu ke pelabuhan-pelabuhan utama sama ada di Pantai Barat ataupun di Kuantan ataupun pelabuhan kita sendiri dan tidak akan menjadi perimbangan, tidak akan menjadi pertimbangan yang jauh kepada pelabur. Mereka akan timbang, Terengganu yes. Tidaklah kata Terengganu dia nengung lama Yang Berhormat, nengung berapa jam nak sampai, ada dok keretapi. Bagaimana barang nak punggah dan sebagainya. Jadi ini strategi yang sangat mustahak.

Dato' Yang Dipertua, saya ingat inilah peranan kita Ahli Yang Berhormat, kita dalam memasarkan Negeri Terengganu, saya minta sama ada sebelah sini, sebelah saya sebelah sana pun, kita jangan kecilkan Terengganu tapi kita usaha sama-sama untuk pastikan faedahnya. Saya setuju dengan Bandar tadi faedahnya akan dapat bersama kepada rakyat Terengganu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Minta maaf banyak lah. Kita nak pergi sebab 15 minit dah. Biasanya kita biasa peruntukan 10 minit, 10 minit. Terima kasih Wakaf Mempelam. Saya mempersilakan Ladang untuk mengemukakan soalan. Silakan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, soalan No. 2 -

*Apakah yang terjadi kepada Projek Lembah Kambing Kaprima. Berapakah kos keseluruhannya yang telah dibelanja sejak projek ini dimulakan. Sila nyatakan status sekarang ini.*

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Bismillahir rahmanir rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato Yang Dipertua, terima kasih kepada ADUN Ladang yang bertanya soalnya berbunyi: Apakah yang terjadi kepada Lembah Kambing Kaprima. Berapakah kos keseluruhan yang telah dibelanjakan sejak projek ini dimulakan, sila nyatakan status sekarang?

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, keseluruhan Projek Lembah Kaprima bilangannya 8 lokasi yang melibatkan keseluruhan perbelanjaan RM16.63 juta dan daripada 8 lokasi tersebut, 6 lokasi sedang berjalan dan 2 lokasi menghadapi masalah. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Soalan tambahan pertama sekiranya ada. Sila Ladang.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Yang aktif maksudnya yang berjaya, berjalan dan berjaya. Apakah enam-enam tu sudah berjaya atau masih dalam proses untuk berjaya, dan apa yang 2 tidak berjaya. Yang tidak berjaya tu di mana dan mengapa tidak berjaya? Apakah masalah yang dihadapi oleh yang tidak berjaya ini? Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Okey, terima kasih. Dato' Yang Dipertua, dalam 6 lokasi tersebut ada salah satunya yang sangat berjaya, yang mana pada tahun 2016 iaitu operatornya di Lembah Kaprima Hulu Seladang, pada tahun 2016 beliau telah dinobatkan sebagai Penternak Jaya Kebangsaan.

Dan kepada 2 yang tidak berjaya, saya ingat masalahnya berkait dengan operator tu sendiri. Yang mana kita tengok bagi mereka yang mempunyai modal dan sikap keusahawanan, projek ini boleh berjaya. Tinggal lagi mereka yang menghadapi masalah berkait dengan ahli kongsi, bertukar ahli kongsi, tidak cukup modal dan sebagainya, inilah yang menjadi masalah iaitu 2 yang bermasalah di Telaga Papan dan di Payang Kayu.

Yang mana tindakan kita untuk kedua-dua lokasi ini kita telah, satunya kita telah hentikan dan kita bagi tawaran terbuka kepada sesiapa yang berminat dan bagi Telaga Papan tawaran telah diterima daripada Syarikat Ubir, pengendali projek

kambing melalui ECER tetapi setakat ni kita tidak tengok lagi kesungguhan permohonan tersebut.

Dan bagi yang 6 lokasi, ada yang tengah berkembang dengan baik dan ada yang masih lagi aktif tetapi kita tengok perkembangan terbaru mereka kerana kita telah ubah dasar. Yang mana dasar dulu kita terlalu memberi syarat agar projek ini dibenarkan 100% kambing daging. Tetapi kita setelah perbincangan dibuat dengan pengusaha kita telah longgarkan beberapa syarat kepada operator ataupun pengusaha iaitu mengikut kesesuaian lokasi, tempat mereka, kita benarkan mereka usahakan 30% dalam bidang yang lain contohnya dibenarkan pelihara rusa, lembu sado ataupun biri-biri ataupun kambing tenusu. Ataupun ada permintaan dibuat oleh mereka supaya mereka nak bertanam dengan rumput yang menjadi sumber kepada ternakan mereka juga kita benarkan. Dan ada juga permohonan supaya tempat mereka itu supaya dijadikan sebagai tempat kunjungan sama ada pelatih-pelatih ataupun pelancong yang menjadi sumber pendapatan kepada mereka juga kita benarkan.

Ini *enhancement* yang baru kita buat supaya boleh mengatasi masalah mereka tunggu hasil jualan bergantung kepada kambing ataupun daging kambing semata-mata. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Jertih mewakili Kerajaan menjawab. Sila Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Tambahan yang kedua. Kerajaan telah berbelanja RM16.6 juta, apakah wang ini diberi percuma kepada mereka dan operator-operator ini tanpa apa-apa balasan ataupun bagaimana.

Apakah kalau hilang, hilang begitu saja atau apakah yang diperolehi oleh Kerajaan daripada hasil projek-projek seperti ini. Saya bimbang takut ini terjadi seperti Projek Fertigasi yang satu masa telah dibelanja banyak. Banyak perbelanjaan dikeluarkan tapi hasilnya tidak seberapa dan akhirnya kita rugi banyak.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Ladang, Sila Jertih mewakili pihak Kerajaan menjawabnya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Terima kasih ADUN Ladang, terima kasih Dato' Yang Dipertua. Okey, konsep penubuhan dulunya kita berdasarkan kepada 70% daripada keuntungan adalah milik pengusaha dan 30% disumbangkan semula kepada kita dan 30% ini kita bagi bantuan kepada golongan miskin. Bagi mereka yang telah berjaya kita telah terimalah dan agihan telah dibuat yang mana baru-baru ini pun kita....



YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Boleh beritahu nilai ataupun berapa agaknya yang telah dipulang balik kepada Kerajaan setakat ini?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Sebagai contohnya pada tahun lepas kita telah mendapat sumbangan sebanyak RM10,000 daripada....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Jumlah berapa ribu, RM10,000?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): RM10,000. Daripada....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Setelah berapa tahun tu dapat RM10,000 tu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Yang ni yang tahun lepas. Yang tahun sebelumnya....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Dok maksudnya berapa tahun beroperasi kemudian baru dapat RM10,000 tu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MUHAMMAD PEHIMI BIN YUSOF (Wakil Jertih): Okey yang tahun sebelum-sebelumnya Dato' Yang Dipertua, saya perlukan notis. Ni yang mutakhir pada tahun yang lepas kita dapat sumbangan dan kita telah agihkan kepada 20 orang penerima yang ni satu lokasi.

Cuma pihak Jawatankuasa memikirkan syarat ini perlu kita ubah iaitu daripada 70% keuntungan, kita nak monitor keuntungan syarikat tu, ia merupakan satu kaedah yang sukar kerana *accounting* yang dibuat oleh syarikat itu susah untuk kita nak menilai ketelusan syarikat ataupun perniagaan mereka.

Jadi dengan sebab itu Jawatankuasa telah mengubah kaedah iaitu dengan cara kita bagi sewa iaitu dengan 3 kategori. Yang pertamanya, bangsal; yang keduanya, stor; yang ketiganya, rumah pekerja; dan yang keempatnya, lokasi tu sendirilah.

Jadi dengan kita tentukan untuk pengusaha sedia ada kita buat kaedah runding terus berapa mereka setuju dan berapa Kerajaan setuju. Dan bagi kawasan yang baru kita tawarkan, contohnya 2 yang gagal tadi, yang ini Kerajaan tentukan dan

apabila ada permintaan daripada mereka yang berminat, baru kita buat proses runding harga.

Jadi maknanya kita tukar kaedah dulu 70% keuntungan adalah milik peserta kerana sebenarnya kita nak galakkan industri kambing daging ni di Negeri Terengganu dan 30% mereka pulangkan semula kepada Kerajaan. Dan hari ini kita telah ubah kaedah tersebut. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Jertih, terima kasih Ladang dan yang mengemukakan soalan, dijawab oleh Jertih dengan baik. Terima kasih banyak Ladang mematuhi. Saya kagum Ladang mematuhi peraturan saya. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Bagus, baru tengahari puji tu bagus dah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, sila Alur Limbat untuk mengemukakan Soalan Lisan seterusnya.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, soalan yang pertama -

*Berapakah jumlah projek "Kampung Tanpa Wayar" di bawah Kerajaan Negeri yang telah dibina mengikut daerah?*

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Soalan satu berbunyi: Berapakah jumlah projek 'Kampung Tanpa Wayar' di bawah Kerajaan Negeri yang telahpun dibina mengikut daerah?

Untuk makluman kampung tanpa wayar di Terengganu terdapat sebanyak 107 buah yang melibatkan daerah-daerah tertentu Kuala Terengganu, Kemaman, Dungun, Besut, Hulu Terengganu, Marang, Setiu dan Kuala Nerus. Secara pecahannya Kuala Terengganu terdapat 5 buah, Kemaman - 32 buah, Dungun - 11, Besut - 10, Hulu Terengganu - 18, Marang - 4, Setiu - 17, Kuala Nerus - 10. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih banyak Ajil mewakili pihak Kerajaan menjawab. Sila soalan tambahan pertama daripada Alur Limbat.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Soalan tambahan saya jawapan yang diberikan oleh pihak Exco ni yang dimaksudkan 107 ni 'Kampung Tanpa Wayar 1Malaysia' ke ataupun yang disebut dalam

*touchpoint* yang ke-56, Kerajaan Negeri istiqamah memperluaskan liputan capaian Terengganu Wi-fi kejayaan 537 hotspot. Maksud saya yang itu ke ataupun KTW1M. Soalan saya sebenarnya status KTW1M ni yang 107 tu berfungsi dengan baik atau tidak sekarang ni. Apa perbezaan dengan yang kita buat 537?

YANG BERTHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Soalan saya berdasarkan pada pertanyaan 'Kampung Tanpa Wayar' umum, jadi saya jawab mengikut projek yang dilakukan Projek 'Kampung Tanpa Wayar' di bawah SKMM. Jadi, kita ada dua benda, saya jelaskan di sini.

Projek 'Kampung Tanpa Wayar' merupakan salah satu intensif yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan. Yang ni jelaslah dan kita dapati bahawa terdapat sebanyak 107 lokasi yang disebutkan tadi. Dalam lokasi tersebut, tujuan dia ialah untuk merapatkan jurang digital di kalangan masyarakat khususnya di luar Bandar.

Sebab itu kita nampak tadi Hulu Terengganu banyak, bukan kerana Timbalan Menteri tu Hulu Terengganu. Bukan kerana Exco Hulu Terengganu tetapi keperluannya masih diletak di kawasan luar bandar. Jadi sebab itu kita lihat ia meliputi kawasan yang luas sampai Telemong kawasan cukup luas, Ajil pun luas, Hulu Terengganu dan tambah pula dengan Kenyir. Maka di situlah menyebabkan jumlah tumpuan yang terbesar di situ.

Kemudian kita lihat Wi-fi Hotspot ni kalau kita tengok kemudahan yang disediakan daripada penduduk tersebut meliputi kelajuan yang cukup tinggilah kerana nak bantu keupayaan Negeri kita. Jadi kita *progress* kolaborasi di situ. Tapi projek pengurusan cara berbeza untuk di bawah SKMM *direct* bawah Pusat di bawah Kementerian Komunikasi Multimedia. Cuma untuk kita, untuk Negeri Terengganu, kita sedia maklum sebagaimana yang dimaksudkan oleh Alur Limbat daripada percadangan kita dulu 680 tempat tadi itu maksudnya, payah. Daripada itu kita mampu setakat hari ini ialah sebanyak 519 sahaja. Ada tambahan untuk jawab.

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Soalan saya hok tadi, sebenarnya 107 ni berfungsi semua dok? Kalau ada masalah saya bimbang apa yang kita laksanakan 537 ni turut mempunyai nasib yang sama. Kemudian, dari segi keluasan capaian dia walaupun dikatakan berkelajuan tinggi, kita dapati contohnya di beberapa tempat hotspot contohnya di Kepung contoh dalam DUN saya bila hotspot duduk di sekitar tu, golongan muda ni bertumpu situ jer. Dia tak boleh nak di rumah dia, saya difahamkan sekitar 250 meter jer di keliling menara.

Jadi ini juga, ialah kami pembangkang kita setuju untuk tingkatkan prestasi IT di Negeri Terengganu cuma kita bimbang nasib yang berlaku kepada usaha Kerajaan yang baik tiba-tiba tidak dilakukan pemantauan yang baik, kita bimbang duit yang ada yang kita laburkan ni untuk masa depan rakyat kita khususnya golongan muda, kita mengalami kerugian yang besar.

YANG BERTHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Terima kasih Alur Limbat. Sebagaimana kita maklum bahawa kemampuan jalur lebar yang disediakan memang benarlah dalam lingkungan jarak 250 meter yang kebanyakan menggunakan teknologi EDSL dan VSEP dan tumpuan remaja ataupun pengguna dalam lingkungan 250. Saya juga menghadapi masalah sama dalam DUN saya. Cuma saya responlah daripada keseluruhan 107 tidak semua setakat hari ni berfungsi, saya akui kenyataan itu benar. Ada setengahnya dalam proses pembinaan lagi tak jejak 100% dan sebahagiannya telah pun berfungsi.

Untuk mendapatkan jumlah keseluruhan berapa yang telah berfungsi dengan sepenuhnya dan berapa yang belum berfungsi nanti saya minta notis. Nanti saya akan *check* balik dengan SKMM sebenarnya berapa. Tapi untuk penyediaannya telahpun ada sebanyak 107 tempat ataupun kampung. Soalan yang ke berapa ni yang keenam, tiga?

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Ni baru nak masuk soalan kedua ni. Tadi soalan pertama.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Alur Limbat sepatutnya saya tak terima dah soalan. Dua soalan tambahan dah, tapi tak apalah. Buatlah ringkas yang tak lebih daripada 40 patah perkataan, itu peraturan Dewan tu. Tak payah terang, terus. Silakan.

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Sikit je, yang Kerajaan Negeri. Tadi bawah Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri tadi. Apakah langkah yang dibuat oleh Kerajaan Negeri, takut menerima nasib yang sama dengan 'Kampung Tanpa Wayar' 1Malaysia tadi, itu ajelah. Wallahu'alam.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Alur Limbat.

YANG BERTHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Terima kasih. Sebagaimana secara yang dimaklumkan kita telahpun merancang sebanyak 680 buah bilangan hotspot yang akan kita adakan keseluruhan Negeri Terengganu. Dan setakat ini cuma 519 buah. Ada di setengah tempat kita menghadapi halangan tertentu. Macam biasa kita tak nak selindung benda yang benar sebab ini boleh dibuktikan dengan *access*, ada tempat-tempat yang tidak boleh dan ada walaupun telah dipasang dan sebagainya. Mungkin ada kesilapan dan sebagainya.

Tapi pihak bahagian kontraktor yang diberi tanggungjawab ini belum lagi terlepas daripada tanggungjawab dia masih lagi dalam projeknya, dia akan membaiki ataupun proses memperbetul jika ada kesilapan terutamanya di kawasan-kawasan utama seperti di lapangan terbang, di Wisma Darul Iman kita, di tempat-tempat yang tertentu yang menjadi tumpuan kehadiran khususnya pengguna dan juga pelancong, kita memberi keutamaan dalam menyediakan dan memperlengkapkan fungsi penggunaan hotspot di Negeri Terengganu.

Tapi insyaAllah 519 ini dalam masa yang terdekat mungkin ada, pasti ada sepuluh atau dua. Kadang-kadang sistem line ni kita tahu sajalah ada sikit perubahan cuaca dah jadi lain, orang ramai sikit dok cakat nak tekan, patah jari dok tubik, dia *teet teet* dia musing. Ini keadaan yang terpaksa kita terima hakikat dengan sistem maklumat hari ini.

Saya rasa Alur Limbat dia cukup mahir, cuma dia nak uji Exco faham tak faham jer. Exco *study* tiga hari tiga malam tanpa tidur untuk nak pastikan nak jawab soalan Alur Limbat saja sebab kita tahu dia ahli nujum bahagian ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO YANG DIPERTUA: Terima kasih banyak Ajil mewakili pihak Kerajaan menjawab Soalan Lisan, Alur Limbat terima kasih mengemukakan soalan dan patuh pada arahan. Okey, seterusnya Cukai.

Ada dua orang tu. Saya tak tahu, Cukai mewakili siapa ni?

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Wakil ke saya.

YANG BERHORMAT DATO YANG DIPERTUA: Wakil Tepoh. Okey.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Ya. Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Soalan dari Cukai hanya ada satu -

*Apakah usaha Kerajaan memulihkan kawasan Perindustrian  
Teluk Kalong yang semakin malap.*

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Saya ingat Dato' Yang Dipertua tahu Cukai wakil kepada siapa, semestinya Dato' Yang Dipertua tahu. Ni Alur Limbat bangun, Tepoh bangun.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Tak, saya tak tanya lagi soalan tadi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Itulah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Alur Limbat saya dah tutup dah tadi. Saya kata terima kasih banyak. Terima kasih banyak, dah sudahlah tu, nak bangun lagi. Saya tak tahu sebab tanda tiap-tiap hari tak kurang daripada 10 kali Alur Limbat bangun. Minta maaf Alur Limbat. Tu bangun pula dah tu, kerusi panas ni Alur Limbat ni. Sila.

Pasal kata memang, saya sebenarnya tak... tu yang kata kalau saya ikut peraturan, kena maklum saya ketidakhadiran, kena maklum saya tapi saya luwes sebenarnya. Ni kadang-kadang semalam pun berebut-rebut nak bangun mewakili Ahli Yang Berhormat yang tidak hadir, patut saya tidak benarkan. Sila.

Saya nak tanya betul-betul Alur Limbat ni, betul ke bangun tadi nak tanya soalan tambahan ke nak tanya soalan hok saya tanya ni Cukai. Dalam Dewan yang mulia.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Takmbah bangun dah, kira banyak dah tadi. ....(Sambil gelak).....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih banyak sebab kena nyatakan yang benar, yang hak. Tak kira saya pun kena berhadapan dengan Allah, Tuhan saya. Tak kira semua orang, *so* nyatakan yang hak, yang benar, yang mulia dalam Dewan mulia ini. Terima kasih saya nak, cakap kena buat Alur Limbat. Terima kasih. Sila Tepoh, *sorry* ambil masa sikit, minta maaf. Silakan soalan. Okey terima kasih banyak. Sila bagi pihak Kerajaan, Kuala Berang saya benarkan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Sikit penerangan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Dato' Yang Dipertua. Kata kalau Alur Limbat panas wakil kita ada yang dah *ready* dalam Dewan ni untuk Alur Limbat, pilih kita jer.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Panas tapi selamat.

YANG BERHORMAT IR. ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Alur Limbat, Kemasik baru sekali bangun.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Terima kasih Tuan Yang Dipertua. Saya ucap terima kasih kepada Wakil Tepoh mewakili Cukai. Sebenarnya Cukai bertanya: Apakah usaha Kerajaan memulihkan Kawasan Perindustrian Teluk Kalong yang semakin malap?

Dato' Yang Dipertua, dengar pada soalan ni pun, saya rasa satu persepsi Yang Berhormat Cukai. Kita doa Yang Berhormat Cukai cepat sembuhlah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Amin.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Yang malap tu Yang Berhormat Cukai sebenarnya. ...(Sambil tergelak kecil) .... Saya tidak bergurau dalam keadaan ni, sebenarnya.....

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Dato' Yang Dipertua, minta tarik baliklah malap Cukai tu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Ni soalan Cukai, malap, dia kata malap ni, saya kata malap tadi ni.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Tadi kata Yang Berhormat Cukai malap.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Makna benda malap.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dengar saya jawab dulu.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Saya faham....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tadi Alur Limbat kabor saya, takmboh bangun doh. Kita katakan yang hak, kalau tidak jangan ungkapkan dalam Dewan yang mulia, kalau nak bangun, tak bangun lagi jangan cakap saya takmboh bangun doh. Tak boleh cakap.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Dato', saya takmboh bangun masa tadi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya nak minta Alur Limbat tarik baliklah.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Tak, tadi...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Nanti Alur Limbat. Saya nak minta Alur Limbat cakap tarik balik. Saya.....

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Dato' Yang Dipertua, takdok peraturan suruh tarik balik ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Nanti kejap Tepoh. Saya minta Alur Limbat kalau nak bangun tak nak kita dosa bersama ungkap balik, kata 'saya tarik balik perkataan tak nak bangun'. Boleh dok.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Saya tak tarik sebab tadi seorang Ahli Dewan boleh bangun tanya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Nyatakan di mana?

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Dah tak boleh bangun, semua orang boleh bangun.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Cuba peraturan di mana, beritahu. saya nak tanya. Nyatakan di mana, peraturan mana....

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Peraturan mana seorang Ahli Yang Berhormat....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Nanti dulu. Saya kata, Alur Limbat, saya tanya, saya dah kata tadi. Saya dah kata tadi dua keadaan. Malah dalam peraturan di Parlimen pun ada, kata jangan kita sebarang kata. Tu ajelah. Sila, terus Kuala Berang ya.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Tak, sebelum Kuala Berang jawab, Kuala Berang kata Yang Berhormat Cukai malap.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya tak dengar. Saya tak dengar tadi.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Dato' Yang Dipertua boleh dapatkan hansard, segera.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apalah. Itu kemudianlah, saya tak dengar. Minta maaf, serabut dengan Alur Limbat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Terima kasih Dato' Yang Dipertua, saya kata, dengar Tepoh baik-baik. Soalan daripada Cukai: Apakah usaha Kerajaan memulihkan kawasan Perindustrian Teluk Kalong yang semakin malap? Ini Cukai kata. Saya jawab



saya kata ini satu persepsi Cukai dan saya kata ini satu pandangan Cukai mungkin Cukai tu sendiri yang malap. Sebenarnya Teluk Kalong tak malap, ya.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Ayat tu tak sedap didengar tu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Tu tak sedap dengarlah kita buat tak sedap.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Sebab tuan dia....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Kita masak tak sedap, makan tak sedap.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Alur Limbat, saya suruh tarik balik, tarik balik.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Dah tarik balik perkataan malap tu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Kita kata ke kawasan, bukan orang.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kejap Kuala Berang duduk dulu. Ayat di depan tu mungkin, mungkin. Kalau tak, tak apalah.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Takdok bunyi mungkin, mungkin tadi.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Dok, bukan Y.B. Exco kata bukan Wakil Cukai, Cukai. Kena faham molek, Wakil Cukai ni Y.B., Cukai tu .....

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Cukai malap, maknanya BN pun malaplah. Sebab Cukai duduk bawah Terengganu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Tak apa. Wakil Pembangkang memang selalu kata ke BN ni malap. Biasa jer tu. Sekali sekala.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Kuala Berang, insyaAllah boleh.....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Nanti kejap Tepoh, Kota Putera patuh pada peraturan. Terima kasih, sila Kuala Berang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Ya, Dato' Yang Dipertua. Kita Kerajaan ni menjawab pertanyaan. Tapi masa tanya tu kena tanya molek-molek lah Yang Berhormat. Kita masak yang elok, makan pun sedap. Masak tak elok makan tak sedap Yang Berhormat.

Jadi saya buktikan, sebenarnya Teluk Kalong merupakan kawasan industri Kerajaan Negeri Terengganu yang paling utama Dato' Yang Dipertua. Di sini ada pelabuhan, di sini ada Pengkalan Perbekalan Kemaman dan saya yakin Kawasan Industri Teluk Kalong menyumbang lebih daripada separuh ataupun 50% pertumbuhan ekonomi kepada Daerah Kemaman itu sendiri.

Dato' Yang Dipertua, buktinya daripada keluasan yang kita ada di Teluk Kalong seluas 319 ataupun lot yang kita sediakan untuk pelabur di Teluk Kalong 319 lot industri ataupun perusahaan. Daripada jumlah itu 99% telah diisi ataupun dimohon, hanya dua lot saja yang kosong.

Sekarang pun yang *queue*, menunggu yang bertanya dan ingin ke Teluk Kalong tersangat ramai Dato' Yang Dipertua. Ini menunjukkan, apa yang saya kata tadi kesilapan mungkin dia tengok benda lain. Saya boleh jawab tetapi kesilapan Cukai tadi. Serupa saya kata kepada soalan yang pertama daripada Bandar, kita tak boleh perlekehkan negeri kita. Itu maksud saya Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Sila Tepoh, soalan tambahan yang pertama.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Terima kasih Wakil Kuala Berang. Saya ingin bertanya soalan tambahan daripada 319 lot yang ada di Perindustrian Teluk Kalong dan dikatakan 99% sudah dipenuhi. Berapakah lot yang aktif dan berapa lot yang tidak aktif. Pohon penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dato' Yang Dipertua, terima kasih Tepoh mewakili Cukai. Aktif tidak aktif ni sedang kita pantau. Saya yakin Yang Berhormat Cukai ingin bertanyakan kawasan Perwaja ataupun Kilang Perwaja yang telah ditutup dan apakah usaha Kerajaan untuk bangunkan semula ataupun untuk pastikan kawasan Perwaja itu dapat dipulihkan.

Jadi saya nak beritahu kepada Dewan Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Negeri telah meluluskan pembelian tapak Perwaja ini kepada satu pelabur yang besar bernama MD Petrol Kimia yang menghantar atau berniat untuk melabur di Terengganu melebihi RM10 bilion dalam dua fasa. Fasa pertama ingin membina Kilang Bitumen Dan Minyak Campuran yang pelaburannya hampir ataupun melebihi RM2 bilion dan fasa kedua produk kimia dalam RM8 bilion.

Jadi proses pembelian tanah ini, permohonan kepada Kerajaan Negeri untuk meluluskan....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dia tak jawab soalan tu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya jawab ni.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Orang tanya hal kawasan perindustrian. Bukan hal....

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Saya tanya per lot. Betul seperti yang.....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dengar dok Wakaf Mempelam ni.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dok kait hal Perwaja, Perwaja tu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dengar saya jawab dulu.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dengar guaner dok jawab soalan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dengar habis.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Kita nak dengar jawapan bukan soalan tu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Bakpe, panas?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dok panas. Sejuk.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Doh, dengarlah. Doh duduk, dengarlah saya cakap.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dok, soalnya sekarang, saya takmboh dengar jawapan yang bukan kepada soalan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Doh takmboh dengar Yang Berhormat boleh keluar.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa kita.....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ni jawab soalan lain.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kejap Kuala Berang, sila duduk Wakaf Mempelam. Sila Kuala Berang teruskan dengan jawapan.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Takdok daftar tu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Ke nak jadi Kerajaan? Tak boleh jadi Kerajaan masa ni. Dengar saya jawab. Dia takut RM10 bilion nak mari ni. Bila dia mari .....

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Soalan lain sikit tu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Bangun pulak, macam mana.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Tak boleh ke bangun. Minta maaf Dato' Yang Dipertua. ....(Dewan gelak) .....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dato' Yang Dipertua izinkan saya. Saya dah cakap tadi yang aktif tak aktif tadi. Kita sedang pantau ya, tapi kalau nak pastikan yang antara dulu aktif sekarang tak aktif adalah Perwaja. Saya faham maksud hari-hari percakapan Yang Berhormat Cukai kepada sayapun adalah kes Perwaja. Bila nak pulih Perwaja ni, bila nak pulih Perwaja ni, Yang Berhormat Wakaf Mempelam.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Gunawan Steel pun masalah juga bukan Perwaja saja.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Pulok, mu bukan Kerajaan.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Saya tanya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dah pergi jawab tu bakpe.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Eh, tak jawab. Orang royat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dah dengar dulu. Sakit Alur Limbat ni.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): ...Sebut, Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Dipertua, tanya sikit, Alur Limbat okey ke?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya ingat ada bisul Yang Berhormat di punggung.....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Tak lekat di kerusi ni guaner?

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Tak apa Yang Dipertua, saya sebab sebutnya Perwaja, Perwaja, Perwaja banyak lagi syarikat lain.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dah duduk.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Tak lekat di kerusi Alur Limbat ni guaner ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Alur Limbat saya nak sebut satu jer, ini Dewan yang mulia dia ada peraturan. Puas tak puas tu tambah kat luarlah, banyak peraturan-peraturan yang kita sendiri kena, kita kena ikut. Tolong ikut. Memang, bangun mesti ada celahan. Saya tak nak buat *rulling* perkara-perkara yang boleh memberikan beban kepada kita semua. Tolong ya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat kena tarik balik tu tuduh orang ada bisullah macam-macam. ...(Dewan gelak) ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Alur Limbat duduk dulu, dengar. Okey sila Kuala Berang. Sila Kuala Berang terus kepada jawapan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Terima kasih Yang Berhormat. Sebelum saya tarik nak minta Wakaf Mempelam beri Bukit Tunggal *check* dulu ada bisul ke dok, baru saya tarik. ...(Sambil gelak) ....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Saya *check* dohlah tu kata suruh tarik balik tu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dato' Yang Dipertua, izinkan saya habiskan, soalan ringkas saja. Jadi Perwaja ini dengan maksud pelaburan kawasan....

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat betul juga tu, kalau Kuala Berang kata tak ada data, royak tak ada data.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Ada data ni.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dah 300 lebih tu berapa. Kita pun nak dengar juga sebab di sempadan tak jauh dengan Paka juga ni Dungun, Kemaman.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Nanti dulu Paka. Hamba nak jawablah ni. Jangan panas telinga.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Panas *round* gitu tak sampai ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya tanya, saya tanya....

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): *Direct to the point* jer. Kalau kita bahagian ni minta data saja. Minta data, kabor takdok data Yang Berhormat senang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Ini antara data dalam Teluk Kalong saya jawab ni. Saya tak jawab soal di Kuala Berang, saya tak jawab soal di Paka.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dah minta tu Tepoh ulang semula soalan tadi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Tak payah, saya faham dah. Saya jawab.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dah nampak macam tak faham, memang tak faham tu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Paka tak faham.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dah dia minta angka berapa yang aktif, berapa yang tak aktif.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Ni salah satu angka ni.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Sepatutnya jawab jer berapa yang aktif tak aktif.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Baca angka jerlah, 40 aktif.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Kita tak tanya Perwaja.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Kena bagilah ruang Kerajaan jawab. Rilekslah. Duduklah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Susah nak kabor orang pandai tak pandai ni. Dato' Yang Dipertua, maknanya dengan terbangun balik pelaburan ini saya yakin insyaAllah pelaburan di Kemaman kemudian *spur* ataupun dia punya limpahan ekonomi kepada Cukai, kepada Kemaman, Teluk Kalong tu sendiri dia akan, bilangan pekerjaan hampir lebih 5,000 orang. Dato' Yang Dipertua, maka terjawab soalan malap tadi. Kemudian, kepada aktif tak aktif saya minta kita notis semulalah, tanya dalam bentuk notis kerana kita ada tetapi.....

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Kata ada data tadi nak bentang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Ialah jumlah sebenar ni...

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Soalan ni telah awal, takkan tak tahu yang aktif tak aktif.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Tepoh, Tepoh faham tak soalan. Awak tanya tu tak ada dalam soalan asal, ini soalan tambahan.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Saya faham. Takkanlah pihak Kerajaan tak boleh untuk bersiap sedia. Kita tanya malap, bila malap kita tahu kita boleh memberikan jawapan yang aktif berapa, yang tak aktif berapa.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa Tepoh, kejap Tepoh ya duduk kejap. Saya, soalan tu soalan tambahan tadi. Jadi saya minta Tepoh duduk, Kuala Berang duduk. Saya rasa.....

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Tak, saya tak berpuas hati dengan jawapan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya benarkan notis untuk dikemukakan oleh pihak Kerajaan. Terima kasih Tepoh. Saya nak pergi soalan akhirlah. Patut dah habis dah.....

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Bila notis tu boleh diberikan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Ikut pandai munglah nak beri bila-bila.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Jawab apa Exco gitu. Apa yang Exco jawab gini. Kita nak tanya bila nak beri.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya jawab padan dengan soalan. Dengan semua orang faham. *You* beri lah bila-bila pun notis.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Siapa dia yang faham.



YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dia tak faham. Lain kali kalau nak mewakili orang lain kena faham.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): .... Yang aktif berapa, yang tak aktif berapa, boleh beritahu?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa, tak apa. Saya minta semua duduk.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Kalau boleh Yang Berhormat Kuala Berang, tarik baliklah 'ikut pandai mung', cakap apa macam orang hulu gitu tu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, Wakaf Mempelam duduk. Tak apa saya risau.....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Memang aku orang hulu, mu susah apa?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tepoh, Tepoh dah Tepoh. Cukup saya tak bagi dah, panjang dah. Saya nak bagi kepada rakan kita sebelah sana, saya tak bagi lagi. Kepada satu soalan, yang soalan lisan tanpa soalan tambahan.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Saya peliklah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ataupun saya berhenti, saya tangguh sekarang tak ada soalan terus. Ini hak saya.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Ikut pandai Speakerlah.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Ikut pandai Speakerlah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey, terima kasih. Oleh kerana ikut pandai saya, budi bicara saya tidak dihargai maka saya nak tangguh Sesi Soalan Lisan pada pagi ini. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli Yang Berhormat sekalian maka saya tangguhkan sementara Dewan ini dan disambung semula pada pukul 11.10 pagi. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 10.45 PAGI

PUKUL 11.20 PAGI

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli Yang Berhormat yang dirahmati oleh Allah Subhanahu Wata'ala sekalian. Mesyuarat disambung semula. Oleh itu saya mempersilakan Wakil Kerajaan untuk membuat penggulungan seterusnya, saya nak minta semalam kita bagi masa pukul 5.00 dah. Y.B. Ajil nak sambung sikit lagi cerita tu, kalau tak ada tak apalah saya nak pergi kepada seterusnya.

YANG BERHORMAT GHAZALI BIN TAIB (Wakil Ajil): Terima kasih. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Menyambung cerita semalam. Kata Profesor: "Wahai pendayung sampan bolehkah kamu lakonkan watak Pendekar Bujang Lapuk?" Lalu diberikan sehelai kertas. Maka si pengayuh sampan itu melihat ke kiri ke kanan. Kata Professor: "Kenapa berpusing-pusing daa?" Dia pun baca: "Al-kisah, tahi ikan, terdapat al-kisah sang kancil datang beramai-ramai mengadap Sultan Firaun".

"Mana daa Sultan Firaun, Firaun tak pakai Sultan". Kenapa salah baca tu. Kemudian diambil oleh Profesor. Lain ni cerita, baca lain. "Baca sekali lagi". Dia baca pula dengan nada lain. Dia kata: "Ini bukan syair daa, ini Bahasa Arab". Lalu baca dalam Bahasa Arab, dia sebut: "Al-padang pasir, al-unta, al-tompok-tompok". Tahi unta bertompok-tompok. Kesimpulannya nak beritahu bahawa dua ungkapan ini berbicara dalam apa keadaan pun tanpa kita faham dengan *detail*, maka kita dapat hasilnya. Jadi kesimpulannya, Ahli Dewan kita memang handallah walaupun ada setengahnya tak faham mana tetapi kita tetap menyatakan pendirian kita. Barangkali itulah Ahli Dewan. Saya mohon menyokong pembentangan Bajet yang dibaca oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada kali ini. Sekian, terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Ajil selaku mewakili pihak Kerajaan membuat penggulungan. Sila seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat daripada pihak Kerajaan untuk membuat penggulungan.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia, Salam 1Transformasi Terengganu Baharu, Salam Perpaduan, Salam Negeraku Malaysia Sehati Sejiwa. Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah Rabbil Alamin. Wabihi Nastain.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, terima kasih kerana telah memberi peluang kepada saya untuk turut mengambil bahagian dalam Perbahasan Rang Enakmen Perbekalan 2018 yang telah dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar yang kita kasihi di Dewan yang mulia ini.

Alhamdulillah syukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala pada pagi yang berbahagia ini di dalam Dewan yang mulia ini, kita sekali lagi diberikan kekuatan, kesihatan dan keinginan tinggi untuk bersama-sama membawa perubahan serta pembaharuan berterusan bagi Negeri Terengganu. InsyaAllah, hasilnya nanti dapat dimanfaatkan oleh anak-anak bangsa di masa hadapan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pertama-tamanya saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu yang telah membentangkan suatu Bajet Negeri Terengganu 2018 yang dinamik dan berimbang di mana Kerajaan dan rakyat berganding tangan di dalam menjayakan setiap rancangan dan aktiviti yang bersesuaian. Dengan motto Bajet, 'Masa Hadapan Yang Lestari' atau di dalam konteks Terengganu. Kerajaan sentiasa komited dalam menyediakan taraf kualiti hidup terbaik demi memastikan kesejahteraan dan kehidupan rakyat yang komprehensif dan harmoni. Perancangan Bajet tersebut dibuat sangat teliti dan teratur serta inklusif dan boleh membawa manfaat yang besar insyaAllah kepada seluruh rakyat daripada pelbagai peringkat umur di Negeri Terengganu dan bakal memperkasakan pembangunan modal insan dalam merealisasikan motto ketiga, Prinsip Transformasi Terengganu Baharu iaitu 'Keluarga Bahagia Rakyat Sejahtera'.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, menerusi portfolio saya iaitu Portfolio Kesihatan, Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat. Saya dapat rumuskan saya melihat daripada 60 *touchpoint* Ucapan Bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar baru-baru ini sememangnya cukup menyeluruh dan antara yang terbaik dari sekecil-kecil bayi disediakan saguhati kelahiran SSPNi hinggalah penyediaan kemudahan Pusat

Aktiviti Warga Emas dan Takaful Khairat Kematian kepada golongan miskin dan memerlukan.

Alhamdulillah, menerusi Ucapan Bajet 2018 secara *totalnya* hampir RM83 juta telah diperuntukkan kepada Portfolio Kesihatan, Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat yang melibatkan sekitar 15 *touchpoint*. Terima kasih sekali lagi kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu dan insyaAllah amanah ini akan digalas dan disampaikan sebaik mungkin kepada rakyat selari dengan motto Bajet 2018 iaitu 'Masa Hadapan Yang Lestari'.

Sesungguhnya semua perancangan ini memerlukan kerjasama kita semua. Jika kita sayang negeri kita, usaha ganding bahu antara rakyat dan Kerajaan akan membawa keuntungan pembangunan, masa depan bagi negeri kita insyaAllah. Dan saya yakin dengan sikap yang ada pada majoriti rakyat dan pendekatan yang telah dicipta oleh Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar serta dengan semangat kerjasama TTB, Terengganu kita akan hebat dan maju sebagaimana hasrat rancangan kita, insyaAllah.

Sidang Dewan yang saya hormati sekalian, sebagai menjawab beberapa persoalan yang dibangkitkan melalui perbahasan Ahli Dewan iaitu yang menyentuh berkenaan isu penggunaan lif di Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Alur Limbat. Tak bangun dah tak? InsyaAllah tak bangun dah, saya nak jawab ni.

Di Hospital HSNZ ni, kita ada sembilan unit lif yang digunakan oleh orang ramai dan juga kakitangan hospital. Dan proses penggantian empat buah lif di lobi utama kita tu, sedang dalam pelaksanaan. InsyaAllah empat buah lif ni kita akan ganti dan akan boleh digunapakai insyaAllah menjelang Mac 2018. Tapi kita buat berperingkat-peringkat dulu.

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Boleh tanya tak, sebab soalan saya Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Bangun selalu dah.

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Tak, saya semalam pergi, sama juga. Tak bagi tak apalah isu tu. Cuma ada yang kata kos tinggi, betul ke? Satu lift tu berapa kalau baiki?

YANG BERTHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Dia sebenarnya kalau soalan ni tak apalah oleh kerana sikit sangat tu. Sebenarnya memanglah, sebenarnya lif kita di Hospital HSNZ kita ni memang dah terlalu lama. Jadi apabila barang lama ni, apabila kita nak ubah, baiki semula memang satu benda

yang agak susah juga. Tapi persoalan tu, berapa kos? Sekitar RM400,000 sebuah.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Baru terus ke baiki?

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Memang kita tukar baru terus bos, Wakil Alur Limbat.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Yang mahal tukar barulah pada baiki.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Dah terpaksa bos. ...(Dewan gelak) ..... Boleh ya. Jadi yang dua ni insyaAllah tahun ni kita selesai, dan dua lagi tu menjelang Mac dan yang lima lagi ni kita dah cuba angkat peruntukan bagi kepada Kerajaan Negeri melalui UPEN, insyaAllahlah untuk tahun 2018 ni kita cuba selesaikan.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Tanya sikit lagi boleh, untuk kepentingan rakyat ni. Sebab macam sekaligus saja rosak. Sebab saya pergi ikut belakang rosak juga.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Beginilah kita tak usah tu, sebenarnya di lif itu tempat nak naik lif pun pihak hospital dah menyediakan papan tanda menyatakan bahawa ada kesulitan sikit tu. Minta maaf kepada semua rakyat Terengganu, sebab kita faham sangat hospital HSNZ ni sebenarnya memang menjadi tumpuan daripada, ramai sangat sebenarnya.

Jadi saya mencadangkanlah dalam Dewan yang mulia ni Yang Berhormat Dato' Speaker, saya cadangkan yang umur 40 ni kalau boleh tingkat 2 tu kita pakat cuba guna tanggalah, *exercise* sikit. Yang umur 60, 70 tu kita nak buat macam mana takkan nak galas. Jadi kita untuk sementara ni.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Laluan boleh Yang Dipertua? Saya nak tahu umur Alur Limbat dengan Paka berapa, tapi kelmarin saya tengok belaka di tingkat dua tak naik lif juga di hospital.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat tingkat tujuh Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Tingkat tujuh, baru ni tingkat dua jer.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Lif turun tu.

YANG BERHORMAT MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Mungkin lebih dari 40, 70 dah kot.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Lif turun tu Yang Berhormat. Tapi saya setuju ganti barulah, macam UMNO juga 60 tahun kena ganti baru, tak boleh baiki dah.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Dia tak sama tu Paka. Kalau nak banding lama sama lama, kita semua ni lama belaka dah. Umur nak jejak 60 belaka dah. Okey, beberapa persoalan juga turut dibangkitkan. Selesai lif ni Alur Limbat ya. Terima kasih banyak Alur Limbat.

Beberapa persoalan juga turut dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Tunggul kelmarin. Berkaitan pembinaan Hospital Kemaman, ianya masih.....

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, saya pohon sebab kita nak pergi ke lain. Mengenai Hospital Kuala Terengganu sikit.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Saya ingat cukuplah dulu.

YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Sikit saja. Sebab ada pengalaman saya, sebab kami selalu ke hospital ni. Pernah satu kali saya ke hospital Dato' Yang Dipertua, *bed* kelas tiga tu diletakkan bercampur lelaki dan perempuan, *patient* lelaki dan perempuan. Jadi bila saya komplek, saya tanya sebab apa? Dia kata sementara jer, sebab terlalu penuh. Saya kata tak boleh macam ni, aib kepada pesakit-pesakit perempuan bila bercampur walaupun sementara.

Jadi kalau boleh kita beri perhatian tentang ini sebab wad itu dahlah penuh, boleh kata penuh sokmo waktu melawat kita sedih tengok, tempat laluan pun ada *bed* kadang-kadang. Itulah untuk perhatian.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Terima kasih Wakil Batu Burok, insyaAllah kita akan ambil perhatian. Nak jawab ni panjang juga ni akan ambil masa. Jadi saya jawabnya insyaAllah saya akan ambil perhatian.

Berkaitan pembinaan Hospital Kemaman, ianya masih dalam *progress* awal dan kelewatan baru-baru ini adalah disebabkan pindaan skop projek dan ianya berada dalam tindakan Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Pindaan skop projek ini antaranya yang melibatkan

penaiktarafan, bilangan Dewan Bedah, *City Scan* dan penambahan wad dan katil ICU. InsyaAllah projek bernilai Ringgit Malaysia yang besar ni RM449,947,200.00 ni kita jangka akan siap insyaAllah menjelang tahun 2021.

Merujuk kepada persoalan yang berkaitan pewujudan Pusat Kardiologi dan Kardiotorasik di Hospital Sultanah Nur Zahirah. Kerajaan Negeri menyambut baik hasrat Kerajaan Persekutuan bagi melaksanakan penaiktarafan Perhidmatan Pusat Kardiologi di HSNZ ini menerusi Bajet 2018 yang telah diumumkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bulan lalu. Ianya cukup penting dan tepat setelah mengambil kira jumlah pesakit jantung yang semakin bertambah di HSNZ di samping membolehkan pelbagai rawatan segera serta pembedahan berkaitan jantung dan kardio dapat dilaksanakan di HSNZ di masa yang akan datang. Alhamdulillah....

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Minta laluan Dato' Yang Dipertua. Boleh saya...

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Gini saya terus...

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Tak, ini berkaitan dengan hospitallah ni. Berkaitan dengan hospitallah.

YANG BERHORMAT ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Dok saya jelas dah .....

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Sikit jer, sikit jer. Begini, kita pembangkang sokong dinaiktaraf Hospital HSNZ untuk kardiologi dan kardiotorasik. Tapi soalan yang Batu Burok sebut sesaknya di Hospital HSNZ hari ini, lif pun rosak. Kalau tahun ini saja buat, saya bimbang di Kemaman pun tak siap lagi, di Dungun pun tak siap, di UniSZA pun tak siap. Takut jadi bertambah masalah di HSNZ sekarang, jadi makin banyak masalah lain timbul di kemudiannya.

Jadi ini harus dirancang supaya teratur. Biar siap preference Hospital dulu, Kemaman kata RM400 juta lebih, berapa *bed* yang nak dibuat tu? Itu soalan dia, terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Okey, memang kita sedarlah, memang dari segi, saya pun tak tahu juga macam mana yang terlalu ramai. Mungkin rakyat Negeri Terengganu yang diusahakan, yang digarapkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita ni dari segi galakkan kelahiran bayi tu mungkin rakyat kita bertambah.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul): Saya tambah sedikit. Sebenarnya masalah kita tahu, hospital itu tak siap lagi, itu masalah sebab semua kes di Negeri Terengganu tertumpu di HSNZ saja. Selesai jer hospital, selesai. Tu saja jawapan dia. Orang beranak tak boleh halang, orang beranak nak buat macam mana.

YANG BERTHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Kita akan cuba cari jalan penyelesaian sebab kita sedar, memang kita sedar pun. Hospital kita memang padat setiap hari sebenarnya. Saya dimaklumkan boleh dikatakan 1,000 dalam masa sejam tu memang ramai, memang penuh di hospital kita.

Jadi saya teruskanlah. Berhubung pelaksanaan Mobile Clinic.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul): Sebelum tu saya tanya, Kemaman berapa *bed* nak buat tu. Hospital Kemaman, cadangan berapa *bed*?

YANG BERTHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Cadangan apa tu? Berapa *bed*?

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul): Saiz dia berapa *bed*, katil.

YANG BERTHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Yang di Kemaman dia harga dia lebih kurang RM400 tapi 400 *bed* juga. Okey. Terima kasih Wakil Bukit Tunggul.

Berhubung pelaksanaan Mobile Clinic. Untuk makluman, di peringkat Persekutuan sebenarnya sedang dilaksanakan Perkhidmatan Klinik Bergerak, dia ada dalam Bajet 2018 juga ni iaitu dinamakan Klinik.....

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul): Saya rasa Klinik Bergerak, saya pun pernah bekerja di Klinik Bergerak dulu di Bahagian Kesihatan. Sejak tahun 60an sudah ada benda ni dan diberhentikan. Cuba *check* apa sebab diberhentikan tu yang Terengganu nak buat pula tu. Saya pernah bekerja di Klinik Bergerak tu. Naik van kesihatan.

YANG BERTHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Terima kasih Bukit Tunggul sekali lagi. Sebenarnya yang dicadangkan Klinik Bergerak 1Malaysia ni, mungkin atas suara-suara permintaan daripada kawasan-kawasan yang mungkin juga mengalami masalah sebenarnya.

Kawasan Bandar mungkin tak ada masalah dah. Ini kawasan-kawasan luar bandar yang memerlukan kepada Klinik Bergerak ini. Jadi di mana ianya telah



dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri beberapa tahun yang lalu. Khidmat KB1Malaysia ini akan dilaksanakan menerusi bas atau bot. Ini yang saya katakan ni.

Jadi keperluan ini mungkin perlu kepada kawasan luar bandar. Justeru itu saya ingin mengucapkan ucapan penghargaan juga kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar....

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggai): Sebelum itu saya minta penjelasan sikit. Yang Klinik Bergerak di Terengganu ni dia punya operatornya adalah KTS. KTS duduk di Bandar Kuala Terengganu. So, di mana kawasan operasi yang nak dicadangkan. Sebab tadi Exco sebut di kawasan Bandar tak ada masalah, ni KTS duk Bandar Kuala Terengganu. Di mana tempat operasinya. Kalau jauh, mungkin kosnya jauh lebih besar.

YANG BERTHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Nak suruh jawab ke?

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggai): Nak tahu kawasan operasi dia dijangka di mana.

YANG BERTHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Dijangkanya memang kita sasaran kita kawasan luar bandarlah yang bermasalah.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Bukit Tunggai, macamlah Negeri Terengganu kita ni jauh sangat. Dia nak pergi ke Kemaman mengambil masa satu jam jer lening, nak pergi ke Besut pun sejam setengah jer. Sampai dikatakan bahawa jauh operasi, kos operasi, ini satu perkara yang tidak munasabah. Dan yang kedua, konsep dia sama juga macam Pustaka Bergerak. Yang dibuat oleh Perpustakaan Awam. Tak ada masalah. InsyaAllah kita akan laksanakan yang terbaik demi untuk rakyat.

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggai): Saya pernah bekerja juga di...

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dia dulu lain Yang Berhormat...

YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggai): Jadi saya tengok macam..... zaman ke belakang.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Sebab dulu dia isu dia. Yang Berhormat sebab dulu isunya ialah kerana tidak ada kemudahan-kemudahan. Tapi sekarang ini Klinik Bergerak kita ni ialah klinik yang canggih,

dalamnya penuh dengan pemeriksaan, ambil darah dan sebagainya yang asas. Supaya kita nak mengelakkan kekurangan, berkurangnya dengan isu yang ditimbulkan oleh pihak sebelah sana berkait dengan hospital penuh ni.

Jadi kerana itu salah satu cara untuk kita nak pastikan supaya kita dapat dengan izin, *prevention*, maknanya kita cegah dulu sebelum berlaku yang akhirnya akan mengakibatkan Hospital Sultanah Nur Zahirah kita penuh dan itu juga akan disalah kepada Kerajaan Negeri. Terima kasih kepada .....

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Amat Berhormat kan kita ada Klinik 1Malaysiaikan. Yang diwar-warkan oleh Kerajaan. Klinik 1Malaysia kita ada, sepatutnya kita perkasakan atau kita tambahlah.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Okey Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua...

YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal): Yang utama saya nak sebut di sini ialah kita sebut ini kerana bimbang, tanpa kajian yang teliti takut jadi macam projek-projek yang lepaslah, e-Book kita akhirnya diberhentikan, buat setahun berhenti. Jadi ini akan orang panggil perkara yang harus dirancang dengan baiklah.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: InsyaAllah Wakil Bukit Tunggal. Jadi dengan kos pembelian van tu lebih kurang RM400,000 yang disumbangkan oleh GLC dan dibantu oleh KTS bersama dengan pihak Jabatan Kesihatan Negeri, kita buat *smart partnership* dengan izin, dan sekurang-kurangnya di samping itu yang paling utama ialah kita nak buat kempen maknanya bila dia turun nanti kita nak buat program bersama-sama dengan masyarakat maka keperluan Klinik Bergerak ini sangat mustahak.

Jadi kerana itulah maka kita buat ini bukan hanya Klinik Bergerak ni bukan macam Klinik 1Malaysia tu Wakil Paka. Tetapi kita akan memberi fokus terutama membantu rakyat-rakyat kita yang jauh daripada dan antaranya juga membantu dari segi memberikan kempen-kempen dan penerangan kepada rakyat tentang penjagaan kesihatan yang terbaik bagi mengurangkan permasalahan kita untuk masa yang akan datang. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih, minta Bukit Besi meneruskan ya.

YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi): Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar membantu saya. Sebenarnya itulah juga, jadi dah *detail* dah Klinik Bergerak ni jadi saya rasa cukuplah di situ. Jadi sebelum saya mengakhiri penggulungan saya pada pagi ini, saya juga

sepertimana rakan-rakan yang lainlah. Oleh kerana Sidang Dewan kita ini merupakan kali yang terakhir bagi penggal ini, saya juga nak minta ampun maaf sekiranya dalam kita bergurau senda mungkin ada salah silap yang telah saya lakukan. Saya minta maaf kepada semualah terutama kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat di sebelah sana mungkin terkesan dengan apa juga perkara yang tidak diinginkan ataupun yang disentuh yang terasa di hati kita. Saya minta maaf banyak-banyak. Semoga kita berjumpa lagi di penggal yang akan datang insyaAllah.

Jadi akhirnya saya mohon menyokong Bajet 2018. Sekian, wabillahi taufik wal hidayah. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa'alaikumsalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih kepada Bukit Besi, Wakil Kerajaan dalam penggulungan. Terima kasih banyak kerana celahan dibuat mengikut peraturan. Saya minta ikut peraturan betul-betul, senang. Jadi tak payah kita berkecamuk, saya tak dengar mana. Saya nak dengar tiga empat suara tak boleh.**

**Terima kasih banyak Bukit Tunggal. Sila Wakil Kerajaan seterusnya untuk membuat penggulungan.**

**YANG BERTHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillahirabbil 'alamin. Wassolatuwassala mu'ala asyrofil anbiya iwal musalin. Wa'ala alihi wa ashabihi ajmain.**

**Yang Berhormat Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar Terengganu, Ahli-ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Kerajaan, para Pemerhati. Assalamua'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.**

**Pertama-tamanya saya ingin mengambil kesempatan di sini dalam perbahasan berkaitan dengan Bajet 2018 yang disediakan oleh Kerajaan Negeri. Pertamanya, saya ingin menyatakan bahawa penyediaan Bajet 2018 Negeri Terengganu sangat menitikberatkan kepada pembangunan dan kebajikan dalam sektor pendidikan. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar yang sentiasa memberikan sokongan dalam memperkasakan sektor pendidikan dengan penyediaan peruntukan yang berterusan dan signifikan.**

Demikian jua selaras dengan prinsip kelapan TTB – Memperkasakan Pendidikan. Kerajaan Negeri Terengganu dalam perancangan melaksanakan beberapa program yang menjurus kepada mewujudkan generasi Terengganu ataupun Gen-T bagi merealisasikan Transformasi Nasional tentang hala tuju generasi kita yang akan datang dan sebagainya. Dan akhirnya insyaAllah kita boleh lahirkan anak-anak Terengganu yang bestari, berpengetahuan, berkemahiran dan beriman.

Di sini saya ingin mengambil kesempatan dalam 60 *touchpoint* yang dibaca yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri dalam pembentangan Bajet beberapa hari lepas. Saya ingin menyatakan lagi sekali di sini, Kerajaan Negeri Terengganu memperuntukkan sebanyak RM2.55 juta bagi pemberian one-off kepada Guru-guru Pintar Al-Quran. Ini juga di bawah ada kaitan dengan Portfolio Ajil dengan bayaran RM1,500 setiap orang melibatkan seramai 1,701 guru. Ini menggambarkan bahawa Kerajaan menitikberatkan kepada pendidikan agama. Kalau ada orang kata kita tak beri titikberat kepada agama ni tak betullah, ya.

Kerajaan Negeri akan memperkenalkan Kad Generasi Terengganu, Kad Gen-T. Ini perkara yang harus disambut baik khususnya kepada mahasiswa anak Terengganu, yang mana daripada kad ini yang melibatkan kos RM400,000 dan melibatkan 40,000 mahasiswa. Ini perkara baru yang dibuat oleh Kerajaan Negeri.

Yang ketiga yang berkaitan dengan Jobs TTB....

**YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir):** Mohon laluan sekali.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Manir minta laluan.

**YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):** Awal sangat. Duduk dulu. Saya gulung ni, gulung. Bukan nak jawab soalan.

**YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir):** Tak, nak tanya yang itu saja tadi yang RM400,000 tu. Dia bagi kad tadikan.

**YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):** Tak, tak apa. Saya nak. Dengar dulu.

**YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir):** Beri kad macam kad minyak tu kan? Kad *membership*.

**YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):** Okey, yang ketiga.

**YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir):** Ke macam mana?

**YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):** Program TGTP yang memperuntukan sebanyak RM10 juta untuk memberi memanfaatkan kepada 1,600 graduan. Ini perkara baru yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri melalui Portfolio Pendidikan. Dan ini telah mengembirakanlah, saya yakin mahasiswa-mahasiswa kita yang menganggur dan insyaAllah program ini secara berperingkat.

Yang keempat, Vitual Class yang melibatkan kos RM300,000 melibatkan 50,000 pelajar dapat ni tentang Vitual Class. Kerajaan Negeri juga meneruskan *one-off* RM2,000 kepada setiap PIBG. Ni kalau kita bercakap dengan PIBG negeri-negeri lain, dia kata beruntung Terengganu. Kerajaan kepada Tabung PIBG pun dia bagi kepada PIBG. Ni dah lama dia buat. Ini melibatkan 505 PIBG belum lagi campur peruntukan ADUN-ADUN, Pegawai Penyelaras DUN dan sebagainya. Di samping itu, tahun ini diperkenalkan Program Star Rating untuk PIBG. Kita nak perkasakan PIBG ni kita buat Star Rating. Ini peruntukan RM50,000 mungkin dalam konsep pertandingan dan sebagainya.

Kerajaan Negeri akan menyediakan peruntukan bagi sumbangan peralatan kebakaran untuk Maahad Tahfiz dan Pusat-pusat Tahfiz yang ada di Negeri Terengganu RM126,000. Saya ulang lagi sekali, kemudian diberi RM140,000 untuk Qari dan Qariah untuk pembelajaran ilmu Tajwid dan Tarannum. Kalau tengok sini cukup baguslah, ya. Lapan Kerajaan Negeri memperuntukan RM1 juta untuk Majlis Khatam Al-Quran. Ini kepada murid-murid Pra Sekolah, KAFA.

Kemudian yang kesembilan, RM5 juta untuk Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu. Ni tambah. Tahun lepas RM4 juta, tahun ni tambah jadi RM5 juta kepada Jabatan Pendidikan.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang):** Boleh Dato' Yang Dipertua.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Macam mana Pengkalan Berangan, bagi? Nak minta penerangan.....

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang):** Nak minta ni jer, nak tanya tentang kehairahan Kerajaan untuk meningkatkan ilmu tentang agama Al-Quran....

**YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):** Saya ingat saya gulung dah ni, kita gulung ni bukan jawab soalan.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang):** Tak, tak. **Ini bukan nak tanya, cuma nak minta penjelasan tentang...**

**YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):** Tak payah jelas dah. Dengar, dengar dulu. Bagi saya habis dulu Ladang, ya.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang):** Tentang KQT, Kolej Quran. Ni hal Quran ni. Berapa peruntukan yang disediakan Kerajaan untuk ini?

**YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):** Okey kemuka dalam soalan Dewan Penggal depan. Okey yang kesepuluh...

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang):** Tak .... **Sebut tadi.**

**YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):** Okey, saya nak gulung. Ini proses penggulungan saya.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Ladang, Ladang. Kejam, kejam Pengkalan Berangan.

**YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):** 4 hari dah Persidangan Dewan.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Pengkalan Berangan kejam. Peraturan, biasanya saya rasa Ladang orang lama.

**YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):** Beritahu sajalah.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Tak boleh, bila mana orang yang sedang bercakap tu tak bagi, tak bolehlah. Peraturan ada tu kan, saya dah sebut tadi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): **Tak apa, saya duduklah.**

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Terima kasih banyak, terima kasih banyak. Terima kasih Ladang.

**YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):** Terima kasih Ladang. *Sporting* Ladang, terima kasih. Yang kesepuluh, pelajar-pelajar yang hebat, yang cemerlang pencapaian dalam UPSR, PT3, SPM, STPM kita bagi RM500, ini kita teruskan. Negeri lain tak buat ni.

Yang Dipertua serta Pemerhati, di samping itu juga Ahli-ahli Dewan semua, Kerajaan Negeri Terengganu bukan setakat itu sahaja. Kalau nak cerita banyak lagi nak sebut, bukan setakat yang kita sebut tadi tetapi juga peruntukan-peruntukan lain seperti kepada tajaan kita biasiswa, kepada pelajar-pelajar kita yang berada di luar negara.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): **Dato' Yang Dipertua, bangun sekali lagi. Saya ingin, kalau boleh saya nak komen sikitlah bukan apa, bukan nak tanya soalan. Saya ada hak Dato' Yang Dipertua, Exco ni dia mengulas apa yang telah diulas oleh Kerajaan. Mengenai apa ni tapi tak menjawab....**

**YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):** Tak apa, tak apa Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): **Tentang persoalan yang kita timbulkan.**

**YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):** Nanti saya tak habis lagi bercakap ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Setakat ini begitulah.

**YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):** Yalah, betullah. Sila duduk.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Okey, dia suruh saya duduk, boleh saya duduk Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa, dia tak benar tak apalah.

**YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):** Berat, berat. Kemudian kita pergi kepada yang lain-lain. Nak cerita dulu ni, nak cerita *success stories*, biar rakyat tahu. Kadang-kadang rakyat kalau tak cerita ni tak tahu ya. Dari segi peruntukan-peruntukan yang sebenarnya hampir RM180 juta untuk sektor pendidikan sahaja dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri termasuk penajaan-penajaan pelajar yang berada di luar negara termasuk insentif-insentif lain dan sebagainya termasuk pembiayaan kita melalui Yayasan Terengganu, Yayasan Islam, TATIUC, TESDEC, TTITC dan peruntukan melalui Pejabat SUK, melalui program-program pendidikan, terlalu banyak hampir RM180 juta untuk tahun 2017 saja. Ini di antara peruntukan yang diperuntukan dalam Bajet kita ni hampir RM180 juta 2017 dibelanjakan khusus untuk sektor pendidikan. Ni harus kita tahu.

Dan berkaitan dengan beberapa persoalan yang ditimbulkan dalam perbahasan contohnya yang berkaitan dengan Ladang pasal Sheik Abdul Malik. Bagus soalan tu. Ladang nak dengar yang ini sebenarnya. Pasal Sheikh Abdul Malik ni untuk makluman warga Dewan yang mulia masih berada dalam kelompok 15 sekolah terbaik di Terengganu dan Top 10 dalam Peperiksaan SPM. Kalau ikut ranking yang disebut sebelum ni, kalau kita tengok ni 2008 ranking 17, 2009 – 12, 2010 – ranking yang ke 18, 2011 – ranking 14, 2012 – ranking 13, 2013 – ranking yang ke 12, 2014 – ranking yang ke 12, 2015 –15, 2016 – ranking yang ke 17. Ini data yang ada.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang):** Itu yang disebut, sebab itu saya sebut, saya sebut Top 10. Bukan belas-belas. Top 10 maknanya satu hingga sepuluh, tidak ada dalam kelompok itu sudah beberapa tahun.

**YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):** Ya, dan....

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang):** Sebab sebelum itu ada.

**YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):** Tapi tak boleh dikatakan...

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang):** Saya tak katakan, saya kata cuma tidak menduduki dalam Top 10, itu.



**YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):** Ya mungkin, dia tak mesti... tapi tak kata tak cemerlang dok.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang):** Tak saya mengatakan, *statement* saya mudah tidak....

**YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):** Tidak berada dalam Top 10, betullah.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang):** Maknanya kalau ikut kecemerlangan itu diukur dari nombor satu hingga nombor sepuluh tak....

**YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):** Jadi Ladang maksud nak berada dalam Top 10 lah. Harapan begitulah.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang):** Bukan harapan, itu fakta. Tidak ada gitu.

**YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):** Takdok, takdok. Betul, betul. Terima kasihlah. Kemudian perkara kedua yang disebut oleh, saya ingat Alur Limbat...

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang):** Tak, tak saya itu satu pernyataan. Soalan saya apakah kerana adanya Program IB (International Baccalaureate) menyebabkan begitu.

**YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):** Program IB ini yang dipanggil International Baccalaureate, IB School dengan izin, dimulakan pada 17 Mei 2017 di mana diberi pengiktirafan oleh Pusat, Sekolah Menengah Agama Sheikh Abdul Malik ni di antara 10 buah sekolah seluruh negara. Yang lebihnya, hebatnya satu-satu sekolah agama yang diberi iktiraf di kalangan sepuluh sekolah seluruh negara ni ialah Sekolah Sheikh Abdul Malik. Tu hebat tu.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang):** Hebat, betul. Saya setuju. Tapi soalan saya apakah kerana adanya IB tu menyebabkan prestasi SPM Sheikh Malik itu menurun.

**YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):** Yang itu kena turun ke lapangan, saya ingat tak adil saya buat penjelasan di sini, kita kena turun lapangan bincang di peringkat sekolah...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): **Tak, kalau kena turun turun jelah tak ada masalah. Saya, boleh ajak saya bersama.**

**YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):** Molek gok Ladang turun, sekolah dekat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Dekat saya jer, **kampung saya. Tak ada masalah.**

**YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):** Bincang dengan PIBG situ.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Cuma soalan itu, itu jer soalnya.

**YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):** Saya tak boleh katakan kerana IB, bukan saya tak boleh katakan begitu. Tapi IB ni adalah satu pengiktirafan yang harus kita terima dan kita berterima kasih kepada Pusat dengan adanya IB ini bahawa Sheik Abdul Malik ini di antara sepuluh sekolah terpilih di peringkat Kementerian dan ianya merupakan Program Antarabangsa yang mempunyai misi untuk membangunkan generasi muda yang berpengetahuan, berfikiran aras tinggi, bersifat ingin tahu, berfikiran terbuka dan mahir berkomunikasi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Maknanya dia bagus.

**YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):** Ya, bagus, IB ni cukup bagus.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Kalau itu yang bagus, apakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan program yang sama, IB untuk sekolah-sekolah yang lain.

**YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):** Itu kita akan tanya Kementerian Pendidikan Malaysia. Sebab IB ni bawah program.....

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Tak, hasrat Kerajaan Negeri sendiri, apakah...**

**YANG BERTHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Kita belum bercadang lagi. Okey, Ladang okey ya. Terima kasih.**

**Kemudian Alur Limbat dia tanya pasal iClass, Vitual Class, Maya Class perbezaannya. Saya ingat Maya Class, iClass kita dah bentang dalam sidang-sidang dulu. Cuma Vitual class yang baru ni diperkenalkan dalam Bajet kita ni, suka saya jelaskan sikit tentang Vitual class ni. Vitual Class ni kita belajar ringkasnya belajar ikut talian kita melalui *handphone*, atas talian Vitual Class ni.**

**YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Nak tanya Dato' Yang Dipertua, penjelasan sikit. Vitual Class dengan Kelas Maya ni berbeza ke?**

**YANG BERTHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Beza, beza sangat.**

**YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Apa bezanya? Dari segi maksud sama, Kelas Maya tapi dia tak berani nak.....**

**YANG BERTHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Vitual Class yang diperkenal Bajet kita ni dia lain.**

**YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Apa beza dengan Kelas Maya ni.**

**YANG BERTHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Kelas Maya dia ada kelas, ada PC. Hok Maya Kelas dulu, dia statik. Kemudian iClass ni beza pulok. IClass kan saya dah terang belaka dulu, faham dah yang itu. Cuma Vitual Class ni, saya nak terang juga, duduk.**

**YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Saya dengar dulu.**

**YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Buat musing ketam sekali.**

**YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):** *Dok* Alur Limbat ni dia tak berapa sedap duduk atas kerusi Alur Limbat ni.

**YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat):** Sebab Vitual Class dengan Kelas Maya maksud serupa jer.

**YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):** Okey, Alur Limbat. Vitual Class ni yang kita perkenalkan ni, Kerajaan Negeri akan memperkenalkan Program Perintis Pembelajaran Atas Talian yang dikenali sebagai vClass atau Vitual Class. Okey nak terang ni, dengan peruntukan sebanyak RM300,000 dan akan dimanfaatkan 50,000 pelajar di sekolah rendah dan menengah.

Vitual Class merupakan pembelajaran interaktif dibangunkan untuk memudahkan proses pembelajaran di luar bilik darjah. Pelajar boleh mempunyai akses kepada aktiviti dari sukatan pelajaran sekolah yang terkini dan semakan latihan adalah sama dengan format peperiksaan terkini. Okey, alaf baru ya.

Pembelajaran atas talian ini merupakan platform digital yang boleh diakses melalui portal yang disediakan. Untuk makluman, portal ini boleh juga diakses melalui telefon pintar, hebat. Terengganu nak buat ni.

**YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat):** Tak boleh bawa telefonkan di sekolah?

**YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):** Tak mustahil suatu hari boleh, tak mustahil. Tak mustahil suatu hari boleh ya. Dah sampai satu alaf baru dah. Alaf baru bos.

**YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat):** Kalau gitu harap benar.

**YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):** Alaf baru. Jangan fikir gitu.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang):** Saya fikir Dato' Yang Dipertua, kita kena serius sikit.  
**YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):** Seriuslah ni, dia soal gitu....

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang):** Sebab ditanya apakah telefon boleh dibawa ke sekolah sebab nak guna telefon untuk program ini. Dasarnya bagaimana, apakah dibenarkan sekarang?

**YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):** Dia bila telefon ni, pembelajaran tak semesti di sekolah. Dia balik rumah, dalam kereta dia boleh belajar, duduk bawah pokok dia boleh belajar.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang):** Maknanya pergi sekolah tak boleh bawa telefon ke boleh?

**YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):** Setakat ini ikut peraturan yang sedia ada.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang):** Sedia ada bagaimana?

**YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):** Kalau sekolah tu tak benar tak payah bawalah.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang):** Dah sekarang ni benar ke tidak?

**YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):** Saya rasaa tak benar lagi setakat ni.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang):** Kalau tak benar, bagaimana nak akses?

**YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):** La ila ha illallah. Saya kata belajar bawah pokok boleh kalau ada bawa telefon tangan. Kalau dia di luar sekolah....

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang):** Bawah pokok dalam sekolah ke di luar sekolah?

**YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):** Luar sekolah.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang):** Di luar sekolah.

**YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):** Pembelajaran boleh di luar sekolah, di rumah.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang):** Soalan seterusnya saya nak tanya, nak minta kepastian.

**YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):** Okey, banyak soalan okeylah.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang):** Di Sekolah Paya Bunga apakah Vitual Class ataupun Kelas Maya?

**YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):** Itu Kelas Maya cara lama. Tu Kelas Maya, ini Vitual Class.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang):** Makna apakah Kelas Maya itu diteruskan atau telah diberhentikan.

**YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):** Terus, terus, terus.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang):** Terus, cara lama.

**YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):** Itu cara lama dia ada statik, dia ada.....

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang):** Kenapa tak buat cara baru pula.

**YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):** Ini yang baru pula ni. Alaf, alaf baru.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang):** Maksudnya di Paya Bunga itu nak kekal yang lama ke nak buat yang baru.

**YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):** Dia boleh belaka hari ini, buku teks pun masih diguna, ada yang ada iClass guna iClass. Yang ni hanya untuk 50,000 pelajar.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang):** Tak, soalan saya mudah. Ada di Paya Bunga ni nak kekal dengan Kelas Maya lama ataupun.....

**YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):** Kekal.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang):** Vitual Kelas yang baru.

**YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):** InsyaAllah dikenalkan juga yang ini suatu hari nanti, semua sekolah. Tak mustahil, ini telah dipraktiskan di negara-negara maju.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang):** Boleh sebut suatu hari tu bila agaknya?

**YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):** Allah, itu soalan apa gitu.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong):** Dato' Yang Dipertua, ni cakap kedai kopi ke dalam Dewan ni.

**YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat):** Saya ingat Dato' Yang Dipertua....

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong):** Ini Dewan yang mulia Dato' Yang Dipertua.

**YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):** Alur Limbat okey ke.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong):** Kan orang lama belaka dah ni.

**YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):** Okey, Yang Dipertua saya ingat cukup diorang punya gangguan ya. Okey kita pergi seterusnya....

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Sekejap ya. Pengkalan Berangan dengan Ahli Yang Berhormat semualah, ikut peraturan

**mudah jer. Saya tak nak, berapa kali dah saya kata awal-awal dalam ucapan saya awal-awal tu ikut peraturan.**

**Tidak boleh, jelas ya. Peraturan 46 tu tidak boleh diganggu melainkan kalau Yang Berhormat melanggar peraturan dan peraturan 47(a) tu boleh mengganggu sekiranya untuk meminta penerangan dengan syarat Ahli yang sedang bercakap tu membenarkan dan saya panggil. Ini saya tak tahu sama ada Dewan ni ikut peraturan ikut, tak nak ikut ikut. Tolong, bangun minta kebenaran.....**

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Yang Dipertua...**

**YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya minta laluan pula.**

**YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Saya dulu.**

**YANG BERTHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Saya ingat Yang Dipertua, ini sesi saya. Cukuplah ya.**

**YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Silakan, saya tak benar dah gangguan.**

**YANG BERTHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Saya meneruskan penggulangan pada.....**

**YANG BERTHORMAT ARIFIFN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Sebab saya yang.....**

**YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Alur Limbat, Ladang duduk. Teruskan.**

**YANG BERTHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Okey.**

**YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Yang BertHormat ini perkara lain pula. Yang...**

**YANG BERTHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Tak bolehlah. Perkara lain kena soal sesi lain. Okey beri ruang kepada saya....**



**YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar):** Ini berkenaan dengan pembelajaran talian ni.

**YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):** Okey, saya teruskan penggulungan saya.

**YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar):** Sekejap, sekejap. Saya nak tahu...

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Bandar dia tak benar. 47(a) terpakai, minta maaf.

**YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):** Saya...

**YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar):** Saya faham, saya faham.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Terima kasih Yang Berhormat.

**YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):** Dato' Yang Dipertua, Ahli-ahli Yang Berhormat....

**YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar):** Yang Berhormat, Yang Berhormat berkenaan pengumuman 400,000 PC ni Yang Berhormat. 400,000 unit PC....

**YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):** Dan saya yakin dengan komitmen...

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Tolong patuhi peraturan. Orang lama minta tolong. Dia tak nak bagi mudah saja, senang.

**YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):** Dengan komitmen oleh pihak Kerajaan.....

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Terima kasih Bandar.

**YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):** Persiapan rapi oleh pihak Kerajaan dan juga menyediakan Bajet yang cukup berkesan. Saya yakin pendidikan Terengganu akan terus dilonjakkan dan saya yakin pencapaian para pelajar kita dapat dilipatgandakan dalam proses pembelajaran yang pelbagai ini dan kita

**pembelajaran kita hari ini lebih kepada persiapan bagaimana kita menghadapi alaf baru, TN50 dan sebagainya.**

**Di sini saya bagi pihak Kerajaan Negeri nak ambil kesempatan terima kasih banyak-banyak dan sangat di atas kejayaan-kejayaan telah dibuat oleh Jabatan Pendidikan Terengganu, daripada Yayasan Terengganu, Yayasan Islam, PSKT yang banyak membantu kita dalam pendidikan termasuk juga daripada TATI, TESDEC. Saya sebut tadi. Termasuk juga GLC-GLC, Petronas, Exxon Mobil dan sebagainya.**

**Ini banyak menyumbang dalam kecemerlangan pendidikan Terengganu termasuk orang perseorangan dan juga PIBG-PIBG. Ini yang membuatkan kelainan kita berbanding dengan lain-lain tempat, negeri lain sehinggakan kita dapat melonjak semua Peperiksaan Awam.**

**YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Yang Bert hormat lupa Kementerian Pendidikan Pusat bagi RM430,000.**

**YANG BERTHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Tak habis lagi bercakap.**

**YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Patut umumlah.**

**YANG BERTHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Tak habis lagi cakap ni. Berat, kalau saya duduk dah bolehlah nak tu. Dan sebagainya. Dan yang paling pokok sekali tu-tuan dan puan-puan, pendidikan kita ni adalah berdasarkan kepada acuan yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sebab apa kita selaras, Kerajaan Negeri, Kerajaan Pusat selaras di bawah Transformasi Pendidikan, di bawah Pelan Pendidikan Induk Pusat kita ya.**

**Dan kita mengucap terima kasih di atas komitmen dan juga sokongan daripada Kerajaan Pusat melalui Kementerian Pendidikan terhadap Pendidikan Terengganu. Saya ingat itu sahaja, sekian, saya sudahi dengan wabillahi taufik wal hidayah. Wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.**

**YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa'alaikumsalam warahmatullah. Terima kasih banyak Pengkalan Berangan. Sila Wakil Kerajaan seterusnya untuk membuat penggulungan.**

**YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut):** Bismillahir rahmanir rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi taala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan serta Pemerhati yang dirahmati sekalian. Syukur kepada Allah kerana saya masih lagi dapat berdiri di sesi penggulangan pada petang ini.

Di kesempatan yang sangat ringkas ini saya nak nak menjawab hanya daripada satu iaitu Wakil Alur Limbat sahaja yang menyentuh portfolio saya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Iaitu dia ingin tahu beberapa perkara tentang keusahawan di Terengganu. Antaranya dia ingin tahu daripada pembentangan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Skim Dana Usahawan yang diperuntukan RM2 juta berapa yang dicadangkan untuk bisnes online.

YPU telah mencadangkan kepada usahawan online ni sebanyak RM500,000 insyaAllah tahun depan. Yang kedua, Yang Berhormat Alur Limbat juga ingin tahu apakah usaha yang dibuat oleh Kerajaan untuk membangunkan Kompleks Usahawan Terengganu ataupun KUT. Banyak usaha Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua yang dibuat oleh Kerajaan bagi memajukan KUT ni. Antara usaha-usaha yang dibuat oleh Kerajaan misalnya contohnya diadakan Seminar di KUT, diadakan Festival Kosmetik dan Penjagaan Diri Untuk Wanita supaya orang Terengganu cantik Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, diadakan bazar Ramadhan, banyak lagilah. Dan di situ sekarang ini kita ada 50 premis. Daripada 50 premis, 27 telah diisi oleh usahawan kita. Hanya ada 23 lagi kosong. Dan daripada 23 kosong ni, kita ada 185 permohonan. Kita akan buat pemilihan untuk kita penuhkan premis di KUT ni insyaAllah tahun depan.

**YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat):** Tanya soalan sikit Yang Berhormat. Yang diterima tu ataupun dah disewa, berapa yang menjalankan perniagaan sekarang ini?

**YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut):** 23 Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Dan saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk sama mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang telah membentangkan Bajet kali ini agak istimewa berbanding dengan pembentangan-pembentangan Bajet sebelum ini.

Saya duk perhati daripada Sidang Dewan ini juga agak istimewa kerana Persidangan ni yang terakhir barangkali. Kita tengok antara

**YB-YB ni mesra, Wakil Kuala Berang tahu rupanya ada bisul di Wakil Alur Limbat, ....(kedengaran Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua gelak) .... itu tandanya mesra. Dan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua juga tahu di kerusi Alur Limbat ni panas. Jadi saya selaku Pemerhati saya rasa...**

**YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul): Dato' Yang Dipertua, saya ingat itu satu tuduhan. Tak boleh, ini akan dicatat dalam Hansard. Jadi benda yang digurau itu, dibawa sebut macam ni macam betul-betul ada sungguh. Ini jangan cakap gitu, biar betul Exco cakap, jangan main benda macam tu, aib orang.**

**YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Bukan, saya kata tu mesra.**

**YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul): Mesra apa itu, aib orang. Tarik baliklah tuduh bisul-bisul.**

**YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Wakil Kuala Berang dia...**

**YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul): Ada surat doktor tak, ada surat doktor menunjukkan dia ada bisul. Mari surat doktor.**

**YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Saya kata...**

**YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul): Takdok, takdok.**

**YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Saya kata mungkin.**

**YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul): Jangan ... gitu. Ini Dewan yang mulia. Ini Dewan yang mulia jangan tuduh gitu.**

**YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Guaner Doktor marah sangat ni.**

**YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul): Ini buat huru hara.**

**YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):**  
Guaner hari ini Air Putih pelihara pula tak ada kuota?

**YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih):** Tanya pasal kuota, saya tengok jer.....  
**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Semua Yang Berhormat duduk. Teruskan ya, teruskan menggulung.

**YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut):**  
Terima kasih. Saya nak bagitahunya betapa ini Persidangan yang terakhir. Y.B.-Y.B. di Terengganu khususnya Y.B. sebelah sana mesra. Wakil Kuala Berang tahu ada bisul di Wakil Alur Limbat, itu mesra.

**YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):**  
Dah dia.....

**YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal):**  
Betul ke dia tahu, betul ke dia tahu.

**YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):**  
Yang Berhormat minta Kuala Berang bangun, pergi *ndap* punggung dia. Nak tengok juga gelap ke cerah. Cer kabor gok orang Kuala Berang.

**YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi):**  
Mungkin Kuala Berang tanya tu. Mungkin Kuala Berang tanya Alur Limbat. Benda gitu pun susah.

**YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggal):**  
Jangan main mungkin mungkin gitu, bukan sebab mungkin ni.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Sabar, sabar.

**YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi):**  
Guaner bekeng sangat tu.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Sabar, semua sabar. Teruskan.

**YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Kuala Besut):**  
Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya kata istimewa Bajet kali ini ialah kerana Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kita buat Bajet ni berasaskan kepada kehendak rakyat. Dia buat lapan kali siri jelajah ke setiap daerah untuk buat Bajet.

**Maknanya bajet ni bukan sesuka hati Kerajaan. Dibuat kerana kehendak rakyat bukan semborono dibuat Bajet ni, Bajet istimewa. Tak pernah saya tengok Bajet dalam masa saya di Dewan inilah daripada rakyat untuk rakyat.**

**Sebab itulah saya ingin mengambil kesempatan di sini terutamanya kepada usahawan, saya jaga usahawan Terengganu. Saya nak ambil kesempatan kepada seluruh usahawan Terengganu, Kerajaan Negeri semasa hari ini membuat Bajet ni kerana dari kehendak usahawan Terengganu. Antara yang dibentangkan kepada usahawan Terengganu misalnya cadangan Transformasi Belia Niaga (TBN) saya rasa molek benar. Transformasi Belia Niaga Terengganu tahun depan diperuntukkan RM1.2 juta.**

**YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua minta laluan sikit. Adakah Yang Berhormat sedar....**

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kejap Paka. Terima kasih Paka. Terima kasih Hulu Besut. Ni cara dia bangun, mudah jer. Bila sebelah sana duduk boleh saya dengar. Okey.**

**YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yalah minta penjelasan.**

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya nak ucap terima kasih saja, supaya menjadi panduan kepada orang lain.**

**YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Sama-sama. Adakah Yang Berhormat sedar usahawan kita ni, Terengganu merupakan antara paling tinggi kadar usahawan muda yang muflis. Tahun lepas saja ada 535 kes, tahun sebelum daripada tu 386 kes dan kebanyakannya orang muda Negeri Terengganu. Jadi ini menggambarkan kegagalan kita dalam membangunkan Usahawan Muda Terengganu.**

**YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Itu dah biasa Yang Berhormat Wakil Paka. Kalau berniaga, sesiapa yang nak masuk berniaga kita terima risiko berjaya ataupun tidak berjaya, muflis ataupun berjaya, itu dah biasa. Sebab itu kalau kita tengok usahawan-usahawan yang berjayapun Jobs Steve yang reka telefon iPhone ni pernah bankrap. Tapi sekarang dia boleh keluarkan iPhone. Pernah bankrap.**

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Siapa nama dia?**

**YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHD (Wakil Hulu Besut):** Steve Jobs. *Sorry*. Kalau usahawan kita Terengganu ni ramai bankrap, tu tandanya orang Terengganu ni mempunyai semangat keusahawanan.

**YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir):** Dia tak pandai nak niaga online tu.

**YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut):** Dan istimewa lagi Dato' Yang Dipertua, saya duk perhati Bajet ni lah antara yang dicadangkan insyaAllah tahun depan ni Hub-Digital.

**YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):** Yang Berhormat Pengerusi kita cakap.....

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Minta dulu. Peraturan kena ikut, minta dia.

**YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):** Dok sebab dia cakap tu kadang-kadang ialah munasabahlah sikit, Exco ni.....

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Nanti dia langgar peraturan tak. Mudah jer saya boleh benarkan sama ada undang-undang mudah jer, dia ikut peraturan ke, nak tanya langgar peraturan boleh bangun mencelah ataupun minta penerangan. Tapi yang ketiga saya boleh gunakan *rulling* bahawa saya tak benarkan kerana masa sudah singkat untuk penggulungan.

**YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):** Yang Berhormat Exco duduk dah tu.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Kalau peringkat Parlimen, siapa nak rujuk pun, sekejap saya baca ya. Bila Speaker bercakap kena.... Saya nak bagi maklumat walaupun sepatutnya dah tak timbul dah peraturan-peraturan dalam ni, kita dah boleh *digest* dengan baiklah. 47 boleh ikut, 47(a) boleh ikut, 37.

Saya nak tanya, nak tanya tanya, nak buat penerangan penerangan. Kalau kata melanggar peraturan-peraturan maknanya jelas. Terima kasih.

**YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):** Dah sebab data saya bagi tadi, jadi kita menganggarkan bahawa

seolah-olah yang mana bankrap ni tiada masalah. Sedangkan kita tengok, cuba bagi data pendaftaran syarikat dari kalangan ... Terengganu antara negeri paling rendah pendaftaran syarikat baru. Jadi kalau bankrap kita tinggi, daftar syarikat baru kita rendah, jadi macam mana kita nak kata usahawan Terengganu ni boleh berdaya saing berbanding dengan usahawan-usahawan di negeri lain.

**YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya pun tak pasti, Terengganu ni kalau ikut saya dengar tak betullah ni antara negeri yang tertinggi daftar niaga. Saya pun kalau nak dapat data tu esokpun habis dah Dewan ni. Tapi setahu saya antara tertinggi Daftar Perniagaan di Terengganu.

**YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat):** Tak boleh jawab gitu. Kena ada faktalah.

**YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut):** Asal Wakil Paka kata macam tu.

**YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat):** Minta notislah dulu.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Alur Limbat, minta maaf Alur Limbat. Kita sebab tu kata ni dah nak habis dah. Kalau tak boleh ikut peraturan lagi, kalau kita tengok pelajar-pelajar budak sekolah, kita ajar mereka, didik mereka ikut peraturan. Bangun, minta kalau tak bagi nak buat macam mana. Ikut peraturan. Peraturan yang telah termaktub daripada 1960 lagi dan telah digunakan oleh pelbagai beberapa sidang DUN lagi.

Kalau nak guna pakai lebih besar peraturan di bawah Dewan Rakyat jelas ada di bawah 37 saya boleh baca satu-satu. Jelas nak rujuk mana lagi. Kita ada peraturan. Terima kasih ya pada yang sentiasa, saya rasa banyak antara kita yang masih ikut peraturan, terima kasih banyak. Sila, Hulu Besut teruskan masa tak panjang dah.

**YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya sebut Hub-Digital ni kerana saya nak beritahu kepada usahawan Terengganu bahawa Kerajaan Negeri cadang Hub-Digital ni kerana inilah cadangan daripada usahawan-usahawan Terengganu hasil daripada lapan kali pertemuan seluruh negeri.



**Kerana usahawan kita tengok masa depan perniagaan dan semasa hari ini untuk menghadapi masa depan ini, digital merupakan suatu perkara baharu dalam perniagaan khususnya kepada Generasi Z. Generasi Z ini generasi yang beranak umur 90an hingga yang ada di universiti sekarang inilah. Bawah pada umur 30 tu Generasi Z. Generasi ini yang telah memikirkan untuk kita adakan Hub-Digital Terengganu. Sebab itulah Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar kita cadang Hub-Digital Terengganu di Wakaf Tok Pelam. Dan dijangka....**

**YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Tok Pelam ke Kg. Tok Pelam?**

**YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Alur Limbat.**

**YANG BERTHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Kg. Wakaf Tok Pelam.**

**YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kejang, kejang. Alur Limbat mudah jer saya kata. Bangun kena ikut peraturan, mudah jer.**

**YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Dato' Yang Dipertua, saya nak...**

**YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ni tak lama dah. Saya bukan apa masa kita ni. Terima kasih banyak.**

**YANG BERTHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Betul Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Kampung....**

**YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya rasa bukan Kg. Wakaf Pelam ke? Kampung Wakaf Pelam kawasan saya tu.**

**YANG BERTHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Kampung Tok Pelam.**

**YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ooo... Kampung Tok Pelam.**

**YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ulang sekali lagi. Ulang sekali lagi tak dengar. Kampung...**

**YANG BERTHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Tok Pelam.**

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Biar sahlah gitu. Saya pun dengar Kampung Tok Pelam juga. Bukan Kampung Wakaf Mempelam. Terima kasih.

**YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut):** Kalau luar saya sebut lain pula.

**YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):** Pasal tadi dia sebut Kampung Wakaf Mempelam.

**YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dia sebut Wakaf tadi Wakaf Tok Pelam.

**YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut):** Betul dah kan.

**YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat):** Ya, betul dah.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Okey, terima kasih banyak.

**YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul):** Dato' Yang Dipertua, saya nak minta penjelasan sikit jer.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Macam mana Hulu?

**YANG BERHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul):** Sebab saya ada *confuse* sikit. Semalam rasa ada Exco jawab Generasi Z ni umur 7 hingga 19 tahun. Exco sebut tadi sekarang berada di Universiti lahir tahun 90. Kalau lahir tahun 90 sekarang 27. Mana satu betul ni, Generasi Z tu sendiri. Cuba jelas sikit?

**YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut):** Generasi Z apa yang saya faham, kalau tak boleh google selalu. Definisi dia ialah yang beranak tahun 90an sehingga ada di universiti sekarang ini. Umur 30 ke bawah.

**YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):** Bukan beranak, diperanakan.

**YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut):** Ya, betul.

**YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Terima kasih Wakaf Mempelam, bahasa bagus betullah. Diperanakkan betullah.

**YANG BERTHORMAT DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK (Wakil Bukit Tunggul):** Sebab semalam ada jawapan daripada Exco, Generasi Z itu umur 7 hingga 19 tahun tu yang saya *confuse* juga tu. Jadi yang ini pula tahun 90an bermaksud sekarang umur 27. Peringkat umur 27 tahun bukan 19 tahun.

**YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Bukit Tunggul, Hulu Besut dia nak penjelasanlah sama ada lahir 90an ataupun lahir umur 7 tahun apa sebagainya. Terima kasih, sila teruskan.

**YANG BERTHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut):** Okey, Dato' Yang Dipertua saya ada masa seminit dua barangkali. Jadi saya nak bagitahu kepada semua usahawan Terengganu berkaitan Hub-Digital yang akan dibuat oleh Kerajaan Negeri Terengganu. Jadi kepada semua usahawan Terengganu kena ambil peluang kerana di situlah Kerajaan Negeri akan mencadangkan bilik untuk mengadakan perjumpaan dengan usahawan, di situlah tempat untuk kita dapatkan kemudahan jalur lebar antara 500.....

**YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat):** Dato' Yang Dipertua, sikit soalan ni...

**YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Tak benar dah, saya tak benar dah. Hulu Besut saya tak benar, saya guna peraturan ya mudah jer. Teruskan. Panjang dah.

**YANG BERTHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut):** Di situlah tempatnya kalau kita nak jalur lebar antara 500 hingga 1,000 megabit yang setanding kelajuan di England, di Amerika, di Singapura, di Kampung Tok Pelam. Di situlah tempatnya kalau kita nak memasarkan barangan kita, kita akan ada kerjasama dengan mungkin dengan Lazada, dengan Alibaba dan kita Kerajaan Terengganu juga kita ada 'payang.my'. Kalau....

**YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar):** Sikit ja, sikit. Saya sokong benda ni, saya dengar saya sokong. Tapi gini, saya hairan kenapa keputusan Negeri Terengganu dalam kes persediaan ni di bawah Top IT, dulu ada e-book yang dibatalkan. Top IT mengalami kerugian yang teruk berdasar kepada Laporan Ketua Audit Negara, jadi macam mana kita nak laksanakan benda ni secara besar-besaran tapi

**kita tidak ada persediaan. Hak yang lama pun kita batalkan dan 'kito tok caro' macam orang Besut kata dok? Lagu mana, cuba dalam masa terakhir Dewan ni *justify* benda ni.**

**YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Dato' Yang Dipertua, saya celah sikit. Cerita apa pasal e-book ni. E-book kita dah jelaskan dalam Dewan dulu, saya yang jelaskan.**

**YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Kenapa tak beri ruang kepada Exco yang nak jawab ni.**

**YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Tak, nanti. Kenapa bincang pasal e-Book. E-book saya yang bertanggungjawab hari itu dan e-book kita berhentikan hari itu sebab kita dah selesai alaf e-Book tu, saya diberitahu di rumah dah ada laptop, dah ada telefon pintar dan sebagainya. Jadi perubahan, itu sebabnya kita beri ikut .....**

**YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Sepatutnya Yang Berhormat memberi peluang menjawab berkenaan isu 430,000 tablet PC yang nak bagi kepada guru. Macam mana persediaan di Negeri Terengganu dibuat untuk guru-guru di Terengganu. Itu sepatutnya Yang Berhormat beri peluang untuk mendengar dan jawab tadi. Ini soal Exco yang sedang jawab berkenaan dengan .....**

**YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Tak, saya mencelah....**

**YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Berkenaan dengan.....**

**YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Orang yang dengar tak terkeliru. Kita dah cakap pasal e-Book dulu.**

**YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Isu...**

**YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan): Sekarang dah habis isu tu.**

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar, Bandar.**

**YANG BERHORMAT HAJI A. LATIFF BIN AWANG (Wakil Pengkalan Berangan):** Diulang balik untuk mengelirukan yang di atas.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Bandar.

**YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar):** Kerajaan mengelirukan. Yang Berhormat Exco, Yang Berhormat Exco... Yang Berhormat ...

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Minta Bandar duduk. Saya dah kata dah *rulling* saya, saya nak minta Hulu Besut teruskan.

**YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar):** Terima kasih Yang Berhormat. Okey terima kasih kerana beri peluang, ini peluang untuk Yang Berhormat....

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Teruskan Hulu Besut.

**YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut):** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Terima kasih Yang Berhormat Pengkalan Berangan telah jawab e-Book tadi. Jadi kalau tanya saya, saya jawab mudah jer iaitu daripada kita tak buat lebih baik kita buat, mudah jer. Kalau tak buat langsung tak dapat apa, kalau kita buat sekurang-kurangnya kita tahu ini tak boleh buat kita ganti yang lain. Itu lebih baik.

**YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar):** Yang Berhormat, Yang Berhormat dibatalkan tak. Tahukan, kita batalkan Program e-Book.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Bandar, minta tolong ikut peraturan. Saya dah kata *rulling* saya, saya tak benar dah. Sama ada peraturan DUN ke Parlimen ke sama. Bila Speaker tak benar sebab untuk meneruskan penggulungan, sila Hulu Besut teruskan.

**YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut):** Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, terima kasih sekali lagi. Saya sebenarnya nak beritahu kepada usahawan-usahawan Terengganu, Kerajaan yang ada hari ni Kerajaan Barisan Nasional yang ada hari ini membuat persiapan untuk usahawan ni untuk menghadapi zaman semasa dan zaman depan. Itu jer saya nak bagitahu Hub-Digital. Dan Kerajaan pula nak buat lagi ni TTT di Telaga Papan, betul tak.

**YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat):** Ingat T-Team tadi, minta maaf Dato' Yang Dipertua. ....(Dewan gelak) ....

**YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Alur Limbat):** Akan menjadikan Taman Teknologi Terengganu. Juga berkaitan dengan masa depan anak-anak kita, usahawan kita. Di sana lagi di Telaga Papan sikit lagi barangkali lebih kurang dengan di Cyberjaya, lebih kurang begitulah bahasa mudah. Bahasa orang Besutnya buka Cyberjaya bahasa mudah. Lebih kurang dengan hok Kerajaan Federal nak buat Digital Free Trade Zone (DFTZ) lebih kurang gitu. Inilah Kerajaan Barisan Nasional. Dan saya nak beritahu kepada usahawan Terengganu, Kerajaan yang ada ni molek doh. Kena sokong Kerajaan. ... (Tepukan) ....

**YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat):** Kekgi takut orang tak pergi jauh-jauh tu Telaga Papan tu Dato' Yang Dipertua.

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong):** *Nok ape lagi Dato' Yang Dipertua, nok buat ape lagi.* (Dalam dialek Kuala Berang).

**YANG BERHORMAT HAJI NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Alur Limbat):** Kalau silap saya mohon maaf. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

**YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):** Yang Berhormat Yang Dipertua, Yang Berhormat Yang Dipertua saya minta maaf.....

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Wa'alaikumussalam. Terima kasih banyak.

**YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar):** Habis dah?

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Dah habis dah. Terima kasih banyak Bandar. Teguran kalau dari segi latinnya mesti ada *bona fide and good faith*. Tolong, terima kasih Hulu Besut terlibat dalam penggulungan perbincangan bagi pihak Kerajaan. Seterusnya saya mempersilakan Wakil Kerajaan untuk membuat penggulungan. Silakan Kemasik Wakil Kerajaan.

**YANG BERHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik):** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang saya hormati Yang

Berhormat Dato' Speaker, yang saya hormati lagi saya kasihi Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, para media, Ketua-ketua Jabatan, Wakil-wakil Ketua Jabatan, para Pemerhati, tuan-tuan puan-puan yang dirahmati Allah sekalian.

Terlebih dahulu saya merakamkan syukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala sebab kali ni saya dapat sama-sama berpeluang untuk berucap dalam perbahasan dan penggulungan Perbahasan Ucapan Bajet oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri pada 11hb baru ni.

Saya terlebih dahulunya ingin mengucapkan tahniah, setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan pasukan yang menyediakan Bajet 2018. Satu pembentangan yang bertemakan kepada Masa Hadapan Yang Lestari yang menampilkan Empat Petunjang dan yang menjadi asas kepada 60 *touchpoint* yang menyentuh terus kepada keperluan utama untuk rakyat.

Jadi Bajet kali ini dia menyentuh setiap lapisan setiap segi dalam asas 60 *touchpoint tersebut*. Dalam persiapan Bajet ini sendiri membuktikan Kerajaan mengamalkan prinsip TTB yang pertama iaitu Inklusif dan mengambil pendekatan berdasarkan kepada kehendak rakyat seperti yang disebut oleh kawan saya yang terdahulu, bajet ini disediakan untuk rakyat. **Telah diadakan 8 Siri Jelajah Bengkel Bajet yang mana diadakan di setiap daerah yang mana melibatkan segenap lapisan masyarakat bersama-sama pemimpin yang setempat, ahli-ahli akademik, golongan profesional dan ramai lagi.**

**Berkenaan dengan portfolio saya pula, daripada 60 *touchpoint* yang disebutkan dalam ucapan Yang Amat Berhormat Dato' Seri, jadi saya ada nak highlight tiga empat yang berkenaan dengan portfolio saya. Yang mana saya rasa perlu kita tengok, satunya *touchpoint* yang keempat belas yang mana dalam ucapan tersebut dalam *touchpoint* ini menyediakan satu peruntukan sebanyak RM6.3 juta bagi menyediakan bekalan air percuma kegunaan domestik sehingga 20m<sup>3</sup> sebulan. Yang mana dia akan memanfaatkan lebih seribu rumah kediaman. Jadi satu pemberian yang pada saya begitu bermakna yang boleh mengurangkan beban rakyat dalam menangani isu peningkatan kos sara hidup. Seterusnya saya juga nak sentuh sikit dalam saya punya portfolio iaitu Bantuan One-Off sebanyak RM500 kepada pemandu teksi yang aktif dan berdaftar dengan SPAD.**

**Dan seterusnya juga satu lagi, yang mana selari dengan hasrat oleh Kerajaan Federal iaitu menyediakan satu kemudahan infra rakyat dalam....**

**YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir):** Yang Berbahagia Dato' Yang Dipertua.....

**YANG BERHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik):** Saya nak baca sikit lagi.

**YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir):** Tak, nak tanya bantuan air bersih tu.....

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Manir, oleh kerana masa ya saya tak benar dah. Saya dah buat *rulling* tadi.

**YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir):** Okey, terima kasih.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Teruskan ya, terima kasih banyak.

**YANG BERHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik):** Terima kasih banyak Yang Berhormat Speaker, *touchpoint* yang kedua puluh lima iaitu satu perkara yang akan sampai ke kawasan kita iaitu pembinaan East Coast Railway Link yang mana menghubungkan Pelabuhan Klang dengan Kota Bharu sepanjang 524 kilometer. Yang melibatkan dalam Negeri Terengganu kita sebanyak 229.6 kilometer dan akan ada 7 stesen penumpang. Ironinya projek ini dia akan menjadi satu *gate changer* berkenaan projek infra rakyat yang mana sebelum ni kita tak terfikir bahawa satu lagi mod pengangkutan yang mudah, yang selamat, yang selesa akan kita nikmati insyaAllah dalam masa 7 tahun.

Dalam proses pembinaan ni menyediakan juga peluang pekerjaan yang saya rasa dalam konteks Negeri Terengganu lebih daripada 20,000 orang semasa pembinaan dan juga bagi tenaga yang akan terlibat makna kata dari segi penyelenggaraan dan sebagainya seramai 3,600 orang akan dilatih oleh pihak MRL untuk terlibat secara langsung dalam projek ini, InsyaAllah.

Dan seterusnya juga satu perkara lagi yang mana yang telah kita perjuangkan selama ni, dah dua tiga tahun dah kita tunggu. Dan insyaAllah tak lama lagi penungguan kita akan berakhir iaitu perkhidmatan MyBas Kuala Terengganu yang mana....

**YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok):** Dato' Yang Dipertua, pohon penjelasan sikit jer.



**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Minta maaf saya tak benar dah. Minta maaf banyak, saya dah buat *rulling*, saya tak benar semua, kita kejar masa. Terima kasih banyak Batu Burok.

**YANG BERHORMAT DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok):** Perkara-perkara untuk kepentingan negeri kita.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Terima kasih banyak, terima kasih banyak Batu Burok.

**YANG BERHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik):** MyBas Kuala Terengganu yang mana pada dasarnya, sebagai asasnya akan menyediakan 9 laluan yang akan menggunakan 32 bas. Dan daripada situ, perancangan daripada pihak SPAD iaitu akan mengengahkan penggunaan 8 buah elektrik bas, yang mana itu adalah antara yang pertama yang digunakan di negara kita.

Jadi seterusnya dalam Perbahasan Ucapan Bajet Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, rakan-rakan saya ada bertanyakan dua tiga soalan yang mana daripada Tepoh dan juga daripada Batu Rakit tentang isu hakisan pantai. Jadi untuk makluman Wakil Tepoh dan juga Batu Rakit, sehingga hari ini Kerajaan Negeri telah melaksanakan projek yang bersangkutan paut dengan hakisan pantai di Tok Jembal dan kawasan sekitar yang telah menelan belanja sebanyak RM89 juta dan sebagainya telah siap.

Dan insyaAllah dalam perancangan kita dalam proses sekarang ni, telah ada peruntukan anggaran lebih RM90 juta untuk membaiki pulih atau membaiki dan insyaAllah saya rasa untuk Negeri Terengganu ialah kawasan yang diberi perhatian yang begitu khusus iaitu kalau siaplah dua-dua yang dah buat RM90 juta, yang akan dilaksana RM90 juta, RM180 juta akan dibelanjakan di kawasan sepanjang Tok Jembal dan kawasan sekitarnya.

Seterusnya Wakil Sura ada bertanyakan tentang masalah isu muara Sungai Dungun yang cetek. Jadi untuk makluman Wakil Sura, satu usaha telah diambil oleh Pihak Jabatan Pengairan dan Saliran, iaitu memohon semula peruntukan di bawah RP4 (Rolling Plan Keempat) dengan izin, kajian pembangunan untuk antaranya mendalamkan muara Sungai Dungun, mengadakan *Break Water*, mengadakan kerja-kerja penstabilan tebing dan juga mengadakan laluan pelancong. Marilah kita sama-sama berdoa semoga usaha kita ni diberkati dan kita akan dapat peruntukan yang kita pohon ni yang mana agak besar juga dan sangatlah besar iaitu sebanyak RM290 juta.

**Jadi seterusnya Wakil daripada Manir ada sentuh pasal jalan di Kampung Teris ataupun sini kita panggil Projek Jalan Raya Simpang Pulai - Gua Musang – Kuala Berang, Pakej 8. Daripada Kampung Teris ke Kuala Telemong Fasa 2 dan 3, baru-baru ni pada 21hb November telah diadakan satu lawatan tapak oleh JKR HQ untuk menilai sekali lagi projek ini dan akan dimasukkan juga sekali lagi dalam Rolling Plan yang Keempat.**

**Jadi seterusnya Wakil daripada Teluk Pasu, dia ada cerita banyak semalam pasal banjir di.....**

**YANG BERHORMAT HAJI RIDZUAN BIN HASHIM (Wakil Teluk Pasu):  
Bukit Petiti.**

**YANG BERHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik):  
Bukit Petiti dan juga....**

**YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir):  
Peluang sekali Dato' Yang Dipertua.**

**YANG BERHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik):  
Kurau...**

**YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir):  
Sebab kalau ikut yang dalam Gong Jeneris tu RM300 juta tu keluar kenyataan dah daripada bekas MB. Penilaian semula tu bila pula tu. Dua tiga empat kali....**

**YANG BERHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik):  
Dia tidak. Maksud saya dia akan diperuntukkan balik dalam RP4. Makna tahun depanlah insyaAllah. Balik pada Tanjung Sabtu, hakisan Sungai Tanjung Sabtu dan kawasan banjir di Bukit Petiti jadi masalah....**

**YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir):  
Makna yang dulu tiada penilaianlah ni, ke macam mana.**

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:  
Manir, minta tolong ikut.**

**YANG BERHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik):  
Berkenaan dengan hakisan sungai di Tanjung Sabtu, jadi saya rasa laporan daripada pihak JPS tidak menggambarkan masalah yang begitu serius. Jadi saya cadangkanlah supaya kita adakan satu lawatan secara bersama untuk kita menilai macam mana keadaan sebenar masalah hakisan.**

Dan seterusnya juga masalah banjir pihak JPS juga telah memohon peruntukan daripada Kerajaan untuk membina saluran U-Drain yang menggunakan rezab bahu jalan. Berkenaan dengan susur keluar daripada Jambatan Pulau Sekati ke Teluk Pasu, JKR dalam proses menyediakan skop kerja dan proses *documentation* untuk pelaksanaan projek dengan anggaran kos sebanyak RM4 juta tahun depan, insyaAllah.

Dan seterusnya daripada Bukit Payung bertanyakan pasal Projek Sungai Buaya yang mana sekarang ni ikut jadual dia projek berjalan molek. Dan projek di Padang Lebam isu dia sekarang adalah isu pengambilan balik tanah yang mana melibatkan 48 lot pengambilan balik tanah yang perlu diambil dengan kos sebanyak RM56 juta yang mana pada bulan November baru-baru ini 7 lot telah dibayar dan baki dia sebanyak 41 lot tu akan dibuat pembayaran insyaAllah tahun depan dengan kos sebanyak lebih kurang RM1 juta.

Jadi seterusnya berkenaan dengan muara Sungai Ibai cetek daripada Aur Limbat, Kerajaan melalui JPS telah meluluskan kerja-kerja pengorekan sungai secara *private* oleh pihak yang telah membuat permohonan dan benda tu sekarang berjalan yang mana bila berjalannya projek ini akan membantu masalah muara sungai yang cetek.

Dan seterusnya juga berkenaan dengan muara Sungai Mercang, untuk makluman kerja-kerja ukur telah selesai. Dan sekarang ni pihak JPS dalam proses pelantikan perunding untuk dibuat kerja-kerja rekabentuk dan proses tender akan berlaku pada akhir tahun 2018.

Berkenaan dengan masalah banjir di Kampung Tok Kah, Wakil Rantau Abang ada bertanyakan semalam. Jadi anggaran kos sebanyak RM5 juta telah diminta untuk dimasukkan dalam projek Sistem Saliran Kampung Pulau Serai Fasa 2 bagi RTB Dungun. Jadi itu telah dipohon kepada UPEN insyaAllah kalau ada peruntukan insyaAllah kita akan laksanakan.

Dan akhir sekali daripada Bukit Tunggal. Kalau salah saya minta maaf. Dia ada sebut pasal Projek Bypass Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Kemaman. Jadi projek ini dibahagikan kepada, projek ini telah diluluskan dengan siling sebanyak RM300 juta untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Yang Kesebelas. Projek yang dibahagikan kepada dua pakej, iaitu pakej pertama melibatkan

**pembinaan Bypass sepanjang 10.3 kilometer. Projek ini akan diiklankan pada Mac...**

**YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang):  
Minta laluan.**

**YANG BERHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik):  
2018 dengan anggaran kos sebanyak RM190 juta.**

**YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang):  
Minta laluan.**

**YANG BERHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik):  
Saya rasa saya nak teruslah, ada sikit dah.**

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Silakan.**

**YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang):  
Sebab saya tanya dua, satu...**

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Silakan. Tak apa, minta  
maaf banyak.**

**YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang):  
Tak, satu perlu dijawab. Satu.....**

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Rantau Abang. Minta  
maaf banyak, sila duduk.**

**YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang):  
Jadi maknanya bila kita tanya...**

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Rantau Abang, sila duduk.**

**YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang):  
Saya faham.**

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kalau faham, sila duduk.  
Kalau faham kena duduk, saya nak kena baca peraturan lagi ke, tak  
perlu dah. Takut lama dah.**

**YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang):  
Sebab tak gunalah kita tanya kalau tidak ada jawapan. Saliran Gong  
Pasar yang telah tamat...**

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kejap.**

**YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang):**  
Tapi belum siap. Apa...

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Cuba baca peraturan mana yang membolehkan bahawa semua jawapan tu perlu dijawab, satu. Ataupun tidak berguna soalan ditanya itu...

**YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang):**  
Kalau tidak tak gunalah kita bersidang empat hari gini.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Tarik balik. Jangan cakap tak guna. Dah peraturan, saya baca peraturan. Okey saya baca peraturan sekali lagi Rantau Abang.

**YANG BERHORMAT HAJI ROSLEE BIN DAUD (Wakil Bukit Besi):**  
Duduklah sahabat.

**YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang):**  
Saya tak pernah berdiri...

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Nanti Rantau Abang, duduk. Saya tahu, saya faham.

**YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang):**  
Saya tahu apa yang saya tanya, saya harap bukan payah....

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Rantau Abang tolong duduk, saya minta maaf, saya minta tolong duduk.

**YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang):**  
Jawab, saya rasa....

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Nanti kejap saya minta tolong duduk. Habis masa kita ni.

**YANG BERHORMAT HAJI ALIAS BIN HARUN (Wakil Rantau Abang):**  
Okey, saya minta tolong jawab.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Saya dah buat *rulling* tadi, orang lain saya tak bagi. Baca 46(2) dibaca bersama 47(a) dibaca bersama 48 dalam Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu. Dan dibaca bersama 37(2)

Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, jelas. Minta maaf banyak. Sila, teruskan.

**YANG BERTHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik):** Okey, terima kasih Rantau Abang, terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Speaker. Jadi yang seterusnya ada pertanyaan tentang Projek Jalan Kepong. Jadi cadangan kerja-kerja menaiktaraf jalan ke Kampung Sungai Rengas ke Kampung Kepong Daerah Kuala Terengganu, projek ini sekarang sedang berjalan dengan kemajuan dia sebanyak 25% berbanding dengan jadual dia 47% dengan kos sebanyak RM7.42 juta.

Dan wakil daripada Langkap, Yang Berhormat Dato' ada tanya pasal status tentang kawasan yang sering berlaku kemalangan di Belara, di Sungai Tong dan Kampung Rahmat. Selekoh berbahaya yang sering berlaku kemalangan akan dimaklumkan kepada pihak yang berwajib iaitu JKR HQ untuk pembaikan dan rawatan. Seolah-olah bila kita ada terima peruntukan kerja-kerja yang berpatutan akan dilaksanakan.

Jadi seterusnya berkenaan dengan masalah tekanan air daripada Wakil Wakaf Mempelam, ada sebut terutama pada waktu puncak. Jadi antara, sayapun dah jawab dah soalan ni sebelum ni. Tapi sekali lagi saya jawab insyaAllah. Antara langkah-langkah yang kita ambil adalah mengadakan sistem zoning yang mana kita alih, kita tinggikan tekanan air tu mengikut zon-zon pada *certain-certain* masa bagi memastikan semua orang dapat bekalan air. Itu adalah langkah sementara yang boleh kita ambil Yang Berhormat. Kita tak boleh tinggikan dia punya tekanan air tu ke tahap yang lebih tinggi dari sekarang sebabnya bila kita buat benda gitu, dia akan menyebabkan berlakunya paip-paip yang ada sekarang ni pecah. Paip-paip yang kita ada sekarang ni umur dah lama-lama.

Jadi sebagai *permanent solution* sebab itulah dibawah Kerajaan Negeri Terengganu, di bawah Yang Berhormat kita telah meluluskan Projek Bekalan Air Kuala Terengganu Utara yang mana untuk menyelesaikan masalah kawasan sekitar Yang Berhormat tadi *retro fitting* untuk loji rawatan air akan dijalankan pada Loji Kepong 1, 2 dan juga Loji Air Losong. Jadi saya harap Yang Berhormat boleh sabar sikit, tunggu lagilah sebab penyelesaian yang total akan sampai.

Seterusnya, akhir sekalilah saya rasa Wakil Ladang ada sebut pasal Projek Windmill di Laut Kerteh. Jadi cadangan projek oleh Mega Way, itu adalah satu *entity private* dan diorang telah sampai dan pembentangan telah dibuat di hadapan Majlis Ekonomi Negara.

**Jadi isunya satu, Yang Berhormat adalah tarif yang diminta oleh pihak Mega Way tidak boleh diterima oleh Pihak Kerajaan masa tu. Jadi saya pun hadir dalam taklimat tu untuk dengar saja dan saya rasa sekarang ni adalah menjadi tanggungjawab pihak Mega Way untuk mengemukakan tawaran yang boleh diterima oleh pihak Kerajaan.**

**Akhir sekali berkenaan dengan rungutan Yang Berhormat Ladang tentang Projek Sistem Perparitan di Padang Negara. Jadi insyaAllah akan diaturkan lawatan bersama Yang Berhormat dan juga Pengarah dan juga saya sendiri untuk kita menyelesaikan masalah ini secara total.**

**Itu saja daripada saya sebelum saya akhiri penggulungan saya, saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, kepada Yang Berhormat Mantan Menteri Besar, kepada semua Ketua-ketua Jabatan, kepada semua yang telah membantu saya menjalankan kerja saya memberi kepercayaan kepada saya. Terima kasih kepada Speaker yang memberi saya peluang bercakap dalam Dewan yang mulia ini dan semoga usaha kita ke arah memacu pembangunan Negeri Terengganu ni dapat kita teruskan. Dan semoga apa yang digarapkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita dalam Ucapan Bajet dia dapat kita laksanakan demi memberi pulangan yang baik kepada seluruh rakyat Terengganu yang kita kasihi. Sekian, terima kasih.**

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kemasik bagi mewakili pihak Kerajaan untuk membuat penggulungan. Seterusnya sila kepada Wakil Kerajaan.**

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong):** Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ketua-Ketua Jabatan, kepada pemerhati, tuan-tuan, puan-puan, hadirin yang saya hormati sekalian.

Alhamdulillah, saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' yang Dipertua kerana juga memberi ruang dan peluang kepada saya masa sesi penggulungan ini untuk saya menjawab ada beberapa soalan saja yang disentuh berkaitan dengan Belia di Negeri Terengganu ini.

Yang pertamanya berkaitan dengan daripada Yang Berhormat Rantau Abang pun ada sebut semalam sikit bersama dengan Yang Berhormat Paka berkaitan

dengan masalah pengangguran di Terengganu yang begitu tinggi didakwakan oleh Yang Berhormat Paka.

Walau bagaimanapun, kita sebagai pihak Kerajaan memang kita akui dan juga kita sedang berusaha dengan sedaya upaya kita untuk mengatasi masalah ini. Antara program-program yang dilaksanakan oleh Kerajaan adalah mengatur beberapa siri temu duga terbuka dan juga Karnival Kerjaya di Negeri Terengganu pada tahun ini saja kita menganjurkan lebih daripada 34 siri Program Kerjaya untuk anak-anak Terengganu.

Alhamdulillah pada tahun ini kita dapat mengurang sikit dan kita dapat menempatkan lebih kurang 12,046 orang di seluruh negara kerja-kerja kepada anak-anak muda di Negeri Terengganu. Kalau saya nak baca daripada 2005, 2006 terlalu banyak Yang Berhormat Rantau Abang.

Cuma saya nak maklum bahawa beberapa program telah dilaksanakan oleh Kerajaan di antaranya program sebagaimana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar iaitu Program TGTP yang mana untuk program siswazah di Negeri Terengganu ini dan semua siswazah-siswazah yang menganggur boleh melapor diri dan mendaftar melalui program ini dan ianya akan diambil mengikut peringkat demi peringkat dan juga secara beransur-ansur kerana ianya berfokus kepada kemahiran dan juga minat siswazah yang menganggur itu.

Selain daripada itu juga, Program-Program Kerjaya untuk menjadi usahawan sebagaimana dalam *touchpoint*, ini pun banyak disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar iaitu Program Usahawan untuk generasi-generasi muda Negeri Terengganu. Terima kasih.

Yang keduanya disebut oleh Yang Berhormat Alur Limbat yang nak tahu penggunaan Stadium Gong Badak masih diguna atau tidak lagi. Masih digunakan dan banyak program yang kita laksanakan sepanjang tahun ini saja lebih daripada 100 program kita laksanakan di Stadium Gong Badak, Yang Berhormat.

Dan insyaAllah, cuma stadium utama Stadium Sultan Mizan yang bukan kita tidak guna, kita guna tapi untuk kejohanan-kejohanan tempatan dan juga untuk Kejohanan-Kejohanan Anak-anak Muda di Negeri Terengganu. Kalau peringkat lebih tinggi sekarang ni kita ada masalah teknikal kerosakan yang tidak boleh nak mencapai piawai peringkat antarabangsa. Dan sebagaimana yang kita sedia maklum, bahawa Kerajaan Negeri sedang berusaha untuk mengatasi masalah ini peringkat demi peringkat, daripada bumbungnya, daripada tempat duduknya, daripada teknikal padangnya dan sebagainya. Dan insyaAllah, dengan kita pun mempunyai masalah-masalah dari segi peruntukan tahunan



kita. Dan insyAllah saya akan cuba sedaya upaya untuk mengatasi masalah tersebut.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, semalam ada juga dipetik oleh Yang Berhormat Manir berkaitan dengan .....

YANG BERHORMAT SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Dato' Yang Dipertua, saya pohon penjelasan sebab berkaitan dengan stadium ni sebab ramai yang.....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya dah cakap awal tadi kita baca ikut mana pun....

YANG BERHORMAT SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Soal ni berkaitan dengan anak muda Terengganu....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Minta maaf Batu Burok. Batu Burok minta maaf.

YANG BERHORMAT SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Saya nak tahu tentang kedudukan yang ada....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Minta maaf Batu Burok. Saya dah buat *rulling* tadi...

YANG BERHORMAT SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Ya saya faham.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Baca beberapa peraturan bersama pun saya dah buat *rulling* tadi. Minta maaf banyak, minta maaf banyak Batu Burok, sila duduk.

YANG BERHORMAT SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI (Wakil Batu Burok): Sila beri penjelasan dalam hal ini, dalam....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila duduk.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Tak apa Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila duduk, sila duduk. Teruskan Telemong.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Terima kasih. Semalam juga dipetik oleh Yang Berhormat Manir berkaitan dengan kawasan Telemong.

*guaner tahu care ke Telemong, nak tanding Telemong ke guaner? Kuat ngat ni.* Yang Berhormat nak tahu bahawa....

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Takdok sorang nak tahu...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Dengar dulu. Dah mung tanya saya nak jawablah ni. Ni berkaitan dengan Lebuhraya Aring Kuala Berang, Pakej 8 saya nak maklum perjuangan ni panjanglah Yang Berhormat.

Yang Berhormat ingat ke dok saya dok tahu. Perjuangan dia sebenar Pakej 8 ni Kuala Jeneris, Kuala Berang bukan Kuala Jeneris LPT. Tapi semenjak Yang Berhormat Mulia Dato' Tengku Putera menjadi Timbalan Menteri Kewangan lagi kita telah berbincang dan bagaimana kita nak alih laluan ini supaya boleh dihubungkan dengan LPT untuk memudahkan, menarik lebih ramai pelancong ke Tasik Kenyir.

Dan dipersetujui oleh Kerajaan Pusat. Dan saya nak maklum Yang Berhormat Pakej Aring Kuala Berang ni ada 8 pakej (sambil mengira sehingga bilangan 8).

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Kalau jawab luar Dewan gitu tak apa, tapi jawab lain dalam Dewan. Nak *care* apa ke yang tak sudah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Dah nanti nak royat ni, *care* hal apa, tahu ke dok bilang satu dua tiga. Mung bilang nombor daripada nombor berapa nak tanya. *Start* nombor berapa bilang. Yang Berhormat Manir, *start* nombor berapa bilang, kalau *start* mula-mula.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Nombor dua, nombor dua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Tu, kata. Orang bilang satu dua tiga. Takkan bilang lapan, empat, tujuh, enam, lapan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Alur Limbat dari semalam...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Sekarang ni ye nak *start*...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kejap Telemong.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): *Bakpe nok* marah?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Kalau kita start buat...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Telemong, Telemong sekejap. Ni Dewan ni, bukan apa saya nak saja tanyalah. Daripada semalam saya dengar Alur Limbat dua-dua. Saya, start daripada nombor dua.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Atas Speakerlah, macam Speaker juga.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa saya tanya...

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): *Mathna wathulatha wa ruba'*. Dua jer *start*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Saya jawab ni Dato' Yang Dipertua, kerana Yang Berhormat Manir dia pergi syarah kawasan saya, dia bawa benda yang sama juga. Jadi sekarang ni saya nak maklum bahawa Pakej ni telah *start*, 1, 2, 3, 4, 5, 6. 7 tak buat lagi, nak buat 8 *guaner*, tunggu 7 buat dulu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya tu saya nak jelaskan bukan hanya. Sekejap Telemong, sekejap Telemong. Nampak dalam gurauan ya, tapi kenyataan itu jelas. Ada satu, dua dan sebagainya. Itu saya nak menggambarkan bahawa pihak Kerajaan, saya tak menyokong mana-mana tapi saya kena jelas bukan gurauan ya, benda-benda macam tu. Fakta kena ada. Sila Telemong.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Okey, terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua kerana tolong saya. Itu saya nak kabor, dia *start* satu dua tiga. Dia tak buat lagi cuma insyaAllah dia akan buatlah. Kerajaan Barisan Nasional, janji tetap ditunai. ...(Tepukan sokongan) ... Lambat dengan deras, tunggu masa. Okey, yang kedua....

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Kalau jawab masa di luar Dewan..

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Ni tak pandai sokmo celah main lagu ni. Yang kedua, berkaitan Taman Pertanian Sekayu, saya nak maklum juga di sini, Taman Pertanian Sekayu ni kalau ikut sejarah dia tanyalah siapa dia orang lama tahu belaka.

Dulu sebuah taman yang sangat tercantik, ramai orang mari melawat sini seluruh negara tahun 1999 hingga tahun 2004 hancur. Gajah duduk situ, harimau...

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat jangan *wak* cakap bohong gitu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Nanti dulu, dok bohong ni.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Bukti *mende* Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Memang bukti, jelas.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Sebab saya tahun '99 saya duk empat tahun dulu.....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Saya tahu, kampung saya tu.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Kita tambah lagi tempat seminar apa sebagainya.....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Sabar.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Air jernih, ada ikan apa...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Takdok.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Kita pergi baru ni hancur lebur tak ada apa.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Dengar ni, dengar ni. Nak marah *guaner* kampung saya, saya tahulah.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dah mung jangan bohong lagu tu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Dok bohong bohong eh. ...(Dewan gelak) .... Ni saya nak kabor ni, sehinggakan kita ambil alih kita terpaksa mengeluarkan belanja permulaan hampir RM5 juta *one-off* untuk membangunkan balik Taman Pertanian Sekayu. Dan sekarang ini bila sudah pulih dan ianya ada geran setiap tahun. Sebagaimana yang dimaklum Yang Berhormat Exco, sahabat saya semalam. Geran tahunan mungkinlah pada tahun lepas kurang sikit dari tahun ni sebab bajet kita kena potong, kan kita mesyuarat syarah duk sini belaka. Kena potong sikit dan kurang.

Apa yang Yang Berhormat kita tengok kolam kering apa, dia dalam Taman Pertanian Sekayu banyak blok. Blok dia ada blok yang diberi kepada usahawan-usahawan luar. Bila kawasan tu tidak ada pengusaha yang nak usaha ternakan ikan dalam kolam nak letak air buat apa. Kita keringlah dulu air tu. Dan pokok-pokok ditanam...

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Ada gambar Dato' Yang Dipertua. Saya ambil ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Betul dah. Sebab tak ada pengusaha, sebab itu kawasan pengusaha yang kita panggil daripada luar. Bila pengusaha tak ada nak masuk, kita kering dulu. Dan bila ada nak masuk, kita masuklah air balik. Sebab infra, Kerajaan tolong sediakan semua untuk generasi-generasi muda, usahawan-usahawan yang nak meniaga, nak menternak boleh, di situ kita ada belaka dah. Free jer, bayarlah sikit.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat orang tak tanya kes yang....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Okey Dato' Yang Dipertua...

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Ni kolam yang ada taman mainan kita rekreasi keluarga apa sebagainya. Itu yang rosak. Bukan masalah tu tempat kawasan mandi, kita tak tanya bab kolam ikan. Kolam ikan air deras tu kita tak buka...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Semalam baru Yang Berhormat Manir, tengoklah hansard pergi kolam ikan belakang nung.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dah kita pergi round belaka dah lah ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Okey tu *kabor duaner-duaner, kabor ceruk mana*, saya tahu belaka ceruk tu.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Saya sebut kolam mandi ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya.....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua...

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Kita bincang ni Kempen Melawat Terengganu, Visit....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua..

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Beautiful Terengganu tapi kalau kita pergi bukan *beautiful*, hancur lebur jadi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Mana ada hancur lebur gok.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Tak ada fakta kata tak ada fakta, kita tunjuk gambar *takmboh* terima pula. Baham rambang. Tak nak terima pula.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya nak minta celah sikit.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Nak bersyarah apa.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Ada kekeliruan. Orang Telemong ni, orang hulu ni dia cakap dia kata *free* jer, bayarlah sikit. Jadi hok mana satu *free* ke, kena bayar?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Tengok tu, hok gitu dia ambil kira. Boleh kira puak ni. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya inilah saya sedia maklum bahawa saya juga mengambil kesempatanlah, akhir dah ni tak apalah, saya nak ambil kesempatan bahawa saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua rakan-rakan saya khususnya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga, dan juga rakan-

rakan saya yang lain kerana kita telah melalui Dewan yang mulia ini hampir satu penggal. Dah banyak gelombang yang kita lalui, liku yang kita lalui, gelora yang kita tempuhi tapi alhamdulillah Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga rakan-rakan saya dapat mempertahankan. Dan saya yakin dan percaya kita akan sampai ke destinasi yang lebih gemilang selepas pada ni insyaAllah.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, walaupun ribut yang melanda dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala sejarah juga tidak pernah dan tidak akan menilai serta tetap akan berlaku adil kepada kita. Kerajaan Barisan Nasional yang tidak pernah gagal dalam bertindak secara bijaksana walaupun dalam saat-saat penting dan paling mencemaskan. Kita tidak pernah mengelak diri daripada memikul amanah dan tanggungjawab dan juga kita lari dari menangani perjuangan kita demi Agama, Bangsa dan Negara.

Patah atap kerana buluh,  
Atap disusut dengan tali,

Patah sayap bertongkat paruh,  
Malah kan undur pantang sekali.

..... (Tepukan gemuruh dari pihak Kerajaan) ....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Amanat terakhir.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): **Terengganu Molek Doh! (Y.B. Wakil Telemong melaungkan slogan 'Terengganu Molek Doh' dengan mendapat sokongan dari kalangan Wakil Kerajaan dan juga BBC).**

YANG BERHORMAT DATO' HAJI ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): **Ape lagi!**

**(Manakala kedengaran dari pihak Pembangkang melaungkan 'Kohor lok kohor punoh, kohor lok kohor punoh').**

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): **Amanat terakhir dah tu.**

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa'alaikumussalam warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih Yang Berhormat Telemong, terima kasih kepada semua Yang Berhormat Wakil Pihak Kerajaan yang terlibat langsung dalam penggulungan perbahasan Enakmen sebentar tadi, oleh kerana masa sudah pukul 1.00 tengahari**

**dan sesi penggulungan daripada pihak Kerajaan masih belum selesai, dan selalunya kita berehat tengah hari kita Solat Zuhur berjemaah, kita makan dan jadi saya beri peluang untuk kita teruskan apa yang ahsanu amalan yang kita lakukan dan insyaAllah kita sambung balik petang ni.**

**Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang saya kasihi sekalian, kita tangguh sementara mesyuarat kita hari ini dan kita sambung balik pada pukul 2.30 petang. Saya minta supaya patuhi masa kerana banyak lagi agenda Kerajaan yang perlu kita selesaikan, sebab tu saya terpaksa membuat *rulling*, kita ada banyak lagi. Hari ini hari terakhir tolong patuh masa. Terima kasih. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.**

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 1.00 PETANG  
PUKUL 2.30 PETANG

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dirahmati Allah Subhanahu Wata'ala sekalian. Mesyuarat disambung semula. Saya mempersilakan Wakil Kerajaan yang seterusnya untuk membuat penggulungan. Silakan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Pertamanya saya ingin mengucapkan kepada semua Yang Berhormat yang telahpun mengambil bahagian iaitu kalau dalam catitan saya seramai 19 orang telahpun berucap.

Dan pertama sekalinya saya ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana telah membentangkan satu Bajet yang sangat bererti kepada rakyat Terengganu dan menyeluruh terutamanya dalam segi portfolio saya Perumahan yang begitu besar untuk tempoh selama satu penggal lagi ke hadapan.

Jadi, oleh yang demikian saya ingin menjawab beberapa soalan yang telah dibangkitkan di dalam perdebatan ataupun dalam pembentangan untuk menyokong terutamanya perkara yang dibangkitkan oleh Wakil Wakaf Mempelam walaupun dia tak ada lagi, tak apalah saya jawab. Dan mungkin jawapan ini termasuk juga perkara yang dibangkit oleh Rantau Abang iaitu mengenai tapak pelupusan sampah Sungai Ikan.



Pertamanya ingin saya maklumkan bahawa tapak pelupusan ini dibuka pada bulan Mei Tahun 2005 lagi dan seluas 34.5 hektar. Buat masa ini keadaan muatan sampah masih lagi boleh bertahan sepenggal kalau tidak dibaiki. Tuan Yang Dipertua, ada dua sel telahpun penuh di kawasan sampah. Walau bagaimanapun ada satu cadangan daripada Syarikat Mercu Resolution Sdn. Bhd. untuk mengambil alih yang perlu untuk memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan.

Jadi sekarang ini pada dasarnya syarikat ini sedang memohon untuk melaksanakan beberapa tugas di tapak ini. Walau bagaimanapun, kapasiti sekarang tapak ini hanya dapat melupuskan sampah sebanyak seberat 250 metrik tan sebulan. Sedangkan kalau nak buat projek dia memerlukan sekurang-kurangnya 300 tan metrik sebulan. Maknanya masih lagi tidak cukup buangan sampah.

Jadi oleh yang demikian, Kerajaan Negeri pada dasarnya akan memberi peluang selama enam bulan ke hadapan ni bagi membolehkan syarikat ini meneliti, melihat dan membuat ujikaji apakah kesesuaian yang dicadangkan bagi membolehkan Kerajaan Negeri dan syarikat ini untuk membuat kontrak selama yang dia minta. Walau bagaimanapun, kita memberi dulu dia peluang.

Kemudian, perkara yang disebut juga ialah adakah Kerajaan berhasrat untuk mencari tapak baru. Suka saya maklumkan bahawa cadangan tapak baru telah pun diluluskan iaitu di hadapan tapak pelupusan sedia ada di hadapan dan termasuklah akan mengambil sebahagian daripada tanah yang ada geran. Walau bagaimanapun, perkara ini masih lagi dalam peringkat rundingan sebab tapak yang ada masih boleh digunakan. Jadi perkara yang kedua, dan yang Rantau Abangpun saya dah jawablah Mercu Resolution tadi yang akan masuk sebanyak RM240 juta pelaburan. Tapi perkara ni masih lagi di dalam perundingan.

Dan seterusnya, Wakil Wakaf Mempelam ada menyebut pasal stesen bas. Sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri sememangnya berhasrat menaiktaraf Stesen Bas Kuala Terengganu sebagai sebuah Terminal Pengangkutan Awam terbaik. Pengubahsuaian atau menaik taraf yang melibatkan kos sebanyak RM43.7 juta iaitu memerlukan tapak perpindahan sementara bagi memuatkan seramai lebih kurang 505 orang peniaga. Dan perkara ini masih di dalam tindakan Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.

Dan seterusnya mengenai pasar borong. Suka saya maklumkan bahawa pasar borong yang ada sekarang merupakan pasar borong yang sementara dan tanah pasar borong ni di bawah nama pertanian. Cuma Majlis Perbandaran mengambil usaha untuk pengurusan. Tahun lepas saja RM300,000 telah diperuntukkan bagi membaiki jalan dan RM400,000 lagi akan dibangunkan yang selebih laginya pada

tahun hadapan. Ini sementara menunggu tapak pasar borong yang baru. Jadi tugas kita hanya kepada infra sahaja.

Jadi mengenai satu lagi yang saya akan masukkanlah, ini mengenai Kesejahteraan Bandar. Dan soalan ini ditanya oleh Bukit Payong. Tetapi oleh kerana kepentingan, suka juga saya nak maklum pada penggulungan saya ni bahawa kita sentiasa melihat kepada kesejahteraan Bandar terutamanya bagi Majlis Bandaraya Kuala Terengganu yang telah diperuntukkan sebanyak RM2 juta pada tahun hadapan dan tambahan akan berlaku dari masa ke semasa.

Dalam pada itu, yang ramai rakyat duk tanya sangat pasal basikal. Dan suka saya maklumkan jugalah, basikal ni ialah tidak kena mengena dengan kita sebab syarikat basikal ni daripada Federal. Cumanya kita memberi tapak saja kepada dia sekarang ni. Dan buat masa ni, jumlah keseluruhan e-Bike ni dikelolakan oleh oBike (M) Sdn. Bhd.

Dan sekarang ni oBike di Terengganu ada sebanyak 1,239 unit basikal. Dan yang rosaknya, bagus juga orang Terengganu ni, rosak setakat ni baru 36 unit iaitu 3% lebih kurang daripada yang ada. Dan tapak dia akan berubah daripada satu tempat ke satu tempat mengikut keperluan. Dan basikal ini ada tuan dia jaga. Kadar sewaanannya ialah RM1 untuk 1 jam. Maknanya kita ambil di situ, kita kayuh ke mana-mana sampai 1 jam dia akan berhenti sendiri dan tak boleh nak kayuh dah dan pengguna hanya meninggalkan basikal tersebut di situ sahaja. Sampai masa tuan dia akan pergi ambil basikal tersebut tetapi basikal itu tidak boleh dicuri sebab di mana saja basikal itu berada dapat dikesan.

Kalau tidak berada-ada  
Manakan tempua bersarang rendah  
Kalau tidak ada yang menjaga  
Takkan basikal itu nak bersepah.

Dia kata gitu. Maknanya basikal itu ada orang jaga. Jadi setakat ini vandalism tak ada. Bagus orang Terengganu. Dan yang paling ramainya yang sewa basikal ini ialah golongan muda. Dan setakat ni.....

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Dato' Yang Dipertua, untung tak tu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Yang tidak tanya jangan bertanya. Sebab saya menjawab orang yang bertanya sahaja.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Tidak boleh ya.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri):  
Tidak boleh.

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Okey, okey.  
Kena tarik balik ke guaner.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri):  
Kalau nak tanya waktu perbahasan tu tanya dulu. Jadi kalau tidak bertanya  
tidak ada hak untuk bertanya, duduk. Dengar saja dulu.

Sebanyak 74 lokasi di Kuala Terengganu dan setiap satu lokasi antara 10 hingga  
15 basikal ada diletakkan di situ. Dan kita bertuah kerana Daerah Kuala  
Terengganulah merupakan satu daerah di Pantai Timur yang mula-mula sekali  
mengadakan basikal berstesen ni. Habis bahagian tu.

Seterusnya saya nak terima kasih sekali lagi kepada Petunjang 3 iaitu pasal  
perumahan dan terima kasih Dato' Seri kerana telah memperuntukkan yang  
paling besar sekali RM400 juta untuk Perumahan Rakyat. Dan kita harap semua  
Wakil-Wakil Rakyat dan juga DO serta YDP akan menyediakan tapak kerana  
KPKT telah mensyaratkan kepada Kerajaan Negeri bahawa tapak rumah, infra  
hendaklah disediakan oleh Kerajaan Negeri.

Jadi apabila kenal pasti tapak kita akan buat infra dahulu sama ada asas ataupun  
separuh asas. Jadi dengan demikian kita berharap dalam tempoh 5 tahun akan  
datang projek RM400 juta ini dapat dilaksanakan dengan baik dan suka juga  
saya maklumkan bahawa perkara yang dibangkit bahawa tidak habis orang  
mendaftar. Memang betul, tidak habis. Sebab nak daftar pun syarat dia 21  
tahun. Jadi kalau orang umur 20 tahun tak boleh daftar lagi. Sebab itu sampai  
bila pun pendaftaran tidak akan habis sebabnya makin hari makin ramai orang  
yang cukup umur dan memerlukan perumahan dan makin hari juga orang  
bersalin semakin ramai, jadi memerlukan rumah semakin banyak.

Jadi dengan adanya hasrat Kerajaan untuk memberi beberapa kemudahan yang  
khas terutamanya bagi projek golongan B40 dan juga golongan kakitangan  
Kerajaan. Bagi kakitangan Kerajaan kita akan mulakan dengan projek khas iaitu  
kalaulah tidak ada apa halangan satu syarikat akan masuk ke Negeri kita, rumah  
dengan harga RM75,000 dan bantuan Kerajaan Pusat sebanyak RM20,000.  
Maksudnya rumah tu *furnished* berukuran 27" X 52" tapi kita cadangkan di  
Terengganu dalam 30" X 60" sebab tanah kita masih besar dan *landed* semua.  
Jadi mudah-mudahanlah kakitangan Kerajaan akan terus mendapat kemudahan.  
Jadi kos bilangan unit yang kita jangkakan dalam pembinaan ialah 800 unit  
rumah untuk B40 dengan kos sebanyak RM40,000 seunit selepas potongan  
subsidi.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Sura ada tanya dok?

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Ada, ada.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Sura ada bangkit dok dalam ni pasal rumah.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Ada bangkit. Saya ingin menjelas.....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa, saya tak benar. *Rulling* saya dah awal, saya tak benar. Minta maaf.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK (Wakil Sura): Saya minta Yang Berhormat jawab ya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya tak benar, soalan boleh ditanya saya tak benar. Teruskan dengan penggulangan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Okey, Wakil Sura tidak payah risaulah. Kalau ada apa-apa, maklum aje kepada kita, kita akan melihat. Kerajaan tetap prihatin. Sebab saya yakin Kerajaan Barisan Nasional akan terus memerintah dalam Pilihan Raya Ke-14.

Lepas tu perkara yang dibangkitkan daripada Bukit Tunggal iaitu Penyelenggaraan Sistem Pengairan Longkang yang tidak terurus. Jadi gini jerlah, mungkin betul juga yang Bukit Tunggal pergi tengok waktu tu mungkin longkang tak siap lagi. Lepas dia pergi tu mungkin pihak Kerajaan dah cuci. Dia mengikut dia gini, kerja-kerja pembersihan longkang di kawasan Bukit Tunggal, Kuala Nerus kekerapan pembersihan longkang di kawasan Bukit Tunggal dilakukan sebanyak dua kali sebulan melibatkan semua zon iaitu Zon Utara 1 (U1).

Kerja-kerja pembersihan longkang di kawasan Bukit Tunggal dijalankan oleh kontraktor pembersihan Zon Utara 1 iaitu nama dia Nas Teras Enterprise yang dipantau oleh Majlis Bandaraya Kuala Terengganu. Jarak keseluruhan kawasan operasi bagi kerja pembersihan longkang ialah sejauh 19.7km dan maklumat lanjut bolehlah tanya saya semula iaitu yang melibatkan 18 kawasan utama. Jadi saya rasa itu sajalah yang saya nak gulungkan dan saya nak ucap selamat

maju jaya, selamat tahun baru, selamat berlawan dalam Pilihan Raya yang ke-14.

Kalau yang berasa nak jadi Kerajaan, kerjalah sungguh-sungguh sebab saya rasanya jalan tu sangat sempit nampaknya dengan kekuatan Bajet yang akan diutarakan pada tahun 2018 iaitu tahun Pilihan Raya Ke-14. Jadi Yang Berhormat Yang Dipertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Permaisuri, Wakil Kerajaan. Seterusnya sila Wakil Kerajaan seterusnya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, rakan-rakan, sahabat Ahli Dewan dan semua sidang yang ada di Dewan yang mulia ini. Alhamdulillah saya turut bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana diberi peluang untuk berbahas dalam sesi sekaligus menggulung dalam pembentangan Bajet oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada hari Isnin lepas untuk Bajet Negeri Terengganu 2018.

Dato' Yang Dipertua, sesungguhnya saya mewakili rakyat Kuala Berang, orang Kuala Berang khususnya dan juga seluruh Negeri Terengganu rasa amat-amat berterima kasih yang sebenar-benarnya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan seluruh team Bajet daripada Pejabat Kewangan, Setiausaha Kerajaan dan seluruh pegawai-pegawai, urus setia semua sekali dalam penyediaan Bajet yang luar biasa ini, bukanlah kerana sebelum pada ini kita tidak ada pembentangan Bajet tetapi apa yang kita lihat keseluruhannya dan cara yang disentuh itu amat menarik. Dan memang Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua secara khusus rakan di sebelah sini memang kita kena menyokong dan rakan di sebelah sana tugas dia membangkang tetapi apa yang dibangkang saya lihat keseluruhannya bukanlah kepada apa yang nak disampaikan kepada rakyat tetapi perkara-perkara yang lain-lain.

Jadi Dato' Yang Dipertua, sekaligus saya lihat keberkesanan Bajet ini insyaAllah kalau kita lihat dengan tajuknya 'Masa Hadapan Yang Lestari' dengan begitu sedap kita dengar. Apa yang dimaksudkan lestari tu sendiri dalam Kamus Dewan ia bererti melestarikan ataupun mengekalkan "*remaining the same without change*" ataupun kalau kita sebut melestarikan hutan maknanya kalau kita tengok puas hati, selesa. Jadi inilah tajuk yang sebenar kita simpulkan daripada keseluruhan Bajet ini.

Maka Dato' Yang Dipertua, nak tak nak kita tak boleh lihat ianya sebagai satu perkara yang sangat mudah walaupun kita tiga hari berbahas di sini dengan berbagai-bagai warna tetapi sebenarnya kita nak membantu rakyat sepenuhnya

dan sukacita kalau kita katakan bermula dengan asas tunjang tajuk tadi lestari. Kemudian asas tunjang pula nak tumpu kepada empat perkara nak pastikan kos hidup rakyat terbela ataupun kalau kita sebut ramai-ramai bahawa dengan suasana ekonomi sekarang ni kos ataupun bebanan hidup rayat itu agak tertekan, maka ini solusinya.

Kita datang untuk kita perkenalkan semua bidang supaya rakyat bersama dengan kita. Kita tak boleh cakap saja. Tekan, kita kata susah, kita kata serabut tetapi tidak ada solusi. Ini dia solusinya Dato' Yang Dipertua, begitu juga nak mengadakan peluang pekerjaan, begitu juga untuk mengadakan skim perumahan sebagaimana rakan Permaisuri kata tadi, dan juga yang paling penting dalam kawan-kawan dah menyatakan sebelum pada ini bahawa Bajet ini mempunyai perasaan rakyat. Rakyat Sentrik yang terus, kehendak-kehendak rakyat itu diselami dan diperkatakan, dipersembahkan kepada rakyat. Maka Dato' Yang Dipertua, inilah kalau kita tengok inilah peranan kita bersama-sama dengan Pegawai Kerajaan. Dato' Setiausaha Kerajaan ada pesan kepada saya: "Allah Dato' Ku, kita tak tidur siang malam untuk membantu Yang Amat Berhormat untuk memastikan kehendak Yang Amat Berhormat dan Kerajaan Barisan Nasional bahawa kita mesti membantu rakyat dalam suasana susah pada hari ini."

Dato' Yang Dipertua, inilah semangat, inilah intipati dan inilah yang kita perlu pegang dalam kita melihat satu tahun 2018 akan datang. Jadi, kalau diibaratkan Dato' Yang Dipertua, 60 perkara tidak termasuk Bajet Persekutuan. Peranan agensi Jabatan Persekutuan yang akan turun melalui Kementerian-Kementerian. Ini untuk negeri saja 60 perkara *touchpoint* ini kalau kita tengok 12 bulan 2018 bermakna setiap bulan lima perkara mesti kita laksanakan. Dalam lima perkara setiap bulan pula, seminggu satu perkara lebih mesti kita laksanakan.

Walaupun saya tahu ada perkara-perkara yang laksana serentak. Bermakna setiap minggu urusan membantu rakyat itu ada. Jadi Dato' Yang Dipertua, dalam erti kata yang saya juga sangat berterima kasih, Yang Amat Berhormat menyebut satu jawatankuasa khas yang diketuai oleh Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan dilantik untuk memastikan untuk memantau bahawa setiap perkara yang kita bentangkan ini berjalan dengan lancar, sampai kepada rakyat, membela rakyat dengan lancar.

Jadi perkara inilah Dato' Yang Dipertua, kita tak boleh main-main. Saya nak menyeru dalam Dewan dan luar Dewan bahawa ini peranan kita, bukan kali ini selepas sebelum pada ini pun tetapi inilah Dato' Yang Dipertua untuk kita hadapi dan kita nak kata dengan penuh tanggungjawab. Sebenarnya semua bidang dari warga emas kawan-kawan dah sebut saya gulung sajalah, warga emas, orang muda, orang remaja, anak memanglah kalau saya gulung tengok lihat dalam ini orang yang dukalara Dato' Yang Dipertua. Kita tengok dukalara ni ibu tunggal

ataupun duda yang kehilangan isteri. Mereka juga dibantu, nak kahwin pula dibantu. Apa lagi kepada golongan remaja.

Dato' Yang Dipertua, inilah saya lihat tidak ada halangan lagi, pokoknya saya menyeru kepada rakyat mari kita sokong, mari kita undi saja kekalkan kelestarian ini, insyaAllah.

Dato' Yang Dipertua, akhir mengenai perbahasan Bajet ini bagi pihak diri saya, saya nak urus dua perkara yang agak luar biasa. Satu Hub Digital yang akan diwujudkan di Ladang Tok Pelam, peranannya sangat besar. Pertama di Kuala Lumpur, saya nampak ini Negeri Terengganu di Pantai Timur yang akan berperanan besar kepada orang muda, seluruh golongan peniaga dan sebagainya. Ayuh kita sokong ramai-ramai untuk memastikan kejayaan Hub Digital ini yang pertama di Semenanjung Malaysia kata Dato' Kewangan.

Dato Yang Dipertua, yang kedua, saya nak tekankan satu perkara yang luar biasa yang akan mari ke Terengganu ini yang disebut oleh Yang Amat Berhormat akan bermula tahun akan datang Taman Teknologi Terengganu walaupun ada rakan-rakan duk perli tadi yang akan ditubuhkan di Telaga Papan. Ini bukan satu perkara yang kecil, saya percaya Dato' Yang Dipertua dengan hasrat untuk melihat kita sebagai Pantai Timur saya jawab pagi tadi sebagai negeri yang dekat dengan negara-negara utama di sebelah Timur, saya percaya inilah kehendak mereka. Inilah kehendak pelabur, inilah kehendak rakyat, ini kehendak orang muda dan insyaAllah Negeri Terengganu kita bakal tengok dengan perancangan ini dia nampak insyaAllah Dato' Yang Dipertua kejayaan gemilang seterusnya.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ucap terima kasih kepada rakan-rakan yang berucap, kita lihat seramai 19. Tahniah kepada Dato' Yang Dipertua memberi kebenaran 19 orang yang berucap membahaskan Bajet ini dan saya nak menggulung kepada beberapa perkara yang dibangkit oleh Yang Berhormat rakan-rakan daripada Sura, Rantau Abang, sedikit daripada Tepoh dan Ladang.

Yang Berhormat Rantau Abang ingin tahu mengenai industri yang dikatakan berpotensi di sebelah Pulau Kerengga yang dipanggil Hub Industri Marin di Pulau Kerengga. Jadi apa peranan dan apa potensinya. Jadi Dato' Yang Dipertua, adapun kita lihat Negeri Terengganu ini sepanjang 500 km lebih dari Kuala Besut sampai Kuala Kemaman, dia merupakan pantai yang terdedah kepada Lautan China Selatan.

Yang kedua, Laut China Selatan juga merupakan jalan penghubung utama kapal-kapal sama ada di perairan untuk carigali petroleum dan gas tetapi juga untuk pedagang-pedagang ke sebelah Timur terutamanya negeri-negeri maju Jepun, di Korea dan sebagainya. Dan terdapat di kapal-kapal ini, mereka perlukan

pusat-pusat untuk *service* dengan izin, Dato' Yang Dipertua untuk perbekalan, minyak dan sebagainya. Mereka memerlukan satu tempat pembaikan walau tak besar, kecil barangkali yang merupakan satu jenis perniagaan ataupun perusahaan yang sangat tinggi dari segi kehendaknya. Tapi sekarang ini tidak dapat dibekalkan oleh peniaga-peniaga di sebelah Timur sebaliknya kapal-kapal ini terpaksa berlabuh dan pergi ke Singapura.

Dato' Yang Dipertua, kita melihat kita ada kemahiran dari segi anak Terengganu contohnya MSET Shipbuilding Corporation Sdn. Bhd., K-Marine dan beberapa yang kecil, besar sebagainya di Pulau Duyong sebagainya tetapi mereka ini tidak ada asas, tidak ada tempat yang sesuai dan sebagainya. Maka kita lihat Pulau Kerengga ini sebagai satu kawasan yang dekat dengan Kuala Terengganu, kemudian yang boleh kita bangunkan.

InsyaAllah kita berharaplah walaupun Kerajaan tidak mampu untuk membantu keseluruhan tetapi kita boleh membantu dari segi apa yang sepatutnya pihak-pihak swasta ini untuk melihat potensi ini boleh dibangunkan. Kita memberi keyakinan kepada mereka, kemudahan-kemudahan yang sepatutnya supaya mereka boleh melihat sebagai orang perniagaan, bidang ini sebagai bidang yang sangat penting dan menarik kepada mereka.

Dato' Yang Dipertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Ladang yang ingin bertanya mengenai peranan atau pembangunan status terkini Lembah Silika di Terengganu. Dato' Yang Dipertua, sebagai mana yang saya katakan ini satu lagi potensi Industri Mineral di Terengganu yang perlu kita bangunkan. Kita sedar kita kaya di laut, di darat dengan Hutan Lipur, dengan suasana alam semulajadi yang menarik dan di Pantai kita sepanjang Kemaman ke Besut juga kita mempunyai bukan sahaja rangkaian pantai yang menarik tetapi juga pasir-pasir silika yang boleh dikomersialkan.

Dato' Yang Dipertua, kita sedar nilai silika ini dan kita bekerjasama bersama dengan ECER, dengan MAIDAM dan PETRONAS dan kita nak pastikan silika ini kita bangun sedang faedahnya diperolehi oleh rakyat, oleh Negeri semaksima mungkin. Jadi kita kenalpasti keperluan-keperluan yang dikehendaki oleh industri dalam bidang ini. Maka kita akan kenalpasti sebagaimana telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat dalam Ucaptama Tahun Baru 2017, satu kawasan yang mesti kita bangunkan untuk dijadikan Lembah Silika.

Kita tempatkan di situ industri *downstream*, *midstream* dan sebagainya dan dikenalpasti sekarang ini statusnya Yang Berhormat dikenalpasti di kawasan Jambu Bongkok dan seluas 4,000 hektar dan kita akan bangunkan secara bersepadu. Peranan-peranan pihak-pihak tertentu dan kita melantik Terengganu Incorporated Sdn. Bhd. (TISB) sebagai master developer sebagai penggerak untuk bangunkan indsutri ini. Kita tahu kemampuan Negeri terhad. Sebenarnya



industri ini nak kita bangunkan sangat besar. Sebab kita punya deposit silika berpuluhan juta tan yang kita kenalpasti yang masih belum kenalpasti begitu juga quartz Yang Berhormat.

Kemudian keperluan-keperluan ini kita nak menarik pelabur bukan sahaja memproses menjadikan *float glass* tetapi juga menjadi industri atau bahan-bahan yang lebih berharga. Sebab Dato' Yang Dipertua, nilai ataupun silika yang berada, ini saya jawab sekali apa yang dibangkitkan oleh Rantau Abanglah. Nilai silika kita yang ada di Negeri Terengganu pada hari ini dikatakan yang mentah sahaja 2,000 ppm dari segi maturitinya. Ppm ini dipanggil 4 per milion.

Kita ditanya oleh Ladang juga, apa dasarnya Dasar Negeri. Dasar Negeri kita tak benarkan eksport secara mentah yang bernilai 2,000 ppm tadi. Kita mestikan satunya diproses kalau bahasa senang kita dibasuh, diproses dan apa yang dilaksanakan di Bari, Setiu sekarang ini dengan ada pelabuhan sendiri, dengan proses kilang, dengan makmal, dengan apa segala macam, sekarang ini nilai yang didapati di Bari sekarang ini antara 80 ke 200 ppm nilai dia. Di mana kalau saya nak terang kepada Dato' Yang Dipertua, kepada Dewan nilai silika ini yang dikata mutu yang paling tinggi dalam dunia pasa hari ini nilai dia 80. Dia makin rendah maknanya bahan-bahan dalam silika itu dah tak ada. Dia ada kalau lepas 80 itulah nilai, boleh buat cip, boleh buat segala macam yang tersangat mahal.

Sebab itulah kalau kita tengok di Bari pada hari ini, dia proses dan dihantar melalui *conveyor* daripada kilang proses itu terus ke pelabuhan dan terus masuk kapal. Kapal pun *special* tak boleh kapal yang kotor, kapal yang bersih boleh kita tidur dalam kapal tu. Dah dua *shipment* dihantar. Ini dia Dato' Yang Dipertua nilai Negeri Terengganu.

Kemudian kita rancang insyaAllah dengan kedudukan Negeri Terengganu, dengan kos *transport* ke Jepun, ke Korea yang agak jauh, mahal, mereka pula nak simpan yang kita dah proses ni nak simpan pula kena simpan yang baik, suasana tempat yang agak luas maka meninggi lagi kos mereka. Jadi kita nampak peluang untuk kita tarik mereka, bawa *float glass* kilang ini untuk kita buka di Lembah Silika. Satu perusahaan ataupun dijangka melibatkan pelabuhan yang besar, saya difahamkan untuk satu kilang yang nak melebur silika untuk jadikan *float glass*, asas saja hampir RM5 bilion untuk satu industri. Dan kita tak bercakap lagi soal *downstream* nak jadi gelas, nak jadi Kristal, itu *downstream* yang jauh di bawah.

Inilah boleh dibangunkan dan boleh dimain peranan oleh pemain tempatan yang saya percaya kalau kita bangunkan dengan cara terbaik insyaAllah ia akan menjadi satu tarikan besar kepada Terengganu.

Dato' Yang Dipertua, sesungguhnya cerita tak bercakap sedap saya, kita ucap terima kasih Dato' Yang Dipertua kepada Petronas.....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Dato' Yang Dipertua, boleh saya....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Minta maaf banyak.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Tak boleh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak boleh, minta maaf banyak.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Sebab ini benda baru..

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Minta maaf banyak.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Terima kasih Dato' Yang Dipertua, saya teruskan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Pertonas sedang mengkaji dari segi teknikal bersama Kerajaan Negeri bersetuju untuk membekalkan gas, kerana keperluan gas sangat tinggi untuk kita bekalkan kepada pemain industri ini. Kemudian juga tenaga, kita tak boleh pakai tenaga yang sedia ada. Begitu juga air dan sebagainya. Dan begitu juga keperluan kita kepada ECRL, kargo sebagaimana yang saya katakan terdahulu.

Dato' Yang Dipertua, satu perkara mengenai Sura yang saya dah jawab sebelum ini tetapi masih lagi dibangkit mengenai Kawasan Industri Batu 7 yang masih belum bangun lagi katanya. Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak boleh marahkan Kerajaan. Kerajaan tugas kita sediakan kemudahan, kita sediakan tempat untuk orang ramai meniaga, untuk rakyat meniaga. Jadi tempat di Batu 7 tu kita sediakan kepada pelabur kemudian dengan apa daya sekalipun bekalan kemudahan utiliti kita sediakan dan pelabur-pelabur, peniaga-peniaga yang dia tengok tempat itu strategik dia minta dan kita beri syarat nak bangunkan dan sebagainya.

Kalau Yang Berhormat kata belum bangun tu, itu akan kita pantau, akan kita pastikan mengikut syarat-syarat yang kita beri. Kalau tak buat juga kita akan rampas dan sebagainya. Tetapi ada sikit perkiraan, sebab Kawasan Industri

Batu 7 itu yang sebelah belakang dan dia agak *rok*, dengan paya dan sebagainya. Ini sedang kita usahakan. Sebab itu saya menyatakan Dato' Yang Dipertua kepada Kerajaan Tempatan (*Local Government*) khususnya, kami di peringkat industri kita kadang-kadang tidak ada lagi sekarang ini bajet daripada Pusat untuk kita bangunkan kawasan industri, tidak ada geran lagi. Jadi, kita harap Kerajaan Tempatan melihat kawasan industri ini sebagai satu tumpuan untuk jadikan punca pendapatan yang tinggi apabila kilang ataupun industri pergi ke situ buka, dari segi cukai pintu, berbagai-bagai cukai lagi akan dapat dikutip. Jadi kita akan bekerjasama dengan Kerajaan Tempatan untuk bangunkan. Kalau khusus di Batu 7 ni dengan Majlis Perbandaran Dungun, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

Demikianlah dua bab yang saya sentuh, izinkan Dato' Yang Dipertua bab yang ketiga. Saya tak nak sentuh panjang tetapi saya ingat Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar akan lebih tumpu kepada perkara ini jadi saya minta maaf Yang Amat Berhormat, saya terasa terkilan dengan rakan kita yang sering menyebut mengenai pendapatan negeri khususnya pendapatan negeri yang sangat-sangat bergantung kepada hasil petroleum, satu perkara.

Dalam satu perkara yang lain, rakan kita kata kita tidak bemarkuah kerana tidak perjuangkan royalti, satu perkara. Jadi rakyat jadi pening. Rakyat bila dengar bersyarah rakyat kata apa ni, kita maruah macam mana Terengganu tidak ada maruah. Royalti tak dapat, kemudian semalam ada yang dituduh sebagai khianat. Saya nak jelaskan kepada Dewan dan juga rakyat, sebagai orang awam kita tak perlu bimbang perkara ini. Dato' Yang Dipertua, itu sebenarnya gimik politik. Sebenarnya Dato' Yang Dipertua, kalau kita lihat apa yang diakui oleh rakan-rakan dan kita sahkan dalam Bajet kita 85% hasil kita hasil bukan cukai daripada dana yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kewangan sebenarnya itu diasaskan kepada harga minyak. Sejak dahulu kalau kita tengok, tahun 2004 sebenarnya kita dapat sejak tahun 1978. Kemudian, 2004 dikatakan Dana Persekutuan tadi Dana Khas untuk Terengganu tadi kita dah terima hampir RM21,662,900,000 hampir RM22 bilion. Sebelum itu kita dah terima RM7.1 bilion.

Dato' Yang Dipertua, maknanya kita orang Terengganu tak pernah rugi. Kita terima dan kita tak perlu, kalau ibarat kata Yang Amat Berhormat, Kerajaan kita berjuang bersama-sama Kerajaan Pusat kita tidak perlu ke hulu ke hilir cakap soal apa yang kita tidak patut tetapi kena pastikan hak kita dapat. Dan ini buktinya Dato' Yang Dipertua. Apa lagi kalau kita diberitahu dari segi undang-undang. Saya tidak bermaksud untuk bercakap undang-undang. Tapi diberitahu mengikut undang-undang ruang laut negeri yang diiktiraf oleh Akta Benua, 3 batu nautika daripada air surut pantai ke 3 batu nautika, kita faham. Kemudian 12 batu nautika, maknanya lepas 3 batu nautika itu sampai 12 batu nautika, itu

hak Malaysia. Jadi kalau temu sama ada dalam 3 batu nautika ataupun atas darat maka jadi hak kita. Ini akta khusus ada dan sebagainya. Saya.....

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, RM7 bilion yang disebut sebelum 2004 tu dia pakai perjanjian mana?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Nanti, saya tidak...

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Hok tu nak kabor khianat. Lepas pada tu jadi Dana Khas. Sepatutnya masuk dalam Akaun Wang Yang Disatukan. Hasil daripada permintaan salah seorang Ahli Parlimen Dungun dalam Sidang Perhimpunan Agung UMNO.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dato' Yang Dipertua, saya tak benarkan Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat, itu nak merayap tu, benda itu kenyataan.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya rasa bukan soal tidak benar. Soal ada maklumat yang kita tunggu.....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya nak terangkan bahawa...

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Dato' Yang Dipertua saya mendapat maklumat lengkap berkenaan dengan pendakwaan yang dimaksudkan...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Maklumat yang ada beri kepada Dato' Yang Dipertua. Saya nak terangkan kepada....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ini dokumen sah yang dikemukakan dalam Mahkamah Tinggi Kuala Terengganu berkenaan dengan tuntutan royalti itu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Sila serah kepada Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Bukan untuk serah kepada Dato' Yang Dipertua, saya nak beritahu berasas kepada *argument* itu

adalah yang lengkap pernah dikemukakan dalam Mahkamah Tinggi. Sebab itu Dewan ini...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dato' Yang Dipertua, *please*.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya dah beritahu awal-awal....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Dewan ini dikelirukan...

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Izinkan saya mencelah sikit. Saya nak tanya, cuba Y.B. Bandar baca balik apakah perkara yang telah dibawa oleh Kerajaan pada ketika itu untuk menyaman Petronas. Saya nak baca dari segi tajuk dia. Terima kasih.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Begini, kalau nak dibaca dokumen ni....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Saya nak minta baca tajuk dia. Apakah tuntutan dia tu. Tuntutan dia.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Dengan izin ya. Ini adalah dokumen berkenaan dengan "*In the High Court of Malaya at Kuala Lumpur Commercial Division. Sivil Sub No. D21-9-2001 Between Government of State of Terengganu and as a plaintiff and Petroleum Nasional Berhad and No. 2 Government of Malaysia (Defendant)*" dengan izin.

Dalam dokumen ini menyatakan berkenaan dengan 5% bayaran yang sepatutnya...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Begini, sekejap. Baca tajuk dia. Itu dia punya...

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Saya nak tanya apakah tajuk lengkap..

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tadi tanya tajuk lengkap...

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bukan nak tanya apakah tuntutan Kerajaan itu kepada Petronas, terima kasih.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Okey, baik-baik. Dato' Yang Dipertua, saya punya salinan affidavit lengkap yang bertajuk: Tarikh Tuntutan Ukuran dan apa saja klasifikasi berkenaan dengan isu ini. Yang ini

saya boleh bagi kepada Dato' Yang Dipertua. Satu salinan lengkap affidavit yang telah diguna pakai dalam tuntutan kes ini.

Saya rasa Mahkamah Tinggi telah mengeluarkan kenyataan dan kedudukan benda ini dan untuk tujuan penjelasan saya boleh serah affidavit satu salinan lengkap yang ada sebanyak 20 halaman. Menerangkan maksud dan juga tuntutan yang disebut....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dato' Yang Dipertua, saya ingat panjang...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekejap, sekejap. Bandar duduk sekejap. Bentara pergi ambil dokumen affidavit tersebut. Saya dah buat *rulling* awal. Terima kasih banyak Bandar, sila duduk. Telemong kejap. Kuala Berang kejap ya, duduk sekejap, duduk sekejap. Saya dah kata, *rulling* saya sama. Kalau kita baca apa yang saya baca awal tadi bersama dengan Peraturan Mesyuarat ya, saya tak benarkanlah sebenarnya. Teruskanlah walau apa celahan pun.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, boleh dok kalau saya nak mencelah sikit. Dato' Yang Dipertua, saya nak tanya balik Wakil Bandar betul atau tidak tuntutan yang difailkan terhadap Petronas oleh Kerajaan Negeri di bawah PAS ketika itu, adalah untuk satu perintah supaya Petronas membuat bayaran sebagaimana yang sepatutnya mulai dari 1 September 2000 dan di masa-masa hadapan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah perjanjian. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya jawab ya.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Nak tanya betul atau tidak tuntutan yang difailkan itu.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Dalam affidavit itu menyebut tentang hak penerimaan royalti sebanyak 5% mengikut perkiraan yang betul. Itu dalam affidavit. Sebab itu saya katakan, saya bangun disebabkan oleh ulasan ataupun....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Saya tanya sekarang, adakah betul tuntutan yang difailkan terhadap Petronas yang di bawah Kerajaan PAS ketika itu adalah untuk satu perintah supaya Petronas membuat bayaran sebagaimana yang sepatutnya mulai dari 1 September 2000 dan di masa-masa hadapan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah perjanjian.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tidak benar, tidak benar kepada Petronas saja, kepada Kerajaan Pusat dimasukkan sebagai pihak ketiga. Kerajaan Pusat juga dinamakan sebagai pihak yang dikenakan tuntutan Pihak Ketiga.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya ingat tak payah Dato' Yang Dipertua, tak cukup. Cukup ya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa saya dah cakap. Sebab kalau saya nak baca panjang, saya pandai orang putih juga ni tapi saya nak baca panjang. Bukan di sini, minta maaf banyak. Sebab saya dah kata *rulling* tadi, banyak kita nak bincang isu-isu lain. Isu Kerajaan tapi kita kena tengok. Semalam, terima kasih banyak Y.B. Bandar mengingatkan saya. *Order*, tertib mesyuarat, kita kena ikut dulu. Banyak perkara-perkara yang perlu kita selesaikan hari ini. Terima kasih banyak.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Dato' Yang Dipertua, saya dengar ....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Bandar sekejap, sekejap.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya dengar penjelasan daripada Exco sebentar tadi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya nak baca, kalau baca panjang ni. *From September 2000 Petronas refuse and or fail to make.....* bla, bla, bla. Banyak ni.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ya, betul.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jadi saya nak minta ni. Ini affidavit tak semestinya. Minta maaf banyak.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dato' Yang Dipertua...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: *It's not rulling* lagi. Kejang, kejang Kuala Berang. Tapi saya tak benarkan, itu jer. Saya terima, terima kasih banyak. Teruskan Kuala Berang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Saya ada hak sebagai rakyat Negeri Terengganu, sebagai Wakil Rakyat di Negeri Terengganu, Ahli Dewan ini

saya ada hak bercakap untuk memperbetulkan kepada rakyat mengikut perspektif saya, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

Soal undang-undang itu akan diselesaikan oleh undang-undang. Sekarang soal saya kata tadi apa dia Akta yang dicakap oleh Kerajaan, oleh Petronas. Kerajaan Persekutuan dia pegang undang-undang dia. Kita cakap, kita bahas itu soal platform yang lain. Yang Berhormat tak usah anggap saya tak faham, saya pun faham tapi saya tak nak rakyat keliru.

Contoh yang saya katakan tadi, kalau satu ketika dulu masa saya jadi pembangkang diwar-warkan oleh Kerajaan pada ketika itu, minyak akan temu di darat dan sebagainya. Itu baru kita ada di bawah Akta ini kita boleh *fight* untuk kita. Jadi Dato' Yang Dipertua, saya nak perelaskan bahawa...

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Yang Bertthormat membawa maksud seolah-olah kita tidak...

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya tak...

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): ...perlu atau kita tidak layak menerima royalti. Itu maududnya.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya tak nak layan dia Dato' Yang Dipertua, saya nak kabor...

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Yang Bertthormat kata tadi untuk membuktikan bahawa kita perlu membuat tuntutan seterusnya...

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dato' Yang Dipertua, saya nak....

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekejap, sekejap jer. Dalam Pentadbiran Malaysia kita tahu, kita kena faham. Kita Ahli Yang Bertthormat, ada *Separation of Power*. Ini Dewan Undangan Negeri Terengganu. Afidavit ini buat untuk mahkamah. Jadi saya dah kata awal-awal, ikut peraturan. Lebih mudah, ikut peraturan. Tak perlu kita bincang panjang perkara-perkara yang di mahkamah ataupun sebagainya.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Dato' Yang Dipertua, Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kejap, nanti. Dengar saya kata, sebab panjang. Saya boleh buat peraturan...



YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Exco kena nyatakan sebenarnya yang menarik balik kes itu adalah Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri dengan sepenuh telah menggugurkan tuntutan itu...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya dah cakap awal-awal *rulling* saya mudah. Dalam...

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Supaya...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kejap Bandar. Peraturannya mudah. 20A kita baca bersama dengan 37A Dewan Rakyat punya Peraturan Mesyuarat.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Tapi saya nak katakan Kerajaan Negeri...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Nanti sekejap.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): ....menarik balik tuntutan itu di mahkamah. Itu saya nak katakan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekejap saya kata. Sebab itu saya tak nak bagi peluang bincang perkara yang diputuskan Mahkamah. Ini Dewan Undangan Negeri Terengganu kena faham, kita Ahli Penggubal Undang-Undang. *Separation of Power* kena faham. Okey, sila Kuala Berang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dato' Yang Dipertua, saya rasa perkara ini akan diulang semula oleh Yang Amat Berhormat sebab kita ada Jawatankuasa, ada sebagainya. Sebab saya tidak tumpu kepada situ, apa yang dibangkit tadi tidak ke situ.

Saya nak jelaskan kepada rakyat kita menerima kalau saya baca tadi hampir RM22 bilion setiap tahun. Ini kita dengan Persekutuan. Persekutuan boleh dalam keadaan dia bertegang dia tak nak bagi kita sebab Undang-Undang tadi, tetapi hubungan kita. Sebab itu saya nak tekankan di sini, saya nak beritahu kepada rakyat kita sepanjang RM22 bilion berapa banyak Negeri Terengganu ini boleh kita bangunkan, rakyat kita bangga.

Dato' Yang Dipertua, kalau kita tengok saya ada 10 kawasan cari gali termasuk satu kawasan di MTGDA, Bunga Kamelia di sempadan Thai. Yang lain semuanya berada di kawasan kita sampailah ke Bertam di sebelah selatan, semuanya berada sebagaimana kedudukan tadi di luar daripada 3 batu nautika.

Jadi kalau perbahasan ini tak kita selesaikan, mereka boleh menghentikan sebagainya. Jadi tidak ada yang untung. Jadi saya nak beritahu kepada rakyat oleh kerana kebijaksanaan Barisan Nasional, Kerajaan Pusat pun Barisan Nasional. Kita dah kekalkan sebegini rupa, kita tengok satu sen pun tak kurang apa yang kita dapat. Jadi inilah yang perlu kita...

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Yang Dipertua masa ni.....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Inilah yang perlu. Dato' Yang Dipertua, tolong....

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): ...maklumat yang diselewengkan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Tidak seleweng.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): 2002 dah sah dalam Sidang Dewan ni, saya ada, Yang Berhormat Kuala Berang ada, saya rasa Bukit Tunggul masih ada lagi. Masa itu Dato' SUK sendiri memberi penjelasan tentang Perdana Menteri sendiri sebut rakyat, pemimpin Terengganu inilah yang minta dibatalkan. Sepatutnya wang berdasarkan....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya....

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): ....perjanjian, masuk Wang Yang Disatukan. Dia audit apa, pah ke mana duit antara pemerintahan sehingga tahun 2004.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dato' Yang Dipertua, izinkan saya Dato' Yang Dipertua pergi ke bab akhir.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Masalah Kerajaan Pusat hak beri ke Terengganu ikut pandai dia nak beri tapi ini hak, ini yang tercatat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dia panas Dato' Yang Dipertua. Panas sebab saya ada...

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, apa Kuala Berang sebut tadi RM7 bilion.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Salah fakta.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): RM7 bilion tu berdasarkan undang-undang mana? Ni peraturan. Maknanya ini tak ikut peraturan. Sepatutnya beri, ni kezaliman yang diberi kepada rakyat Terengganu. Rakyat Terengganu pilih .....

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Dato' Yang Dipertua keluar dah ayat zalim.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Sebab apa kita batalkan peruntukan tersebut.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Saya ingat.....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Ini yang dia panas Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Kena syarah di Pakalah bukan dalam Dewan ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dia kelirukan. Biarlah. Saya ingat penggulungan. Sebab saya bercakap dengan tidak emosi Dato' Yang Dipertua. Saya nak tegaskan bahawa perlu kita kekalkan dengan suasana ini. Saya percaya kalau Kerajaan Persekutuan dimiliki oleh orang lain, dia pakai juga undang-undang ini, saya rasa belum tentu Dato' Yang Dipertua. Orang ini juga akan melihat ini bukan hak Terengganu.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Mana tahu Yang Berhormat kata kalau orang lain.....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya boleh *guarantee* Dato' Yang Dipertua, saya boleh *guarantee*.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Hak pastinya UMNO hak Barisan Nasional memerintah buat dah macam tu. Langgar undang-undang yang dia buat sendiri. Perjanjian yang dia buat sendiri dia langgar.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dato' Yang Dipertua, saya ingin jelaskan di sini kita rakyat Terengganu, kita tak mahu berani main api semacam itu sebab kita tahu Pesuruhjaya PAS sendiri telah berkata dengan jelas dalam media Malaysia bahawa apa dia DAP, Dato' Yang Dipertua.

Dan kita jelas pada hari ini yang inilah yang saya nak kekalkan bahawa kita perlu dengan keadaan Kerajaan Barisan Nasional di negeri dan di Pusat untuk pastikan pelaksanaan ini untuk rakyat Terengganu.

Dato' Yang Dipertua, izinkan saya. Dalam bab akhir untuk kita, saya sedih Dato' Yang Dipertua. Sedih dengan keadaan apa yang dibangkitkan tadi panas. Dua hari lepas, semalam lagi panas bila sebut dengan begitu, suaranya. Saya berada dalam Dewan ni lama Dato' Yang Dipertua. Dengan soal pengkhianatan yang disebut oleh kawan kita, sahabat kita. Tapi....

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Dah tu nak duduk lagi ke *takmboh doh*.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya ada Dato' Yang Dipertua, di sebelah sana waktu Kerajaan 1999 sampai 2004. Kemudian saya nak beritahu kepada Dewan kepada orang Terengganu, kita akui apabila '99 kata-kata mudah dalam bentuk andaian, fitnah dan sebagainya kepada kita. Acu tukarlah sekali, acu wi lah sekali. Dengan berbagai-bagai syarahan sebagainya, rakyat Terengganu terpedaya. Yang tinggal saya dengan Kemasik, Seberang Takir, Ajil. Empat orang sebelah sana. Saya menjadi muzium hidup sampai sekarang ni Dato' Yang Dipertua, berada hok wi sekali ni tengok 5 tahun macam mana.

Dato' Yang Dipertua, dengan kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala datang daripada kita kalah 8-0 di peringkat Parlimen, 28-4 di peringkat Negeri. Dengan begitu, kita menghadapi Pilihan Raya Ke-11 ataupun Pilihan Raya Tahun 2004. Rakyat Terengganu menilai siapa zalim, siapa khianat. Dan dalam tempoh itu, keputusan yang diberi oleh rakyat Terengganu dalam Pilihan Raya 2004 Dato' Yang Dipertua, kita kembali daripada 4 kita dapat 28 dan daripada.....

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Dato' Yang Dipertua, sekarang ni berapa sekarang ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Susah orang tak tahu apa.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Bakpe tak tahu, saya ada juga, Pemerhati.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya beritahu cerita ini Dato' Yang Dipertua, ini....

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Saya tahulah Dato' duduk sini aritu 4 orang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya nak kabor...

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Masa penggulungan tak ada ramai tembok. Saya tengok.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya nak beritahu Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Alur Limbat, saya minta tolong.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dia panas Dato' Yang Dipertua. Dia dengar benda-benda ni dia panas. Ya, saya nak beritahu...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa teruskan Kuala Berang. Alur Limbat tolong duduk. Tolong, saya minta tolong. Saya rayu, tolong.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Selama mana nak gulunglah Dato'.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Subhanallah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya teruskan Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Tak payah ceritalah yang lama-lama tu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Alur Limbat, Alur Limbat ada buku tak depan. Kejap Kuala Berang. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Boleh saya teruskan Dato' Yang Dipertua. Sikit lagi. Kalau kita khianat Dato' Yang Dipertua, rakyat tidak menilai sedemikian rupa kepada kita.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Buatlah pilihan raya Dato' Yang Dipertua. Khianat, khianat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Siapa yang khianat dihukum. Dan Dato' Yang Dipertua, saya masih ingat apabila kita menang 2004 tempat yang paling kita muliakan Rumah Seri Iman Dato' Yang Dipertua. Rumah Seri Iman ni rumah kediaman Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Kita lihat Dato' Yang Dipertua, sedih. Jadi bersepeh, markas apa, banyak dokumen kita tak sanggup bercakap di sini Dato' Yang Dipertua.

Kemudian, sepanjang itu.....

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat buat markas apa. Saya tak faham ni dia reka, buat markas apa?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya nak cakap ni.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Cakap tak ada fakta tu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Tadika, budak tadika.....

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Alur Limbat ni guaner gini.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Lepas pada UMNO memerintah, kita tak pernah mengamuk tak pernah apa. Tapi masa UMNO jatuh rampas royalti, tu hakikat dia Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Seri Iman tu ada orang jaga.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Panas punggung ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Alur Limbat nanti kejap Alur Limbat, apa ni Air Putih.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Biasa Y.B. PAS dia ..... kita tak kata apa. Jarang-jarang sekali kena, Allah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kota Putera .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Dengar ajelah. Sila Yang Berhormat Exco. Masa ni, masa ni. Ya Allah.

YANG BERHORMAT ARIFIFN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Masa takdok, jawab....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Cukup-cukuplah Alur Limbat, Allah. Empat hari doh dengar. Nak balik-balik dah ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Jawab soalanlah.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Banyak tuduhan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Semua Ahli Yang Berhormat sila duduk.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Tuduhan apa bendanya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kota Putera.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Tuduhanlah tu, kalau betul bagilah kita debat.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Kat luarlah ni Dewan. Gulung.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kota Putera, Tepoh. Ini dewan yang mulia. Saya ulang semula Dewan yang mulia.

YANG BERHORMAT HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM (Wakil Tepoh): Jawab apa yang kita sebut. Bukan kita tuduh yang bukan-bukan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kalau saya nak. Kejap, saya nak tangguh mesyuarat baru lagi makan. Jadi tolong, peraturan....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Biar saya habis dulu Dato' yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya tak belah mana-mana, saya nak ikut peraturan tu aje. Saya nak ingatkan, kejap Alur Limbat. Salah peraturan bangun bila mana Speaker nak dengar 3 orang, tak dengar. Saya

suruh sebelah sanapun duduk. Tolong saya, bantu saya jaga Dewan. Nak lantik Timbalan Speakerpun bukan masa ni, tolong. Tenangkan hati, tarik nafas panjang-panjang, ingat Allah. InsyaAllah.

YANG BERHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Baru Rakit): Lantik lalu Alur Limbat.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Lantik Speaker baru lepas ni.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Minta maaf Batu Rakit tak ada kuasa untuk nak lantik ya, nak cadang pun tak ada kuasa.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sila Kuala Berang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya minta maaf Dato' Yang Dipertua, saya tidak bermaksud untuk mempermainkan Dewan kita ini. Macam kawan-kawan kita nak alihkan perasaan saya. Dato' Yang Dipertua, itu bukti yang saya tunjukkan satu lagi perasaan saya Dato' Yang Dipertua yang tidak boleh dihalang. Saya teramat rasa sedih apabila kita, saya dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar sekarang ini menerajui Kerajaan. Saman yang dibuat oleh dua syarikat. Saya tidak bermaksud mengulas saman ini kerana ini perkara mahkamah. Saya nak memberi maklum kepada Dato' Yang Dipertua akibat daripada kecuaiannya Kerajaan 1999 - 2004, mereka mengurus pengurusan hutan di Tasik Kenyir pada ketika itu untuk dijadikan empangan yang kedua di Tasik Kenyir di kawasan Tembat kawasan yang melebihi 40,000 ekar, hampir 41,000 ekar Dato' Yang Dipertua yang diberi kepada, dipilih oleh mereka.

Kalau Dato' Yang Dipertua pada ketika itu, tempat macam saya ini Yang Berhormat Pengkalan Berangan. Minta maaf dia tidak ada dalam Dewan pada hari ini tapi tempat macam saya inilah Exco Kanan tahu soal urusan ini. Bagaimana urusan pembelian kepada dua syarikat, kemudian ditarik balik urusan pembalakan di kedua kawasan ini dengan, saya nak beritahu pada hari ini.....

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat kena jelas sebab apa dia tarik balik.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Ni saya nak beritahu ni.



YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Biar *clear*. Jadi jangan nak *napok* macam seolah pemimpin PAS itu ada buat benda tak betul.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): *Doh* betul nak kabor ni.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Biar jelas.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Dia dok adil Dato' Yang Dipertua. Dato' Yang Dipertua dok adil ni.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Betul dok?

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Isu tak ada orang nak bela. Saya bukan Exco masa tu saya dok tahu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Tak apalah beri saya....

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat cakap ni atas orang yang takdok nak bela, nak pertahankan diri dia, macam mana?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dengar dulu, dengar dulu. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekejap, kejam. Kejam Yang Berhormat. Allahumma solli 'ala Saiyidina Muhammad. Kuala Berang saya ada telinga dua, dengar banyak sangat.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dengar dulu. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekejap Kuala Berang saya ada telinga dua, kalau nak dengar banyak sangat.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Minta laluan sekali.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kejam jer.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Minta laluan sekali.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya tak benar, *rulling* saya minta maaf Bukit Payong, awal. Masa dah banyak lagi kita nak, Enakmen ada lagi....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD NOR BIN HAMZAH (Wakil Bukit Payong): Dato' jangan cakap...

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Masalah duk bincang ni bukan hal Enakmen. Masalah hok tahun-tahun dulu. Saya.....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Masalah Kerajaan.....

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Tidak adil ni.....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya nak kabor semalam dituduh pengkhianatan. Sekarang.....

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Royalti tu pengkhianatanlah tu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Kerajaan 1999.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Hala ke dia khianat, hala ke orang dok betul.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Samalah tu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat!

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Nak cakap kena ada bukti.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Ketam ni, ketam ni.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Duk bawah ketam, duduk atas, saboh.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Pende? Rampas royalti, betul dok rampas royalti betul?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Duduk. Tunggu Exco gulunglah.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Doh mung pun duduk jugalah.

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Kota Putera duduklah.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Kota Putera duduklah.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Duduklah. Tak bangun pun tak apa. Ni bangun, bangun, bangun. Tak reti ke Speaker kata.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Duduklah Kota Putera!  
Duduk dulu gak.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Kota Putera duduk ke bangun dia nampak tinggi. Jabi jer kalau duduk dan bangun ingat ke duduk. Jadi relaks lu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jabi, Jabi.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Jadi ni Jabi bangun, sekarang duduk.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Jabi. Jabi kata ke siapa tu?

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Kata pada suasana. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Okey. Terima kasih. Okey kejap Kuala Berang. Sebab tu semalam saya minta tarik balik sebab perkataan zalim ada dalam peraturan tak boleh, pengkhianat tak boleh. Bila satu pihak tidak mahu menarik balik, jadi pihak sebelah ini sakit hati, apa sebagainya menimbulkan perkara yang begitu juga.

Jadi sebab tu saya kata dalam Dewan ni bukan suatu tempat untuk kita sakit menyakiti antara satu sama lain. Kita menyelesaikan masalah, kita panggil mesyuarat. Mesyuarat bukan baloh. Saya dengar Yang Berhormat kata tempat baloh, bukan tempat baloh saya lupa mana dah, tapi tempat kita bermesyuarat mewakili rakyat.

Tolong, sebab tu saya kata awal-awal semalam tarik balik, jangan ada perkataan menghina, jangan ada perkataan yang tidak seronok, disukai oleh pihak mana-mana tak kiralah. Kalau dah satu pihak mengeluarkan, pihak satu lagi akan rasa tak seronok akan mengeluarkan. Sebab tu undang-undang ni kalau kita ikut, cantik, comel dah. Tolong. Kuala Berang selesaikan ya sebab kita dah panjang dah. Sila.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Saya nampak ramai orang tak boleh terima tapi saya nak *landing*, saya nak habiskan Dato' Yang Dipertua. Akibat daripada pengurusan yang tidak cekap ini, penamatan yang tidak betul barangkali bawa ke Mahkamah, dua-dua syarikat ini saman Kerajaan. Saya beritahu kita tewas di Mahkamah dan terpaksa tanggung tuntutan syarikat ini hampir lebih RM1 bilion. Kemudian, saya tak nak panjangkan soal ini Dato' Yang Dipertua....

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kuala Berang kalau Mahkamah tu terletak di bawah peraturan .....

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Perkara ini telah diputuskan, cuma kita sedang cari jalan untuk nilai bayaran tuntutan itu direndahkan. Inilah tanggungan kita Dato' Yang Dipertua. Secara ikhlas saya cakap, saya tidak boleh tahan daripada segi kesetiaan saya, tanggungan RM1 bilion lebih ini kepada rakyat Negeri Terengganu akibat daripada keangkuhan kita.

Jadi saya boleh simpulkan Dato' Yang Dipertua, pesanan orang tua-tua kalau tunjuk kepada orang, kita tunjuk satu kepada orang, empat jari tunjuk kepada kita Dato' Yang Dipertua. Ini yang saya nak tegaskan jangan kita.....

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Monsoon Cup rugi RM1 bilion gok.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Bercakap kepada orang khianat, apa diri kita.

YANG BERTHORMAT HAJI BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Nakal sungguh Alur Limbat ni. Sekolah dulu guaner dok tahu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dato' Yang Dipertua, saya ingin. Sesuailah kadang-kadang....soalnya sekarang kita nak berbaik Dato' Yang Dipertua, saya setuju Paka, sahabat saya semua okey. Tapi oleh kerana saya tak tahan kata pengkhianat tadi. Sebab kita siang malam bekerja.

Saya pergi dengar ceramah Dato' Yang Dipertua, bekas kawan-kawan kita daripada PAS masuk Parti PAN, parti warna jingga ni bersyarah Dato' Yang Dipertua saya tak sanggup nak dengar. Bukan kata kita, kata kepada mereka. Jadi tak habis kerja politik kita.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Doh kita pergi pakat pergi dengar Tun Mahathir pula ceramah. Dia tuduh kita.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Tak ada masalah kita. Dato' Yang Dipertua, saya nampak...

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Dengar Muhyiddin ceramah, Shafie Apdal ceramah mari kita pergi dengar. Tak ada masalah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Paka sekejap Paka. Kejap Paka, kejap ya. Okeylah saya ingatkan sekali lagi dalam Dewan ni...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Saya nak habis Dato' Yang Dipertua...

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Kejap, kejap Kuala Berang. Dalam Dewan Yang Mulia ini, jangan bawa nama individu yang tidak ada, tak payahlah. Tak kira daripada mana pun.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Saya tarik balik Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Paka, satu tindakan yang baik.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Ibarat kata saya berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana kesedaran. Kita sekarang ni Kerajaan hadir daripada kelemahan, hadir daripada keadaan kesusahan, hadir daripada keadaan apa yang kita lihat ni kita nak buat yang terbaik kepada rakyat Negeri Terengganu.

Inilah persembahan yang terbaik saya ingat dan kita nak pastikan Dato' Yang Dipertua insyaAllah kita sama-sama nak pastikan rakyat mendapat manfaat yang besar. Dan apa kata sebagaimana gurindam orang pantai, dia kata:

Akanku rempuh ombak menggunung,  
Takkanku undur dek gelombang,  
Namun takkanku biar anak menangis.

Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Wabillahi taufiq walhidayah wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Saya menyokong Bajet 2018. Terima kasih.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa'alaikumsalam warahmatullahi wabarakatuh.**

**YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Salam sejahtera, Salam Negaraku Malaysia dan Salam 1Transformasi Terengganu Baharu. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, Wakil-wakil Jabatan, para Pemerhati, rakan-rakan media, tuan-tuan, puan-puan, saudara-saudara dan saudari-saudari sekalian.

Pertama sekali saya nak ucap terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat kerana telah mengambil bahagian secara aktif dalam Sidang Dewan ini walaupun ada ketikanya kita nampak ada panas sedikit tapi bagus juga Dato' Yang Dipertua, dia biasalah itulah dinamakan dunia. Kadang-kadang dia ada sejuk, kadang-kadang dia ada dingin dan kadang-kadang dia ada panas.

Dan saya bersyukur kerana Persidangan Dewan Undangan Negeri kali ini berjalan dengan suasana yang sangat baik, dalam suasana yang penuh muhibah, penuh aman dan tenteram. Saya juga bersetuju dengan ucapan rakan saya Wakil Kijal yang telah memberikan pandangan dan teguran beliau. Kita semua berada di sini, kita menyumbang idea dan kita memberi pandangan kerana kita mahu pastikan yang utama ialah rakyat Terengganu kekal sejahtera.

Dan insyaAllah saya yakin dan percaya di bawah Kerajaan Barisan Nasional, rakyat akan terus sejahtera, aman dan sentosa. Jadi saya ucap terima kasih sekali lagi kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat termasuk di belah sini dan di belah sana. Dan terima kasih dan tahniah kepada Dato' Yang Dipertua kerana saya tengok hebat dia mengendalikan sesi perbahasan dengan tenang dan dengan penuh kesabaran.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, isu tentang Bajet 2018 yang telah dibahaskan oleh rakan-rakan saya, pertamanya saya menerima banyak mesej

dan ucapan daripada para pegawai, Ketua-ketua Jabatan dan masyarakat umum yang mengucapkan tahniah dan terima kasih atas pembentangan Bajet kita pada kali ini.

Kerana apa? Kerana mereka menyatakan bahawa banyak cadangan-cadangan yang diutarakan oleh mereka telah diterima dalam Bajet ini dan telah menjadi sebagai salah satu Bajet yang insyaAllah akan diluluskan dan akan dilaksanakan pada tahun hadapan. Malah saya juga menerima tawaran daripada ahli-ahli akademik, ketua-ketua jabatan yang telah menawarkan diri untuk membantu bagi memastikan *touchpoint* ini akan kita dapat laksanakan dengan cara yang terbaik. Maknanya mereka semua ini minat dengan *touchpoint* yang telah kita cadangkan sebanyak 60 *touchpoint* ini.

Jadi begitulah Dato' Yang Dipertua, bersungguhnya rakyat kita tentang nak membangun negeri kita, dan sudah tentu dengan gandingan yang mantap di antara rakyat dan kepimpinan Kerajaan Negeri bersama Barisan Exco Kerajaan Negeri, saya yakin dan percaya bahawa sudah pasti kita akan dapat membangunkan negeri kita Terengganu Darul Iman, dan sekali lagi saya serta rakan-rakan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri nak mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam memastikan cadangan Bajet ini dapat kita bentangkan dalam Sidang Dewan kali ini.

Saya juga nak menarik perhatian kepada semua Ahli Yang Berhormat Bajet kali ini memang ada kelainan. Kerana tidak pernah sebelum ini kita mengadakan atau membentangkan Bajet mengikut kepada Konsep *Touchpoint* dengan izin, ataupun Titik Sentuhan.

Dan kalau kita perhatikan, Ucapan Bajet kali ini tiada langsung sebenarnya membuat sebarang sindiran, merujuk atau bercakap hal-hal yang menyentuh kepada lawan kita. Sebaliknya kita cuma nyatakan kepada rakyat apa yang sudah kita buat dan kejayaan kita sebagai sebuah Kerajaan berasas kepada *success story* dengan izin, yang telah kita laksanakan kerana kita nak membuktikan bahawa kita adalah Kerajaan yang mampu mengurus negeri dengan baik dan Kerajaan ini juga adalah Kerajaan yang memberi harapan untuk masa hadapan. *We are also the government of the future*, dengan izin. ....(tepukan sokongan) ....

Kenapa kita tidak menyentuh atau merujuk sedikitpun hal Pembangkang? Kerana kita nak *moving forward* dengan izin atau maju ke hadapan. Dekat-dekat Pilihan raya ni maklumlah Dato' Yang Dipertua, macam-macam hal yang timbul. Semua isu nak dipolitikkan. Bajet 2018 adalah satu lagi bukti bahawa Kerajaan Barisan Nasional Negeri Terengganu memang benar-benar fokus kepada usaha untuk mensejahterakan rakyat.

Kita sedar Dato' Yang Dipertua, bahawa keadaan ekonomi sekarang ini kadang-kadang tidak memihak kepada kita tetapi kita sedar bahawa rakyat perlukan pembelaan. Inilah yang kita dapati melalui 60 *Touchpoint* dengan izin, yang kita bentangkan adalah untuk kesejahteraan hidup rakyat khususnya kepada mereka yang benar-benar perlukan pertolongan daripada Kerajaan.

Sebab itu Dato' Yang Dipertua, apabila Kerajaan ini yang dikatakan melakukan pengkhianatan kepada rakyat, saya rasa ini satu jenaka kerana mereka yang menuduh kita sebenarnya merekalah yang melakukan pengkhianatan kerana nanti saya akan sentuh dalam ucapan saya yang selepas ini.

Alhamdulillah saya dapati tidak ada isu besar tentang Bajet yang disentuh. Dan saya yakin dan percaya Bajet ini diterima baik oleh semua Ahli Yang Berhormat kerana Bajet yang dilihat mampu memberi impak yang baik kepada rakyat.

Berkait dengan isu yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat, izinkan saya Dato' Yang Dipertua untuk saya jelaskan. Pertama tentang isu Dana Khas Kerajaan Persekutuan (DKKP). Banyak kali dah kita terang, banyak kali dah kita buat penjelasan tetapi tetap diungkit kerana mereka merasakan inilah senjata yang boleh memberi kelebihan kepada mereka, tentang isu saman dan juga tentang isu-isu yang berkaitan.

Dan saya ingin nak jelaskan kerana ada ditimbulkan oleh Wakil Bandar, Wakil Batu Burok berkait dengan TPC dan TIP, tak sempat saya nak jawab. Ladang dan Wakaf Mempelam, jadi saya akan cuba menerangkan dan saya harap perkara ini akan dapat difahami oleh rakyat semua kerana saya yakin dan percaya pihak Pembangkang tetap tidak akan faham dengan penjelasan ini walaupun beratus kali, beribu kali kita terangkan.

Jadi saya harap rakyat akan faham dan seterusnya perkara ini sudah tidak perlu lagi ditimbulkan dan kalau ditimbulkan saya harap rakyat tidak terpengaruh. Apa matlamat kita sebenarnya? Matlamat kita ialah mendapatkan hasil pendapatan untuk rakyat dan negeri. Ini jelas. Saya nak tanya Yang Berhormat dari mana kita dapat sumber pendapatan untuk kita cadangkan dalam Bajet 2018 ini. Adakah Bajet yang kita dapat ini pendapatannya adalah hasil daripada Kerajaan Negeri. Yang sebenarnya tidak.

Kalau dikira tidak banyak yang boleh kita katakan untuk menampung keseluruhan 60 *Touchpoint* ini. Kalaulah Bajet ini sebahagian besarnya tidak datang daripada Dana Khas Kerajaan Persekutuan bermakna isu pembayaran Dana Khas Kerajaan Persekutuan ini tidak jadi masalah. Rakyat sudah menerima mengikut apa yang sewajar dan sepatutnya. Jadi yang masalah ni, yang masalah kepada kita hari ini ialah kalau kita tak dapat dana ini. Kalau tak dapat dana ini barulah kita katakan sebagai satu masalah. Dan sekarang ini....



YANG BERHORMAT HAJI MOHD WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):  
Yang Amat Berhormat tanya, Yang Berhormat tanya sekali.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Saya *takmbah* bagi  
peluang dah Dato' Yang Dipertua. Sebab masa pun dah sempit ni.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD WAHID BIN ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam):  
Yang Berhormat tanya mesti jawab.....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Sepertimana yang  
berlaku semasa Kerajaan PAS dulu. Bajet yang dibuat dicampur dengan hasil  
minyak tapi mereka tidak dapat dana itu tetapi rakyat tetap dapat yang  
disalurkan melalui JPP. Malah kita ada senarai penuh jumlah pembayaran hasil  
dana semenjak tahun 1978 dan bayaran balik perbelanjaan yang dibuat oleh  
Kerajaan Pusat dan senarai projek yang dibayar balik.

Saya harap ini kali terakhirlah saya nak sebut rakan-rakan media tolong ambik  
dan tolong sebarkan. Jadi macam-macam dicerita bahawa duit ini digunakan di  
negeri-negeri yang lain. Saya tak benar dah.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Duit rakyat patut  
melalui Kerajaan Negeri.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Saya ni rasa nak terang  
hari ini. Cukuplah hari ini, ni susah bila kita nak terang benda fakta inilah  
selalunya masalah kepada pihak Pembangkang. Dengarlah dulu kenyataan  
daripada pihak Kerajaan. Ini tidak hari ini kita baru nak terang dia dah nak  
mengganggu.

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Masalahnya .....

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air  
Putih): Dengarlah dulu.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Kerana dia tahu  
bahawa...

YANG BERHORMAT HAJI HILMI BIN HARUN (Wakil Manir): Kerajaan Negeri yang  
betul tak beri.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air  
Putih): Tak betul, tak betul.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dato' Yang Dipertua, saya tak benar dah gangguan kepada saya sebab saya nak jelas pada hari ini...

YANG BERHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Suruh cadang tarik balik jer tu.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Kerana hari ini sudah banyak dah perkara dijelaskan. Pertama, .....

YANG BERHORMAT HAJI MOHD BAZLAN BIN ABD. RAHMAN (Wakil Batu Rakit): Alur Limbat dengarlah dulu.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: ...memang diakui bahawa projek yang telah menggunakan duit dana Kerajaan Negeri yang pertama SPNB; Program Rumah Mesra Rakyat Negeri-Negeri Lain - RM771,000,344. Dana Khas Kerajaan Persekutuan Negeri-Negeri Lain - RM717,300,000. Ketiga, Projek Jalan Raya Simpang Pulai - Lojing - Gua Musang - Kuala Berang Pakej 6A dari Aring ke Sempadan Kelantan - Terengganu - RM197,610,000. Projek Pembinaan Rumah di TUDM Gong Kedak - RM35,000,000. Kelima, Perbelanjaan Pengurusan Universiti Darul Iman - RM22,400,000. Keenam, Perolehan Tanah 100 Ekar untuk Projek Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) - RM21,344,400. Ketujuh, bayaran pampasan tanah Padang Terbang Pulau Redang kepada Berjaya Redang Beach Resort Sdn. Bhd. - RM4,900,000. Kelapan, Projek Menaik Taraf Lapangan Terbang Kuala Terengganu - RM400,000,000.

Jadi sekarang ini ialah berjumlah RM2,169,898,400. Saya nak mengucapkan setinggi ucapan terima kasih kepada Wakil Kijal kerana telah dapat menyelesaikan isu ini di mana akhirnya RM2,169,898,400 kita dapat kembali semula kerana bayaran ini telah dibuat mulai 2011 sebanyak RM200 juta, 2012 - RM200 juta, 2013 - RM220 juta, 2014 - RM220 juta, 2015 - RM220 juta, 2016 - RM220 juta dan 2017 - RM220 juta. Ini sudah kita terima.

Dan kita akan terima 2018 - RM220 juta pada awal Januari ini nanti. 2019 - RM220 juta, 2020 - RM229,898,400. Jadi jumlahnya RM2,169,898,400 tidak kurang walau satu sen pun yang akan kita terima menjelang 2020 ini. Jadi tidak ada soal dah sekarang ini soal kata kita tak terima, Kerajaan Pusat menggunakan duit kita. Kita duk fikir sekarang ini apa yang kita dapat hari ini kita dah dapat. Inilah perjuangan kita, inilah perjuangan yang kita buat dan hasilnya akhirnya kita telah perolehi dan kita gunakan duit yang kita terima ini untuk manfaat rakyat kita.

Saya tak benar dah Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Kita redha apa yang berlaku kepada....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Sepertimana yang berlaku semasa Kerajaan PAS memerintah dulu...

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Orang Melayu di Kelantan, itu yang dihadapi oleh Kerajaan Kelantan sekarang akibat daripada kezaliman UMNO, Barisan Nasional.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Malah kita ada senarai ahli, jadi tidak ada...

YANG BERHORMAT MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Tak payahlah. *Doh guaner duk* padu Kelantan-Kelantan ni.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOHKTAR (Wakil Air Putih): Ni Dewan kita.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bagaimana kita mendapat dana itu, ini adalah kebijaksanaan Kerajaan kita. Yang penting sumber dana ini adalah untuk rakyat Terengganu tetap terima setiap tahun ibarat kata Deng Ziaoping, Pemimpin Negara China ***"It does no matter if the cat is black or white, so long as it catches mice"***. Tak kiralah sama ada kucing tu warnanya hitam atau putih, yang penting kucing itu tangkap tikus.

**Jadi bermakna saya rasa isu penarikan balik saman juga tidak menjadi isu sebenarnya. Ini selalu disebut kenapa kita ambil pendekatan berdiplomasi bukan berkonfrantasi. Kita sentiasa membuat *engagement* dan berbincang. Yang penting di sini ialah rakyat perlu tahu bahawa hubungan Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat sangat rapat. Maka banyak masalah kita dapat atasi dan rakyat yang mendapat manfaat. Inilah yang menjadi satu kepentingan Kerajaan untuk kita perjuangkan.**

**Jadi tak perlu untuk kita tonjolkan diri seolah-olah pihak yang sana menjadi juara dalam hal ini kerana pihak yang sini sudah lama selesaikan masalah untuk rakyat. Kepada seluruh rakyat jelata, Kerajaan Barisan Nasional sudah lama perjuangkan dan selesaikan isu ini semenjak zaman Mantan Menteri Besar iaitu Tan Sri Wan Mokhtar kemudian disusuli dengan Yang Berhormat Ahli Parlimen Besut dan diikuti oleh Yang Berhormat Kijal.**

**Saya sebenarnya Dato' Yang Dipertua, hanya menyambung segala kerja baik yang telah mereka lakukan untuk Negeri Terengganu khasnya berkenaan dengan Dana Khas Kerajaan Persekutuan ini. Kerajaan Barisan Nasional sebenarnya sudah lama selesaikan isu ini. InsyaAllah Hak dan Kedaulatan rakyat Terengganu dalam hal ini akan tetap terpelihara di bawah Kerajaan Barisan Nasional. Maka pastikan supaya dalam Pilihan Raya Umum nanti kita kekalkan Kerajaan yang sedia ada. ...(Tepukan sokongan) .....**

**Berkait dengan isu tarik balik saman saya ingin menjelaskan isu yang dibangkitkan oleh Wakil Wakaf Mempelam, Wakil Bandar tentang saman yang ditarik balik Kerajaan Negeri seperti yang saya sebut tadi tuntutan yang difailkan terhadap Petronas oleh Kerajaan Negeri di bawah PAS ketika itu adalah satu perintah supaya Petronas membuat bayaran sebagaimana yang sepatutnya mulai dari 1 September 2000 dan di masa-masa hadapan sebagaimana yang diperuntukan di bawah perjanjian.** Memandangkan perkara ini telah selesai, maka duit telah kita terima. Maka pada 21 Mac 2012 Kerajaan Negeri telah tarik balik kes tuntutan di mahkamah ini.

Dan juga saya nak jelaskan di sini bahawa kenapa ada affidavit itu. Kerana affidavit ini adalah permohonan daripada Petronas dan Kerajaan supaya tidak menggunakan saksi dan perbicaraan berasas kepada undang-undang. Maka diperlukan pakai affidavit. Jadi ini saya nak jelaskan supaya rakyat tak terkeliru, apa ni affidavit ni. Affidavit ni diguna adalah untuk menggantikan atau mewakilkan sebagai saksi kerana tidak perlu menggunakan saksi.

Maka menggunakan lunas-lunas undang-undang sedia ada. Ini akan berkait pula dengan apa yang disebut oleh Wakil Kuala Berang berkait dengan 3 batu nautika dan sebagainya. Jadi inilah perkara yang akan meremehkan lagi tuntutan yang kita nak dapatkan. Akhirnya kita bimbang dengan apa yang telah kita ada akhirnya kita tidak akan ada. Siapa yang rugi? Rakyat yang rugi hari ini.

Jadi kerana itulah dalam soal ini yang paling penting adalah kita nak memastikan hak rakyat Negeri Terengganu itu kita perolehi sebagaimana yang kita perolehi sekarang ini. Dan saya juga nak kongsi hasil hubungan baik kita, apabila kita mengadakan hubungan baik dengan Petronas akhirnya apa yang Petronas buat kat kita. Banyak program-program CSR diberi.

Antaranya ialah Program Trenglish telah memberi sumbangan sebanyak RM150,000 setahun. Ini tak termasuk dengan duit yang kita dapat melalui Petroleum. Ditambah lagi di mana telah memberi manfaat kepada anak-anak di 50 buah sekolah yang terlibat.

Kedua, Petronas telah berbesar hati memberi sumbangan RM20.5 juta untuk Program Sekolah Amanah ataupun dengan izin, *Trust School* dengan kerjasama Yayasan Amir di mana telah memberi manfaat kepada 5 buah sekolah dari Daerah Marang. Tak ambil Daerah Kuala Nerus, ambil Daerah Marang.

Hari ini kita bantu dan sebelum ini Program ini kita laksanakan di 5 buah sekolah Daerah Kemaman yang melibatkan Kerajaan RM18.1 juta. Jadi bayangkan sebelum ini RM18.1 juta – 5 buah sekolah dan sambung pula di Bandar Marang RM20.5 juta. Jadi harap-harap tahun depan buat pula di Kuala Nerus untuk 5 buah sekolah lagi.

Ketiga, Program Sentuhan Ilmu Petronas (PSIP) di peringkat sekolah rendah dan menengah memberi manfaat kepada hampir 2,000 orang anak-anak Terengganu sejak tahun 2003. Malah pada tahun ini sebanyak RM1 juta telah disumbangkan oleh Petronas bagi program ini.

Keempat, bagi lepasan SPM pula saya maklumkan bahawa hampir 2,000 anak Terengganu telah mendapat pendidikan dan latihan kemahiran di Universiti Teknologi Petronas, Akademi Laut Malaysia Tok Alam dan Program Vista anjuran Petronas. Di Pusat Latihan Vistek pula saya difahamkan lebih 600 orang pelatih merupakan anak-anak Terengganu kita sendiri. Ini satu pencapaian yang membanggakan.

Dan kelima, Program Penajaan Pendidikan Petronas atau PSP di mana Petronas menaja Pendidikan Arab yang cemerlang akademik dan kokurikulum untuk menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi sama ada dalam atau luar negara sebanyak RM8 juta telah disumbangkan oleh Petronas pada tahun 2017 khas untuk anak-anak Terengganu saja. Anak-anak Terengganu juga diberi keutamaan untuk memasuki ke Universiti Teknologi Petronas (UTP) malah mereka mendapat biasiswa daripada Petronas.

Keenam, Setiu Wetland Development sebanyak RM8 juta *one off* dengan izin, telah diberi.

Ketujuh, Planting Tomorrow Program Kuala Nerus RM1.3 juta *one off* telah diberi.

Kelapan, Disaster Relief Assistance.

Kesembilan, All About Youth Programme RM320,000 setahun telah diberi oleh Petronas.

Kesepuluh, Program Skim Latihan 1Malaysia.

Terima kasih kepada Petronas kerana sentiasa menjadi rakan karib kita dalam pembangunan di Terengganu. Kita bersyukur kerana Petronas sentiasa

membantu dan kita berharap Petronas akan sentiasa membantu kerana banyak lagi perkara dalam agenda pembangunan rakyat yang perlu kita sama-sama selesaikan khususnya dalam bidang Pendidikan, Sumber Manusia dan Pembangunan Insan.

Dan seterusnya Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, inilah kaedah kita berurusan khasnya Kerajaan Pusat dan Petronas adalah kaedahnya membuat *engagement* dengan izin, berdiplomasi dan bukannya berkonfrantasi atau mendesak. Terbukti kaedah ini mampu mencapai matlamatnya. Jadi kerana dengan konsep yang kita buat ni akhir sekali banyak dana-dana yang kita perolehi melalui program CSR dan semuanya adalah untuk rakyat Terengganu. Yang penting hak dan kepentingan rakyat Terengganu tetap dijaga.

Kemudian itulah juga maka kita telah menubuhkan TPC dengan izin, *Terengganu Petroleum Council* dan kita ada TIP - TI Petroleum yang ada dibangkit oleh Wakil Batu Burok dan juga disentuh oleh Wakil Wakaf Mempelam. Walaupun kita sebenarnya ada kaedah sendiri yang berkesan tetapi kita tetap menubuhkan TPC dengan TIP. Dan sekarang ini perbincangan-perbincangan sedang kita buat dengan giat sekali. Dan kita berbincang secara diplomasi, dan insyaAllah pada 15 Disember, esok akan ada satu bengkel antara pihak Kerajaan Negeri dengan Petronas untuk kita memperincikan butiran dan bagaimana sama-sama kita boleh maju ke hadapan.

Penubuhan TPC ini ataupun *Terengganu Petroleum Council* dengan izin, adalah untuk memastikan yang selalu disebut oleh pihak Pembangkang tentang kedaulatan Negeri kita sebagai pengeluar minyak dan gas di Malaysia akan dilindungi haknya demi kepentingan rakyat Negeri Terengganu. Inilah yang sedang kita buat Dato' Yang Dipertua. Dan kerana itu juga, kita ada di mana TPC ini akan bertindak sebagai platform bagi Kerajaan Negeri Terengganu dalam menangani urusan yang bertindak dengan industri minyak dan gas yang merangkumi perbincangan royalti antara Petronas dan Kerajaan, TPC ini akan bertanggungjawab.

Pembangunan peluang perniagaan dan projek, pembahagian peluang-peluang perniagaan, peluang pekerjaan, CSR dan pembangunan modal insan dan ekonomi rakyat di Negeri Terengganu. Keutamaan kepada rakyat Terengganu menerusi peluang-peluang pekerjaan, pembangunan, kepakaran, teknikal bagi pengkhususan dalam industri minyak dan gas, menjana peluang perniagaan yang stabil bagi meningkatkan ekonomi rakyat dan Negeri Terengganu. Pengagihan kontrak secara berpusat kepada kontraktor yang berdaftar melalui TI Petroleum Sdn. Bhd. demi memastikan pengagihan kontrak yang merata dan kesinambungan peluang pekerjaan. Ini yang kita laksanakan. Jangan bimbang rakyat Negeri Terengganu bahawa sekarang ini kita bersungguh-sungguh dalam soal, dalam hal ini.

Kita nak hari ini bukan hanya kita dapat kekal dengan apa kita dapat sekarang, kita nak tambah lagi supaya projek-projek yang diuruskan, projek-projek yang ada berkait dengan Petroleum dan gas ini akan juga dapat dinikmati oleh kontraktor-kontraktor di bawah Negeri Terengganu, kontraktor-kontraktor *direct* Negeri Terengganu yang kita akan letakkan secara berpusat di bawah TI Petroleum Sdn. Bhd.

Berkait dengan isu LPT2, Wakil Wakaf Mempelam juga membangkitkan isu Kerajaan Pusat menggunakan duit Kerajaan untuk LPT2 dan membuat permohonan SPNB dan di negeri-negeri lain. Saya nak jelaskan di sini bahawa LPT2 melibatkan kos sebanyak RM1.85 bilion dan bayaran balik LPT2 sebahagiannya sudah selesai iaitu sebanyak RM618.5 juta telah dibayar oleh Kerajaan Pusat pada ketika ini dan insyaAllah RM1.85 bilion ini akan diselesaikan sepenuhnya oleh Kerajaan Pusat atas asas kita berunding dan atas asas komitmen yang telah diberi oleh Kerajaan Pusat. Dan sekarang ini bayaran balik telah kita terima adalah sebanyak RM118.5 juta - untuk naik taraf jalan, RM200 juta - untuk bayaran pendahuluan yang tak perlu dibayar balik dan RM300 juta untuk sebahagian kos bina Rumah Mampu Milik yang akan kita laksanakan pada tahun hadapan.

Jadi baki bayaran balik sebanyak RM1.23 bilion ini insyaAllah akan diselesaikan oleh Pihak Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri. Dan di masa yang masa jumlah bayaran-bayaran projek yang dibayar balik oleh Kerajaan Persekutuan termasuklah projek-projek perumahan SPNB Negeri ini adalah sebanyak RM2,169,898,400 sepertimana yang saya sebut tadi.

Jadi kerana itulah saya rasa perkara ini tidak payah lagi kita berbangkit kerana yang paling mustahak hari ini bahawa kita perlu pandang ke depan, lihat ke depan kerana yang penting adalah melestarikan masa hadapan rakyat Negeri Terengganu.

Jadi saya juga nak sentuh tentang isu dibangkitkan oleh Wakil Bandar. Seinggakan Wakil Bandar telah membuat, memanggil media untuk menunjukkan petikan suratkhbar berkait dengan isu dakwaan mengatakan bahawa ada tindakan SPRM berkait dengan pencerobohan hutan di Dungun yang dibangkitkan oleh....

Saya merasa sedih Dato' Yang Dipertua. Apa sebenarnya tujuan ini? Adakah untuk melihat bahawa ada berlaku kelompangan atau berlaku suatu integriti dalam Pentadbiran Jabatan Perhutanan. Kerana saya dah merujuk kepada....

**YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar):** Sebab Yang Berhormat kata tak ada. Tadi saya dah bagi bukti .....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Saya minta maaf, saya nak .....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): .....dalam dewan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Kerana soal yang dibawa oleh Wakil Bandar menunjukkan keratan surat khabar itu tidak ada kena mengena dengan pencerobohan.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Bukan surat khabar Yang Berhormat.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Isu itu, isu itu, isu itu...

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Bukan surat khabar. Itu Laman Rasmi SPRM.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Isu itu adalah isu pendakwaan SPRM kepada mantan Pengarah Perhutanan Negeri yang tidak ada langsung kaitan dengan pencerobohan hutan di Dungun. Cuma isu itu adalah isu berkait dengan...

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Yang Amat Berhormat itu adalah Laman Rasmi SPRM.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Ya, betul, saya tidak nafikan kerana isu itu adalah isu di antara laporan yang dibuat oleh pihak yang menguruskan kawasan kayu balak dengan masalah dengan pengarah. Ini tidak ada kena mengena dengan masalah dari segi pencerobohan.

Dan ini adalah satu, boleh kita katakan sebagai *subject matter* yang berbeza. Soalnya adalah soal biasa, takkanlah soal begini....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ini bukan niat untuk .....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Soal begini kita nak nampak SPRM....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Atau apa-apa. Saya cuma .....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Apabila SPRM mendakwa...



YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Cuma kata menjawab permintaan Dewan semalam.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Apabila pihak SPRM mendakwa pihak Polis hari ini boleh kita katakan sebagai....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Untuk kemukakan bukti.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Satu *department* polis ini ada berlaku sesuatu? Jadi dalam soal ini kita tak boleh kaitkan di antara pencerobohan hutan yang disiasat oleh SPRM kerana saya semalam dah berhubung dengan Pengarah SPRM Negeri, tidak ada. Tidak ada penglibatan siasatan SPRM....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Saya dah bagi, saya dah bagi bukti ....

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Cuma yang ada satu kes di Paka Dungun ....

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Laman rasmi SPRM....

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Y.B. Bandar duduk.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Apabila tujuh buah lori ditahan kerana tidak mempunyai pas pemindah, broker kepada lori tersebut telah menawarkan wang imbuhan untuk melepaskan lori-lori tersebut dan dia telah ditahan. Jadi ini bukan soal isu pencerobohan hutan.

Dan saya hari ini nak mengucapkan setinggi ucapan terima kasih dan tahniah kepada Jabatan Perhutanan terutama Pengarah Perhutanan Negeri Terengganu dan juga Pegawai-Pegawai Perhutanan kerana untuk pengetahuan semua sekali sepanjang tahun 2017, 22 tangkapan telah dibuat atas isu pencerobohan dan juga isu berkait dengan perhutanan.

Setiap bulan ada. Januari – 2 kes, Februari – 2 kes, Mac – 1 kes, April – 3 kes, Mei - 4 kes. Sehingga baru-baru ini Disember - 1 kes yang berkait 2 orang ditangkap kerana mengambil, mencuri kayu karas kita. Jadi ini menunjukkan bahawa *enforcement* dengan izin, yang dilakukan oleh Jabatan Perhutanan adalah tip top, adalah yang terbaik. Dan saya bagi pihak Kerajaan Negeri mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Pegawai-Pegawai Perhutanan Negeri yang telah membuat tindakan yang sewajarnya.

Dato' Yang Dipertua, berkait dengan isu Wakil Bukit Payong yang ada bertanya tentang jumlah tanah pertanian diluluskan. Jadi saya nak umumkan di sinilah jumlah tanah pertanian diluluskan pada tahun 2016 dan 2017 adalah sebagaimana berikut. Tahun 2016 – 631 lulus permohonan dan 2017 – 439 lulus permohonan dan jumlahnya 1,070 yang telah lulus permohonan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya juga nak membantu sahabat saya selaku Exco Pendidikan dan juga Wakil Pengkalan Berangan berkait dengan isu yang dikemukakan oleh Wakil Ladang. Saya pun ucapkan tahniahlah, Wakil Ladang ni nampak amat prihatin tentang pendidikan terutama kepada Sekolah Menengah Agama Sheikh Abdul Malik. Saya nak ucap tahniah kepada Y.B. Ladang di atas kecaknaan.

Tetapi Y.B. Ladang tak bolehlah, maknanya memberi satu penarafan berasas dia kata sebelum ini dia Sekolah Menengah Agama Sheikh Abdul Malik Top 10 dengan izin, sekarang dah jadi belas-belas dah. Sebenarnya untuk pengetahuan Yang Berhormat Ladang, sekarang ni pendidikan Terengganu sudah amat maju dan ke depan. Kita sudah tidak bercakap lagi Top 10. Kita dah bercakap sekarang ni Fifty 10 doh Yang Berhormat Ladang.

Maknanya saya nak beritahu hari ini, kita sekolah-sekolah kita semua sekali dah terbaik. Dan Sekolah Agama Sheikh Abdul Malik ini telah terpilih dari 10 buah sekolah seluruh Malaysia sahaja yang ada program IB ini ataupun International Baccalaureate ini. Di mana Program International Baccalaureate ini tidak semua sekolah yang ada. Dia hanyalah melibatkan 10 sahaja dan kebanyakan sekolah yang ada ini ialah sekolah-sekolah yang terdiri daripada Sekolah-sekolah *Boarding School* dengan izin.

Saya nak jelaskan di sini mungkin ramai pihak yang di luar tu tak faham. Dia kata dulu ada sebut IB, kemudian ada sebut IGCSE. IB ialah International Baccalaureate, IGCSE International General Certificate of Secondary Education dengan izin. Program IB ini adalah satu Program A Level yang diiktiraf di peringkat antarabangsa. Dan dalam Program IB ini ada 4 program. Di mana programnya adalah yang pertama ialah Primary Years Programme. Kedua, Middle Years Programme ataupun MyPIB, ini yang terpakai di Sekolah Menengah Agama Sheikh Abdul Malik. Dan yang ketiga, Diploma Programme, dan yang keempat Career-related Programme.

Dia ada empat program tapi yang dipakai di Sekolah Menengah Agama Sheikh Abdul Malik ialah MyPIB dan diuruskan oleh IB Organization di Europe. Yang ada tiga Pejabat Wilayah termasuk di Singapura. Dan IB ini sebenarnya bertaraf Diploma dan diiktiraf oleh Universiti di Eropah dan juga di Amerika.

Maknanya pelajar di Sekolah Menengah Agama Sheikh Abdul Malik bukan semua sekali. Sekarang kita mulakan tahun lepas dan sekarang pelajar ini baru berada di Tingkatan 2 dan hanya dipilih satu kelas sahaja. Dan mereka ini sama ada nak ambil SPM atau tak ambil SPM pun tak apa. Kerana sijil yang mereka akan perolehi nanti bertaraf diploma untuk memudahkan mereka terus belajar ke luar negara sama ada di Eropah ataupun di Amerika. Dan International Baccalaureate ini kita ada dua sebenarnya program. Dia IGCSE dan IB. Dan Peperiksaan IGCSE dengan IB ini semua orang boleh ambil. Tetapi untuk buat kelas IB dia tak boleh, dia mesti dapatkan kebenaran daripada IBO ataupun International Baccalaureate Organisation. Kita tak boleh nak buat kelas kalau tidak dapat kebenaran daripada IBO dan IBO ini sangat *strict* dalam soal ini. Maka kerana itu bila nak buat ini dia akan teliti dan dia akan melalui pemeriksaan yang amat ketat dan saya mengucapkan tahniah kepada Sekolah Menengah Agama Sheikh Abdul Malik lebih-lebih lagi Sekolah Menengah Agama Sheikh Abdul Malik yang pertama di dunia adalah sekolah agama yang ada IB ini. Bukan di Malaysia sahaja, di dunia bahawa Sekolah Menengah Agama yang pertama ada IB.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Mungkin kita boleh kongsi sikit.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Saya rasa jelas dah tu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Bukan. Ni tak faham, tak berapa faham.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Jadi supaya kalau boleh Dato' Yang Berhormat Ladang hari ini kita beri semangat kepada guru-guru.....

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Dato' Yang Dipertua, boleh saya mencelah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Perkara 37 jelas. Saya nak ulang berapa kali dah. Minta maaf banyak-banyak. Silakan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dan pelajar-pelajar Sekolah Menengah Agama Sheikh Abdul Malik supaya memastikan dalam masa 3 tahun lagi bila mereka tamat Tingkatan 5 mereka semua akan dapat melanjutkan pelajaran ke luar negara. Dan insyaAllah mereka inilah yang akan menjadi contoh dan yang akan menjadi ikutan bahawa budak agama boleh mengambil IB dan mereka ini akan kita dapat terjemahkan untuk di peringkat bukan hanya *national* tetapi juga *international* dengan izin.

Dato' Yang Dipertua, saya juga nak sentuh satu perkara tentang Wakil Paka yang mempersoalkan statistik yang kita ambil. Saya juga nak persoalkan kepada

Wakil Paka kat mana tahu dia ambil data. Kerana yang saya tahu daripada Jabatan Statistik, yang ini ada dengan saya tidak ada pun data 2015. Data statistik yang ada hanya dua jer, 2014 dan 2016. Jadi daripada mana wallahu'alam. Dan satu lagi.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat saya tak kata 2015, saya kabor 2016. *Guaner pulok* ni.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tak tahulah. Tak apalah kalau macam tu. Jadi saya masuk balik, satu lagi, saya nak maklum juga persoalan yang ditimbulkan oleh Wakil Paka. Persoalan apa yang dibentangkan oleh MB berkait dengan pendapatan isi rumah bulanan purata yang disebut oleh Bajet ini. 2017 sebanyak RM6,411 dan juga tahun 2016 dulu RM5,776 jadi data ini dia ambil mana. Saya ambil sini Y.B. Paka daripada Jabatan Perangkaan Malaysia dan cuma yang 2017 tak keluarlah lagi Y.B. Paka.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): *Satning kabor* 2017 tak keluar, ni 2016 ni.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: 2016 memang dah ada dah ni.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): 2016 ni saya sebut.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tak apa nanti boleh kita tengok bersama Yang Berhormat Paka.

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Ya, ya.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Jadi, cuma yang kita masukkan 2017 itu adalah jangkaan kita. Apa yang disebut dalam buku bajet itu ialah jangkaan kita 2017 akan meningkat sebanyak RM6,411. Dan saya juga nak sebut Wakil Paka, sebab maklumat yang kita ada, pendapatan per kapita isi rumah mengikut Negeri 2016 Yang Berhormat sebut 2016 dulu RM5,726. Sedangkan peeringkat paling tinggi sekali di Wilayah Persekutuan cuma RM3,000. Jadi yang bawah sekali antaranya Terengganu. 2015 sebanyak RM1,105. Ini disebut, ini kalau boleh kita ambil dalam *hansard*. Ini disebut oleh Wakil Paka, 2015 sebanyak RM1,105, 2016 sebanyak RM1,472.

Nombor tiga lepas Terengganu, Perlis Kelantan. Jadi macam mana *contradict* data mana betul. Dato' Sepaker boleh ambik nanti. Saya juga hari ini, saya pun tak tahulah daripada mana Y.B. Paka ambil yang Terengganu bawah sekali tahun

2015 sebanyak RM1,105. Kerana saya tahu hari ini, tidak ada pun data 2015. Dan yang kedua, Jabatan...

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang Berhormat...

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Perangkaan beri perbandingan angka 2014 dan 2016.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): 2016 saya sebut, saya tak sebut 2015.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Tak apalah nanti kita boleh tengok dalam *hansard* lah ya. Jadi kemudian satu lagi perkara, saya juga nak timbulkan tentang apa yang disebut oleh Y.B. Paka tentang isu pengangguran di Terengganu. Bila nak cakap hilang pula Y.B. Paka. Berkait dengan isu apabila disebut oleh Yang Berhormat Paka yang menyatakan bahawa...

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Kadar pengangguran, kadar pengangguran.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Pengangguran kita ialah 4.7%. Betul Yang Berhormat Paka.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Ya.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Paka sebut 4.7, saya tak tahulah Yang Berhormat Paka ambil data daripada mana. Kerana data yang saya dapat daripada Jabatan Perangkaan ialah 4.2%.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Kedudukan yang ke berapa tu. Kedudukan yang ke berapa?

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Saya soal ini bukan, okey nanti saya sebut.

YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Yang bawah sekali Sabah *pahtu* Terengganu.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Paka janganlah kita bersangka buruk kepada Kerajaan dan hanya melihat pada peratusan pengangguran sahaja tapi lihat kepada jumlah bilangan sebenar. Hari ni kita

ambil contoh Selangor, Selangor 2016 betul 3.2% rendah Yang Berhormat Paka tapi bilangannya berapa 103,300 orang.

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Rakyat dia 6 juta.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Jadi Negeri Terengganu kadar pengangguran 4.2% nampak tinggi tapi mewakili hanya 18,600 orang saja.

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Rakyat kita ada berapa?

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bukan soalnya hari ini sebanyak....

YANG BERTHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka): Sabah lebih rendah daripada kita masalahnya.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Dengar sini Yang Berhormat. Kita tidak boleh hari ini melihat, kita hari ini perlu melihat bahawa dari segi realistik. Bahawa hari ini kalau kita melihat peratus memanglah sebab masalahnya dari segi rakyat kita tidak ramai. Tetapi hakikat yang sebenarnya kita dari segi 2016 - 4.2% yang disebut oleh sumber Jabatan Perangkaan Malaysia bahawa kadar bilangan, kadar pengangguran Terengganu adalah 18,600 orang daripada 1 juta lebih penduduk kita.

Takkanlah itu boleh dikata dan kerana itulah maka Kerajaan Negeri Terengganu hari ini kita melaksanakan program TGTP. Kita nak membantu, kita nak memastikan hari ini dan kita sekarang ni cuba membawa sebanyak yang boleh pelaburan ke negeri kita tetapi bukannya senang Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

Kalau Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua tanya hari ini kepada Sabasun, salah satu Syarikat Bumiputera yang telah mengambil pekerja-pekerja daripada rakyat Terengganu 100% dia juga menghadapi bukan satu perkara yang mudah katanya.

Dan kerana itu bukan hanya kita menyediakan peluang pekerjaan saja Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua. Tetapi kita juga memastikan bahawa penyediaan, kita kena beri persiapan supaya memberikan satu mentaliti yang baik kepada mereka supaya mereka hari ini sanggup bekerja dengan peluang-peluang pekerjaan yang ada. Kerana kita bimbang kalaulah rakyat Terengganu hari ini tidak mengambil peluang-peluang yang ada maka peluang-peluang ini

akan diambil oleh rakyat daripada negeri ataupun daripada Negara yang lain. Jadi kerana itulah maka tugas Kerajaan hari ini kita akan membantu rakyat. Banyak perkara kita yang buat hari ini supaya memastikan bukan hanya menyediakan peluang pekerjaan tetapi kita juga nak menyediakan bahawa mereka bersedia untuk bekerja dengan peluang-peluang yang tersedia dan peluang-peluang yang akan kita wujudkan pada masa-masa yang akan datang.

Akhir sekali saya nak sentuh tentang isu pengkhianatan. Seorang anak merungut kepada ayahnya, anak itu berkata tak seronok ke sekolah. Cikgu-cikgu garang, kerja rumah banyak, pendek kata semua perkara tidak kena. Si ayah kemudian mengambil sebiji kentang, sebiji telur ayam dan satu sudu besar serbuk teh. Setiap satu bahan tadi dimasukkan ke dalam satu periuk kecil berisi air, dan letak di atas oven sehingga air mendidih bersama-sama bahan-bahan tadi. Kentang menjadi lembut malah lembik, telur ayam menjadi masak dan keras malah retak namun periuk kecil berisi teh bukan saja bertukar warna malah menjadi minuman.

Persoalannya di sini dalam keadaan tertekan atau susah apakah kita mahu menjadi kentang yang lembut, telur ayam yang keras dan melawan sehingga retak atau serbuk teh yang merubah warna dan rasa air sehingga boleh diminum. Kita boleh merungut dan meletakkan kesalahan kepada orang lain sebagai punca kesusahan yang kita hadapi tetapi soalnya apakah kita mampu mengubah persekitaran yang sukar sehingga menjadi satu faedah yang besar kepada diri kita dan kepada orang lain.

Bukankah ini pendekatan yang lebih bijaksana dan matang. Saya nak mohon supaya rakyat melihat persekitaran yang mencabar sebagai peluang untuk kita lakukan sesuatu di luar kelaziman. Inilah yang dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional apabila ekonomi global tidak stabil, kita akan berusaha mencari pendekatan baharu dan jalan keluar untuk selesaikan masalah. Kita tidak akan menyalahkan keadaan atau salahkan orang lain sebab itu kita berjaya.

Maka tidak hairanlah sekiranya apabila kita menghadapi keadaan mencabar, pihak yang sebelah sana akan cari jalan untuk salahkan Kerajaan. Kerana mereka sendiri tidak tahu dan tidak mampu memberikan jalan keluar kepada permasalahan. Justeru timbullah perkataan seperti pengkhianatan yang enggan ditarik balik oleh Wakil Wakaf Mempelam.

Sepertimana yang saya sebutkan tadi Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Ucapan Bajet 2018 yang saya bentangkan tiga hari lepas langsung tidak menyentuh hal Pembangkang. Kita nak bergerak ke hadapan. Tetapi saya pandang sangat serius perkataan pengkhianatan yang telah dilemparkan kepada Kerajaan Negeri.

Justeru saya tiada pilihan melainkan untuk membalas kenyataan pengkhianatan ini kerana saya harus pertahankan Kerajaan, rakan-rakan saya dalam barisan Exco, Ahli-ahli yang Berhormat Kerajaan, Pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan dan semua yang telah menyokong Barisan Nasional dalam Pilihan Raya yang lalu.

Dengar sini baik-baik, siapa sebenarnya yang melakukan pengkhianatan. Orang yang menuduh kita melakukan pengkhianatan merekalah sebenarnya yang telah mengkhianati rakyat, malah bukan saja rakyat tetapi juga para pengikut mereka sendiri. Apakah kita sudah lupa siapa yang halau kanak-kanak Tadika Kemas di Dungun? Siapa yang merantai mesin jahit yang digunakan penduduk kampung di kelas jahitan di Pulau Duyong?

YANG BERTHORMAT ARIFFIN BIN DERAMAN (Wakil Alur Limbat): Fitnah tu Dato' Yang Dipertua.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Siapa yang guna wang zakat untuk anak Exco? Siapa yang bila menang Pilihan Raya terus tawan dan kunci Wisma Darul Iman? Siapa yang rampas kereta Exco di waktu malam di tengah jalan raya? Siapa yang buat masjid tapi tak siap? Siapa yang buat Portfolio Pentadbiran Awam untuk kawal semua pegawai dan kakitangan Kerajaan?

Siapa yang kebas duit untuk pemain panah tapi panah entah ke mana? Siapa yang guna duit zakat untuk beli laptop dan projektor untuk parti? Siapa juga yang berkata sebelum ayam berkokok kita akan laksanakan Hukum Hudud tapi tak buat pun. Siapa yang tukar Pegawai Kerajaan sebanyak 15 kali dalam masa tiga tahun? Siapa yang khianati KUSZA apabila mengambil pelajar yang tiada SPM masuk untuk buat Diploma? Siapa yang pecat Tok Imam dan Bilal yang tidak sokong parti mereka?

Siapa yang tutup MRSM? Siapa yang melelong balai raya? Siapa yang tidak bayar Elaun Guru Quran? Siapa yang tamatkan bantuan bulanan kepada orang miskin? Siapa yang melantik anak beranak sebagai *Board Members* dengan izin, Pengarah Eksekutif dan Syarikat-Syarikat GLC Negeri?

Siapa yang arah supaya semua Agensi Kerajaan Negeri mengambil firma guamannya sendiri? Siapa yang kata jumpa minyak atas darat dan kita akan gali sendiri? Siapa yang kata kita ada berluri-lori fail penyelewangan Kerajaan terdahulu? Dan siapa yang kata nak buat lebuhraya dengan syarikat bermodalkan RM2 dengan lebuhraya yang lebarnya 3km?

Siapa yang lakukan semua pengkhianatan ini sebenarnya? Jadi tidak hairanlah disebabkan semua pengkhianatan kepada rakyat dan semua rakyat telah bangkit



dan mengalahkan mereka dengan angka yang sama 28:4 dalam pilihan raya pada 2004 dan dalam hal ini ada peringatannya dalam Quran kerana mereka lupa atau tidak mahu sampaikan apabila terkena batang hidung sendiri.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala yang bermaksud: Katakanlah Ya Allah pemilik kekuasaan yakni Kerajaan Alam semesta. Engkau memberi kekuasaan kepada siapa yang Engkau kehendaki, Engkau mengambil semula kekuasaan itu daripada siapa saja yang Engkau mahu, Engkau berkuasa memuliakan dan menghina sesiapa yang Engkau mahu. Di tangan-Mu Ya Allah segala kebaikan dan kekayaan.

(Surah Al-Imran: Ayat 26)

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, penggunaan perkataan pengkhianatan tidak ditarik balik dan saya juga tidak akan tarik balik kenyataan bahawa pihak yang menuduh Kerajaan Barisan Nasional melakukan pengkhianatan. Mereka adalah yang sebenarnya, bukan saya yang telah mengkhianati seluruh rakyat Terengganu malah mengkhianati seluruh pengikut-pengikut mereka sendiri.

Saya mohon maaf Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mahu bergerak ke hadapan. Tapi keadaan ini memaksa saya untuk bertegas dan mempertahankan diri daripada dituduh khianat kepada rakyat Negeri Terengganu. Saya tidak boleh biarkan.

Justeru kepada sekalian rakyat, saya menyeru yakinlah dan percayalah bahawasanya saya dan rakan-rakan dalam Kerajaan Barisan Nasional, kami akan tetap memberikan yang terbaik untuk kesejahteraan rakyat Terengganu, itu janji kami. Amanah dan tanggungjawab yang dipikul akan kami pegang erat. Biar remuk di genggam asalkan tak reput menyembah bumi, kepada Allah jua saya berserah. Sekian Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

Sekian, wabillahi taufiq walhidayah wassalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi):  
Allahuakbar.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Wa'alaikumsalam warahmatullahi wabarakatuh.**

**YANG BERHORMAT HAJI SATIFUL BAHARI BIN MAMAT (Wakil Paka):  
Hidup Melayu.**

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar di atas penggulungan akhir bagi pihak Kerajaan. Alhamdulillah. Jadi kita telahpun selesai**

**membahaskan Enakmen Perbekalan 2018. Maka sekarang kita buka kepada undian. Adakah Ahli-Ahli Yang Berhormat bersetuju Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua.**

*Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.*

**RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2018 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN JUMLAH WANG ITU UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN ITU, DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.**

**Dalam Jawatankuasa**

**YANG EBRHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.**

**RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2018 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN JUMLAH WANG ITU UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN ITU TELAH DITIMBANGKAN DARI SATU FASAL KE SATU FASAL DAN TELAH DIPERSETUJUI TANPA PINDAAN DENGAN SUARA TERBANYAK.**

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat balik semula.**

**Bacaan Kali Yang Ketiga**

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya maklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR (Wakil Air Putih): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan untuk dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.**

*Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.*

**RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MENGGUNAKAN SEJUMLAH WANG DARIPADA KUMPULAN WANG DISATUKAN UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2018 DAN BAGI MEMPERUNTUKKAN JUMLAH WANG ITU UNTUK PERKHIDMATAN BAGI TAHUN ITU, DIBACA BAGI KALI YANG KETIGA DAN DILULUSKAN.**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi **Enakmen Perbekalan 2018**. Alhamdulillah Enakmen Perbekalan 2018 telah diluluskan. Terima kasih semua.

**RANG ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU (PINDAAN) (NO. 2) 2017**

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama suatu enakmen untuk meminda Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu 1360, dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Batu Rakit. Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang pertama -

**RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU 1360, DIBACA BAGI KALI YANG PERTAMA.**

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-orang Melayu 1360, dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Rang Undang-Undang ini bertujuan bagi meminda Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu (*EN.TR.17/1360*).

*Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan tarikh permulaan kuatkuasa.

*Fasal 2* bertujuan untuk memasukkan SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA, RAKYAT HOLDING SDN. BHD. (12695-P), PERSATUAN NELAYAN NEGERI TERENGGANU dan PERBADANAN NASIONAL BERHAD menjadi badan yang kepadanya Tanah Orang-Orang Melayu boleh dipindah milik.

Implikasi Kewangan

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sama-sama. Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Batu Rakit. Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan untuk bacaan kali yang kedua maka sekarang saya buka untuk perbincangan. Ahli Yang Berhormat yang ingin terlibat dalam perbincangan silakan. Sila Bandar.

YANG BERTAMBAH AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Saya ingin menyebut tentang hasrat saya secara peribadi kerana sepanjang empat kali pindaan yang telah dibuat terhadap kedudukan Tanah Simpan Orang-Orang Melayu ataupun nama seperti dibentangkan sebagai Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu Terengganu (No. 2) 2017, ini kali kedua kita pinda bagi tahun 2017 sahaja.

Dan secara keseluruhannya telah empat kali kita pinda dalam penggal ini sahaja. Saya bagi pihak peribadi saya, saya tidak menyokong dan membantah pindaan Rang Undang-Undang ini kerana kesemuanya menyentuh tentang kedudukan Tanah Simpanan Melayu yang juga takrifannya pada pembentangan dan perbahasan di peringkat Dewan Undangan yang lalu.

Sesi-sesi yang lalu juga menyentuh tentang kedudukan keseluruhan tanah Rezab Melayu. Saya sendiripun merasa keliru kerana Tanah Simpan Bagi Orang Melayu yang kita bentangkan ini di dalam Bahasa Inggerisnya disebut sebagai *Malay Reservation*. Begitu juga kertas cadangan yang dikemukakan pada 21 Julai 2016 seterusnya beberapa cadangan Rang Undang-Undang yang telah dikemukakan dan diluluskan juga pada Dewan ini pada sesi-sesi yang lalu.

Dato' Yang Dipertua, semakan saya mendapati bahawa Tanah Rezab Melayu seperti maksud Rang Undang-Undang kita pada hari ini hanya terdapat di Kuala Berang dan Hulu Terengganu pada satu masa berjumlah 100.36 hektar. Tetapi pada tahun 2004, Tanah Rezab Melayu untuk maksud yang sama iaitu Tanah Simpanan Bagi Orang-Orang Melayu kalau Bahasa Inggerisnya disebut *Malay Reservation*.

Pada pandangan saya Rizab Melayu (*Malay Reservation*) dengan izin adalah merujuk kepada perkara yang sama. Semakan terakhir saya, jumlah ekar keluasannya adalah 118.21 sahaja yang tinggal. Dan kedudukannya di Kuala Berang 47.79 hektar, di Bukit Salak 29.55 hektar dan di Bukit Keratan sebanyak keluasannya 46.08 hektar.

Oleh kerana Dato' Yang Dipertua, cadangan kita pada hari ini ialah untuk meminda dan memasukkan perkara-perkara iaitu Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Rakyat Holding Sdn. Bhd., Persatuan Nelayan Negeri Terengganu dan Perbadanan Nasional Berhad. Di antara empat perkara ini, hanya satu yang menyentuh secara langsung tentang kedudukan tanah ini yang bakal boleh dipindahkan kepada persatuan ataupun organisasi yang berasaskan Negeri Terengganu. Tiga yang lain ini tidak ada jaminan bahawa Tanah Simpanan Melayu yang nak kita pinda kedudukannya pada hari ini boleh dipindahkan kepada organisasi-organisasi yang tidak berasaskan kepada *state based* dengan izin. Jadi oleh kerana itu, saya menyatakan kebimbangan bahawa seperti mana

juga pindaan-pindaan Enakmen yang dibawa sebelum pada sesi ini juga menyentuh tentang maksud dan tujuan yang sama.

Saya pernah membantah sehingga memfailkan kes ini ke mahkamah untuk membantah kelulusan Dewan yang membenarkan Tanah Simpanan Orang Melayu diperbolehkan untuk dipindahkan kepada Badan Perhubungan UMNO Negeri Terengganu. Iaitu satu *precedent* yang tidak pernah berlaku di negeri-negeri lain. Saya telah merujuk kepada beberapa orang Pegawai Utama yang berada di peringkat Pusat termasuk di peringkat Parlimen untuk mengetahui sama ada kedudukan ini boleh ataupun sesuai untuk dibawa dalam bentuk menghalang ataupun membolehkan untuk dimansuhkan cadangan ini.

Tetapi mereka mengatakan *precedent* ini tidak berlaku di negeri-negeri lain. Iaitu Negeri yang diperintah oleh UMNO, Barisan Nasional telah mencadangkan ke dalam Dewan untuk memindahkan Tanah Simpanan Orang Melayu kepada Organisasi Politik UMNO itu sendiri. Itu badan yang dianggotai oleh pemerintah buat masa ini. Jadi saya telah mengambil inisiatif untuk memfailkan kes ini dalam Mahkamah dan kes ini tidak lagi menjadi *sub judice* kerana keputusan telah dikeluarkan. Permintaan ataupun permohonan saya telah ditolak. Kemudian, dengan alasan pada pandangan saya boleh diberitahu dalam Dewan ini kerana ADUN Bandar di atas kapasitinya sebagai Wakil Rakyat Kawasan Bandar memfailkan permohonan itu tidak mempunyai asas untuk diluluskan atau diberi oleh Mahkamah kerana kes tanah yang dipindahkan itu berlaku di daerah lain. Secara spesifik dinyatakan di Daerah Dungun. Dan secara lebih spesifik lagi adalah di Paka.

Jadi di atas geran itu saya menerima alasan itu, namun di dalam Dewan hari ini saya tetap....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekejap Bandar ya, *rulling* telah dibuat oleh Mahkamah. Jadi kalau nak beritahu alasan penolakan kes tersebut, saya rasa baik beritahu yang kedua tu mengapa ditolak.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sebab saya tahu kes tersebut. Sila beritahu. Terima kasih. Saya dah beritahu awal Bandar, mengatakan bahawa kita ada *separation of powers* bagaimana keputusan Dewan Undangan Negeri, Dewan mulia ini, bagaimana pihak Mahkamah menilai...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dato' Yang Dipertua .....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekejap, sekejap.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): ..... satu urusan Dewan sebentar Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ya sila, sila.

Usul Melanjut Tempoh Persidangan Di Bawah Fasal 7 (1a)  
Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan  
Undangan Negeri Terengganu

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Dato' Yang Dipertua, saya ingin kemukakan satu usul memandangkan masa Persidangan akan tamat tempohnya pada pukul 5.00 petang, tak berapa minit lagi. Dengan ini saya mencadangkan supaya tempoh Persidangan hari ini dilanjutkan sehingga selesai semua Tertib Pekerjaan Dewan sebagaimana yang telah ditetapkan menurut di bawah Perkara 7 (1a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri. Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Mohon dicadangkan Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih banyak Yang Berhormat Kuala Berang, pencadang mewakili Kerajaan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Wakil Permaisuri): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Permaisuri, mewakili Kerajaan sebagai penyokong. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya telah menerima satu cadangan supaya melanjutkan tempoh masa Persidangan pada hari ini kerana kita ada beberapa urusan Kerajaan yang perlu kita selesaikan sebagaimana yang saya nyatakan pada awal pagi tadi.

Oleh yang demikian, Persidangan Dewan ini dilanjutkan sehingga selesai semua Tertib Pekerjaan Dewan sebagaimana yang telah ditetapkan bagi Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Yang Ketiga Belas. Persidangan Dewan diteruskan. Sila Bandar.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih Dato' Yang Dipertua, saya menyambung tentang kedudukan kes itu yang telah ada keputusan di peringkat mahkamah dan saya tidak berhajat untuk menerangkan secara *detail* atau secara sempurna keputusan tersebut kerana baru saja dikeluarkan. Namun saya nak menyatakan rasa tidak puas hati saya terhadap.....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Sekejap, sebab saya nak nyatakan apa yang saya kata tadi, *rulling* saya awal-awal, berlaku kita tahu Perlembagaan Malaysia ni dia ada *Separation of powers*, pengagihan bagaimana *legislative*, *administrative* dan sebagainya. Maka keputusan yang Dewan Undangan Negeri buat memang telah diterima, telah diwartakan sebab itu ditolak oleh Mahkamah.

Jadi saya rasa tak perlu panjanglah kes ini, tak perlu panjang. Dah jelas Mahkamah dah tolak kerana apa yang saya nyatakan tadi berlakunya *Separation of powers* dengan jelas. Terima kasih. Teruskan.

YANG BERHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Terima kasih. Saya sudah habis berkenaan dengan subjek kes Mahkamah Dato' Yang Dipertua. Cuma saya berharap kepada Kerajaan apabila sesuatu Enakmen baru tapi hari ni dah hari akhir dah, tak ada dahkan. Maksud saya kalau seboleh-bolehnya, saya tidak membantah berkenaan dengan Persatuan Nelayan Negeri Terengganu untuk menjadikan dia ni organisasi Tanah Rezab Melayu ataupun Simpanan Melayu boleh dipindahkan. Tetapi tiga lagi organisasi buat masa ini saya merayu kepada pihak Kerajaan Negeri kalau boleh buatlah pindaan untuk Persidangan terakhir ini cuma meluluskan untuk Tanah Simpanan Melayu dibolehkan dipindah kepada Persatuan Nelayan Negeri Terengganu sahaja sebaliknya tiga iaitu (ba), (bb) dan (bd) dimansuh ataupun dibatalkan.

Saya mengatakan demikian kerana saya merasakan amat malu Dato' Yang Dipertua kerana minggu lepas setelah menerima Rang Undang-Undang ini, saya telah berbincang dengan kawan-kawan dan menyatakan pandangan mereka untuk mendapat maklumbalas daripada *stakeholder* yang sepatutnya itu orang ramailah. Jadi ada di antara mereka tu kebetulannnya mewakili kaum bukan Melayu Negeri Terengganu semasa perbincangan kerana begitulah suasana di DUN Bandar ni Dato' Yang Dipertua, komposisi kita berbilang kaum.

Jadi mereka meneliti perkara ini dan mereka menyatakan kepada saya, pandangan mereka juga tidak bersetuju tentang Kerajaan Negeri Terengganu sekarang yang begitu banyak kali menyentuh tentang isu meminda kedudukan Tanah Simpanan Melayu ni untuk dipindahkan kepada beberapa organisasi yang mirip mempunyai elemen komersial di masa akan datang. Ini pandangan mereka, dan mereka mengata sebagai orang bukan Melayu di Negeri Terengganu mereka juga tidak bersetuju walaupun ini tidak ada kena mengena secara langsung tentang kepentingan mereka. Ini yang menyebabkan saya merasa malu dan saya rasa saya harus menyatakan perkara ini untuk rekod di dalam Dewan dan saya ingin menyatakan rasa bangga dan terima kasih saya kerana masyarakat bukan Melayu Terengganu juga sayang kepada kedudukan Tanah Simpanan Orang Melayu. Dan saya harap Orang-Orang Melayu di Terengganu juga merasa sepatutnya lebih lagi tebal rasa ingin menyimpan dan



memperbanyak dan mempergunakan tanah ini untuk tujuan yang lebih baik di Negeri Terengganu Dato' Yang Dipertua. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih. Ada lagi Yang Berhormat ingin mengambil bahagian dalam perbahasan. Sila Ladang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Yang Dipertua, ada dua perkara yang saya nak sebut. Satunya, berkenaan dengan Pentafsiran Undang-Undang. Mungkin di sini Penasihat Undang-Undang boleh bantu. Untuk makluman di Terengganu ini ada dua tanah yang berkenaan Orang Melayu. Satu Rizab Melayu, satu lagi Pegangan Melayu. Itu jelas. Rizab Melayu di Kuala Berang saja. Pegangan Melayu di merata-ratalah, 10 ekar ke bawah.

Enakmen ini menyebut tentang meminda Enakmen Tanah Simpan Melayu. Jadi saya nak tafsiran Simpan Melayu itu apakah dia untuk Pegangan Melayu sahaja ataupun Rizab Melayu atau dua-dua? Itu yang pertama.

Yang keduanya, saya mohon mendapat justifikasi, atau penerangan jelas daripada Kerajaan siapa sebenarnya empat orang ini ataupun empat badan ini yang meminta untuk dimasukkan sebagai mereka yang boleh menerima Pegangan Melayu ataupun Simpanan Melayu tadi. Kalau boleh kita nak tahu siapa sebenarnya Rakyat Holding. Apa justifikasinya yang kita nak luluskan kepada mereka. Persatuan Nelayan kita mungkin boleh tahu, Perbadanan Nasional boleh tahu, tapi Rakyat Holding ni siapa dia agaknya. Kalau boleh diberitahu kepada kita untuk kita membuat keputusan sama ada menyokong atau membantah. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU PUTERA BIN TENGKU AWANG (Wakil Kuala Berang): Anak Syarikat Bank Kerjasama Rakyat Malaysia. Saya bantu Dato' Yang Dipertua, sementara....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ladang, dah habis dah? Dah habis perbahasan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Tak jelas, dah habis perbahasan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa. Dah lagi yang ni... sebelum saya minta pihak...

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGKU HASSAN BIN TENGKU OMAR (Wakil Ladang): Kejam, tadi macam mana. Celah ke *guaner*?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya tanya Dato' Ladang, dah habis dah perbahasan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Dah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih banyak. Ada lagi Yang Berhormat mana-mana. Okey, kalau tak ada saya nak minta pihak Kerajaan untuk membuat penggulungan.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Salam Sejahtera, Salam Negaraku Malaysia dan Salam 1Transformasi Terengganu Baharu. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, Wakil-wakil Jabatan, para Pemerhati, rakan-rakan media, tuan-tuan, puan-puan, saudara-saudara dan saudari-saudari sekalian.

Sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat dan juga semualah para Pemerhati. Apa yang Kerajaan buat sebenarnya adalah untuk rakyat kerana dalam soal ini hari ini adalah untuk rakyat, kesian kepada rakyat hari ni. Ada tanahnya, ada *value* dengan izin nilai, tetapi tak boleh nak dijual, tak boleh nak dikomersialkan kerana ada sekatan-sekatan tertentu. Jadi atas dasar inilah maka Kerajaan memudahkan dan menyenangkan. Dalam soal ini kita beri kemudahan kepada rakyat dan terpulang kepada rakyat. Kerana soal dalam rakyat hari ini, dia sama ada, dia nak pindah milik kepada syarikat-syarikat yang telah kita senaraikan atau tidak, itu terpulang kepada rakyat. Tetapi apa yang Kerajaan buat ini adalah untuk mudah kepada rakyat terutama kepada kakitangan-kakitangan jabatan-jabatan yang terlibat. Kerana ada kakitangan ini yang ingin mendapatkan kemudahan pinjaman daripada agensi-agensi yang mereka miliki tak boleh nak buat pinjaman. Kerana agensi-agensi tersebut tidak boleh memiliki ataupun tak boleh buat gadaian kepada agensi-agensi tersebut kerana masalah sekatan-sekatan yang sebegini.

Jadi maka inilah tindakan yang Kerajaan buat ini asasnya adalah kepada permohonan dan juga permintaan daripada rakyat dan untuk memudahkan rakyat dalam masa yang sama, jangan bimbang Yang Berhormat Bandar, Yang Berhormat Ladang bahawa Kerajaan ini bertanggungjawab. Sudah pasti kita akan mempertahankan dan memastikan bahawa Tanah-Tanah Simpan Orang-Orang Melayu atau Tanah *Reserve* dengan izin, Rizab Melayu tidak akan berpindah ataupun akan dapat dipertahankan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih banyak. Kita telahpun selesai membahaskan Rang Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu (Pindaan) (No. 2) 2017.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Dato' Yang Dipertua, tadi ada saya soal tadi. Kalau nak jawab, jawablah. Kalau tidak.....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Saya rasa dah cukup dah. Minta maaf Ladang, saya nak teruskan. Saya dah baca dah. Saya dah baca dah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Baca apa tu?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ni baca. Selesai dah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Selesai dah. Jadi soalan....

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Baru bangun, lambat sikitlah. Minta maaf banyak.

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: *Dang* kita jawab dulu, Yang Berhormat Ladang sambil makan durian tadi. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR (Wakil Ladang): Saya bukan makna nak menentang atau menyokong. Tapi nak tahu jer.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Tak apa Ladang. Terima kasih banyak Ladang. Ketua Kerajaan dah buat keputusan, saya pun dah tengah baca separuh dah. Berhenti kat mana dah tadi? Saya baca balik.

Kita telah pun selesai membahaskan Rang Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang Melayu (Pindaan)(No. 2) 2017. Maka sekarang saya buka kepada undian. Adakah Ahli-ahli Yang Berhormat bersetuju agar Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua -

*Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.*

**RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN TANAH**

**SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU 1360  
DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.**

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

**RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG-ORANG MELAYU 1360, TELAH DITIMBANGKAN DARI SATU FASAL KE SATU FASAL DAN TELAH DIPERSETUJUI TANPA PINDAAN DENGAN SUARA TERBANYAK.**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya maklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan.

Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD ISKANDAR BIN JAAFAR (Wakil Jabi): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan Yang Berhormat Jabi selaku penyokong. Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan untuk dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

*Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.*

**RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN TANAH SIMPAN BAGI ORANG MELAYU 1360.**

**DIPERBUAT UNDANG-UNDANG INI oleh Kuasa**

**Undangan Negeri Terengganu Darul Iman seperti yang berikut:**

**1(1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu (Pindaan) (No. 2) 2017.**

**(2) Enakmen ini hendaklah berkuatkuasa pada tarikh ianya disiarkan dalam Warta.**

YANG BERTAMBAH HORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini telah diluluskan, alhamdulillah dan menjadi **Enakmen Tanah Simpan Bagi Orang-Orang Melayu (Pindaan) (No. 2) 2017.**

### **ENAKMEN TAMAN NEGERI TERENGGANU 2017**

#### Bacaan Kali Yang Pertama

YANG AMAT BERTAMBAH HORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Salam Sejahtera, Salam Negaraku Malaysia dan Salam 1TTB. Yang Bertambah Hormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang Bernama Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan berkenaan dengan penubuhan dan pengawalan Taman Negeri Terengganu dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibaca bagi kali yang pertama. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTAMBAH HORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Bertambah Hormat Dato' Seri Menteri Besar.

YANG BERTAMBAH HORMAT TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Yang Bertambah Hormat Dato' Yang Dipertua saya mohon menyokong cadangan itu. Terima kasih.

YANG BERTAMBAH HORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Kuala Besut atas sokongan. Rang Undang-Undang ini dibaca bagi kali yang pertama.

**RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK MENGADAKAN PERUNTUKAN BERKENAAN DENGAN PENUBUHAN DAN PENGAWALAN TAMAN NEGERI TERENGGANU DAN BAGI PERKARA-PERKARA YANG BERKAITAN DENGANNYA, DIBACA BAGI KALI YANG PERTAMA.**

#### Bacaan Kali Yang Kedua

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan berkenaan dengan Penubuhan Dan Pengawalan Taman Negeri Terengganu dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya, dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Rang Undang-Undang ini bertujuan mengadakan peruntukan mengenai Penubuhan Taman Negeri, Majlis Pengurusan Taman Negeri, pentadbiran dan penguatkuasaan dan mengadakan peruntukan bagi maksud-maksud yang berkaitan dengannya.

Bahagian 1 mengandungi perkara-perkara permulaan.

*Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai mula kuatkuasanya Enakmen yang dicadangkan.

*Fasal 2* mengandungi takrif beberapa ungkapan yang digunakan dalam Enakmen yang dicadangkan.

Bahagian II memperkatakan mengenai Penubuhan Taman Negeri, tujuan perizaban, pembatalan perizaban serta kedudukan tanah dalam Taman Negeri.

*Fasal 3* bertujuan memberi Pihak Berkuasa kuasa untuk merizabkan mana-mana tanah Negeri atau tanah yang dibuat pengambilan balik untuk maksud Taman Negeri.

*Fasal 4* menjelaskan tujuan-tujuan penubuhan Taman Negeri.

*Fasal 5* mengadakan peruntukan mengenai Perizaban Taman Negeri dan perihal Pewartaan Taman Negeri.

*Fasal 6* bertujuan mengadakan peruntukan mengenai kuasa Pihak Berkuasa Negeri untuk membatalkan Perizaban Taman Negeri.

*Fasal 7* bertujuan mengadakan peruntukan bagi Pihak Berkuasa Negeri untuk memajak atau membenarkan penggunaan atau pendudukan mana-mana tanah dalam Taman Negeri.

Bahagian 3 memperkatakan mengenai Penubuhan Keanggotaan dan fungsi Majlis Pengurusan Taman Negeri, Perletakan Jawatan, Pembatalan, Hilang Kelayakan sebagai Anggota Majlis Pengurusan Taman Negeri dan Penubuhan Jawatankuasa Taman Negeri.

*Fasal 8* bertujuan mengadakan peruntukan mengenai Penubuhan Majlis Pengurusan Taman Negeri untuk mengawal dan mengurus Taman Negeri.

*Fasal 9* bertujuan mengadakan peruntukan mengenai Keanggotaan Majlis Pengurusan Taman Negeri, kuasa Pengerusi untuk melantik Timbalan Pengerusi dan tempoh memegang jawatan bagi anggota yang dilantik di Perenggan 9(1)(i).

*Fasal 10* bertujuan mengadakan peruntukan mengenai Perletakan Jawatan dan Pembatalan Pelantikan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

*Fasal 11* bertujuan mengadakan peruntukan mengenai keadaan-keadaan yang menjadikan Anggota Majlis hilang kelayakan sebagai Anggota Majlis Pengurusan Taman Negeri.

*Fasal 12* bertujuan mengadakan peruntukan mengenai keadaan-keadaan yang menjadikan jawatan Anggota Majlis Pengurusan Taman Negeri menjadi kosong.

*Fasal 13* bertujuan mengadakan peruntukan mengenai fungsi-fungsi Majlis Pengurusan Taman Negeri.

*Fasal 14* bertujuan memberi Majlis Pengurusan Taman Negeri kuasa bagi menubuhkan Jawatankuasa Taman Negeri bagi membantu Majlis Pengurusan Taman Negeri dalam melaksanakan fungsi-fungsinya.

Bahagian 4 memperkatakan mengenai pelantikan Pengarah, Timbalan Pengarah dan Pegawai Diberi Kuasa bagi menguatkuasakan peruntukan Enakmen yang dicadangkan dan peraturan-peraturan di bawahnya dan kewajipan-kewajipan Pengarah.

*Fasal 15* bertujuan mengadakan peruntukan mengenai pelantikan Pengarah Taman Negeri, Timbalan Pengarah, Pegawai Taman Negeri dan Pegawai Diberi Kuasa oleh Pihak Berkuasa Negeri.

*Fasal 16* bertujuan mengadakan peruntukan mengenai kewajipan-kewajipan Pengarah.

Bahagian 5 memperkatakan mengenai penubuhan Kumpulan Wang Taman Negeri Terengganu.

*Fasal 17* bertujuan menubuhkan Kumpulan Wang Taman Negeri Terengganu sebagai suatu akaun amanah dalam Kumpulan Wang Disatukan Negeri.

Bahagian 6 memperkatakan mengenai kesalahan, penalti dan kompaun yang boleh dikenakan di bawah Enakmen yang dicadangkan.

*Fasal 18* memperuntukkan mengenai perbuatan di kawasan Taman Negeri yang menjadi kesalahan di bawah Enakmen yang dicadangkan.

*Fasal 19* mengadakan peruntukan mengenai kuasa untuk mengkompaun kesalahan- kesalahan di bawah Enakmen yang dicadangkan atau di bawah mana-mana peraturan- peraturan yang dibuat di bawah Enakmen yang dicadangkan.

Bahagian 7 bertujuan mengadakan peruntukan mengenai kuasa berhubungan dengan penguatkuasaan Enakmen yang dicadangkan.

*Fasal 20* bertujuan memperuntukkan bahawa mana-mana Pegawai Diberi Kuasa atau Pegawai Polis mempunyai segala kuasa untuk mengesan dan menyiasat apa-apa kesalahan yang disyaki di bawah enakmen yang dicadangkan.

*Fasal 21* bertujuan memperuntukkan mengenai kuasa untuk menyita, menangkap, menggeledah, meroboh dan memindahkan dan mengambil milik apa-apa benda di dalam kawasan Taman Negeri oleh Pengarah Taman Negeri, Pegawai diberi kuasa atau Pegawai Polis.

*Fasal 22* bertujuan memperuntukkan mengenai kuasa untuk memulangkan sementara benda yang disita.

*Fasal 23* bertujuan memperuntukkan mengenai pelucutan benda yang disita.

*Fasal 24* bertujuan memperuntukkan mengenai penyitaan dan pelucuthakan kenderaan, traktor, jentera, alat-alat atau benda yang disita.

*Fasal 25* bertujuan memperuntukkan bahawa tiada kos atau ganti rugi yang berbangkit daripada penyitaan yang dijalankan di bawah Enakmen yang dicadangkan ini.

*Fasal 26* bertujuan memperuntukkan bahawa pendakwaan bagi kesalahan di bawah Enakmen yang dicadangkan hendaklah hanya dimulakan dengan kebenaran bertulis Pendakwa Raya.

*Fasal 27* bertujuan memperuntukkan bahawa orang yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pendakwa Raya menurut Seksyen 377 Kanun Tatacara Jenayah (Akta 593) boleh menjalankan pendakwaan bagi kesalahan di bawah enakmen yang dicadangkan.

*Fasal 28* bertujuan memperuntukkan mengenai bidang kuasa Mahkamah Rendah untuk membicarakan kesalahan di bawah Enakmen yang dicadangkan atau mana-mana perundangan subsidiari di bawahnya.



Bahagian 8 mengatakan mengenai peruntukan pelbagai.

*Fasal 29* bertujuan mengadakan memperuntukan mengenai kuasa dan peraturan-peraturan yang boleh dibuat oleh Pihak Berkuasa Negeri.

*Fasal 30* bertujuan mengadakan peruntukan mengenai pengeluaran suatu kad kuasa kepada tiap-tiap Pegawai Diberi Kuasa untuk menjalankan mana-mana kuasa di bawah Enakmen yang dicadangkan.

*Fasal 31* bertujuan mengadakan peruntukan mengenai perlindungan pegawai yang suci hati dalam menjalankan fungsi kuasa dan kewajipannya di bawah Enakmen yang dicadangkan.

*Fasal 32* bertujuan mengadakan peruntukan mengenai pemakaian Enakmen yang dicadangkan hendaklah dibaca bersama-sama undang-undang yang berkaitan yang lain dengan Enakmen yang dicadangkan menjadi tambahan dan tidak mengurangkan peruntukan undang-undang khususnya berkaitan hidupan liar, perikanan, tumbuhan dan lain-lain.

*Fasal 33* bertujuan mengadakan peruntukan mengenai pemansuhan Enakmen Taman Negeri Terengganu 1986 (En.Tr.11/1986).

*Fasal 34* bertujuan mengadakan peruntukan peralihan, implikasi kewangan.

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar.

YANG BERTHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Besut atas sokongan cadangan. Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi bacaan kali yang kedua. Maka sekarang saya buka untuk perbahasan sekiranya ada. Kalau tak ada saya nak teruskan. Sila.

YANG BERTHORMAT AZAN BIN ISMAIL (Wakil Bandar): Ada. Terima kasih. Dato' Yang Dipertua, untuk kali ini saya harus menyatakan rasa terima kasih saya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana sehingga ke hari terakhir Persidangan berjaya membawa dalam Dewan ini Rang Undang-Undang

yang pada saya begitu besar maksudnya, begitu besar maknanya untuk mempertahankan dan menjaga kelestarian khazanah Negeri Terengganu.

Saya tidak dapat menyembunyikan perkara ini kerana saya berkeyakinan dan saya mempunyai kepercayaan bahawa dia membawa Rang Undang-Undang ni mempunyai niat baik. Walau macam manapun Dato' Yang Dipertua, oleh kerana sesi ini untuk membentangkan dan meluluskan Rang Undang-Undang ini, saya terpaksa juga menyebut beberapa perkara yang pada pandangan saya perlu diberi perincian.

Yang pertama Dato' Yang Dipertua, berkenaan dengan pemansuhan Undang-Undang yang lama ataupun Enakmen yang lama. Yang namanya sama, barangkali nombor saja berlainan. Nama yang sama Pemansuhan Enakmen Taman Negeri Terengganu 1986, yang tidak mengubah langsung nama Enakmen tersebut.

Mungkin pindaan yang dibuat ni terlalu besar maka dicadangkan supaya pemansuhan yang lama dan kita luluskan satu Enakmen yang baru. Saya melihat kepada aspek hukuman dan juga penalti atau denda Tuan Yang Dipertua. Kalau kita perhatikan kesalahan yang disabitkan di bawah Enakmen ini ataupun Rang Undang-Undang ini boleh dikenakan hukuman minimum RM10,000 dan tidak melebihi RM1 juta. Dan ada hukuman sebat dikenakan.

Sudah tentu Enakmen ini dibina atau dibawa ke dalam Dewan untuk tujuan menjaga satu tempat, taman atau sebagainya atau satu kawasan yang mempunyai justifikasi hukuman yang begitu besar Dato' Yang Dipertua. Sebab itu saya nak tahu apakah yang dirujuk dalam Enakmen ataupun Rang Undang-Undang Enakmen Taman Negeri ni. Adakah pulau keseluruhannya 12 pulau yang terbesar dan tercantik dalam Negeri Terengganu termasuk dalam Enakmen ini? Adakah kawasan pembalakan, perlombongan atau apa saja? Sebab kalau menyebut tentang taman, kita membayangkan taman ini adalah taman yang selalunya terbuka kepada orang ramai.

Bayangkan kalau taman yang selama ini diguna atau dikunjungi oleh orang ramai mempunyai peraturan yang begitu ketat, iaitu menunjukkan kad kuasa, menunjukkan kebenaran untuk memasuki dan berbagai perkara yang boleh disabitkan dengan kesalahan sekiranya melibatkan orang ramai berada di kawasan tersebut, saya merasa ada perlunya Dewan ini memberitahu tempat ini maksudnya di mana, di daerah mana dan berapa luasannya seluruh Negeri Terengganu dan mempunyai kategori-kategori tertentu yang mempunyai khazanah.

Semalam saya tak mahu ungkit semula kerana saya bermaksud Yang Berhormat Exco daripada Kuala Berang menasihatkan saya supaya membangkitkan perkara ini semasa perbahasan berkenaan dengan Enakmen Taman Negeri Terengganu.

Jadi saya rasa betul itu adalah maudud yang dibawa, itu melindungi kawasan-kawasan yang akan diwartakan untuk tujuan perizaban yang mempunyai hasil yang besar seperti pembalakan, perlombongan dan sebagainya. Saya merasa begitu. Sebab itulah semalam saya lebih awal menekankan bahawa logik atau mustahaknya kita bawa undang-undang ini.

Dan saya menyatakan saya sokong kerana perkara atau peristiwa yang berlaku itu memang benar. Sebab itu saya berkeras untuk membuktikan berlaku peristiwa itu, saya *print* kenyataan ataupun berita daripada laman rasmi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah dan saya telah serahkan perkara itu.

Jadi itulah maksudnya kerana kawasan-kawasan yang bakal dirizabkan sebagai Taman Negeri di Negeri Terengganu ini mempunyai hasil mahsyul yang sangat besar, yang sangat lumayan. Jadi bertepatanlah kita bentangkan hari ni walaupun lambat, saya rasa saya suka dan saya ingin membantu *to push some talk* dengan izin, supaya kita rekodkan yang Pembangkang juga mempunyai hasrat dalam taman atau Perizaban Taman Negeri ini.

Dan saya juga nak minta penjelasan tentang pembatalan rizab Dato' Yang Dipertua. Apabila dirizab dan dibatalkan. Di bawah Sekyen 6 di bawah Pembatalan Rizab Fasal 6 ada menyebut tentang pembatalan oleh Pihak Berkuasa ni boleh dibuat pada bila-bila masa yang difikirkan patut membatalkan perizaban tanah tersebut.

Saya memikirkan kalau benar kerana pembawa usul Yang Amat Berhormat Menteri Besar tidak menjelaskan tempat atau maksud sebenar Taman Negeri ini. Saya percaya Taman Negeri ini menyentuh tentang tanah-tanah atau kawasan-kawasan yang mustahak dan mempunyai nilai tinggi yang juga membolehkan majlis yang bertanggungjawab untuk menguruskan Taman Negeri ini bukan saja mentadbir tapi mencagar maksudnya menggunakan kawasan yang diwartakan sebagai Rizaban Taman Negeri itu bermakna boleh dibawa untuk tujuan mendapatkan modal yang berbentuk mata kewangan sama ada daripada institusi perbankan, kewangan ataupun hasil usahasama dengan syarikat-syarikat yang mungkin datang daripada pelbagai bidang.

Oleh kerana itu, ada perkara yang menyentuh kepada saya penting iaitu pembatalan rizab dalam perkara 6. Jadi kalau pembatalan rizab boleh dibuat pada bila-bila masa diberi kepada Pihak Berkuasa Negeri yang juga boleh memperturunkan kuasanya kepada Majlis Taman Negeri ataupun mana-mana Pihak Berkuasa yang berkaitan, saya bimbang perkara ini *offset* dengan izin

tujuan sebenar kita nak menjaga taman ini, melindungi tetapi kita membuka satu pintu kebebasan atau ruang di mana tanah ini akan boleh terlepas, atau digadaikan ataupun apa saja dilucutkanhak untuk tujuan pembangunan yang mana pembatalan rizabnya boleh dibuat pada bila-bila masa.

Oleh kerana itu saya mohon kepada Dewan dan juga Yang Amat Berhormat Menteri Besar boleh atau tidak saya mencadangkan kerana perkara ini pernah dibincang di peringkat Parlimen dulu. Saya masih ingat tahun 2012 ada cadangan daripada salah seorang Wakil Rakyat memohon supaya dimasukkan aspek notis sebagaimana disebut sebagai *Notice Public Hearing* dengan izin. Tapi *hearing* ni maksudnya nak dapatkan *feedback* orang ramai.

Maksud saya kalau untuk kawasan-kawasan taman yang melibatkan kepentingan orang ramai, kegunaan orang ramai maksudnya kita nak halang orang ramai daripada *access* pada tempat tersebut perlulah mempunyai notis yang munasabah sebagai satu bulan, dua bulan dan sebagainya dan kita menganggap itu sebagai *notice of public hearing* dengan izin.

Jadi sekiranya boleh dan saya berharap sebab saya menyokong Akta ini saya berjanji memang saya menyokong dan saya berharap Akta ini diperbaiki atau apa sajalah untuk memasukkan elemen supaya orang ramai juga tidak merasa disekat ataupun merasa tidak puas hati untuk masa akan datang. Dan pelantikan yang dibuat Dato' Yang Dipertua saya fahami di bawah Bahagian 4 - Pentadbiran, ada seorang Pengarah, seorang Timbalan Pengarah untuk peringkat permulaan. Pada pandangan saya, kalau komposisi begini tidak mencukupi untuk mentadbir beberapa buah taman di seluruh Negeri Terengganu yang bersifat nilai tinggi khazanah ini. Ni pandangan saya dan cadangan saya, kenapa tidak diwujudkan satu perbadanan yang mempunyai struktur yang telah dikenali dan diketahui baik di peringkat Pusat ataupun di peringkat Negeri untuk membolehkan kuasa diperturunkan daripada perbadanan untuk tujuan-tujuan yang sama juga untuk menguruskan nilai-nilai komersial ini. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Ada lagi? Tak ada ya. Sila penggulungan daripada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar.

YANG AMAT BERTHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Salam Sejahtera, Salam Negaraku Malaysia dan Salam 1Transformasi Terengganu Baharu. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, berkait dengan persoalan yang ditimbulkan oleh Y.B. Bandar tadi berkait dengan apakah asas ataupun tujuan kita buat penubuhan Taman Negeri ini. Dan juga untuk pengetahuan Yang Berhormat Bandar bahawa dalam soal ataupun menentukan di mana Taman Negeri yang dimaksudkan dalam Enakmen ini.

Jadi Pihak Berkuasa Negeri dalam Enakmen ini menjelaskan boleh merizabkan mana-mana tanah Negeri atau mana-mana tanah yang diambil bagi maksud itu mengikut undang-undang yang berkuatkuasa berkaitan dengan pengambilan balik tanah bagi maksud awam, bagi maksud suatu Taman Negeri di bawah suatu nama yang akan diberikan kepadanya.

Jadi maksudnya sekarang ini ialah, kita akan tentukan dari masa ke semasa kerana keutamaan kita Taman Negeri ini bukan maknanya bila kita gazetkan atau *reservekan* sebagai Taman Negeri, baru kita tidak benarkan apa-apa aktiviti. Maksud kenapa kita perlu adakan Taman Negeri adalah kita nak jaga khazanah-khazanah kita terutama dari segi flora dan fauna dan juga hidupan haiwan, hidupan liar, ikan dan sebagainya. Jadi dalam perkara ini saya rasa tak perlu kita risaukan, maka merizabkan kawasan ini akan ditentukan dari masa ke semasa.

Dan yang kedua berkait dengan pembatalan perizaban yang dikemukakan oleh Wakil Bandar tadi. Pembatalan perizaban ini kita tidak perincikan lagi kerana dalam Seksyen 29 kita jelaskan di sini peruntukan untuk mengadakan peraturan. Jadi pada Seksyen 29 kuasa untuk buat peraturan-peraturan, Pihak Berkuasa Negeri boleh membuat apa-apa peraturan yang perlu atau sesuai manfaat bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Enakmen ini dengan lebih baik bagi meletakkan apa jua yang boleh atau dikehendaki supaya diletakkan di bawah Enakmen ini.

Maknanya jangan bimbang, kita akan memastikan bahawa tidak akan berlaku suatu perkara yang mudah untuk membatalkan perizaban ini kerana asas yang kita laksanakan ini ialah untuk kita nak *protect* dengan izin dan juga kita memastikan bahawa hutan-hutan kita ataupun khazanah-khazanah kita ini tidak akan hilang ataupun dari segi hidupan-hidupan dan juga dari segi *water body* dengan izin, yang itu juga akan kita masukkan sebagai kawasan atau *reserve* untuk kawasan taman laut.

Jadi yang itu nanti akan ditentukan oleh Majlis. Dalam soal untuk dari segi tenaga ataupun dari segi Majlis saya rasa tak timbul masalah kerana dari masa ke semasa kita akan memastikan bahawa dari segi *task force* dengan izin atau pegawai-pegawai yang menganggotainya akan kita tetapkan kerana seperti mana yang kita boleh praktikkan yang boleh dilaksanakan oleh negeri-negeri lain seperti Perak - Hutan Belum dan juga di Sabah. Yang ini kita akan ambil sebagai panduan untuk kita nak mewujudkan satu *task force* dengan izin dan kita juga akan dapatkan bantuan daripada Kerajaan Pusat terutama di bawah Jabatan Perdana Menteri, di bawah Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk kita sama-sama berganding untuk memastikan bahawa khazanah Negeri Terengganu akan dapat kita peliharakan. Terima kasih kepada Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Y.B. Bandar yang terlibat awal dalam perbahasan awal tadi. Kita telahpun selesai membahaskan Rang Enakmen Taman Negeri Terengganu 2017. Maka sekarang saya buka kepada undian –

*Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.*

**RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK MENGADAKAN PERUNTUKAN BERKENAAN DENGAN PENUBUHAN DAN PENGAWALAN TAMAN NEGERI TERENGGANU DAN BAGI PERKARA-PERKARA YANG BERKAITAN DENGANNYA, DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.**

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

**RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK MENGADAKAN PERUNTUKAN BERKENAAN DENGAN PENUBUHAN DAN KAWALAN TAMAN NEGERI TERENGGANU DAN BAGI PERKARA-PERKARA YANG BERKAITAN DENGANNYA, TELAH DITIMBANGKAN DARI SATU FASAL KE SATU FASAL DAN DIPERSETUJUI TANPA PINDAAN DENGAN SUARA TERBANYAK.**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Bagi Kali Yang Ketiga

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya maklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar.

YANG BERHORMAT TENGGU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN (Wakil Kuala Besut): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Besut atas sokongan, cadangan. Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan untuk dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan.

*Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.*

**RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK MENGADAKAN PERUNTUKAN BERKENAAN DENGAN PENUBUHAN DAN PENGAWALAN TAMAN NEGERI TERENGGANU DAN BAGI PERKARA-PERKARA YANG BERKAITAN DENGANNYA.**

**DIPERBUAT UNDANG-UNDANG INI oleh kuasa undangan negeri terengganu darul iman seperti yang berikut:**

**1(1) Enakmen ini boleh dinamakan Enakmen Taman Negeri Terengganu 2017.**

**(2) Enakmen ini mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Pihak Yang Berkuasa Negeri melalui pemberitahuan dalam Warta.**

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi **Enakmen Taman Negeri Terengganu 2017**.

**USUL-USUL YANG TELAH DIBERI NOTIS**

**Usul Pembangunan Negeri Terengganu 2018**

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI TENGGU PUTERA BIN TENGGU AWANG (Wakil Kuala Berang): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan:-

*"Bahawa menurut seksyen kecil (3) pada seksyen (4) Akta Kumpulan Wang Pembangunan Tahun 1996, Dewan Undangan Negeri ini membuat ketetapan bersetuju meluluskan Peruntukan Perbelanjaan Rancangan Pembangunan Negeri Bagi Tahun 2018 sebagaimana ditentukan dalam jadual berikut::*

JADUAL						
Maksud	Tajuk Maksud	Negeri (RM)	Diganti Oleh Persekutuan (RM)	Pinjaman (Negeri) (RM)	Pinjaman (Pusat) (RM)	JUMLAH (RM)
P.02	Pejabat Menteri Besar & Setiausaha Kerajaan	641,771,360.00	-	-	-	641,771,360.00
P.04	Pejabat Perbendaharaan	10,000,010.00	-	-	-	10,000,010.00
P.10	Jabatan Kerja Raya	3,650,020.00	-	-	-	3,650,020.00
P.11	Jabatan Pengairan & Saliran	4,000,000.00	-	-	-	4,000,000.00
P.12	Pejabat Daerah Besut	2,500,000.00	-	-	-	2,500,000.00
P.13	Pejabat Daerah Dungun	2,000,000.00	-	-	-	2,000,000.00
P.14	Pejabat Daerah Hulu Terengganu	1,500,000.00	-	-	-	1,500,000.00
P.15	Pejabat Daerah Kemaman	2,000,000.00	-	-	-	2,000,000.00
P.16	Pejabat Daerah Kuala Terengganu	4,000,000.00	-	-	-	4,000,000.00
P.17	Pejabat Daerah Marang	2,000,000.00	-	-	-	2,000,000.00
P.18	Pejabat Daerah Setiu	1,000,000.00	-	-	-	1,000,000.00
P.19	Pejabat Pengarah Tanah & Galian	50,000,000.00	-	-	-	50,000,000.00
P.29	Pejabat Perhutanan	400,050.00	-	-	-	400,050.00



P.30	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	800,000.00	-	-	-	800,000.00
P.31	Jabatan Pertanian	400,000.00	-	-	-	400,000.00
P.32	Pelbagai Pembangunan	95,410,000.00	-	-	-	95,410,000.00
P.35	Pejabat Daerah Kuala Nerus	2,000,000.00	-	-	-	2,000,000.00
<b>JUMLAH BESAR :</b>		<b>823,431,440.00</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>-</b>	<b>823,431,440.00</b>

Butiran lanjut bagi maksud peruntukan-peruntukan ini bolehlah Ahli-Ahli Yang Berhormat merujuk kepada Kertas Dewan Bilangan 11/2017. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI SABRI BIN MOHD NOOR (Wakil Langkap): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong usul itu. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Wakil Kuala Berang atas pembentangan bagi pihak Kerajaan. Terima kasih banyak Langkap yang menyokong. Usul ini telah mendapat sokongan, sekarang saya buka untuk perbahasan sekiranya ada. Yang Berhormat yang ingin terlibat dalam perbahasan sila, kalau tidak ada saya terus buka kepada undian -

*Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.*

### **USUL INI DITERIMA.**

#### **Usul Rancangan-Rancangan Kemajuan Perbekalan Air Negeri Bagi Tahun 2018**

YANG BERTHORMAT IR. HAJI ROSLI BIN OTHMAN (Wakil Kemasik): Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan:-

*"Bahawa menurut seksyen kecil (2) kepada seksyen (4) Enakmen Kumpulan Wang Perbekalan Air 1966, Dewan Undangan Negeri ini membuat KETETAPAN bersetuju meluluskan peruntukan dari Kumpulan Wang Perbekalan Air Negeri untuk Rancangan-rancangan Kemajuan Perbekalan Air Negeri Bagi Tahun 2018 sebagaimana ditentukan di dalam JADUAL :-*

<b>JADUAL</b>			
Tajuk	Perbelanjaan Negeri (RM)	Pinjaman Pusat (RM)	Jumlah (RM)
Pengurusan Perbekalan Air	891,264.28	-	891,264.28
Pembangunan Perbekalan Air	2,880,050.00	-	2,880,050.00
<b>JUMLAH</b>	<b>3,771,314.28</b>	<b>-</b>	<b>3,771,314.28"</b>

Butiran lanjut bagi maksud peruntukan ini bolehlah Ahli-ahli Yang Berhormat merujuk kepada Kertas Dewan Bilangan 12/2017. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD MAHDI BIN MUSA (Wakil Kota Putera): Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon menyokong usul itu. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih Yang Berhormat Kemasik selalu pembawa usul. Terima kasih banyak kepada Kota Putera selaku penyokong usul tersebut. Usul ini telah mendapat sokongan. Sekarang saya buka untuk perbahasan sekiranya ada. Kalau tidak ada saya buka kepada undian -

*Usul ini kemudian dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.*

**USUL INI DITERIMA.**

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: Terima kasih banyak.

## **TANGGUHAN**

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh. Salam Sejahtera, Salam Negaraku Malaysia dan Salam 1TTB. Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebelum saya mohon mencadangkan supaya persidangan Dewan ditangguh, saya bagi pihak seluruh kepimpinan Kerajaan Negeri terutama sahabat-sahabat saya, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk mohon ampun dan maaf sepanjang kami menjalankan tugas sekiranya ada kesilapan, kesalahan dan sebagainya. Dan mungkin ada daripada saya sendiri, tutur kata dan perbuatan dan sebagainya yang menyinggung, yang menyakiti hati mana-mana individu, saya mohon ampun dan maaf.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Persidangan Dewan ditangguhkan kepada suatu masa yang akan ditetapkan kemudian.

Sekian, wabillahi taufiq walhidayah wassalamu'alaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA: **Wa'alaikumsalam warahmatullahi wabarakatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua Jabatan, para Pemerhati, tuan puan yang dimuliakan Allah** Subhanahu Wata'ala.

**Maka sudah tiba saat dan ketikanya kita akan melabuhkan tirai muraqiah** mulaqiah kita dalam Mesyuarat Ketiga Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Yang Ketiga Belas yang bermula pada 11, 12, 13 dan 14

Disember. Maka sudah tiba saat dan ketikanya kita Ahli Yang Berhormat akan keluar dari Dewan yang mulia ini dan insyaAllah kita tidak akan menerima lagi notis Dewan untuk menghadiri Mesyuarat dalam Penggal ini lagi.

Marilah kita mengimbau kembali saat kita mengangkat sumpah sebagai Ahli Yang Berhormat pada tanggal 16 Jun 2013 yakni pada hari Ahad. Saya cukup yakin nostalgia saat mengangkat sumpah sebagai Ahli Yang Berhormat cukup indah bagi kita semua Ahli Yang Berhormat yang telah dipilih oleh rakyat.

Saya cukup bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana mentakdirkan diri saya menjadi Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Terengganu beralih arah daripada seorang pendidik yang menceburi bidang yang bukan kepalang cabarannya.

Maklumlah tidak pernah sebelum ini berlaku 17 Penyokong Kerajaan, 15 Pembangkang. Risau saya bukan kepalang. Saya cukup berterima kasih kepada Mantan Menteri Besar Negeri Terengganu yang mencalonkan nama saya pada tanggal 16 Jun 2013. Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang menyokong saya. Yang tidak menyokong sayapun saya ucap terima kasih jugalah.

Saya juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar sekarang dan semua Exco yang terus menerus memastikan untuk saya pegang amanah yang cukup istimewa bagi saya seorang insan kerdil ini. Jazakumullahu khairan kathira.

Sekali lagi saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat daripada kedua-dua belah pihak kerana sentiasa memberikan kerjasama, membantu saya di sepanjang saya diamanahkan menjadi Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Terengganu. Walaupun ada kadang kalanya keadaan menjadi agak panas tapi saya cukup kagum kerana kebanyakan Ahli Yang Berhormat yang saya kasihi, Allah kasihi dapat menyejukkan diri dengan cepat dalam suasana yang panas.

Sepanjang Persidangan kita mulai dari tanggal keramat 16 Jun tersebut, saya telah mendapati bahawa semua Ahli Yang Berhormat telah menunjukkan kasih sayang dan Ukhuwah Islamiah sebagai umat Islam yang cukup berkualiti tinggi. Alhamdulillah wa syukurillah, tahniah dan syabas.

Kebanyakan Ahli Yang Berhormat bukan saja mematuhi Peraturan Dewan malah telah menunjukkan adab, tatasusila yang cukup tinggi dalam menunaikan amanah sebagai Ahli Yang Berhormat. Kesantunan ini wajar kita kekalkan sampai bila-bila kerana kita sepatutnya Ahli Yang Berhormat yang dipilih oleh rakyat dan memikul tanggungjawab yang berat lagi hebat bagi kita semua

mengejar ummatan wasatan, khaira ummah, ummatan wahidah kuntum khaira ummah.

Saya mendoakan agar hasanah amalan yang kita lakukan yang baik-baik, yang muluk-muluk kita teruskan selama-lamanya. Insyallah.

Saya juga mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ex-Officio, Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu, Yang Berhormat Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Terengganu, Yang Berhormat Dato' Pegawai Kewangan Negeri yang telah bersara, yang masih memegang jawatan, semua staf Dewan Undangan Negeri Terengganu, semua staf Kerajaan Negeri Terengganu, Kerajaan Persekutuan dan semua pihak yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung dalam menguruskan, membantu Dewan menguruskan apa yang berlaku di Dewan selama ini.

Marilah kita semua terus berniat baik, berfikiran yang baik-baik, bercakap yang baik-baik, berbuat yang baik-baik agar kita semua menjadi orang yang baik-baik. Di dalam perbuatan kita yang baik-baik ini tidak ada orang kenang tapi pasti Allah akan menilainya.

Kepada Ahli Yang Berhormat yang akan terpilih semula untuk berada di sini, teruskan khidmat mulia sebagai Ahli Yang Berhormat. Laksanakan amanah demi agama, bangsa dan negara. Letakkan Allah dihadapan insyallah kita semua akan selamat.

Akhir kata saya memohon jutaan ampun dan maaf daripada Yang Amat Berhormat, kepada semua Ahli Yang Berhormat, kepada semua ketua jabatan, semua rakyat Negeri Terengganu sekiranya saya tidak dapat melaksanakan amanah sebagai Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Terengganu dengan baik, dengan molek-molek.

Saya mendoakan agar kita semua sentiasa diampuni, kita semua dirahmati dan diberkati oleh Allah Subhanahu Wata'ala duniawi dan ukhrawi sebagai penghabisnya. Amin.

Sebelum saya tangguhkan, saya menjemput Sahibul Samahah, Mufti Kerajaan Negeri Terengganu untuk memimpin bacaan doa kita agar kita semua makhluk Ilahi dirahmati, diberkati duniawi dan ukhrawi. Amin. Silakan Sahibul Samahah.

Sahibul Samahah membacakan Doa Penutup:

Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah Rabbil Alamin. Wassolatu wassalamu 'ala rasulillah. Wa'ala alihi washohbihi ajmain. Allahuma'afina fi abdanina. Wa'afina fi asma'ina. Wa'afina fi absonina. Wa'afina fi ukhunina. Wa'akharina wa'akhalkina.

Ya Allah peliharakanlah Raja dan pemerintah kami, Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultanah Nur Zahirah, Sultanah Terengganu.

Ya Allah, kesejahteraan kami pohon untuk Duli Yang Teramat Mulia Tengku Muhammad Ismail Ibni Al Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin, Putera puteri dan seluruh kaum kerabat Baginda.

Allahumma hab lana ii'manan kamila. Wa'amalan salihan mutaqabbala. Ya Allah tempat kami bertodoro' dan berdoa, jadikanlah Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri istiqamah bertaqwa. Jadikanlah Al Quran dan Sunnah oleh mereka ditilik sentiasa. Jadikanlah catatan para ulama mereka halusi dan baca.

Dengan itu Dewan Undangan kekal institusi pemangkin agama dan bangsa. Ya Allah Ya Rahman Ya Rahim, adat berbahas ada penatnya, adat berbicara ada batasnya, adat berkata-kata ada salahnya, maka Ya Allah akhirkkanlah perbahasan dengan tawakal dan berserah.

Akhirkkanlah bicara dengan semangat kebersamaan dan ukhuwah. Akhirkkanlah kata-kata dengan istigfar dan taubah. Allahumma yaha bi'asirotilmustaqim.

Ya Allah, jadikanlah Terengganu sentiasa membangun dan berdaya maju, dikala mendongak di langit membiru, di kala tunduk di bumi hijau indah terpaku, menoleh ke kanan di lihat pembangunan tersusun jitu, menoleh ke kiri dilihat bangsa Islam hebat bersatu, memandang ke depan dilihat ajaran Islam yang sedang memandu.

Rabbana'atina fid dunya hasanah wa fil akhirati hasanah waqina 'adzabannaar, wasallahu ala Sayyidina Muhammad. Wa'ala alihi wasahbihi wassalam, walhamdulillah rabbil alamin. Taqabbalallahu minna wa minkum.

**YANG BERHORMAT DATO' YANG DIPERTUA:** Terima kasih banyak Sahibul Samahah, Mufti Kerajaan Negeri Terengganu. Maka sekarang sebelum saya tangguhkan saya menjemput di luar sana masih ada minuman petang, sila kita makan sama-sama, kita habiskan dan kita harap Dewan penyudah yang baik hari ini sebagaimana yang telah didoakan oleh Mufti juga penyudah yang baik, Dewan di sini kita juga harapkan mendapat khusnul khotimah nanti. InsyaAllah itu yang kita harapkan penyudahnya.

Maka sekarang saya tangguhkan Persidangan Dewan ini ke suatu masa dan tarikh yang akan ditetapkan kemudian dan marilah kita sama-sama membacakan surah Al-'Asr. Aqulu **qauli haza** wa astaghfirullahal 'azhim li walikum, wabillahi taufiq walhidayah wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 6.00 PETANG

# **LAMPIRAN**



**JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS BAGI**

**MESYUARAT KETIGA**

**PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA  
BELAS**

**PADA 11, 12, 13 DAN 14 DISEMBER 2017**

**MESYUARAT KETIGA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS**  
**PADA 11 HINGGA 14 DISEMBER 2017**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 4.1.1.**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. HAJI WAN ABDUL HAKIM BIN WAN MOKHTAR**  
**WAKIL AIR PUTIH**

SOALAN 1 : Berapakah jumlah Kutipan Tahunan Zakat MAIDAM sejak 2013 hingga 2016 dan berapakah perbelanjaannya pada tahun-tahun yang sama?

JAWAPAN : Jumlah Kutipan Tahunan Zakat MAIDAM sejak 2013 hingga 2016 dan jumlah perbelanjaannya pada tahun-tahun yang sama adalah sebagaimana berikut:-

Tahun	Kutipan (RM)	Agihan (RM)
2013	121,100,276.69	66,723,012.85
2014	120,119,520.62	78,603,907.78
2015	126,641,997.25	123,351,875.90
2016	133,642,573.15	164,620,860.95

SOALAN 2 : Berapakah jumlah peruntukan yang dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri dalam Pembangunan Sektor Pendidikan secara keseluruhan sejak 2013?

JAWAPAN : Jumlah peruntukan yang dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri dalam Pembangunan Sektor Pendidikan di bawah peruntukan Pejabat Setiausaha Kerajaan secara keseluruhan sejak tahun 2013 sebanyak RM324,891,885.86.

**MESYUARAT KETIGA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS**  
**PADA 11 HINGGA 14 DISEMBER 2017**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**

### **BILANGAN 4.1.2.**

#### **SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH Y.B. DR. SYED AZMAN BIN SYED AHMAD NAWAWI WAKIL BATU BUROK**

SOALAN 1 : Apakah aktiviti promosi yang dikhaskan oleh Kerajaan Negeri Terengganu kepada Tahun Melawat Terengganu dan senaraikan jenis aktiviti?

JAWAPAN : Promosi bagi tahun 2017 adalah berteraskan kepada slogan "Visit Beautiful Terengganu 2017". Kesemua pengiklanan acara dan aktiviti pelancongan juga mempamerkan logo "Visit Beautiful Terengganu 2017". Sementara itu, sebanyak 45 acara/aktiviti telah dijalankan sepanjang tahun ini sempena "Visit Beautiful Terengganu 2017".

SOALAN 2 : Bilakah dijangka Pusat Perubatan Baru KTS–Kuala Terengganu Specialist Hospital di Batu Buruk akan dibuka dengan rasminya?

JAWAPAN : TDM telah menerima lesen hospital dari Kementerian Kesihatan Malaysia pada 20 hb Oktober 2017. Pihak TDM dalam proses pentauliahan bangunan tersebut dan dijangkakan hospital tersebut akan dibuka pada suku pertama tahun 2018.

SOALAN 3 : Apakah perkembangan terakhir Bas Amphicoach yang telah dibeli oleh Kerajaan Negeri?

JAWAPAN : Tarikh terakhir bagi penghantaran bas tersebut dijadualkan pada 5 November 2017, tetapi pihak kontraktor gagal menghantar bas tersebut sepertimana jadual dan Kerajaan Negeri akan mengambil tindakan undang-undang terhadap kontraktor tersebut.

#### **MESYUARAT KETIGA PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS (BAJET) PADA 11 HINGGA 14 DISEMBER 2017**

#### **TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BILANGAN 4.1.3.**

#### **SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH Y.B. TENGKU ZAIHAN BIN CHE KU ABD. RAHMAN WAKIL KUALA BESUT**

SOALAN 1 : Apakah perancangan pihak Kerajaan Negeri untuk memajukan kawasan yang terlibat dengan 'reclamation' setelah siapnya Projek Pembaikan Muara Sungai Besut?

JAWAPAN : Setakat ini, Kerajaan Negeri tiada sebarang perancangan khusus untuk memajukan kawasan 'reclamation' yang telah dibuat di bawah Projek Pemeliharaan Muara Sungai Besut. Kajian akan dilaksanakan bagi menentukan skop pembangunan yang bersesuaian.

SOALAN 2 : Apakah strategi dan insentif pihak Kerajaan dalam usaha untuk memperkasakan kawasan perindustrian di Kampung Gong Medang, Besut?

JAWAPAN : Strategi dan insentif pihak Kerajaan dalam usaha untuk memperkasakan Kawasan Perindustrian Di Kampung Gong Medang, Besut ialah menggalakkan Pembangunan Industri IKS Moden, Produktif dan menggunakan teknologi yang sesuai dan terkini. Pembangunan Industri Desa menyediakan prasarana yang lebih menarik kepada pelabur dan pekerja dalam sektor industri, menyediakan tenaga kerja yang berkemahiran dan berpengetahuan.

Insentif Kerajaan ialah peruntukan daripada UPEN untuk membina longkang dan jalan. Peruntukan MIDA untuk lampu jalan.

SOALAN 3 : Dalam usaha meningkatkan hasil sumber laut, apakah peranan pihak Kerajaan dalam memperbanyakkan tukun tiruan dasar lembut di perairan Terengganu?

JAWAPAN : Kerajaan telah membina sebanyak 184 unit tukun dasar lembut di perairan Terengganu dengan peruntukan sebanyak RM1.5 juta.

Sehingga kini Kerajaan telah membina pelbagai tukun berjumlah 1,352 unit tukun dengan peruntukan sebanyak RM10.8 juta.

Secara amnya tukun merupakan suatu struktur binaan atau bahan semulajadi seperti batu yang diletakkan di dasar laut sebagai habitat kepada pelbagai hidupan marin terutamanya ikan. Peranannya mirip seperti terumbu karang yang menjadi tempat pembiakan dan pembesaran benih ikan. Terdapat 2 jenis tukun tiruan berdasarkan fungsi dan rekabentuknya

untuk tujuan rekreasi ataupun konservasi.

Projek tukun memberi manfaat kepada nelayan tradisional sejumlah 6,500 orang di negeri ini. Program ini juga telah berjaya mengurangkan aktiviti pencerobohan nelayan pukat tunda di kawasan zon tangkapan nelayan tradisional. Seterusnya memberi ruang dan peluang nelayan tradisional menangkap ikan tanpa ada gangguan. Ianya juga dapat mengelakkan konflik di kalangan nelayan. Kerajaan berpandangan projek ini akan memberi impak yang lebih baik pada tahun mendatang setelah ekosistem marin yang sempurna untuk pemuliharaan sumber terbina melalui projek ini.

Kerajaan akan meningkatkan lagi projek ini dengan menambah bilangan tukun di perairan negeri untuk mengekalkan sumber dan merintis kepada perikanan rekreasi berdasarkan jenis tukun.

Kerajaan juga telah mengadakan kerjasama dengan pihak Petronas dalam menambah bilangan tukun ke perairan negeri ini apabila sebahagian struktur kapal carigali minyak milik Petronas telah dilupuskan sebagai tukun tiruan dalam projek perintis R2R "Rigs To Reef" yang telah dilaksanakan di perairan Pulau Kapas, Marang pada 4 Mei 2017.

SOALAN 4 : Apakah strategi pihak Kerajaan dalam menangani isu peningkatan kos sara hidup di Negeri Terengganu?

JAWAPAN : Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi & Kepenggunaan (KPDNKK) Negeri Terengganu sedar akan perubahan dan kenaikan harga barang-barang keperluan asas yang mempengaruhi peningkatan kos sara hidup rakyat di negeri ini. KPDNKK sentiasa mengambil tindakan yang sewajarnya bagi mengatasi masalah tersebut.

Oleh yang demikian, KPDNKK telah melaksanakan beberapa strategi dan tindakan dalam menangani peningkatan kos sara hidup rakyat di Negeri Terengganu amnya. Antaranya ialah:-

- i. Melaksanakan Program Kedai Harga Patut yang merupakan premis perniagaan yang menjual barangan keperluan harian pada harga yang berpatutan. Susulan

Program Kedai Harga Patut ini, KPDNKK mewujudkan Anugerah Kedai Harga Patut (AKHP) bagi mengenalpasti menilai dan mengiktiraf premis perniagaan yang menjual barangan pada harga berpatutan dan berdaya saing standing dengan kualiti barangan serta perkhidmatan yang ditawarkan. Program ini menggalakkan wujudnya premis perniagaan yang menjual barangan yang digemari oleh pengguna dengan harga yang berpatutan.

- ii. Akan melancarkan Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) 2.0 yang menjual pelbagai barangan keperluan harian dengan jenama produk 1Malaysia pada harga yang lebih rendah dan berkualiti.
- iii. Mempertingkatkan Program Pemantauan dan Pemeriksaan ke atas harga barangan keperluan harian di seluruh negeri sama ada secara berkala secara mengejut atau berdasarkan aduan pengguna oleh Pegawai Penguatkuasa dan Pegawai Pemantauan Harga.
- iv. Melaksanakan Kempen Jualan Kembali Ke Sekolah bagi membantu mengurangkan perbelanjaan ibu bapa dalam menyediakan kelengkapan persekolahan dengan harga yang berpatutan menjelang sesi persekolahan. Program ini melibatkan kerjasama dengan pasaraya utama di Negeri Terengganu menerusi Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR).
- v. Melaksanakan Program 1Malaysia 1Harga yang merupakan inisiatif Kerajaan di bawah National Blue Ocean Strategy (6): Inisiatif untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat di luar bandar dan pedalaman bertujuan untuk mengurangkan bebanan kos sara hidup rakyat yang kian meningkat. Program 1Malaysia 1Harga ini juga merupakan kaedah menyeragamkan harga barangan perlu bersubsidi iaitu gula, tepung gandum, minyak masak 1kg -dalam paket (GMT).
- vi. Menjalinkan kerjasama pintar menerusi Inisiatif 1Malaysia Discount Card (1MDC) membabitkan perkongsian rakan dagang iaitu syarikat swasta yang memberikan potongan harga dan diskaun bagi barangan dan perkhidmatan kepada pemegang Kad

Skuad Pengguna, Kad Diskaun Siswa 1Malaysia (KADS1M), 1Malaysia Privilege Card (1MPC), Kad Bekas Tentera, Kad Orang Kelainan Upaya (OKU) serta Kad Pesara Kerajaan.

SOALAN 5 : Apakah peranan Kerajaan dalam usaha memenuhi keperluan perumahan kepada golongan muda dan B40?

JAWAPAN : Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk memenuhi keperluan untuk perumahan kepada golongan muda dan B40. Antara inisiatif yang telah dijalankan adalah sepertimana berikut:-

a) Program My Beautiful New Home (MyBNHome)

- Program usahasama antara Kerajaan Negeri dengan Kementerian Kewangan Malaysia menggunakan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan sebanyak RM2 juta (RM40 ribu x 50 unit rumah).
- Sebagai permulaan, sebanyak 50 unit rumah akan dilaksanakan di Kampung Mak Kemas, Bukit Payong, Marang di atas tanah Kerajaan Negeri seluas 6 ekar.
- Dibina dengan menggunakan kaedah IBS melalui Sistem HyperBIM.

b) Rumah Mampu Milik (RMM) Negeri

- Projek pembinaan akan bermula dari tahun 2018 hingga tahun 2020.
- Melibatkan peruntukan sebanyak RM400 juta.
- Pembinaan sebanyak 3,085 unit RMM di seluruh negeri untuk golongan B40.

c) Program My Terengganu Molek Doh Home (MyTMDHome)

- Melibatkan peruntukan sebanyak RM32 juta iaitu sebanyak 800 unit rumah untuk golongan B40 akan dibina.
- Kos yang terlibat adalah sebanyak RM40,000.00 seunit dengan RM20,000.00 ditanggung Kerajaan Negeri dan baki RM20,000.00 akan dibayar secara pinjaman oleh pemohon yang berjaya.
- Dibina dengan menggunakan kaedah IBS melalui Sistem HyperBIM.

- d) Tabung Perumahan Negeri
- Melibatkan peruntukan sebanyak RM30 juta.
  - Pinjaman maksimum sebanyak RM40,000.00 tanpa faedah untuk golongan B40.

**MESYUARAT KETIGA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS (BAJET)**  
**PADA 11 HINGGA 14 DISEMBER 2017**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 4.1.4.**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**

**Y.B. HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN ENDUT**  
**WAKIL WAKAF MEMPELAM**

- SOALAN 1 : Mengapakah "Pulau Pasir" di tepi jambatan dekat Pulau Duyong dibiarkan menghalang laluan air Sungai Terengganu.
- JAWAPAN : Pihak Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dan berusaha untuk memastikan "Pulau Pasir" tidak menghalang laluan air Sungai Terengganu melalui Projek Pembangunan Muara Sungai Terengganu.
- SOALAN 2 : Memohon pihak kerajaan agar mengemukakan "Layout" laluan sebenar pembinaan projek Landasan Keretapi Pantai Timur (ECRL) di seluruh Negeri Terengganu menurut pecahan daerah yang terlibat. (JKPTG)
- JAWAPAN : Layout laluan sebenar pembinaan Projek ECRL di seluruh Negeri Terengganu menurut pecahan daerah terlibat masih belum dimuktamadkan sehinggalah pewartaan Seksyen 8 dibuat.
- SOALAN 3 : Sila nyatakan jumlah kes yang melibatkan "anak luar nikah" di negeri ini mengikut pecahan daerah dalam tempoh tiga tahun bermula Januari 2015 sehingga November 2017.
- JAWAPAN : Pendaftaran kelahiran anak tak sah taraf yang dilaksanakan dan diamalkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) adalah berdasarkan kepada peruntukan perundangan seperti mana berikut:-



1. Seksyen 13, Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 [Akta 299] bagi Semenanjung Malaysia;
2. Seksyen 10, Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1951 [Cap 123] bagi negeri Sabah; dan
3. Seksyen 9 Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1951 [Cap 10] bagi negeri Sarawak.

Dari tahun 2015 hingga 30 Oktober 2017, JPN telah mendaftarkan kelahiran seramai 2,629 orang anak tak sah taraf di Negeri Terengganu. Perincian jumlah tersebut mengikut pecahan daerah/cawangan Pejabat JPN adalah seperti berikut:

<b>CAWANGAN</b>	<b>JUMLAH</b>
JPN DAERAH BESUT	430
JPN DAERAH DUNGUN	260
JPN CAWANGAN RTC TERENGGANU (AMBS)	79
JPN DAERAH KEMAMAN	434
JPN CAWANGAN BANDAR BARU KERTEH	137
JPN NEGERI TERENGGANU	642
JPN CAWANGAN UTC TERENGGANU	221
JPN DAERAH MARANG	98
JPN DAERAH HULU TERENGGANU	173
JPN DAERAH SETIU	155
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>2,629</b>

Dalam hal ini, istilah anak tak sah taraf yang digunakan oleh JPN adalah bagi kanak-kanak yang dilahirkan dalam situasi berikut:-

1. Ibu dan bapa tidak berkahwin;
2. Kedua ibu dan bapa berkahwin tetapi:-
  - (a) Tidak didaftarkan mengikut peraturan dan undang-undang Malaysia yang berkuatkuasa: atau
  - (b) Bagi yang beragama Islam, anak dilahirkan tidak mencukupi enam bulan Qamariah dan dua lahzah daripada tarikh perkahwinan; atau
  - (c) Perkahwinan luar negara tidak didaftarkan semula sama ada di JPN bagi pasangan bukan Islam atau di Jabatan Agama Islam Negeri bagi pasangan yang beragama Islam.

SOALAN 4 : Sila nyatakan jumlah kes kecurian kayu balak di negeri ini sepanjang tahun 2016 hingga November 2017 dan apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh pihak berkuasa.

JAWAPAN : Dari tahun 2016 sehingga November 2017 sebanyak 40 kes kesalahan hutan telah direkodkan yang membabitkan kecurian kayu balak di Negeri Terengganu.

Usaha yang dilakukan oleh pihak Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu adalah dengan gigihnya memerangi kecurian kayu balak dengan kerjasama agensi penguatkuasaan lain seperti PDRM, ATM, APM, RELA dan khususnya Pasukan Gerakan Am (PGA), Gong Badak, Terengganu. Kerajaan Negeri juga memandang serius berhubung perkara ini dengan mengadakan sebuah jawatankuasa khas yang akan memantau kegiatan pembalakan secara haram oleh pihak tidak bertanggungjawab di kawasan Hutan Simpan di negeri ini. Jawatankuasa itu akan diketuainya dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pejabat Tanah dan Galian, Jabatan Perhutanan Negeri serta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

SOALAN 5 : Sila nyatakan jumlah keluasan tanah mengikut pecahan daerah yang telah diambil balik oleh pihak kerajaan untuk tujuan pembangunan pada asalnya tapi masih belum dibangunkan dan sila nyatakan sebab utama kelewatan itu berlaku.

JAWAPAN : DITOLAK menurut perkara 26(4A)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

**MESYUARAT KETIGA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS**  
**PADA 11 HINGGA 14 DISEMBER 2017 (BAJET)**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 4.1.5**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK**  
**WAKIL BUKIT TUNGGAL**

- SOALAN 1 : Berapakah kos pembinaan infrastruktur ternakan ikan dalam sangkar di Sungai Como, Tasik Kenyir, Hulu Terengganu termasuk pembinaan jalan dan bekalan elektrik ?
- JAWAPAN : Kos pembinaan infrastruktur ternakan ikan dalam sangkar di Sg. Como, Tasik Kenyir, hulu Terengganu adalah sebanyak RM8,400.000.00 di bawah peruntukan kerajaan Persekutuan di bawah RMK-9
- SOALAN 2 : Berapakah kos pembinaan " fly over " di persimpangan Jalan Bukit Tumbuh – Tengku Mizan mengikut pecahan peruntukan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.
- JAWAPAN : Kos pembinaan "fly over" di Persimpangan Jalan Bukit Tumbuh – Tengku Mizan adalah dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri sebanyak RM24.75 juta.

**MESYUARAT KETIGA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS**  
**PADA 11 HINGGA 14 DISEMBER 2017 (BAJET)**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 4.1.6.**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. AZAN BIN ISMAIL**  
**WAKIL BANDAR**

- SOALAN 1 : Berapakah jumlah pertambahan penduduk di Negeri Terengganu di dalam tempoh 5 tahun mengikut daerah, jantina, kaum dan kategori kanak-kanak, remaja dan dewasa?
- JAWAPAN : Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, berdasarkan

unjuran penduduk 2017, jumlah penduduk di Negeri Terengganu dianggarkan berjumlah 1.22 juta orang dengan lelaki seramai 625.9 ribu orang (51.2%) dan perempuan 595.6 ribu orang (48%). Jumlah ini menunjukkan pertambahan sebanyak 118.5 ribu orang (10.7%) berbanding lima (5) tahun yang iaitu (2012).

Pecahan penduduk warganegara mengikut kumpulan etnik utama di Negeri Terengganu pada tahun 2017 mencatatkan Bumiputera seramai 1.16 juta orang (97.1%), Cina 29.2 ribu orang (2.5%), India 2.9 ribu orang (0.2%) dan 2.6 ribu orang (0.2%) Etnik lain-lain. Bagi penduduk bukan warganegara pula jumlahnya adalah 31.2 ribu orang (2.6% daripada jumlah penduduk di Negeri Terengganu).

Manakala pecahan penduduk mengikut kategori kumpulan umur mencatatkan kanak-kanak (12 tahun ke bawah) seramai 320.8 ribu orang (26.2%), remaja (13 – 14 tahun) 290.3 ribu orang (23.8%) dan dewasa (25 tahun ke atas) 610.4 ribu orang (50.0%).

Taburan penduduk di Negeri Terengganu mengikut jantina, daerah, kumpulan etnik dan kumpulan umur (kanak-kanak remaja dan dewasa) pada tahun 2017 adalah seperti di Jadual 1(a) – 1(d).

Jadual 1(a): Penduduk mengikut jantina, kumpulan etnik dan daerah pentadbiran, Terengganu, 2017

Daerah Pentadbiran/	Jumlah	Warganegara Malaysia					Cina	India	Lain- lain	Bukan Warga- negara Malaysia
		Jumlah	Bumiputera	Melayu	Bumi- putera Lain	Jumlah Bumiputera				
<b>JANTINA</b>										
<b><u>LELAKI</u></b>										
Jumlah	625,900	606,722	587,843	585,794	2,049	15,871	1,650	1,358	19,178	
Besut	84,270	82,755	81,177	80,959	218	1,167	162	249	1,515	
Dungun	93,996	91,667	88,838	88,758	80	2,198	223	408	2,329	
Kemaman	108,050	102,187	97,247	96,506	741	4,217	2502	226	5,863	
Kuala Terengganu	128,003	125,826	119,790	119,588	202	5,529	308	199	2,177	
Marang	59,321	57,853	56,426	56,352	74	1,201	82	144	1,468	
H. Trg.	44,478	41,792	41,419	41,095	324	251	98	24	2,686	
Setiu	33,631	32,170	32,056	32,035	21	103	4	7	1,461	
Kuala Nerus	74,151	72,472	70,890	70,501	389	1,210	271	101	1,679	

**PEREMPUAN**

Jumlah	595,612	583,606	567,814	566,029	1,785	1,3321	1,227	1,244	12,006
Besut	81,620	79,868	78,748	78,636	112	818	75	227	1,752
Dungun	88,456	86,608	84,494	84,366	128	1,711	123	280	1,848
Kemaman	96,029	93,457	89,268	88,584	684	3,501	396	292	2,572
Kuala Terengganu	125,698	123,001	117,416	117,223	193	5,072	351	162	2,697
Marang	55,586	54,738	53,703	53,667	36	854	73	108	848
H. Trg.	41,085	40,231	40,028	39,745	283	118	30	55	854
Setiu	32,334	31,798	31,652	31,621	31	59	11	76	536
Kuala Nerus	74,804	73,905	72,505	72,187	318	1,188	168	44	899

**JUMLAH**

Jumlah	1,221,512	1,190,328	1,155,657	1,151,823	3,834	2,9192	2,877	2,602	31,184
Besut	165,890	162,623	159,925	159,595	330	1,985	237	476	3,267
Dungun	182,452	178,275	173,332	173,124	208	3,909	346	688	4,177
Kemaman	204,079	195,644	186,515	185,090	1,425	7,713	898	518	8,435

Kuala Terengganu	253,701	248,827	237,206	236,811	395	10,601	659	361	4,874
Marang	114,907	112,591	110,129	110,019	110	2,055	155	252	2,316
H. Trg.	85,563	82,023	81,447	80,840	607	369	128	79	3,540
Setiu	65,965	63,968	63,708	63,656	52	162	15	83	1,997
Kuala Nerus	148,955	146,377	143,395	142,688	707	2,398	439	145	2,578

Nota:

Unjuran Penduduk (Semakan Semula) berasaskan data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010.

Jadual 1(b): Penduduk kanak-kanak (0 – 12 tahun) mengikut jantina, kumpulan etnik dan daerah pentadbiran, Terengganu, 2017

Daerah Pentadbiran/  Jantina	Jumlah	Warganegara Malaysia					Lain-lain	Bukan Warga negara Malaysia
		Jumlah	Bumiputera		Cina	India		
			Bumi-putera	Melayu				

**LELAKI**

Jumlah	165,931	165,307	161,541	160,567	974	2772	301	693	624
Besut	23,403	23,289	22,900	22,751	149	274	23	92	114

Dungun	24,726	24,623	24,052	24,037	15	276	67	228	103
Kemaman	31,425	31,321	30,133	29,728	405	955	85	148	104
K.Terengganu	31,465	31,355	30,328	30,183	45	971	53	103	110
Marang	14,965	14,895	14,692	14,674	18	109	13	81	70
H.Terengganu	11,985	11,939	11,898	11,742	156	9	24	8	46
Setiu	10,129	10,125	10,105	10,105	0	20	0	0	4
Kuala Nerus	17,833	17,760	17,533	17,347	186	158	36	33	73
<b><u>PEREMPUAN</u></b>									
Jumlah	154,838	154,147	150,964	150,121	843	2299	284	600	691
Besut	23,105	22,931	22,596	22,564	32	228	9	98	174
Dungun	23,721	23,615	23,113	23,078	35	300	28	174	106
Kemaman	28,726	28,579	27,538	27,142	396	760	110	171	147
K.Terengganu	28,297	28,177	27,223	27,165	56	797	88	69	120
Marang	13,526	13,503	13,355	13,335	20	76	0	72	23
H.Terengganu	10,718	10,668	10,653	10,534	119	2	0	13	50
Setiu	9,179	9,166	9,146	9,126	20	10	7	3	13
Kuala Nerus	17,566	17,508	17,340	17,177	163	126	42	0	58
<b><u>JUMLAH</u></b>									
Jumlah	320,769	319,454	312,505	310,688	1,817	5,071	585	1293	1315
Besut	46,508	46,220	45,496	45,315	181	502	32	190	288
Dungun	48,447	48,238	47,165	47,115	50	576	95	402	209
Kemaman	60,151	59,900	57,671	56,870	801	1,715	195	319	251
K.Terengganu	59,762	59,532	57,451	57,348	103	1,768	141	172	230
Marang	28,491	28,398	28,047	28,009	38	185	13	153	93
H.Terengganu	22,703	22,607	22,551	22,276	275	11	24	21	96
Setiu	19,308	19,291	19,251	19,231	20	30	7	3	17
Kuala Nerus	35,399	35,268	34,873	34,524	348	284	78	33	131

Nota:

- Unjuran Penduduk (Semakan Semula) berasaskan data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010.
- Menurut Akta Kanak-kanak 2001 yang dikemaskini sehingga tahun 2016, takrifan kanak-kanak:
  - ertinya seseorang yang di bawah umur lapan belas tahun; dan
  - Berhubung dengan prosiding jenayah,ertinya seseorang yang sudah mencapai umur bagi tanggungjawab jenayah sebagaimana Kanun (World Assembly on Ageing 1982, Vienna) yang ditetapkan dalam seksyen 82).
- Bagaimanapun bagi definisi remaja tiada definisi khusus yang digunakan. Namun Dasar dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial Kebangsaan menetapkan umur remaja antara 13 – 24 tahun.
- Sehubungan itu, individu yang berumur 25 tahun ke atas dikategorikan sebagai orang dewasa.

Jadual 1(c): Penduduk remaja (13 – 24 tahun) mengikut jantina, kumpulan etnik dan daerah pentadbiran, Terengganu, 2017

Daerah Pentadbiran/  Jantina	Jumlah	Warganegara Malaysia						Bukan Warga- negara Malaysia	
		Jumlah	Bumiputera			Cina	India		Lain- lain
			Jumlah Bumi- putera	Melayu	Bumi- putera Lain				
<b><u>LELAKI</u></b>									
Jumlah	148,849	147,032	143,396	143,060	36	2941	302	393	1817
Besut	21,833	21,594	21,241	21,207	34	223	43	87	239
Dungun	22,984	22,711	22,118	22,100	18	419	39	135	273
Kemaman	22,549	22,209	21,311	21,191	120	755	105	38	340
K.Terengganu	30,154	29,793	28,811	28,770	41	884	51	47	361
Marang	15,006	14,842	14,475	14,466	9	318	5	44	164
H.Terengganu	10,417	10,191	10,046	9974	72	121	18	6	226
Setiu	8,348	8,289	8274	8270	4	13	1	1	59
Kuala Nerus	17,558	17,403	17,120	17,082	38	208	40	35	155
<b><u>PEREMPUAN</u></b>									
Jumlah	141,451	139,761	136,698	136,350	348	2440	245	378	1,690
Besut	21,100	20,813	20,569	20,517	52	158	14	72	287
Dungun	21,023	20,748	20,273	20,239	34	372	32	71	275
Kemaman	22,283	21,904	21,022	20,904	118	717	83	82	379
K.Terengganu	28,604	28,252	27,315	27,274	41	820	70	47	352
Marang	13,927	13,758	13,544	13,536	8	179	14	21	169
H.Terengganu	9,866	9,776	9,713	9,636	77	13	15	37	88
Setiu	8,173	8,137	8,086	8,084	2	7	2	42	36
Kuala Nerus	16,475	16,371	16,176	16,160	16	174	15	6	104
<b><u>JUMLAH</u></b>									
Jumlah	290,300	28,6793	280,094	279,410	684	5381	547	771	3507
Besut	42,933	42,407	41,810	41,724	86	381	57	159	526
Dungun	44,007	43,459	42,391	42,339	52	791	71	206	548
Kemaman	44,832	44,113	42,333	42,095	238	1472	188	120	719
K.Terengganu	58,758	58,045	56,126	56,044	82	1704	121	94	713
Marang	28,933	28,600	28,019	28,002	17	497	19	65	333
H.Terengganu	20,283	19,969	19,759	19,610	149	134	33	43	314
Setiu	16,521	16,426	16,360	16,354	6	20	3	43	95
Kuala Nerus	34,033	33,774	83,296	33,242	54	382	55	41	259

Nota:

1. Unjuran Penduduk (Semakan Semula) berasaskan data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010.
2. Menurut Akta Kanak-kanak 2001 yang dikemaskini sehingga tahun 2016, takrifan kanak-kanak:
  - a. ertinya seseorang yang di bawah umur lapan belas tahun; dan
  - b. Berhubung dengan prosiding jenayah,ertinya seseorang yang sudah mencapai umur bagi tanggungjawab jenayah sebagaimana Kanun (World Assemby on Ageing 1982, Vienna) yang ditetapkan dalam seksyen 82).
3. Bagaimanapun bagi definisi remaja tiada definisi khusus yang digunakan. Namun Dasar dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial Kebangsaan menetapkan umur remaja antara 13 – 24 tahun.
4. Sehubungan itu, individu yang berumur 25 tahun ke atas dikategorikan sebagai orang dewasa.

Jadual 1(d): Penduduk dewasa (25 tahun dan ke atas) mengikut jantina, kumpulan etnik dan daerah pentadbiran, Terengganu, 2017

Daerah Pentadbiran/  Jantina	Jumlah	Warganegara Malaysia						Bukan Warga- negara Malaysia	
		Jumlah	Bumiputera	Cina	India	Lain- lain			
		Jumlah	Melayu	Bumi- putera Lain					
		Bumi- putera							
<b><u>LELAKI</u></b>									
Jumlah	311,120	294,383	282,906	282,167	739	10,158	1,047	272	16,737
Besut	39,034	37,872	37,036	37,001	35	670	96	70	1,162
Dungun	46,286	44,333	42,668	42,621	47	1,503	117	45	1,953
Kemaman	54,076	48,657	45,803	45,587	216	2,502	312	40	5,419
K.Terengganu	66,384	64,678	60,751	60,635	116	3,674	204	49	1,706
Marang	29,350	28,116	27,259	27,212	47	774	64	19	1,234
H.Terengganu	22,076	19,662	19,475	19,379	96	121	56	10	2,414
Setiu	15,154	13,756	13,677	13,660	17	70	3	6	1,398
Kuala Nerus	38,760	37,309	36,237	36,072	165	844	195	33	1,451
<b><u>PEREMPUAN</u></b>									
Jumlah	299,323	289,698	280,152	279,558	594	8,582	698	266	9,625
Besut	37,415	36,124	35,583	35,555	28	432	52	57	1,291
Dungun	43,712	42,245	41,106	41,049	59	1,039	63	35	1,467
Kemaman	45,020	42,974	40,708	40,538	170	2,024	203	39	2,046
K.Terengganu	68,797	66,572	62,878	62,784	94	3,455	193	46	2,225



Marang	28,133	27,477	26,804	26,794	8	599	59	15	656
Hulu Terengganu	20,501	19,785	19,662	19,575	87	103	15	5	716
Setiu	14,982	14,495	14,420	14,411	9	42	2	31	487
Kuala Nerus	40,763	40,026	38,989	38,850	139	888	111	38	737
<b>JUMLAH</b>									
Jumlah	610,443	584,081	563,058	561,725	1,333	18,740	1,745	538	26,362
Besut	76,419	73,996	72,619	72,556	63	1102	148	127	2,453
Dungun	89,998	86,578	83,776	83,670	106	2,542	180	80	3,420
Kemaman	99,096	91,631	86,511	86,125	386	4,526	515	79	7,465
K. Terengganu	135,181	131,250	123,629	123,419	210	7,129	397	95	3,931
Marang	57,483	55,593	54,063	54,008	55	1,373	123	34	7,890
H. Terengganu	42,577	39,447	39,137	38,954	183	224	71	15	3,130
Setiu	30,136	28,251	28,097	28,071	26	112	5	37	1,885
Kuala Nerus	79,523	77,335	75,226	74,922	304	1,732	306	71	2,188

Nota:

1. Unjuran Penduduk (Semakan Semula) berasaskan data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010.
2. Menurut Akta Kanak-kanak 2001 yang dikemaskini sehingga tahun 2016, takrifan kanak-kanak:
  - a. ertinya seseorang yang di bawah umur lapan belas tahun; dan
  - b. Berhubung dengan prosiding jenayah,ertinya seseorang yang sudah mencapai umur bagi tanggungjawab jenayah sebagaimana Kanun (World Assembly on Ageing 1982, Vienna) yang ditetapkan dalam seksyen 82).
3. Bagaimanapun bagi definisi remaja tiada definisi khusus yang digunakan. Namun Dasar dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial Kebangsaan menetapkan umur remaja antara 13 – 24 tahun.
4. Sehubungan itu, individu yang berumur 25 tahun ke atas dikategorikan sebagai orang dewasa.

SOALAN 2 : Berapakah pendapatan purata isi rumah di Terengganu serta pecahan mengikut bidang pekerjaan mereka?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(4A)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 3 : Indek Harga Pengguna dan Indek Kadar Inflasi terkini masing-masing menunjukkan kenaikan pada kedudukan 3.5 dan 3.7 peratus. Apakah masalah dan kesan utama di Negeri Terengganu dan penyelesaiannya?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(4A)(a) Peraturan-Peraturan dan

Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

**MESYUARAT KETIGA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS**  
**PADA 11 HINGGA 14 DISEMBER 2017 (BAJET)**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 4.1.7**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. MOHD NOR BIN HAMZAH**  
**WAKIL BUKIT PAYUNG**

SOALAN 1 : Apakah TDM telah berjaya mengeluarkan nama daripada senarai syarikat-syarikat tidak patuh syariah yang diumumkan oleh Suruhanjaya Sekuriti? Jika tidak, sila nyatakan sebabnya dan apakah usaha kerajaan untuk menanganinya?

JAWAPAN : TDM masih belum berjaya dikeluarkan dari senarai syarikat

yang tidak patuh Syariah oleh Suruhanjaya Sekuriti

Ini adalah disebabkan oleh pendapatan faedah dari instrument pembiayaan berstruktur (Structured Finance) oleh TDM yang telah melepasi tanda aras tidak patuh Syariah yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti.

Walaupun bagaimanapun, usaha sedang dijalankan oleh TDM bersama institusi kewangan yang terlibat untuk menukarkan instrument pembiayaan berstruktur (Structured Finance) yang sedia ada sekarang kepada instrument yang patuh Syariah.

SOALAN 2 : Sila nyatakan keluasan tanah dan jumlah aset Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (KUSZA) yang diserahkan atau dipindahmilik kepada Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)?

JAWAPAN : Tapak Kampus Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (KUSZA) letaknya atas tanah asalnya milik KUSZA yang memakai keterangan HS(D) 7026 PT 14553K seluas 38.291 hektar Mukim Batu Rakit dan PN 7029 Lot 30318 seluas 104.0000 hektar Mukim Kuala Nerus. Pada 30 Mac 2006 Rang Undang-undang berkenaan Enakmen Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (Pembubaran) 2006 telah diterbitkan dalam Warta Kerajaan Negeri Terengganu. Di dalam Enakmen tersebut secara jelas telah menetapkan pemindahan milik dan letak hak semua aset dan liabiliti KUSZA kepada Kerajaan Negeri Terengganu. Pada 1 Januari 2007, Enakmen Kolej Agama Sultan Zainal Abidin 1981 telah dimansuhkan dan KUSZA secara rasminya telah dibubarkan. Bermula dari tarikh tersebut KUSZA menjadi sebahagian daripada Universiti Darul Iman Malaysia (UDM) yang kini ditukar nama kepada Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA). Sehingga kini hanya sebahagian daripada tanah tapak Kampus UniSZA Gong Badak iaitu PT 100537 dengan keluasan 101.765 hektar (251.466 ekar) Mukim Kuala Nerus Daerah Kuala Nerus yang telah diluluskan (MMKN Kertas Bil. 192/2017 bertarikh 15 Februari 2017) kepada Kementerian Pengajian Tinggi melalui Pesuruhjaya Tanah Persekutuan

dengan Premium dikenakan RM71 juta. Sebahagian daripada tanah tersebut merupakan tapak bagi Projek Hospital Pengajaran UNiSZA.

SOALAN 3 : Sila nyatakan kos yang telah dibelanjakan dan jumlah pelancong sempena Tahun Melawat Terengganu 2017 sehingga 30 November 2017?

JAWAPAN : Sempena Tahun Melawat Terengganu 2017, sebanyak RM8.3 juta telah dibelanjakan merangkumi peruntukan bagi penganjuran pelbagai acara, program dan sumbangan kepada jabatan, agensi serta badan-badan NGO.

Sehingga Oktober 2017, anggaran jumlah pelancong yang diperolehi melalui pengiraan purata peratusan penginapan di hotel dan resort seluruh Negeri Terengganu adalah seramai 4,094,791 pelancong.

SOALAN 4 : Berapakah kos asal, penyelenggaraan dan kos keseluruhan baikpulihan kamera litar tertutup yang telah dipasang di sekitar Bandaraya Kuala Terengganu?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26 (4A)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 5 : Sila nyatakan perbandingan harga Barangan Keperluan Harian dan Bahan Asas Binaan antara 2015, 2016 dan 2017 dan apakah usaha kerajaan untuk menanganinya?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26 (4A)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

**MESYUARAT KETIGA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS (BAJET)**  
**PADA 11 HINGGA 14 DISEMBER 2017**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 4.1.8**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. DATO' HAJI TENGGU HASSAN BIN TENGGU OMAR**  
**WAKIL LADANG**

- SOALAN 1 : Sila nyatakan status terkini projek Bandar Baru Kijal. Apakah perancangan masa depan untuk pembangunan Bandar Baru ini?
- JAWAPAN : Status terkini pembangunan Bandar Baru Kijal adalah sedang giat pelaksanaan projek komersil dan pembangunan hospital. Perancangan masa hadapan adalah melengkapkan pembangunan infrastruktur agar dapat menarik pelabur terutama komponen kediaman.
- SOALAN 2 : Kerajaan pernah membina pusat penyembelihan di Gong Badak. Apakah ianya masih beroperasi dan digunakan secara optimum?
- JAWAPAN : Pusat Penyembelihan Gong Badak (Kompleks Abatoir) Kuala Terengganu masih beroperasi dan digunakan secara optimum.

SOALAN 3 : Bagaimana kedudukan Pangsapuri Ladang Tok Pelam. Berapa unitkah yang telah dijual dan berapakah kos untuk satu unit?

JAWAPAN : Status kedudukan Pangsapuri Ladang Tok Pelam, Kuala Terengganu sehingga 27 November adalah sebagaimana berikut:

Jumlah unit : 407 unit

Jualan : 149 unit

Jualan bertempoh (sewa beli) : 172 unit

Kuarters : 50 unit

Baki : 36 unit

Harga bermula dari RM 225,000.00 hingga RM 248,000.00 (mengikut kedudukan tingkat dan pemandangan)

Sementara baki 36 unit masih lagi dibuka untuk jualan kepada orang ramai.

SOALAN 4 : Sila nyatakan kemajuan pembinaan projek perparitan di Padang Negara. Berapakah kos projek ini dan siapakah kontraktor yang melaksanakannya. Bilakah projek ini akan siap sepenuhnya?

JAWAPAN : Kemajuan projek sebenar 88.0% berbanding jadual 77.0% pada 31 Oktober 2017 (Kehadapan +11.0%)

Kos projek : RM 15,801,859.90 (termasuk GST)

Kontraktor : Nasir Muda (M) Sdn. Bhd.  
B10, Tingkat 1, Bangunan Arked |  
Jalan Sultan Zainal Abidin,  
20000 Kuala Terengganu

Tarikh Siap : 27 Februari 2018

SOALAN 5 : Kerajaan Negeri telah meluluskan beberapa projek berkaitan pasir silika. Setakat ini berapakah projek yang telah diluluskan dan dalam bentuk bagaimana. Berapakah hasil yang kerajaan dapat daripada projek-projek ini?

JAWAPAN : Setakat ini terdapat Kerajaan Negeri telah meluluskan 3 Pajak Melombong (ML) bagi tujuan perlombongan pasir silika sebagaimana berikut:-

i. 2 kepada Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu (LTAWNT)

No. Pajakan (Keluasan) : ML 2/2014 (886.14 hektar)

: ML 3/2014 (29.23 hektar)

Kawasan : Darat Bari, Mukim Chaluk, Daerah Setiu.

Tempoh Pajakan : 21 tahun (26 Mac 2035)

ii. 1 kepada Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT)

No. Pajakan (Keluasan) : ML 4/2010 (67.987 hektar)

Kawasan : Bukit Senyamok,  
Mukim Abang,  
Daerah Dungun.

Tempoh Pajakan : 5 tahun (27 Februari 2015)  
dan pembaharuan 5 tahun  
(9 Mac 2021).

Hasil keseluruhan daripada ketiga-tiga ML ini berjumlah RM419,179.28.

**MESYUARAT KETIGA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS (BAJET)**  
**PADA 11 HINGGA 14 DISEMBER 2017**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 4.1.9.**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. ARIFFIN BIN DERAMAN**  
**WAKIL ALUR LIMBAT**

SOALAN 1 : Berapakah jumlah pelajar yang melanjutkan pelajaran dalam dan luar negara mengikut bidang dan negara yang ditaja oleh Kerajaan Negeri melalui Yayasan Terengganu dari tahun 2014 hingga 2017?

JAWAPAN : Jumlah pelajar yang melanjutkan pelajaran dalam dan luar negara mengikut bidang dan negara yang ditaja oleh Kerajaan Negeri melalui Yayasan Terengganu dari tahun 2014 hingga 2017 seperti perincian di bawah.

i. Dalam Negara

<b>TAHUN</b>	<b>BIL. PELAJAR</b>
2014	2,697
2015	2,239
2016	1,583
2017	1,853

- Kebanyakan mengikuti kursus dalam bidang sains, pengurusan dan kemahiran.

i. Luar Negara

<b>BIL</b>	<b>NEGARA/BIDANG</b>	<b>2014</b>	<b>2015</b>	<b>2016</b>	<b>2017</b>
1.	Jordan				
	i. Perubatan/Pergigian	51	78	82	62
	ii. Pengajian Islam	83	80	50	27
2.	Mesir – Perubatan/Pergigian	174	133	153	83
3.	Rusia-Perubatan	236	235	216	172
4.	Indonesia - Perubatan	11	16	45	59
5.	United Kingdom				
	i. Perubatan/Pergigian	9	11	8	7



	ii. Sains	14	23	14	24
	iii. Kejuruteraan	14	16	15	12
	iv. Lain-lain	8	11	15	9
6.	Jerman - Kejuruteraan	5	9	12	17
7.	Amerika Syarikat	1	4	4	3
8.	Australia	3	3	3	1
9.	Jepun	1	1	1	-
10.	Morocco	1	2	2	2
11.	China –Aviation	4	4	-	-
<b>JUMLAH</b>		<b>615</b>	<b>626</b>	<b>620</b>	<b>478</b>

SOALAN 2 : Berapakah peruntukan Kerajaan Negeri pada tahun 2017 untuk menaja pelajar kita keluar negara?

JAWAPAN : Peruntukan Kerajaan Negeri pada tahun 2017 untuk menaja pelajar kita ke luar negara ialah RM38,996.089.

SOALAN 3 : Senaraikan jumlah Dai dan Muallim di bawah MAIDAM mengikut daerah. Berapakah jumlah elaun yang dibayar kepada mereka?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

**MESYUARAT KETIGA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS (BAJET)**  
**PADA 11 HINGGA 14 DISEMBER 2017**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 4.1.10.**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. HAJI HANAFIAH BIN MAT**  
**WAKIL CHUKAI**

SOALAN 1 : Bilakah peruntukan tebatan banjir dan mendalamkan Sungai Kemaman akan dikeluarkan?

JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(6) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri

Terengganu.

- SOALAN 2 : Bilakah pembinaan Hospital Kemaman akan dilaksanakan?
- JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(6) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.
- SOALAN 3 : Berapakah kos kerajaan mengecat kapal terbang untuk "Beautiful Terengganu"?
- JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(3) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.
- SOALAN 4 : EPIC telah melancarkan 3 pakej besar projek, apakah kesan kepada ekonomi negeri?
- JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(4) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.
- SOALAN 5 : Kemasukan floating dock ke KSB pada 16 Ogos, berapakah projek yang dijalankan dan berapakah projek yang diterima?
- JAWAPAN : Petronas telah menjalankan usaha untuk mengurangkan kos di dalam semua perkhidmatan, sejajar dengan usaha tersebut EPIC telah memperkenalkan perniagaan baru iaitu perniagaan pembaikan dan penyelenggaraan kapal. Ini telah menjadikan Kemaman Port sebagai "one stop center" kepada kapal-kapal sokongan yang beroperasi di perairan Semenanjung Malaysia.
- Perniagaan baru ini membolehkan semua kapal diselenggarakan di dalam kawasan Kemaman Port dan mengurangkan kos perjalanan kapal-kapal ke luar negara untuk diselenggarakan. Ia juga dapat menjimatkan masa perjalanan dan pembaikan kapal-kapal tersebut.
- Kemasukan Floating Dock ke KSB pada 16 Ogos 2016 tetapi operasi pembaikan dan penyelenggaraan kapal bermula pada 30 Mei 2017 setelah pembinaan dermaga disiapkan dan juga lesen operasi diperolehi.
- Sejak operasi bermula, 14 vessel telah berjaya

diselenggarakan.

**MESYUARAT KETIGA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS**  
**PADA 11 HINGGA 14 DISEMBER 2017**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 4.1.11.**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. HAJI RIDZUAN BIN HASHIM**  
**WAKIL TELUK PASU**

- SOALAN 1 : Ketika membentangkan bajet 2017 pada 21 November 2016 yang lalu, pihak kerajaan ada mencadangkan peruntukan sejumlah RM16 juta bagi pembinaan tujuh buah masjid iaitu di Dungun, Kemaman, Marang, Setiu, Kuala Nerus dan Hulu Terengganu. Apakah status projek tersebut sehingga kini?
- JAWAPAN : Sebanyak enam (6) buah sedang dalam proses pembinaan dan satu (1) buah dalam proses pengeluaran Surat Setuju Terima.
- SOALAN 2 : Berapakah kos baikpulih Bangunan Dewan Sivik di Buluh Gading dan kos baikpulih gelanggang futsal di Tanjung Bunut dalam kawasan Dewan Undangan Negeri Teluk Pasu. Kepada kontraktor manakah kedua-dua projek tersebut diserahkan untuk membaikpulkannya?

JAWAPAN : Kerja-kerja baikpulih Bangunan Dewan Sivik di Buluh Gading dilaksanakan oleh Majlis Bandaraya Kuala Terengganu melibatkan kos sebanyak RM168,393.00 oleh kontraktor MF Teguh Bina Bersama.

Manakala kerja-kerja baikpulih Gelanggang Futsal di Tanjung Bunut dilaksanakan oleh Pejabat Daerah Kuala Terengganu melibatkan kos sebanyak RM112,900.00 oleh kontraktor Abd. Rashid bin Muhammad.

**MESYUARAT KETIGA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS**  
**PADA 11 HINGGA 14 DISEMBER 2017**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 4.1.12.**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. HAJI HISHAMUDDIN BIN ABDUL KARIM**  
**WAKIL TEPUH**

SOALAN 1 : Pohon nyatakan terimaan yang telah diperolehi kerajaan negeri dari sumber kerajaan pusat mengikut jenis hasil bagi tahun 2017?

JAWAPAN : Terimaan yang telah diperolehi kerajaan negeri dari sumber kerajaan pusat mengikut jenis hasil bagi tahun 2017 (sehingga 31 Oktober) adalah sebagaimana berikut:-

<b>Bil</b>	<b>Jenis Hasil</b>	<b>Jumlah (RM)</b>
1.	Terimaan Dana Khas (DKKP)	1,441,000.000.00
2.	Tunggakan Dana Khas	220,000,000.00
3.	Pemberian 50% Perbelanjaan Mengurus Jabatan Dibawah Senarai Bersama (JPH,JPS,JKM,MSN dan JPB)	47,772,323.00
4.	Pemberian Tahap	27,735,000.00
5.	Pemberian Hitung Kepala	18,813,780.00

6.	Pemberian Caj Perkhidmatan Projek Persekutuan	15,050,645.00
<b>JUMLAH</b>		<b>1,770,371,748.00</b>

SOALAN 2 : Sehingga Oktober 2017, berapakah jumlah kunjungan pelancong dalam dan luar negara yang telah mengunjungi Terengganu sempena TMT2017?

JAWAPAN : Sehingga Oktober 2017, anggaran jumlah pelancong yang diperolehi melalui pengiraan purata peratusan penginapan di hotel dan resort seluruh Negeri Terengganu adalah seramai 4,094,791 orang.

Daripada jumlah tersebut, jumlah pelancong domestik adalah seramai 3,275,833 manakala pelancong daripada luar negara adalah seramai 818,958 orang.

SOALAN 3 : Apakah inisiatif yang telah diterokai oleh MEN-T dalam membawa penyelesaian ekonomi semasa dan melonjakkan pertumbuhan ekonomi Negeri Terengganu?

JAWAPAN : Inisiatif-inisiatif yang telah diambil oleh MEN-T melalui UTEN-T adalah:-

- a. Mengadakan Makmal Transformasi Ekonomi Negeri Terengganu dengan kerjasama PEMANDU (Performance Management & Delivery Unit), Jabatan Perdana Menteri pada tahun 2015.
- b. Cadang membangunkan Hub Digital Terengganu di Ladang Tok Pelam
- c. Cadangan membangunkan Taman Teknologi Terengganu di Kg. Telaga Papan, Setiu
- d. Cadangan membangunkan Lembah Silika Terengganu di Jambu Bongkok, Marang

Dalam masa yang sama, UTEN-T sedang memudahcara (facilitate) projek-projek pelaburan swasta yang berimpak tinggi yang berminat menanam pelaburan mereka di Negeri Terengganu.

SOALAN 4 : Pohon dinyatakan jumlah pelaburan yang telah diperolehi sepanjang tahun 2016 dan 2017 oleh pihak Kerajaan Negeri dan berapakah nilai setiap projek pelaburan tersebut?

JAWAPAN : Jumlah pelaburan yang telah diperolehi sepanjang tahun 2016 dan 2017 adalah sebagaimana berikut:

Tahun	Jumlah Pelaburan	Jumlah Pelaburan Tempatan (RM)	Jumlah Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Keseluruhan
2016	5	743,533,720	1,368,716,280	<b>2,112,250,000</b>
2017	3	20,178,316	35,615,300	<b>55,793,616</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>8</b>	<b>763,712,036</b>	<b>1,404,331,580</b>	<b>2,168,043,616</b>

SOALAN 5 : Berapakah kos pembinaan Jambatan Angkat (Drawbridge)? Bilakah akan mula digunakan dan apakah faktor berlaku tempoh lanjutan masa?

JAWAPAN : Nilai kontrak pembinaan Jambatan Angkat (Drawbridge) adalah RM 248.7 juta dan adalah dijangka jambatan ini boleh mula beroperasi pada penghujung suku kedua tahun 2018.

Projek ini merupakan suatu projek yang kompleks dan faktor utama berlakunya tempoh lanjutan masa adalah disebabkan beberapa isu teknikal. Namun begitu isu-isu tersebut telah diselesaikan dan tidak memberi kesan yang signifikan.

**MESYUARAT KETIGA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS ( BAJET )**  
**PADA 11 DISEMBER HINGGA 14 DISEMBER 2017**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**

### **BILANGAN 4.1.13**

#### **SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH Y.B. HAJI WAN HAPANDI BIN WAN NIK WAKIL SURA**

- SOALAN 1 : Senaraikan jumlah projek pelaburan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Terengganu melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu bagi Daerah Dungun dari tahun 2010 hingga 2016?
- JAWAPAN : DITOLAK Menurut Perkara 26(4A)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.
- SOALAN 2 : Berapakah kos keseluruhan yang dibelanjakan bagi membina benteng dan pemecah ombak di sepanjang Pantai Teluk Lipat, Dungun sehingga kini ?
- JAWAPAN : Kos keseluruhan untuk membina benteng dan pemecah ombak di bawah kerja-kerja kecemasan oleh Kerajaan Persekutuan adalah RM18.16 juta bermula tahun 1997 – 2016.
- SOALAN 3 : Apakah tujuan Kerajaan Negeri mengawal tanah yang melebihi 3 hektar yang hendak dimajukan dengan mengenakan syarat berikut :-
- I. 20% perumahan kos rendah
  - II. 20% perumahan kos sederhana
  - III. 20% perumahan kos tinggi
  - IV. 40% pelbagai
- JAWAPAN : Dasar Perumahan Baharu Negeri Terengganu yang berkuatkuasa mulai 01 Januari 2017, kawalan bagi peratusan kemajuan tanah yang melebihi 3 hektar untuk pembangunan perumahan dikenakan bagi memastikan projek-projek perumahan berskala besar meliputi keperluan semua golongan dan memastikan rakyat yang berbagai kategori berpeluang memiliki tanah. Ianya juga dapat mengelak pemaju daripada membina rumah kos tinggi sahaja.
- Dasar Perumahan yang diterima pakai adalah sepertimana berikut:-

- I. 20% Perumahan Kos Rendah (RMM Jenis A) berharga tidak lebih RM68,000.00.
- II. 20% Perumahan Kos Sederhana Rendah (RMM Jenis B) berharga RM68,001.00 hingga RM185,000.00.
- III. 20% Perumahan Kos Sederhana (RMM Jenis C) berharga RM185,001.00 hingga RM300,000.00.
- IV. 40% Rumah / Kedai mengikut kebebasan pemaju.

SOALAN 4 : Berapakah jumlah rumah kos rendah yang telah dimajukan oleh pihak Kerajaan setelah tanah diserahkan oleh pemilik tanah yang melebihi 3 hektar?

JAWAPAN : Setakat ini tidak ada dasar daripada Kerajaan yang mensyaratkan pemaju perlu menyerahkan tanah mereka kepada Kerajaan bagi tujuan pembangunan perumahan kos rendah.

SOALAN 5 : Apakah impak rumah kucing di Pantai Teluk Lipat dalam usaha menarik pelancong ke Daerah Dungun?

JAWAPAN : Impak rumah kucing di Pantai Teluk Lipat telah berjaya menarik minat dan perhatian pihak NGO khususnya kelab pencinta kucing untuk mengunjungi tempat tersebut.

**MESYUARAT KETIGA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS ( BAJET )**  
**PADA 11 DISEMBER HINGGA 14 DISEMBER 2017**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 4.1.14**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. HAJI HILMI BIN HARUN**  
**WAKIL MANIR**

SOALAN 1 : Nyatakan bilangan permohonan perumahan yang diluluskan oleh Kerajaan dari 01 Januari 2013 hingga 30 November 2017? Serta jumlah keseluruhan peruntukan yang telah diberikan?

JAWAPAN : Bilangan permohonan perumahan yang telah diluluskan oleh



Kerajaan dari 01 Januari 2013 hingga 30 November 2017 adalah sebanyak 952 unit. Kos pembinaan untuk projek-projek tersebut adalah sebanyak RM131,446,000.00.

Butiran yang berkaitan adalah sebagaimana berikut:

BIL	DAERAH	PROJEK	UNIT	KOS (RM)
1	KUALA NERUS	RPMM PULAU REDANG	160	28,574,800.00
2	BESUT	RPMM TOK SABOH	72	10,350,000.00
3	KEMAMAN	RMM TELUK KALONG	500	60,488,000.00
		RMM SERI BANDI	220	32,033,200.00
<b>JUMLAH</b>			<b>952</b>	<b>131,446,000.00</b>

SOALAN 2 : Nyatakan lebihan kutipan zakat MAIDAM setelah dibahagikan kepada asnaf mengikut pecahan tahun, bermula dari 01 Januari 2006 hingga 30 November 2017?

JAWAPAN : Lebihan kutipan zakat MAIDAM setelah dibahagikan kepada asnaf mengikut pecahan tahun, bermula dari 01 Januari 2006 hingga 31 Oktober 2017 adalah sebagaimana berikut ;

TAHUN	LEBIHAN (RM)	CATATAN
2006	13,967,661.00	Lebihan
2007	18,475,001.00	Lebihan
2008	29,221,663.00	Lebihan
2009	21,778,062.00	Lebihan
2010	14,862,866.00	Lebihan
2011	23,252,061.85	Lebihan
2012	22,505,314.70	Lebihan
2013	54,377,263.84	Lebihan
2014	41,515,612.84	Lebihan
2015	3,290,121.35	Lebihan
2016	30,978,287.80	Defisit
2017	59,289,748.85 *	Defisit
<b>Jumlah</b>	<b>152,977,590.80</b>	<b>Lebihan</b>

\* Data adalah sehingga 31 Oktober 2017  
"Lebihan" adalah jumlah kutipan mengatasi agihan  
"Defisit" adalah jumlah agihan melebihi kutipan

**MESYUARAT KETIGA**  
**PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA**  
**DEWAN UNDANGAN NEGERI KETIGA BELAS (BAJET)**  
**PADA 11 HINGGA 14 DISEMBER 2017**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**  
**BILANGAN 4.1.15.**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH**  
**Y.B. HAJI ALIAS BIN HARUN**  
**WAKIL RANTAU ABANG**

SOALAN 1 : Apakah status program Transformasi Gerai Desa yang diberikan peruntukan oleh Kerajaan Negeri sebanyak RM3.3 juta melalui Yayasan Pembangunan Usahawan? Nyatakan jumlah pecahan mengikut daerah?

JAWAPAN : Sebanyak 669 permohonan yang telah diterima oleh YPU dari usahawan di bawah Program Transformasi Gerai Desa dan Program Bantuan Dana Gerai Desa pada tahun 2017. Pecahan sepertimana berikut:

PROGRAM BANTUAN DANA GERAJ DESA

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>BIL USAHAWAN</b>
1.	Besut	133
2.	Setiu	206
3.	Kuala Nerus	50
4.	Marang	24
5.	Hulu Terengganu	110
6.	Dungun	50
7.	Kemaman	86
<b>JUMLAH</b>		<b>609</b>

PROGRAM TRANSFORMASI GERAJ DESA

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>BIL USAHAWAN</b>
1.	Kuala Terengganu	10
2.	Kuala Nerus	6
3.	Dungun	7
4.	Besut	11
5.	Setiu	12
6.	Hulu Terengganu	10
7.	Marang	2
8.	Kemaman	2
<b>JUMLAH</b>		<b>60</b>

SOALAN 2 : Dengan peruntukan 65.7 juta kepada pembangunan Belia dan Sukan, apakah program yang telah dilaksanakan dalam melahirkan golongan remaja dan belia yang mempunyai jatidiri dan bebas daripada jenayah dan berapakah kosnya?

JAWAPAN : DITOLAK menurut perkara 26(4A)(a) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 3 : Apakah usaha yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan dalam memajukan kawasan persisiran Sungai Dungun sebagai lokasi tarikan pelancong dan berapakah kos yang telah dibelanjakan?

JAWAPAN : Majlis Perbandaran Dungun mencadangkan untuk membina "Dungun Riverfront Esplanade" pada kos RM 10 juta dan kini

menunggu kelulusan daripada Jabatan Landskap Negera.

Selain itu, pihak MPD juga telah memohon kelulusan untuk pembangunan Jeti Pelancongan ke Pulau Tenggol yang mana lokasi terletak berhampiran Jeti LKIM sedia ada. Anggaran Kos pembangunan ini adalah berjumlah RM2 juta termasuk beberapa kemudahan sokongan.

SOALAN 4 : Apakah status pembinaan sistem saluran Gong Pasir, Dungun?

JAWAPAN : Projek ini dalam pelaksanaan dan kemajuan kerja 94% pada 23 November 2017 dan dijangka siap mengikut jadual.

NAMA PROJEK : Membina Dan Menyiapkan Sistem Saliran Gong Pasir Fasa 1 Bagi Projek Tebatan Banjir, Dungun, Terengganu.

NO. PROJEK : JPS/N/TG/TB/6/1

KOS PROJEK : RM13,621,000.00

TARIKH MULA : 14 April 2016

TARIKH SIAP : 12 Oktober 2017

EOT : 17 Januari 2018

NAMA KONTRAKTOR : PERMAIZ CONSTRUCTION SDN. BHD.

SOALAN 5 : Apakah hasil penyelidikan pembangunan Projek Teknologi Hijau "Waste to Wealth" antara kerajaan dengan Syarikat Mercu Resolution Sdn Bhd dan Renescience A/S, anak syarikat DONG Energy yang berpangkalan di Denmark.

JAWAPAN : Syarikat Mercu Re Solution Sdn. Bhd. (MRSB) merupakan pelabur bagi projek ini di mana ianya melibatkan pemprosesan sisa buangan perbandaran yang akan diproses melalui kaedah mesra alam dengan menggunakan teknologi Renescience dari Syarikat Dong Energy yang berpangkalan di Denmark.

MRSB telah membuat penyelidikan dan kajian terperinci bagi pelaksanaan projek ini termasuklah dari segi kuantiti dan komposisi sampah yang menjadi sumber bahan mentah utama dalam pemrosesannya. Antara hasil penyelidikan dari proses kitar semula melalui Teknologi Renaissance ini adalah penghasilan produk-produk berikut:-

- i. Penghasilan gas untuk penjanaan tenaga elektrik dengan anggaran sebanyak 5 megawatt hasil daripada proses kitar semula sisa buangan seberat 400 tan metrik di Tapak Pelupusan Sampah Sungai Ikan, Kuala Nerus.
- ii. Bahan-bahan gunaan dan binaan untuk industri Hortikultur.
- iii. Plastik 2D dan 3D yang boleh dijadikan bahan mentah untuk industri hiliran lain.
- iv. Minyak Diesel dengan Grek Euro 5 hasil daripada bekas-bekas plastik terbuang.

Teknologi ini juga akan menghasilkan hanya 10% sahaja bahan buangan yang tidak dapat diproses dan dilupuskan semula ke dalam tapak pelupusan. Ini akan memanjangkan jangka hayat pusat pelupusan sampah sedia ada sehingga 10 kali ganda sekaligus akan mengurangkan tekanan kepada pihak-pihak Berkuasa Tempatan dalam mengesan lokasi baharu bagi tapak pelupusan sampah baharu andainya tapak perusahaan sedia ada tidak lagi berupaya menampung jumlah sampah-sampah yang ada.

MRSB dan Kerajaan negeri berkeyakinan dalam pelaburan ini yang mampu menawarkan peluang-peluang keusahawanan dan pekerjaan kepada rakyat negeri. Atas komitmen dan pelaburan projek yang 'viable' ini, Kerajaan Negeri dan MRSB telah menandatangani satu Perjanjian Pembangunan pada 30 November 2016 bagi memastikan projek ini terlaksana mengikut terma-terma yang ditetapkan.